

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**  
**(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA PANTAI BARAT (LPB)**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
  - a) Sila perjelaskan apakah status terkini pembinaan LPB ?
  - b) Sila nyatakan apakah kekangan utama yang menyebabkan proses pembinaannya masih tertangguh walaupun sudah berulang kali diwar-warkan ?
  - c) Sila nyatakan sejauh manakah impak projek LPB terhadap pembangunan ekonomi Selangor dalam tempoh jangka pendek dan jangka panjang ?

**JAWAPAN:**

- a) Projek pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (LPB) masih tertangguh disebabkan beberapa faktor seperti proses penyediaan pelan pengambilan balik tanah (Seksyen 4) yang masih dilaksanakan secara berperingkat walaupun terdapat sebahagianya telah memasuki proses pewartaan berdasarkan kepada Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.
- b) Kekangan utama pembinaan projek ini ialah *condition precedent* (CP) yang telah dikenakan kepada pihak West Coast Expressway Sdn. Bhd. setelah perjanjian telah ditandatangani pada bulan Januari 2013. Antara syarat-syarat di bawah CP yang dikenakan ialah pengesahan bukti pembiayaan dan mengadakan bancian / tinjauan umum (*public opinion survey*) mengenai cadangan pembinaan lebuhraya ini. Setelah semua keperluan ini dipenuhi, perjanjian konsesi yang telah ditandatangani dapat dikuatkuasakan. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan tegas telah menyatakan pendirian bahawa beberapa syarat perlu dipatuhi dalam pelaksanaan projek LPB iaitu :
  - i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
  - ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
  - iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatkan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat.

- c) Pembinaan projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat telah dikenalpasti oleh pihak LLM bertujuan menampung keperluan trafik semasa dan akan datang. Ianya juga bertujuan untuk mengurangkan kesesakan trafik di lebuhraya sedia ada yang mengalami kesesakan pada waktu puncak dan musim perayaan serta menyediakan jalan hubungan di antara lebuhraya-lebuhraya sedia ada untuk kemudahan pengguna.

Pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat ini akan membantu perkembangan sosio-ekonomi serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi melalui pertumbuhan kawasan perindustrian dan bandar-bandar baru serta pembangunan penempatan baru terutama di sepanjang koridor lebuhraya. Ianya akan merangsang pembangunan sosio ekonomi sepanjang jajaran koridor di Negeri Selangor. Projek ini juga akan memberikan limpahan pembangunan kepada penduduk sekitarnya dan nilai harta tanah di sepanjang jajaran lebuhraya juga akan naik mendadak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: KENAIKAN TARIF AIR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Negeri tidak akan menaikkan tarif air dalam masa 5 tahun memandangkan rakyat Selangor menghadapi masalah bekalan air?
  - Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri akan lakukan untuk memastikan bekalan air mencukupi kepada Rakyat, terutamanya di DUN Teratai?
  - Mengapakah kawasan Zon 24 MPAJ masih menghadapi masalah bekalan air walaupun catuan air telah tamat?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, Perjanjian Konsesi SYABAS masih berkuat kuasa dan memperuntukkan kadar kenaikan tarif setiap tiga tahun sekali seperti berikut:-

Pelarasan Tarif	Tarikh Pelarasan Tarif	Average Schedule Tariff (RM/m <sup>3</sup> )
Pelarasan Pertama	01 Januari 2006	1.39
Pelarasan Kedua	01 Januari 2009	1.90
Pelarasan Ketiga	01 Januari 2012	2.38
Pelarasan Keempat	01 Januari 2015	2.86
Pelarasan Kelima	01 Januari 2018	3.15
Pelarasan Keenam	01 Januari 2021	3.31
Pelarasan Ketujuh	01 Januari 2024	3.48
Pelarasan Kelapan	01 Januari 2027	3.65
Pelarasan Kesembilan	01 Januari 2030	3.83

Pelarasan Tarif purata air terawat pertama telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Oktober 2006 dan berkuat kuasa mulai 1 November 2006 di mana kadar tarif yang digunakan sehingga hari ini adalah berdasarkan kepada kadar yang diluluskan pada tahun 2006 tersebut.

Pelarasan tarif kedua yang sepatutnya berkuatkuasa bermula pada 01 Januari 2009 hingga 31 December 2011, namun Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor di mana kepentingan rakyat adalah merupakan keutamaan di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk di dalam perkhidmatan air, maka Kerajaan Negeri tidak bersetuju untuk menguatkuaskan sebarang pelarasan tarif.

Lanjutan dari tiada sebarang kenaikan tarif seperti yang dijadualkan pada tahun 2009, SYABAS telah memulakan tindakan mahkamah bagi menuntut pampasan kerana ketiadaan kenaikan kadar tarif baru. Kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah dan belum ada sebarang keputusan ke atas tuntutan SYABAS tersebut.

Namun sekiranya Perjanjian Konsesi SYABAS ini masih dikuatkuasakan dan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor tidak dimuktamadkan menurut Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri tidak mempunyai kawalan secara langsung ke atas pelarasan tarif oleh SYABAS. Apatah lagi, di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS memang telah diperuntukkan mengenai kenaikan tarif setiap tiga tahun sekali. Dijangkakan mengikut peruntukan di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS, untuk tempoh lima tahun lagi, terdapat dua kali lagi kenaikan yang boleh dituntut oleh SYABAS, iaitu pada tahun 2015 dengan kadar tarif purata sebanyak RM2.86 setiap meter padu dan pada tahun 2018 dengan kadar tarif purata sebanyak RM3.15 setiap meter padu. Sekiranya perjanjian konsesi SYABAS ini diteruskan, pada tahun 2030 kadar tarif purata yang bakal dibayar oleh pengguna Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak RM3.83 setip meter padu.

SYABAS adalah sebuah syarikat swasta, di mana keuntungan masih merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan. Manakala bagi Kerajaan Negeri Selangor, keuntungan bukanlah matlamat utama di dalam industri perkhidmatan air sebaliknya penetapan kadar tarif yang munasabah di samping menyediakan perkhidmatan pembekalan air yang efisien adalah menjadi matlamat utama. Dalam mencapai hasrat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, kepentingan rakyat adalah merupakan keutamaan di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk di dalam perkhidmatan air.

Oleh sebab terdapat jurang perbezaan di dalam matlamat SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor di dalam memberikan perkhidmatan bekalan air, jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Melalui penstrukturkan semula ini, operator perkhidmatan air yang baru dapat diujudkan di mana operator air tersebut adalah terdiri dari syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam melaksanakan penyusunan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil kira aspek-aspek berikut:-

- i) Menjurus kepada penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pemegang konsesi;
- ii) Meneliti dan menstrukturkan semula kos-kos operasi terutamanya pembelian air terawat yang pada masa ini amat membebankan;
- iii) Mengenakan tarif air pada kadar yang munasabah dan berdasarkan prestasi dan pencapaian KPI syarikat pengendali perkhidmatan;
- iv) Memastikan struktur baru yang diwujudkan mengutamakan peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkuuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya; dan
- v) Melibatkan PAAB di peringkat awal dalam proses pengambilalihan dan penyusunan semula ini.

Melalui Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan bahawa SPV yang bakal diwujudkan di bawah Model dipantau sepenuhnya bagi memastikan SPV ini beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan. Sebagai SPV yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa penuh untuk memantau agar SPV ini akan mendapat *one time profit*, yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melampaui. Dengan keuntungan yang tidak melampaui, SPV akan dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan munasabah.

Selain dari itu, SPV yang beroperasi secara holistik ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing*) dan ini dapat memastikan kos operasi yang tidak membebankan kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh SPV akan dipantau secara langsung melalui kuatkuasa Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 (Akta 655). Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Ini dapat memastikan kadar tarif munasabah dapat dicapai.

Melalui peranan yang diambil oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), SPV tidak di beban dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana ia akan diambil alih oleh PAAB. Dengan kaedah ini, kos pembangunan tidak akan dipindahkan kepada pengguna dalam bentuk kenaikan tarif.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Sebagai sebuah syarikat SPV yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Justeru itu, dengan pelaksanaan penstruktur semula industri perkhidmatan air, rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, segala sumber yang diperoleh akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang munasabah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m<sup>3</sup> air percuma.

- b) Kawasan DUN Teratai mendapat bekalan air dari Rumah Pam Wangsa Maju. Kejadian henti tugas di Rumah Pam Wangsa Maju adalah berlaku kerana SYABAS tidak berkemampuan dan tidak kompeten di dalam mengendalikan rumah pam tersebut. Pada masa yang sama, SYABAS juga tidak mempunyai kakitangan yang mahir dalam mengendalikan Rumah pam Wangsa Maju hingga menyebabkan kerapnya berlaku henti tugas Rumah Pam tersebut sehingga menyebabkan gangguan bekalan air termasuk kawasan Dun Teratai.

Penyelesaian menyeluruh ke atas semua masalah yang menimpa penduduk DUN Teratai ini adalah melalui penstrukturran semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selain dari memuktamadkan penstrukturran semula, Projek Mitigasi 2 telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi dan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2015. Pada masa yang sama juga, Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan kewangan kepada SYABAS untuk mengatasi masalah Rumah Pam Wangsa Maju. Dijangkakan kerja-kerja menaik taraf Rumah Pam ini akan siap sepenuhnya dalam tahun 2014. Dengan siapnya kerja-kerja menaik taraf tersebut, ia dapat meningkatkan kapasiti kadar pengepaman sedia ada di rumah pam.

Selain dari pelaksanaan projek-projek di atas, Kerajaan Negeri Sleangor juga menggesa agar SYABAS dapat mengurangkan kadar NRW. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, SYABAS menjanjikan penurunan NRW kepada 20% pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM784.1 juta. Namun kadar NRW pada tahun 2011 yang dapat dicapai oleh pihak SYABAS adalah **melebihi 32%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM995.70 juta, jauh melebihi amaun yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi.

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

Kerajaan Negeri Selangor pada masa yang sama juga sedang membangunkan Projek *Hybrid of River Augmentation Storage/System* (HORAS) bagi menambah sumber air mentah di Sungai Selangor. Dengan terlaksananya projek HORAS ini, pengeluaran air terawat dari Loji SSP 1, SSP 2 dan SSP 3 dapat dioptimumkan pengeluarannya bagi menampung permintaan yang semakin bertambah.

Selain itu, persetujuan Kerajaan Negeri Selangor untuk membenarkan pelaksanaan Projek Langat 2 juga boleh membantu kawasan DUN Teratai kerana bekalan air dari Loji Langat 2 memang telah dirancang untuk menampung permintaan air bersih yang meliputi kawasan DUN Teratai.

- c) Kawasan Zon 24 MPAJ telah mendapat bekalan air tetapi masalah yang dihadapi adalah tekanan rendah. Kebanyakan paip utama dan paip komunikasi di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah dari jenis Galvanise Iron (G.I) dan Asbestos Cement (AC). Paip-paip ini kebanyakannya telah pun mencapai usia 40 tahun dan akibat faktor usia tersebut, pengaratan dalam paip berlaku menyebabkan saluran paip menjadi sempit dan kecil. Oleh itu, air tidak dapat disalurkan ke premis pengguna dengan cukup menyebabkan tekanan air menjadi rendah.

Selain dari faktor usia paip, tekanan rendah juga disebabkan oleh kadar permintaan yang telah meningkat akibat dari pembangunan kawasan baru dan pertambahan populasi penduduk di sesetengah kawasan. Disebabkan permintaan air yang berbeza mengikut kawasan terutamanya di kawasan yang padat penduduknya, yang mana ada kalanya kadar permintaan itu melebihi tahap pembekalan sedia ada dan secara tidak langsung telah mengakibatkan kekurangan bekalan air berlaku di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: ZON INDUSTRI DI MERU**

3. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
  - a) Berapakah kilang haram yang ujud di zon –zon ini? Senaraikan.
  - b) Adakah telah ada perancangan naiktaraf infra jalan dan longkang di Jalan Teratai?
  - c) Apakah status taraf jalan dan longkang di jalan Salleh yang telah dibangunkan banyak industri?

**JAWAPAN:**

- a) Sejumlah 192 kilang haram yang baru yang wujud selepas 2008 hingga 2014 di kawasan Majlis Perbandaran Klang. Senarai kilang haram seperti di lampiran A.
- b) Tiada perancangan naik taraf infra kerana jalan tersebut dibawah bidangkuasa pihak JKR.
- c) Jalan Salleh adalah dibawah bidangkuasa pihak JKR.

## **LAMPIRAN A**

### **SENARAI KILANG HARAM YANG WUJUD ANTARA TAHUN 2008 – 2013**

#### **MUKIM KAPAR**

BIL	NO. LOT	NAMA PENGUSAHA	ALAMAT
1	Lot 3348	Ann Yak Siong Hardware S/B (Eh Chiew Ho)	Batu 7 1/2, Jalan Kapar, Klang
2	Lot 3416	Greenhills Wood Product ( David Ting)	Batu 8 1/2, Jalan Kapar
3	Lot 4934	Ban Ngai Components S/B	Batu 6, Jln. Meru, 41050 Klang
4	Lot 7	Teguh Cemerlang S/B	Lot 7, Lingkaran Sultan Mohammed 2, Kaw. Perusahaan BSS, P.Klang
5	Lot 646	Sun Grace Chemical S/B	Lot. 646, Jln Keretapi Lama, 42100 Klang
6	Lot 1387	Autron Plastic Industries S/B	Lot 1367, Bt. 5, Jln. Kapar, 41400 Klang
7	Lot 103	Sing Lee Joinery Works Eyu Tek Chai	Jln. Kapar, Bt. 15, Tmn. Sri Wangi, 42200 Klang
8	Lot 106	Khoo Lee Leng	Bt. 14, Jln Kapar, 42200 Kapar
9	Lot 6570	CKE Marketing (Klg) S/B	Jln Kapar, Bt. 5 3/4, 42100 Klang
10	Lot 5633	Kilang Isi Sawit Sin Huat S/B	Bt. 13 1/2, 42200 Klang
11	Lot 17942	Coly Coating S/B	Bt. 14, Jln Kapar, 42200 Klang
12	Lot 3472	VRGQ Trading	Bt. 9, Jln Kapar, 42200 Klang
13	Lot 417	Khoo Chin Hooi	Bt. 10, Jln Kapar, 41400 Klang
14	Lot 3444	S2 Auto Parts (M) S/B	Jln. Kapar ,Bt. 8 1/2, Kg. Perepat, 41400 Klang
15	Lot 24423	Sen Huat Autoparts	Bt. 8 3/4, Jln Kapar, 42200 Klang
16	PT. 17058	Poly Mix Autoparts S/B	Bt. 8 3/4, Jln Kapar, 42200 Klang
17	376-B	Ang Kim Ow & Rakan-rakan	Bt.14, Jln Kapar, 42200 Klang
18	Lot 16388 (1061)		Jln. Tanjung Syawal, Klang
19	Lot 5064	Ekspress Semarak S/B	Pekan Meru, 41050 Meru, 41400 Klang.
20	Lot 5360	Tetuan Sani United S/B	Jln. Bukit Kuda, Kg. Kuantan, 41300 Klang
21	Lot 1470	Shuang Soon S/b	Jln. Kapar, 42200 Pekan Kapar

22	Lot 2693	Shukat Traders S/b (Pengusaha Lama)	Jln. Goh Hock Huat, Off Sg. Pinang, 41400 Klang
		Nabiha Palm Oil Sdn. Bhd (Pengusaha Baru)	
23	Lot 8297		Jln. Sg. Putus, 41400 Klang
24	Lot 24048	Syrkt. Motorgoh Servis Klang S/b	Jalan Istimewa, Batu Belah, 41200 Klang
25	Lot 2434	Sungai Rasak Motor Workshop	Jln. Dato' Mohd Sidin, 41300 Klang
26	Lot 3195	Weng Kian Trading	Lot 3195, Lebugraya Selat Klang, 41050 Klang
27	Lot 2568, 2569 & 2570	Daiko Pack S/B	Sungai Rasa, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang
28	Lot 3091	Wonderful Career Sdn. Bhd.	Shahpadu Highway Off Jalan Batu 3, Jalan Kapar, 41400 Klang
29	Lot 6713	Tohoku Auto Parts Sdn. Bhd	Batu 3, Jln Kapar, 42100 Klang
30	Lot 3537	En. Tee Ah Huat	Jln Keretapi Lama, Off Jln Kapar, 42200 Klang
31	Lot 5520	Aflatoon Trading S/B	Lot 5520 Batu 4 Jln. Kapar, 42100 Klang
32	Lot 844	Seiki Metal Industry (M) S/B	Jalan Kapar, Mukim Kapar
33	Lot 4978	Jaya Ikuiti S/B & Binaraya Builders S/B	Jalan Dahlia, Meru
34	Lot 6506	The Wah Hup Auto Enterprise	Jalan Sg. Puloh, Kapar
35	Lot 197	Beyond Auto Parts S/B	Jalan Haji Sirat
36	Lot 6715	Taj Auto Parts (M) S/B	Batu 2 3/4 Jalan Kapar
37	Lot 26382	Tetuan Multi Ways Haulage Sdn. Bhd.	No. 44-2A, Jalan Tampin 1, Off Jalan Goh Hock Huat, Taman Orkid.
38	1015	Kejuruteraan Weng Fatt	Lot 1015, Batu 1 1/2
39	5141	Pengusaha Bangunan	Lot 5141, Jalan Dahlia Meru,
40	2660	Dinesh Enterprise	Lot 2660 Persiaran Hamczah Alang
41	281	Jeram Coconut S/B	Lot 281 batu 12, Jalan Kapar
42	1306	Kim Lam Lee Trading Sdn Bhd	Lot 1306, Jalan Harper
43	176	Kian Kee Kiln Sdn Bhd	Lot 176, Jalan Pasar
44	17414	Tetuan Shum Yip Leong Rubber Work S/B	Lot 17414 Batu 1 1/4 Jalan Kapar
45	1859	Tetuan F1 Used Parts S/B	Lot 1859 Batu 1 3/4
46	1858	Tetuan May Auto Services Center & Bengkel Kenderaan Watford Enterprise	Lot 1858 Jalan Goh Hock Huat

47	37215	Tetuan Han San Metal Scrap Sdn. Bhd.	Lot 37215, Jalan Sungai Puloh
48	4308	Bengkel Kejuruteraan M&E Engineering	Lot 4308, jalan Lapis Tiga kanan, Batu 6, Sementa,
49	3102	Kedai Gunting Rambut Charm Maju Enterprise	Lot 3102 jalan Goh Hock Huat
50	3094	Tetuan PDS Auto Parts S/B	Lot 3094 Jalan Goh Hock Huat
51	3101	Tetuan Fader AirCond trading S/B	Lot 3101, Jalan Goh Hock Huat
52	6527	Tetuan MNK Water Technology S/B	Lot 6527, Batu 5 1/2
53	Lot 3105	Tetuan Ehsan Sayang Sdn. Bhd.	Lot 3105A, Batu 2 Sungai pinang
54	Lot 26380	Pemilik Bangunan Tokong	Lot 26380, Batu 2, Jalan Goh Hock Huat, 41400 Klang
55	Lot 16377	Tetuan Micro Dimension Concrete s/b	No 65-4 & 67-1, Jalan Cecawi 6/33, Kota Damasara, 47800 PJ
56	Lot 22570	Grand Enrich sb	Lot 22570, Jalan Sungai Puloh
57	Lot 11832	Kossan FRP Ind sb	Lot 11832, Jalan Sungai Puloh, Klang
58	Lot 6504	Woodpecker Wooden Industries Sdn. Bhd.	Lot 6504, Lorong Sungai Puloh
59	291 C	Arata Auto Centre Sdn Bhd	Arata Auto Centre Sdn Bhd
60	Lot 3562	Tetuan Eikobina (M) Sdn Bhd	Lot 3562, Jalan Keretapi Lama,
61	Lot 2393	Tetuan Sungai Besi Recycle Inds Sdn Bhd	Lot 2393, Jalan Dato Mohd Sidin.
62	Lot 4976	Boon Plastic Industries Sdn Bhd	No 42, Jalan Setia Damai, Shah Alam
63	Lot 6526	Teoh Chee Keong	No 39, Lorong Sambau 15 B, Telok Gadung Besar, Klang
64	Lot 35793	Fuzone Holding S/b	Lot 35793, Batu Enam, Taman Klang Utama.
65	Lot 22572	S.K Interlink Manufacturing sb	Lot 22572, Batu 5, Jalan Sungai Puloh.
66	Lot 22567&22568	MRI Metal Recovery Ind sb	Lot 22567 Jalan Sungai Puloh, Klang
67	Lot 6543	Everdure Klining (M) S/b	Lot 6543 Jalan Sungai Puloh, Klang
68	Lot 4341	Pusat Servis KrenWing Up Trading, Power Enterprise, Kong Brothers Services Resources.	Lot 4341, Jalan Kluang,Off jalan kapar
69	Lot 268	S.B Shan Ent	Lot 268 Jalan Goh Hock Huat.
70	Lot 6548	Ashita Recycle Sdn Bhd	Lot 6548 Jalan Sungai Keramat, Taman Klang Utama

71	Lot 1880	Soon Soon Trading Co, L.K.G Logistics S/B, Yew Ban Ent	Lot 1880 Jalan Goh Hock Huat, 41400 Klang.
72	Lot 17881	Fader Auto Parts Supply Sdn Bhd	Lot 17881, Jalan Hoh Hock Huat, 41400 Klang
73	Lot 6554	Everdure Klining (M) S/b	Lot 6554, Jalan Sungai Puloh, Klang
74	Lot 3481	Golden Resilient s/b	Lot 3481, Batu 9 1/4, Jalan Kapar
75	Lot 107	Pn. Salmah Bt. Abdullah	Lot 107, Batu 13 1/2, Jalan Kapar
76	Lot 6533	Mediarex sb	Lot 6533, Jalan Sungai Puloh, Klang.
77	Lot 35930	Yang Berkenaan	Lot 35930, Jalan Tiga, Off Jalan haji Sirat
78	Lot 2343	Yang Berkenaan	Lot 2343 Jalan Dusun
79	Lot 6532	Perfect Region s/b, Fertile (M) sb	Lot 6532, Jalan Sungai Puloh, Klang.
80	Lot 5144	Chong Lek Engineering Works Sdn Bhd	Lot 5144 Jalan Dahlia, Meru
81	Lot 5127	Rivo Precast SDn Bhd	Lot 5127 Jalan Dahlia
82	Lot 1696	Ek Auto Trading & Services	Lot 1696 Batu 2 1/2, Sungai Pinang
83	Lot 4711	Alam Bina Development Sdn Bhd	Lot 4711, Jalan Pasar Malam, 41050 Klang
84	Lot 5145	En.Kam Lang Fatt @ Kim Leng Fat	Lot 5145 Jalan Dahlia
85	Lot 5129	Marich Sdn Bhd	Lot 5129 Jalan Dahlia
86	Lot 5624	Sunlite Metal Art Engineering Work	Lot 5624 Lebuhraya Saelat Klang
87	Lot 4863	Deran Bin Kasan Muradi	No 140, Jalan Sri Kenangan, Taman Meru 3.
88	Lot 12777	Perniagaan SMJ Sdn Bhd	Lot 12777 Hsm 33546 Jalan Kebun Baru, Kampung perepat.
89	Lot 3627	Conlay Contruction Sdn Bhd	No 22, Tingkat 1, Jalan USJ 10/1, UEP
90	Lot 583	The Kim Tuck	No 56, Jalan Cempaka Sari 16/KU 6.
91	Lot 33179	En. Tan Tock Moi @ Tan Mai	No.68, Lot 33179, Batu 8 1/2, Kg. Perepat, 42200 Klang
92	Lot 7247 (lot 3884)	Ehsan Sejahtera Enterprise	Lot 7247 Jalan Durian, Klang.
93	Lot 6804	Mahnud B Ahmad	Lot 6804 Batu 5 1/2, Jalan Keretapi Lama,

Sumber : Data Unit Penguatkuasaan dan Setinggan  
 Jabatan Perancang Bandar, MPK  
 Tahun 2014

**MUKIM KLANG**

BIL	NO. LOT	NAMA PENGUSAHA	ALAMAT
1	Lot 1434	E-Cheong Auto Services	Jln. Sg. Jati
2	Lot 15728	Hai San Ice Industries Sdn Bhd	Jln. Pelabuhan Utara, Klang
3	Lot 95 & 96 (Lot Bersebelahan)	Shee Hock Leong & Sons Properties Sdn Bhd, Sheelim Holdings Sdn Bhd	Seksyen 2, Bdr. Pelabuhan Klg
4	Lot 6829 (PT 30176)	Asia Cryotanks Services Sdn Bhd, ZA Smart Technology Sdn Bhd	Jln. Johan Setia, Off Jln. Kebun Batu 6 1/2
5	PT 30173	Mohammad Daud B. Parman, Mohd Tahir Mohd Said	Jln. Johan Setia, Off Jln. Kebun Batu 6 1/2
6	PT 30219	Victory Auto Repair Sdn Bhd	Batu 5, Jln. Johan Setia, Bukit Rimau
7	PT 30073	KCSB Logistics Sdn Bhd	Jln. Johan Setia, Klang
8	Lot 9124	Lee Ah Lang	Jln. Ikan Tenggiri, Kg. Telok Gong, Pel. Klg
9	Lot 9137	Kerja-kerja tanah & Pagar	Jln. Ikan Tenggiri, Kg. Telok Gong, Pel. Klg
10	Lot 11892	Salingan Aktif Sdn Bhd , Kerjatanah & Binaan Pagar	Jln. Kg. Nelayan, Kg. Telok Gong, Pel. Klg.
11	Lot 7865	Indo Malay Metal Trding (Struktur Bangunan Barang Lusuh) Kerjatanah & Binaan Pagar	Jln. Pendamar, Pendamaran, Pel. Klg.
12	Lot 50701	Gudang Tempat Menyimpan Barang	Jln. Sri Sarawak, Tmn Sri Andalas,Klg.
13	PT 36897	W.P.S Enterprise Sdn Bhd Warisan Pustaka Sdn Bhd	Jln. Selat Selatan 16, Pelabuhan Klang.
14	Lot 14841	AUW Industries Sdn Bhd	Jln. Udang Galah 3, Telok Gong, Pel. Klg
15	Lot 18596	Kimix Concrete Sdn Bhd	Jln. Sentosa, Off Jln. Batu Unjur Pendamaran, Pelabuhan Klang.
16	Lot 56198	SKL Scrap Enterprise	Jln. Dato Abdul Hamid, Tmn Sentosa, Klg.
17	Lot 7989 & 7990	Sin Lean Hon Trading Sdn Bhd	Jln. Rasah, Pandamaran Klang.
18	Lot 14826		Jln. Udang Galah, Telok Gong, Pelabuhan Klang.
19	Lot 8958		Jln. Udang Galah, Telok Gong, Pelabuhan Klang.

20	Lot 9057	En. Lee Hock @ Lee Cheng Hock	Jln. Udang Galah, Telok Gong, Pelabuhan Klang.
21	Lot 9054	En. Lim Beng Song	Jalan Udang Galah, Telok Gong
22	Lot 15745		Jalan Pandamaran, Kampung Pendamar
23	Lot 8897	Tetuan Excellent Heritage (M) S/B & Tetuan Kilat Jaya Trading	Jalan Ikan Mata Duyung, Kampung Nelayan, Telok Gong
24	Lot 7813	Tetuan Act Ching Handling Equipment Services	Jalan Raja Lumu, Pandamaran
25	Lot 9014, 9015 & 9016	Crystal Safety Glass (M) Sdn Bhd	Jalan Telok Gong, Kg. Telok Gong
26	Lot 11946 & 11947	Tetuan Vintage Rainbow & Vision Sdn Bhd	Jalan Parajurit, Telok Gong, Pelabuhan Klang
27	Lot 8922		Jalan Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang
28	Lot 15044	En. Loo Boon Hwa, Loo Soon Huat, Loo Wen Ho & tetuan Asa Niaga Cable Drum S/B	Johan Setia
29	Lot PT 30192	Prima Bersatu Sdn. Bhd.	Jalan Johan Setia, 41200 Klang
30	Lot 11895	En. Jantan Bin Sharif	Jalan Ikan Bawal, Kg. Telok Gong, Pel. Klang
31	PT 30004	Tetuan Lingson Bina S/B	Jalan Johan setia, 41200 Klang
32	Lot 11292	Tetuan Sure Advantage Sdn. Bhd. & Tetuan Kinheng Furniture S/B	Jalan Perajurit 2, Telok Gong
33	Lot 14863	Tetuan Butas Jaya Sdn. Bhd.	Jalan Udang Gantung, Pelabuhan Klang
34	Lot 9070	Tetuan Cheng Wah Enterprise S/B	Jalan Udang Gantung, Pelabuhan Klang
35	Lot 9071		Jalan Udang Gantung, Pelabuhan Klang
36	Lot 7430	Tetuan Top Status KD S/B	Jalan Banting, Pandamaran
37	PT 13137		Jalan Banting, Pandamaran
38	PT 30214	Encik Kia Che Seng	Johan Setia, 42100 Klang
39	PT 30234	Tetuan Feri Laksamana Utama Sdn. Bhd.	Johan Setia, 42100 Klang
40	PT 30253	Tetuan Apex Jaya Industries	Johan Setia, 42100 Klang
41	PT 30308 B	Tetuan BTS Engineering S/B	Johan Setia, 42100 Klang
42	PT 30252	En. Medumcharian Munusamy @ Tetuan Apexjaya Industries	Johan Setia, 42100 Klang
43	Lot 14982	En. Pannirselvam A/L Mannar, Tetuan Lee Bee Hardware Enterprise	Johan Setia, 42100 Klang
44	PT 30386 A	Tetuan Viva Victory Sdn Bhd	Johan Setia, 42100 Klang
45	Lot 9175		Telok Gong

46	Lot 11898	Tetuan Bebas Dinamik Sdn. Bhd.	Telok Gong
47	Lot 8919	En. Tee Khong Hooi	Telok Gong
48	Lot 9020	Tetuan Jia Teck Industries S/B	Telok Gong
49	Lot 10431	Tetuan Eng Hock Tiling & Renovation (M) S/B, Tetuan Ing Bee Engineering S/B.	Sungai Jati
50	PT 126740	Tetuan Pride Domain S/B	Telok Gong
51	Lot 9125	En. Lew Sing Hing @ Teh Kang Sew	Telok Gong
52	Lot 9126	En. Lew Sing Hing @ Teh Kang Sew	Telok Gong
53	Lot 9117	En. Goh Tiong Guan	Telok Gong
54	Lot 15284	En Abdul Rashid Bin Asari	Telok Gong
55	Lot 9116	Encik Liaw Wi	Telok Gong
56	Lot 9134	Encik Ng Meng Chien	Telok Gong
57	Lot 9127	Encik Tee Chwee Seng	Telok Gong
58	Lot 9124	Encik Lee Ah Lang	Telok Gong
59	PT 14833	En. Tan Boi Lan	Teluk Gong
60	Lot 9002	Tetuan Allen Leong & Leong Yew Tuck	Telok Gong
61	PT 30206 (PT 80252)	Encik Ramli Bin Mohamad @ Papercon Packaging (M) S/B	Johan Setia, 42100 Klang
62	Lot 15046	Puan Rahmah Binti Kassim / Tetuan Green Forest Lumber S/B	Johan Setia, 42100 Klang
63	Lot 68525 (9076)	Encik Koh Wong Swee	Telok Gong
64	Lot 9233	En. Lim Kuang Wang & Tetuan Syarikat Heng Lae Trading Sdn. Bhd.	Telok Gong
65	Lot 9215	Lim Chin Poh	Telok Gong
66	Lot 11873	En. Satiman Bin Hj Aziz @ Tetuan E.H.W Engineering S/B	Telok Gong
67	PT 519	Encik Gew Ah Seng	Jalan Bukit Kerayong
68	Lot 9013	Puan Maimon Binti Mohamed	Telok Gong
69	Lot 11893	Teuan Medan Cemara S/B	Telok Gong
70	Lot 8933	En. Tan Chin Chuy @ Tan Chin Huat	Telok Gong

Sumber : *Data Unit Penguatkuasaan dan Setinggan  
Jabatan Perancang Bandar, MPK  
Tahun 2014*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN  
(SPAH)**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
  - a) Apakah langkah yang telah diambil bagi melaksanakan SPAH seperti yang diperuntukkan oleh Akta?
  - b) Bilakah pembangunan baru akan dikenakan syarat pemasangan SPAH?
  - c) Apakah program galakan bagi penggunaan air hujan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah menyambut baik dan melaksanakan Pelan Tindakan Kejiranan Hijau yang telah diwartakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menggariskan agar *Rainwater Harvesting System* atau Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) ini diguna pakai oleh bangunan-bangunan kerajaan, PBT dan juga bangunan individu sebagai salah satu langkah pengurusan air yang berkesan adalah sesuatu yang baik.

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan PBT akan mengadakan satu kajian bagi mengenal pasti potensi penggunaan sistem SPAH dan *On Site Detention* (OSD) untuk dimasukkan dalam pembinaan perumahan baru.

Sebagai tanda Kerajaan Negeri mengambil serius kepentingan SPAH Pelan Tindakan Kejiranan Hijau ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah membina sistem yang sama di Bangunan Dewan Jubli Perak bertujuan untuk mengelakkan penggunaan air bersih bagi kerja-kerja pembersihan, penyiraman pokok bunga dan '*toilet flushing*' seterusnya boleh menjimatkan / mengurangkan perbelanjaan bil air yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Projek ini akan siap sepenuhnya pada Ogos 2014.

- b) Kerajaan Negeri melalui PBT telah mewajibkan setiap permohonan pelan bangunan yang dikemukakan bagi rumah sesebuah, berkembar dan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan berbunga melebihi  $100m^2$  mengadakan SPAH pada pelan dan bangunan tersebut selaras dengan Pewartaan Pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2012.
- c) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar bercadang untuk menjalankan kempen kesedaran penjimatan air paip dan memanfaatkan air hujan melalui program-program yang akan dilaksanakan secara berperingkat di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pada masa yang sama, suatu mekanisma akan dikenalpasti untuk mendidik rakyat Negeri Selangor untuk mengamalkan penggunaan air hujan untuk tujuan harian seperti membasuh halaman dan kereta serta juga bagi tujuan tanaman. Saranan ini juga akan diperluaskan ke seluruh PBT untuk menggunakan tадahan air hujan ini bagi tujuan penyiraman pokok-pokok lanskap. Satu siri program yang berterusan akan dirangka bagi memastikan program ini berjaya dan berkesan untuk jangka masa yang panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR**

5. Terdapat banyak tanah-tanah terbiar yang telah diberi milik kepada rakyat Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan keluasan tanah-tanah terbiar mengikut daerah.
- b) Apakah langkah Kerajaan untuk memajukan tanah-tanah terbiar ?.
- c) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk merampas tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan .?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tiada senarai lengkap ke atas semua tanah-tanah terbiar mengikut daerah. Walaubagaimanapun, berdasarkan Laporan Pemantauan Aset Kerajaan (Tanah) Negeri Selangor, senarai keluasan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang terbiar dan telah dikenalpasti mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BILANGAN PLOT	LUAS (EKAR)
1.	Petaling	Tiada	Tiada
2.	Klang	10	185.71
3.	Gombak	5	241.82
4.	Hulu Langat	4	557.00
5.	Sepang	6	715.00
6.	Kuala Langat	3	1,380.00
7.	Kuala Selangor	6	376.84
8.	Hulu Selangor	5	930.45

9.	Sabak Bernam	4	2,916.00
<b>JUMLAH</b>	<b>43</b>		<b>7,302.82</b>

*Sumber: Laporan Pemantauan Aset Kerajaan (Tanah) Negeri Selangor*

- b) Kerajaan Negeri melalui Unit *Taskforce* dan Penyelidikan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah mengenalpasti beberapa tanah yang terbiar dan telah menjalankan kajian dari aspek potensi kemampuan fizikal tanah untuk penyediaan Pelan Perancangan Pembangunan bagi memajukan tanah-tanah tersebut. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi menghalang individu atau mana-mana kumpulan yang menceroboh tanah-tanah terbiar di bawah milikan Kerajaan Negeri. Lima pasukan penguatkuasaan khas telah diwujudkan bersama agensi-agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab untuk menjalankan operasi penguatkuasaan ke atas sebarang elemen pencerobohan.
  
- c) Bagi tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan oleh pemilik tanah, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Daerah akan menjalankan tindakan merampas tanah-tanah tersebut berdasarkan Kanun Tanah Negara (KTN) dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PELABUHAN KLANG SEBAGAI SHIPPING HUB**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Pelabuhan Klang terletak dalam sistem laluan pengangkutan maritim dunia dan merupakan di antara 35 pelabuhan yang terpenting dalam dunia maritim. Apakah usaha kerajaan negeri mengambil manfaat ini menjadikan Pelabuhan Klang sebagai penjana ekonomi negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Pelabuhan Klang terletak dalam sistem laluan pengangkutan maritim dunia dan merupakan di antara 35 pelabuhan yang terpenting dalam dunia maritim. Dalam merancang pembangunan di kawasan Pelabuhan Klang, pihak MPK telah mewujudkan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Pelabuhan Klang yang merupakan dokumen Pelan tindakan yang digunakan oleh MPK dalam menentukan hala tuju pembangunan masa hadapan.

Pelabuhan Klang merupakan pusat perhubungan dan pengangkutan utama di Malaysia dan penyumbang utama ekonomi negeri Selangor terutamanya dari segi sektor pengangkutan dan pembuatan serta menyokong perkembangan sektor perindustrian di kawasan ini. Ini menunjukkan Pelabuhan Klang mempunyai kepentingan dari segi sektor perindustrian dan pelabuhannya dalam konteks negeri Selangor.

Berdasarkan RSN Selangor, Bandar Pelabuhan Klang telah dikenalpasti sebagai pusat perkhidmatan utama kepada Pelabuhan Klang. Bandar Pelabuhan Klang juga telah dicadangkan sebagai sebahagian Zon Pembangunan Pelabuhan dan Maritim yang meliputi kawasan Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat. Sejajar dengan aktiviti pelabuhan dan pengangkutan yang sedia ada, aktiviti yang digalakkan untuk menyokong pembangunan "*transhipment hub*" dan penghantaran kargo di Asia Pasifik ialah aktiviti pelabuhan yang berdasarkan maritim.

Secara umumnya, bagi kawasan RKK ini, struktur guna tanah ditumpukan kepada 5 zon utama, iaitu:

- i. Pusat bandar dan pusat komersial di pertengahan kawasan RKK yang terletak di persimpangan Persiaran Raja Muda Musa dan Jalan Kem.
- ii. Kawasan perumahan stabil di sebelah timur Lebuh Raya Pelabuhan Utara yang merupakan zon kediaman utama.
- iii. Kawasan pelabuhan di pesisiran laut menjadi pemangkin bagi pembangunan kawasan RKK.
- iv. Kawasan industri pelabuhan di sebelah tenggara kawasan RKK bagi menyokong aktiviti pelabuhan.
- v. Kawasan pembangunan bercampur di sebelah barat Lebuh Raya Pelabuhan Utara untuk penggunaan institusi, perniagaan, rekreasi dan kediaman bagi menyokong aktiviti pelabuhan dan menyediakan kemudahan kepada pengunjung.

Cadangan aktiviti guna tanah dalam kawasan RKK Pelabuhan Klang adalah berdasarkan 5 zon utama iaitu; -

- i. Pusat Bandar
- ii. Perumahan
- iii. Institusi
- iv. Industri
- v. Kegunaan Khas

Antara aktiviti yang digalakkan dalam zon utama pada masa hadapan adalah:-

- i. Kompleks Jualan Bebas Cukai.
- ii. Pejabat Perkhidmatan dan Profesional
- iii. Pejabat Logistik atau Penghantaran
- iv. Penyelidikan dan Latihan Maritim
- v. Hotel dan Kemudahan Pelancongan
- vi. Pelancongan Maritim dan Kepulauan
- vii. Muzium Maritim
- viii. Seni Maritim, Kraf dan Kebudayaan
- ix. Kawasan Warisan Bandar
- x. Pusat Rekreasi dan Taman Tema
- xi. Pusat Hiburan
- xii. Kafe dan Restoran
- xiii. Kediaman ‘Waterfront’
- xiv. Jeti Pengangkutan Air

- xv. Jeti Perhentian Kapal Pelayaran
- xvi. Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu
- xvii. Terminal Kenderaan Berat
- xviii. Aktiviti Pelabuhan dan Pengendalian Kargo.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Central Spectrum (M) Sdn Bhd dibawah KDEB turut membangunkan kawasan - kawasan industri di Pulau Indah bagi menapung permintaan kawasan-kawasan industri yang berdekatan dengan kemudahan pelabuhan.

\*Sumber : MPK, RKK Pelabuhan Klang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: KEDUDUKAN KEMAJUAN NEGERI**

7. Bertanyakan kepada Y.A.B. Menteri Besar:
  - a) Apakah ukuran dan indikator Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia?
  - b) Apakah langkah yang diambil kerajaan untuk meningkatkan kemajuan sedia ada?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Ukuran kemajuan sesebuah negara dan negeri diukur menggunakan indikator-indikator yang berkaitan dengan ekonomi domestik, produktiviti, pasaran buruh, gunatenaga, infrastruktur teknologi, perdagangan antarabangsa, pendidikan dan infrastruktur asas. Pada Ogos 2005, negeri Selangor telah mendapak dada dengan mengisyiharkan bahawa negeri ini telah mencapai sebuah negeri maju. Untuk meraikan perkara tersebut, Kerajaan Negeri Selangor kini harus berpijak di bumi nyata. Kerajaan Negeri Selangor mendapatkan bahawa, apa sahaja indikator kemajuan yang digunakan, ia mestilah dituruti dengan keseimbangan sosioekonomi seluruh rakyat negeri Selangor. Perkara yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Selangor adalah :

- i) Menyeimbangkan ketidaksamarataan sosioekonomi dalam masyarakat melalui program-program yang dirangka dalam polisi Merakyatkan Ekonomi Selangor;
- ii) Menyeimbangkan jurang antara bandar dan luar bandar melalui penyediaan kemudahan yang setara dengan kemudahan di bandar; dan
- iii) Menyediakan infrastruktur dan utiliti yang efektif dan efisien dengan kos yang berpatutan.

Inilah perkara-perkara yang menjadi tumpuan Kerajaan Negeri Selangor yang dahulu telah tidak dirancang dengan teliti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN KOLAM TAKUNGAN SALIRAN MESRA ALAM  
(MSMA)**

8. Siapakah agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menyelenggarakan Kolam Takungan Saliran Mesra Alam (MSMA) di kawasan taman perumahan setiap PBT?

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan dalam rekod, berapakah MSMA yang ada di Daerah Kuala Langat?;
- b) Berapakah kos penyelenggaraan setiap satu MSMA?;
- c) Apakah skop kerja-kerja yang meliputi di dalam kos penyelenggaraan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan surat Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.(35)dlm.PWN.Sel.(A) RAHSIA 308/1/2 bertarikh 8 hb. September 2005 kepada JPS Selangor berhubung perkara “Memohon Ulasan Terhadap Penyediaan Kertas EXCO: Permohonan Tambahan Peruntukan bagi Menyelenggara Kolam Takungan Banjir Negeri Selangor DiBawah Peruntukan Mengurus B13-50500-28000.

Ulasan Perbendaharaan Negeri adalah seperti berikut:

**“Perbendaharaan Negeri berpendapat tanggungjawab untuk menyelenggara kolam takungan banjir diseluruh Negeri Selangor adalah dibawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan, bukannya JPS. Dalam hubungan ini, Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan tersebut dalam bajet 2006”**

Berdasarkan Minit Mesyuarat Cadangan Penyelesaian Isu Dan Masalah Berkaitan Kolam Takungan Saliran Mesra Alam (MSMA) yang diadakan pada 23 hb Mei 2011, yang dipengerusikan oleh Encik Baba Bin Hasan, Setiausaha Bahagian, Bhg. Sumber Air, Saliran dan Hidrologi, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar.

Dalam mesyuarat tersebut menyatakan;

**Perkara 2.1 (b) “Bahawa hak pemilikan bagi kolam takungan MSMA ini adalah dibawah hak Kerajaan Negeri memandangkan kolam tersebut dibina diatas tanah Kerajaan Negeri dan penyelenggaraan juga hendaklah dibawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan (berdasarkan Keputusan Mesyuarat Kabinet bertarikh 6hb Jun 1996).**

JPS hanya bertanggungjawab bagi penyelenggaraan sungai dan kerja-kerja tebatan banjir.

Secara umumnya, terdapat 27 kolam yang direkodkan di Daerah Kuala Langat.

- b) Kos penyelenggaraan yang diperlukan bagi setiap kolam adalah sebanyak RM120,000.00.
  
- c) Skop bagi kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan dengan kos penyelenggaraan sepertimana yang dinyatakan di atas, termasuk kerja-kerja pemotongan rumput dan semak samun serta pembersihan sampah di dalam kolam takungan. Selain itu juga kerja-kerja pembersihan dan pembuangan kelodak serta pembaikan struktur ‘inlet’ dan ‘outlet’ kolam takungan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PELAKSANAAN OSC 3.0**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
  - a) Berapa banyak PBT telah mula mengguna OSC 3.0? Berapakah kos yang perlu dibiayai oleh setiap PBT?
  - b) Apakah kelebihannya berbanding sistem OSC yang lama?
  - c) Berapa banyak sesi penerangan telah diadakan dengan pengguna-pengguna sistem OSC yang lama?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 1/2014 bertarikh 7 Januari 2014, Model Baru OSC ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2014. PBT akan menggunakan Model Baru OSC 3.0 ini mulai 1 Jun 2014 selaras dengan pekeliling tersebut. Bagi memastikan pelaksanaan prosedur ini berjalan lancar, mekanisma pelaksanaan perlu diperhalusi dan diperincikan kerana memberi implikasi terhadap prosedur dan proses kerja serta bebanan kerja di peringkat agensi teknikal dalaman dan luaran. Pelaksanaan OSC 3.0 tidak melibatkan pindaan undang-undang sedia ada, sehubungan itu tiada implikasi kos diperingkat PBT. Pelaksanaannya melibatkan penambahbaikan proses sedia ada selaras dengan amalan terbaik dunia.
- b) Dalam OSC 2007, peranan OSC adalah hanya setakat kelulusan pelan sahaja manakala OSC 3.0 pemantauan OSC adalah secara menyeluruh iaitu dari peringkat mula penerimaan permohonan sehingga CCC dikeluarkan. Model baru OSC 3.0 mengambilkira amalan-amalan terbaik dunia juga menepati metodologi Bank Dunia menaraf regulatori domestik bandar-bandar utama di dunia. 6 proses-proses utama yang diberi penekanan adalah pengumpulan data, pertimbangan permohonan, notifikasi mula kerja, pemeriksaan interim, pemeriksaan akhir dan pengesahan bangunan layak diduduki.

Pelaksanaan OSC 3.0 memberi faedah daripada aspek:

- i. Keseragaman urusan pengeluaran permit pembinaan;
- ii. Peningkatan kecekapan semua pihak terlibat;
- iii. Pengurangan kos pematuhan kepada pelabur;
- iv. Peningkatan pelaburan; dan
- v. Pertambahan peluang pekerjaan

- c) Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Urusan Pengeluaran Permit Pembinaan bagi semua PBT dan Agensi Teknikal Luaran yang terdiri daripada pegawai-pegawai memproses telah diadakan di setiap negeri dari 14 Februari 2013 hingga 19 November 2013.

Agensi-agensi teknikal yang turut serta dalam bengkel-bengkel tersebut adalah terdiri daripada Unit OSC, Jabatan Perancang PBT, Jabatan Bangunan PBT, Jabatan Kejuruteraan PBT, Jabatan Landskap PBT, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Tenaga Nasional Berhad, Pihak Berkua Air Negeri, Indah Water Konsortium Sdn Bhd/Majari Services Sdn Bhd dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

JKT turut mengadakan Seminar Pemantapan Pemahaman OSC 3.0 kepada para profesional yang terdiri daripada Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person-PSP*) dan Orang Yang Mengemukakan (*Submitting Person-SP*) pada 15 Mac 2014, 13 April 2014, 17 Mei 2014 dan 25 Mei 2014. Sesi pendedahan yang sama turut dibuat kepada pemaju/pemunya projek pada 18 April 2014 lalu.

JKT juga telah menganjurkan Seminar Pemantapan Pemahaman Kepada Model Baru OSC 3.0 terhadap 4 disiplin agensi teknikal di PBT sebanyak 4 siri melibatkan pegawai-pegawai dari Unit OSC, Jabatan Perancang, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan bertujuan memantapkan pemahaman dan penyesuaian OSC 3.0 kepada pegawai pemproses. 4 sesi telah diadakan pada 5 Mei 2014, 12 Mei 2014, 19 Mei 2014 dan telah berakhir pada 26 Mei 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PERTANIAN**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Apakah usaha sokongan Kerajaan Selangor bagi memastikan nasib golongan petani (padi) terbela dari sudut pendapatan bulanan?
  - Apakah insentif kerajaan kepada golongan belia yang berminat dan telah berusaha menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan?
  - Adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan produk pertanian mengikut daerah atau zon?

**JAWAPAN:**

- Antara usaha kerajaan bagi memastikan nasib golongan petani padi terbela dari sudut pendapatan bulanan adalah melalui pelaksanaan Program Natural Farming di kawasan Barat Laut Selangor. Konsep program ini adalah membimbang pesawah melalui kumpulan-kumpulan kecil untuk menggunakan aset setempat secara optimum kearah melaksanakan pertanian secara lestari disamping menjana pendapatan tambahan. Program ini juga merupakan salah satu strategi kearah peningkatan hasil padi.

Sehingga tahun 2013, sebanyak 15 Pusat Komuniti Pertanian Lestari (Natural Farming) yang telah ditubuhkan di kawasan barat laut dan seramai 124 petani telah terlibat dalam program ini. Program ini mampu menjana purata pendapatan tambahan sebanyak RM 1000 sebulan untuk petani dan pesawah yang terlibat hasil penjualan produk-produk Natural Farming yang dinamakan Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah.

- b) Golongan belia yang berminat untuk mengusahakan bidang pertanian, boleh memohon insentif melalui program-program berikut:

<b>BUTIRAN (KOD)</b>	<b>PROGRAM</b>
01000	Pembangunan Taman Agroteknologi (TKPM)
02000	Pembangunan Tanaman Makanan -Projek Padi, Sayur, Buah, Kelapa, Tanaman Ladang
03000	Pembangunan Tanaman Industri -Projek Nanas, Umbisi
04000	Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan -Projek orkid dan bunga-bungaan dan nurseri
05000	Pembangunan Industri Asas Tani
10000	Pembangunan Pertanian Bersepadu -Projek cendawan, integrasi lebah, herba
12000	Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan -Program latihan petani, seminar, kursus
13000	Pembangunan Tanah Bermasalah -Pembangunan pertanian di tanah gambut, asid sulfik, bekas lombong
14000	Pembangunan/Pengurusan Tanah Terbiar -Pembangunan projek pertanian di tanah individu yang telah terbiar melebihi 3 tahun.

**Maklumat Tambahan:**

Berikut adalah kadar insentif yang ditawarkan bagi setiap program kecuali Program 12000 (Program 12000 adalah program latihan, peruntukan tidak diberi kepada pemohon)

<b>Kod Projek</b>	<b>Nama Projek / Subprojek</b>	<b>Kadar Pembiayaan</b>	<b>Spesifikasi bantuan</b>	
01000	<i>Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan</i>	<b>(i) Pembangunan TKPM Baru</b>		
		<i>RM 20,000.00/ha</i>	<i>Pembersihan dan penyediaan tapak (termasuk pengukuran dan pembahagian lot, penyiasatan tanah dan kerja-pemuliharaan tanah), kemudahan jalan (jalan masuk dan jalan ladang), kemudahan perparitan, kemudahan utiliti (elektrik dan air), pejabat ladang, peralatan kejenteraan pertanian, pagar sempadan projek, penyediaan laporan EIA dan peralatan ICT.</i>	
		<b>(ii) Penyediaan kemudahan sistem penanaman secara terkawal</b>		
		<i>RM 75,000.00/ha</i>	<i>Struktur pelindung berjaring</i>	
		<i>RM 750,000.00/ha</i>	<i>Struktur pelindung hujan beserta kaedah fertigasi</i>	
		<b>(iii) Menaiktaraf infrastruktur dan menyediakan kemudahan bagi TKPM sedia ada</b>		
		<i>RM 500.00/ha</i>	<i>infrastruktur di TKPM sediaada seperti jalan ladang, perparitan dan sistem pengairan</i>	
		<i>RM 20,000.00/ha</i>	<i>kemudahan seperti stor SALM</i>	
		<b>(iv) Baik pulih kesuburan tanah</b>		
		<i>RM 2,000.00/ha</i>	<i>pembelian baja organan dan pembinaan bangsal serta bahan penyediaan kompos</i>	

<b>Kod Projek</b>	<b>Nama Projek / Subprojek</b>	<b>Kadar Pembiayaan</b>	<b>Spesifikasi bantuan</b>
02000	<b>Pembangunan Tanaman Makanan</b>		
			<b>(i) Pengamalan Pakej Teknologi Padi Terkini</b>
		RM 1,500.00/ha	jentera penanaman (transplanter)
			<b>(ii) Perladangan Persis</b>
01-Projek Tanaman Padi		RM 30,000.00/tahun	Mewujudkan model Perladangan Persis dengan memberi penekanan kepada Amalan Pertanian Baik termasuk membangun dan menilai teknologi pengurusan tanaman padi.
			<b>(iii) Pengurusan Perosak Bersepadu</b>
		RM 300,000.00/tahun	pengurusan perosak dan penyakit tanaman padi secara bersepadu dengan penumpuan kepada kawasan berlaku wabak (outbreak)
			<b>(iv) Automasi dan mekanisasi</b>
		RM 400,000.00/tahun	perolehan mesin, jentera dan peralatan yang dapat mempercepat dan memudahkan operasi ladang. Pembelian mesin-mesin terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa.
			<b>(v) Pembangunan institusi petani</b>
		RM 370,000.00/tahun	modal insan dan meningkatkan keupayaan R & D pegawai dan petani dalam sektor tanaman padi melalui latihan amali dan teori oleh pakar. Juga melalui kursus, hands-on, lawatan, seminar dan sesi kerja.
			<b>(vi) Perolehan peralatan saintifik</b>
		RM 100,000.00/tahun	Peralatan ini membantu aktiviti kutipan data dan pertanian persis melalui penggunaan peralatan seperti Leaf Color Chart, pH meter, Auger dan SPAD Meter with Data Logger atau peralatan terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa

		<b>(vii) Pengurusan Berpusat Padi</b>
		<p>RM 300,000.00/tahun</p> <p>Menggalakkan pesawah dalam satu kawasan atau blok untuk bergabung dan berfungsi sebagai satu unit pengeluaran supaya semua aktiviti berkaitan tanaman padi dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Petani akan diberi insentif berdasarkan kecekapan pengurusan yang mematuhi 10 faktor penentu meningkatkan hasil padi. insentif dalam bentuk dana pengurusan.</p>
		<b>(i) Pakej Teknologi Buah-buahan Kawasan Baru</b>
	02-Projek Tanaman Buah-Buahan	<p>RM 10,000.00/ha</p> <p>Fokus tanaman adalah betik, pisang dan tembakai dan belimbing; Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.</p>
		<b>(ii) Pakej Teknologi Buah-buahan Kawasan Sediada</b>
		<p>RM 8,000.00/ha</p> <p>Fokus tanaman adalah durian, rambutan, mangga, belimbing, dan manggis. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman, teknologi pasca tuai dan penggantian klon.</p>
		<b>(iii) Pengujian dan Penyesuaian Teknologi Tanaman Buah-buahan</b>
		<p>RM 10,000.00/ha</p> <p>Fokus tanaman adalah betik, pisang, tembakai, durian, rambutan, dan belimbing. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.</p>

		<b>(i) Pakej Teknologi Sayur-Sayuran Komersil Kawasan sediaada.</b>
03-Projek Tanaman Industri Sayuran dan Tanaman Ladang	RM 10,000.00/ha	<i>Fokus tanaman adalah sayur-sayuran seperti bendi, tomato, cili, terung, kacang panjang, kacang buncis, sawi, kailan, kobis, kangkung, bayam, labu, timun, petola, peria dan tanaman kontan seperti jagung, keledek, ubi kayu, halia, tebu. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.</i>
		<b>(ii) Pakej Teknologi Penanaman Secara Fertigasi</b>
	RM150,000.00/ ha	<i>Fokus tanaman tomato, cili, melon, timun. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.</i>
		<b>(iii) Pakej Teknologi Ladang Organik</b>
	RM 10,000.00/ha	<i>Fokus tanaman adalah seperti bendi, cili, terung, petola, timun, sawi, kailan, kangkung, jagung, keledek, tebu, ubi kayu, padi, ulam-ulaman, pitaya, betik, limau, longan, jambu batu, belimbing, mangga, nangka, nenas, dokong, pisang, manggis, cempedak, rambutan. ii. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.</i>
		<b>(iv) Pengujian dan Penyesuaian Teknologi Sayur-sayuran.</b>
	RM 10,000.00/ projek	<i>Fokus tanaman adalah bendi, tomato, cili, terung, kacang panjang, kacang buncis, sawi, kailan, kobis, flokoli, salad, kangkung, bayam, labu, timun, petola, peria dan tanaman kontan seperti jagung, keledek, ubi kayu, halia, tebu, kacang tanah, sengkuang.</i>

			<i>Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.</i>
		<b>(i) Penanaman Semula Kelapa</b>	
	04-Projek Tanaman Kelapa	RM 12,500.00	Tahun pertama : membiayai aktiviti penebangan, pembersihan kawasan, membina system peparitan, menambak tanah antara 2 parit (cambering), pagar, jalan ladang, input tanaman kelapa, input tanaman integrasi serta kos tenaga.
		RM 2,500.00	Tahun kedua, ketiga dan keempat : benih sulaman (bilangan bergantung kepada bilangan anak pokok yang mati-bagi tahun kedua), baja, racun serangga, racun rumpai, input tanaman integrasi serta tenaga buruh
		<b>(ii) Pemulihan Kawasan Kelapa</b>	
		RM 2,500.00	Tahun pertama : benih kelapa sulaman, baja racun serangga, racun rumpai serta input tanaman integrasi.
		RM 1,500.00	Tahun kedua dan ketiga : benih sulaman (bilangan bergantung kepada bilangan anak pokok yang mati-bagi tahun kedua), baja, racun serangga, racun rumpai serta input tanaman integrasi.
		<b>(iii) Pemerhatian dan Promosi</b>	Aktiviti pemerhatian dan promosi sedang dijalankan di Pusat-Pusat Pertanian bertujuan untuk memindahkan teknologi pertanian yang bersesuaian diaplikasikan oleh petani untuk meningkatkan jumlah pengeluaran dan pendapatan petani melalui tanaman selingan kontan, pengawalan perosak/penyakit bersepadu, pengunaan teknik terbaru dan sebagainya. Peruntukkan di bawah Program Pemulihan Kelapa diguna untuk tujuan tersebut. Cadangan sub-projek Tanaman Kelapa Matag di Pusat Pertanian Parit Baru (3ha) dan Pusat Pertanian Jaya Setia (5ha).

	<b>Pembangunan Tanaman Industri</b>		
03000	01-Projek Tanaman Nenas	RM 10,000.00/ha	Kawasan baru
		RM 5,500.00/ha	Kawasan sedia ada
04000	02-Projek Tanaman Umbisi	RM 10,000.00/ha	Kawasan baru
		RM 5,500.00/ha	Kawasan sedia ada
	Pembangunan Industri Bungaan dan Tanaman Hiasan	<b>(i) Perladangan Mapan Bunga Keratan Orkid Secara Komersil</b>	
		RM 20,000.00/ rumah teduhan	Menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti rumah teduhan bersaiz 10 meter (lebar) X 15 meter (panjang) X 3.5 meter (tinggi) termasuk kelengkapan.
		RM 20,000.00/ peserta	Menyediakan bahan Input seperti baja, racun, benih/anak pokok
		RM 10,000.00/ peserta	Menyediakan kemudahan sistem pengairan termasuk pam air dan paip
	(ii) Pengurusan Nurseri Bunga dan Tanaman Hiasan Secara Komersil	<b>(ii) Pengurusan Nurseri Bunga dan Tanaman Hiasan Secara Komersil</b>	
		RM 20,000.00/ rumah teduhan	Menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti rumah teduhan bersaiz 10 meter (lebar) X 15 meter (panjang) X 3.5 meter (tinggi) termasuk kelengkapan
		RM 10,000.00/ peserta	Menyediakan bahan Input seperti baja, racun, benih/anak pokok
		RM 10,000.00/ peserta	Menyediakan kemudahan sistem pengairan termasuk pam air dan paip
		<b>(iii) Promosi Bunga-bungaan Tanaman Hiasan</b>	
		RM 15,000.00/ rumah teduhan	Menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti rumah teduhan bersaiz 7 meter (lebar) X 12.5 meter (panjang) X 3.5 meter (tinggi) termasuk kelengkapan
		RM 5,000.00/ peserta	Menyediakan bahan Input seperti baja, racun, benih/anak pokok

	<b>Pembangunan Industri Asas Tani</b>		
05000	01- Pemporsenan makanan	<b>(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru</b>	
		RM10,000.00/ usahaawan	Peralatan dan mesin
	02- Pemprosesan makanan tradisional	RM35,000.00/ usahaawan	Pembinaan atau naiktaraf bengkel
		<b>(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru</b>	
		RM10,000.00/ usahaawan	Peralatan dan mesin
	03- Pembangunan kraftani	RM35,000.00/ usahaawan	Pembinaan atau naiktaraf bengkel
09000	04- Pembangunan Produk Baru	<b>(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru</b>	
		RM10,000.00/ usahaawan	Peralatan dan mesin
		RM35,000.00/ usahaawan	Pembinaan atau naiktaraf bengkel
	05- Memajukan Industri Asas Tani (IAT)- Bukan Makanan	<b>(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru</b>	
		RM10,000.00/ usahaawan	Peralatan dan mesin
	06- Pembangunan Makmal PKT Daerah	RM20,000.00/ daerah	Naiktarf sistem pengajaran, mempertingkatkan keselesaan ruang pembelajaran dan penyeleggaraan bagi kemudahan asas makmal.
	07- Pembangun	RM10,000.00/ usahaawan	Pembungkusan produk

	<i>an kemudahan promosi dan pembungkusan</i>		<i>Pembentangan 'booth' pameran dan ekspo, rak pameran, yuran penyertaan usahawan, cenderahati dan 'doorgift' diambil kira sebagai uji rasa dan pembangunan promosi produk.</i>
	<i>08- Pembangunan Modal insan petani/pegawai dan perolehan teknologi</i>	<i>RM20,000.00/daerah</i>	
	<i>Program Pembangunan Agropelancangan</i>	<i>RM50,000.00/TKPM</i>	<i>Untuk melengkapkan pelaksanaan projek pertanian komersil yang berdaya maju dan baday saing sebagai sebuah destinasi pelancongan.</i>
		<i>RM 10,000.00/daerah</i>	<i>Usahawan besar</i>
		<i>RM 60,000.00/daerah</i>	<i>Café dan homestay</i>
		<i>RM 10,000.00/daerah</i>	<i>Induk Industri Asas Tani sedia ada</i>
		<i>RM20,000.00/daerah</i>	<i>Induk Industri Asas Tani baru</i>
		<i>RM50,000.00/daerah</i>	<i>Dusun</i>
	<b><i>Pembangunan Pertanian Bersepadu</i></b>		
10000	<i>01-Industri perladangan bersepadu kawasan tumpuan</i>	<i>RM 50,000.00/projek</i>	<i>Keluasan minima 10ha.</i>
	<i>02-Intergasi tanaman herba dan perhutani</i>	<i>RM 20,000.00/ha</i>	<i>jenis herba yang mendapat permintaan tinggi ialah serai, mas cotek, misai kucing, pegaga, stevia, limau kasturi dan limau purut.</i>

	03- <i>Pembangunan sumber pertanian baru cendawan &amp; pertanian berteknologi tinggi</i>	<i>RM 20,000.00/peserta</i>	<i>pembinaan prasarana sokongan yang berkaitan seperti rumah cendawan, pusat penyediaan media tanaman, makmal penyediaan benih dan pusat pemprosesan makanan berdasarkan cendawan</i>
		<i>RM 20,000.00/projek</i>	<i>Jenis tanaman yang dipilih ialah cili, melon, timun, tomato dan terung. insentif amalan teknologi pertanian yang merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi pengawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.</i>
	04- <i>Pembangunan sumber bahan mentah bagi industri bioteknologi</i>	<i>RM 40,000.00/projek</i>	<i>pengeluaran benih tisu kultur yang berkualiti.</i>
		<i>RM 20,000.00/projek</i>	<i>usahawan pembuatan EM dan IMO dibantu dengan menaiktaraf bengkel-bengkel yang sediada perlu dengan peralatan-peralatan yang bersesuaian.</i>
13000	<i>Pengurusan Tanah Bermasalah</i>		
	01-Tanah Gambut	<i>RM 30,000.00/ha</i>	
	02-Tanah Bekas Lombong	<i>RM 25,000.00/ha</i>	
	03-Tanah Berpotensi asid Sulfik	<i>RM 30,000.00/ha</i>	
14000	<i>Pengurusan Tanah Terbiar</i>	<i>RM 20,000.00/ha</i>	<i>Pembangunan kawasan dan infrastruktur ladang iaitu pembersihan kawasan dan penyediaan kawasan, sistem pengairan dan saliran, jalan ladang serta insentif amalan teknologi pertanian. Meningkatkan aktiviti pasca tuai iaitu mengukuhkan rantaian pemasaran dari segi hasil kepelbagai produk (IAT), pusat pengumpulan, penggredian dan pemasaran hasil ladang, stor, dan bengkel pemprosesan.</i>

- c) Kerajaan melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah menetapkan produk pertanian mengikut daerah. Walaubagaimanapun, tanaman-tanaman lain juga boleh ditanam di daerah-daerah berkenaan mengikut keperluan penduduk dan pasaran setempat. Produk pertanian mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Produk Pertanian</b>
1.	Sabak Bernam	Padi, kelapa, herba
2.	Kuala Selangor	Padi, kelapa, herba
3.	Sepang	Umbisi(ubi,keledek), nanas, sayur-sayuran
4.	Hulu Selangor	Dusun buah-buahan, sayur-sayuran
5.	Hulu Langat	Betik, belimbing, sayur-sayuran
6.	Klang	Nanas, rock melon, cili
7.	Kuala Langat	Nanas, umbisi (ubi,keledek), tanaman singkat masa (jagung)
8.	Gombak/ Petaling	Rock melon, cendawan, nangka

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: SEMESTA BERI KEBENARAN UNTUK KONTRAKTOR PEMBERSIHAN  
PASIR LONGKANG KONGKRIT**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan untuk memastikan kontraktor pembersih pasir di longkang-longkang monsun dapat melakukan pelupusan pasir yang telah dikorek dan dilonggokkan supaya mengelakkan masalah banjir kilat dari berlaku?

**JAWAPAN:**

- a) Kontraktor pembersihan longkang-longkang monsun yang dilantik oleh Jabatan Pengairan dan Saliran atau pihak berkuasa yang lain boleh melupuskan pasir yang dikorek dengan mendapatkan doket pemindahan pasir dari KSSB. Permohonan boleh dibuat kepada KSSB dengan menyertakan salinan surat lantikan dari JPS atau pihak berkuasa yang berkaitan.

Tatacara ini telah digunakan untuk kerja-kerja tebatan banjir yang dilaksanakan oleh JPS di mana kontraktor lantikan JPS dibenarkan untuk memindahkan dan menjual pasir setelah mendapat doket dari KSSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : IKLAN-IKLAN HARAM.**

12. Iklan-iklan haram yang dilekatkan merata-rata tempat di kemudahan-kemudahan awam amat menyakitkan mata.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pesalah-pesalah yang melekatkan iklan-iklan haram pada kemudahan awam?
- b) Mengapa tiada tangkapan atau pendakwaan terhadap pelaku-pelaku kesalahan yang boleh dikategorikan sebagai 'vandalisme'?
- c) Apakah tindakan jangka panjang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani masalah iklan-iklan haram ini?

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan yang diambil oleh PBT terhadap pesalah adalah memberi notis dan mengenakan kompaun kepada individu dan syarikat yang melekatkan iklan tanpa kebenaran PBT di bawah Undang-Undang Kecil Iklan dan mengemukakan senarai nombor telefon kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk ditamatkan perkhidmatan.
- b) Kuasa PBT untuk membuat tangkapan adalah terhad. PBT hanya mengenakan kompaun terhadap pesalah di bawah Undang-Undang Kecil 2007 Iklan atau Undang-Undang Kecil Vandalisme 2005.
- c) PBT akan mempertingkatkan lagi aktiviti rondaan dan penguatkuasaan bagi membanteras pihak yang sering memasang iklan haram namun pihak kementerian sebagai pihak yang meluluskan lesen kepada syarikat pengiklanan perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi usaha menangani masalah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: FI LESEN**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Huraikan fungsi Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Fi Lesen yang berfungsi di setiap PBT?
  - Adakah semua PBT membentuk jawatankuasa ini?
  - Nyatakan siapakah ahli-ahli Jawatankuasa bagi setiap PBT?

**JAWAPAN:**

- Jawatankuasa Rayuan Fi Lesen berfungsi bagi mendengar masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga dan menyemak semula kadar fi lesen sekiranya rayuan mereka mempunyai asas bagi memastikan peniaga mendapat keadilan ke atas fi lesen yang dikenakan.
- Pembentukan Jawatankuasa Rayuan Fi Lesen di PBT adalah seperti berikut:-

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PEMBENTUKAN JAWATANKUASA RAYUAN FI LESEN	
		TELAH MENUBUHKAN ( )	BELUM MENUBUHKAN (X)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)		
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)		
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)		
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)		
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)		

6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)		
7.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)		
8.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)		x
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)		
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)		x
11	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)		x
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)		x
<b>JUMLAH</b>		<b>8</b>	<b>4</b>

- c) Keanggotaannya akan dipengerusikan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT atau Timbalan Datuk Bandar/Yang Dipertua. Manakala ahli-ahli jawatankuasa boleh terdiri daripada Pengarah pelesenan PBT, Ahli Majlis dan mantan Ahli Majlis sebagai ahli tetap. Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri boleh dijemput sebagai pemerhati.

Bilangan rayuan yang telah didengar di setiap PBT dan bilangan rayuan yang dibenarkan adalah seeperti berikut :-

<b>BIL.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)</b>	<b>BILANGAN RAYUAN YANG TELAH DIDENGAR</b>	<b>BILANGAN RAYUAN YANG DIBENARKAN</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Bil rayuan Fee Lesen : 317 Bil. yang dibawa ke Mesy. Jk Rayuan : 22 Mesy. akan diadakan 2 kali sebulan.	Tiada maklumat
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Tiada	Tiada
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	10	0
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Tiada	Tiada
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)		
6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Masih belum mendapat rayuan kerana MPS akan laksanakan pada 2015	
7.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)		
8.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Tiada	Tiada

9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Tiada	Tiada
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)		
11	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Masih lagi belum menubuhkan JK Rayuan Fi Lesen berdasarkan keputusan penangguhan oleh Mesyuarat Penuh MDHS	
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	Tiada rayuan yang diterima oleh MDSB	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: PENUBUHAN BADAN PERHUBUNGAN BERSAMA (BPB – JMB)**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
  - a) Berapakah Projek Perumahan yang layak menubuhkan BPB di Selangor terutama di DUN Semenyih sehingga 2013?
  - b) Apakah insentif dan bantuan Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penubuhan BPB tersebut di Selangor?
  - c) Apakah jenis bantuan yang diberikan kepada Projek Perumahan yang masih belum menubuhkan BPB tersebut di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Kajang terdapat sejumlah 37 kawasan pangsapuri di DUN Semenyih adalah tertakluk untuk menubuhkan jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) di kalangan pembeli atau pemilik petak di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) [Akta 663] atau Akta Hakmilik Strata (1985) [Akta 318].
- b & c) Untuk menggalakkan penubuhan JMB, Kerajaan Negeri melalui COB MPKj telah melaksanakan program dialog, komuniti dan gotong-royong. COB MPKj juga telah melantik ejen pengurusan di beberapa pangsapuri di DUN Semenyih untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan bangunan disamping mendidik penduduk mengenai kepentingan penubuhan jawatankuasa JMB atau MC.

Selain itu, lain-lain bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pangsapuri-pangsapuri tersebut adalah seperti berikut:

- i- Pemberian rebet air percuma secara automatik melalui pemotongan bil air pada meter individu atau skim *Selangor Free Water Apartment (SAFWA)*.
- ii- Pemberian bantuan kewangan baik pulih harta bersama pangsapuri melalui Skim *Caring Goverment For Residents' Improvement Aid (CERIA)*.
- iii- Pemberian tong sampah.

**LAMPIRAN A**

**JENIS-JENIS BANTUAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
KEPADА PANGSAPURI-PANGSAPURI DUN SEMENYIH**

<b>BIL.</b>	<b>PANGSAPURI</b>	<b>ENTITI JAWATANKUASA WAJIB DITUBUHKAN</b>		<b>JENIS BANTUAN DITERIMA</b>
		<b>JMB</b>	<b>MC</b>	
1	Semenyih Mewah, Taman Semenyih Mewah		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
2	Taman Asa Jaya	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (Skim SAFWA)</li> </ul>
3	Mutiara, Bandar Tasik Kesuma	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
4	Taman Seri Baiduri	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
5	Sri Haneco Industrial Park, Tmn Sri Haneco		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
6	Blok H, J & K, Bandar Teknologi Kajang Seksyen 5	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Ejen Pengurusan COB</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
7	Vista Perdana, Bandar Teknologi Kajang Seksyen 5	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
8	Blok A, B, C, D & E, Bdr Teknologi Kajang Seksyen 1	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Ejen Pengurusan COB</li> <li>• 5 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
9	Teratai, Taman Anggerik Perdana		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>

BIL.	PANGSAPURI	ENTITI JAWATANKUASA WAJIB DITUBUHKAN		JENIS BANTUAN DITERIMA
		JMB	MC	
10	Blok F & G, Bandar Teknologi Kajang Seksyen 3	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Ejen Pengurusan COB</li> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
11	Blok L & M, Bandar Teknologi Kajang Seksyen 5 Fasa 6A	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Ejen Pengurusan COB</li> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
12	Baiduri, Bandar Tasik Kesuma	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> <li>• Skim CERIA Fasa 2 tahun 2012-Taman Permainan</li> </ul>
13	Seri Suria, Taman Sunway Semenyih	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
14	Blok B & C, Taman Harmoni	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
15	Nuri, Bandar Bukit Mahkota	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
16	Blok A, Taman Sri Tanjung	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
17	Taman Semenyih Ria (Kedai/Apartmen)	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
18	Ceria, Taman Semenyih Indah		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>

BIL.	PANGSAPURI	ENTITI JAWATANKUASA WAJIB DITUBUHKAN		JENIS BANTUAN DITERIMA
		JMB	MC	
19	Ria , Taman Semenyih Indah	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
20	Bahagia , Taman Semenyih Indah	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
21	Seri Rinching, Bandar Seri Rinching Seksyen 5	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
22	Seri Mawar 1, Taman Sri Mawar		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
23	Seri Mawar, Taman Sri Mawar		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
24	Seri Permai, Kampung Baru Cina Semenyih	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
25	Blok A, Taman Harmoni	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
26	Kenanga, Taman Anggerik Perdana	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
27	Blok B & C, Taman Sri Tanjung	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
28	Taman Bangi Jaya	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>

BIL.	PANGSAPURI	ENTITI JAWATANKUASA WAJIB DITUBUHKAN		JENIS BANTUAN DITERIMA
		JMB	MC	
29	Blok C, Taman Desa Mewah Semenyih Fasa 7	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Ejen Pengurusan COB</li> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
30	Baiduri Jaya Blok A & B, Taman Baiduri Jaya		/	
31	Blok N, Bandar Teknologi Kajang Seksyen 3	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Ejen Pengurusan COB</li> <li>• 2 unit tong sampah</li> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
32	Kedai/Pejabat Taman Semenyih Sentral	/		
33	Bukit Kundang, Taman Bukit Kundang	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
34	Blok A, Taman Harmoni 2		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
35	Blok B, Taman Harmoni 2		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
36	Blok C, Taman Harmoni 2		/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>
37	Taman Harmoni Blok A	/		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebet Air Percuma (automatik daripada meter Individu)</li> </ul>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENGGUNAAN PERUNTUKAN RIZAB NEGERI (WANITA)**

15. Mengikut Belanjawan 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM30 juta daripada rizab negeri bagi agenda pemberdayaan wanita.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Bagaimana peruntukan ini telah/akan digunakan? Sila nyatakan pecahan perbelanjaan.

**JAWAPAN:**

- a) Penyaluran peruntukan bagi tujuan pelaksanaan agenda pemberdayaan wanita sedang giat diteruskan melalui pelaksanaan pelbagai program pemberdayaan wanita yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor dengan penglibatan dan kerjasama semua agensi jabatan di Selangor setiap tahun.

Program-program pemberdayaan ini bukan sahaja dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kepada semua golongan wanita di Selangor malah Kerajaan Negeri turut menyalurkan peruntukan kepada agensi, jabatan mahupun kepada semua Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh Selangor bagi melaksana dan seterusnya menjayakan agenda pemberdayaan wanita Selangor.

Pelaksanaan program oleh Kerajaan Negeri dizahirkan menggunakan peruntukan yang disalurkan kepada semua golongan wanita Selangor melalui sasaran kerja mengikut bidang fokus tahunan yang telah dirancang.

Bagi tahun 2014, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor memberi penumpuan kepada bidang fokus seperti berikut :

<b>Program/Aktiviti</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Justifikasi</b>
Program Advokasi	Remaja Perempuan	Memberi pendedahan, kesedaran dan ruang perbincangan tentang sesuatu isu berkaitan golongan remaja perempuan.
Konvensyen Kepimpinan Wanita	Wanita Muda	Memberi ruang penghargaan kepada golongan wanita muda menyerlahkan bakat kepimpinan golongan wanita muda.
Sukan Wanita	Semua Golongan Wanita	Mempromosi sukan bagi tujuan kesihatan golongan wanita.

Dalam kaitan di atas, bidang fokus tersebut dilaksanakan sebagai penambahbaikan kepada program-program pemberdayaan wanita sedia ada bagi 2014 seperti berikut :

BIL	PERANCANGAN		BUTIRAN
	PROJEK / AKTIVITI	SASARAN	
1.	Pusat Wanita Berdaya (PWB)	12 permohonan	
2.	Kursus Kemahiran Jangka Pendek	10 sesi	8/2 – Bengkel Masakan 22/2 – Canting Batik 1/3 – Kecantikan 22/3 – Pottery 19/4 – Jahitan 26/4 – Kitar Semula 3/5 – Jahitan 7/6 - Masakan
		30 orang / sesi	
3.	Program Pemberdayaan Ekonomi Hawa	2 kali	1. PWB MART
			2. PET SOHO
4.	Program Advokasi	3 kali	1. Kempen Kesihatan Reproduksi (Remaja Perempuan)
			2. Kempen Advokasi Gender – Hormat Wanita (Wanita)
			3. Pendemokrasian (Wanita)
5.	Konvensyen Wanita	2 kali	1. Karnival Wanita Muda
			2. Konvensyen Kepimpinan Wanita

BIL	PERANCANGAN		BUTIRAN
	PROJEK / AKTIVITI	SASARAN	
6.	Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Selangor	3 kali	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pra Pelancaran Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor</li> <li>2. Sambutan Hari Wanita - Women's marathon 15/3</li> <li>3. Sempena Hari Ibu – 11/5 (Cabaran Ibu Muda)</li> </ol>
7.	Program Kempen Kesedaran Keganasan Wanita	4 fokus	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Women's Against Crime (WAC)</li> <li>2. OSCC – 25/11 Hari Anti Keganasan Wanita</li> <li>3. Klinik Guaman</li> <li>4. MAPMAS</li> </ol>
8.	Program Kempen Wanita Selangor Sihat	2 kali	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kempen Gaya Hidup Wanita Sihat</li> <li>2. Hari Kanser Sedunia – 4/2</li> </ol>

9.	Program Ramah Mesra Exco Bersama Wanita	3 kali	1. Sepanjang Bulan Ramadhan 2. Widow's Day (23/6) – Ibu Tunggal 3. Hari Wanita Desa – 15/10
10.	Sukan Wanita	2 kali	1. Liga Bola Jaring 2. Hari Sukan Wanita Selangor
11.	Lawatan Dalam & Luar Negara	2 kali	1. Dalam Negeri 2. Luar Negara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: LEBUHRAYA KINRARA - DAMANSARA (KIDEX)**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Apakah kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Negeri atau PBT untuk pembinaan Kidex sehingga hari ini?
  - Tolong huraikan kelulusan yang diberi adalah dibawah undang-undang mana?
  - Apa lagi kelulusan perlu sebelum pembinaan bermula, yang belum lagi diberi?

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri Selangor hanya terlibat setelah dimaklumkan keputusan dan kelulusan pelaksanaan projek ini oleh sekretariat Mesyuarat Kabinet pada 11 Mei 2011. Perbincangan lanjut antara 22 agensi yang melibatkan Kerajaan Persekutuan serta Negeri (agensi teknikal) di dalam Mesyuarat Teknikal 1 dan 2 yang telah diadakan pada 14 Oktober 2011 serta 8 Disember 2011 di Wisma LLM. Cadangan jajaran KIDEX yang telah dibincangkan serta dipersetujui di dalam Mesyuarat Teknikal 2.
- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 6/2012 yang bersidang pada 15 Februari 2012 telah menimbang dan bersetuju secara dasarnya dengan Projek Lebuhraya KIDEX dan jajaran-jajarannya mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan tegas telah menyatakan pendirian bahawa beberapa syarat perlu dipatuhi dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX iaitu:-
  - Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
  - Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
  - Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatkan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat; dan
  - Perkara disebut di atas diguna pakai bagi semua lebuhraya sedia ada atau yang akan dibina.**

- c) Jajaran Lebuhraya KIDEX telah dilakarkan serta digazetkan di dalam Rancangan Tempatan (RT) MPSJ pada bulan Mei 2013 yang lalu. Selain itu, berdasarkan keputusan Mesyuarat *State Planning Committee* pada 5 Mei 2014, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memasukkan jajaran Lebuhraya KIDEX di dalam Draf Rancangan Tempatan MBPJ dan melaksanakan Program Publisiti. Hasrat Kerajaan Negeri Selangor adalah supaya semua pihak yang terlibat termasuk orang awam dapat dilibatkan dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX melalui maklumbalas dan cadangan yang dikemukakan melalui *Town Hall Meeting*.

Sehingga kini, pihak konsesi KIDEX Sdn. Bhd. telah mengemukakan beberapa dokumen kepada pihak MBPJ seperti berikut :-

- i. Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan *Social Impact Assessment* (SIA);
- ii. Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA); dan
- iii. Pelan Jajaran Lebuhraya KIDEX.

Kerajaan Negeri masih belum memberikan sebarang kelulusan kepada pihak konsesi lebuhraya KIDEX bagi menjalankan kerja-kerja fizikal pembangunan sehingga perkara-perkara berikut diperolehi :-

- i. Kelulusan Kebenaran Merancang daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- ii. Pewartaan Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960.

Pihak Berkuasa Negeri pada 22 Mei 2014 telah mendarahkan pihak KIDEX untuk melaksanakan Taklimat Awam (*Town Hall Meeting*) di kawasan Petaling Jaya.

Perjanjian konsesi KIDEX telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) dan syarikat konsesi lebuhraya (KIDEX Sdn. Bhd.) pada 15 November 2013 dan dokumen perjanjian tersebut merupakan dokumen terkawal di bawah klasifikasi Sulit dan Terhad.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dan menyambut baik usaha-usaha yang dirancangkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur - Klang, rangkaian rel seperti *Mass Rapid Transit* (MRT) dari Sungai Buloh - Kajang sepanjang 51km yang mempunyai sebanyak 35 stesen selain dua (2) buah depot, dan projek sambungan *Light Rail Transit* (LRT) yang akan melibatkan laluan Kelana Jaya Line (KLJ) sepanjang 29km dan sebanyak 24 stesen, manakala laluan Ampang Line (AMG) sepanjang 27km serta mempunyai sebanyak 25 stesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: SEKOLAH DAN PELAJAR TAHFIZ**

17. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah sekolah dan pelajar tahfiz yang berdaftar didalam Negeri Selangor?
  - Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan elaun khas untuk pelajar tahfiz mengikut peringkat hafazan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Sekolah dan pelajar Tahfiz yang berdaftar di dalam negeri Selangor

<b>JUMLAH SEKOLAH</b>	<b>JUMLAH MURID</b>
<b>151</b>	<b>3182</b>

- b) Kerajaan Negeri belum berhasrat memberi elaun Khas memandangkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyediakan peruntukan Dermasiswa Huffaz kepada pelajar Tahfiz yang bersekolah di Sekolah yang berdaftar dengan JAIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK: KURSUS PENDIDIKAN PASANGAN SUAMI ISTERI**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Adakah kerajaan mengkhususkan kursus kepimpinan dalam rumah tangga, memandangkan penceraian yang tinggi berlaku di Selangor?
  - Adakah kerajaan bercadang mengadakan kursus psikologi untuk ibu bapa dalam mendidik anak-anak sewaktu menghadapi zaman media Elektronik?

**JAWAPAN:**

- JAIS melaksanakan kursus pasca perkahwinan untuk pasangan suami isteri. JAKIM juga dalam proses melancarkan Modul Pasca Perkahwinan untuk kegunaan seluruh JAIN.
- Pada dasarnya, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa siri kursus melibatkan golongan sasar ibu bapa dan anak-anak melalui pengajuran kursus-kursus S.P.I.E.S. dan program-program psikologi yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (BPSM) amnya dan Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor khasnya.

Program S.P.I.E.S. Keluarga yang dijalankan meliputi modul '*parenting skill*' yang menitikberatkan kemahiran komunikasi antara ibu bapa dan anak, kaunseling keluarga yang menumpukan kepada kaedah menyelesaikan masalah dalam rumah tangga, mendalami psikologi remaja yang bertujuan memahami perubahan emosi dan biologi remaja dan sebagainya.

Pada tahun 2013, sejumlah 39 program S.P.I.E.S. Keluarga yang telah dijalankan melibatkan golongan sasar ini. Manakala pada tahun 2014 ini (maklumat yang dikemas kini sehingga 4 Jun 2014), Pentadbiran Kerajaan Negeri telah menganjurkan 7 program dan sejumlah 30 program yang masih dalam perancangan dan akan dilaksanakan sehingga penghujung tahun ini.

Selain itu, Pentadbiran Kerajaan Negeri juga menawarkan perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara percuma kepada orang awam melalui Pusat Kaunseling Selangor (PKS) atau lebih dikenali sebelum ini sebagai ‘Talian Sahabat’. PKS ini diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan mendapat kerjasama daripada 25 orang kaunselor sukarela yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Buat masa ini, PKS ini sedang beroperasi di Kompleks PKNS, Shah Alam, Pusat Khidmat GEMS Flat Sri Perantau Pelabuhan Klang dan Desa Mentari Petaling Jaya.

Melalui pengoperasian PKS ini, beberapa program usahasama dengan Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan dapat dilaksanakan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti untuk diberikan bantuan kaunseling, psikologi atau khidmat nasihat secara percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : INDUSTRI NUKLEAR DAN RADIOAKTIF**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Negeri Selangor membenarkan pembangunan industri yang menggunakan bahan radioaktif dan nuklear dalam Selangor dan apakah syarat-syarat kelulusan sekiranya ada?
  - Senaraikan industri yang menggunakan bahan radioaktif atau bahan nuklear serta jumlah hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT.

**JAWAPAN:**

- Secara dasarnya Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan dalam strategi pembangunan perindustrian di negeri Selangor di mana Kerajaan Negeri menggalakkan sektor industri yang berdasarkan teknologi tinggi, berdasarkan pengetahuan, berintensifkan modal dan mesra alam. Ini bermaksud, dalam menarik pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan projek-projek pelaburan yang tidak mencemar alam sekitar serta yang tidak membahayakan keselamatan penduduk Selangor.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak membenarkan pembangunan industri yang menggunakan bahan radioaktif dan nuklear dalam Selangor secara langsung.

Bagi projek-projek yang melibatkan penggunaan bahan radioaktif atau nuklear perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Selain itu, projek-projek yang dicadangkan tersebut perlu mendapat ulasan Penilaian Awal Tapak dan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar di samping syarat-syarat perancangan pembangunan daripada PBT yang perlu dipatuhi.

- Sehingga kini, belum ada industri yang menggunakan bahan radioaktif atau bahan nuklear secara langsung yang diluluskan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B .TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK: HARGA RUMAH DAN HARTANAH**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah langkah kerajaan Negeri dalam mengawal harga rumah yang melambung tinggi khususnya selepas perlaksanaan GST ?
  - Adakah kerajaan Negeri dapat menjamin harga rumah mampu milik kekal walaupun selepas perlaksanaan GST ?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa sedar tentang kenaikan harga rumah yang berlaku saban tahun dan ia dijangka akan lebih terkesan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2014. Walaupun rumah telah disenaraikan salah satu daripada 40 jenis barang dan perkhidmatan yang tidak akan dikenakan cukai namun ia bukannya salah satu jaminan bahawa harga rumah tidak terkesan terhadap pelaksanaannya. Ini kerana semakan terhadap 40 jenis barang tersebut mendapati barang untuk pembinaan tidak termasuk dalam senarai tersebut. Ini secara tidak langsung membuktikan ia merupakan barang akan dikenakan cukai dan dijangka memberikan kesan secara langsung kepada harga rumah kelak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah yang boleh dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dengan memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar barang-barangan dan perkhidmatan yang melibatkan industri pembinaan perumahan khususnya yang melibatkan harga kawalan diberikan pelepasan cukai sepenuhnya.

- Bermula 1 Januari 2014, Kerajaan Negeri telah mula memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang mana telah menetapkan harga jualan rumah mampu milik di antara RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 bergantung kepada saiz binaan, jenis rumah dan lokasi. Dengan penetapan harga rumah tersebut, pemaju perlu mematuhi harga kawalan seperti mana yang telah ditetapkan walaupun sekiranya GST memberi kesan kenaikan kepada harga rumah kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: USAHAWAN INDUSTRI ASAS TANI**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah perkembangan dan kejayaan Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani setakat ini?
  - Berapakah peruntukan yang disediakan?
  - Nyatakan statistik mereka yang menyertai program ini mengikut DUN?

**JAWAPAN :**

- a) Perkembangan dan kejayaan Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Jabatan Pertanian Negeri Selangor diukur berdasarkan kepada purata pendapatan per bulan per usahawan yang dibimbing disamping peningkatan bilangan usahawan yang dilahirkan.

Sasaran Jabatan adalah untuk memastikan purata pendapatan bersih per bulan per usahawan mencapai RM4,000. Purata pendapatan usahawan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan usahawan</b>	<b>Purata pendapatan bersih per usahawan per bulan</b>
2011	518	RM10,814
2012	720	RM9,029
2013	772	RM6,217

- b) Peruntukan yang diterima oleh Jabatan untuk program Industri Asas Tanah adalah sebanyak **RM1,252,000.00 (RM1.252 juta)**

***Maklumat Tambahan:***

*Peruntukan yang diterima oleh Jabatan sepanjang RMK 10 (2011-2014) adalah seperti berikut:*

<b>Projek/Butiran</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>
Pemprosesan makanan	300,000	500,000	230,000	230,000
Pemprosesan makanan tradisional	100,000	200,000	166,000	166,000
Pembangunan kraftani	50,000	50,000	50,000	50,000
Pembangunan produk baru	100,000	300,000	66,000	66,000
Memajukan IAT bukan makanan	80,000	100,000	73,000	73,500
Pembangunan makmal PKT daerah	500,000	300,000	33,000	33,000
Pembangunan kemudahan promosi dan pembungkusan	200,000	300,000	333,000	333,500
Pembangunan modal insan usahawan	500,000	300,000	300,000	300,000
<b>JUMLAH</b>	<b>1,830,000</b>	<b>2,050,000</b>	<b>1,251,000</b>	<b>1,252,000</b>

- c) Statistik usahawan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor mengikut DUN adalah seperti berikut:

**BILANGAN USAHAWAN IAT BERDAFTAR JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR MENGIKUT DUN SEHINGGA MAC 2014**

DAERAH	PARLIMEN	DUN	JUMLAH USAHAWAN
GOMBAK	Gombak	Batu Caves	18
		Gombak Setia	15
		Hulu Kelang	8
	Selayang	Kuang	6
		Rawang	7
		Taman Templer	3
PETALING	Kelana Jaya	Seri Setia	1
		Subang Jaya	0
	Petaling Jaya Selatan	Bukit Gasing	0
		Taman Medan	3
	Petaling Jaya Utara	Damansara Utama	0
		Kampung Tunku	2
	Puchong	Kinrara	8
		Seri Serdang	8
	Serdang	Balakong	0
		Bangi	0
		Seri Kembangan	6
	Shah Alam	Batu 3	7
		Kota Anggerik	8
	Subang	Bukit Lanjan	1
		Kota Damansara	9
		Paya Jaras	6
HULU LANGAT	Ampang	Bukit Antarabangsa	0
		Lembah Jaya	3
	Hulu Langat	Dusun Tua	27
		Kajang	43
		Semenyih	15
	Pandan	Chempaka	0
		Teratai	0
HULU SELANGOR	Hulu Selangor	Batang Kali	41
		Hulu Bernam	37
		Kuala Kubu Bharu	15
KLANG	Kapar	Meru	25
		Selat Klang	5
		Sementa	6
		Sungai Pinang	0

	Klang	Kota Alam Shah	11
		Pandamaran	3
		Pelabuhan Klang	28
	Kota Raja	Seri Andalas	5
		Sri Muda	7
		Morib	44
KUALA LANGAT	Kuala Langat	Sijangkang	19
		Teluk Datuk	11
		Dengkil	12
	Sepang	Sg. Pelek	0
		Tanjong Sepat	34
		Bukit Melawati	24
KUALA SELANGOR	Kuala Selangor	Ijok	18
		Jeram	11
		Permatang	14
	Tanjong Karang	Sungai Burong	35
		Sabak Bernam	57
		Sekinchan	1
SABAK BERNAM	Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	26
		Sungai Panjang	1
		Sekinchan	15
		Sungai Panjang	89
	Sungai Besar	Dengkil	18
		Sungai Pelek	38
		Tanjong Sepat	19
JUMLAH			873

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK: PEWARTAAN KAWASAN RIZAB ORANG ASLI**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pewartaan kawasan atau rizab orang asli di Selangor memandangkan permohonan telah dikemukakan sejak tahun 1977.

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tiada kuasa untuk mewartakan sesuatu rizab orang asli. Kuasa pewartaan rizab orang asli adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri. (Pihak Kerajaan Negeri).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : PADANG CERGAS**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa jumlah padang cergas yang dinyatakan dalam pelan tindakan 5 tahun Kerajaan Negeri telah dibina setakat ini dan sila menyenaraikan kawasan-kawasan di mana padang cergas telah dibina.
  - b) Bilakah padang cergas akan dibina di kawasan Pandamaran?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Padang Cergas yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Padang Cergas di kawasan Pandamaran serta kawasan lain di MPK akan dilaksanakan pada 1 Julai 2014. Sehingga tempoh itu, pihak MPK sedang menguruskan iklan tawaran, lawatan tapak, jualan dokumen sebutharga dan mesyuarat jawatankuasa sebut harga untuk proses lantikan.

**Lampiran 1****SENARAI PROJEK PADANG CERGAS YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN  
2013**

PBT	ADUN	LOKASI PADANG
MBSA	-	-
MBPJ	BUKIT GASING	1. JALAN 14/4 2. JALAN 14/39 3. JALAN 1/18 4. JALAN 5/54 5. JALAN GASING 6. JALAN 17/34
	KAMPUNG TUNKU	1. PJS 10/24
	DAMANSARA UTAMA	1. SS 2/16 2. SS 2/94 3. SS 25/30 4. SS23/19 5. SS 22/37
	BUKIT LANJAN	1. CENTRALSPINE JALAN SD 9/7a 2. JALAN SD 2/1B
	KOTA DAMANSARA	1. JALAN CECAWI 6/13
MPK	SERI ANDALAS	1. TAMAN RAKYAT, SRI ANDALAS
MPSJ	SERI SERDANG	1. SS 19/6K, SUBANG JAYA
	KINRARA	1. JALAN BELATUK, BANDAR PUCHONG JAYA 2.
	SUBANG JAYA	1. TASIK PUCHONG PERDANA, SERI SERDANG
	SERI KEMBANGAN	1. SERDANG RAYA 4
MPS	RAWANG	1. TAMAN PINGGIRAN PELANGI FASA 1 2. TAMAN PINGGIRAN PELANGI FASA 2

MPKj	DUSUN TUA	1. TAMAN WAWASAN, HULU LANGAT
	KAJANG	1. TAMAN REKREASI JALAN TIMUR, KAJANG
MPAJ	-	-
MPSp	SUNGAI PELEK	1. TAMAN KEDIDI, PANTAI SEPANG PUTRA, SEPANG
MDKS	IJOK	1. LORONG MAHKOTA IMPIAN, PUNCAK ALAM 2. TAMAN CEMPAKA SARI
MDKL	SIJANGKANG	1. JALAN MENGIKUANG 6, TAMAN DATO HORMAT, TELOK PANGLIMA GARANG 2. JALAN LANGSAT 2 TAMAN SERI MEDAN, SIJANGKANG
MDKL	TELOK DATUK	1. JALAN INTAN 21, TMN YAYASAN, SG JAROM 2. JALAN BERINGIN 11, TAMAN SARI BANTING
	MORIB	1. JALAN BB 3/12, TMN BANTING BARU 2. JALAN DESA 3, TMN SERI DESA TONGKAH
MDSB	SUNGAI AIR TAWAR	1. TAMAN SERI NAKHODA OMAR
	SABAK	1. TAMAN BERNAM JAYA
	SUNGAI PANJANG	1. TAMAN SERI INDAH
	SEKINCHAN	1. TAMAN SEKINCHAN JAYA
MDHS	HULU BERNAM	1. TMN PERMAINAN DESA KENARI KALUMPANG 2. TMN AWAM HULU BERNAM
	KUALA KUBU BAHARU	1. TMN PERMAINAN DESA RENING JAYA 2. TMN PERMAINAN TMN TANJAK KUALA KUBU
	BATANG KALI	1. JALAN MERANTI 6C 2. TMN PERMAINAN PADANG AWAM SG CHOH

\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: MENINGKATKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN KESIHATAN**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk memberikan jaminan perkhidmatan kesihatan kepada seluruh penduduk negeri Selangor.
  - Sila nyatakan tindakan yang telah/akan diambil untuk mengurangkan kesesakan bilangan pesakit dan meningkatkan taraf perkhidmatan sebagai contoh di Klinik Kesihatan Batu 9, Cheras, Selangor.

**JAWAPAN:**

- Antara usaha – usaha yang telah diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk memberi jaminan perkhidmatan kesihatan kepada seluruh penduduk negeri Selangor adalah:
  - Menambah bilangan fasiliti kesihatan sejajar dengan pertambahan bilangan penduduk Negeri Selangor. Sehingga kini terdapat:
    - 11 buah hospital: 6 hospital dengan pakar dan 5 hospital tanpa pakar
    - 73 buah Klinik Kesihatan (dengan perkhidmatan Kesihatan ibu dan anak)
    - 6 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak
    - 116 buah klinik desa
    - 30 klinik 1 Malaysia
    - 62 buah Klinik Pergigian
  - Bagi Projek Pembangunan tahun 2013 untuk Negeri Selangor, pihak Kementerian Kesihatan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM17,936,843.00 yang melibatkan 180 projek kerja- kerja ubahsuai, naiktaraf dan pembaikan bernilai RM 9,645,522.00 dan 58 projek kerja – kerja pembaikan dan naik taraf untuk Klinik – klinik kesihatan dan klinik pergigian besar (PSK) yang bernilai RM8,291,321.00.

iii. Bagi Projek Rancangan Malaysia ke - 10 (Tahun 2011 – 2015), sejumlah 35 projek telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM1,301,564,279.67 , di mana 20 projek telah berjaya disiapkan, 7 projek sedang dalam pembinaan dan 8 projek lagi masih di peringkat perancangan. 7 projek yang sedang dalam pembinaan adalah:

- Membina Klinik Desa 2G Kg. Sg Lui, Hulu Langat
- Pembinaan Hospital Shah Alam
- Kuarters Integrasi Klang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah
- Kompleks Onstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (Fasa 2)
- Ubahsuai Klinik Kesihatan Jenis 3 Kota Damansara Petaling Jaya
- Membina Kuarters 8G Klinik Kesihatan Seri Kembangan, Petaling
- Pembinaan Klinik Kesihatan Simpang Lima, Sabak Bernam Jenis 3 dengan kuarters.

8 projek yang di peringkat perancangan adalah:

- Klinik Kesihatan (jenis 3) Kapar dengan kuarters, Klang
- Klinik Kesihatan (jenis 3) Puchong, Petaling
- Klinik Kesihatan Bandar Tun Hussein Onn (jenis 3), Cheras
- Klinik Kesihatan (jenis 3) Gombak Setia, Gombak
- Hospital Tg. Karang
- Klinik Pergigian Tg. Karang Kuala Selangor
- Blok Pergigian Bukit Changgang, Kuala Langat
- Naiktaraf High Dependency Ward (HDU), Jabatan Anaesthesiology, Hospital Sg. Buloh.

iv. Bagi perjawatan Pegawai Perubatan, sebanyak 95 peratus perjawatan Pegawai Perubatan di semua Hospital dan Klinik Kesihatan telah diisi dengan 93% pengisian di hospital dan 98% pengisian di Klinik Kesihatan. Manakala pengisian perjawatan pakar di hospital adalah 75% dan 34 Klinik Kesihatan di Negeri Selangor mempunyai Pakar Perubatan Keluarga.

- v. Bagi penambahbaikan peralatan perubatan di klinik – klinik kesihatan dan pergigian negeri Selangor, hampir kesemua klinik di negeri Selangor akan menerima peralatan perubatan baru melalui Projek Penswastaan Perolehan dan Penyelenggaraan Peralatan Perubatan Bagi Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian di bawah *Program Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET)* yang akan memulakan penghantaran pada tahun hadapan untuk tempoh masa 3 tahun yang akan datang. Jumlah fasiliti (Kesihatan dan pergigian) yang terlibat ialah 309 dan jumlah peralatan perubatan baru yang terlibat adalah sebanyak 5625 peralatan.
- b) Antara tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan taraf kesihatan di Klinik Kesihatan Batu 9 Cheras ialah:
- i. Penambahan beberapa fasiliti kesihatan berhampiran KK Bt. 9 Cheras
    - Mewujudkan K1M:
      - K1M Taman Orkid: 2.4 km dari KK Bt. 9; telah mula beroperasi pada 18 November 2014
      - K1M Cheras Utama: 8.7 km dari KK Bt. 9 Cheras; dijangka mula beroperasi pada Ogos 2014
    - Pembinaan Klinik Kesihatan Bandar Tun Hussein Onn Jenis 3 dalam perancangan RMK -10 (4<sup>th</sup> rolling plan)
      - Lokasi 6 km dari KK Bt. 9 cheras
      - Dijangka beroperasi pada tahun 2016
  - ii. Projek pembangunan – pengubahsuaian dan naiktaraf bangunan sediada
    - Projek telah siap pada bulan Oktober 2013 dengan kos berjumlah RM300,000.00
    - Projek melibatkan:
      - Pembinaan bangunan farmasi
      - Pembesaran makmal
      - Pembesaran ruang menunggu di Unit Pesakit Luar
      - Pertambahan bilik – bilik pemeriksaan di Unit Ibu dan Anak

- iii. Pelaksanaan Sistem Temujanji Berperingkat dan memperkuuhkan pelaksanaannya bagi Pengurusan Pesakit Kronik dengan menggunakan sistem Teleprimary Care (TPC) untuk mengurangkan masa menunggu dan kesesakan pesakit terutama di waktu puncak.
- iv. Klinik Kesihatan Bt. 9 Cheras akan menerima peralatan perubatan baru termasuk penggantian mesen X-ray melalui *Program MEET*.

**PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PENERANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

25. Penerangan kerajaan negeri perlu dipertingkatkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mempertingkatkan penerangan dasar dan program kerajaan negeri kepada rakyat?
- b) Berapakah *bill board* yang diperuntukkan bagi penerangan MES (Merakyatkan Ekonomi Selangor) bagi setiap DUN?
- c) Berapakah bajet kerajaan negeri bagi tujuan penerangan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk perancangan ke depan, kita akan mewujudkan 'citizen journalist' iaitu aktivis media setempat yang akan bertugas secara sukarela dalam melaporkan segala aktiviti dan program di kawasan mereka. Satu kolumn khas akan dibuat dalam laman web SelangorKini untuk liputan berita daripada 'citizen journalist' ini.

Selain itu, kita juga sedang berusaha untuk mempelbagaikan program-program di bawah kendalian kumpulan kerja TV Selangor dan akhbar web selangorku.com. Program-program bercorak kebudayaan, keagamaan dan pro kepada generasi muda akan dipelbagaikan sesuai dengan trend dan isu semasa, khususnya di Negeri Selangor.

Kita juga akan meningkatkan tahap kecekapan edaran akhbar Selangorkini di setiap DUN. Dalam hal ini, kita akan lakukan audit di setiap Pusat Khidmat Masyarakat bagi memastikan setiap muka surat akhbar ini sampai ke tangan penduduk. Kita mahu setiap sen wang rakyat yang kita gunakan untuk mencetak dan menerbitkan akhbar ini benar-benar bermanfaat dalam menerangkan dasar dan program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

- b) Jumlah *billboard* yang diperuntukkan bagi penerangan MES disetiap DUN adalah seperti lampiran 1;

**LAMPIRAN 1**

<b>BIL</b>	<b>ADUN</b>	<b>KAWASAN</b>
1.	N1 – Sungai Air Tawar	Di simpang 3 pekan BNO Sungai Air Tawar
2.	N2- Sabak	Di persimpangan lampu isyarat Stadium Sabak Bernam
3.	N4 – Kawasan Sekinchan	Di tepi bahu jalan sebelah Padang Sekolah Rendah Agama Sekinchan
4.	N5 – Hulu Bernam	Selepas persimpangan bertingkat Tol Tanjung Malim menghala ke Pekan Hulu Bernam
5.	N6- Kuala Kubu Baharu	Di persimpangan jalan Kuala Kubu Dari Bukit Frazer/Simpang Jalan Merdeka
6.	N7- Batang Kali	Di jalan Batang Kalui dari Genting Highland menuju ke Kuala Kubu
7.	N8 – Sungai Burong	Di jalan Klang ke Teluk Intan berhampiran Balai Polis Tanjung Karang
8.	N9 - Permatang	Di jalan Bukit Belimbing dan jalan Kuala Selangor menghala ke Kg. Seri Tiram Jaya
9.	N10 – Bukit Melawati	Di simpang tiga jalan Semarak dan Jalan Melawati
10.	N11 - Ijok	Di simpang tiga jalan Kuala Selangor dan jalan Bukit Badong, bersebelahan Balai Polis Ijok.
11.	N12 - Jeram	Berdepan Stesen Petronas, Sg. Buloh

<b>BIL</b>	<b>ADUN</b>	<b>KAWASAN</b>
12.	N13- Kuang	Di simpang empat antara jalan Cikgu dan Kg. Sungai Serai berdekatan Stesen Komputer Kuang
13.	N14 - Rawang	Di tepi bulatan jalan Batu Arang berdekatan Pasaraya Mydin dan Mcdonalds, Pekan Rawang
14.	N15 – Taman Templer	Di simpang tiga Lebuhraya Selayang – Kepong dan Jalan SU 11
15.	N16 – Batu Caver	Di simpang empat Jalan Batu Caves dan Jalan Kg. Sungai Tua
16.	N17- Gombak Setia	Di simpang 3 Jalan Gombak dan Baru Caves, berdekatan Masjid Al-Sharif, Gombak
17.	N20 – Lembah Jaya	Jalan Ampang/ Jalan Wawasan Ampang
18.	N22 - Teratai	Jalan Kuari berhampiran Masjid Kg. Cheras Baru
19.	N23 – Dusun Tua	Di Batu 9 Cheras antara Jln Taman Suntex dan Jalan Hulu Langat – Balai Polis
20.	N24 - Semenyih	Berhadapan Perpustakaan Semenyih di tepi Jalan Semenyih dan Jalan Besar
21.	N25 - Kajang	Di simpang empat Jalan Kajang-Cheras berhampiran Stadium Kajang/Balai Polis - ( di pinjamkan kepada MPKJ)
22.	N26 – Bangi	Di simpan tiga di antara Persiaran Jaya ke Persiaran Bangi
23.	N27 - Balakong	Di persimpangan antara Jalan Besar dan Jalan Balakong
24.	N28 – Seri Kembangan	Jalan Putra Permai Taman Universiti Indah
25.	N29 – Seri Serdang	Lebuhraya LDP/ Jalan Taman Tasik Permai
26.	N30 - Kinrara	Di tepi Jalan Persiaran Kewajipan (USJ20 Subang Jaya)
27.	N31 – Subang Jaya	Di simpang 3 Jalan Kemajuan (SS15 Subang Jaya)

28.	N33 – Taman Medan	Taman Datuk Harun, Jalan PJS2 Nearby to Bazaar
29.	N34 – Bukit Gasing	Penampang Zone, Jalan Universiti & Jalan 17/1A
30.	N35 – Kampung Tunku	Nearby To LRT Station Paramount, end road to Jalan 21/1
31.	N37 – Bukit Lanjan	Jalan Sungai Buloh Kepong, Intersection to Damansara Damai
32.	N38 – Paya Jaras	Di tepi Jalan Kuala Selangor bersebelahan SMK Bandar Baru Sg. Buloh
33.	N39 – Kota Damansara	Di Persimpangan ke Sg. Buloh / Kota Damansara / Shah Alam/ Subang Airport
34.	N40 – Kota Anggerik	Di Bulatan Permai antara Persiaran Masjid dan Persiaran Dato' Menteri
35.	N41 – Batu Tiga	Di Persimpangan Jalan Landasan dan Jalan Dato' Mohd Saidin
36.	N44 – Sungai Pinang	Di Persimpangan Jalan Kapar dan Lebuh Selat Kelang Berhampiran Carefoor
37.	N45 – Selat Klang	Di Jalan Sultan Abdul Samad berhampiran Masjid Bandar Sultan Sulaiman
38.	N46 – Pelanbuhan Klang	Di Jalan Pandamaran ke Jalan Telok Gong
39.	N47 - Pandamaran	Di Persiaran Raja Muda Musa/Jalan Kim Chuan Berhampiran Kompleks Sukan - ( di selia oleh MPK)
40.	N48 – Kota Alam Shah	Di tepi Bulatan Persiaran Seraya dan Leboh Turi
41.	N49 – Seri Andalas	Di Simpang Jalan Dato' Mohd Sidin / Jalan Kg. Jawa
42.	N54 – Tanjung Sepat	Di Jalan Sultan Alam Shah berhadapan dengan Medan Selera Tanjung Sepat Indah
43.	N55 - Dengkil	Di Simpang 3 Jalan Kajang-Dengkil dan Jalan Banting berhadapan Balai Polis Dengkil
44.	N56 – Sungai Pelek	Berhadapan Balai Polis Sungai Pelek

Ada terdapat 12 DUN yang menghadapi masalah vandalisme dimana billboard yang telah dibina rosak atau hilang (sila lihat lampiran 2) yang mana usaha untuk menggantikan billboard tersebut masih dijalankan.

## **LAMPIRAN 2**

<b>BIL</b>	<b>ADUN</b>	<b>KAWASAN</b>
1.	N3 – Sungai Panjang	Di Simpang lampu isyarat Simpang 3 Loji Sungai Besar – ( Rosak )
2.	N18 - Hulu Klang	Persimpangan MRR2/ Jalan Melawati/ Persiaran Permata – ( Dicuri )
3.	N19 – Bukit Antarabangsa	Persimpangan Jalan Ampang/Jalan Dagang Besar, Taman Dagang – ( Dicuri )
4.	N21 - Cempaka	Bersebelahan MRR2 berhadapan Tesco Ampang – ( Dicuri )
5.	N32 – Seri Setia	Jalan Klang Lama Fronting Guiness Malaysia Berhad – ( Dirobohkan )
6.	N36 – Damansara Utama	Jalan SS24/1 Facing Petrol Station - ( Pindah tapi tiada lokasi yang bersesuaian)
7.	N42 – Meru	Di Persiaran Klang Sentral 2 – Berhampiran Stesen Klang Central - ( Rosak )
8.	N43 - Sementa	Di Simpang 3 Jalan Hj. Sirat/Jalan Kapar berdepan Dewan Ahmad Razali - ( Rosak )
9.	N50 – Sri Muda	Di Bulatan Aman Sek. 25 – ( Dibuka untuk projek pembesaran jalan )
10.	N51 - Sijangkang	Di hadapan Taman Sri Medan, bersebelahan Billboard MES – (Rosak)
11.	N52 – Teluk Datuk	Di Simpang 3 Jalan Banting berhadapan SMK Banting – (Rosak )
12.	N53 - Morib	Simpang 3 ( Simpang Morib) depan Kuarters JKR - ( Rosak )

Sekretariat akhbar di pejabat Menteri Besar bersama anak syarikat Communication Corporation Sdn Bhd sedang mengusahakan imej dan mesej baharu untuk paparan billboard ini yang akan dilancarkan pada tahun hadapan.

- c) Untuk membina atau membaiki 13 billboard yang rosak, bajet yang diperlukan adalah lebih kurang RM130,000 atau RM13,000 setiap billboard termasuk insuran. Manakala menggantikan visual baharu bajet yang diperlukan adalah RM89,600 atau RM1,600 setiap billboard (10ftx40). Bajet yang disebut di atas boleh berubah mengikut proses sebut harga atau tender.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK: PERLANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS 2014**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah garis-garis panduan yang digunakan dalam pemilihan dan pelantikan Ahli-Ahli Majlis yang berwibawa dan efektif?
  - Siapakah yang menentukan pelantikan Ahli-Ahli Majlis? Kenapa kuota Ahli Majlis di negeri Selangor belum di penuhi?

**JAWAPAN:**

- Kriteria asas pelantikan Ahli Majlis adalah berdasarkan **Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)** iaitu:
  - Hendaklah terdiri daripada orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;
  - Mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan;
  - Kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian; dan
  - Mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menetapkan agar semua Ahli Majlis Negeri Selangor bebas rekod jenayah, integriti dan kebankrapan.

- Calon-calon Ahli Majlis dikemukakan oleh semua parti yang membentuk Kerajaan Negeri dan akan diperhalusi untuk diluluskan dan dilantik oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Kerajaan Negeri telah pun melantik seramai 223 Ahli Majlis daripada kuota 279 Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Kuota Ahli Majlis akan dipenuhi setelah menerima senarai calon daripada pihak parti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : SUMBANGAN ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC)  
TERHADAP PROGRAM-PROGRAM KERAJAAN NEGERI**

27. Anak-anak syarikat milik Kerajaan (GLC) adalah syarikat milik Kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC).
- b) Berapa keuntungan selepas cukai syarikat-syarikat ini. ?
- c) Berapa sumbangan diberikan oleh syarikat-syarikat ini terhadap program-program Kerajaan. Senaraikan mengikut anak syarikat.

**JAWAPAN:**

- a) **Anak syarikat Kerajaan Negeri** didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kerajaan Negeri mempunyai 11 anak syarikat.

**Badan berkanun** ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980). Kerajaan Negeri mempunyai 8 Badan Berkanun.

Senarai anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, badan berkanun dan agensi adalah seperti di **Lampiran A**.

- b) Jumlah keuntungan/(kerugian) selepas cukai (belum diaudit) anak-anak syarikat-syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Anak Syarikat/Badan Berkanun</b>	<b>Untung/(Rugi) Selepas Cukai (RM)</b>
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	47,798,540.00
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	47,689,250.00
3	Selangor State Investment Centre (SSIC)	(316,367.58)
4	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	(28,369,538.00)
5	Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)	(185,307.51)
6	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	11,821,879.00
7	Majlis Sukan Negeri Selangor Holdings (MSNS Holdings)	(314,918.20)
8	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	(1,834,273.00)
9	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	(139,292.00)
10	Communication Corporotion Sdn Bhd (CCSB)	(768,344.00)
11	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	18,612.00
12	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	260,107,000.00
13	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	97,195.00
14	Yayasan Selangor	(5,140,000.00)
15	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd*	(356,116.00)
17	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)	(1,623,040.00)
18	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	2,357,231.20
19	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	5,448,496.00

\* Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd adalah syarikat subsidiari LPHS

- c) Jumlah sumbangan diberikan oleh syarikat-syarikat ini terhadap program-program Kerajaan pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Lampiran B**.

#### **LAMPIRAN A**

<b>BIL</b>	<b>ANAK SYARIKAT/BADAN BERKANUN</b>	<b>ALAMAT</b>
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Tingkat 16-17, Plaza Perangsang Persiaran Perbandaran 40000 Shah Alam
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Tingkat 25, Wisma MBSA Persiaran Perbandaran 40000 Shah Alam
3	Selangor State Investment Centre (SSIC)	No.F1-2, Jalan Multimedia 7/AG City Park, I-City 40000 Shah Alam
4	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7 40000 Shah Alam
5	Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)	W.D.T 14 48009 Rawang
6	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	Tingkat 24, Bangunan Darul Ehsan No. 3, Jalan Indah Seksyen 14 40000 Shah Alam
7	Majlis Sukan Negeri Selangor Holdings (MSNS Holdings)	Aras 2, Carlton Holidays Hotel & Suite No 1, Persiaran Akuatik, Seksyen 13 40100 Shah Alam
8	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14 40503 Shah Alam
9	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	Lot P7, Jalan Indah 14/12 40000 Shah Alam
10	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	Carlton Holidays Hotel & Suite No. 1, Level 3 Persiaran Akuatik, Seksyen 13 40100 Shah Alam

11	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam
12	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Bahagian Kewangan, Tingkat 8, Menara HPAIC Laman Seri Business Park No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13 40100 Shah Alam
13	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Tingkat 8-11, Wisma PKPS Persiaran Perbandaran Seksyen 14 40675 Shah Alam
14	Yayasan Selangor	Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor No. 18A, Persiaran Barat 46000 Petaling Jaya
15	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	Tingkat 5, Podium Utara Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah 40503 Shah Alam
16	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI)	Tingkat 14, Bangunan SSAAS 40502 Shah Alam
17	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)	D/A Perpustakaan Raja Tun Uda, Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam
18	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Muzium Sultan Alam Shah Persiaran Bandaraya 40000 Shah Alam
19	Lembaga Urus Air Selangor	Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14 40000 Shah Alam

**LAMPIRAN B**

**SENARAI SUMBANGAN DIBERIKAN OLEH ANAK-ANAK SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC) TERHADAP PROGRAM-PROGRAM KERAJAAN PADA TAHUN 2012 DAN 2013**

<b>Bil</b>	<b>Tujuan Sumbangan</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Tahun</b>	
			<b>2012 Jumlah (RM)</b>	<b>2013 Jumlah (RM)</b>
1	Tabung Warisan Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Semesta Sdn Bhd</li> <li>• Permodalan Negeri Selangor Bhd</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor</li> </ul>	336,537.06 761,909.26 3,380,970.07 348,565.58	264,643.98 463,214.02 8,307,275.33 2,651.80
<b>JUMLAH</b>			<b>4,827,981.97</b>	<b>9,037,785.13</b>
2	Tabung Amanah Merakyatkan Ekonomi Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Semesta Sdn Bhd</li> <li>• Permodalan Negeri Selangor Bhd</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor</li> </ul>	0 1,331,598.16 0 0	1,000,000.00 500,000.00 2,000,000.00 500,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>1,331,598.16</b>	<b>4,000,000.00</b>
3	Tabung Pendidikan Anak Syarikat dan Badan Berkanun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MBI</li> <li>• Kumpulan Perangsang Selangor Berhad</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor</li> <li>• Permodalan Negeri Selangor Berhad</li> </ul>	1,000,000.00 1,000,000.00 0 1,000,000.00 2,000,000.00	0 0 0 0 0
<b>JUMLAH</b>			<b>5,000,000.00</b>	<b>0</b>

4	Selangor Golf Masters	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor &amp; anak syarikat</li> <li>• Permodalan Negeri Selangor Bhd</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor</li> <li>• Kumpulan Darul Ehsan Berhad</li> <li>• Kumpulan Semesta Sdn Bhd</li> </ul>	2,000,000.00	2,000,000.00
	<b>JUMLAH</b>		<b>2,510,000.00</b>	<b>2,550,000.00</b>
5	Sumbangan Lembu Sempena Hari Raya Aidiladha	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MBI</li> <li>• Kumpulan Darul Ehsan Berhad</li> <li>• Permodalan Negeri Selangor Bhd</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor</li> <li>• Kumpulan Semesta Sdn Bhd</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor</li> </ul>	175,000.00 301,954.00 301,954.00 301,954.00 301,954.00 175,000.00	161,357.15 322,714.00 330,485.72 326,600.00 330,485.72 251,357.15
	<b>JUMLAH</b>		<b>1,557,816.00</b>	<b>1,722,999.74</b>
6	Program Kerajaan Prihatin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permodalan Negeri Selangor Bhd</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor</li> <li>• Kumpulan Semesta Sdn Bhd</li> </ul>	0 0 0 0	500,000.00 2,000,000.00 500,000.00 1,000,000.00
	<b>JUMLAH</b>		<b>0</b>	<b>4,000,000.00</b>
7	Jom Shopping - SMUE	• Kumpulan Semesta Sdn Bhd	5,000,000.00	0
	<b>JUMLAH</b>		<b>5,000,000.00</b>	<b>0</b>
8	Projek Pembangunan Persimpangan Bertingkat, Seksyen 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor</li> <li>• MBI</li> </ul>	181,260.00 11,206,913.61	6,818,450.00 17,896,819.44

	Shah Alam			
<b>JUMLAH</b>		<b>11,388,173.61</b>	<b>24,715,269.44</b>	
9	Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor</li> <li>• Kumpulan Semesta Sdn Bhd</li> <li>• Kumpulan Darul Ehsan Berhad</li> <li>• Permodalan Negeri Selangor Bhd</li> </ul>	17,000.00 5,000.00 51,897.00 583,889.00	0 0
<b>JUMLAH</b>		<b>657,786.00</b>		<b>0</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>32,273,355.74</b>	<b>46,026,054.31</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PENGGUNAAN AIR LOMBONG**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah bilangan dan lokasi lombong atau kolam air yang digunakan untuk membekal air mentah akibat krisis bekalan air?
  - Nyatakan nama dan lokasi loji air yang terlibat memproses air lombong?
  - Berapakah jumlah air - juta liter padu (JLT) yang telah dapat diproses?

**JAWAPAN:**

- Senarai bilangan dan lokasi kolam alternatif yang telah dikenal pasti oleh kerajaan Negeri untuk membekalkan air mentah ketika musim kemarau adalah seperti di Lampiran I. Kolam Hang Tuah di Kuala Selangor yang terdiri daripada 6 siri kolam (Hang Tuah 1 – 6) telah digunakan untuk membekalkan air mentah ketika berlakunya kekurangan sumber air pada bulan Februari hingga April yang lepas.
- Loji pembersihan air (LPA) yang terlibat dalam memproses air kolam Hang Tuah tersebut adalah LPA Rantau Panjang, SSP1, SSP2 dan SSP3 di Sg. Selangor.
- Jumlah air yang telah dapat diproses ialah sebanyak 39.59 juta meter padu ( $\text{Mm}^3$ ) di antara tarikh 26 Februari hingga 6 April 2014.

**Nota :**

<b>SSP1</b>	<b>: 12.71 juta meter padu (26 Feb hingga 6 April)</b>
<b>SSP2</b>	<b>: 15.23 juta meter padu</b>
<b>SSP3</b>	<b>: 11.23 juta meter padu</b>
<b>Rantau Panjang</b>	<b>: 0.42 juta meter padu</b>
<b>Jumlah</b>	<b>: 39.59 juta meter padu</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PUSAT WANITA BERDAYA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan pencapaian dan kelemahan program Pusat Wanita Berdaya Negeri Selangor dalam membantu kaum wanita di dalam negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Melalui kajian dan pemerhatian yang dijalankan Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah banyak membantu kaum wanita di Negeri Selangor. Kebanyakan wanita yang terlibat secara langsung dengan PWB ini boleh berdikari sendiri dan berjaya meningkatkan ekonomi hidup masing-masing.

Melalui latihan dan bimbingan yang telah diadakan di Pusat-Pusat Wanita Berdaya telah berjaya melahirkan usahawanita yang telah menghasilkan produk sendiri. Antara produk yang dikeluarkan adalah :

- i. Biskut Kelapa dari PWB Selat Klang;
- ii. Mee Kuning dari PWB Lembah Jaya
- iii. Kuih Sejuk Beku dari PWB Rawang
- iv. Tempahan Pelbagai Pakaian Seragam dari PWB Ijok dan PWB Sijangkang
- v. Rekaan Kreatif Hasil Kraftangan (Tudung Saji) dari PWB Sungai Air Tawar
- vi. Telekung dari PWB Morib
- vii. Dan Lain-lain

Kebanyakan produk keluaran PWB ini mendapat sambutan yang hangat dan sentiasa tidak cukup untuk memenuhi permintaan pasaran.

Sepanjang penubuhan PWB dari tahun 2009 sehingga kini banyak kelemahan yang telah diperbaiki dari semasa ke semasa. Kajian impak yang berterusan sentiasa dijalankan seiring dengan perkembangan PWB itu sendiri.

PWB mungkin boleh lebih berkembang maju dan berjaya sekiranya terdapat sepenuh sokongan dan bantuan daripada masyarakat setempat termasuk barisan pimpinan hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KEMPEN “HIJAUKAN BUMI”**

30. Bertanya kepada Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah rancangan kerajaan negeri dalam usaha menyahut kempen “Hijaukan Bumi” yang bertujuan menjaga kualiti alam,?

**JAWAPAN:**

- a) Sejak pelancaran kempen penanaman 26 juta pokok menjelang tahun 2014 di seluruh negara yang bertemakan “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” oleh Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 22 April 2010 bersempena sambutan Hari Bumi, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan komitmen tinggi dengan melaksanakan program penanaman pokok yang dimulakan di Hulu Selangor. Setakat tahun 2013, sebanyak 711,210 pokok telah berjaya ditanam melalui penyelarasan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Kempen tersebut adalah salah satu inisiatif Kerajaan menangani isu perubahan iklim. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga melaksanakan Dasar Hijaukan Selangor sebagai salah satu tindakan yang amat penting memandangkan bumi kita sering mengalami bencana alam yang mengancam kualiti alam sekitar. Di antara tindakan dan inisiatif hijau tersebut ialah melancarkan beberapa kempen dan polisi seperti:-
- i) Kempen Hari Tanpa Beg Plastik;
  - ii) Kempen 10:10 Menangani Perubahan Iklim Dengan 10 Langkah Mudah;
  - iii) Kempen Guna Semula Bekas Makanan Di Bangunan-bangunan Kerajaan;
  - iv) Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada tahun 2009 dan diselaraskan oleh Jabatan Alam Sekitar di mana program ini melibatkan wakil rakyat atau pemimpin masyarakat di peringkat Parlimen bersama-sama rakyat melaksanakan program kesedaran alam sekitar secara *hands-on*; dan
  - v) Program Zon Bersih Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan yang berpandukan konsep kejiraninan hijau yang telah dimulakan sejak tahun 2010.

Pada hakikatnya, Kerajaan Negeri Selangor melalui kerjasama erat yang sedia terjalin di antara Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Badan-badan Berkanun Kerajaan, institusi-institusi pendidikan, pihak swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) akan meneruskan inisiatif sedia ada dan sentiasa merancang, mengutamakan dan melaksanakan pelbagai program berorientasikan kehijauan bumi dan kelestarian alam sekitar melalui perkongsian pintar dan tindakan secara kolektif. Impak daripada aktiviti-aktiviti kesedaran dan kehijauan tersebut telah membolehkan orang ramai mengetahui isu-isu alam sekitar dengan lebih jelas dan dapat bekerjasama dengan Kerajaan menangani masalah-masalah alam sekitar yang dihadapi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PROGRAM MES**

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) PTRS, kelewatan bekalan bahan mengajar,bayaran tuntutan elauan guru & petugas. Sebabnya?
  - b) TUNAS, beban tambahan kepada TADIKA kecil atas kelewatan jawapan permohonan dan bayaran baucar. Punca dan penyelesaian?
  - c) Mengapakah bahan promosi dan borang permohonan pihak PKM perlu cetak sendiri?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2014, kaedah pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) telah mengalami beberapa perubahan seperti berikut :
  - i. pelaksanaan PTRS kini tidak lagi dilaksanakan melalui konsultan, sebaliknya diurus sendiri oleh penjawat awam. Oleh itu, terdapat beberapa prosedur perlu dikemaskini dan ditambahbaik; dan
  - ii. kelewatan bahan mengajar atau nota adalah disebabkan oleh perkhidmatan pembekalan nota ini perlu melalui proses sebut harga, tidak seperti tahun-tahun sebelum ini di mana PTRS dilaksanakan secara pakej oleh konsultan termasuk urusan pembekalan nota .
- b) Punca kelewatan jawapan permohonan dan bayaran baucar adalah disebabkan oleh perkara berikut :
  - i. Pendaftaran dan Permohonan
    - jumlah permohonan yang sangat tinggi iaitu sebanyak 6000 permohonan bermula bulan Januari hingga Februari 2014, menyebabkan tempoh masa yang diambil untuk urusan memproses borang permohonan agak lama. Namun demikian, urusan tersebut telah dapat diselesaikan dalam tempoh tiga (3) minggu selepas tarikh tutup permohonan pada 17 Februari 2014;
    - dokumen permohonan yang dihantar tidak lengkap menyebabkan prosedur tambahan perlu dilaksanakan bagi

melengkapkan permohonan;

- tiada maklumat perhubungan yang lengkap menyebabkan sukar untuk dihubungi oleh pegawai operasi; dan
- permohonan dihantar lewat oleh pemohon, TADIKA dan pusat khidmat ke bahagian operasi TUNAS.

ii. Kelulusan Bayaran

- Proses pembayaran perlu melalui pelbagai peringkat yang melibatkan pelbagai pihak iaitu Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Agihan dan Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Perpendaharaan Negeri.

iii. Isu-isu lain

- Terdapat beberapa TADIKA merayu untuk menangguhkan pemakluman sehingga cek bayaran diterima oleh ibubapa kerana kebanyakan ibubapa mengambil pendekatan untuk tidak membayar yuran terlebih dahulu sekiranya telah maklum bahawa permohonan mereka telah berjaya
- Terdapat sebahagian Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Negeri yang lewat mengambil & menyerahkan cek kepada TADIKA yang terlibat .

Beberapa kaedah penyelesaian telah dikenal pasti bagi menyelesaikan isu-isu di atas antaranya ialah :

- mengadakan sesi taklimat berkaitan pendaftaran, kelulusan, pembayaran dan penyampaian manfaat kepada semua Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Negeri dan Pihak yang terlibat;
- kelulusan dan pemakluman bayaran dibuat dalam 3 fasa iaitu 4 bulan bagi fasa 1 dan 2 dan 3 bulan bagi fasa terakhir atau kelulusan bayaran bagi setiap bulan dibuat terus bagi tempoh setahun iaitu untuk sebelas bulan (11 bulan);
- Pegawai Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilantik di setiap Dewan Negeri perlu lebih proaktif dalam melaksanakan program Skim TUNAS ini seperti pelaksanaan Program MES yang lain iaitu Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang giat dilaksanakan di setiap Dewan Negeri;
- mengadakan sesi taklimat secara berkala bagi semua penerima di setiap daerah yang akan memohon dan yang telah menerima kelulusan; dan

- Permohonan yang layak akan diisi terus ke dalam sistem e-tunas oleh pihak TADIKA dan dihantar salinan berserta dokumen ke Pusat Khidmat Masyarakat untuk semakan dan kepada Pejabat RMSB untuk pengesahan serta kelulusan.
- c) Bahan promosi MES masih dicetak di peringkat operasi MES namun Borang Permohonan sahaja yang dikurangkan jumlah cetakan berdasarkan perkara berikut :
  - jumlah borang yang dicetak adalah mengikut peratus sasaran peserta yang akan menerima manfaat berdasarkan peruntukan yang diberikan pada setiap tahun;
  - mengelakkan penyebaran borang tanpa kawalan dan tidak sampai kepada kumpulan sasaran;
  - mengelakkan dan mengurangkan risiko bekalan borang habis di Pusat Khidmat Masyarakat ketika pemohon datang ke pusat khidmat; dan
  - memberi pelbagai pilihan kepada pemohon untuk mendapatkan akses permohonan agar tiada isu keciciran dari mendapatkan manfaat MES.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: KOS SELENGGARAAN KENDERAAN UPEN**

32. Merujuk sepanjang tahun 2013.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan kenderaan yang didaftarkan di bawah UPEN dan SUK?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan selenggaraan menurut kelas kenderaan?
- c) Berapakah pecahan perbelanjaan menurut bengkel yang membuat selenggaraan?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 80 kenderaan didaftarkan di bawah UPEN dan SUK seperti **LAMPIRAN A**.
- b) Jumlah perbelanjaan selenggara kenderaan UPEN bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM 49,278.89 mengikut jenis kenderaan seperti di **LAMPIRAN B**
- c) Maklumat terperinci senarai bengkel dan jumlah penyelenggaraannya adalah seperti berikut ;

Jumlah kos perbelanjaan keseluruhan penyelenggaraan kenderaan UPEN adalah sebanyak RM 49,278.89 sepanjang tahun 2013. Senarai syarikat / bengkel bagi kenderaan yang diselenggara oleh UPEN mengikut Seksyen adalah seperti berikut :

### **Seksyen Makro dan Penswastaan**

Jenis kenderaan / No. Pendaftaran : Inokom Santa Fe 2.0 / BJV 5646

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggaran (RM)</b>
1.	Hasrat Cekal Enterprise	1,890.00
2.	Watford Enterprise	3,360.00
3.	Hasrat Cekal Enterprise	610.00
4.	Nazori Enterprise	1,660.00

Jenis kenderaan : Proton Persona 1.6 / BKR 6058

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggara (RM)</b>
1.	Intan Matang (Proservis) Sdn Bhd	2,195.46
2.	Intan Matang (Proservis) Sdn Bhd	1,043.90
3.	Intan Matang (Proservis) Sdn Bhd	918.10
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>11,677.46</b>

### **Seksyen Agihan dan Pembangunan**

Jenis kenderaan / No. Pendaftaran : Proton Persona 1.6 L / BKR 6646

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggara (RM)</b>
1.	Pantai Bharu Holdings Sdn Bhd (Pusat Servis Berdaftar –Proton)	2,739.24

Jenis kenderaan / No. Pendaftaran : Hyundai Santa Fe 2.0L / BJV 141

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggara (RM)</b>
1.	Sime Darby Auto Hyundai Sdn Bhd (Pusat Servis Berdaftar – Hyundai)	9,123.70
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>11,862.94</b>

### **Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan**

Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran :Santa FE 2.2 / No, BJV 5648

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggaraa (RM)</b>
1.	Hasrat Cekal Enterprise	8,040.00

Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran :Toyota Fortuner / No BKT 1560

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggaraa (RM)</b>
1	UMW Toyotsu Motors Sdn. Bhd	2,532.17
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>10,572.17</b>

### **Seksyen Sektoral**

1. Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran : Pacuan 4 Roda Toyota Hilux / BJH 2420

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggara (RM)</b>
1	UMW Toyotsu Motors Sdn Bhd	594.60

2. Jenis Kenderaan/ No. Pendaftaran : X-Trail 4WD Nissan 2.5L AT/ BKE 7711

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggara (RM)</b>
1	Tan Chong Ekspres Auto Servis Sdn Bhd	4,732.50
2	E.D Tayar Dan Bateri Sdn Bhd	1,629.96

3. Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran : X-Trail 4WD Nissan 2.5L AT / BKQ 8073

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat / Bengkel</b>	<b>Kos Selenggara (RM)</b>
1	Tan Chong Ekspres Auto Servis Sdn Bhd	6,579.30
2	E.D Tayar Dan Bateri Sdn Bhd	1,629.96
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>15,166.32</b>

<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>49,278.89</b>
--------------------------------	------------------

## LAPORAN STATUS KENDERAAN JABATANPEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGORMILIKAN NEGERI

BIL	JABATAN/ DAERAH	MODEL KENDERAAN	PLAT KENDERAAN	BILANGAN JENIS KENDERAAN							PEROLEHAN		HARGA PEROLEHAN		
				M	S	4X4	MPV	B	KB	C	J	USIA TAHUN	TARIKH	RM	TAHUN
1	Agihan Dan Pembangunan	Persona	BKR 6646	X								4	24/02/10	57,910.50	2010
2	Agihan Dan Pembangunan	Santa Fe	BJV 141		X							6	04/03/08	97,000.00	2008
3	Audit Dalam	Musso	BHP 616		X							9	29/06/05	93,117.85	2005
4	Dewan Negeri Selangor	Fortuner	BMJ 1000		X							2	28/12/12	113,357.46	2012
5	Dewan Negeri Selangor	Fortuner	BKW 733		X							4	23/07/10	98,682.99	2010
6	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 2000	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
7	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 9900	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
8	Dewan Negeri Selangor	Camry	BGD 33	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
9	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 700	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
10	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 800	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
11	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 600	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
12	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 3000	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
13	Dewan Negeri Selangor	Camry	BGH 33	X								2	28/12/12	139,824.67	2012
14	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 300	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
15	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 900	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
16	Dewan Negeri Selangor	Camry	BMJ 7000	X								1	24/10/13	117,910.00	2013
17	Dewan Negeri Selangor	Camry	BKF 700	X								6	30/12/08	157,074.89	2008
18	Dewan Negeri Selangor	Camry	BKF 5247	X								6	30/12/08	157,074.89	2008
19	Dewan Negeri Selangor	Camry	BKF 50	X								6	30/12/08	157,074.89	2008
20	Dewan Negeri Selangor	Perdana V6 Executive	BJN 217	X								7	04/07/07	124,610.35	2007
21	Dewan Negeri Selangor	Waja	BJC 7337	X								8	17/10/06	48,677.35	2006
22	Dewan Negeri Selangor	Perdana V6 Executive	BHY 29	X								8	30/09/06	124,610.35	2006
23	Dewan Negeri Selangor	Perdana V6 Executive	BLX 9792	X								8	02/01/06	124,610.35	2006
24	Dewan Negeri Selangor	Perdana V6 Executive	BLX 9334	X								9	29/12/05	124,610.35	2005
25	Dewan Negeri Selangor	Perdana V6 Executive	BMH 3733	X								8	29/12/05	124,610.35	2006
26	Dewan Negeri Selangor	Wira	BGC 525	X								13	09/04/01	35,000.00	2001
27	Khidmat Pengurusan	Camry	BMJ 100	X								1	25/10/13	117,910.00	2013
28	Khidmat Pengurusan	Camry	BMJ 200	X								1	25/10/13	117,910.00	2013
29	Khidmat Pengurusan	Fortuner	BMH 7742	X								1	24/10/13	111,069.46	2013
30	Khidmat Pengurusan	Fortuner	BMH 7703	X								1	24/10/13	111,069.46	2013
31	Khidmat Pengurusan	Camry	BGA 66	X								1	03/10/13	117,910.00	2013
32	Khidmat Pengurusan	Sorento	BHK 500	X								1	19/06/13	115,700.00	2013
33	Khidmat Pengurusan	Camry	BHQ 90	X								1	05/03/13	123,054.67	2013
34	Khidmat Pengurusan	Ctric	BMA 9718	X								2	24/07/12	4,730.10	2012
35	Khidmat Pengurusan	Ctric	BMD 6295	X								2	24/07/12	4,730.10	2012
36	Khidmat Pengurusan	Accord	BJE 66	X								2	13/07/12	96,061.90	2012
37	Khidmat Pengurusan	Accord	BJH 11	X								2	13/07/12	96,061.90	2012
38	Khidmat Pengurusan	Hiace	BKS 718		X							4	26/03/10	92,561.72	2010
39	Khidmat Pengurusan	Saga	BGH 999	X								4	07/01/10	35,638.97	2010
40	Khidmat Pengurusan	Saga	BFB 888	X								5	13/01/09	36,954.17	2009
41	Khidmat Pengurusan	Saga	BKH 376	X								5	13/01/09	36,954.17	2009
42	Khidmat Pengurusan	Saga	BFL 6666	X								5	13/01/09	36,954.17	2009
43	Khidmat Pengurusan	Nissan	BJQ 5144		X							7	05/09/07	530,000.00	2007
44	Khidmat Pengurusan	Waja	BJH 4421	X								8	20/12/06	50,900.00	2006
45	Khidmat Pengurusan	Hiace	BJH 5985		X							8	16/11/06	97,284.00	2006
46	Khidmat Pengurusan	Perdana V6 Executive	BJE 1118	X								8	30/10/06	124,610.35	2006
47	Khidmat Pengurusan	Perdana V6	BGQ 111	X								8	02/08/06	75,323.50	2006
48	Khidmat Pengurusan	Waja	BFX 737	X								8	30/03/06	50,900.24	2006
49	Khidmat Pengurusan	Perdana V6 Executive	BHQ 737	X								9	31/03/05	141,262.35	2005
50	Khidmat Pengurusan	Arena	BHK 4761		X							10	09/11/04	37,986.67	2004
51	Khidmat Pengurusan	Hiace	BHE 1350		X							10	22/10/04	71,044.29	2004
52	Khidmat Pengurusan	Kriss	BHA 8157	X								10	14/01/04	4,046.00	2004
53	Khidmat Pengurusan	Kriss	BHA 8158	X								10	14/01/04	4,046.00	2004
54	Khidmat Pengurusan	Kriss	BHA 8159	X								10	14/01/04	4,046.00	2004
55	Khidmat Pengurusan	Kriss	BHA 8160	X								10	14/01/04	4,046.00	2004
56	Khidmat Pengurusan	Kriss	BHA 8161	X								10	14/01/04	4,046.00	2004
57	Khidmat Pengurusan	Kriss	BHA 8162	X								10	14/01/04	4,046.00	2004
58	Khidmat Pengurusan	Mercedes	BGD 313		X							13	08/11/01	280,000.00	2001
59	Khidmat Pengurusan	Pajero	BJC 3895	X								16	09/07/98	135,086.44	1998
60	Khidmat Pengurusan	Coaster	BDR 999					X				19	07/11/95	152,965.00	1995
61	Korporat	Saga	BGQ 616	X								5	13/01/09	36,954.17	2009
62	Makro Dan Penswastaan	Persona	BKR 6058	X								4	24/02/10	55,110.50	2010
63	Makro Dan Penswastaan	Santa Fe	BJV 5646		X							6	06/03/08	107,000.00	2008
64	Pejabat Menteri Besar	Saga	BLA 6924	X								4	25/11/10	39,705.92	2010
65	Pejabat Menteri Besar	X-Trail	BFO 2222	X								6	25/11/08	98,235.71	2008
66	Pejabat Menteri Besar	X-Trail	BFO 7777	X								6	25/11/08	98,235.71	2008
67	Pejabat Menteri Besar	X-Trail	BFH 888	X								2	20/09/12	145,405.30	2006
68	Pejabat Menteri Besar	Lexus	WQR 771		X							-	-	-	-
69	Pejabat Menteri Besar	Accord	BMD 1741	X								1	14/05/13	94,080.37	2013
70	Pengurusan Sumber Manusia	Innova	BLJ 5401		X							3	07/09/11	77,315.82	2011
71	Pengurusan Sumber Manusia	Hiace	BLM 835		X							3	14/07/11	61,409.80	2011
72	Pengurusan Sumber Manusia	Waja	BKE 7967	X								5	05/01/09	53,335.45	2009
73	Pengurusan Sumber Manusia	Fortuner	BKA 5409	X								6	24/04/08	100,718.44	2008
74	Pihak BerkuaTempatan	Fortuner	BKT 1560	X								4	20/04/10	105,367.72	2010
75	Pihak BerkuaTempatan	Santa Fe	BJV 5648	X								6	06/03/08	107,000.00	2008
76	Pihak BerkuaTempatan	Santa Fe	BMK 8285	X								1	06/12/13	110,000.00	2013
77	Sektoral	X-Trail	BKQ 8073	X								4	22/01/10	98,213.71	2010
78	Sektoral	X-Trail	BKE 7711	X								6	24/12/08	93,000.00	2008
79	Sektoral	Hilux	BJH 2420	X								8	29/12/06	88,552.27	2006
80	Teknologi Maklumat	X-Trail	BKE 128	X								6	23/12/08	96,626.57	2008
81	Teknologi Maklumat	Preve	BFJ 7777	X								1	02/10/13	55,839.23	2013

## **LAMPIRAN B**

- b) Jumlah perbelanjaan selenggaraan mengikut kelas / jenis kenderaan adalah seperti berikut ;

### **Seksyen Makro dan Penswastaan**

Jenis kenderaan / No. Pendaftaran : Inokom Santa Fe 2.0 / BJV 5646 = RM 7,520.00

Jenis kenderaan : Proton Persona 1.6 / BKR 6058 = RM 4,157.46

### **Seksyen Agihan dan Pembangunan**

Jenis kenderaan / No. Pendaftaran : Proton Persona 1.6 L / BKR 6646 = RM 2,739.24

Jenis kenderaan / No. Pendaftaran : Hyundai Santa Fe 2.0L / BJV 141 = RM 9,123.70

### **Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan**

Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran : Hyundai Santa FE 2.2 / No, BJV 5648 = 8,040.00

Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran : Toyota Fortuner / No BKT 1560 = RM 2,532.17

### **Seksyen Sektoral**

1. Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran : Pacuan 4 Roda Toyota Hilux / BJH 2420 = RM 594.60
  
2. Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran : X-TRAIL 4WD Nissan 2.5L AT / BKE 7711 = RM 6,362.46
  
3. Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran : X-Trail 4WD Nissan 2.5L AT / BKQ 8073 = RM 8,209.26

<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>49,278.89</b>
--------------------------------	------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapa kali Rancangan Struktur Negeri (RSN) Selangor telah diterbitkan dan tempoh setiap RSN?
  - Apakah dokumen rujukan bagi merangka RSN sebelum dan selepas ini?

**JAWAPAN:**

- a) **Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020** adalah rancangan struktur yang pertama disediakan bagi perancangan peringkat Negeri yang mana sebelum ini rancangan struktur di sediakan di peringkat daerah. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 ini telah diwartakan pada 14 Jun 2007 dengan No. Warta 1541.

Manakala **Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035** pula disediakan bagi menggantikan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020. Penggantian dan kajian semula ini dilakukan setelah dibuat semakan semula ke atas Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 didapati terdapat perubahan besar ke atas dasar-dasar serta arah tuju pembangunan Negeri masakini yang perlu dikaji semula. Keperluan untuk semakan semula ini selaras dengan keperluan Seksyen 11, Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) yang memperuntukkan supaya semakan semula ke atas Rancangan Struktur sedia ada dilakukan setiap 5 tahun.

Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk pihak Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa melaksanakan kajian semula Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 dengan tempoh perancangan 20 tahun.

- b) Bagi merangka Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 semua dasar dan pelan pembangunan fizikal yang sediada di peringkat persekutuan dan juga negeri di ambilkira dan sesuaikan untuk dimasukkan dalam rancangan struktur ini antaranya iaitu seperti Halatuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025, Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor, Merakyatkan Ekonomi Selangor dan Agenda 21 Selangor. Begitu juga dengan dasar-dasar pembangunan negara diterjemahkan dalam konteks pembangunan negeri iaitu Program Tranformasi, Model Ekonomi Baru, Program Tranformasi Ekonomi, Strategi Lautan Biru Kerajaan dan Rancangan Malaysia Ke-10. Selain itu Pelan serta dasar-dasar pembangunan yang berkaitan dengan perancangan fizikal juga di rujuk dan diambilkira iaitu

antara Rancangan Fizikal Negara (RFN), Dasar Perbandaran Negara (DPN), Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pertanian, perhutanan, Dasar Teknologi Hijau dan lalin-lain dasar yang telah digubal diperingkat Negara dan juga Negeri.

Untuk makluman ahli Dewan, Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ini masih dalam peringkat draf dimana ianya akan di publisitikan untuk penyertaan pihak awam bagi memberi pandangan, cadangan dan bantahan ke atas kandungan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ini . Apabila Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ini diwartakan ianya adalah menjadi dokumen rujukan rasmi kerajaan negeri bagi perancangan pembangunan negeri sehingga tahun 2035 dan juga untuk penyediaan Rancangan Lima Tahun Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : FENOMENA EL-NINO.**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah pelan tindakan kerajaan negeri dalam menghadapi Fenomena El-Nino yang dijangka melanda Negara sekitar bulan Jun sehingga bulan September tahun ini?
  - Apakah pula tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan jerebu hasil dari kebakaran kawasan tanah gambut?

**JAWAPAN:**

- Pihak kerajaan negeri telah menjalankan beberapa inisiatif bagi menghadapi Fenomena El-Nino antaranya ialah :
  - Operasi Pelepasan Air Dari Kolam Alternatif dan Pengepaman Semula Air Dari Sungai Selangor**

Pelepasan air dari Kolam Alternatif dengan menggunakan pam dijangka mampu untuk beroperasi selama 5 bulan.

Pelaksanaan operasi pengepaman semula air Sungai Selangor ke kolam-kolam alternatif bagi tujuan penstorran air berikutan peningkatan hujan di kawasan tadahan dengan kerjasama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Terdapat peningkatan jumlah ‘residual flow’ dalam bulan April dan Mei iaitu dalam anggaran 2,200 JLH hingga 12,000 JLH di baraj Bestari Jaya.

Ini adalah bagi meningkatkan keupayaan Sungai Selangor bagi operasi muka sauk LPA dan seterusnya mengurangkan kebergantungan serta mengoptimakan pelepasan air dari Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi.
  - Operasi Pemberian Awan**

LUAS bersama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah menjalankan operasi pemberian awan dengan kerjasama pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan juga pihak swasta.

Operasi pemberian awan telah dilaksanakan bermula pada 27 Mac 2014 hingga 31 Mei 2014 dengan kerjasama pihak JMM dan syarikat swasta bagi meningkatkan paras air Empangan Sungai Selangor kepada 55% tertakluk kepada kesesuaian cuaca. Operasi Pemberian

Awan akan diteruskan sehingga akhir tahun ini sekiranya terdapat kesesuaian

Menjalankan operasi pemberian awan bersama pakar dari Royal Rainmaking Thailand bagi memperbaiki kaedah dan teknik pemberian awan. Antaranya adalah pembakaran hygroscopic flare di dasar serta di dalam awan dan terbang sehingga 5000 kaki.

### **iii. Kawalan Pelepasan Air Dari Empangan**

Bagi mengoptimumkan penggunaan air empangan kawalan ke atas pelepasan air yang ketat dilakukan bagi mengelakkan pembaziran. Melepaskan air empangan pada waktu-waktu tertentu sahaja

- b) Bagi mengurangkan jerebu hasil dari kebakaran kawasan tanah gambut, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:
- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang di dapati melakukan aktiviti pembakaran terbuka;
  - ii. Jabatan Alam Sekitar menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah. Program pemantauan ini turut dilaksanakan melalui penerbangan udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan pihak swasta untuk membuat pengesanan awal bagi mengelakkan kebakaran dari merebak;
  - iii. Kerajaan Negeri telah mewujudkan Unit Penguinkuasaan khas bagi mencegah pembakaran terbuka di Majlis Perbandaran Klang bagi memantau kawasan pertanian Revolusi Hijau, Johan Setia, Klang;
  - iv. Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan “wáter management system” melalui pembinaan “checkdam” dan pembinaan telaga air tanah (tubewell) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;

- v. Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM dan RELA terlibat di dalam kerja-kerja pemadaman bagi kes-kes kebakaran yang luas melibatkan kawasan hutan dan tanah gambut;
- vi. Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar untuk mengambil tindakan bersepada bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu;
- vii. Bagi membantu untuk mempercepatkan pemadaman kebakaran yang dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kerajaan Negeri telah mendapatkan kerjasama Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk menggunakan khidmat penerbangan kapal terbang Bombardier untuk pemadaman kebakaran hutan di Negeri Selangor ;
- viii. Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan bahawa Pejabat Tanah Daerah akan merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka; dan
- ix. Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam, pihak industri dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: SUKAN EKSTREM DI SELANGOR**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan kemudahan-kemudahan sukan ekstrem di Selangor mengikut daerah?
  - Apakah jenis-jenis sukan ekstrem yang menarik golongan belia?
  - Adakah pihak kerajaan negeri dan GLC negeri membiayai program sukan ekstrem ini?

**JAWAPAN:**

- Majlis Sukan Negeri Selangor tidak menyediakan kemudahan-kemudahan sukan ekstrem di Selangor. Untuk makluman Majlis Sukan Negeri Selangor hanya menumpukan sukan yang berprestasi tinggi sahaja.
- Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor tidak mempunyai informasi berkenaan jenis sukan ekstrem untuk menarik golongan belia memandangkan tiada program yang diadakan di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor. Walaubagaimanapun terdapat Pihak Berkuasa Tempatan yang menyediakan kemudahan sukan ekstrem seperti MBPJ, MBSA, MPSJ.
- Pihak Majlis Sukan Negeri tidak membiayai program sukan ekstrem memandangkan tiada program sukan ekstrem yang dijalankan di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUTDARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH POTONGAN BASAH PADI YANG MELAMPAU TINGGI**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Sila kemukakan apakah rasionalnya petani dikenakan potongan basah padi yang melebihi 20% hingga 30% ?
  - Sila nyatakan apakah jaminan terhadap hak petani dengan mengenakan kadar pemotongan basah yang melampau tinggi ?
  - Sila nyatakan jabatan manakah yang diberi kuasa untuk melaksanakan pendekatan yang menindas petani ?

**JAWAPAN:**

**Maklumat Tambahan:**

*Soalan (a) (b) dan (c) ini adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani . Jabatan Pertanian hanya dapat mengemukakan jawapan berikut dan sebarang soalan tambahan wajar diajukan di Sidang Parlimen*

- Rasionalisasi pemotongan basah padi ini adalah sebagai tahap piawaian ataupun *standard* untuk para petani dalam menjaga kualiti hasil padi mereka. Pemotongan hidup atau pemutuan sebenar 20-30% dengan harga RM1200/mt adalah untuk menjamin kualiti padi yang akan diproses menjadi beras.  
  
Harga pemutuan sebenar ini juga memberi faedah kepada petani padi di Malaysia yang dahulunya tidak dapat menikmati harga yang padi yang sama seperti dinikmati di Selangor. Walaubagaimanapun pemotongan basah ini tidak digunakan bagi kawasan penanaman padi untuk tujuan dijadikan padi benih.
- Data yang diperolehi dari pihak BERNAS, Sekinchan, Selangor menunjukkan tiada petani yang dikenakan kadar pemotongan melebihi 20% mahupun 30% sehingga musim padi 1/2014. Purata rekod pemotongan adalah pada 17.8% pemutuan. Maklumbalas dari Bahagian Kawal Selia Padi pihak BERNAS juga memaklumkan bahawa tiada bantahan mengenai kadar pemotongan melebihi 20% direkodkan dari musim 1/2013, musim 2/2013 dan musim 1/2014.

Bagi pemotongan yang melebihi 20-21% yang dijalankan oleh pihak kilang adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu

- i- Padi muda disebabkan penuaian terlalu awal sebelum tarikh sepatutnya di tuai pada 110 hari lepas tanam (HLT) dan
- ii- Padi kotor.

***Maklumat Tambahan:***

*Bagi negeri Selangor terdapat **3 kategori pemantauan** yang dikawal selia oleh bahagian perlesenan beli padi iaitu kepada:*

1. Lesen beli padi oleh pihak pengilang
2. Lesen jual-beli kepada pihak kilang
3. Lesen beli padi untuk dijadikan padi benih

- c) Bagi agensi penyelaras, Bahagian Kawalan Selia Padi diarahkan untuk memantau aktiviti pemotongan yang direkodkan manakala bagi aktiviti pemotongan atau pemutuan sebenar akan dilaksanakan sendiri oleh pihak kilang, samaada pihak kilang swasta ataupun kilang padi di bawah kendalian pihak BERNAS.

Kenyataan menindas petani adalah tidak benar. Sekiranya pihak petani yang mengalami pemotongan melebihi 20-20%, mereka sebenarnya boleh mengemukakan rayuan kepada pihak BERNAS untuk menyemak semula kadar potongan basah atau pemutuan yang dijalankan oleh kilang berkenaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PINJAMAN WANG KERAJAAN NEGERI KEPADA PBT**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Negeri telah mengemukakan garis paduan lengkap untuk MPAJ supaya MPAJ dapat menukarkan pinjaman wang Kerajaan Negeri kepada geran?
  - Berapakah peruntukan atau pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada MPAJ untuk menyelesaikan masalah cerun setakat April 2014.

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 37/2013 pada 4 Disember 2013 telah bersetuju menggunakan **Garis Panduan Tatacara Pembiayaan Baik Pulih Cerun** di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dengan Projek Penstabilan Cerun di atas tanah Kerajaan Negeri melalui pinjaman peruntukan Kerajaan Negeri boleh mengemukakan kertas ringkasan untuk memohon pengecualian bayaran faedah atau pengecualian bayaran balik pinjaman yang diberikan. Justeru, perkara ini telah dimaklumkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain secara bertulis.
- Senarai pinjaman yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada MPAJ bagi tujuan penyelesaian masalah cerun sehingga 30 Mei 2014 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TUJUAN PINJAMAN</b>	<b>TARIKH KELULUSAN MMKN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	Penstabilan cerun di 5 lokasi seperti berikut:  i. Lot 19041 Jalan UP 1/8, Taman Ukay Perdana, Hulu Klang; ii. Rizab jalan bersebelahan Rumah Kebajikan <i>Good Sheperd</i> , Hulu Klang; ii. Lot 36203, Jalan Persiaran Desa Ampang 4, Taman Sri Ampang; iii. Sebahagian Lot 27383, Jalan Melati 1, berhampiran bulatan Taman Seraya, Taman	MMKN ke – 44/2012 bertarikh 12 Disember 2012	2,168,620.00

BIL	TUJUAN PINJAMAN	TARIKH KELULUSAN MMKN	JUMLAH (RM)
	Bukit Permai; dan iv. Rizab hutan di Kampung Dato' Mufti.		
2.	Permasalahan kestabilan cerun di lot 541 dan lot 6873, tanah milik Kerajaan Negeri Selangor berhampiran Taman Bukit Utama, Bukit Antarabangsa.	MMKN ke – 22/2013 bertarikh 31 Julai 2013	16,500,000.00
3.	Penstabilan cerun di 5 lokasi seperti berikut: i. Sepanjang Jalan Bukit Permai, Taman Bukit Permai, Ampang; ii. Medan Bukit Permai, Taman Bukit Permai, Ampang; iii. Pangsapuri Intan, Taman Bukit Permai, Ampang; iv. Jalan Mega 5 dan 3, Taman Mega, Ampang; dan v. Lot 6550, Jalan Wangsa 7, Bukit Antarabangsa.	MMKN ke – 9/2014 bertarikh 5 Mac 2014	10,653,485.37
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>			<b>29,322,105.37</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PENGURUSAN**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Apakah tindakan kerajaan untuk melancarkan penyelesaian pelbagai aduan rakyat?
  - Berapa peratuskah aduan rakyat melalui talian Internet diselesaikan?
  - Apakah masalah pihak kerajaan sehingga masalah penyelenggaraan jalan-jalan dan parit-parit masih gagal dilaksanakan secara berkesan?

**JAWAPAN:**

- Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan suatu aplikasi khusus iaitu Portal Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS) bagi membolehkan pengurusan aduan awam yang melibatkan proses pengumpulan aduan dan maklumbalas secara sistematik. Inisiatif aplikasi ini adalah bertujuan meningkatkan kemudahan, kebolehcapaian dan kualiti interaksi dengan orang awam bagi mencerminkan perkhidmatan mesra pelanggan. Portal STARS ini juga adalah gerbang utama kepada pengadu yang ingin menyampaikan aduan atau maklumbalas kepada mana-mana organisasi dan agensi kerajaan di Selangor.
- 

b)

TAHUN	TERIMA	SELESAI	PERATUS
2013	3068	2831	92%
2014	1067	438	41%

*Nota: Sumber daripada Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS)  
sehingga 31 Mei 2014*

- Penyelenggaraan jalan-jalan dan parit tidak gagal kerana kerja-kerja penyenggaraan ini dijalankan secara berterusan dan berkala. Pihak kerajaan berusaha sebaik mungkin untuk meningkatkan kualiti hasil kerja-kerja senggaraan jalan dan parit-parit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN RANCANGAN  
KAWASAN KHAS KAMPUNG SUNGAI PUSU**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah langkah bersepadu yang diambil oleh kerajaan bagi memantau dan menguatkuasakan perlaksanaan Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Pusu?
  - Apakah langkah kerajaan bagi memastikan pencerobohan dan salah guna status tanah tidak berlaku di kawasan itu buat masa ini?

**JAWAPAN:**

- Memastikan setiap pembangunan yang dicadangkan perlu mengikut Zon Gunatanah yang telah ditetapkan di dalam RKK Sungai Pusu yang telah diwartakan pada 12 April 2012. Mana-mana permohonan yang bercanggah dengan zon gunatanah RKK Sg. Pusu Majlis tidak akan menyokong pembangunan tersebut.
- Majlis akan mengemukakan notis mengikut peruntukan Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (172) Dan akta Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dimana operasi bersepadu bersama-sama penguatkuasaan juga akan dilakukan.

Notis dan laporan akan dikeluarkan kepada pihak pemilik tanah / pengusaha yang mengadakan pemajuan tanpa kebenaran. Tindakan mahkamah akan diambil oleh pihak majlis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN TEBATAN BANJIR DUN RAWANG**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Senaraikan jumlah peruntukan untuk perancangan tebatan banjir di DUN Rawang dan skop kerja serta tempoh pelaksanaan.
  - Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan untuk membersihkan sungai-sungai serta sistem pengaliran dalam DUN Rawang bagi tahun 2014-2016?
  - Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai peruntukan khas untuk menghijaukan tebing sungai sebagai tempat rekreasi di samping melindungi rizab sungai dan sungai?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah memperuntukkan perbelanjaan ke atas Rancangan Tebatan Banjir DUN Rawang dengan menggunakan peruntukan dari Kerajaan Negeri seperti butiran berikut :

Bil	Tajuk Projek	Skop Kerja	Tempoh Penyiapan	Jumlah Peruntukan
1	Projek Menaiktaraf Sungai Rawang di Kg.Dato Lee Kim Sai Missing Link Mukim Rawang Daerah Gombak	Kerja-kerja menaiktaraf dan melebarkan sungai dengan memasang struktur <i>Weld Guard</i> di sepanjang 250m kiri dan kanan.	1 tahun (sehingga Nov)	RM2.2 juta
2	Projek Menaiktaraf Sungai Garing, Taman Garing Mukim Rawang	Kerja-kerja menaiktaraf dan melebarkan sungai dengan memasang struktur <i>Weld Guard</i> di sepanjang 200m kiri dan kanan.	1 tahun (sehingga Nov)	RM1.1 juta
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>RM3.3 juta</b>

Untuk makluman, kedua-kedua projek tersebut masih di dalam pelaksanaan dan dijangka siap dalam tahun ini.

- b) Jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sungai-sungai serta sistem saliran dalam DUN Rawang adalah sebanyak RM 1 juta yang mana peruntukan yang diluluskan bagi kerja-kerja tersebut meliputi kawasan Pekan Rawang, Kundang dan Kuang.
- c) Tiada peruntukan khas yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja menghijaukan tebing sungai sebagai tempat rekreasi. Namun begitu peruntukan yang diluluskan hanya untuk perlindungan dan pengukuhan tebing sungai sediada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B .TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK: MIKRO KREDIT BANDAR (MIMBAR)**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapa peserta keseluruhan yang menyertai program tersebut dan berapa peruntukan yang telah digunakan?
  - Berapa banyak yang telah membayar balik atas pinjaman yang diberikan ?
  - Adakah program ini mampu diteruskan bagi meningkatkan pendapatan golongan miskin bandar ?

**JAWAPAN:**

- a) Bermula dari Mac 2011 sehingga April 2014, MiMBAR Selangor telah membiayai seramai 4,862 orang peserta dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM9,845,978.00. Pembiayaan dan jumlah peserta ini melibatkan mereka yang telah meminjam dari pusingan pertama hingga ketiga.

<b>JUMLAH PESERTA &amp; PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN</b>		
Tahun	Bilangan Peserta Dibiaya	Pembiayaan (RM)
2011	1,620	3,648,500
2012	3,083	9,345,478
2013	81	208,000
2014	78	292,500
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,862</b>	<b>9,845,978.00</b>

<b>JUMLAH PESERTA &amp; PEMBIAYAAN MENGIKUT PUSINGAN PINJAMAN</b>		
Pinjaman Pusingan	Jumlah Peserta	Jumlah Pembiayaan (RM)
Pusingan Pertama	4,673	RM9,090,098
Pusingan Kedua	188	RM750,880
Pusingan Ketiga	1	RM5,000

- b) Sehingga kini jumlah keseluruhan bayaran balik pinjaman yang diperolehi MiMBAR Selangor adalah sebanyak RM5,152,735.00. Ia melibatkan peserta yang meminjam di dalam pusingan pertama, kedua, dan ketiga.

Jadual berikut adalah jumlah bayaran balik dari tahun 2011 sehingga April 2014 :

TAHUN	2011		2012		2013		2014	
ZON	BIL PESERTA	RM	BIL PESERTA	RM	BIL PESERTA	RM	BIL PESERTA	RM
<b>KLANG</b>	179	103,280	738	455,133	592	408,859	250	68,119
<b>SHAH ALAM</b>	152	108,632	553	377,776	401	250,950	164	45,174
<b>AMPANG</b>	127	92,811	391	270,779	293	163,287	107	27,002
<b>SEPANG</b>	87	61,666	253	182,431	192	115,535	90	28,100
<b>PETALING</b>	82	43,997	355	198,897	347	210,311	137	35,036
<b>SUBANG</b>	107	62,329	382	238,021	327	201,193	145	37,851
<b>SELAYANG</b>	248	151,743	680	512,238	561	372,129	208	52,448
<b>KAJANG</b>	28	12,507	222	126,597	176	110,858	93	27,046
<b>JUMLAH</b>	<b>1,010</b>	<b>636,965</b>	<b>3,574</b>	<b>2,361,872</b>	<b>2,889</b>	<b>1,833,122</b>	<b>1,194</b>	<b>320,776</b>
<b>JUMLAH BAYARAN BALIK PINJAMAN SEHINGGA APRIL 2014</b>							<b>RM5,152,735</b>	

Walau bagaimanapun, seramai 1,356 peserta telah selesai melangsahkan pinjaman penuh mereka dengan jumlah selesai bayaran balik sebanyak RM2,727,825.00.

PUSINGAN	PEMBIAYAAN		BAYARAN BALIK	
	Jumlah Peserta	Jumlah (RM)	Jumlah Peserta	Jumlah (RM)
Pertama	4,673	9,090,098.00	1,323	2,589,212.00
Kedua	188	750,880.00	33	138,613.00
Ketiga (masih baru)	1	5,000	-	-

Manakala baki peserta yang lain adalah mereka yang masih di dalam tempoh bayaran balik pinjaman mereka.

### **Untuk rujukan tambahan YB.**

Bagi Pertanyaan Mulut Daripada Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Tajuk: **MIKROKREDIT BANDAR (MIMBAR)**

Soalan b: Berapa banyak yang telah membayar balik atas pinjaman yang diberikan ?

Jawapan:

MiMBAR Selangor memberikan tempoh pembayaran balik selama 18 bulan. Pelbagai langkah dilakukan bagi memastikan peminjam dapat membuat bayaran semula kepada MiMBAR Selangor.

Antara langkah yang diambil oleh MiMBAR Selangor adalah:

- i. Pemotongan bayaran balik melalui Arahan Tetap Bank (Standing Instruction)

Pemotongan secara bulanan melalui Arahan Tetap yang dipersetujui oleh peserta adalah kaedah yang wajib dikenakan ke atas semua peserta yang telah berjaya diluluskan pinjamannya. Melalui kaedah yang dilakukan setiap bulan itu menjadikan bayaran balik lebih berdisiplin dan memberi jaminan pembayaran semula akan dibuat kepada MiMBAR.

- ii. Pemantauan dan kutipan

Pemantauan terhadap peserta dibahagikan mengikut zon kawasan bagi setiap pegawai. Setiap peserta yang telah diluluskan pinjamannya akan dipantau dari segi perniagaan yang dijalankan dan corak bayaran balik mereka. Peserta yang kurang berdisiplin dalam pembayaran balik melalui potongan bank akan didekati dengan kaedah pembayaran secara manual iaitu melalui pegawai operasi. Kaedah ini akan disesuaikan mengikut masa dan kemampuan peserta yang menjadikan peserta kurang rasa terikat dan tidak perlu untuk ke bank setiap bulan. Terdapat juga peserta yang suka untuk membuat bayaran di pejabat kerana dengan cara ini mereka lebih berpeluang dan cepat mengetahui informasi dan program terkini yang disediakan oleh MiMBAR Selangor mahupun kerajaan negeri.

- iii. Operasi turun padang

Pada setiap bulan, MiMBAR Selangor akan mengkaji corak bayaran balik peserta sama ada melalui bank mahupun manual. Apabila melihatkan corak ini berubah dengan drastik pada satu-satu masa atau bukan bermusim, operasi turun padang besar-besaran akan dilakukan oleh semua kakitangan. Pada ketika ini, MiMBAR Selangor akan memberi lebih perhatian kepada mereka yang liat, bermasalah dan tegar dalam membuat pembayaran. Peserta akan diingatkan tentang

baki pinjaman dan keperluan mereka untuk melunaskan pinjaman sebagai tanggungjawab kendiri. Pada masa ini juga, bagi peserta yang benar-benar mengalami masalah yang kritikal, boleh berbincang dengan pegawai operasi sama ada untuk membuat penangguhan bayaran atau menjadual semula pembayaran mereka.

iv. Surat peringatan

Langkah yang lebih tegas akan dikeluarkan oleh MiMBAR Selangor terhadap mereka yang tegar dan tidak mengendahkan bayaran balik pinjaman. Surat peringatan akan dikeluarkan dan ditinggalkan di premis atau kediaman mereka sekiranya mereka sukar dihubungi dan diajak berjumpa. Surat peringatan ini merangkumi jumlah pinjaman yang telah dibiayai, jumlah yang perlu dilunaskan setiap bulan dan baki bayaran. Surat peringatan ini biasanya adalah untuk mereka yang benar-benar bermasalah.

v. Kerjasama ketua masyarakat

MiMBAR Selangor juga menggunakan pendekatan yang lebih dekat dengan masyarakat iaitu dengan melakukan perbincangan dan membawa serta ketua-ketua masyarakat di setiap kawasan seperti pengurusi penduduk, qariah masjid, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pihak lain yang lebih dekat dengan masyarakat setempat mereka. Kaedah digunakan supaya dapat mengenalpasti masyarakat setempat yang bermasalah dan meminta bantuan mereka untuk mendekati dan berbincang dengan peserta yang bermasalah agar dapat melunaskan pinjaman mereka.

vi. Kempen bayaran balik

Kempen bayaran balik turut giat dijalankan bagi memberi kesedaran kepada peminjam. Kempen ini dilakukan dengan pelbagai kaedah di serata kawasan.

vii. Penjadualan semula

Bagi peserta yang benar-benar mengalami masalah berat, mereka boleh berbincang untuk membuat penjadualan semula bayaran balik mengikut kepada kemampuan mereka sehingga stabil semula. Penjadualan semula ini dibenarkan setelah dikenalpasti permasalahan yang dihadapi peserta.

- c) Statistik Selangor menunjukkan hampir RM1.3 juta rakyat Selangor masih lagi berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) terutama di kawasan bandar. Kerajaan negeri telah meletakkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) di Selangor adalah sebanyak RM1,500.00 seisi rumah. Kurang daripadanya adalah mereka yang terdiri dari golongan miskin dan miskin tegar.

Sejak MiMBAR Selangor dilancarkan pada Mac 2011, permohonan yang diterima adalah sebanyak 12,388 permohonan. Pada awal ianya mula dilancarkan, bukan sahaja golongan peniaga kecil yang memohon untuk bantuan perniagaan akan tetapi individu yang bukan peniaga juga turut berminat untuk memohon bagi tujuan menyelesaikan masalah hutang, masalah peribadi, masalah tidak berpendapatan dan sebagainya. Simptom ini dapat dilihat bahawa ramai penduduk di bandar yang menjalani kehidupan dengan pelbagai bebanan dan tanggungan. Dengan kos saraan hidup yang tinggi, ianya tidak memberi sebarang kelebihan kepada mereka yang duduk di bandar, malah boleh diiktiraf sebagai miskin.

Justeru, MiMBAR Selangor meletakkan matlamat untuk membantu golongan miskin di bandar yang juga berpendapatan sebagai peniaga kecil untuk keluar dari tahap kemiskinan dan mampu menjana pendapatan ke arah yang lebih stabil dan selesa. MiMBAR Selangor bukan sahaja menyediakan perkhidmatan pinjaman perniagaan, malah turut memberi pendekatan latihan, kursus dan motivasi agar dapat melatih, mendidik dan merangsang golongan ini supaya dapat keluar dari kemiskinan dan meningkatkan pendapatan keluarga sehingga mampu ke arah menjadi golongan usahawan yang berjaya.

Pada masa kini, MIMBAR Selangor telah mempunyai seramai 4,673 peserta yang menerima pinjaman mikrokredit, bantuan niaga dan bantuan kerja. Seramai 188 daripada mereka mendapat masih lagi memerlukan bantuan suntikan modal tambahan dalam memastikan kehidupan dan perniagaan menjadi lebih baik. Dengan itu, MIMBAR Selangor memberikan peluang kepada mereka untuk menambah pinjaman bagi pusingan seterusnya. Dengan tambahan pinjaman tanpa faedah ini, ia dilihat MIMBAR Selangor amat membantu mereka dalam menguruskan perniagaan untuk berpendapatan dengan lebih baik.

Program MIMBAR Selangor dilihat masih amat relevan kerana masih terlalu ramai lagi peserta sasaran yang memerlukan bantuan. Dengan cabaran hidup dan kenaikan kos yang terpaksa ditanggung mereka ini, bantuan dan sokongan dari Kerajaan Negeri seperti ini mestilah diteruskan malah harus diperhebatkan lagi agar ianya bukan sahaja dapat mengecilkan peratusan miskin bandar ini, bahkan ianya mampu meningkatkan pendapatan individu

dan ekonomi negeri. Di sinilah peranan MiMBAR Selangor dalam membantu peniaga kecil yang memerlukan bantuan modal perniagaan untuk mengubah dan meningkatkan pendapatan mereka.

**\*\*Nota: Untuk rujukan tambahan YB.**

MiMBAR Selangor telah melahirkan ramai peserta berjaya yang bermaksud dengan pinjaman dan bimbingan yang diberikan, mereka memperolehi pulangan hasil bersih pada tahap yang selesa dan lebih dari mencukupi berbanding kehidupan sebelumnya.

Kajian Kes 1:

Nama Peserta: Puan Arbiah Binti Ahmed

Jenis Perniagaan: Bakeri (Arby Bakery)

DUN: Batu Tiga

Impak pembiayaan kepada perniagaan:

- Sebelum membuat pinjaman mikrokredit MiMBAR Selangor, peserta bakeri ini menjalankan perniagaannya di rumah bagi tempahan. Pada masa itu beliau masih lagi menyewa peralatan dan mesin adunan tepung, pembakar, rak pameran roti, dan seumpamanya.
- Akan tetapi, selepas menerima pembiayaan pinjaman mikrokredit dari MiMBAR Selangor yang diperolehnya sebanyak RM2,000, beliau telah berjaya memiliki mesin dan peralatan tersebut sebagai aset perniagaannya. Ia adalah hasil daripada kejayaan beliau menjana pendapatan yang melebihi dari sebelumnya sehingga memperolehi lebihan yang berganda. Akhirnya mampu membuat tabungan atas untung yang diperolehnya dengan hanya bantuan modal tambahan itu tadi dan kursus pengurusan kewangan yang dihadirinya di bawah anjuran MiMBAR Selangor.
- Kini beliau beroperasi sepenuhnya di premis perniagaannya dan telah mendapat pembiayaan untuk kali kedua seterusnya dapat meningkatkan produktiviti perniagaannya dengan menambah beberapa mesin dan peralatan bagi menampung tempahan yang semakin banyak.

### Kajian Kes 2:

Nama Peserta: Puan Sohana Binti Chiros

Jenis Perniagaan: Katering

DUN: Bukit Lanjan

Impak pembiayaan kepada perniagaan:

- Sebelum membuat pinjaman mikrokredit MiMBAR Selangor, peserta ini mengalami penurunan tahap kehidupan yang mendadak. Walau bagaimanapun, beliau meneruskan kehidupan dengan bermula kecil-kecilan dalam bidang khidmat menyediakan dan menghantar tempahan makanan. Beliau turut berusaha mendapatkan tempahan tetap dari firma swasta di Shah Alam.
- Justeru itu, selepas mendapat pembiayaan pinjaman dari MiMBAR pada pusingan pertama, jumlah pinjaman sebanyak RM1,500 itu digunakan untuk membeli emas terpakai sebagai modal tambahan bagi menampung kos perniagaan beliau. Akhirnya disebabkan pengurusan kewangan dan perancangan yang baik, beliau mampu meneruskan perniagaan kateringnya yang mendapat semakin banyak tempahan setiap hari.
- Kini, beliau membuat pinjaman pusingan kedua dengan nilai tambahan pinjaman sebanyak RM3,000, beliau bercadang untuk menambah peralatan katering bagi memenuhi tempahan yang kian bertambah.

### Kajian Kes 3:

Nama Peserta: Azizi Bin Ismail

Jenis Perniagaan: Baju Kanak-kanak

DUN: Kota Anggerik

Impak pembiayaan kepada perniagaan:

- Sebelum mendapat pembiayaan pinjaman MiMBAR beliau menyewa sebuah kedai di "Uptown Shah Alam" dengan sewa sebanyak RM300 sebulan. Pendapatan yang beliau perolehi di sana pada masa itu adalah bermusim yang bergantung kepada perayaan, cuti, dan tahun baru.

- Akan tetapi, selepas mendapat pinjaman MiMBAR, beliau akhirnya berjaya menambah kuantiti stok dan jualan serta beberapa bulan selepas itu beliau mampu untuk menyewa satu (1) lagi kedai dan menjual baju kanak-kanak kepada pelanggan yang “walk-in” dan juga kepada pemborong pasar malam yang membeli dalam kuantiti yang banyak dari beliau. Kini, beliau berjaya mendapat pinjaman bagi pusingan kedua sebanyak RM3,000 dalam usaha untuk menambah stok pakaian beliau di kedua-dua cawangan tersebut. Akhirnya, kini beliau mampu menjana pendapatan yang stabil pada setiap bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: JAWATAN KONTRAK DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
(SUK)**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah pegawai kontrak di pejabat SUK dan senaraikan mengikut jawatannya?
  - Apakah kerajaan negeri berhasrat memberikan jawatan tetap kepada penjawat kontrak tersebut?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan data perjawatan yang dikemas kini sehingga 2 Jun 2014, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mempunyai seramai 175 orang pegawai yang dilantik secara kontrak dan terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred. Perincian jumlah pegawai lantikan kontrak berkenaan mengikut jawatan dan Bahagian / Seksyen / Unit adalah seperti di jadual berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Bilangan</b>
1	Pereka	1
2	Pegawai Ehwal Ekonomi	1
3	Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi	4
4	Pegawai Teknologi Maklumat	2
5	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	2
6	Pemandu Kenderaan	9
7	Juruteknik	2
8	Jurutera	3
9	Juruukur Bahan	1
10	Pembantu Teknik	1
11	Penolong Juruukur	1
12	Pegawai Undang-Undang	1
13	Pegawai Khidmat Pelanggan	1
14	Pegawai Tadbir	16
15	Pembantu Am Pejabat	11
16	Pembantu Operasi	2
17	Pembantu Penguatkuasa	14
18	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	46
19	Pembantu Tadbir Rendah	1
20	Penolong Pegawai Penguatkuasa	1
21	Penolong Pegawai Tadbir	19
22	Pekerja Awam	4

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Bilangan</b>
23	Pemandu Kenderaan	12
24	Tukang K3	1
25	Pegawai Berita	1
26	Pembantu Belia Dan Sukan	1
27	Penolong Pegawai Penerangan	1
28	Penolong Pegawai Perancang Bahasa	1
29	Akauntan	2
30	Pembantu Tadbir Kewangan	11
31	Penolong Akauntan	2
32	Penolong Juruaudit	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>175</b>

- b) Pada dasarnya, Pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memberikan nilai tambah kepada aspek pembangunan kerjaya dan kebajikan anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Selangor meliputi anggota yang dilantik secara tetap, kontrak mahupun sambilan.

Istilah ‘menyerap masuk’ anggota lantikan kontrak ini kepada perjawatan tetap tidak wujud dan tidak dilaksanakan kerana urusan pelantikan ke jawatan tetap ini mempunyai prosedur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) masing-masing dan perkara ini tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks Pentadbiran Kerajaan Negeri, PBM ini merangkumi pihak-pihak berkuasa berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Melantik (PBM)</b>	<b>Catatan</b>
1.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPANS)	Bertanggungjawab melantik anggota tetap bagi mengisi waran perjawatan di Jabatan / Agensi Negeri Selangor kecuali Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Negeri (BBN) dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.
2.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bertanggungjawab melantik anggota tetap bagi mengisi waran perjawatan di PBT masing-masing.
3.	Badan Berkanun Negeri (BBN)	Bertanggungjawab melantik anggota tetap bagi mengisi waran perjawatan di BBN masing-masing.
4.	Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri	Bertanggungjawab melantik anggota di Anak-anak syarikat masing-masing.

*Nota: waran perjawatan ini merujuk kepada perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan diperakukan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.*

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri dalam membantu anggota lantikan kontrak ini untuk mendapat peluang dilantik ke jawatan tetap adalah seperti berikut:

- 1) Memberikan peluang kepada anggota kontrak yang telah lama berkhidmat (sekurang-kurangnya lima (5) tahun) dan berprestasi cemerlang untuk dipanggil ke sesi temuduga jawatan-jawatan yang bersesuaian. Faktor pengalaman dan pendedahan terhadap pengoperasian di Jabatan / Agensi Kerajaan sepatutnya memberikan kelebihan kepada mereka untuk dilantik ke jawatan tetap yang ditawarkan berbanding calon luar; dan
- 2) Mewujudkan perjawatan tetap tambahan berdasarkan justifikasi perluasan skop dan kompleksiti tugas sedia ada. Sekiranya permohonan penambahan jawatan ini diluluskan, maka urusan pelantikan ini dilaksanakan berdasarkan prosedur standard yang ditetapkan oleh PBM dan anggota lantikan kontrak diberikan peluang sama rata berbanding calon lain untuk memohon mengisi jawatan-jawatan yang ditawarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI DAERAH KUALA LANGAT**

43. Sila menyatakan lokasi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Daerah Kuala Langat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah sumbangan cukai pintu dan cukai tanah kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga kini;
- b) Apakah infrastruktur asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha IKS di Daerah Kuala Langat;
- c) Anggara berapakah peluang pekerjaan disediakan dalam IKS di Daerah Kuala Langat.

**JAWAPAN:**

- a) Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat sedang dalam proses mengemaskini data-data berkaitan usahawan IKS di Daerah Kuala Langat. Oleh itu setakat ini, data cukai berkaitan belum dapat diperolehi sehingga proses kemaskini selesai. Setakat ini, jumlah IKS di Daerah Kuala Langat adalah sebanyak 299 orang.
- b) Antara infrastruktur asas yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk membantu pengusaha IKS adalah seperti pembinaan kedai PLB yang sehingga kini berjumlah 290 unit di seluruh Daerah Kuala Langat. Infrastruktur asas yang paling terbaru adalah penubuhan Bazar Darul Ehsan yang sedang dalam proses ubah suai sebelum diserahkan kepada operator yang telah dilantik. Seramai 14 orang usahawan terlibat dengan Bazar ini di mana 4 operator utama telah dilantik untuk beroperasi di dalam bangunan Bazar Darul Ehsan dan 10 orang usahawan kiosk bakal ditempatkan di luar bangunan BDE di mana 5 daripadanya adalah terdiri daripada usahawan Belia iaitu yang berusia 35 tahun dan ke bawah.
- c) Berdasarkan Profil Kampung Daerah Kuala Langat Tahun 2013 terdapat 299 pengusaha IKS yang secara puratanya mempunyai pekerja seramai 3 orang dan anggaran jumlah keseluruhan peluang pekerjaan ialah sekitar 903 orang. Maklumat lanjut adalah seperti di **Lampiran B**.

**Lampiran B****ANGGARAN PEKERJA IKS BERDASARKAN BUKU PROFIL KAMPUNG  
TAHUN 2013**

BIL	KAMPUNG	JUM.IKS	ANGGARAN PEKERJA	JUM. PEKERJA
1	Sg Manggis			
2	Banting			
3	Jenjarom	23	3	69
4	Seri Cheeding	1	3	3
5	Jaya Sepakat	5	3	15
6	Sg.Lang Baru	12	3	36
7	Sg.Kelambu	3	3	9
8	Olak Lempit	31	3	93
9	Labohan Dagang	15	3	45
10	Bkt Changgang	30	3	90
11	RTB Bkt Changgang	0		
12	Sg.Rambai	3	3	9
13	Telok P.Garang	0		
14	Batu 9 Kebun Baru	6	3	24
15	Batu 10 KebunBaru	7	3	21
16	Kg.Medan	3	3	9
17	Kg Sijangkang	16	3	48
18	Kg Baru Sg Jarom			
19	Kanchong Darat	37	3	111
20	KanchongTgh			
21	Sg Lang Tengah	13	3	39
22	Morib/Tali Air	24	3	72
23	Kg Kelanang	25	3	75
24	Kg Endah			
25	Sungai Buaya			
26	Kg Bandar	7	3	21

27	Seri Jugra	3	3	9
28	Permatang Pasir		3	
29	Kg Sawah	1	3	3
30	Kg Melayu Pulau Carey			
31	Kg Batu Laut			
32	Kg kundang	19	3	57
33	Tg Sepat Darat	10	3	30
34	Tumbuk Darat			
35	Ladang Batu	5	3	15
36	Tg Sepat Indah			
	Jumlah Keseluruhan	299		903

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: WIFI SELANGORKU**

44. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Berapa banyak lokasi *hotspot WiFi* Selangor sekarang?
  - Siapakah syarikat pembekal perkhidmatan dan berapa banyak bayaran perlu dibayar?
  - Berapa banyak kali perkhidmatan ini telah terputus sejak dilancarkan?

**JAWAPAN:**


- a) Pada tahun 2013, dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku, Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan lokasi perkhidmatan internet WiFi untuk rakyat negeri Selangor sebanyak 112 lokasi di seluruh Negeri Selangor. Program ini dinamakan WiFi Selangorku. Penempatan lokasi ini meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

- b) Syarikat yang dilantik untuk menguruskan pemasangan dan penyediaan perkhidmatan internet percuma di bawah program WiFi Selangorku ini adalah Syarikat Extol Corporation (M) Sdn. Bhd.


Kos bagi menyediakan kemudahan WiFi Selangorku ini adalah sebanyak RM 2,747,959.86 yang melibatkan sewaan kemudahan internet selama 2 tahun di 112 lokasi di seluruh negeri Selangor. Peruntukan ini dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar (MBI) menerusi Geran Selangorku.

- c) Rumusan Laporan Purata Perkhidmatan Wifi Selangorku sejak diperkenalkan bermula daripada April 2013 – Mac 2014 adalah seperti di rajah di bawah :



Rajah 1

Sepanjang perkhidmatan WiFi Selangorku ini di lancarkan, sebanyak 70% perkhidmatan dapat dijalankan dengan lancar, manakala hanya 30% perkhidmatan tergendala.



Rajah 2

Perkhidmatan tergendala ini disebabkan beberapa faktor di antaranya berpunca daripada :

i. Kerosakan perkakasan = 35%

Perkakasan seperti "Access Point"(AP), Switch, POE Adapter, Modem ISP mengalami kerosakan dan gagal berfungsi dengan baik. Kerosakan ini berlaku adalah disebabkan seperti terkena pancaran kilat, arus berlebihan dan faktor cuaca.

ii. Gangguan daripada Sektor ISP = 30%

Talian perkhidmatan internet yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat ISP mengalami gangguan teknikal seperti kabel gentian terputus. Kerosakan pada pancaran antena syarikat ISP menyebabkan keadaan setempat tidak mendapat talian internet.

iii. Pengguna = 35%

Terdapat beberapa kes gangguan disebabkan oleh pengguna sendiri seperti menutup bekalan kuasa selepas waktu bekerja di pejabat, tersalah pemasangan kedudukan kabel ketika membuat ubahsuai lokasi/pejabat serta ada juga yang mengalihkan peralatan tanpa pengetahuan pihak DUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: STATUS TANAH MASJID YANG DIWAKAFKAN**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah masjid di Selangor yang status tanahnya masih atas nama pewakaf dan belum dipindah milik sebagai tanah wakaf?

**JAWAPAN:**

a)

BIL.	DAERAH	TELAH DAFTAR NAMA MAIS (LOT)	BELUM DAFTAR NAMA MAIS (LOT)	JUMLAH HARTANAH (LOT)	JUMLAH KELUASAN (EKAR)
1.	KLANG	12	5	17	14.7894
2.	PETALING	2	-	2	3.0182
3.	SABAK BERNAM	3	-	3	8.3549
4.	KUALA SELANGOR	12	1	13	9.1471
5.	HULU LANGAT	3	-	3	2.8351
6.	KUALA LANGAT	7	2	9	5.699
7.	HULU SELANGOR	-	-	-	-
8.	SEPANG	4	-	4	11.614
9.	GOMBAK	2	-	2	2.1094
10.	JUMLAH	45	8	53	57.6911

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PADANG AWAM DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG.**

46. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membaik pulih beberapa padang awam di Taman Ehsan Kg Desa Aman dan Bukit Rahman Putra?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2014 ini MPS tidak dapat melaksanakan kerja-kerja membaikpulih ketiga tiga padang tersebut kerana tiada peruntukan. Untuk makluman, bajet bagi kerja membaik pulih padang bola ini di kongsi bersama dengan kerja-kerja membaikpulih peralatan permainan / rekreasi dan sehingga Jun 2014 ini bajet bagi vote tersebut telah habis digunakan keutamaan kepada kerja-kerja membaik pulih peralatan permainan kerosakan alatan tersebut boleh mengundang bahaya terutama kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kos membaikpulih ketiga-tiga padang tersebut akan dimohon untuk kelulusan peruntukan tahun hadapan (2015).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK: JALAN-JALAN KAMPUNG**

47. Jalan-jalan kampung di kawasan Ijok masih dalam keadaan gelap gelita yang menimbulkan masalah keselamatan penduduk Ijok.

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan negeri Selangor untuk menerangi jalan-jalan yang gelap ini?

**JAWAPAN:**

- a) Ketua-ketua kampung hendaklah mengenal pasti keperluan pemasangan lampu jalan di kampung masing-masing dan memajukan permohonan tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor melalui Pejabat Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA FLAT-FLAT YANG TELAH USANG**

48. Dalam Sidang Dewan yang lalu EXCO Perumahan bersetuju untuk membangunkan semula flat rumah kos rendah Seksyen 16 Shah Alam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan PKNS untuk membangunkan semula kawasan flat ini?
- b) Bilakah ia akan mula dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

- a) Inisiatif pembangunan semula rumah-rumah pangsa lama adalah satu usaha yang dilaksanakan oleh PKNS bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor menaiktaraf rumah pangsa dari aspek kebersihan persekitaran, kemudahan yang lebih baik dan ruang selesa yang sekaligus mewujudkan kualiti hidup penduduk yang lebih kondusif.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan diperingkat dalaman dan juga bersama ADUN Kawasan bagi merancang beberapa perkara berkaitan pelaksanaan cadangan pembangunan semula tersebut.

- b) PKNS bersedia untuk melaksanakan projek ini dengan mendapat sokongan penuh dari persatuan penduduk dan juga kerjasama berterusan dari ADUN Kawasan terbabit. Langkah seterusnya adalah untuk PKNS bersama ADUN mengadakan perbincangan bersama persatuan penduduk rumah pangsa terbabit bagi memberikan taklimat cadangan pembangunan dan juga mendapatkan maklumbalas sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan cadangan pembangunan semula tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: CAJ PEMAJU PERUMAHAN**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah rasional kerajaan negeri mengenakan caj pembangunan untuk setiap projek pembangunan bagi disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?
  - Berapa peratuskah caj pembangunan yang dikenakan bagi setiap projek pembangunan?
  - Berapakah jumlah terkumpul sehingga kini untuk setiap PBT di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- Rasional Kerajaan Negeri mengenakan Caj Pembangunan ialah supaya hasil yang dikutip dapat disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan pembangunan, menaik taraf dan membaik pulih kemudahan awam, infrastruktur dan lain-lain. Semua bayaran Caj Pemajuan yang diterima dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Caj Pemajuan selaras dengan peruntukan Seksyen 34(4) Akta yang sama.
- Merujuk kepada Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010, Caj Pemajuan yang dikenakan adalah sebanyak 20% (bagi Majlis Daerah) dan 30% (bagi Majlis Perbandaran dan Bandaraya) daripada kenaikan nilai tanah akibat perubahan penggunaan tanah jika tiada pengubahan Rancangan Tempatan, Perubahan ketumpatan dan Perubahan luas lantai dengan adanya pengubahan Rancangan Tempatan.

Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
30 peratus x Kenaikan Nilai Tanah	30 peratus x Kenaikan Nilai Tanah	20 peratus Kenaikan Nilai Tanah

- c) Berikut adalah jumlah terkumpul sehingga kini untuk setiap PBT di Negeri Selangor :

<b>Bil</b>	<b>PBT</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	MBSA	3,333,424.85
2	MBPJ	33,154,509.56
3	MPK	33,612,699.60
4	MPAJ	4,167,887.45
5	MPSJ	26,611,903.50
6	MPS	20,559,803.48
7	MPKj	45,049,179.22
8	MPSp	20,748,560.32
9	MDKL	4,431,450.00
10	MDHS	1,584,950.00
11	MDKS	6,139,160.00
12	MDSB	1,500,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>200,893,527.98</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: BIASISWA MENTERI BESAR**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -
- Bilakah Biasiswa Menteri Besar akan ditawarkan seperti yang dijanji di Manifesto Pakatan Rakyat Selangor?
  - Apakah status penubuhan biasiswa tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses memuktamadkan segala perincian berkenaan Biasiswa Dato' Menteri Besar Selangor (BDMBS) antaranya mengujudkan satu "trust fund" atau dana amanah, yang akan dipantau oleh Lembaga Pemegang Amanah serta Penubuhan Jawatankuasa Pemilihan akan dibentuk untuk mengendalikan BDMBS. Sekretariat dana amanah ini akan diletakkan di bawah Pejabat Menteri Besar atau Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI). Kami mensasarkan kumpulan penerima pertama yang akan menikmati peruntukan biasiswa ini pada bulan Januari 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: PERBELANJAAN STANDCO KAJIAN & PENYELIDIKAN**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapa jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan Kajian & Penyelidikan?
  - Senaraikan 5 kajian utama yang dilakukan sejak pentadbiran Pakatan Rakyat di Negeri Selangor

**JAWAPAN:**

- a) Setiap tahun Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi Kajian dan Penyelidikan di mana ianya adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memperkasakan dasar-dasar kerajaan negeri dan kajian-kajian spesifik seperti Cadangan Program Pungutan Suara dan Pendapat Terhadap Pelaksanaan Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya (KLJ) dan Kajian Geoteknikal dan Penilaian Risiko Geologi Rezab Gua Batu Caves, Selayang.

Peruntukan-peruntukan telah dibelanjakan bagi melaksanakan perkara-perkara seperti yang dinyatakan. Antara kajian yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- 1) Tinjauan Berkala Sosio-Politik Di Kalangan Rakyat Selangor 2010;
- 2) *Organization Investigative Study and Strategic Development Pilot Project;*
- 3) Kajian Penggubalan Undang-undang Berkaitan Dengan Hak Tanah Orang Asli Di Selangor;
- 4) Penyediaan Laporan Pencemaran Influent Kolam Udang Harimau;
- 5) Kajian / Pandangan (Second Opinion) Berhubung Projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE);
- 6) Kajian Cadangan Pembentukan Dasar Belia Negeri Selangor;
- 7) Kajian Pengurusan Jeti di Negeri Selangor; dan
- 8) *Integrated Solid Waste Management Study*

Kajian-kajian yang dilaksanakan adalah menggunakan khidmat nasihat dari pelbagai universiti di Malaysia dan juga menggunakan khidmat perunding swasta yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan.

Selain daripada peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan, Kerajaan Negeri Selangor juga turut memberi geran penyelidikan sebanyak RM5.8 juta kepada UNISEL dan KUIS bermula dari tahun 2009 sehingga 2012 dalam membangunkan bidang penyelidikan yang menjadi tumpuan kepada institusi yang berkenaan.

- b) 5 kajian utama yang dilakukan sejak pentadbiran Pakatan Rakyat di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
  - 1) Kajian di dalam bidang Teknologi Hijau, "Green Chemistry", Industri Bioteknologi;
  - 2) Cadangan Program Pungutan Suara dan Pendapat Terhadap Pelaksanaan Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya (KLJ);
  - 3) Penyediaan Kajian Kediaman Mampu Milik Di Kawasan Lembah Klang;
  - 4) Kajian Saintifik Permatang Kuarza Genting Kelang Sebagai Tapak Warisan Geologi Kebangsaan Dan Tapak Warisan Dunia; dan
  - 5) Kajian Geoteknikal Dan Penilaian Risiko Geologi Rezab Gua Batu Caves, Selayang Untuk Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK: SKIM KESIHATAN WANITA**

52. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Sejauh manakah program kempen 1 Juta Wanita Selangor Sihat telah dilaksanakan dan apakah kayu ukur untuk kita kenal pasti bahawa program ini telah berjaya?

**JAWAPAN:**

- a) Skim Kesihatan Wanita merupakan satu initiatif dan keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor terhadap kesejahteraan wanita Selangor terhadap risiko kanser payudara dan seterusnya memberi peluang kepada golongan wanita Selangor menjalani pemeriksaan mammogram secara percuma.

Program Kempen 1 Juta Wanita Selangor Sihat masih giat diteruskan sehingga kini setelah program Skim Kesihatan Wanita : Mammogram Selangor (MammoSel) yang diperkenalkan ketika itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari golongan wanita diseluruh Selangor.

Kerajaan Negeri akan terus berusaha dan komited di dalam membuat penambahbaikan dengan mengenalpasti bantuan dan keperluan golongan wanita untuk dimasukkan ke dalam Program Kempen 1 Juta Wanita Selangor Sihat ini agar ia terus memberi manfaat demi kesejahteraan golongan wanita Selangor.

Sehingga April 2014, seramai 18,545 orang telah menerima manfaat daripada skim ini dengan perincian mengikut DUN seperti berikut :

**Total Mammogram from DUN As Of April 2013**

No	DUN		Total	TOTAL in RM
1	N1	Sungai Ayer Tawar	<b>649</b>	62,654
2	N2	Sabak	<b>508</b>	49,042
3	N3	Sungai Panjang	<b>964</b>	93,065
4	N4	Sekinchan	<b>491</b>	47,401
5	N5	Hulu Bernam	<b>214</b>	20,660
6	N6	Kuala Kubu Bahru	<b>154</b>	14,867
7	N7	Batang Kali	<b>517</b>	49,911
8	N8	Sungai Burong	<b>604</b>	58,310
9	N9	Permatang	<b>594</b>	57,345
10	N10	Bukit Melawati	<b>90</b>	8,689
11	N11	Ijok	<b>365</b>	35,237
12	N12	Jeram	<b>165</b>	15,929
13	N13	Kuang	<b>358</b>	34,561
14	N14	Rawang	<b>309</b>	29,831
15	N15	Taman Templer	<b>244</b>	23,556
16	N16	Batu Caves	<b>381</b>	36,782
17	N17	Gombak Setia	<b>321</b>	30,989
18	N18	Hulu Kelang	<b>121</b>	11,681
19	N19	Bukit Antarabangsa	<b>152</b>	14,674
20	N20	Lembah Jaya	<b>111</b>	10,716
21	N21	Cempaka	<b>211</b>	20,370
22	N22	Teratai	<b>433</b>	41,802
23	N23	Dusun Tua	<b>202</b>	19,501
24	N24	Semenyih	<b>61</b>	5,889
25	N25	Kajang	<b>94</b>	9,075
26	N26	Bangi	<b>35</b>	3,379
27	N27	Balakong	<b>193</b>	18,632
28	N28	Sri Kembangan	<b>391</b>	37,747
29	N29	Sri Serdang	<b>273</b>	26,355
30	N30	Kinrara	<b>254</b>	24,521
31	N31	Subang Jaya	<b>536</b>	51,745
32	N32	Seri Setia	<b>65</b>	6,275
33	N33	Taman Medan	<b>396</b>	38,230

34	N34	Bukit Gasing	<b>37</b>	3,572
35	N35	Kampung Tunku	<b>295</b>	28,479
36	N36	Damansara Utama	<b>53</b>	5,117
37	N37	Bukit Lanjan	<b>206</b>	19,887
38	N38	Paya Jaras	<b>310</b>	29,927
39	N39	Kota Damansara	<b>241</b>	23,266
40	N40	Kota Anggerik	<b>222</b>	21,432
41	N41	Batu Tiga	<b>322</b>	31,086
42	N42	Meru	<b>529</b>	51,070
43	N43	Sementa	<b>149</b>	14,384
44	N44	Sungai Pinang	<b>147</b>	14,191
45	N45	Selat Klang	<b>415</b>	40,064
46	N46	Pelabuhan Klang	<b>22</b>	2,124
47	N47	Pandamaran	<b>51</b>	4,924
48	N48	Kota Alam Shah	<b>23</b>	2,220
49	N49	Seri Andalas	<b>1162</b>	112,179
50	N50	Sri Muda	<b>222</b>	21,432
51	N51	Sijangkang	<b>388</b>	37,458
52	N52	Teluk Datuk	<b>1111</b>	107,256
53	N53	Morib	<b>527</b>	50,877
54	N54	Tanjong Sepat	<b>690</b>	66,606
55	N55	Dengkil	<b>239</b>	23,071
56	N56	Sungai Pelek	<b>490</b>	47,300
57	Ktg Kerajaan		<b>238</b>	22,977
	<b>Total</b>		<b>18545</b>	<b>1,790,320</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PEMERKASAAN PERPUSTAKAAN DAERAH & PUSAT SUMBER**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperkasakan Perpustakaan Daerah di seluruh negeri Selangor
  - Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menjadikan masjid-masjid sebagai pusat sumber kepada masyarakat ? Jika ada sila nyatakan perancangan itu.

**JAWAPAN:**

- a) 1. **PENJENAMAAN SEMULA BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN.**

Perpustakaan kini telah ditransformasikan menjadi hub ilmuan, hub pendidikan dan pusat tumpuan komuniti (*community centric*) dengan konsep Penjenamaan Semula Perpustakaan (*rebranding*) dan Perpustakaan sebagai Rumah Kedua Ku (*Library My Second Home*).

Matlamat utama adalah bagi membantu kerajaan mengurangkan kadar jenayah sosial. Bermula pada tahun 2009, bangunan-bangunan perpustakaan mula dijenama, dengan konsep yang lebih menarik melibatkan:-

Buku-buku dan bahan penyelidikan terkini(termasuk pembangunan koleksi bahasa cina dan tamil di sebahagian perpustakaan yang dijenama semula)

Infrastruktur

Ruang bacaan yang lebih santai

Perabot yang serba moden

Perkhidmatan multimedia

Internet dan wifi percuma,

Pusat siber rakyat,

Kemudahan kafetaria dan surau serta tandas yang bersih.

Berikut adalah perpustakaan komuniti yang ditubuhkan bermula dari tahun 2010 dan telah mengalami perubahan melalui penjenamaan semula perpustakaan:

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>TARIKH OPERASI</b>
1.	Perpustakaan Pekan Semenyih, Hulu Langat	<b>15 Mac 2010</b>
2.	Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung, Hulu Selangor	<b>14 April 2010</b>
3.	Perpustakaan Komuniti Taman Seri Manja, Petaling Jaya	<b>18 Oktober 2010</b>
4.	Perpustakaan Komuniti Seri Perantau, Pelabuhan Klang	<b>31 Mei 2011</b>
5.	Perpustakaan Komuniti Ampang Waterfront, Hulu Langat	<b>17 Oktober 2011</b>
6.	Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya, Ampang	<b>9 Jun 2012</b>
7.	Perpustakaan Komuniti Kajang	<b>21 Februari 2013</b>
8.	Perpustakaan Komuniti Rawang	<b>24 Mac 2013</b>
9.	Perpustakaan Komuniti Lembah Jaya	<b>Akan dibuka</b>
10.	Perpustakaan Komuniti Sungai Udang, Klang	<b>Akan dibuka</b>
11.	Perpustakaan Komuniti Sg. Pelek, Sepang	<b>Akan dibuka</b>

Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menyenaraikan beberapa tindakan berikut untuk memperkasakan perkhidmatan pepustakaan daerah di seluruh negeri Selangor. Antaranya ialah :-

- 1) Kempen keahlian ke sekolah-sekolah / tadika berdekatan (setiap Bulan)
- 2) Menyertai karnival/ program yang dianjurkan oleh jabatan lain
- 3) Mempergiatkan pinjaman berkelompok (setiap Bulan)
- 4) Hari Bertemu Pelanggan diperluaskan ke peringkat cawangan, pekan dan desa (1 kali Setahun : Bulan November)
- 5) Anugerah peminjam terbanyak di semua peringkat
- 6) Sambutan Hari Perpustakaan ( Bulan Oktober)
- 7) Bulan Pengampunan : Bayaran denda dikurangkan( Bulan Jun)
- 8) Promosi Pusat Siber Rakyat (PSR) & perkhidmatan IT Jabatan Kerajaan dan Sekolah-sekolah
- 9) peserta lawatan diwajibkan mendaftar sebagai ahli perpustakaan.

- b) Perkhidmatan perpustakaan di negeri Selangor bermula pada tahun 1971. Sehingga kini, PPAS mempunyai 1 perpustakaan ibu pejabat, 7 buah Perpustakaan Daerah, 6 Perpustakaan Cawangan, 7 Perpustakaan Pekan, 56 buah Perpustakaan Desa Negeri dan 16 Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia, 3 unit Perpustakaan Bergerak yang menjalankan perkhidmatan ke 72 perhentian di luar Bandar di seluruh Negeri Selangor.

Perpustakaan ini telah memberikan perkhidmatan meliputi semua keperluan pembacaan, pembelajaran, penyelidikan dan rujukan serta perkhidmatan IT.

Hampir keseluruhan kemudahan perpustakaan ini dibina berhampiran dengan pusat komuniti dan kemudahan awam seperti balairaya, sekolah, klinik, perumahan dan termasuklah masjid.

Perpustakaan belum bercadang untuk mengadakan perkhidmatan perpustakaan di dalam masjid memandangkan ianya telah mempunyai sudut bacaan dan mini perpustakaan yang tersendiri.

Namun begitu, perpustakaan sentiasa bersedia membantu menyumbangkan buku-buku melalui permohonan yang diterima termasuklah sumbangan buku untuk masjid tersebut. Perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan pinjaman berkelompok dan aktiviti galakan membaca.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PROJEK PEMBANGUNAN DESA**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Pembangunan Desa merupakan perkara yang menjadi fokus utama dalam tempoh lima tahun penggal kedua kerajaan Selangor. Apakah status rancangan Pembangunan Desa ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pelaksanaan pembangunan desa bersepadu dan mampan ini bergantung kepada kemajuan dalam pembangunan komuniti sesuatu kawasan tersebut. Langkah-langkah asas dalam pembangunan sesuatu komuniti adalah seperti berikut:
- i. Membina Sokongan merupakan tonggak yang paling utama di dalam dasar ini dimana ianya memerlukan kajian diperingkat akar umbi serta mendapatkan maklumat-maklumat yang diingini.
  - ii. Membuat Perancangan. Setelah mendapatkan maklumat yang diinginkan, perancangan bagi memastikan program ini berjalan secara lancar adalah diperlukan. Kajian-kajian juga turut dilakukan ke atas program yang gagal dilaksanakan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang.
  - iii. Implementasi dan Menyesuaikan Pelan. Perancangan yang telah dirancang akan dilaksanakan mengikut kesesuaian di sesebuah kampung tradisi di Negeri Selangor.
  - iv. Mengakal Momentum. Sekiranya pelan yang dirangka bersesuaian dengan kampung tersebut, ia akan diteruskan sehingga mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri telah menjalankan Program Kemahiran Teknikal Belia Desa yang melibatkan belia-belia luar bandar untuk mengikuti Kursus Kemahiran di dalam bidang Pendawaian Elektrik dan Penyamanan Udara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PEMBENIHAN AWAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah '*The Royal Rainmaking Technology*'?
  - Apakah teknologi dari Thailand ini tidak sama dengan teknologi pembenihan awan yang dilakukan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, sekarang ini?

**JAWAPAN:**

- The Royal Rainmaking Technology* adalah teknologi/kaedah yang digunakan oleh Royal Rainmaking and Agricultural Aviation Department di Thailand untuk melakukan pembenihan awan di negara mereka.
- Kaedah yang digunakan oleh Negara Thailand adalah berbeza dan lebih maju berbanding di Malaysia yang hanya menggunakan 'hygroscopic flare'. 'Flare' akan dibakar dan menghasilkan partikel halus untuk bertindakbalas apabila wujudnya awan kumulus menara yang seterusnya menghasilkan hujan.

Manakala teknik perubahan cuaca (*weather modification*) yang digunakan oleh Negara Thailand bagi operasi pembenihan awan di Thailand dikenali sebagai "Teknik Sandwich" yang mana menggunakan pelbagai bahan seperti ais kering, sodium klorida, kalsium klorida dan lain-lain lagi pada altitud ketinggian yang berbeza. Beberapa kapal terbang akan diperlukan untuk menjalankan operasi pembenihan awan tersebut secara serentak bagi meningkatkan keberkesanan operasi pembenihan awan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAJ JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : DASAR DAN PELAN TINDAKAN BASMI KEMISKINAN**

56. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah dasar dan strategi kerajaan negeri untuk membasi kemiskinan di kalangan rakyat?
  - Nyatakan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri dalam usaha membasi kemiskinan?

**JAWAPAN:**

- Bagi membasi kemiskinan di kalangan rakyat negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pelan yang dipanggil "*Blue Print* Membasi Kemiskinan di Negeri Selangor." Pelan ini telah disediakan pada tahun 2005 bagi memastikan 1.1 peratus warga Selangor hidup di bawah paras kemiskinan dan 0.5 peratus lagi yang dikategorikan termiskin. Sehingga ini pelan ini masih dijadikan rujukan dan panduan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan di negeri Selangor.
- Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu meningkatkan ekonomi dan taraf hidup golongan fakir miskin. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

i. **Program Bantuan Blueprint Kemiskinan**

Program ini dilaksanakan dengan memberi bantuan kepada golongan miskin untuk meningkatkan pendapatan melalui pemberian barang-barang seperti mesin dan peralatan. Mesin dan peralatan ini diberikan supaya penerima yang terdiri daripada golongan miskin, dapat memulakan perniagaan kecil-kecilan untuk meningkatkan pendapatan penerima. Daripada tahun 2008 hingga 2013, peruntukan yang telah digunakan untuk program bantuan ini adalah sebanyak RM3,865,949.00.

ii. **Program Kemahiran Teknikal Kerajaan Negeri Selangor bersama Kolej Antarabangsa INPENS**

Program ini dilaksanakan dengan memberikan penajaan kos pembayaran yuran kepada pelajar-pelajar miskin yang diterima masuk ke Kolej Antarabangsa INPENS. Had pendapatan isi rumah yang layak memohon bantuan ini ialah sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah. Jumlah tajaan yang diterima oleh seorang pelajar adalah sebanyak RM6,550 untuk satu tahap bersamaan dengan enam bulan tempoh

pengajian. Daripada tahun 2008 hingga 2013, peruntukan yang telah digunakan untuk program ini adalah sebanyak RM7,329,063.00.

iii. **Pemberian Bantuan Perayaan kepada Golongan Miskin**

Bantuan ini diberikan dalam bentuk baucer yang berjumlah RM 100.00 kepada semua golongan miskin bagi meringankan beban mereka untuk membuat persediaan menyambut perayaan masing – masing. Bantuan ini diberikan kepada semua ADUN. Daripada tahun 2008 hingga 2013, peruntukan yang telah digunakan untuk program ini adalah sebanyak RM8,984,977.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK: OPERASI PEMBENIHAN AWAN**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan jumlah operasi pemberian awan yang dilakukan di kawasan tadahan air Empangan Sg Selangor mengikut bulan pada tahun 2014.
  - Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk operasi pemberian awan jika musim kemarau terus melanda Selangor pada separuh kedua tahun ini.

**JAWAPAN:**

- Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah melaksanakan operasi pemberian awan di kawasan tadahan empangan Negeri Selangor. Jumlah operasi pemberian awan yang dijalankan di kawasan tadahan air Empangan Sungai Selangor sahaja sehingga 31 Mei 2014 ialah sebanyak 37 kali. Perincian mengikut bulan ialah seperti dalam Jadual berikut:

Bulan	Bilangan Operasi Pemberian Awan
Mac	5
April	17
Mei	15
Jun (sehingga 11 Jun2014)	2
<b>JUMLAH</b>	<b>39</b>

- Berdasarkan ramalan adalah dijangkakan keadaan cuaca panas dan kering akan berlarutan sehingga hujung tahun bermula Jun berikutan fenomena 'El-Nino'. Sehubungan itu, pihak LUAS akan terus menjalankan operasi pemberian awan sehingga hujung tahun ini dengan kerjasama pihak Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) tertakluk kepada kesesuaian cuaca. Pihak LUAS juga mengambil inisiatif untuk menambahbaik kaedah pemberian awan yang dijalankan setelah mendapatkan pandangan teknikal pakar operasi pemberian awan daripada Jabatan Penerbangan Untuk Penghasilan Hujan dan Pertanian DiRaja, Thailand (Department of Royal Rainmaking and Agricultural Aviation), Thailand. Cadangan penggunaan kombinasi beberapa bahan lain seperti ais kering dan butiran garam halus di dalam peringkat pelaksanaan yang bertujuan untuk meningkatkan

keberkesanannya operasi pemberian awan. Ianya tertakluk kepada kebolehdapatan peralatan-peralatan yang diperlukan di dalam negara pada masa ini. Di samping itu, pihak Kerajaan Negeri Selangor juga sedang mewujudkan kerjasama dengan jabatan tersebut bagi pemindahan teknologi yang digunakan yang mana telah dipatenkan dan mampu meningkatkan penghasilan hujan di kawasan tadahan air empangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : PELAKSANAAN HUKUM HUDUD**

58. Timbalan Menteri Besar Kelantan berkata rang undang-undang persendirian hudud kerajaan negeri Kelantan akan dibentangkan di Parlimen. Ketua Menteri Pulau Pinang telah menyatakan tidak bersetuju terhadap sebarang pelaksanaan hukum hudud di Pulau Pinang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri Selangor atas pelaksanaan hukum hudud?

**JAWAPAN:**

- a) Y.B. Pandamaran bertanyakan pendirian Kerajaan Negeri berkenaan pelaksanaan hudud memandangkan usaha yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan untuk membawa satu rang undang-undang persendirian hudud di Parlimen.

Fasal 4(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, "Perlembagaan ini adalah undang-undang tertinggi Persekutuan dan mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah, setakat mana yang tidak selaras, tidak sah".

Hakikat bahawa rang undang-undang persendirian tersebut diakui perlu dibentangkan di Dewan Rakyat sudah jelas menyatakan bahawa enakmen berkenaan hudud dari Kelantan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan walaupun pelaksanaannya terbatas di negeri Kelantan sahaja kerana terdapat kekangan atau tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Malah, rang undang-undang persendirian itu tidak boleh dikuatkuasakan jika diluluskan oleh Dewan Rakyat sekalipun kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mendukung dan berpegang kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan oleh yang demikian Kerajaan Negeri hanya akan menggubal dan melaksanakan undang-undang dan dasar yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan..

**PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PENYELENGARAAN INFRA AWAM TERMASUK INFRA SUKAN.**

59. Infra awam seperti padang bola sepak dan padang permainan tidak diselenggarakan dengan baik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi kerajaan negeri dalam penyelenggaraan infrastruktur kemudahan awam seperti padang bola dan padang permainan?
- b) Berapakah jumlah bajet bagi penyelenggaraan infrastruktur awam seperti di atas?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM800,000.00 setahun bagi Projek Membaikpulih Kemudahan dan Infrastruktur Sukan. Sehubungan dengan itu, sebanyak RM16,000.00 telah diperuntukkan kepada setiap DUN melalui PBT dalam usaha untuk membaikpulih kemudahan dan infrastruktur sukan yang rosak dan terbiar seperti padang bola, gelanggang-gelanggang futsal, takraw dan badminton.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK: STESEN BAS AWAM BESTARI JAYA**

60. Stesen Bas Awam Bestari Jaya dalam keadaan terbiar seperti tandas-tandas yang tidak berfungsi begitu lama dan ketiadaan tempat berteduh bagi penumpang-penumpang yang menunggu bas.

- a) Siapakah pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pengendalian stesen bas tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pengendalian stesen bas di Bestari Jaya ialah Majlis Daerah Kuala Selangor. Dalam hal ini, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor dari masa ke semasa ada mengambil tindakan bagi menyelenggara kawasan tersebut.

Terdapat dua ruang menunggu bas di stesen bas tersebut yang boleh menempatkan seramai 70 orang penumpang dalam satu masa.

Pihak Majlis juga telah membuat pembaikan di tempat menunggu tersebut seperti pemberian lampu, longkang dan mengecat semula strukturnya.

Manakala bagi tandas awam yang terdapat di tempat tersebut, ianya telah diperbaiki dan berfungsi dengan sempurna. Kerja-kerja pembaikan tersebut telah dilaksanakan pada 5 Mei 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: LORI PEMAMPAT SAMPAH (KOMPEKTOR) KERAJAAN NEGERI**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Huraikan kompektor yang ditempatkan di setiap PBT di Selangor
  - Benarkah ada kompektor yang dibeli pada awal 2013 sudah tidak berfungsi? Jika benar nyatakan berapa unit terlibat mengikut PBT

**JAWAPAN:**

- KDEB Waste Management Sdn Bhd telah membeli sebanyak 50 buah lori kompaktor berjenama Dong Feng buatan Negara China dengan kapasiti 12.5 metrik tan bagi setiap lori kompaktor. Segala urusan pembelian lori tersebut dibuat oleh pihak KDEB Waste Management Sdn Bhd. Sehingga kini, pihak pihak MBSA hanya menerima sebanyak 23 buah lori kompaktor sahaja daripada KDEB. Lori ini telah disewakan kepada beberapa Pihak Berkusa Tempatan dan kontraktor MBSA. Senarai pengagihan lori tersebut seperti di **Lampiran 1**.
- Semua lori kompaktor yang telah diserahkan kepada MBSA adalah dalam keadaan baik dan berfungsi sepenuhnya. Selepas setahun penyewaan, majoriti penyewa telah memulangkan lori Dong Feng yang disewa daripad KDEB atas sebab-sebab seperti berikut:
  - Kontraktor telah membeli lori kompaktor baru.
  - Kontraktor memaklumkan bahawa lori baru mereka adalah lebih besar & efisien dengan muatan 16 tan.

Sehingga kini hanya terdapat dua (2) buah kompaktor Dong Feng milik KDEB yang masih disewa oleh kontraktor pembersihan sampah domestik. Sebuah kompaktor disewa oleh Syarikat D'Hujung Enterprise dan sebuah lagi disewa oleh Majlis Daerah Kuala Selangor.

**Lampiran 1**

**LORI KOMPEKTOR YANG DITEMPATKAN DI SETIAP PBT**

**NEGERI SELANGOR**

Bil	Penerima	No Lori	Bil. Kompaktor	Tarikh Serahan
1	<b>Kontraktor MBSA</b> Anggun Prestij S/B Environment Profile S/B Aiman Platinum S/B D'Hujung Enterprise	BLV9792 BLV9705 BLW2586 BLW2591	4 buah	30-10-2012 30-10-2012 14-12-2012 24-12-2012
2	Majlis Daerah Hulu Selangor	BLW 2068 BLW1832 BLW2067 BLW2062	4 buah	08-11-2012
3	Majlis Daerah Kuala Selangor	BLW 2577 BLW 2572	2 buah	20-11-2012
4	Majlis Perbandaran Klang	BLV 9749 BLW1809 BLW2804 BLW1788 BLW2584 BLW2114 BLW 2075 BLW 2071	8 buah	08-11-2012  30-01-2013
5	Majlis Perbandaran Sepang	BLW2115	1 buah	04-12-2012
6	Majlis Perbandaran Selayang	BLW2086 BLW2079	2 buah	08-01-2013
7	Back – Up (replacement)	BLW2586 BLV9656	2 buah	08-01-2013
	<b>Jumlah</b>		<b>23 buah</b>	

\*\*Sumber: Majlis Bandaraya Shah Alam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : GANGGUAN SEKSUAL**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah polisi dan undang-undang serta mekanisme yang sedia ada di peringkat Kerajaan Negeri Selangor bagi mengendalikan kes gangguan seksual?
  - Apakah jumlah kes gangguan seksual yang diterima dan diselesaikan mengikut pecahan agensi/jabatan Kerajaan Negeri bagi tahun 2008-2014?
  - Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan kesedaran awam tentang gangguan seksual?

**JAWAPAN:**

- Dalam aspek perlindungan orang awam daripada gangguan seksual, sebagaimana negeri-negeri lain, negeri Selangor turut terikat dengan peruntukan Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, gangguan seksual tidak diperuntukkan secara spesifik sebagai satu kesalahan jenayah dalam Kanun Keseksaan.

Peruntukan undang-undang yang paling hampir dengan gangguan seksual ialah Seksyen 509 Kanun Keseksaan di mana adalah menjadi satu kesalahan jika seseorang itu “...mengaibkan kehormatan seseorang dengan menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat atau menunjukkan apa-apa benda”.

Selain Seksyen 509, satu lagi seksyen yang relevan ialah Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang menyatakan adalah menjadi satu kesalahan untuk “menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatannya.”

Di peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri, gangguan seksual di kalangan pegawai awam negeri merupakan satu pelanggaran tatakelakuan yang serius dan satu subperaturan telah diwujudkan secara khusus (iaitu **subperaturan 4A**) melalui pindaan pada tahun 2006 kepada **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995**.

Kategori gangguan seksual yang diperuntukkan dalam Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam ialah cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, meminta layanan seksual daripada orang lain, gangguan seksual yang mengugut dan gangguan seksual yang menyenggung atau

menghina. Pegawai-pegawai yang dilaporkan melakukan kesalahan ini terdedah kepada tindakan tatatertib sehingga membawa kepada hukuman buang kerja.

Mekanisme yang lengkap bagi menguruskan kes-kes gangguan seksual di Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri adalah diperuntukkan di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005 “Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam”**. Secara ringkasnya, mekanisme yang diperuntukkan kepada Pengadu yang berhadapan dengan gangguan seksual adalah seperti berikut:

**1) Tidak Mengambil Apa-Apa Tindakan**

Tindakan ini boleh diambil sekiranya gangguan seksual tersebut telah dihentikan dan Pengadu tidak mahu memanjangkan perkara tersebut. Keputusan yang dibuat secara sukarela oleh Pengadu adalah sah dan hendaklah dihormati.

**2) Mendapatkan Maklumat Atau Bantuan Untuk Menyelesaikan Kes Secara Tidak Rasmi**

Pengadu yang tidak pasti sama ada gangguan seksual telah terjadi ke atasnya atau jika Pengadu mempercayai dirinya telah mengalami gangguan seksual tetapi tidak pasti apakah tindakan yang boleh diambil boleh:

- (i) menghubungi Kaunselor, Pegawai Kaunseling, pegawai atasan atau agensi-agensi yang mengendalikan isu gangguan seksual untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat;
- (ii) setelah mendapat maklumat yang lengkap, Pengadu boleh menyelesaikan kes gangguan seksual dengan cara bersemuka dengan Pegawai Yang Disyaki Mengganggu dan menyatakan dengan tegas, jelas dan berterus terang bahawa perlakuan tersebut telah menyebabkan Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut dan ia perlu dihentikan segera; dan
- (iii) Pengadu boleh meminta bantuan Kaunselor atau Pegawai Kaunseling agar hadir bersamanya ketika Pengadu bersemuka dengan Pegawai Yang Disyaki Mengganggu.

**3) Membuat Aduan Rasmi Kepada Kaunselor Atau Pegawai Kaunseling**

Sekiranya pengadu bercadang untuk membuat aduan rasmi kepada Kaunselor atau Pegawai Kaunseling, langkah-langkah yang perlu ialah:

- (i) mengenal pasti Pegawai Yang Disyaki Mengganggu sama ada Pegawai Yang Disyaki Mengganggu adalah rakan sekerja atau pegawai atasan;

- (ii) menyimpan apa-apa nota, e-mel, foto, SMS, MMS dan lain-lain dokumen atau benda yang diterima daripada Pegawai Yang Disyaki Mengganggu sebagai bahan bukti. Perlu diingatkan bahawa dokumen atau benda yang diterima tersebut tidak boleh diubahsuai untuk menjaga rantaian keterangan bahan bukti tersebut;
- (i) membuat catatan atau merekodkan kejadian tersebut (sekiranya Pegawai yang mengganggu adalah pegawai penyelia atau Ketua Jabatan dan Pegawai berasa takut untuk berterus terang) agar dapat dijadikan sebagai bahan bukti apabila diperlukan;
- (iv) memaklumkan kejadian gangguan seksual tersebut kepada pihak ketiga, walau bagaimanapun jumlah orang yang dimaklumkan mengenai kejadian haruslah dihadkan kepada seminimum yang mungkin untuk menjaga kerahsiaan dan maruah kedua-dua pihak;
- (v) mengenal pasti Pegawai lain yang melihat kejadian yang berlaku agar Pegawai berkenaan boleh dipanggil untuk memberi keterangan apabila diperlukan; dan
- (vi) mendapatkan perkhidmatan kaunseling di tempat Pegawai Awam bertugas atau di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sekiranya Pegawai mengalami kesan negatif akibat daripada gangguan seksual.

#### **4) Membuat Laporan Rasmi Untuk Tujuan Tindakan Tatatertib**

Sekiranya Pengadu bercadang untuk membuat aduan rasmi kepada Pihak Berkuasa Tatatertib:

- (i) Pengadu boleh terus membuat laporan rasmi kepada Pihak Berkuasa Tatatertib mengenai kejadian gangguan seksual supaya tindakan tatatertib diambil terhadap Pegawai Yang Disyaki Mengganggu. Dalam keadaan ini, prosedur tatatertib biasa adalah terpakai.

#### **5) Membuat Laporan Polis**

Sekiranya perbuatan gangguan seksual itu terjumliah kepada kesalahan jenayah, seperti mencabul kehormatan di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan, meminta layanan seksual sebagai suapan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan sebagainya, Pengadu hendaklah terus membuat laporan kepada polis atau agensi yang bertanggungjawab.

- b) Berdasarkan rekod yang dikemas kini sehingga 6 Jun 2014, sejumlah lima (5) kes gangguan seksual telah dilapor dan diambil tindakan di Jabatan / Agensi Kerajaan dalam tempoh 2009 hingga kini. Perincian jumlah kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bilangan Kes
1.	2009	2
2.	2010	1
3.	2011	0
4.	2012	0
5.	2013	2
Jumlah keseluruhan		5

Kesemua kes ini telah diuruskan dan diselesaikan mengikut tatacara yang diperuntukkan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005 “Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam”**.

- c) Pelbagai program yang telah dan akan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah gangguan seksual dan meningkatkan kesedaran awam terhadap isu gangguan seksual ini.

Di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor, Program ‘Women Against Crime (WAC)’ telah dianjurkan bagi menangani masalah jenayah termasuk gangguan seksual melibatkan wanita.

Selain itu, Jawatankuasa Induk Gejala Sosial juga telah mengadakan program seperti Program Jelajah Generasi Idaman Selangor (GEMS) di beberapa daerah bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap perihal pentingnya menangani jenayah secara bersama dan membentuk generasi muda yang berakhhlak tinggi. Pada tahun 2014 ini, sebanyak tiga (3) siri program GEMS yang telah dianjurkan iaitu masing-masing di daerah Kuala Selangor, Kuala Langat dan Hulu Langat.

Jawatankuasa Induk Gejala Sosial juga telah mengadakan Program Anti Zina yang mengenal pasti ‘hotspot’ dan membanteras aktiviti-aktiviti tidak bermoral di kawasan awam. Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada pelbagai Jabatan / Agensi Kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PENGHAPUSAN KOUTA DISKAUN 7% BUMIPUTERA**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah langkah kerajaan untuk memastikan golongan kurang berada dapat memiliki rumah dengan penghapusan kuota diskaun 7% pembelian rumah Bumiputera ini?
  - Nyatakan kesan positif kepada sosioekonomi rakyat Selangor dengan langkah penghapusan kuota 7% ini?

**JAWAPAN:**

- Bermula 1 Januari 2014, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dasar perumahan yang baru yang dikenali sebagai Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) bagi menggantikan dasar perumahan sebelum ini yang dikenali sebagai Dasar 20:20:10 (bagi kawasan Dalam Lembah Klang) atau 20:10:10 (bagi kawasan Luar Lembah Klang) yang telah digunakan sejak dari tahun 2000 lagi. Pengenalan Dasar Rumah Selangorku ini mengambil kira keperluan bagi penyediaan rumah daripada harga jualannya RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit mengikut jenis dan saiz serta berdasarkan kawasan pembangunan perumahan yang telah dipecahkan kepada tiga (3) Zon iaitu Zon 1 (kawasan bandar utama dalam Lembah Klang), Zon 2 dan Zon 3 (kawasan Luar Bandar / luar Lembah Klang). Dengan penetapan syarat keperluan penyediaan Rumah Selangorku iaitu di antara 20% sehingga 50% daripada keseluruhan unit rumah yang perlu dibina bagi sesuatu kawasan pembangunan berdasarkan kepada keluasan saiz tanah pembangunan, Kerajaan Negeri secara tidak langsung akan dapat mengawal sehingga 50% penyediaan rumah pada harga kawalan yang mana ia akan dapat dinikmati oleh semua golongan sama ada pembeli Bumiputera atau bukan bumiputera yang layak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- Berkenaan dengan 7% diskaun Bumiputera, Kerajaan Negeri berpandangan harga rumah di bawah skim Rumah Selangorku merupakan harga kawalan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri yang mana kos pembinaannya adalah lebih tinggi berbanding harga jualan yang telah ditetapkan. Contohnya; Kos Pembinaan sahaja bagi Apartment yang mempunyai keluasan 800 kaki persegi adalah sekurang-kurangnya RM120 kaki persegi. Kos ini tidak termasuk kos infrastruktur dan kos tanah. Ini dapat dibuktikan sebagaimana cadangan pelaksanaan Projek Perintis Rumah Selangorku Kerajaan Negeri di Ukau Indah, Sungai Sering yang mana kos pembinaan bagi seunit rumah jenis Apartment bersaiz 900-1,000 kaki persegi sahaja adalah diantara

RM200,000-RM240,000.00 seunit tidak termasuk kos tanah yang ianya milik Menteri Besar Incorporated (MBI). Sehingga kini rumah-rumah berharga RM42,000.00 sememangnya tidak pernah diberi diskaun 7% semenjak tahun 2000 lagi. Dari itu tidak timbul isu ianya akan membebankan mereka.

Oleh yang demikian, sekiranya harga jualan tersebut masih perlu diberikan diskaun akan lebih membebankan pemaju yang mana langkah utama yang akan diambil adalah meningkatkan harga jualan rumah jenis bebas bagi menampung subsidi yang tinggi terhadap keperluan penyediaan rumah mampu milik yang telah ditetapkan. Di samping itu, ia dapat memberi galakan kepada pemaju untuk membina lebih banyak rumah mampu milik sebagai salah satu tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Ia juga secara tidak langsung dapat mengurangkan atau mengawal ketidakpatuhan pemaju yang tidak membina rumah-rumah mampu milik sebagaimana yang berlaku sebelum ini yang mana Kelulusan Kebenaran Merancang / Pelan Susunatur diberikan oleh PBT tetapi sehingga kini ianya tidak dibina seperti yang berlaku di sesetengah PBT berdasarkan rekod lebih daripada 35,000 unit Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah dan Rumah Kos Sederhana telah diluluskan sejak dari tahun 2000 tetapi sehingga kini masih belum dibina. Walau bagaimanapun, Kuota Jualan Bumiputra masih lagi kekal sebagaimana yang ditetapkan dalam ‘Blue Print’ Perumahan Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: JAWATANKUASA PILIHAN PERKHIDMATAN BEKALAN AIR**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan berniat untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Perkhidmatan Bekalan Air bagi meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air di dalam negeri dan memastikan anak Selangor tidak menghadapi krisis air pada masa hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) Pada pandangan Kerajaan Negeri Selangor, penubuhan Jawatan Kuasa Pilihan Perkhidmatan Air belum perlu dibuat memandangkan SYABAS adalah syarikat swasta yang tidak akan terikat dan patuh dengan apa jua keputusan jawatan kuasa tersebut.

Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 27/2012 yang bersidang pada 25 Julai 2012 dan telah disahkan oleh MMKN ke 28/2012 pada 01 Ogos 2012 telah meluluskan supaya Jawatan Kuasa Pemantauan Bekalan Air yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ditubuhkan bagi memantau secara harian perkhidmatan SYABAS dan semua operator rawatan air serta kedudukan semasa bekalan air kepada pengguna termasuk meninjau sendiri di tapak masalah kekurangan bekalan air. Jawatan kuasa ini diwujudkan sebagai salah satu perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menghadapi cadangan catuan bekalan air oleh SYABAS.

Segala usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air berdasarkan Model Holistik di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah bagi tujuan untuk memastikan mutu perkhidmatan bekalan air dapat ditingkatkan dan mengelakkan sebarang krisis bekalan air di masa akan datang.

Keadaan industri perkhidmatan air pada masa sekarang dikendalikan oleh operator swasta tanpa penglibatan Kerajaan Negeri. Kesemua operator rawatan air dan operator agihan yang ada pada ketika ini adalah merupakan syarikat swasta yang mana bagi syarikat swasta keuntungan merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan. Dalam kerakusan mengejar matlamat mengaut keuntungan bagi mengayakan segelintir kapitalis, kepentingan pengguna perkhidmatan air yang merupakan rakyat Negeri Selangor tidak diutamakan.

Keadaan ini berbeza sekiranya pengurusan industri perkhidmatan air berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang mana keuntungan bukanlah matlamat utama. Oleh sebab terdapat jurang perbezaan di dalam matlamat syarikat swasta dan Kerajaan Negeri Selangor di dalam memberikan perkhidmatan bekalan air yang efisien, jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan memuktamadkan penstruktur semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor.

Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha memuktamadkan penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor ini sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanannya perkhidmatan sebagaimana yang telah dicapai di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUTDARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PRESTASI PENCAPAIAN PBT**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Sila nyatakan bagaimakah prestasi pencapaian PBT Selangor dalam Sistem Penarafan Bintang yang dilakukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ?
  - Sila huraikan apakah indikator yang ditetapkan ?
  - Sila nyatakan apakah ganjaran dan insentif yang bakal diberikan kepada PBT yang memperolehi kecemerlangan ?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi pencapaian PBT Selangor dalam Sistem Penarafan Bintang yang dilakukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah seperti di jadual di bawah :-

<b>ANUGERAH BINTANG</b>	<b>BIL.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>
5 BINTANG	1.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

<b>ANUGERAH BINTANG</b>	<b>BIL.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>
4 BINTANG	1.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
	2.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)
	3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
	4.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
	5.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)
	6.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)
	7.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
	8.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
	9.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)

- b) Sistem penggredan yang dilaksanakan oleh penilai berdasarkan empat (4) kriteria utama iaitu pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti. Jumlah keseluruhan bagi penilaian tersebut adalah sebanyak 325 kriteria kecil. Penarafan bintang mengikut markah keseluruhan adalah seperti berikut:-

Jumlah Markah	Taraf Bintang
90 - 100	5 BINTANG
75 – 89	4 BINTANG
60 – 74	3 BINTANG
46 – 59	2 BINTANG
45 dan ke bawah	1 BINTANG

- c) Kerajaan Negeri akan mengadakan satu Majlis Apresiasi Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan pada 16 Jun 2014 bagi meraikan pencapaian PBT yang memperoleh kecemerlangan dalam penarafan bintang PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN KAMPUNG**

66. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Siapakah yang dipertanggungjawabkan membelanjakannya?
  - Senaraikan peralatan, perbelanjaan serta baki peruntukan yang dikembalikan ke UPEN bagi setiap kampung Daerah Klang.
  - Apakah Insentif kebajikan kepada petugas keselamatan tersebut?

**JAWAPAN:**

- Unit Pembangunan Masyarakat melalui persetujuan Ketua-ketua Kampung di dalam Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Kampung Daerah Klang.
- Seperti di lampiran A dan B.
- Peruntukan yang diberikan hanya untuk pembelian peralatan PKK dan tiada sebarang insentif kebajikan kepada petugas PKK.

**SENARAI KESELURUHAN PERALATAN PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN (PKK) DAERAH KLANG**

<b>NO. BUTIRAN</b>	<b>SPESIFIKASI BARANG</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA SEUNIT (RM)</b>	<b>JUMLAH HARGA (RM)</b>
1.	Tali Pinggang Nylon (Pengawal)	440	RM 43.00	RM 18,920.00
2.	Safety Light	44	RM 46.00	RM 2,024.00
3.	Security Log Book 134 m.s	440	RM 10.00	RM 4,400.00
4.	Heavy Duty Standard Rain Suit Material :PVC	440	RM 50.00	RM 22,000.00
5.	Vest Pemantul Cahaya Dengan Logo	440	RM 50.00	RM 22,000.00
6.	Loud Hailer Model: Show	44	RM300.00	RM 13,200.00
7.	Lampu Suluh Model Dolphine (W/CELL)	440	RM 68.00	RM 29,920.00
8.	Topi Berserta Logo Emboidery	440	RM 25.00	RM 11,000.00
9.	Walkie Talkie Motorola Model : TLKR T80 EXTREME	44	RM850.00	RM 37,400.00
10.	First Aid Kit Material Matel Medium 27 Item	44	RM200.00	RM 8,800.00
11.	Ref Baton Model YT-966	440	RM 38.00	RM 16,720.00
12.	Peti Pelawat Plastik	44	RM 36.00	RM 1,584.00
13.	Trafic Cone 30' PVC	440	RM 45.00	RM 19,800.00
14.	Boot Black	440	RM 25.00	RM 11,000.00
15.	Wisel Plastik	440	RM 1.00	RM 440.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN PEMBELIAN BARANGAN</b>				<b>RM219,208.00</b>
<b>BAKI LEBIHAN SEBANYAK RM792.00 YANG DIKEMBALIKAN KE UPEN</b>				

## SENARAI PERALATAN PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN (PKK) UNTUK SETIAP SATU (1) KAMPUNG DAERAH KLANG

Bil.	NAMA KAMPUNG	PERUNTUKAN UPEN(RM)	SPESIFIKASI BARANG	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)	BAKI SETIAP KAMPUNG
1.	Kg.Telok Gadong	RM5,000					RM18.00
2.	Kg.Sungai Udang	RM5,000					RM18.00
3.	Kg.Delek	RM5,000					RM18.00
4.	Kg.Pandamaran Jaya	RM5,000					RM18.00
5.	Kg.Pendamar	RM5,000					RM18.00
6.	Kg.Raja Uda	RM5,000					RM18.00
7.	Kg.Baru Pandamaran	RM5,000					RM18.00
8.	Kg.Kapar	RM5,000					RM18.00
9.	Kg.Tok Muda	RM5,000					RM18.00
10.	Kg.Bukit Kapar	RM5,000					RM18.00
11.	Kg.Bukit Kerayong 2	RM5,000					RM18.00
12.	Kg.Sg.Serdang	RM5,000					RM18.00
13.	Kg.Batu 12 Kapar	RM5,000					RM18.00
14.	Kg.Batu Belah	RM5,000					RM18.00
15.	Kg.Kuantan	RM5,000					RM18.00
16.	Kg.Padang Jawa	RM5,000					RM18.00
17.	Kg.Meru	RM5,000	Tali Pinggang Nylon (Pengawal)	10	RM 43.00	RM430.00	RM18.00
18.	Kg.Telok Nipah	RM5,000	Safety Light	1	RM 46.00	RM 46.00	RM18.00
19.	Kg.Perigi Nenas	RM5,000	Security Log Book 134 m.s	10	RM 10.00	RM100.00	RM18.00
20.	Kg.Sg.Kembong	RM5,000	Heavy Duty Standard Rain Suit Material :PVC	10	RM 50.00	RM500.00	RM18.00
21.	Kg.Telok Gong	RM5,000	Vest Pemantul Cahaya Dengan Logo	10	RM 50.00	RM500.00	RM18.00
22.	Kg.Sg.Pinang	RM5,000	Loud Hailer Model: Show	1	RM300.00	RM300.00	RM18.00
23.	Kg.Bagan Sg.Lima	RM5,000	Lampu Suluh Model Dolphine (W/CELL)	10	RM 68.00	RM680.00	RM18.00
24.	Kg.Bagan Pulau Ketam	RM5,000	Topi Berserta Logo Emboidery	10	RM 25.00	RM250.00	RM18.00
25.	Kg.Sg.Pinang Bandar	RM5,000	Walkie Talkie Motorola Model : TLKR T80 EXTREME	1	RM850.00	RM850.00	RM18.00
26.	Kg.Rantau Panjang	RM5,000	First Aid Kit Material Matel Medium 27 Item	1	RM200.00	RM200.00	RM18.00
27.	Kg.Batu 3, Rantau Panjang	RM5,000	Ref Baton Model YT-966	10	RM 38.00	RM380.00	RM18.00
28.	Kg.Batu 4, Rantau Panjang	RM5,000	Peti Pelawat Plastik	1	RM 36.00	RM 36.00	RM18.00
29.	Kg.Sementa	RM5,000	Trafic Cone 30' PVC	10	RM 45.00	RM450.00	RM18.00
30.	Kg.Perepat	RM5,000	Boot Black	10	RM 25.00	RM250.00	RM18.00
31.	Kg.Bagan Hailam	RM5,000	Wisel Plastik	10	RM 1.00	RM 10.00	RM18.00
32.	Kg. Batu 7 Jalan Kebun	RM5,000					RM18.00
33.	Kg.Bukit Naga	RM5,000				<b>RM4,982.00</b>	RM18.00
34.	Kg.Jawa	RM5,000					RM18.00
35.	Kg.Sg.Kandis	RM5,000					RM18.00
36.	Kg.Johan Setia	RM5,000					RM18.00
37.	Kg.Telok Menegon	RM5,000					RM18.00
38.	Kg.Air Hitam / Pendamar	RM5,000					RM18.00
39.	Kg.Pandamaran Jaya / Kg.Idaman	RM5,000					RM18.00
40.	Taman Seri Perantau	RM5,000					RM18.00
41.	Kg.Perepat	RM5,000					RM18.00
42.	Taman Bukit Raja	RM5,000					RM18.00
43.	Kawasan Batu Batu Belah / Sg.Pinang	RM5,000					RM18.00
44.	Kg.Bukit Kemuning Batu 8	RM5,000					RM18.00
		<b>RM220,000.00</b>					<b>RM792.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PENGUMPULAN RUMPUT YANG DIPOTONG, DAUN POKOK DAN SAMPAH KEBUN**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah anggaran purata kuantiti rumput, daun dan sampah kebun di PBT pada 2013?
  - Apakah rancangan untuk menjadikan bahan-bahan tersebut sebagai baja kompos?
  - Berapakah anggaran kos bagi membangunkan sistem kompos di PBT?

**JAWAPAN:**

- Jumlah anggaran purata kuantiti rumput, daun dan sampah kebun semua PBT tahun 2013 adalah sebanyak 11,330.00 metrik tan setahun. Pecahan PBT seperti di **Lampiran 1**.
- Kebanyakan PBT di Negeri Selangor telah mempunyai program *composting* yang menghasilkan baja kompos. Antara usaha yang dijalankan adalah:-
  - Menyediakan pusat pengumpulan daun pokok dan sampah kebun serta membeli peralatan mesin untuk menghasilkan baja kompos. Sebagai contoh, MBSA telah menyediakan pusat pengumpulan daun pokok dan sampah kebun untuk dijadikan baja kompos dengan penyeliaan seorang Penolong Pegawai Pertanian dan 2 orang pekerja di samping pelaburan dengan membeli dua unit mesin 'chipper & shredder' dengan kapasiti 10 dan 18 kuasa kuda setiap satu.
  - Pada tahun 2011 MBSA telah memulakan projek kompos di tapak seluas dua (2) ekar di Persiaran Jubli Perak berhampiran stor Jabatan Kerja Raya, seksyen 17, Shah Alam dengan menggunakan mesin berkapasiti 10 kuasa kuda. Pada tahun 2012 MBSA menyediakan sebuah kabin sebagai pusat operasi dan stor penyimpanan peralatan dengan nilai RM10,000.00. Manakala tahun 2013, MBSA telah membeli mesin dengan nilai RM50,000.00 untuk meningkatkan keupayaan bagi proses menghancur sisa tersebut. Bagi memantapkan operasi pada tahun 2014 pihak MBSA akan menaiktaraf dan meluaskan tapak operasi, dengan menyediakan sistem pengairan & elektrik serta membina bangunan dan pembelian peralatan; dan

- iii. Pihak MBPJ juga ada merancang untuk mengutip daun-daun kering di dalam kawasan taman yang luas dan dikumpulkan di pangkal-pangkal pokok untuk kompos secara semula jadi dan selebihnya akan dikumpulkan disuatu sudut taman untuk proses penguraian bagi menghasilkan kompos semulajadi dan pihak MPK merancang melakukan pengkomposan di tapak semaihan.
- c) Kos anggaran pembangunan kompos dengan sistem yang lengkap untuk pemprosesan kompos di PBT boleh mencecah sebanyak RM210,000.00. Contoh seperti jadual di bawah:-

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kos (RM)</b>	<b>Tahun</b>
1.	Pembaikan kabin & stor	10,000	2012
2.	Pembelian mesin	50,000	2013
3.	Menaiktaraf tapak	50,000	2014
4.	Sistem pengairan & elektrik	50,000	2014
5.	Peralatan & bangunan	50,000	2014

*\*\*Sumber: MBSA*

**Lampiran 1**

**ANGGARAN PURATA KUANTITI RUMPUT, DAUN DAN SAMPAH KEBUN DI  
PBT PADA 2013**

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>ANGGARAN PURATA (METRIK TAN / SETAHUN)</b>
1	MBSA	49,115.28
2	MBPJ	26,856.78
3	MPK	35,100.00
4	MPSJ	1,600.00
5	MPS	5,000.00
6	MPKj	360.00
7	MPAJ	7,488.00
8	MPSp	360.00
9	MDKS	3,840.00
10	MDKL	480.00
11	MDSB	360.00
12	MDHS	5,400.00
<b>JUMLAH</b>		<b>135,960.06</b>
<b>PURATA</b>		<b>11,330.00</b>

*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PENGEMBANGAN EKONOMI**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Negeri Selangor mempunyai kelebihan dari segi sistem pengangkutan udara iaitu lapangan antarabangsa negara adalah terletak di Selangor. Apakah sektor yang boleh mendapat manfaat daripadanya?

**JAWAPAN:**

- a) Pertumbuhan dan pengembangan ekonomi bergantung kepada penyediaan infrastruktur serta kemudahan awam yang antara lainnya termasuklah sistem pengangkutan udara yang efisien. Negeri Selangor menjadi pintu masuk serta pusat import dan eksport utama negara berikutan terdapatnya pembangunan lapangan terbang antarabangsa yang terdiri daripada KLIA, KLIA2 dan Lapangan Terbang Subang. Sektor pelancongan dilihat mendapat manfaat terus daripada keadaan ini apabila statistik daripada Tourism Malaysia menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 18.2% kedatangan pelancong luar negara pada Januari 2014 berbanding Januari 2013. Selain daripada itu, kelebihan ini juga telah menimbulkan inisiatif serta menjadi pemangkin untuk meningkatkan pelbagai kemudahan dan merancakkan aktiviti-aktiviti dalam sektor perkhidmatan di sekitar kawasan pembangunan bagi memastikan pertumbuhan sektor pelancongan secara berterusan. Dari sudut komersial, dalam dunia yang mudah dihubungkan sekarang, kemampuan menawarkan perkhidmatan penerbangan berkualiti tinggi akan menjadi pemangkin untuk meningkatkan sektor perdagangan dan pelaburan dan akan dapat menyokong usaha penjanaan kekayaan ke arah menjadikan Selangor sebuah negeri berpendapatan tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : KUALITI SUMBER AIR DARI BEKAS LOMBONG BIJIH TIMAH**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Benarkah air bekas lombong mengandungi bahan logam bahaya yang boleh merosakkan sistem otak, saraf, kardiovaskular dan pencernaan kita jika diminum?
  - Mengapakah hasil ujian terhadap sumber air dari bekas lombong tidak didedah kepada orang ramai?
  - Apakah jaminan kerajaan negeri bahawa air bekas lombong yang dipam ke Sungai Selangor selamat diminum dan menafikan dakwaan 'pakar-pakar air'?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan Garis Panduan Kriteria Kualiti Air Mentah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, terdapat 15 parameter logam berat yang perlu dipatuhi, antaranya Merkuri, Arsenik, Plumbum dan lain-lain.

Kolam-kolam alternatif ini telah dipantau sejak 2011 sehingga ke hari ini. Hasil analisa pensampelan yang telah dijalankan menunjukkan semua parameter logam berat adalah mematuhi garis panduan tersebut. Keputusan terperinci adalah seperti di Lampiran A - G.

- b) Keputusan analisa pensampelan yang dijalankan adalah dibincangkan dan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Petugas Sumber Air Alternatif Negeri Selangor yang dianggotai oleh pelbagai agensi teknikal berkaitan dan diurusetia oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air Negeri Selangor.

Pemantauan rapi dijalankan dan pewartaan dilaksanakan bagi memastikan kolam-kolam yang telah dikenalpasti ini adalah selamat untuk digunakan. Bagi tahun 2014, pensampelan telah dijalankan pada 2, 14, 22, 28 dan 29 Mei bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di mana keputusan pensampelan pada 2 Mei telah didedahkan melalui satu sidang media oleh YB Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, selaku Pengurus Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam pada 7 Mei yang lalu. Satu seminar pemakluman status kualiti dan kuantiti kolam-kolam sumber air akan diadakan pada 18 Jun 2014 untuk memberi makluman kepada masyarakat dan pihak berkenaan tentang status semasa kolam-kolam tersebut.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan air kolam sumber air yang dipam ke Sungai Selangor adalah mematuhi piawaian air mentah KKM untuk dirawat oleh LPA. Proses pemantauan kualiti air dijalankan melalui 3 peringkat, iaitu :
- i. Pemantauan di kolam sumber air oleh LUAS dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS),
  - ii. Pemantauan air mentah di sungai dan muka sauk oleh operator loji dan JKNS, dan
  - iii. Pemantauan air terawat selepas proses rawatan di loji pembersihan air oleh operator loji dan JKNS.

Pensampelan dijalankan oleh JKNS dan LUAS serta analisa sampel dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM). Berdasarkan analisa pemantauan kualiti air yang dijalankan sepanjang tempoh pengepaman air kolam sumber air ke Sungai Selangor mendapati tiada perlanggaran bagi parameter logam berat di air mentah bagi muka sauk dan air terawat.

## **LAMPIRAN**

1. Lampiran A – Keputusan Pensampelan Air Di Kolam Takungan / Bekas Lombong Negeri Selangor Tahun 2011.
2. Lampiran B – Keputusan Pensampelan Air Di Kolam Takungan / Bekas Lombong Negeri Selangor Tahun 2012.
3. Lampiran C – Keputusan Pensampelan Air Di Kolam Takungan / Bekas Lombong Negeri Selangor Tahun 2013.
4. Lampiran D – Keputusan Pensampelan Kolam Alternatif Pada 2 Mei 2014
5. Lampiran E – Keputusan Pensampelan Kolam Alternatif Pada 3 Mei 2014
6. Lampiran F – Keputusan Pensampelan Kolam Alternatif Pada 14 Mei 2014
7. Lampiran G – Keputusan Pensampelan Kolam Alternatif Pada 20 Mei 2014

Keputusan Persampelan Air Di Kolam Takungan / Bekas Lombong Negeri Selangor Tahun 2011

Daerah	Kolam	Kedalaman (meter)	Keluasan (ekar)	Jarak Dari Sungai	Isipadu (m <sup>3</sup> )	Muka Sauk Berhampiran	Status Tanah	Tarikh Pensampelan	Lokasi	pH (5.5-9.0)	Kekeruhan NTU(<1000)	TDS (<1500mg/L)	DO		Warna (0-300)	Bakteria (<5000 MPN)	Leptospira (Negatif)	Kimia (mg/L)
													mg/L	%				
Kuala Langat	Lombong Bukit Cheding	10 m	660	6 km Sg. Langat	10,121,457	Hilir Bukit Tampoi	KDEB	5.7.11	LBC201 Tengah	7.0	2.11	Not tested	Not tested	5	Mematuhi	Negatif	COD=12mg/l	
									LBC202 Tepi Kaw Pertanian	7.0	2.36				5	Mematuhi	Negatif	COD=12 mg/l
									LBC203 Tengah	7.0	2.20				5	Mematuhi	Negatif	Mematuhi
									LBC204 Tepi	7.2	2.48				5	Mematuhi	Positif	Mematuhi
									LBC205 Tepi	7.0	1.83				5	Mematuhi	Negatif	COD=13mg/l
	Agrotech Ace Olak Lempit	7 m	650		3,332,705	Hilir Bukit Tampoi	PKPS	28.10.11	3A.Kawasan Tepi	5.21	3.92	Not tested	Not tested		Mematuhi	Negatif	AI=0.37mg/l	
									3B. Tepi	5.18	4.01				Mematuhi	Negatif	AI=0.36mg/l	
									3C. Tengah	5.07	3.52				Mematuhi	Negatif	AI=0.36mg/l	
									3D. Tepi	4.99	5.01				Mematuhi	Negatif	AI=0.30mg/l	
									3E. Tepi	5.17	4.73				Mematuhi	Negatif	AI=0.51mg/l	
Kuala Selangor	KT Kg. Serigala, Kg. Bt. 6	3 m	28.4	100 meter Sg. Inki	166,635	Loji Sg. Selisek	Tanah Kerajaan	9.6.11	KS01	6.21	2.04	4.2	3.07	39.6	Not tested	Mematuhi	Negatif	COD=15 mg/l, COD=13 mg/l
									KS02	6.01	2.51	4.2	2.84	38.3		Mematuhi	Negatif	COD=13 mg/l
									KS03	5.59	2.45	4.2	2.92	36.9		Mematuhi	Negatif	COD=13 mg/l
									KS04	6.08	3.27	4.2	3.64	54.9		Mematuhi	Positif	COD=14 mg/l
									KS05	6.03	2.70	4.2	1.53	59.2		Mematuhi	Negatif	COD=13 mg/l, Fe=4.4 mg/l
	KT. Kg Timah Bukit Beruntung	5 m	63.1	Berdekatan Sg. Selangor	7,646,940	Loji Rantau Panjang	Tanah Kerajaan	22.6.11	KT01	6.27	5.55	13.5	7.36	103.3	Not tested	Mematuhi	Negatif	Mematuhi
									KT02	6.51	5.89	12.8	7.17	99.3		Mematuhi	Negatif	Mematuhi
									KT03	6.56	6.5	12.6	7.33	101.6		Mematuhi	Negatif	Mematuhi
									KT04	6.60	6.61	12.6	7.34	99.8		Mematuhi	Negatif	Mematuhi
									KT05	6.62	5.87	12.6	7.53	102.8		Mematuhi	Positif	Mematuhi
	KT Tmn Desa Anggerik	5 m	27.76	Berdekatan Sg. Punggor	3,277,260	Loji Rantau Panjang	Tanah Kerajaan	13.7.11	DA01	6.29	6.06	12.7	2.49	31.0	Not tested	Tidak mematuhi (TC) Mematuhi Tidak mematuhi (TC) Tidak mematuhi (TC) Mematuhi	Positif	Mematuhi
									DA02	5.99	6.34	12.9	2.00	27.1		Mematuhi	Positif	Mematuhi
									DA03	6.01	5.61	12.1	2.38	31.2		Mematuhi	Positif	Mematuhi
									DA04	6.11	6.10	12.3	2.87	37.8		Mematuhi	Positif	Mematuhi
									DA05	6.17	5.51	12.3	3.19	41.0		Negatif	Negatif	Mematuhi

Daerah	Kolam	Kedalaman (meter)	Keluasan (ekar)	Jarak Dari Sungai	Isipadu (m <sup>3</sup> )	Muka Sauk Berhampiran	Status Tanah	Tarikh Pensampelan	Lokasi	pH (5.5-9.0)	Kekeruhan NTU(<1000)	TDS (<1500mg/L)	DO		Warna (0-300)	Bakteria (<5000 MPN)	Leptospira (Negatif)	Kimia (mg/L)
													mg/L	%				
Hulu Selangor	KT Kg. Keliang 1 (rel keretapi)	3 m	9.80	120 meter Sg. Inki	3,520,020	Loji Sg. Selisek	Tanah Kerajaan	7.9.11	3A.Kawasan Tepi 3B. Tepi 3C. Tengah 3D. Tepi 3E. Tepi	6.79 6.57 6.82 7.06 7.05	6.33 6.76 5.49 6.84 6.00	38.2 38.5 38.0 38.0 38.1	5.42 7.88 6.62 6.8 7.52	62.2 107.6 91.1 92.9 103.4	Not tested	Mematuhi Mematuhi Tidak mematuhi (TC) Mematuhi Mematuhi	Negatif Positif Positif Negatif Positif	COD=18 mg/l COD=11 mg/l COD=13 mg/l COD=13 mg/l COD=18 mg/l
	Kolam KT Kg. Keliang 2 (tutup rumput)	3 m	29	120 meter Sg. Inki	1,213,800	Loji Sg. Selisek	Tanah Kerajaan	7.9.11	3A.Kawasan Tepi 3B. Tepi 3C. Tengah 3D. Tepi 3E. Tepi									
	KT Rasa	5 m	13.8	Berdekatkan Sg. Selangor	1,699,320	Loji Rasa	Tanah Kerajaan	14.9.11	3A.Kawasan Tepi 3B. Tepi 3C. Tengah 3D. Tepi 3E. Tepi	6.17 6.22 6.22 6.21 6.20	4.86 5.03 4.92 5.32 5.63	22.9 21.2 21.3 21.1 21.6	5.71 5.08 5.19 5.61 5.67	74.9 84.2 67.7 87.7 89.0	Not tested	Mematuhi Mematuhi Mematuhi Mematuhi Mematuhi	Positif Positif Positif Negatif Negatif	Mematuhi COD=15 mg/l COD=12 mg/l COD=20 mg/l Mematuhi
	Kolam Kt Sg. Rawang - Sg.Serendah	10 m	78	Berdekatkan Sg. Serendah	9,467,640	Loji Rantau Panjang	Tanah Kerajaan	21.9.11	3A.Kawasan Tepi 3B. Tepi 3C. Tengah 3D. Tepi 3E. Tepi	6.93 6.87 6.88 6.88 7.00	1.82 1.67 1.67 1.35 1.50	90.6 91.2 90.6 89.0 89.3	3.73 3.91 4.09 3.7 4.82	48.2 52.9 52.3 52.5 61.8		Mematuhi Mematuhi Mematuhi Mematuhi Mematuhi	Negatif Negatif Positif Negatif Negatif	Mematuhi Mematuhi COD=11 mg/l Mematuhi Mematuhi
	KT Bt 31, Jln Rawang - Btg Berjuntai	5 m	327.66	Berdekatkan Sg. Sembah	39,691,260	SSP 3	Tanah Kerajaan	28.9.11	3A.Kawasan Tepi 3B. Tepi 3C. Tengah 3D. Tepi 3E. Tepi	6.69 6.30 6.50 6.60 6.65	9.6 11.2 13.2 11.9 8.52	12.9 13.2 13.0 12.8 12.8	2.78 5.3 6.6 7.03 6.78	41.3 71.8 88.4 79.3 78.4	Not tested	Mematuhi Mematuhi Mematuhi Mematuhi Mematuhi	Negatif Negatif Negatif Negatif Negatif	COD=13mg/l Mematuhi Mematuhi Mematuhi COD=11mg/l COD=12mg/l

Petunjuk:

AI	-	Aluminium
COD	-	Chemical Oxygen Demand
DO	-	Dissolved Oxygen /Oksigen terlarut
Fe	-	Ferum/Besi
KT	-	Kolam Takungan
Mn	-	Mangan
MPN	-	Most Probable Number
TC	-	Total coliform
TDS	-	Total Dissolved Solid/Jumlah Pepejal Terlarut

LAMPIRAN B

Keputusan Persampelan Air Di Kolam Takungan / Bekas Lombong Negeri Selangor Tahun 2012

Daerah	Kolam	Kedalaman	Keluasan (ekar)	Jarak Dari Sungai	Isipadu ( $m^3$ )	Muka Sauk Berhampiran	Status Tanah	Tarikh Pensampelan	Stesen	Lokasi	pH (5.5-9.0)	Kekeruhan NTU(<1000)	TDS (<1500mg/L)	DO		Warna (0-300)	Bakteria (<5000 MPN)	Leptospira (Negatif)	Kimia (mg/L)	
														mg/L	%					
	KT Berjuntai Tin 1 & 2	5 m	500	7 km Sg. Selangor	12,145,749	SSP 3	KDEB										Pensampelan tidak dapat dijalankan kerana tiada akses			
Kuala Selangor	Kolam PNSB BB (Kg Sg Darah) Kolam 3 (Jambatan)	5 m	52.13	1 km Sg. Selangor	6,311,760	SSP 3	PNSB	9.5.2012	KSD 001	Kawasan Tepi (Inlet)	6.79	62.8	21.63	38.6	30.6	181.1	Tidak mematuhi (TC)	Positif	Fe=1.9 mg/l Mn = 0.34 mg/l Al=0.34 mg/l	
									KSD 002	Tepi (Sebelah Inlet)	6.56	75.9	31.8	63.3	36.8	167.6	Mematuhi	Positif	Fe=1.7 mg/l Mn = 0.37 mg/l Al=0.37 mg/l	
									KSD 003	Tepi (Outlet)	6.79	68.6	20.8	48.5	30.8	112.9	Tidak mematuhi (TC)	Positif	Fe=1.9 mg/l Mn = 0.32 mg/l Al=0.32 mg/l	
									KSD 004	Tepi (Sebelah Outlet)	6.72	76.7	20.39	44.7	30.7	130.8	Tidak mematuhi (TC)	Positif	Fe=1.7 mg/l Mn = 0.26 mg/l Al=0.26 mg/l	
									KSD 005	Tengah (Permukaan Kolam)	6.65	89.1	20.6	50.2	30.6	174.7	Tidak mematuhi (TC)	Negatif	Fe=1.8 mg/l Mn = 0.43 mg/l Al=0.43 mg/l	
									KSD 006	Tengah (Separa Kedalaman Kolam) - 2.25 m	6.61	210	17.63	50.4	31.6	172.6	Tidak mematuhi (TC)	Positif	Fe=1.8 mg/l Mn = 0.22 mg/l Al=0.22 mg/l	
									KSD 007	Tengah (Dasar Kolam) - 4.5 m	6.62	320	15.88	65.1	52.8	213.3	Tidak mematuhi (TC)	Negatif	Fe=2.2 mg/l	
- Selaras dengan jawapan di perenggan (b) tiada projek naiktaraif yang telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan MARRIS kerana ia bercanggah dengan peraturan sedia ada. Walaubagaimanapun, prestasi pelaksanaan projek MARRIS Tahun 2014 setakat 31 Mei 2014 diperincikan seperti berikut :

**Prestasi Pelaksanaan Projek MARRIS Mengikut  
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Setakat 31 Mei 2014**

<b>Bil</b>	<b>PBT</b>	<b>Bil. Projek Dirancang</b>	<b>Bil. Projek Siap</b>	<b>Peratus (%) siap</b>
1	MBPJ	90	-	0.00
2	MBSA	96	39	40.63
3	MPK	89	-	0.00
4	MPSJ	44	-	0.00
5	MPAJ	52	-	0.00
6	MPKJ	96	-	0.00
7	MPS	71	-	0.00
8	MPSp	35	-	0.00
9	MDKL	27	-	0.00
10	MDHS	33	-	0.00
11	MDSB	53	-	0.00
12	MDKS	45	-	0.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>731</b>	<b>39</b>	<b>5.34</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM MENAIK TARAF GERAI-GERAI DI KAWASAN  
BANDARAYA DAN PERBANDARAN**

76. Terdapat banyak gerai-gerai yang berada di kawasan bandar raya dan perbandaran kelihatan tidak teratur dan usang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha pihak PBT untuk menambah baik gerai-gerai yang bertaburan ini kelihatan lebih indah dan menarik.?
- b) Berapa bajet disediakan di tiap-tiap PBT Negeri Selangor untuk menambah baik gerai-gerai ini.
- c) Apakah bentuk latihan yang diberikan kepada para peniaga gerai ini supaya dapat menaikkan kualiti perkhidmatan mereka.?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak PBT sentiasa berusaha untuk menambah baik gerai-gerai dengan melakukan penyelenggaraan dari masa ke semasa dan pembaikan kecil ke atas gerai-gerai berdasarkan keutamaan lokasi yang dipilih.
- b) PBT memperuntukkan bajet pembaikan gerai-gerai berdasarkan kemampuan kewangan PBT masing-masing.
- c) Bentuk latihan yang diberikan kepada peniaga gerai adalah latihan pengendalian makanan. Selain itu peniaga juga diberi latihan penjagaan dan kebersihan gerai perniagaan supaya dapat menaikkan kualiti perkhidmatan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: LEMBANGAN SUNGAI DI SELANGOR**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah lembangan sungai di Selangor yang berfungsi sebagai kawasan tahan air?
  - Bagaimakah kerajaan negeri dapat memantau dan memastikan kualiti sumber air di setiap lembangan sungai mencukupi dan selamat?

**JAWAPAN:**

- Terdapat tujuh (7) lembangan sungai utama di Negeri Selangor yang berfungsi sebagai kawasan tадahan air. Walau bagaimanapun hanya dua (2) lembangan sungai iaitu Lembangan Sungai Sepang dan Lembangan Sungai Buloh yang tidak mempunyai muka sauk dan juga Loji Pembersihan Air (LPA). Senarai lembangan sungai di Negeri Selangor adalah seperti berikut:
  - Lembangan Sungai Bernam;
  - Lembangan Sungai Langat;
  - Lembangan Sungai Selangor;
  - Lembangan Sungai Tengi;
  - Lembangan Sungai Buloh;
  - Lembangan Sungai Klang; dan
  - Lembangan Sungai Sepang.
- LUAS merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber air di Negeri Selangor selaras dengan penguatkuasaan Enakmen LUAS 1999. Dalam pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (Integrated River Basin Management, IRBM), usaha-usaha dan insiatif telah dilaksanakan pihak LUAS bagi memantau dan memastikan kualiti sumber air di setiap lembangan sungai mencukupi dan perlindungan serta pemuliharaan sumber air selaras dengan Enakmen LUAS 1999 adalah seperti berikut:
  - Pihak LUAS telah melaksanakan pewartaan Mukim Pasangan sebagai Zon Perlindungan selaras dengan subseksyen 48(3), Enakmen LUAS 1999 pada 2 Julai 2009. Tujuan pewartaan ini adalah untuk mengawal aktiviti di rizab sungai, zon penampan, dan alam persekitarannya termasuk habitat kelip-kelip di jajaran tertentu di Sungai Selangor dalam Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor. Sehubungan itu

bagi memperkuatkan lagi pengawalan aktiviti di rizab sungai, pihak LUAS telah dan sedang mewartakan sebahagian rizab sungai 50 meter di kiri dan kanan tebing sungai bagi Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Damansara sebagai zon perlindungan. Terdapat beberapa anak sungai utama yang kini sedang dalam peringkat kerja ukur bagi tujuan pewartaan iaitu Sungai Sembah, Sungai Semenyih dan anak-anak Sungai Damansara.

ii) Beberapa peraturan juga telah dikuatkuasakan untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang dijalankan berkenaan dengan sumber air. Antaranya adalah seperti berikut:

- Peraturan-peraturan Abstraksi Sumber Air (Negeri Selangor) 2012 untuk mengawal aktiviti abstraksi sumber air yang dijalankan;
- Peraturan-peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang melibatkan kemasukan atau pelepasan bahan pencemar yang tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling oleh JAS;
- Peraturan-peraturan Navigasi Jalan Air Pedalaman (Negeri Selangor) 2012 dengan tujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti navigasi di sungai-sungai di Negeri Selangor; dan
- Peraturan-peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 bagi mengawal aktiviti-aktiviti pengubahan sumber seperti pengorekan pasir, pembinaan jambatan dan juga jeti.
- Peraturan-Peraturan Pelencongan Air bagi Penjanaan Elektrik (Selangor) 2014.

Terdapat beberapa peraturan lagi akan dikuatkuasakan dan ini memberi LUAS pelbagai kaedah untuk menguruskan sumber air negeri melalui pengawalan aktiviti secara mampan.

iii) Selaras dengan pelaksanaan pengurusan lembangan sungai bersepadu bagi tujuan pemeliharaan sumber air, pihak LUAS merupakan urusetia kepada beberapa Jawatankuasa seperti berikut:

- Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini menyelaras tindakan bersepadu LUAS bersama agensi dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan bagi menangani

setiap kes kecemasan pencemaran sumber air di dalam jangka masa yang singkat. Antara kes yang telah berjaya ditangani dengan baik adalah pembuangan minyak oleh sebuah premis ke dalam Sungai Gong (anak Sungai Selangor) yang telah menyebabkan gangguan bekalan air kepada pengguna di Lembah Klang dan Negeri Selangor; dan

- Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Selangor dan Langat dipengerusikan oleh Pengarah LUAS. Kedua-dua jawatankuasa ini berperanan sebagai pusat sehenti bagi pelaksanaan tindakan bersepada bersama agensi berkaitan dalam menangani isu-isu pencemaran dan isu lain yang melibatkan sumber air di Negeri Selangor. Melalui jawatankuasa ini juga, perbincangan mengenai penyelarasian tindakan dan penyelesaian yang bersesuaian dapat diambil. Disamping itu, pemantauan kualiti air secara bersepada bersama pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi status Indeks Kualiti Air (IKA) sungai dan juga pemantauan kualiti air minum oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
  - Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif Negeri Selangor yang berfungsi untuk mengenal pasti tasik dan kolam-kolam bekas lombong yang sesuai dan selamat digunakan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Pasukan Petugas ini dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan dianggotai oleh agensi kerajaan dan pihak berkepentingan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Kimia, Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan anak syarikat kerajaan negeri.
- iv) Pihak LUAS juga telah mengambil inisiatif melaksanakan Strategi Pengurusan Sungai Negeri Selangor dimana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor telah meluluskan pemakaian kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi di Negeri Selangor. Strategi Pengurusan Sungai ini diwujudkan untuk menekankan dasar pembangunan dengan mengikut keadaan fizikal semula jadi sungai bagi memelihara dan mengekalkan morfologi sungai serta ekosistem semulajadinya.
- v) Pihak Lembaga juga telah melaksanakan Strategi Pengurusan Tasik Negeri Selangor di mana melibatkan dasar pembangunan dengan mengambil kira keadaan fizikal semulajadi tasik dan juga pemeliharaannya supaya dikekalkan semulajadi.

Pihak LUAS akan sentiasa berusaha dan memastikan langkah-langkah kawalan dalam penjagaan dan perlindungan sumber air bagi kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: TAPAK TANAMAN KONTAN ORGANIK DI NEGERI SELANGOR**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah insentif Kerajaan Negeri berikan kepada para petani dalam bidang tanaman organik;
  - Adakah Kerajaan Negeri mengenal pastikan tapak-tapak kerajaan di Daerah Kuala Langat untuk Projek tanaman organik;
  - Sila nyatakan lokasi tapak dan keluasannya.

**JAWAPAN:**

- Insentif yang disediakan bagi petani bidang tanaman organik :
  - Petani dalam bidang tanaman organik yang memohon pensijilan Skim Organik Malaysia (SOM) akan dibantu dari segi pengujian sampel makmal terhadap kesan sisa baki racun (MRL), ujian logam berat dan sampel air secara percuma.
  - 1,000 pelekat lambang Skim Organik Malaysia secara percuma diberikan kepada ladang-ladang organik yang telah mendapat pensijilan SOM. Logo SOM mempunyai integriti serta dipercayai kerana kawalan terhadap pensijilan yang ketat dan diiktiraf di peringkat antarabangsa yang akan memberi laluan mudah untuk petani mengeksport produk organik mereka.
  - Khidmat nasihat dan perundingan oleh Jabatan Pertanian
  - Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian turut memberi insentif galakan kepada penerima sijil. Pada tahun 2012 seramai 43 petani yang telah memperolehi Sijil SALM Dan SOM memdapat insentif daripada pihak jabatan berupa peralatan pertanian manakala pada tahun 2013 seramai 139 petani MyGAP /SOM telah memdapat manfaat yang sama.
- Buat masa ini, tapak-tapak milik kerajaan di Daerah Kuala Langat belum lagi dikenalpasti untuk projek tanaman organik. Namun demikian, Jabatan Pertanian Daerah Kuala Langat telah mengenalpasti 1,100 hektar tanah terbiar milik individu di Daerah Kuala Langat. Status terkini masih dalam urusan untuk mengenalpasti pemilik tanah terbiar tersebut dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat. Jabatan Pertanian berhasrat menjalankan program pembangunan pertanian di tanah terbiar dengan

membuat pembedahan (matching) diantara pemilik dengan pengusaha/petani yang berminat untuk mengusahakan tanah terbiar.

Pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tanah terbiar tersebut akan dibimbing untuk menjalankan projek pertanian secara ‘natural farming’ dan organik.

Secara keseluruhan, sehingga tahun 2014, Daerah Kuala Langat mempunyai sebanyak 15 projek MyGAP dengan keluasan keseluruhan 222.33 ha yang telah mendapat persijilan manakala bagi persijilan SOM sebanyak 3 projek SOM dengan keluasan 7.82 ha telah memperolehi persijilan.

- c) Kawasan tanah terbiar di setiap mukim dengan keluasan 1,100 hektar yang dicadangkan untuk dibangunkan dengan tanaman secara ‘natural farming’ dan organik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PETALING JAYA ELEVATED CITY**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terbaru projek pembangunan sebuah asrama pekerja yang boleh menampung sehingga 10,000 orang pekerja di Seksyen SS 8, Petaling Jaya di bawah projek Petaling Jaya Elevated City yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)?

**JAWAPAN:**

- a) Perjanjian Jual Beli tanah antara PKNS dan MBPJ telah dimeterai pada 11 April 2014. PKNS telah membayar sejumlah RM80 juta kepada MBPJ sebagai bayaran nilai harta tanah tersebut.

Kelulusan Kebenaran Merancang untuk blok Asrama telah diperolehi pada 12 Ogos 2013 dan pelan bangunan dijangka mendapat kelulusan pada bulan September 2014.

PKNS melalui syarikat anak, Datumcorp International Sdn. Bhd. selaku pemaju telah melantik syarikat Pintaras Jaya sebagai kontraktor untuk kerja-kerja sub-struktur.

Kontraktor dijangka akan memulakan kerja di tapak pada 02 September 2014 selepas MBPJ mengosongkan bangunan sediaada dan membersihkan tapak tersebut dari sebarang jentera atau lain-lain benda berkaitan.

Sebanyak 2 Blok Asrama dijangka dapat disiapkan beserta 'Certificate of Completion and Compliance' (CCC) pada 31 Disember 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK :                  KEBAJIKAN DAN PUSAT PEMULIHAN ANAK-ANAK OKU  
TERLANTAR**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan pusat pemulihan untuk golongan ini?
  - Apakah ada perancangan kerajaan negeri untuk memberikan bantuan secara bulanan kepada golongan ini?

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri menyambut baik mengenai cadangan untuk mewujudkan pusat pemulihan kepada golongan OKU terlantar. Namun begitu, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah mewujudkan Taman Sinar Harapan sebagai sebuah institusi kebajikan yang berperanan membantu dan melindungi golongan OKU terlantar.

Selain daripada itu, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga telah menyediakan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kepada pelbagai kategori golongan OKU di Negeri Selangor dengan memberi peluang mereka untuk menikmati menjalani pemulihan serta latihan asas seperti pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan sehari-hari serta dapat berinteraksi dengan masyarakat.

Institusi ini merupakan sebuah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang memerlukan penyertaan dan penglibatan aktif OKU, ibu bapa, keluarga, penjaga dan masyarakat setempat dengan memaksimumkan penggunaan sumber tempatan yang sedia ada dalam komuniti. Ia juga merupakan salah satu pendekatan yang digunakan ke arah memberi sokongan dan kesedaran masyarakat untuk membantu golongan OKU menikmati taraf kehidupan dengan selesa dengan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial.

Senarai Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang telah ditubuhkan dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PDK</b>	<b>SENARAI PDK</b>	
1.	<b>Kuala Langat</b>	4	PDK Permata Kasih, Tg. Sepat Balai Raya, Jalan Parit A Kg Tg Sepat, 42800 Tg Sepat	PDK Telok Datok No. 44, Jalan Cempaka, Taman Seri Telok Datok, 42700 Banting
			PDK Rumah Sayangku Kompleks Komuniti, Taman Dato' Hormat, Telok Panglima Garang, 42500 Kuala Langat.	PDK Penyayang Batu 36, Kompleks Penghulu Kampung Bukit Changgang 42700 Banting
2.	<b>Klang</b>	2	PDK Klang Utara No 2 Jalan Inang 10, Bandar Bukit Raja 41050 Klang	PDK Klang Selatan No 35 Jalan Emas Off Jalan Melawis, 41100 Klang
3.	<b>Kuala Selangor</b>	4	PDK Seri Cahaya Lot 1484 A KM 0.5 Jalan Bakti, Simpang Tiga, Ijok 45600 Bestari Jaya	PDK Taman Penggawa Jalan Persiaran Pendidikan, 45000 Kuala Selangor
			PDK Tanjong Karang Lot 19447 Jalan Sg Kajang Baru, Kampung Sg Kajang, 45500 Tanjong Karang	PDK Saujana Utama PT 5044 Jalan Lili 2 Saujana Utama 47000 Sungai Buloh
4.	<b>Petaling</b>	2	PDK Taman Kanagapuram Lot 5364, Jalan 18/22, Taman Kanagapuram, Seksyen 18	PDK Ara 93-G Jalan PJU 1a/41b Pusat Dagangan NZX, Ara Jaya 47301 Petaling Jaya

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PDK</b>	<b>SENARAI PDK</b>	
<b>5.</b>	<b>Gombak</b>	<b>9</b>	PDK Rawang 11B Jalan Teratai, Kampung Kenanga, Rawang	PDK Sri Kundang B38, Kg. Melayu Seri Kundang, 48050 Rawang
			PDK Kamii 1803, Lorong Bunga Raya, Batu 5 ½ Jalan Gombak 53100 Gombak Setia	PDK Hulu Klang Blok A,Dewan Tmr Ar- Riduan Hulu Klang, 68000 Ampang
			PDK Batu Arang Jalan 0/C 8, 48100 Batu Arang	PDK Selayang No 7078 Jalan 12, Taman Selayang Baru,
			PDK Taman Ehsan Jalan E5/3, Taman Ehsan 52100 Kepong	PDK Taman Seri Gombak No 60 Jln SG 9/6, Taman Seri Gombak 61800 Batu Caves
			PDK Kasih Templer No 4 Jalan Melati 6 Taman Seri Melati 68100 Batu Caves	
<b>6.</b>	<b>Hulu Selangor</b>	<b>9</b>	PDK Felda Soeharto Jalan Pejabat Felda Soeharto 44010 Kuala Kubu Bharu	PDK Titian Murni Kg. Desa Maju, Sg. Tengi 44010 Kuala Kubu Bharu
			PDK Batang Kali Balairaya 48300 Batang Kali, Hulu Selangor	PDK Puncak Jalinan Kasih JKR 563 Rumah Penghulu Lama, 44300 Batang Kali
			PDK Felda Gedangsa Bangunan JKKK, Felda Gedangsa 44020 Kuala Kubu Bharu	PDK Sungai Choh PT 192, Kg. Damai Tambah (Kg. Baru) 48200 Serendah,
			PDK Kuala Kubu Bharu Anjung Bestari, Jalan 1, Taman Ampang Indah, 44000	PDK Bukit Beruntung No 8 Jalan Melur 1B/1 Bukit Beruntung 48300 Rawang

			Kuala Kubu Bharu	
			PDK Kalumpang No 125 Jalan Panglima Besar Kampung Gumut Tambahan 44100 Kalumpang	
7.	<b>Kuala Selangor</b>	4	PDK Seri Cahaya Lot 1484 A KM 0.5 Jalan Bakti, Simpang Tiga, Ijok 45600 Bestari Jaya	PDK Taman Penggawa Jalan Persiaran Pendidikan, 45000 Kuala Selangor
			PDK Tanjong Karang Lot 19447 Jalan Sg Kajang Baru, Kampung Sg Kajang, 45500 Tanjong Karang	PDK Saujana Utama PT 5044 Jalan Lili 2 Saujana Utama 47000 Sungai Buloh
8.	<b>Shah Alam</b>	2	PDK Mutiara Hatiku No. 15, Jalan Resak 3/12, Seksyen 3 40000 Shah Alam 46000 Petaling Jaya.	PDK Sg. Buloh Balai Raya JKKK Paya Jaras Hulu, Batu 14, 47000 Sungai Buloh
9.	<b>Sabak Bernam</b>	7	PDK Seri Panglima Peket 100, Simpang 5, 45300 Sg. Besar	PDK Seri Purnama Pt 4681, Taman Cahaya, 45300 Sungai Besar
			PDK Seri Setia 511, Jalan Sekolah, Pasir Panjang, 45400 Sekinchan	PDK Seri Nakhoda 33, Taman Seri Nakhoda, Simpang 4 BNO, 45200 Sabak Bernam
			PDK Seri Intan Taman Feri 45200 Sabak Bernam	PDK Seri Jaya No 161, Parit 13 ½ Sg Panjang, 45300 Sungai Besar
			PDK Seri Qaseh Lot 1544 Jalan Ban Hj Mahmud Jalan Parit 12 Timur, Bagan Terap, 45200 Sabak Bernam	

<b>10.</b>	<b>Hulu Langat</b>	<b>2</b>	PDK Semenyih Lot 1815, Jalan Besar Seremban- Semenyih, 43500 Semenyih	PDK Taman Seri Jelok No. 2, Jalan TSJ 21, Taman Seri Jelok, 43000 Kajang
<b>11.</b>	<b>Sepang</b>	<b>2</b>	PDK Rumah Impianku Jalan Balairaya, Kg. Bukit Bangkong 43950 Sg. Pelek, Sepang.	PDK Rumah Payung BBST JKR 425/1 Jln ST 1D/4, Kuarters Kerajaan, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang
	<b>JUMLAH</b>	<b>43</b>		

- b) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap golongan ini dan sentiasa berusaha untuk membantu mereka meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga dan penjaga mereka. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, bantuan kewangan kepada pesakit / OKU terlantar turut disediakan bagi mengurangkan beban yang ditanggung mengikut syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Secara purata, sebanyak RM300.00 sebulan akan disalurkan kepada keluarga pesakit / OKU terlantar berdasarkan keperluan syarat yang telah ditentukan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK: PENGUATKUASA PBT MESTI DI PANTAU**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah PBT memantau atas segala tindakan penguatkuasaan terhadap rakyat?

Contoh : 1- Pembuangan sampah di tempat-tempat awam.

2- Saman yang kerap kepada peniaga-peniaga kecil

**JAWAPAN:**

- a) PBT sentiasa memantau segala tindakan penguatkuasaan terhadap rakyat di mana tindakan-tindakan yang dilaksanakan berpandukan Undang-Undang Kecil (UUK) yang diguna pakai. Manakala kompaun yang dikeluarkan akan diserahkan kepada Jabatan Undang-Undang untuk direkodkan kepada sistem kompaun. Sistem ini akan mengesan kompaun-kompaun yang telah tamat tempoh dan PBT akan mengeluarkan notis peringatan. Semua rekod kompaun dan tindakan penguatkuasaan akan diaudit keberkesanannya dan dibincangkan di dalam mesyuarat khas audit atau dibentangkan kepada mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa kecil PBT yang turut dianggotai oleh Ahli-Ahli Majlis. Antara contoh tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah:-
1. Tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja tanpa lesen, penjaja warga asing, penjaja pasar malam dan pasar pagi serta penjaja berlesen yang tidak mematuhi syarat lesen – **UUK Penjaja 2007**.
  2. Tindakan penguatkuasaan ke atas premis pusat siber dan kafe siber yang melakukan kesalahan tanpa lesen, berunsur perjudian dan premis berlesen yang gagal mematuhi syarat - **UUK Pusat Siber dan Kafe Siber 2007**.
  3. Tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan yang melakukan halangan lalulintas – **Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) 2007**.
  4. Tindakan penguatkuasaan di kawasan-kawasan taman. Contohnya : memancing di kawasan tasik, meletakan kenderaan di tempat yang tidak dikhaskan, menunggang motosikal di lorong pejalan kaki serta meletakan kenderaan berat melebihi 2 tan metrik - **UUK Taman 2005**.
  5. Tindakan penguatkuasaan ke atas premis pusat kecantikan, pusat penjagaan kesihatan serta rumah urut tidak berlesen atau premis yang

berlesen yang tidak mematuhi syarat lesen - **UUK Pusat Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan 2013.**

6. Tindakan penguatkuasaan ke atas premis-premis perniagaan seperti premis besi buruk, mencuci kenderaan, menjual kenderaan terpakai dan lain-lain sama ada tidak berlesen atau berlesen yang tidak mematuhi syarat - **UUK Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian 2013.**
7. Tindakan penguatkuasaan ke atas premis menjual makanan dan minuman sama ada tidak berlesen atau berlesen yang tidak mematuhi syarat - **UUK Establisymen Makanan 2007.**
8. Tindakan penguatkuasaan ke atas iklan-iklan yang dipamerkan - **UUK Iklan 2007.**
9. Tindakan penguatkuasaan ke atas pusat sukan persendirian sama ada tidak berlesen atau berlesen yang tidak mematuhi syarat - **UUK Pusat Sukan Persendirian 2013.**
10. Tindakan penguatkuasaan ke atas premis hotel sama ada tidak berlesen atau berlesen yang tidak mematuhi syarat - **UUK Hotel 2007.**
11. Tindakan penguatkuasaan kesalahan pembuangan sampah - **UUK Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007.**
12. Tindakan penguatkuasaan ke atas premis hiburan sama ada tidak berlesen atau berlesen yang tidak mematuhi syarat - **Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Selangor) 1995.**
13. Tindakan penguatkuasaan ke atas menjalankan aktiviti di pasar persendirian dan pasar awam sama ada tidak berlesen atau berlesen yang tidak mematuhi syarat - **UUK Pasar 2007.**
14. Tindakan penguatkuasaan ke atas tempat letak kereta persendirian - **UUK Perlesenan Tempat Letak Kereta Persendirian 2007.**
15. Tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan halangan dan kekotoran di suatu tempat awam – **Akta Jalan Parit dan Bangunan 1976.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: FALSAFAH HORMAT WANITA**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berpegang kepada falsafah Hormat Wanita, apakah usaha kerajaan dalam merealisasikan perkara ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor secara amnya tidak berpegang kepada falsafah Hormat Wanita yang khusus. Falsafah ini adalah termaktub di dalam Agenda Wanita Malaysia yang merupakan agenda Pakatan Rakyat yang akan dilaksanakan apabila Pakatan Rakyat mentadbir Kerajaan Persekutuan Malaysia di Putrajaya.

Bagi Kerajaan Negeri Selangor, Agenda Kesejahteraan Wanita Selangor direalisasikan melalui Pelan Tindakan Wanita Selangor menerusi program-program pemberdayaan wanita Selangor yang telah dirangka pelaksanaannya sehingga 2018.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor sentiasa melihat dan menambahbaik keperluan wanita Selangor di dalam konteks meningkatkan kualiti hidup yang lebih komprehensif bukan sahaja di tempat kerja, di rumah, di dalam komuniti, sebagai ahli masyarakat mahupun sebagai warganegara dengan melaksanakan pelbagai program pemberdayaan wanita Selangor yang menekankan bidang-bidang fokus seperti berikut :

1. Kesihatan;
2. Keluarga;
3. Ekonomi;
4. Pekerjaan dan Sektor Informal;
5. Sukan dan Rekreasi;
6. Pendidikan dan Latihan;
7. Sosial, Budaya dan Agama;
8. Hak, Keselamatan dan Undang-Undang;
9. Politik dan Pembuatan Keputusan;
10. Melonjak Daya Upaya Wanita Intelektual dan Profesional;
11. Pengarus Utamaan dan Bajet Gender;
12. Teknologi, Sains dan Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : SUMBER UNTUK MENAMBAH BEKALAN AIR MENTAH**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Bagaimakah hasilnya setakat ini dengan kerja-kerja pengepaman yang telah dijalankan dari bekas lombong tersebut untuk meningkat paras air sungai?
  - Berapa lamakah sumber bekalan air mentah dari bekas lombong ini boleh bertahan, jika keadaan cuaca kering begini berterusan.?
  - Berapakah anggaran peruntukan yang akan dibelanjakan dalam penyediaan infrastruktur mengepam air jika musim kemarau ini berpanjangan hingga bulan September?

**JAWAPAN:**

- Hasil sehingga kini bagi kerja-kerja pengepaman air kolam alternatif ke sungai mendapati bahawa operator LPA masih lagi dapat menghasilkan air yang mencukupi kepada pengguna. Pemantauan paras air Sungai Selangor oleh LUAS bagi memastikan pengepaman air lombong ke sungai adalah berdasarkan keperluan.
- Berdasarkan perkiraan tanpa mengambil kira faktor kadar hujan dan penggunaan air bumi, dianggarkan penggunaan kolam-kolam alternatif yang telah dikenal pasti tersebut mampu menampung air mentah sehingga 5 bulan melalui pengepaman ke dalam Sungai Selangor secara berterusan.
- Untuk memastikan sumber air mencukupi ketika musim kemarau yang dijangkakan berlarutan sehingga bulan September, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 10 juta untuk penyediaan infrastruktur pengepaman tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : PEMULIHAN AKHLAK DAN AKIDAH**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:
- Nyatakan pusat pemulihan akhlak dan pemulihan akidah di Selangor?
  - Siapakah yang menguruskan pusat-pusat ini dan berapakah peruntukan yang diberikan?
  - Nyatakan statistik penghuni dan bekas penghuni pusat-pusat ini berdasarkan kategori masalah, umur, kaum dan jantina?

**JAWAPAN:**

- Pusat pemulihan akhlak milik MAIS adalah Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan bertempat di Sabak Bernam Selangor manakala pusat pemulihan akidah milik MAIS adalah Pusat Pemurnian Akhlak Baitul Iman di Ulu Yam, Selangor.
- Pusat-pusat ini diuruskan oleh MAIS sepenuhnya dan kakitangan kedua-dua pusat ini adalah kakitangan lantikan MAIS. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan menerima peruntukan berjumlah RM 3.1 juta bagi tahun 2014 dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman menerima peruntukan sebanyak RM 2.3 juta bagi tahun 2014.
- Baitul Ehsan menerima 70 orang penghuni manakala Baitul Iman 22 orang penghuni bagi tahun semasa. Kategori bagi kedua-dua pusat ini ialah perintah mahkamah dan sukarela.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN YEO BEE YIN**  
**(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENYEDIAAN UNTUK MUSIM KEMARAU**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -
- a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memastikan negeri Selangor ada air mentah yang mencukupi untuk musim kering ini?
  - b) Adakah ia mencukupi untuk mengelakkan catuan air yang panjang seperti yang telah berlaku?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagaimana yang telah dijanjikan, Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan program pemberian 20 meter padu air percuma kepada semua rakyat Negeri Selangor selaras untuk merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor akan meneliti dan mempertimbangkan inisiatif-inisiatif lain bagi membantu rakyat miskin.
- b) Bagi meneruskan skim pemberian 20 meter padu air percuma, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memuktamadkan industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah satu entiti yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri. Melalui kaedah ini, kawalan penuh boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke atas operasi Syarikat SPV tersebut dan keuntungan serta kos operasi dapat dipantau secara telus dan berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: RUMAH EXCO**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapa kos penyelenggaraan untuk kompleks rumah EXCO di Seksyen 7 Shah Alam
  - Adakah semua EXCO diwajibkan mengambil kunci untuk rumah masing-masing.
  - Jika tidak, apa rancangan untuk rumah yang tidak akan digunakan oleh EXCO?

**JAWAPAN:**

a)

**KOS PENYELENGGARAAN DI KOMPLEKS KEDIAMAN RASMI EXCO  
SEKSYEN 7, SHAH ALAM (DARI TAHUN 2008 HINGGA 2014).**

BIL	TAHUN	KOS KONTRAK PERKHIDMATAN	KERJA INDEN/ LO	JUMLAH
1.	2008	RM 1,935,000.00	-	RM 1,935,000.00
2.	2009	RM 1,685,000.00	-	RM 1,685,000.00
3.	2010	RM 1,044,000.00	-	RM 1,1044,000.00
4.	2011	RM 993,900.00	-	RM993,900.00
5.	2012	RM 335,255.00	RM 115,290.00	RM 450,545.00
6.	2013	RM 136,560.00	RM 82,833.00	RM 219,393.00
7.	2014 (SEHINGGA APRIL 2014)	RM 43,251.00	RM 179,522.00	RM 222,773.00

Antara kerja-kerja baik pulih yang dilakukan di rumah Kediaman Rasmi EXCO di Seksyen 7 adalah seperti berikut :

- i. Kerja mengecat semula kawasan utama seperti bilik tidur utama, laluan koridor, ruang tamu, dewan makan utama, laluan tangga (bahagian luar rumah) dan bilik tidur.
  - ii. Kerja membuat tampaian sealant/ simen pada dinding yang retak.
  - iii. Menggantikan mentol lampu.
  - iv. Kerja menggantikan ‘fitting’ lama kepada baru pada keseluruhan rumah iaitu: pili air sinki, bottle trap, ‘flexible hose’, pili air tandas, shower mandi dan pelapik tandas.
  - vi. Kerja menyelenggara 13 Unit penghawa dingin termasuk kerja servis, menambah gas, membersihkan penapis udara dan komponen yang berkaitan.
  - vii. Kerja membaiki paip yang telah rosak di bahagian luar rumah.
  - viii. Mengecat pintu dan rak televisyen yang telah lusuh.
- b) Ya, ini berdasarkan keputusan MMKN yang ke 16 Tahun 2013 pada 12 Jun 2013 yang bersetuju supaya kunci kediaman rasmi EXCO diserahkan kepada Y.B. Ahli MMKN yang terdapat di Seksyen 7, Shah Alam.
- c) Tiada jawapan berdasarkan jawapan di bahagian (b).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK:      MEMPERKASAKAN PASUKAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
(BOMPEN) SUKARELA**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk memperkasakan Pasukan BOMPEN di seluruh Negeri Selangor.
  - b) Sila nyatakan sebarang incentif yang telah dan akan diberikan kepada sukarelawan BOMPEN bagi memastikan kesinambungan program ini.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penubuhan Pasukan Bomba Sukarela adalah di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat yang menerima peruntukan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Buat masa ini, kerajaan negeri belum mempunyai perancangan khusus bagi menyalurkan peruntukan kepada Pasukan Bomba Sukarela.

**PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: HAD MAKSIMUM PENDAPATAN ISI RUMAH BAGI KELAYAKAN  
MENERIMA BANTUAN PROGRAM MES**

88. Had minimum pendapatan isi rumah yang berbeza-berbeza bagi kelayakan menerima bantuan program MES

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah had minimum pendapatan isi rumah bagi kelayakan menerima bantuan program setiap program MES?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan had pendapatan isi rumah bagi kelayakan menerima bantuan program MES di selaraskan bagi memudahkan urusan?

**JAWAPAN:**

- a) Program MES yang dilaksanakan adalah berdasarkan golongan sasaran yang berbeza. Oleh itu, kelayakan had minimum pendapatan isi rumah yang ditetapkan adalah mengikut jenis program MES seperti berikut:
  - i) Hadiah Anak Masuk Universiti  
– RM3,000 ke bawah
  - ii) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang  
– RM1,500 ke bawah
  - iii) Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)  
– RM1,500 ke bawah atau pendapatan berkappa bulanan RM350
  - iv) Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)  
- bawah RM1,500 tanpa anak  
- bawah RM 2,500 berkahwin, anak kurang dari 4 orang  
- bawah RM 3,000 berkahwin, anak lebih dari 3 orang
  - v) Pusat Tuisyen Rakyat  
- RM2,000 ke bawah
  - vi) Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKEMBAR)  
- RM2,500 – menanggung 1 anak atau  
- RM3,000 – menanggung 2 anak
  - vii) Skim Bantuan Tadika (TUNAS)  
- RM2,500 ke bawah

Manakala, tiada had minimum pendapatan bagi program-program berikut:

- i) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
- ii) Skim Mesra Usia Emas
- iii) Bekalan Air Percuma Bagi 20meter padu Pertama
- iv) Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)
- v) Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)
- vi) Insentif Perkahwinan Belia
- vii) Pusat Dialisis Rakyat
- viii) Jom Shopping (Warga Emas + Ibu Tunggal)

- b) Pelaksanaan Program MES adalah bergantung kepada golongan yang disasarkan. Oleh itu, kelayakan had minimum pendapatan isi rumah telah ditetapkan mengikut keperluan dan kesesuaian jenis bantuan.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan untuk menyelaraskan had pendapatan isi rumah, namun demikian sebarang cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan Kerajaan Negeri bagi memastikan program ini dapat dinikmati oleh rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: HARI TEMU PELANGGAN**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan hari bertemu pelanggan bagi semua-semua PBT di Selangor

**JAWAPAN:**

- a) Hari Bertemu Pelanggan bagi semua-semua PBT di Selangor adalah seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	HARI BERTEMU PELANGGAN
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Hari Jumaat setiap bulan di Bangunan Wisma MBSA mulai tahun 2013.
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Pada Jumaat pertama setiap bulan.

		<table border="1"> <tr> <td>Februari</td><td>Kaunter MPK Prihatin</td></tr> <tr> <td>Mac</td><td>Kaunter MPK Prihatin sempena Program Komuniti di Petronas Sungai Jati.</td></tr> <tr> <td>April</td><td> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaunter MPK Prihatin – Program Khas Mesra Rakyat bersama Menteri Besar.</li> <li>2. Kaunter MPK Prihatin – Program Sukan Rakyat.</li> </ol> </td></tr> <tr> <td>Mei</td><td><i>Ekspo / WANT 2014</i> Peringkat Daerah Klang bersama Pejabat Kesihatan Daerah Klang dan KRT Taman Johan Setia.</td></tr> </table>	Februari	Kaunter MPK Prihatin	Mac	Kaunter MPK Prihatin sempena Program Komuniti di Petronas Sungai Jati.	April	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaunter MPK Prihatin – Program Khas Mesra Rakyat bersama Menteri Besar.</li> <li>2. Kaunter MPK Prihatin – Program Sukan Rakyat.</li> </ol>	Mei	<i>Ekspo / WANT 2014</i> Peringkat Daerah Klang bersama Pejabat Kesihatan Daerah Klang dan KRT Taman Johan Setia.
Februari	Kaunter MPK Prihatin									
Mac	Kaunter MPK Prihatin sempena Program Komuniti di Petronas Sungai Jati.									
April	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaunter MPK Prihatin – Program Khas Mesra Rakyat bersama Menteri Besar.</li> <li>2. Kaunter MPK Prihatin – Program Sukan Rakyat.</li> </ol>									
Mei	<i>Ekspo / WANT 2014</i> Peringkat Daerah Klang bersama Pejabat Kesihatan Daerah Klang dan KRT Taman Johan Setia.									
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)									
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Hari Bertemu Pelanggan diadakan secara berkala mengikut kawasan seperti di <b>Lampiran 1</b>								
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Tiada maklumat								
6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Minggu pertama setiap bulan Hari Jumaat dari Jam 9.00 pagi – 12.00 tgh.								
7.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	<p>Pelanggan dalaman :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- setiap minggu pertama pada setiap bulan di lobi Menara MPKj.</li> </ul> <p>Pelanggan diluar :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- diadakan 4 kali setahun di Menara MPKj. Telah bermula Mac 2014 dan Mei 2014.</li> </ul>								

		<b>Hari Bertemu Pelanggan Majlis Perbandaran Sepang Tahun 2014</b> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;"><b>Bil</b></th><th style="text-align: center;"><b>Tempat</b></th><th style="text-align: center;"><b>Status</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td><td>Bandar Baru Salak Tinggi</td><td>Telah dijalankan pada 24 Mei 2014 di Pentas Budaya, BBST</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td><td>Salak</td><td>Akan diadakan pada bulan September</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td><td>Sungai Pelek</td><td>Akan diadakan pada bulan Disember</td></tr> </tbody> </table>	<b>Bil</b>	<b>Tempat</b>	<b>Status</b>	1	Bandar Baru Salak Tinggi	Telah dijalankan pada 24 Mei 2014 di Pentas Budaya, BBST	2	Salak	Akan diadakan pada bulan September	3	Sungai Pelek	Akan diadakan pada bulan Disember
<b>Bil</b>	<b>Tempat</b>	<b>Status</b>												
1	Bandar Baru Salak Tinggi	Telah dijalankan pada 24 Mei 2014 di Pentas Budaya, BBST												
2	Salak	Akan diadakan pada bulan September												
3	Sungai Pelek	Akan diadakan pada bulan Disember												
8.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)													
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Hari Bertemu Pelanggan pada setiap hari Jumaat. Selain itu, MDKL juga mengadakan booth Hari Bertemu Pelanggan ketika program turun padang di daerah.												
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Hari Bertemu Pelanggan Majlis Daerah Kuala Selangor diadakan bersama-sama Gotong royong Perdana di bawah Jabatan Belia dan Kemasyarakatan iaitu sebanyak 5 kali setahun.												
11	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Empat kali setahun.												
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	Seperti di <b>Lampiran 2</b>												

**LAMPIRAN 1****JADUAL PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN (HBP) MPAJ 2014**

BIL.	BULAN	DUN	TARIKH
1.	MEI	BUKIT ANTARABANGSA	30/5/2014
2.	JUN	CHEMPAKA	27/6/2014
3.	SEPTEMBER	TERATAI	26/9/2014
4.	OKTOBER	LEMBAH JAYA	31/10/2014
5.	NOVEMBER	HULU KELANG	28/11/2014
6.	DISEMBER	BUKIT ANTARABANGSA	19/12/2014

- \* HBP bagi bulan Julai dan Ogos batal kerana umat islam menyambut Bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.
- \* Sebarang pindaan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

**LAMPIRAN 2**

Hari-hari Bertemu pelanggan yang telah dan akan diadakan di kawasan pentadbiran MDSB bagi tahun 2014 adalah seperti berikut;

BIL	TARIKH	TEMPAT
1	25.4.14	Dewan Seri Bernam Sg Besar, Sungai Besar
2	22.8.14	Dewan Seri Sekinchan, Sekinchan
3	21.11.14	Dewan Tun Razak Sabak Bernam
4	14.2.14, 14.3.14, 11.4.14, 9.5.14	Pasar Malam Sabak Bernam
5	17.2.14, 10.3.14, 21.4.14, 19.5.14	Pasar Pagi BNO
6	18.2.14, 11.3.14, 15.4.14, 13.5.14	Pasar Pagi Tmn Sekinchan Jaya
7	5.2.14, 5.3.14, 9.4.14, 7.5.14	Pasar Pagi Stadium Sg. Besar
8	13.2.14, 13.3.14, 17.4.14, 15.5.14	Pasar Pagi Pekan Simpang Lima
9	6.2.14, 6.3.14, 10.4.14, 8.5.14	Pasar Pagi Dataran Tanah Lesen

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : SKIM KESIHATAN PAP SMEAR**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah peruntukan untuk pemeriksaan *pap smear* dan bilakah tempoh pelaksanaan skim ini?
  - Apakah syarat-syarat permohonan skim ini dan jumlah sasaran yang hendak dicapai?
  - Apakah bentuk skim kesihatan dan sokongan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada golongan suri rumah tangga sepenuh masa?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b)

Sebagai makluman, tiada peruntukan khas disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pemeriksaan *pap smear*. Buat masa ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan Skim Kesihatan Wanita : Mammogram Selangor (MammoSel) di bawah kendalian Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) kepada golongan wanita Selangor bagi menjalani pemeriksaan mammogram secara percuma.

Namun demikian, Kerajaan Negeri menyambut baik akan syor untuk menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan pemeriksaan *pap smear* ini sebagai salah satu penambahbaikan di dalam Program Kempen 1 Juta Wanita Selangor Sihat agar ia terus memberi manfaat demi kesejahteraan golongan wanita di Selangor.

- (c) Dalam menyejahterakan golongan wanita Selangor dari segi kesihatan, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1juta setiap tahun bagi pelaksanaan Skim Kesihatan Wanita yang menawarkan pemeriksaan kanser payu dara (Mammogram) secara percuma kepada golongan wanita Selangor tidak mengira sama ada penerima manfaat itu ibu tunggal mahupun golongan suri rumah tangga sepenuh masa.

Kerajaan Negeri juga berhasrat meluaskan skim kesihatan dan sokongan kepada golongan wanita di Selangor dengan pelaksanaan beberapa skim pemeriksaan percuma seperti *pap smear* dan rahim setelah mengambil kira faktor-faktor dan penambahbaikan yang telah dikenalpasti disamping meneruskan pemeriksaan mammogram percuma yang disediakan sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: LORONG BERBASIKAL**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan lorong berbasikal yang akan dirancang untuk dilaksanakan atau sedang dibina di kawasan PBT di seluruh negeri Selangor?
  - Nyatakan kontraktor yang terlibat dalam pembinaan lorong berbasikal di MBSA dan jumlah yang dibayar?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah senarai beberapa PBT yang dalam perancangan melaksanakan lorong berbasikal di PBT masing-masing :

Bil	PBT	Panjang (km)	Kos (RM)	Lokasi	Status
1.	MBSA	10	12 juta	1. Dari Pusat Bandar ke Stadium Seksyen 13, Shah Alam 2. Dari Pusat Bandar ke Tasik Seksyen 7, Shah Alam	Penyediaan dokumen tender
		90	Tidak dinyatakan	Elmina East, Elmina West dan Denai Alam.	Dalam pembinaan dari Jun 2013
2.	MDKS	0.893	Tidak dinyatakan	Lorong Melor 2/2 dan Lorong Melor 2/3, Bandar Baru ,KS	
		0.331	Tidak dinyatakan	Jalan 2/1 Bandar Malawati ,KS	
3.	MDKL	1.3	320,000.00	Jalan Kiambang, Bandar Banting	
		2.5	610,000.00	Batu 9, Jalan Klang-Banting (kawasan Telok Panglima Garang)	
		2.5	650,000.00	Batu 13, Jalan Klang-Banting (kawasan Sungai Rambai)	

		2.8	700,000.00	Batu 9, Jalan Klang-Banting (Pekan Tanjung Sepat)	
4.	MPSJ	0.85	Tidak dinyatakan	Sebahagian rizab Sg. Kuyoh Program Zon Bersih Taman Sri Serdang.	
		10.9	Peringkat penyediaan kos	Jalan belakang Perumahan SS 14 dan SS 18	
		2.807	Peringkat penyediaan kos	Jalan Persiaran Saujana Puchong	
		2.4	Tidak dinyatakan	Jalan Tujuan, USJ Subang Jaya	Menunggu lantikan kontraktor
		2.0	Tidak dinyatakan	Tasik Puchong Perdana, Selangor	Kerja-kerja telah siap.

- b) Pelantikan kontraktor bagi pembinaan laluan basikal tersebut telah dibuat melalui proses sebutharga terbuka. Berikut adalah senarai sepuluh (10) kontraktor yang telah dilantik bagi pembinaan lorong berbasikal di MBSA yang dibahagikan kepada sepuluh bahagian dengan keseluruhan kos sebanyak **RM 4,663,810.10** :-

Bil	Nama kontraktor	Lokasi	Jumlah ditenderkan (RM)	Jumlah dibayar (RM)
1.	Silver Nine Sdn. Bhd.	Persiaran Tasik	385,375.30	385375.30
2.	Semenanjung Indah Ent.	Persiaran Perbandaran	246,271.00	178737.00
3.	Cerdas Murni Resources Sdn. Bhd.	Persiaran Perbandaran	460,733.00	460733.00
4.	Nur Delima Enterprise	Persiaran Bandaraya	477,811.50	477811.50
5.	IBE Trading	Persiaran Damai	551,153.00	511153.00
6.	MRS Tanjung Bina	Persiaran Masjid	516,684.00	516684.80
7.	Matlamat Cemerlang	Persiaran Pegawai	448,672.00	378167.50
8.	F and R Construction	Persiaran Masjid	396,232.00	396232.00
9.	Gunung Emas	Persiaran Raja	501,136.00	501136.00

	Construction	Muda		
10.	Mohas Empire Sdn. Bhd.	Persiaran Kayangan	857,780.00	857780.00
	-	<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>4,841,848.00</b>	<b>4,663,810.10</b>

Kos pembinaan ini adalah termasuk kos penyediaan wakaf, ‘*railing*’, ‘crossing jalan’, pengalihan tempat menunggu bas, penyediaan sistem perparitan dan pemberian tebing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK: PENYATA SIMPANAN TAWAS**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan jumlah Penyata Simpanan TAWAS yang belum diserahkan kepada ahli TAWAS mengikut daerah sehingga 15 Mei 2014.
  - Apakah langkah-langkah TAWAS untuk memudahkan pengambilan Penyata Simpanan TAWAS selain daripada mengunjungi pejabat YAWAS.

**JAWAPAN:**

- Jumlah penyata TAWAS yang belum di serahkan mengikut Daerah / DUN sehingga 15hb Mei 2014 adalah sebanyak 125,354 daripada jumlah keseluruhan yang layak sebanyak 133,517
- Langkah-langkah untuk memudahkan pengambilan Penyata Simpanan TAWAS adalah dengan membuka kaunter penyerahan di :
  - Program kerjasama dengan Pusat Khidmat DUN
  - Program jemputan daripada agensi-agensi kerajaan Negeri Selangor
  - Pejabat Daerah & Tanah
  - Pejabat DUN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : TANAH PEGANGAN PAJAK**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lama sebelum tempoh sebidang tanah pegangan pajak luput/tamat yang pemiliknya dibenarkan untuk membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh secara menyerahkan hakmilik kepada Kerajaan Negeri dan memohon pemberian milik semula tanah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan bagi melanjutkan tempoh pajakan hendaklah dibuat sebelum tempoh pajakan sesuatu tanah tersebut luput atau tamat dan buat masa ini, tiada sebarang had tempoh yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, bagi permohonan pelanjutan tempoh pajakan yang telah luput atau tamat, pemilik hartanah dikehendaki memohon hartanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara untuk diberimilik kepada pemilik asal atau waris sekiranya pemilik hartanah tersebut telah meninggal dunia. Waris yang berkenaan mestilah mengemukakan Surat Akuan Sumpah sebagai waris dan dokumen-dokumen sokongan lain serta persetujuan dari lain-lain waris-waris (jika waris ramai dan permohonan satu nama).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: INFRASTRUKTUR SUKAN FUTSAL DAN PADANG BOLA DUN MERU.**

94. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapakah peruntukan penyelenggaraan kepada MPK dan pejabat Daerah?
  - Apakah halangan peraturan, pengurusan penggunaan dengan kerjasama JKKK selaku wakil sah kerajaan?
  - Bolehkah diperuntukkan naiktaraf bumbung padang futsal di DUN Meru.

**JAWAPAN:**

a)

**LATAR BELAKANG GELANGGANG FUTSAL**

Dimaklumkan pada awal tahun 2012 – gelanggang Futsal sediada masih di urus selia oleh Jawatan Kuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung Meru dan kerja membaikpulih membina gelanggang Sukan Serbaguna Dan Dataran Anak Muda Pekan Meru di bina oleh Pejabat Daerah Klang melalui peruntukan MBI (Geran SelangorKu ).

**LATAR BELAKANG PADANG BOLA**

Anggaran Peruntukan bagi selenggara dan baikpulih kemudahan Padang Bola Dun Meru adalah seperti berikut :

Bil.	Lokasi	Tahun	Jumlah
1.	Menambak dan merata tanah merah di Padang Bola Jalan Kopi Bukit Kapar	2011	RM 8,448.00
2.	Menambak dan merata tanah merah di Padang sebelah dewan Meru.	2011	RM 8,448.00
3.	Menambak dan merata tanah merah di Padang Bola Jalan Kenangan 2, Taman Meru 3.	2011	RM 8,448.00
4.	Mengganti & membaikpulih pagar 'Chain link' dan tiang untuk padang	2012	RM 5,670.00

	bola di Jalan Meru Indah 3, Taman Meru Indah .		
5.	Kerja membaikpulih pagar penghadang tiang gol di Jalan kenangan 2, Taman Meru 3.	2012	RM 12,480.00
6.	Menambak dan merata pasir & tanah padang bola di Jalan Kenangan 2, Taman Meru 3	2012	RM 15,000.00
7.	Menambak dan merata tanah merah di padang bola Jalan Cendana 6, Taman Sri Pekan .	2012	RM 19,750.00
<b>JUMLAH</b>			<b>RM 78,244.00</b>

b) & c)

Majlis telah membuat pemeriksaan lampu gelanggang adalah berkeadaan baik dan penama meter gelanggang ini adalah di bawah nama Ketua Kampung Meru ( Tn. Hj. Thaifoor Bin Hj. Noor – 017 2092044 ), seperti di lampiran A gelanggang ini masih dalam proses penyerahan kepada Majlis serta segala kerosakan perlu di baiki terlebih dahulu sebelum penyerahan dibuat kepada Majlis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: INSENTIF PERKAHWINAN BELIA**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah objektif yang hendak dicapai melalui program ini?
  - Berapakah bilangan menurut pecahan kaum yang telah menerima insentif ini?
  - Berapakah peruntukan yang disediakan bagi menjayakan program ini?

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini sebagai satu program kebajikan kepada rakyat selangor dengan hasrat hasil negeri untuk rakyat. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakan rumah tangga dan keluarga di negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di negeri Selangor yang baru mendirikan rumah tangga.
- Bilangan penerima insentif perkahwinan belia telah dikategorikan kepada 2 kategori iaitu Islam dan Bukan Islam seperti jadual di bawah :-

Tahun	Islam	Bukan Islam (Cina dan India )	Jumlah
2013	4041	1910	<b>5951</b>
Jan – April 2014	1180	608	<b>1788</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5951</b>	<b>1788</b>	<b>7739</b>

- Peruntukan yang disediakan untuk menjayakan program ini dari tahun 2013 sehingga April 2014 adalah sebagaimana berikut :-

Tahun	Bil Penerima	Peruntukan
2013	5951	RM1,190,200.00
Jan – April 2014	1788	RM894,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>7739</b>	<b>RM2,084,200.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B .TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK: GURU AGAMA JAIS**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai guru-guru sekolah agama yang di bawah kawal seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- b) Berapa ramai di kalangan guru-guru tersebut dalam perjawatan tetap dan kontrak

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah guru dibawah selian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS ) adalah seramai 8249 orang.
- b)

KEDUDUKAN GURU MENGIKUT GRED

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

GRED	BPI	UPI	ILDAS	SAM	MIT	SRA	SRAI	KAFA	PRA	CUTI	LAIN2	JUMLAH
DG54KUP	1											1
DG52KUP	1											1
DG52	2											2
DG48KUP												
DG48					2							2
DG44	11				10							21
DG41	1	9	1		11	1	2					25
DGA34	2	4			4	19	7					36
DGA34KUP	3	2	1		3	18	3					30
DGA32	6	5		1	3	50	4					69
DGA32KUP	9	16		1	10	510	80					626

DGA29	1	1		1	5	131	170					309
DG27						1						1
DG41(M)	1			28	26							55
DG41(J)				179	40							219
DGA29K							77					77
DB27	1				1	1	49		2			54
S27									9			9
DB17						41	17		17			75
S17	10	20							67			97
PENGASUH									61			61
CFS (MAIS)					6							6
CFS (JAIS)					1							1
KAFA					7	3951	144	2369			1	6472
RAKYAT						131	13	1104				1248
JUMLAH	49	57	2	210	129	4854	566	3473	156		1	9497

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM GEM UNTUK MASYARAKAT BUKAN MELAYU**

97. Kebanyakan Program GEM tertumpu kepada anak-anak orang Melayu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk program-program GEM untuk masyarakat India dan Cina.?
- b) Berapakah peruntukan disediakan.?
- c) Berapa ramai peserta GEM ini di kalangan orang India dan Cina.?

**JAWAPAN:**

- a) Bentuk program-program GeMS untuk masyarakat India dan Cina:
  - I. Program Generasi Idaman Selangor merupakan satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan bertujuan untuk menangani gejala sosial secara holistik dan sistematik. Penglibatan semua pihak seperti jabatan/agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO's) dan pimpinan masyarakat. Pelbagai aktiviti disediakan bagi memastikan gejala sosial dapat ditangani dengan menggunakan 6 pendekatan iaitu Pencegahan, Pendidikan, Pencelahan, Penguatkuasaan, Pemulihan dan Pengurusan.
  - II. Program Generasi Idaman Selangor dilaksanakan tidak memberi fokus berdasarkan kepada kaum tetapi berdasarkan kepada aspek menyeluruh yang melibatkan semua kaum bagi memastikan usaha menangani gejala sosial dapat diatasi seterusnya mewujudkan keharmonian dalam sesebuah masyarakat yang berbilang kaum.
- b) Pada tahun 2014 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 1.1 juta untuk pelaksanaan program-program menangani gejala sosial di Negeri Selangor dan tiada peruntukan khusus bagi program-program berdasarkan kaum.

- c) Ramai peserta GeMS ini di kalangan orang India dan Cina:

Program Generasi Idaman Selangor dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor yang melibatkan pelbagai kaum serta lapisan masyarakat. Oleh itu, jumlah penyertaan kaum-kaum lain sebanyak 30 peratus berdasarkan kepada program menangani gejala sosial yang dianjurkan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial sentiasa berusaha untuk mencari alternatif bagi menarik minat semua lapisan masyarakat untuk melibatkan diri dalam Program Generasi Idaman Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PERKEMBANGAN PLURALISME**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah fatwa dan pandangan pihak berkuasa agama negeri tentang fahaman pluralisme?
  - b) Sejauh manakah ancaman pluralisme dalam konteks pengamalan Islam di negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor melalui mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 3/2013 yang bersidang pada 6 Jun 2013 telah memutuskan bahawa fahaman pluralisme ialah aliran yang sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
- b) Setakat ini ancaman pluralisme dalam konteks pengamalan Islam di negeri Selangor masih terkawal. Program penjelasan dan kesan dari pemikiran ini turut diadakan seperti melalui seminar, edaran pemplet, khutbah Jumaat dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PENGURUSAN RUMAH BERTINGKAT**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan untuk membantu badan-badan pengurusan rumah bertingkat yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran termasuk kesulitan dalam pengutipan caj penyelenggaraan serta perlaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan.

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan peruntukan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) Akta 663, Kerajaan Negeri telah melaksanakan tindakan pendakwaan ke atas kesalahan pembeli yang gagal membayar caj penyenggaraan di mahkamah. Bermula bulan Julai tahun 2012 dan sehingga kini, Kerajaan Negeri telah memfaikkan sejumlah 290 kes ke mahkamah bagi kesalahan tersebut.

Berhubung dengan isu kerja-kerja penyenggaraan bangunan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Format Kurikulum Bersepadu Pengurusan Bangunan Strata (FOKUS) yang seragam di Negeri Selangor bertujuan memberi pengetahuan mengenai skil dan kemahiran pengurusan bangunan kepada jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sejumlah RM360,000.00 Kepada semua Unit, Pesuruhjaya Bangunan untuk pelaksanaan FOKUS di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

Untuk mengatasi masalah kegagalan menubuhkan jawatankuasa JMB atau MC di kalangan pembeli atau pemilik, COB telah diberi kuasa melalui peruntukan Akta 663 untuk melantik ejen pengurusan bagi menguruskan bangunan pangsapuri terbabit.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian yang dibuat, Kerajaan Negeri mendapati, pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa JMB atau MC adalah lebih baik kerana kos pengurusan yang lebih optimum. Oleh itu, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan memperhebatkan strategi pelaksanaan Kempen "Pangsapuri Kita...Bersih, Ceria Dan Harmoni" untuk memberi kesedaran kepada penduduk pangsapuri mengenai tanggungjawab bersama untuk menjaga pangsapuri mereka khususnya kepentingan membayar caj penyenggaraan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUTDARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK JAMBATAN KE-3 KLANG**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Sila nyatakan dengan *detail* bilakah projek tersebut akan dimulakan ?
  - Sila senaraikan keseluruhan syarikat yang menyertai proses tender terbuka projek tersebut dan nyatakan syarikat yang berjaya dipilih serta latar belakangnya ?
  - Sila nyatakan berapakah tempoh pembinaan dan anggaran kos pembinaan projek tersebut ?

**JAWAPAN:**

- Surat Setuju Terima kepada kontraktor yang berjaya telah dikeluarkan. Kerja pembinaan dijadualkan pada pertengahan Julai 2014.
- Sebanyak dua puluh tiga (23) tender telah diterima dan dibuka pada hari tender ditutup. Senarai syarikat adalah seperti berikut iaitu:

<b><u>No. Ruj</u></b>	<b><u>Nama Petender</u></b>
1/23	- Hati Muda Sdn.Bhd
2/23	- ZN Solution Builders
3/23	- Ranhill Water Services
4/23	- Pembinaan Ismail Sdn. Bhd
5/23	- Smart Reliances Sdn. Bhd
6/23	- Syarqiah Holdings Sdn. Bhd
7/23	- Ahmad Zaki Sdn. Bhd
8/23	- Rumex (M) Sdn. Bhd
9/23	- TN Synergy Sdn Bhd
10/23	- Pembinaan Jurubina Sdn. Bhd
11/23	- AJ-Corp sdn. Bhd

12/23	-	Laksamana Builders
13/23	-	Potensi Cekal Sdn. Bhd
14/23	-	Yuta Maju Sdn. Bhd
15/23	-	Hisniaga Sdn. Bhd
16/23	-	Fouth Wave Sdn. Bhd
17/23	-	Pertama Makmur Sdn. Bhd
18/23	-	ANBR Resources Sdn. Bhd
19/23	-	Cergas Murni Sdn. Bhd
20/23	-	Binaan Desajaya Sdn. Bhd
21/23	-	Majulia Sdn. Bhd
22/23	-	Euro-Saga Sdn. Bhd
23/23	-	Hasrat Sedaya Sdn. Bhd

### **Latar Belakang**

Petender yang berjaya adalah petender yang terendah iaitu Cergas Murni Sdn. Bhd dengan tawaran sebanyak RM 199,156,069.39. Kontraktor ini berdaftar dengan CIDB Kelas G7 taraf Bumiputera dan beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### **Maklumat Tambahan Latar Belakang Kontraktor Yang Berjaya**

#### Kerja Semasa :

- 1) Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, Pakej 3 dari CH 26,100 ke CH 40,038 ( Menyiapkan baki kerja yang belum siap di Daerah Kemaman )

Nilai :RM 224,989,868.50

Tempoh :11/5/2011 - 15/7/2014

Prestasi :73.83% sebenar / 72.55% Jadual – Cemerlang

- 2) Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Menggantikan Jambatan Bukit Kuang Di Jalan Persekutuan3,Kemaman

Nilai :RM 225,725,998.26

Tempoh :7/7/2010 - 22/8/2014

Prestasi :88.80% sebenar / 86.00% Jadual – Cemerlang

Pengalaman Kerja:

- 1) Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, Terengganu Paket 9B: CH 102,500 ke CH 107,700  
Nilai :RM 77,596,190.59  
Prestasi :Baik
  - 2) Menaiktaraf Jalan Tangkak-Jasin Melaka ( Paket 4 : Baba Nyonya Resort )  
Nilai :RM 33,462,394.32  
Prestasi :Terbaik
  - 3) Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, Terengganu Paket 9A:CH 91,800 ke CH 103,240  
Nilai :RM 200,319,789.52  
Prestasi :Baik
  - 4) Pembinaan Jambatan Kedua Penang - Paket 3A-Batu Maung  
Nilai :RM 152,718,868.55  
Prestasi :Baik
- c) Tempoh siap pembinaan 104 minggu dan harga tawaran kontraktor yang berjaya adalah RM199,156,069.39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN DESA**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- a) Selain dari latihan teknikal penyelenggaraan, apakah program lain yang boleh dikategorikan sebagai Program Pembangunan Desa?
  - b) Berapa banyakkah dari sejumlah RM50 juta yang diperuntukkan dalam bajet 2014, telah dimanfaatkan untuk Program Pembangunan Desa?
  - c) Apakah industri hiliran dan IKS termasuk sebahagian dari Program Pembangunan Desa?

**JAWAPAN:**

a), b) & c)

Program Kemahiran Teknikal Belia Desa merupakan antara program yang diusahakan di bawah Projek Pembangunan Desa. Program Kemahiran Teknikal Belia Desa ini merangkumi kursus penyelenggaraan perpaipan, elektrik dan penghawa dingin.

Program ini melibatkan para belia di kawasan luar bandar di mana Ketua-Ketua Kampung diamanahkan untuk memilih para belia yang berminat dalam kursus-kursus ini demi memberi peluang untuk mereka maju di masa hadapan.

Setakat ini seramai tujuh (7) orang dari daerah Hulu Langat telah melapor diri dan sedang mengikuti pengajian di Institut Latihan IKRAM (IKRAM Skills & Retraining Academy ISRA) dan akan diikuti oleh tiga belas (13) orang pelajar dari daerah Klang dan kemudian diikuti daerah-daerah lain berdasarkan jadual dan proses temuduga.

Kos yang terlibat yang terlibat bagi Kursus Penyelenggaraan Elektrik Tahap 2 selama dua belas (12) bulan adalah sebanyak RM7,400.00 bagi seorang pelajar termasuk yuran pengajian, penginapan, makan minum dan elaun sara hidup.

Bagi Kursus Penyelenggaraan Penghawa Dingin pula, ianya melibatkan kos sebanyak RM6,950.00 bagi seorang pelajar bagi tempoh lapan (8) bulan sahaja termasuk yuran pengajian, penginapan, makan minum dan elaun sara hidup.

Kerajaan Negeri Selangor berhasrat agar dengan memberi peluang kepada belia-belia desa untuk menceburi bidang-bidang kemahiran ini, maka setelah mereka tamat pengajian, mereka akan diberi peluang pekerjaan untuk menjaga dan menyelia bangunan-bangunan rumah kos rendah dan pangsapuri sebagai "Maintenance Personal". Ini bertujuan untuk memastikan mereka mendapat peluang pekerjaan setelah tamat pengajian.

Peruntukan RM50 juta adalah bagi tempoh 5 tahun dan setakat ini sebanyak RM180,290.00 telah dibelanjakan bagi tahun 2014. Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji beberapa sektor dan bidang yang boleh diceburi seperti usahasama bersama Nestle dari segi pertanian berkelompok dan "Contract Farming".

Program Pembangunan Desa merupakan satu aspek yang meliputi masyarakat desa secara menyeluruh dan melibatkan semua lapisan masyarakat. Semenjak program ini mula dilaksanakan, Kerajaan Negeri sedang meneliti dan melakukan kajian terhadap beberapa cadangan projek sebelum ianya dapat dilaksanakan bagi mengelakkan pembaziran duit rakyat.

Projek Pembangunan Desa merangkumi pelbagai jenis industri dengan hasrat dapat memajukan dan mendatangkan manfaat kepada masyarakat desa. Oleh itu, industri hiliran dan IKS juga boleh dilibatkan dalam Pembangunan Desa dengan tujuan mencapai matlamat dan objektif Pembangunan Desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: KILANG HARAM**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Kilang Haram yang dikenal pasti di negeri Selangor mengikut pecahan daerah?
- b) Berapakah jumlah Kilang Haram yang telah diputihkan mengikut pecahan daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Mengikut bancian yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah Daerah, sehingga kini terdapat **2,119** buah kilang di seluruh Negeri Selangor yang telah dikenal pasti beroperasi secara haram.
- b) Jumlah kilang-kilang haram yang telah diputihkan mengikut pecahan daerah adalah seperti di **Jadual 1**.

**JADUAL 1 : Pecahan Kilang Haram Mengikut Daerah Dan Jumlah Kilang Haram Yang Telah Diputihkan**

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN TUKAR SYARAT	
		BIL.	%
Petaling	985	828	84.06%
Klang	434	74	17.05%
Gombak	44	27	61.36%
Hulu Langat	336	160	47.62%
Kuala Langat	209	88	42.11%
Sepang	44	2	4.55%
Hulu Selangor	18	10	55.56%
Kuala Selangor	34	6	17.65%
Sabak Bernam	15	2	13.33%
<b>JUMLAH</b>	<b>2,119</b>	<b>1,197</b>	<b>56.49%</b>

*Sumber: PBT & PTD Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: KIDEX**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kronologi perbincangan pihak konsesi KIDEX Sdn Bhd dengan kerajaan negeri sehingga mendapat persetujuan daripada kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor hanya terlibat setelah dimaklumkan keputusan dan kelulusan pelaksanaan projek ini oleh sekretariat Mesyuarat Kabinet pada 11 Mei 2011. Perbincangan lanjut antara 22 agensi yang melibatkan Kerajaan Persekutuan serta Negeri (agensi teknikal) di dalam Mesyuarat Teknikal 1 dan 2 yang telah diadakan pada 14 Oktober 2011 serta 8 Disember 2011 di Wisma LLM. Cadangan jajaran KIDEX yang telah dibincangkan serta dipersetujui di dalam Mesyuarat Teknikal 2.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 6/2012 yang bersidang pada 15 Februari 2012 telah menimbang dan bersetuju secara dasarnya dengan Projek Lebuhraya KIDEX dan jajaran-jajarannya mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan tegas telah menyatakan pendirian bahawa beberapa syarat perlu dipatuhi dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX iaitu:-

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
- iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatkan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat; dan
- iv. **Perkara disebut di atas diguna pakai bagi semua lebuhraya sedia ada atau yang akan dibina.**

Jajaran Lebuhraya KIDEX telah dilakarkan serta digazetkan di dalam Rancangan Tempatan (RT) MPSJ pada bulan Mei 2013 yang lalu. Selain itu, berdasarkan keputusan Mesyuarat *State Planning Committee* pada 5 Mei 2014, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memasukkan jajaran Lebuhraya KIDEX di dalam Draf Rancangan Tempatan MBPJ dan melaksanakan Program Publisiti. Hasrat Kerajaan Negeri Selangor adalah supaya semua pihak yang terlibat termasuk orang awam dapat dilibatkan dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX melalui maklumbalas dan cadangan yang dikemukakan melalui *Town Hall Meeting*.

Sehingga kini, pihak konsesi KIDEX Sdn. Bhd. telah mengemukakan beberapa dokumen kepada pihak MBPJ seperti berikut :-

- i. Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan *Social Impact Assessment* (SIA);
- ii. Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA); dan
- iii. Pelan Jajaran Lebuhraya KIDEX.

Kerajaan Negeri masih belum memberikan sebarang kelulusan kepada pihak konsesi lebuhraya KIDEX bagi menjalankan kerja-kerja fizikal pembangunan sehingga perkara-perkara berikut diperolehi :-

- i. Kelulusan Kebenaran Merancang daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- ii. Pewartaan Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960.

Pihak Berkuasa Negeri pada 22 Mei 2014 telah mendarahkan pihak KIDEX untuk melaksanakan Taklimat Awam (*Town Hall Meeting*) di kawasan Petaling Jaya.

Perjanjian konsesi KIDEX telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) dan syarikat konsesi lebuhraya (KIDEX Sdn. Bhd.) pada 15 November 2013 dan dokumen perjanjian tersebut merupakan dokumen terkawal di bawah klasifikasi Sulit dan Terhad.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dan menyambut baik usaha-usaha yang dirancangkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur - Klang, rangkaian rel seperti *Mass Rapid Transit* (MRT) dari Sungai Buloh - Kajang sepanjang 51km yang mempunyai sebanyak 35 stesen selain dua (2) buah depot, dan projek sambungan *Light Rail Transit* (LRT) yang akan melibatkan laluan Kelana Jaya Line (KLJ) sepanjang 29km dan sebanyak 24 stesen, manakala laluan Ampang Line (AMG) sepanjang 27km serta mempunyai sebanyak 25 stesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK: PELAN CATUAN BEKALAN AIR DI NEGERI SELANGOR**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah Penunjuk Aras catuan air di negeri Selangor?
  - Adakah ianya berdasarkan paras air di Empangan atau paras air di sungai berhampiran Loji Rawatan Air (LRA)?
  - Benarkah kerajaan negeri menggunakan air dari Empangan dan bukannya dari sungai untuk diagihkan kepada pengguna?

**JAWAPAN:**

- Pelaksanaan catuan bekalan air di Negeri Selangor adalah berdasarkan pemantauan status lengkuk operasi empangan (*dam operating rule curve*) bagi sesuatu empangan. Ia berfungsi untuk menerangkan status terkini kapasiti atau keupayaan empangan bagi tujuan bekalan air kepada muka sauk di bahagian hilir. Walau bagaimanapun paras air sungai turut juga dipantau dalam memastikan kapasiti sungai adalah mencukupi bagi tujuan abstraksi air di muka sauk dan keperluan jumlah kadar pelepasan air daripada empangan.
- Tidak. Rujuk perincian Jawapan (a)
- Empangan merupakan struktur yang dibina bagi menakung air di bahagian hulu dan ianya berfungsi untuk melepaskan air bagi menampung aliran sungai semasa aliran rendah (low flow). Paras air sungai yang rendah boleh menjelaskan abstraksi air di muka sauk dan seterusnya memberi kesan gangguan bekalan air kepada pengguna. Dalam hubungan ini, air terawat yang diagihkan kepada pengguna adalah air sungai yang telah dirawat oleh loji pembersihan air dan bukannya terus dari empangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : SISA PEPEJAL INDUSTRI**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Bagaimakah pihak PBT menguruskan sisa pepejal dari pihak industri?
  - Nyatakan statistik sisa pepejal dari kawasan-kawasan industri dan lokasi pelupusannya?
  - Apakah teknologi yang digunakan untuk melupuskan sisa pepejal industri tersebut?

**JAWAPAN:**

- PBT hanya menguruskan sisa pepejal industri jenis domestik seperti sisa dari kantin dan sisa lengai seperti kayu-kayu perabot dan tayar. Manakala sisa industri yang dikategorikan sebagai sisa berjadual (bahaya) adalah diuruskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Walau bagaimanapun, didalam syarat perlesenan, pihak Majlis telah menetapkan bahawa setiap premis industri berlesen perlu melantik kontraktor kutipan sampah sendiri. Kontraktor yang dilantik hendaklah berdaftar dengan pihak PBT dan membuang sampah tersebut ke pusat pelupusan sampah yang dibenarkan sahaja.
- PBT tidak mempunyai statistik sisa pepejal dari kawasan-kawasan industri kerana kutipan sampah industri diurus sendiri oleh pihak industri.
- Tiada teknologi yang benar-benar spesifik untuk melupusan sisa industri. Namun, terdapat dua (2) kaedah yang boleh diguna pakai iaitu sisa industri yang boleh dilupuskan terus di tapak pelupusan sampah seperti '*domestic waste*', '*inert waste*', '*bulky waste*', '*garden waste*' dan '*construction waste*' akan dihantar ke tapak pelupusan. Contohnya di Malaysia terdapat 7 pusat pembakaran mini (incinerator) iaitu di Pulau Pangkor, Langkawi, Pulau Tioman dan Labuan. Manakala sampah industri yang dikategorikan sebagai '*schedule waste*', '*clinical waste*', '*hazardous waste*' akan dilupuskan dengan menggunakan teknologi *incinerator*. Bagi '*schedule waste*' yang telah dirawat dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar akan dilupuskan di tapak pelupusan sampah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: INFRA**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk membina semula dewan orang ramai yang terbakar di Taman Bukit Teratai dalam tahun 2014?
  - Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menambahbaikkan bangunan dan kemudahan Sekolah Rendah Agama Kampung Cheras Baru dalam tahun 2014?
  - Seberapa segerakah Kerajaan dapat mengambil tindakan pemberian kerosakan longkang monsun atau tebing sungai?

**JAWAPAN:**

- Pembinaan Dewan Orang Ramai di Taman Teratai tidak dimasukkan di dalam program pembangunan tahun 2014. Namun begitu, berdasarkan keperluan masyarakat setempat penduduk disarankan untuk menggunakan dewan lain yang berhampiran dalam kawasan setempat.
- Pemilikan tanah Sekolah Agama dan perancangan pembangunan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh yang demikian perkara ini perlu dirujuk dengan JAIS.
- Kerja – kerja pemberian longkang atau longkang monsun pihak Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja berkaitan selama 14 hari dengan menggunakan inden dengan kos pemberian di bawah RM 20 ribu. Pemberian struktur sungai di bawah pengurusan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : BANTUAN RM 1000 KEPADA SURAU SEMPENA BULAN RAMADHAN**

107. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah pihak JAIS akan menaikkan nilai bantuan yang lebih tinggi mengikut keadaan surau?
- b) Adakah bantuan tersebut akan diserahkan melalui ADUN?

**JAWAPAN:**

- a) JAIS tiada cadangan untuk menaikkan jumlah peruntukan moreh kepada surau memandangkan kenaikan sumbangan daripada RM400 kepada RM1000 baru sahaja dilaksanakan iaitu mulai tahun 2012.
- b) Bagi mempercepatkan proses penyerahan dan mengelakkan kesilapan semasa pengeluaran cek di samping menjimatkan kos pemprosesan, pihak JAIS menetapkan penyerahan sumbangan tersebut dibuat melalui EFT (Electronic Fund Tranfer) terus ke dalam akaun masjid dan surau. Walau bagaimanapun YB. Adun boleh melaksanakan majlis simbolik penyerahan surat pembayaran EFT di DUN masing-masing dengan merujuk kepada PAID bagi penyerahan kepada surau dan DUN masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: KESELAMATAN & PENGURANGAN KADAR JENAYAH**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk memperkasakan Pasukan Keselamatan Kampung (PKK).
  - Sila nyatakan sebarang insentif yang telah diberikan kepada sukarelawan Pasukan Keselamatan Kampung (PKK)

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Program Pasukan Keselamatan Kejiranan ini telah dilancarkan sejak tahun 2013. Setakat ini program ini dijalankan dengan lancar dan aktiviti-aktiviti mereka dipantau oleh Pejabat Daerah masing-masing. Kerajaan Negeri Selangor telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2,460,000.00 bagi setiap Ketua Kampung Tradisi, Ketua Kg. Baru Cina dan Ketua Kaum India bagi pelaksanaan Program Pasukan Keselamatan Kejiranan ini.

Kerajaan Negeri juga di dalam proses penyediaan peruntukan tambahan untuk disalurkan kepada Program Pasukan Keselamatan Kejiranan yang bergiat aktif. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk memastikan program Pasukan Keselamatan Kejiranan ini dapat dijalankan dengan lebih baik dengan kerjasama pihak polis. Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan kursus-kursus keselamatan am bagi memberi pendedahan yang lebih kepada JKKK yang terlibat di dalam program PKK ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: AHLI MAJLIS PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah tempat-tempat kosong Ahli Majlis di PBT akan diisi semula?
- b) Huraikan apakah punca penangguhannya?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kuota Ahli Majlis akan dipenuhi setelah menerima senarai calon daripada pihak parti. Kekosongan sedia ada masih menunggu pencalonan parti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PAM AIR BERTEKNOLOGI TINGGI**

110. Kerajaan negeri telah meluluskan RM 10 juta bagi infrastruktur pam air ke Sungai Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lokasi infrastruktur pam air dibina dan pihak yang mengendalikannya?
- b) Adakah pembinaan pam air ini berguna untuk jangka masa yang panjang?
- c) Adakah pembinaan pam air dan teknologi yang digunakan bertepatan dengan konsep *value of money*?

**JAWAPAN:**

- a) Lokasi infrastruktur pam air adalah seperti di Jadual 1. LUAS sebagai penyelaras dan operasi pam adalah dikendalikan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS) Selangor serta Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB).
- b) Untuk jangka masa panjang, pam air ini boleh digunakan untuk mengepam aliran tinggi (high flow) sungai semasa musim banjir. Ianya juga boleh digunakan untuk mengepam air bagi tujuan memadamkan kebakaran hutan paya gambut. Selain itu, pam ini akan digunakan untuk mengepam air daripada kolam sumber air ke dalam sungai untuk meningkatkan aliran sungai ketika musim kemarau.
- c) LUAS adalah tertakluk kepada prosedur kewangan yang telah ditetapkan dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Perolehan pam ini adalah dengan mengikut prosedur kewangan dan peraturan-peraturan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: PROJEK PELEBARAN JALAN SULTAN ABDUK SAMAD – KELANGANG**

111. Apakah status Projek pelebaran Jalan Sultan Abdul Samad – Kelangang?

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah Agensi Kerajaan yang terlibat dalam projek ini?;
- b) Sila menyatakan jumlah kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja pelebaran jalan, pemindahan paip-paip utiliti, pembinaan sistem parit tepi jalan dan sebagainya;
- c) Mengapa mengambil masa begitu lama untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan.

**JAWAPAN:**

- a) Agensi kerajaan yang terlibat dalam projek ini adalah JKR Selangor dan JKR Kuala Langat.
- b) Jumlah kos projek pelebaran jalan ini adalah sebanyak RM32.303 Juta termasuk kos pemindahan utiliti sebanyak RM 13.66 Juta , kos pembinaan perparitan sebanyak RM 15 Juta , dan sebagainya sebanyak RM 3.64 Juta.
- c) Untuk makluman, tarikh mula pada 25.9.2012 dan tarikh siap asal pada 29.7.2014. Lanjutan masa diberikan sehingga 15.2.2015 (7bulan).

Di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan projek ini memerlukan tambahan masa 7 bulan adalah disebabkan oleh:

- Halangan-halangan bangunan dan binaan yang berada didalam rezab jalan yang terpaksa dirobohkan dahulu melibatkan hakmilik persendirian seperti bengkel kereta, gerai-gerai makan dan bangunan kedai persendirian termasuk sebuah kuil.
- Kerja-kerja pengalihan kemudahan awam TNB dan SYABAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PRESTASI KONTRAKTOR PEMBERSIHAN, SAMPAL PUKAL DAN KEBUN**

112. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Nyatakan bilangan kontraktor pembersihan, sampah pukal dan sampah kebun MBPJ yang berkhidmat lebih tiga tahun sejak 2010.
  - Adakah mereka diberi pertimbangan lebih memandangkan mereka ialah kontraktor yang benar-benar berfungsi?
  - Mengapakah PBT tidak menggabungkan ketiga-tiga tugas ini di bawah satu kontraktor?

**JAWAPAN:**

- Sehingga kini tiada kontraktor pembersihan sampah pukal dan sampah kebun Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang berkhidmat lebih daripada tiga tahun sejak 2010
- Pemilihan kontraktor adalah bergantung kepada:
  - Prestasi kerja yang lepas atau ketika berkhidmat untuk Majis (sekiranya kontraktor pernah dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan atau kutipan kutipan di Majlis.)
  - Kemampuan dari segi logistik dan peralatan
  - Kewangan yang kukuh
  - Mempunyai pengalaman bagi kerja yang berkaitan
- Mulai tarikh 01 April 2014, semua kerja-kerja pembersihan, kutipan sampah pukal dan kutipan sampah kebun telah digabungkan.

**PERTANYAAN –PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PERBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN**

113. Pemberimilikan tanah kerajaan kepada rakyat Selangor

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi kerajaan negeri Selangor dalam pemberimilikan tanah kerajaan kepada rakyat Selangor?
- b) Adakah masih wujud pemberimilikan sementara atas tanah kerajaan?
- c) Apakah polisi kerajaan bagi pemberimilikan sementara tanah kerajaan yang diusahakan dan adakah dibenarkan pemberimilikan kekal?

**JAWAPAN:**

- a) Polisi Kerajaan Negeri Selangor dalam pemberimilikan tanah Kerajaan bagi tujuan kediaman adalah selaras dengan dasar untuk merakyatkan ekonomi Negeri Selangor iaitu memberikan hakmilik kepada individu yang telah lama menduduki tanah kerajaan secara tidak sah. Garis panduan pemberimilikan tanah kerajaan adalah melalui :
  - i) Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6 Tahun 2011 mengenai Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian di Negeri Selangor yang berkuatkuasa pada 1 November 2011
  - ii) Pemberimilikan tanah kerajaan bagi tujuan bangunan perniagaan dan perindustrian adalah melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6/2010 mengenai Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan Melalui Kaedah Jualan di Negeri Selangor. Melalui polisi ini hanya dua (2) kaedah pelupusan iaitu pelupusan tanah secara jualan terus atau secara tender.

- b) Kerajaan Negeri tidak melaksanakan pemberimilikan sementara ke atas tanah Kerajaan. Walau bagaimanapun, kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) akan dipertimbangkan kepada permohonan tapak rumah kediaman yang telah lama diduduki yang tidak diluluskan hakmilik. Keputusan MMKN ke 9/2013 telah meluluskan semakan semula kadar bayaran dan kelulusan TOL bagi tujuan kediaman. Melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 3/2013 permohonan bagi tahun 2013 sahaja diluluskan dan kuasa melulus diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah dan perlu di lapor kepada Mesyuarat MTES. Bagi tahun 2014 dan ke atas kelulusan adalah diperingkat MTES.
- c) Bagi tapak rumah kediaman yang telah diluluskan secara Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di atas tanah kerajaan, ianya layak dipertimbangkan untuk diberi hakmilik sekiranya ia mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh MMKN. Sehubungan itu, bagi memastikan polisi ini dilaksanakan secara keseluruhan, semua Pentadbir Tanah Daerah telah diarahkan untuk mengenalpasti tapak-tapak rumah kediaman yang diluluskan secara LPS diangkat untuk dipertimbangkan dan diluluskan pemberimilikan oleh MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: LALUAN LORI SAMPAH KE TAPAK PELUPUSAN DI JERAM**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Adakah telah ada ditetapkan bagi laluan lori-lori ini?
  - Apakah tindakan bagi lori PBT luar yang '*short cut*' jalan kampung di Jalan Iskandar, Jalan Kopi, Jalan Kempas & Jalan Kerayong?

**JAWAPAN:**

- Laluan lori-lori ini adalah di jalan utama melalui Pekan Kapar ke Jalan Bukit Kerayong untuk ke Tapak Pelupusan di Jeram.
- Tindakan ke atas lori PBT luar yang '*short-cut*' jalan kampung di Jalan Iskandar, Jalan Kopi, Jalan Kempas dan Jalan Kerayong adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pihak Majlis Perbandaran Klang telah memaklumkan kepada pihak PBT luar seperti Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya agar tidak melalui jalan kampung sebagai '*short-cut*' ke Tapak Pelupusan di Jeram.

**PERTANYAAN –PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: AKHBAR SELANGORKINI**

115. Edaran selangorkini perlu di pertingkatkan

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah edaran akhbar selangorkini bagi setiap versi di setiap DUN?
- b) Berapakah jumlah bayaran kepada pengedar akhbar selangorkini di setiap DUN?
- c) Berapakah jumlah bayaran tertunggak kepada pengedar akhbar selangorkini di setiap DUN sekiranya ada?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa kini akhbar Selangorkini versi Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin dan Tamil Indru diedarkan seperti didalam senarai di bawah:-

Bil	DUN	Kuantiti Naskah Edaran		
		Selangorkini (Bahasa Malaysia)	Selangorkini (Bahasa Mandarin)	Selangorkini (Tamil Indru)
1	Sungai Air Tawar	3,000	200	-
2	Sabak	3,000	300	800
3	Sungai Panjang	3,000	800	-
4	Sekinchan	1,600	1,600	200

Bil	DUN	Kuantiti naskah edaran		
		Selangorkini (Bahasa Malaysia)	Selangorkini (Bahasa Mandarin)	Selangorkini (Tamil Indru)
5	Sungai Burong	3,500	300	-
6	Permatang	2,500	1,700	1,800
7	Bukit Melawati	3,000	200	1,800
8	Ijok	2,000	400	1,800
9	Jeram	3,800	400	-
10	Meru	3,500	1,000	2,000
11	Sementa	1,000	1,200	2,000
12	Seri Serdang	2,000	1,900	1,000
13	Kinrara	1,400	2,000	1,400
14	Subang Jaya	3,200	900	1,200
15	Seri Setia	1,500	700	-
16	Taman Medan	6,400	700	600
17	Bukit Gasing	1,000	2,400	600
18	Kampung Tunku	500	1,000	200
19	Damansara Utama	1,100	2,000	400
20	Bukit Lanjan	1,600	2,300	3,000
21	Kota Anggerik	6,000	900	1,400
22	Batu Tiga	1,500	600	400

Bil	DUN	Kuantiti naskah edaran		
		Selangorkini (Bahasa Malaysia)	Selangorkini (Bahasa Mandarin)	Selangorkini (Tamil Indru)
23	Sri Muda	3,500	1,300	600
24	Hulu Bernam	3,000	400	-
25	Kuala Kubu Baharu	1,000	1,000	800
26	Batang Kali	3,000	800	2,400
27	Kuang	2,200	500	-
28	Rawang	3,400	1,600	1,800
29	Taman Templer	4,000	1,700	600
30	Batu Caves	2,600	500	2,200
31	Gombak Setia	3,000	600	600
32	Paya Jaras	4,000	1,300	800
33	Kota Damansara	1,000	1,300	200
34	Hulu Kelang	1,800	700	600
35	Bukit Antarabangsa	1,400	1,300	200
36	Lembah Jaya	3,400	1,500	1,200
37	Chempaka	1,800	1,200	1,000
38	Teratai	1,200	2,400	200
39	Dusun Tua	4,000	1,700	400

Bil	DUN	Kuantiti naskah edaran		
		Selangorkini (Bahasa Malaysia)	Selangorkini (Bahasa Mandarin)	Selangorkini (Tamil Indru)
40	Semenyih	1,400	1,000	3,000
41	Kajang	5,800	1,600	600
42	Bangi	1,800	1,000	600
43	Balakong	1,000	2,300	200
44	Seri Kembangan	600	3,000	800
45	Sungai Pinang	900	1,600	200
46	Selat Klang	2,900	1,000	1,200
47	Pelabuhan Klang	2,600	1,300	1,000
48	Pandamaran	800	1,600	2,400
49	Kota Alam Shah	1,200	1,200	3,600
50	Seri Andalas	3,800	1,000	5,800
51	Sijangkang	3,000	500	1,200
52	Teluk Datuk	1,200	1,100	800
53	Morib	3,000	700	-
54	Tanjong Sepat	2,200	600	1,600
55	Dengkil	2,500	500	-
56	Sungai Pelek	3,800	800	1,400

Bil	DUN	Kuantiti naskah edaran		
		Selangorkini (Bahasa Malaysia)	Selangorkini (Bahasa Mandarin)	Selangorkini (Tamil Indru)
57	Lain-lain tempat seperti Pasaraya, PBT, Pejabah Daerah/Tanah, Majlis Bandaraya, Majlis Daerah,CCSB, SUK dan lain-lain	29,500	10,900	11,400
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		168,400	75,000	70,000

- b) Untuk edaran Selangorkini, kita telah bersetuju untuk membayar RM0.08 bagi setiap akhbar kepada syarikat pengedar yang menghantar akhbar tersebut dari kilang ke Pusat Khidmat Masyarakat di setiap DUN. Sebagai saguhati kepada Pusat Khidmat Masyarakat DUN yang mengedar akhbar tersebut ke tangan-tangan penduduk, kita telah bersetuju untuk membayar RM0.05 bagi setiap akhbar.
- c) Semua bayaran telah dijelaskan pada semua pengedar dan pejabat DUN setakat April 2014. Bayaran untuk bulan-bulan seterusnya masih dalam proses.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI DI SELURUH SELANGOR**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah kuantiti minyak masak terpakai yang dikumpulkan sepanjang 2013?
  - Berapa peratuskah daripada kuantiti tersebut diproses menjadi bio-diesel?
  - Apakah mekanisme yang menjamin minyak masak terpakai tidak dikitar semula bagi kegunaan memasak?

**JAWAPAN:**

- a) Kuantiti minyak masak terpakai yang dikumpulkan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut :

PBT	JUMLAH (KG)
<b>MBSA</b>	5,648
<b>MBPJ</b>	29,179.65
<b>MPK</b>	1,637.9
<b>MPAJ</b>	4,420.25
<b>MPSJ</b>	6,296
<b>MPS</b>	935.5
<b>MPKj</b>	Tiada
<b>MPSp</b>	1,162
<b>MDHS</b>	Tiada
<b>MDKL</b>	Tiada
<b>MDKS</b>	3,600
<b>MDSB</b>	Tiada
<b>JUMLAH</b>	<b>52,879.30</b>

- b) Peratus kuantiti minyak masak yang dikitar semula untuk diproses menjadi bahan biodiesel adalah seperti berikut :

PBT	JUMLAH KUTIPAN 2013 (KG)	JUMLAH MINYAK DIKITAR KEPADA BIODIESEL (KG)	% JUMLAH MINYAK YANG DIKITAR KEPADA BIODIESEL
<b>MBSA</b>	5,648	5,648	100%
<b>MBPJ</b>	29,179.65	24,802.7	85%
<b>MPK</b>	1,637.9	1,637.9	100%
<b>MPAJ</b>	4,420.25	3,978.23	90%
<b>MPSJ</b>	6,296	5,667	90%
<b>MPS</b>	935.5	1,050	100%
<b>MPKj</b>	Belum melaksanakan program ini		
<b>MPSp</b>	1,162	988	85%
<b>MDHS</b>	Belum melaksanakan program ini		
<b>MDKL</b>	Belum melaksanakan program ini		
<b>MDKS</b>	3,600	3,240	90%
<b>MDSB</b>	Belum melaksanakan program ini		
<b>JUMLAH</b>	<b>52,879.30</b>	<b>47,011.83</b>	<b>88.9%</b>

Bagi minyak masak yang tidak dikitar semula untuk dijadikan bahan biodiesel, minyak-minyak tersebut akan digunakan untuk menjadi gliserin.

- c) Buat masa ini, tiada sebarang peruntukan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan bagi memastikan minyak masak terpakai tidak dikitar semula bagi kegunaan memasak. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri di peringkat PBT sentiasa mengambil langkah berhati-hati dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula minyak masak untuk dijadikan sebagai bahan Biodiesel. Pemantauan dan pemeriksaan akan dilakukan sekiranya ada aduan dan melanggar UUK PBT berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PENURAPAN JALAN-JALAN MBSA DI BAWAH PROJEK MARRIS  
2014**

117. Saya difahamkan Kerajaan Negeri telah menurunkan pembayaran peruntukan MARRIS untuk membaiki jalan-jalan di kawasan MBSA.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan jalan-jalan yang akan diturap di kawasan MBSA di DUN Kota Anggerik bagi tahun 2014 dibawah peruntukan MARRIS.?
- Berapakah kos untuk setiap jalan?.
- Berapakah kos keseluruhan.?

**JAWAPAN:**

- Jalan-jalan yang akan diturap di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam di DUN Kota Anggerik bagi tahun 2014 di bawah peruntukan MARRIS adalah seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>DUN</b>
1.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan Astaka U8/84, Seksyen U8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
2.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Dato' Menteri (dari persimpangan Damai ke Bulatan Kayangan), Seksyen 11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
3.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Kayangan (dari Bulatan Kayangan ke persimpangan Masjid), Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
4.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan industri di sebahagian Jalan 15/7, 15/11, 15/12 dan sebahagian Jalan 15/14, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
5.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja	Kota Anggerik

	berkaitan di sebahagian Persiaran Raja Muda, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	
6.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Bestari (dari persimpangan Persiaran Kayangan hingga persimpangan Jalan 7/60), Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
7.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Bestari (dari persimpangan Persiaran Permai hingga persimpangan Lebuhraya Selat Klang), Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
8.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Merah Hati U9/2 dan Merah Saga U9/5A, Seksyen U9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
9.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan Setia Prima A U13/A, R U13/R, P U13/P dan N U13/N, Seksyen U13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
10.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan 13/5 dan 13/6, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
11.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di pusat komersial (Jalan E 13/E, F 13/F, G 13/G dan H 13/H), Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
12.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di sebahagian Jalan Lontar Peluru 13/39 dan Jalan Tukul Besi 13/41, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
13.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan Kelab Golf 13/1, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
14.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan komersial (Jalan J 7/J, M 7/M, L 7/L, H 7/H), Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
15.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan kedai lama di Lorong Keluli 1D, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
16.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di sebahagian Jalan 7/60 dan Jalan 7/63, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik

17.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di sebahagian Jalan 15/7, sebahagian Jalan 15/8 dan keseluruhan Jalan 15/9, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
18.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di Sebahagian Persiaran Selangor (Dari Bulatan Sejahtera Hingga Bulatan Selangor), Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
19.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Kayangan (dari persimpangan Jalan Liku 8/1 hingga persimpangan Persiaran Bestari) Seksyen 7 & 8, Shah Alam	Kota Anggerik
20.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Perumahan Termasuk Jalan Keluar Masuk Ke Lot Kediaman (Jalan 11/1 (A-G), 11/2(E-M), 11/3, 11/3(A-E), 11/4, 11/4(A-C), 11/5(A-G), Sebahagian 11/6,11/6(A-C), 11/7 Hingga 11/10, Seksyen 11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
21.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Perumahan Termasuk Jalan Keluar Masuk Ke Lot Kediaman (Jalan 13/11, 13/11(A-E), 13/18 hingga 13/25, 13/57, 13/58(A-D), 13/59, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
22.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di jalan U8/20, U8/57, U8/48, Seksyen U8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
23.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di Sebahagian Persiaran Raja Muda (Dari Hadapan Hotel Uitm hingga Bulatan Perusahaan), Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
24.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di Persiaran Permai Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
25.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Perumahan Termasuk Jalan Keluar Masuk Ke Lot Kediaman (Jalan 9/6, Jalan 9/6(A-D), Jalan 9/7 hingga 9/13 Dan 9/19(A-E), Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik

26.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan industri di Jalan 16/13, 16/13(A-D), Jalan 16/15, Jalan 16/15B, Jalan 16/16 dan Jalan 16/16A, Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
27.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan Di kawasan perumahan termasuk jalan keluar masuk ke lot kediaman (Jalan 6/1, 6/1(A-K), Jalan 6/2, 6/2(A-F), Jalan 6/3, Jalan 6/4, 6/4(A-H), Jalan 6/5, 6/5(A-C), Jalan 6/6 hingga 6/8, Seksyen 6, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
28.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan Di kawasan perumahan termasuk jalan keluar masuk ke lot kediaman (Jalan 8/1A, 8/1(E-L), 8/2, 8/2(A-B), A8/1, B 8/B dan D 8/A, Seksyen 8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
29.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan dari (Persiaran Pegawai ke Bulatan Setia Jasa hingga Persimpangan Persiaran Kayangan), Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Kota Anggerik
30.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan kedai termasuk lot-lot tempat letak kenderaan di Jalan 18/A, Jalan 18/B, Jalan 18/C, Jalan 18/D, Jalan 18/E, Jalan 18/F dan Jalan 18/G, Seksyen 18, Shah Alam.	Kota Anggerik
31.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan perumahan termasuk simpang keluar/masuk lot-lot kediaman di Jalan 8/14(A-D), Seksyen 8, Shah Alam.	Kota Anggerik
32.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di Jalan U2/1,U2/14 dan U2/36 hingga U2/43, Seksyen U2, Shah Alam.	Kota Anggerik
33.	Cadangan membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di sebahagian Jalan Unggu U9/28, U9/30, U9/30A, U9/31 dan U9/32, Seksyen U9, Shah Alam.	Kota Anggerik

b) Kos untuk setiap jalan Dun Kota Anggerik adalah seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>DUN</b>
1.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan Astaka U8/84, Seksyen U8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 190,000.00</i>
2.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Dato' Menteri (dari persimpangan Damai ke Bulatan Kayangan), Seksyen 11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 783,190.00</i>
3.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Kayangan (dari Bulatan Kayangan ke persimpangan Masjid), Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 1,047,385.00</i>
4.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan industri di sebahagian Jalan 15/7, 15/11, 15/12 dan sebahagian Jalan 15/14, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 609,646.00</i>
5.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Raja Muda, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 827,770.00</i>
6.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Bestari (dari persimpangan Persiaran Kayangan hingga persimpangan Jalan 7/60), Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 335,260.00</i>
7.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka dan kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Bestari (dari persimpangan Persiaran Permai hingga persimpangan Lebuhraya Selat Klang), Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 1,147,470.00</i>
8.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Merah Hati U9/2 dan Merah Saga U9/5A, Seksyen U9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 245,000.00</i>
9.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan Setia Prima A U13/A, R U13/R, P U13/P dan N U13/N, Seksyen U13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 460,350.00</i>
10.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan 13/5 dan 13/6, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 1,295,010.00</i>

11.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di pusat komersial (Jalan E 13/E, F 13/F, G 13/G dan H 13/H), Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 573,957.50</i>
12.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di sebahagian Jalan Lontar Peluru 13/39 dan Jalan Tukul Besi 13/41, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 517,450.00</i>
13.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di Jalan Kelab Golf 13/1, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 678,060.00</i>
14.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan komersial (Jalan J 7/J, M 7/M, L 7/L, H 7/H), Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 789,765.00</i>
15.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan kedai lama di Lorong Keluli 1D, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 644,315.00</i>
16.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di sebahagian Jalan 7/60 dan Jalan 7/63, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 411,774.00</i>
17.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di sebahagian Jalan 15/7, sebahagian Jalan 15/8 dan keseluruhan Jalan 15/9, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 500,904.00</i>
18.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di Sebahagian Persiaran Selangor (Dari Bulatan Sejahtera Hingga Bulatan Selangor), Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 1,184,018.00</i>
19.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di sebahagian Persiaran Kayangan (dari persimpangan Jalan Liku 8/1 hingga persimpangan Persiaran Bestari) Seksyen 7 & 8, Shah Alam	<i>RM 2,617,260.00</i>
20.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Perumahan Termasuk Jalan Keluar Masuk Ke Lot Kediaman (Jalan 11/1 (A-G), 11/2(E-M), 11/3, 11/3(A-E), 11/4, 11/4(A-C), 11/5(A-G), Sebahagian 11/6,11/6(A-C), 11/7 Hingga 11/10, Seksyen 11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM 1,706,279.60</i>

21.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Perumahan Termasuk Jalan Keluar Masuk Ke Lot Kediaman (Jalan 13/11, 13/11(A-E), 13/18 hingga 13/25, 13/57, 13/58(A-D), 13/59, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 1,424,885.00
22.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di jalan U8/20, U8/57, U8/48, Seksyen U8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 872,598.00
23.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di Sebahagian Persiaran Raja Muda (Dari Hadapan Hotel Uitm hingga Bulatan Perusahaan), Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 1,197,220.00
24.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di Persiaran Permai Seksyen 7, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 1,008,590.00
25.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Perumahan Termasuk Jalan Keluar Masuk Ke Lot Kediaman (Jalan 9/6, Jalan 9/6(A-D), Jalan 9/7 hingga 9/13 Dan 9/19(A-E), Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 1,384,106.00
26.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan di kawasan industri di Jalan 16/13, 16/13(A-D), Jalan 16/15, Jalan 16/15B, Jalan 16/16 dan Jalan 16/16A, Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 1,268,087.40
27.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan Di kawasan perumahan termasuk jalan keluar masuk ke lot kediaman (Jalan 6/1, 6/1(A-K), Jalan 6/2, 6/2(A-F), Jalan 6/3, Jalan 6/4, 6/4(A-H), Jalan 6/5, 6/5(A-C), Jalan 6/6 hingga 6/8, Seksyen 6, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 1,773,113.00
28.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan Di kawasan perumahan termasuk jalan keluar masuk ke lot kediaman (Jalan 8/1A, 8/1(E-L), 8/2, 8/2(A-B), A8/1, B 8/B dan D 8/A, Seksyen 8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 790,539.00
29.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja berkaitan dari (Persiaran Pegawai ke Bulatan Setia Jasa hingga Persimpangan Persiaran Kayangan), Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<i>RM</i> 1,710,460.00

30.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan kedai termasuk lot-lot tempat letak kenderaan di Jalan 18/A, Jalan 18/B, Jalan 18/C, Jalan 18/D, Jalan 18/E, Jalan 18/F dan Jalan 18/G, Seksyen 18, Shah Alam.	<i>RM 794,030.00</i>
31.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan perumahan termasuk simpang keluar/masuk lot-lot kediaman di Jalan 8/14(A-D), Seksyen 8, Shah Alam.	<i>RM 158,797.50</i>
32.	Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di Jalan U2/1,U2/14 dan U2/36 hingga U2/43, Seksyen U2, Shah Alam.	<i>RM 831,684.00</i>
33.	Cadangan membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di sebahagian Jalan Unggu U9/28, U9/30, U9/30A, U9/31 dan U9/32, Seksyen U9, Shah Alam.	<i>RM 472,156.00</i>

- c) Kos keseluruhan bagi projek MARRIS 2014 untuk Dun Kota Anggerik adalah sebanyak RM30,251,130.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: INDUSTRI PELANCONGAN**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sektor pelancongan merupakan industri perkhidmatan yang perlu diberi keutamaan dalam usaha meningkatkan perkembangan ekonomi negeri. Apakah Perancangan serta Pelan Tindakan negeri bagi menghasilkan produk-produk pelancongan yang baru dan bertaraf nasional dan antarabangsa?

**JAWAPAN:**

- a) Sektor pelancongan juga merupakan salah satu industri perkhidmatan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Industri perkhidmatan seperti pelancongan mampu menggerakkan perkembangan ekonomi lain seperti pembinaan, pengangkutan, perhotelan, pembuatan, makanan, peruncitan dan lain lain perkhidmatan.

Pihak Kerajaan negeri Selangor telah membuat kajian dan Pelan Tindakan Negeri bagi mengenal pasti sektor pelancongan berpotensi serta halangan pembangunan industri pelancongan Negeri Selangor dan seterusnya mewujudkan perancangan strategik dasar dasar industri pelancongan negeri sehingga tahun 2035.

Negeri Selangor dianugerahkan dengan aset rupa bumi yang menarik membolehkan banyak sumber sumber pelancongan dibangunkan. Terdapat pelbagai sumber pelancongan utama seperti hutan darat, hutan tanah bencah, alam semulajadi dan warisan sejarah, yang telah dibangunkan oleh pihak kerajaan dan swasta bagi menarik pelancong dan pelawat ke negeri Selangor.

Daerah Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat merupakan daerah daerah yang mempunyai kawasan hutan tanah tinggi yang berlatarkan Banjaran Titiwangsa dan kini menjadi Taman Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan seramai 10 juta pelancong akan melawat Negeri Selangor menjelang tahun 2018. Perangkaan ini adalah berdasarkan peningkatan jumlah pelancong setiap tahun dan sasaran seramai 7 juta pelancong pada tahun hadapan untuk program Tahun Melawat Selangor 2015.

Walau bagaimanapun, seperti yang kita semua maklum Negeri Selangor juga terjejas dari segi kedatangan pelancong terutama pelancong yang datang dari Negara China rentetan daripada tragedi MH370 yang lalu. Bagi mengimbangi semula kemerosotan pelancong dari luar Negara, Kerajaan Negeri akan meningkatkan promosi pelancongan dalam Negara selaras dengan Dasar Ekonomi yang telah dirangka di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 iaitu Zon pembangunan fizikal hendaklah dimajukan dengan aktiviti-aktiviti Ekonomi yang bersesuaian seperti berikut :-

- 1) Ekonomi Bandar (Wilayah Lembah Klang)
- 2) Aktiviti Berteknologi Tinggi Dan Penyelidikan Dan Pembangunan (Koridor Raya Multimedia)
- 3) Pelancongan (Pulau Carey-Sungai Pelek)
- 4) Maritim (Pelabuhan Klang)
- 5) Pelancongan Dan Perikanan (Kuala Selangor)
- 6) Pertanian Dan Perindustrian Tani (Tanjung Karang-Sabak)
- 7) Pertanian Dan Pelancongan Agro (Lembah Agro)
- 8) Automotif Dan Industri Sokongan (Rawang-Bernam Jaya)
- 9) Pelancongan Eko (Taman Negeri)

Terdapat empat (4) cadangan Am Ekonomi bagi pembangunan kawasan pelancongan iaitu:-

- i. Merancang pembangunan kawasan pelancongan di lokasi yang strategik berdasarkan produk, sumber dan tarikan
- ii. Perancangan kawasan pelancongan perlu bersepadu antara satu lokasi dengan lokasi yang lain agar terdapat hubungan yang mantap dan saling melengkapi.
- iii. Menyediakan kemudahan sokongan (kemudahan penginapan, pengangkutan dan pusat penerangan) yang berkualiti untuk kemudahan pelancong.
- iv. Pembangunan pelancongan berdasarkan alam semulajadi hendaklah tidak melebihi daya tampungan supaya memelihara kesihatan ekosistem yang menjadi tarikan pelancong.

Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM5.2 juta pada tahun 2014 bagi tujuan Promosi & Acara Pelancongan, Menaiktaraf Produk Pelancongan dan Memajukan Kraf. Melalui peruntukan ini, Kerajaan Negeri akan menaiktaraf dan menyelenggara tapak-tapak pelancongan secara berperingkat dan mengikut keperluan untuk memberi nilai tambah dan memperkuuhkan produk sedia ada merangkumi penyelenggaraan kawasan sekitar, membaikpulih kemudahan awam serta menambah baik struktur bangunan sedia ada.

Kerajaan Negeri juga melalui anak syarikat Kerajaan Negeri, iaitu Tourism Selangor Sdn Bhd sentiasa menjalankan program yang dinamakan '*Product Update*'. Program '*Product Update*' ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti potensi produk pelancongan baru yang ada di seluruh Negeri Selangor yang boleh diketengahkan di dalam Kalendar pelancongan Negeri terutama yang bertaraf nasional dan antarabangsa.

Produk Pelancongan Baru dan Bertaraf Nasional serta Antarabangsa:-

Bil.	Produk	Lokasi / Daerah
1.	Damansara Performing Arts Center (DPAC)	Kota Damansara
2.	Chocolate Museum by Fidani	Kota Damansara
3.	Dusun Garden Fairies	Hulu Langat
4.	Fish Valley Semenyih	Hulu Langat
5.	Paradise Valley	Hulu Langat
6.	Midlands Convention Center, Shah Alam	Shah Alam
7.	Tasik Biru Kundang	Selayang
8.	Gua Damai ExtremePark	Gombak
9.	Setia Walk, Puchong	Subang Jaya
10.	Amverton Cove Golf & Island Resort (ACGIR), Pulau Carey	Kuala Langat
11.	GM Hotel	Klang
12.	Premier Hotel	Klang

13.	One City Mall	Subang Jaya
14.	One City Hotel	Subang Jaya
15.	Spark Hotel	Klang

Produk Bertaraf Nasional dan Antarabangsa Sedia Ada:-

Bil.	Produk	Lokasi / Daerah
1.	Sepang FI	Sepang
2.	KLIA 2	sepang
3.	KLIA, Sepang	Sepang
4.	Batu Caves	Gombak
5.	FRIM	Shah Alam
6.	Bukit Melawati	Kuala Selangor
7.	Sunway Lagoon	Petaling Jaya
8.	Hutan Lipur Kanching	Selayang
9.	I-City	Shah Alam
10.	Kelip Kelip Kampung Kuantan	Kuala Selangor
11.	Dong Zhen Monastery	Kuala Langat
12.	Masjid Biru Shah Alam	Shah Alam
13.	Zoo Negara	Ampang
14.	Morib Gold Coast	KualaLangat
15.	Avani Sepang Gold Coast	Sepang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: ANCAMAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER(LGBT)**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pendirian kerajaan negeri terhadap LGBT?
- b) Nyatakan program kesedaran bagi mengelakkan belia di Selangor terlibat dengan LGBT?

**JAWAPAN:**

- a) Masih belum ada fatwa yang dibuat berkaitan LGBT.
- b) Antara program-program kesedaran bagi mengelakkan belia di Selangor terlibat dengan LGBT termasuklah penjelasan melalui seminar dan forum, edaran pamphlet dan buku penerangan berkaitan dan bacaan khutbah berkaitan LGBT di masjid-masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN YEO BEE YIN**  
**(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: KINRARA - DAMANSARA SKYWAY (KIDEX)**

120. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah menerima laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA) projek KIDEX?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah meneliti perjanjian konsesi KIDEX? Apakah terma-terma konsesi tersebut?

**JAWAPAN :**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor hanya terlibat setelah dimaklumkan keputusan dan kelulusan pelaksanaan projek ini oleh sekretariat Mesyuarat Kabinet pada 11 Mei 2011. Perbincangan lanjut antara 22 agensi yang melibatkan Kerajaan Persekutuan serta Negeri (agensi teknikal) di dalam Mesyuarat Teknikal 1 dan 2 yang telah diadakan pada 14 Oktober 2011 serta 8 Disember 2011 di Wisma LLM. Cadangan jajaran KIDEX yang telah dibincangkan serta dipersetujui di dalam Mesyuarat Teknikal 2.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 6/2012 yang bersidang pada 15 Februari 2012 telah menimbang dan bersetuju secara dasarnya dengan Projek Lebuhraya KIDEX dan jajaran-jajarannya mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan tegas telah menyatakan pendirian bahawa beberapa syarat perlu dipatuhi dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX iaitu:-

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
- iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatkan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat; dan

iv. **Perkara disebut di atas diguna pakai bagi semua lebuhraya sedia ada atau yang akan dibina.**

Jajaran Lebuhraya KIDEX telah dilakarkan serta digazetkan di dalam Rancangan Tempatan (RT) MPSJ pada bulan Mei 2013 yang lalu. Selain itu, berdasarkan keputusan Mesyuarat *State Planning Committee* pada 5 Mei 2014, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memasukkan jajaran Lebuhraya KIDEX di dalam Draf Rancangan Tempatan MBPJ dan melaksanakan Program Publisiti. Hasrat Kerajaan Negeri Selangor adalah supaya semua pihak yang terlibat termasuk orang awam dapat dilibatkan dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX melalui maklumbalas dan cadangan yang dikemukakan melalui *Town Hall Meeting*.

Sehingga kini, pihak konsesi KIDEX Sdn. Bhd. telah mengemukakan beberapa dokumen kepada pihak MBPJ seperti berikut :-

- i. Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan *Social Impact Assessment* (SIA);
- ii. Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA); dan
- iii. Pelan Jajaran Lebuhraya KIDEX.

Kerajaan Negeri masih belum memberikan sebarang kelulusan kepada pihak konsesi lebuhraya KIDEX bagi menjalankan kerja-kerja fizikal pembangunan sehingga perkara-perkara berikut diperolehi :-

- i. Kelulusan Kebenaran Merancang daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- ii. Pewartaan Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960.

Pihak Berkuasa Negeri pada 22 Mei 2014 telah mendarahkan pihak KIDEX untuk melaksanakan Taklimat Awam (*Town Hall Meeting*) di kawasan Petaling Jaya.

Perjanjian konsesi KIDEX telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) dan syarikat konsesi lebuhraya (KIDEX Sdn. Bhd.) pada 15 November 2013 dan dokumen perjanjian tersebut merupakan dokumen terkawal di bawah klasifikasi Sulit dan Terhad.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dan menyambut baik usaha-usaha yang dirancangkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur - Klang, rangkaian rel seperti *Mass Rapid Transit* (MRT) dari Sungai Buloh - Kajang sepanjang 51km yang mempunyai sebanyak 35 stesen selain dua (2) buah depot, dan projek sambungan *Light Rail Transit* (LRT) yang akan melibatkan laluan Kelana Jaya Line (KLJ) sepanjang 29km dan sebanyak 24 stesen, manakala laluan Ampang Line (AMG) sepanjang 27km serta mempunyai sebanyak 25 stesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: RUMAH RAKYAT (COUNCIL HOMES)**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- PBT mana yang menawarkan "Council Homes" pada masa ini?
  - Berapakan bilangan rumah ini yang diduduki dan yang kosong?
  - Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahkan bilangan "Council Homes"?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini 8 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyediakan *Council Home*' dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan masing-masing seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>COUNCIL HOMES / PPR</b>	<b>Bil. Unit</b>	<b>PBT</b>
1.	Council Homes Taman Samudera, Selayang	71	MPS
2.	Council Homes Apartment Seri Cempaka, Bangi	200	MPKj
3.	Council Homes Bandar Kinrara, Puchong	238	
4.	Council Homes Pangaspuri Seri Kayang	50	MPSJ
5.	Council Homes Jalan Jelai, Klang	32	
6.	Council Homes Bukit Tinggi 1, Klang	98	MPK
7.	Council Homes Desa Lembah Permai, Ampang	30	MPAJ
8.	PPR Taman Putra Damai	3,004	
9.	PPR Kota Damansara	1,152	MBPJ
10.	PPR Kg. Baru Hicom	980	MBSA
11.	PPR Taman Tasik Teratai	300	MDHS
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>6,155</b>

- b) Jumlah unit yang diduduki dan yang masih kosong adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>COUNCIL HOMES</b>	<b>PBT</b>	<b>Bil. Unit</b>	<b>Disewa</b>	<b>Kosong</b>
1.	Taman Samudera, Selayang	MPS	71	40	31
2.	Apt. Seri Cempaka, Bangi	MPKj	200	96	104
3.	Bandar Kinrara, Puchong	MPSJ	238	207	31
4.	Pangsapuri Seri Kayang		50	40	10
5.	Jalan Jelai, Klang	MPK	32	0	32
6.	Bukit Tinggi 1, Klang		98	49	49
7.	Desa Lembah Permai, Ampang	MPAJ	30	20	10
8.	PPR Taman Putra Damai	MBPJ	3,004	2,765	239
9.	PPR Kota Damansara		1,152	970	182
10.	PPR Kg. Baru Hicom	MBSA	980	866	114
11.	PPR Taman Tasik Teratai	MDHS	300	99	201
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>6,155</b>	<b>5,152</b>	<b>1,003</b>

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada perancangan untuk menambah bilangan '*Council Home*' di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang membuat kajian berkenaan keperluannya supaya urusan pembelian dapat dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: SAMPAH, PENYELENGGARAAN DAN BAIKPULIH**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Apakah usaha proaktif kerajaan dalam menyelesaikan masalah tapak pembuangan sampah haram?
  - Pihak manakah yang bertanggungjawab menyelenggarakan rumput-rumput bahu jalan-jalan kampung?
  - Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan khas program membaikpulih semua kemudahan awam yang terdapat di kampung-kampung?

**JAWAPAN:**

- Antara langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras dan memantau tapak pembuangan sampah haram ialah:-
  - Menggiatkan lagi operasi pemantauan dan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan pembuangan sampah haram, selain itu ada PBT yang telah menujuhan "Unit Flying Squad" bagi melakukan aktiviti pemantauan secara berkala;
  - Penguatkuasaan oleh agensi-agensi berkenaan ke atas individu yang membuka, mengurus dan membuang sampah di tapak-tapak sampah haram;
  - Penstrukturkan semula kawasan penyeliaan berpandukan kepada tenaga kerja yang ada;
  - Pemantauan oleh Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekutuan dan Penguatkuasaan Undang-Undang.
- PBT hanya bertanggungjawab bagi penyelenggaraan rumput-rumput di bahu-bahu jalan utama kampung dalam kawasan PBT dengan melantik kontraktor pembersihan awam untuk menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan rumput di bahu-bahu jalan kampung yang berada diluar kawasan PBT akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

- c) Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk melaksanakan khas program membaikpulih semua kemudahan awam yang terdapat di kampung-kampung. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mendapatkan senarai penuh perhentian bas di seluruh Negeri Selangor yang berada di jajaran laluan bas di bawah SPAD untuk dibaik pulih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: RAIN HARVESTING/PENUAIAN HUJAN**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah dasar kerajaan negeri di dalam prospek *Rain Harvesting* atau Penuaan Hujan di Selangor?
  - Apakah perancangan dari kerajaan negeri bagi menjadikan *Rain Harvesting* atau Penuaan Hujan di Selangor sebagai suatu sumber penggunaan air?

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyokong baik Pelan Tindakan Kejiranan Hijau yang telah diwartakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menggariskan agar *Rainwater Harvesting System* atau Sistem Penuaan Air Hujan (SPAH) ini diguna pakai oleh bangunan-bangunan kerajaan, PBT dan juga bangunan individu sebagai salah satu langkah pengurusan air yang berkesan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai dasar khusus berhubung perkara tersebut.
- Kerajaan Negeri melalui PBT telah mewajibkan setiap permohonan pelan bangunan yang dikemukakan bagi rumah sesbuah, berkembar dan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan berbunga melebihi 100m<sup>2</sup> mengadakan SPAH pada pelan dan bangunan tersebut selaras dengan Pewartaan Pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2012.

Kerajaan Negeri juga mengambil serius kepentingan SPAH dengan membina sistem yang sama di Bangunan Dewan Jubli Perak bertujuan untuk mengelakkan penggunaan air bersih bagi kerja-kerja pembersihan, penyiraman pokok bunga dan '*toilet flushing*' seterusnya boleh menjimatkan / mengurangkan perbelanjaan bil air yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Projek ini akan siap sepenuhnya pada Ogos 2014.

Satu kajian bersama dengan pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan PBT akan diadakan bagi mengenal pasti potensi penggunaan sistem SPAH dan *On Site Detention* (OSD) untuk dimasukkan dalam pembinaan perumahan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMILIHAN DATO' BANDAR DAN YDP MELALUI PILIHAN RAYA**

124. Di negara maju Dato' Bandar di pilih melalui Pilihan Raya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik Dato' Bandar Dan YDP secara pilihan raya.?
- b) Apakah halangan untuk melaksanakannya?.
- c) Apakah usaha untuk mengatasi masalah ini.?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk melantik Dato' Bandar Dan YDP secara pilihan raya.
- b) Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 171 telah menetapkan Dato' Bandar Dan YDP adalah merupakan lantikan Pihak Berkuasa Negeri.
- c) Kerajaan Negeri sudah menyediakan Rang Undang-Undang Pemilihan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Walau bagaimana pun, ianya tidak melibatkan Dato' Bandar Dan YDP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: NON REVENUE WATER (NRW)**

125. Bertanyakan kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- Berapakah kadar NRW semasa di Selangor dan apakah faktor-faktor menyebabkan ia sukar dikawal?
  - Kawasan atau zon manakah yang mempunyai kadar NRW tertinggi?
  - Apakah langkah kerajaan negeri untuk membantu pihak konsesi bekalan air mengurangkan kadar NRW?

**JAWAPAN:**

- a) Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa permulaan Perjanjian Konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%. Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberikan aku janji untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) sehingga 15% menjelang tahun 2015. Sasaran NRW yang perlu diturunkan oleh SYABAS berdasarkan kepada tarikh semakan tarif adalah seperti berikut:-

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2006	37.78%	5%
01 Januari 2009	27.98%	9.80%
01 Januari 2012	19.98%	8.00%
01 Januari 2015	15.48%	4.50%
01 Januari 2018	15.00%	0.48%
01 Januari 2021	15.00%	Kekal
01 Januari 2024	15.00%	Kekal
01 Januari 2027	15.00%	Kekal
01 Januari 2030	15.00%	kekal

Namun demikian, NRW yang berjaya dicapai oleh SYABAS sehingga 2013 adalah pada tahap 34.5% sahaja.

SYABAS sebagai operator agihan tunggal di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendakwa bahawa faktor yang menyumbang kepada kegagalan SYABAS dalam menurunkan NRW adalah disebabkan oleh pembekuan kelulusan perbelanjaan CAPEX oleh Kerajaan Negeri Selangor. Namun demikian, hasil dari semakan yang telah dibuat, Kerajaan Negeri Selangor mendapati SYABAS tidak memberikan tumpuan utama di dalam kerja-kerja mengurangkan NRW di mana perkara ini dapat dilihat apabila pengurusan SYABAS hanya memperuntukkan seramai 50 orang sahaja kakitangan bagi program NRW di seluruh Negeri Selangor. Semua program NRW SYABAS diserahkan untuk dilaksanakan melalui satu kontrak jangka panjang yang dimasuki oleh SYABAS dengan Tetuan Jalur Cahaya Sdn Bhd.

Di dalam melaksanakan kerja-kerja penurunan kadar NRW, SYABAS memberi penekanan terhadap projek infrastruktur seperti kerja-kerja pengantian paip-paip air dan penukaran meter. Kerja-kerja ini merupakan kerja yang diperuntukkan di dalam Perbelanjaan Modal (Capital Expenditure). Sebarang perbelanjaan ke atas CAPEX oleh SYABAS akan diambil kira di dalam permohonan pelarasan kadar tarif SYABAS. Semakan yang dibuat ke atas perbelanjaan CAPEX mendapati perbelanjaan modal (CAPEX) untuk kerja-kerja NRW adalah merupakan komponen perbelanjaan terbesar yang dibelanjakan oleh SYABAS, namun hasilnya adalah tidak setanding perbelanjaan yang telah dibelanjakan.

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

- b) Dari maklumat yang diperoleh dikemukakan oleh SYABAS kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), didapati hanya Wilayah Kuala Lumpur sahaja mempunyai tahap NRW yang rendah dibandingkan dengan semua wilayah SYABAS yang lain.

- c) Penyelesaian menyeluruh ke atas ke atas masalah NRW ini hanya boleh dicapai dengan memuktamadkan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di bawah Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanannya perkhidmatan serta memperkuuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhananya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK: KEBAKARAN HUTAN**

126. Bertanya kepada Dato' Menteri Besar:

- Senaraikan hutan-hutan di Selangor yang berlaku kebakaran pada tahun 2014. Sila berikan butir-butirnya.
- Apakah penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada anggota-anggota yang bertungkus-lumus memadamkan kebakaran di hutan.

**JAWAPAN:**

- Sebanyak enam (6) hutan simpanan kekal (HSK) telah terlibat dengan kebakaran hutan pada tahun 2014 dan hutan simpan yang terlibat ialah HS. Raja Musa dengan keluasan 1,300 ha, HS. Bukit Belata Tambahan (210 ha), HS. Sungai Karang (10 ha), HS. Kuala Langat Utara (130 ha), HS. Kuala Langat Selatan (140 ha) dan HS Hulu Langat (24 ha). Jumlah keseluruhan hutan simpan yang terbakar bagi tahun 2014 adalah seluas ± 1,814 ha.

**Maklumat Tambahan:**

Bil.	Hutan Simpan	Keluasan (HA)	Punca Kebakaran
1.	HS. Raja Musa (Bestari Jaya)	1,300	Pembersihan kebun dari tanah milik pekebun kecil yang berhampiran dengan hutan simpan untuk aktiviti pertanian (Kompt. 5, 13, 14 dan 16)
2.	HS. Bukit Belata Tambahan (Bukit Tagar)	210	Pembersihan kebun dari tanah milik pekebun kecil yang berhampiran dengan hutan simpan untuk aktiviti pertanian.
3.	HS. Sungai Karang	10	i- Tepi jalanraya Sg. Panjang ke Tanjung Malim di KM 38 - 41 berhampiran Kompt. 145. ii- Aktiviti pertanian di Tanah Kerajaan (belakang MRSM, Merbau Berdarah) berhampiran Kompt. 9.

4.	HS. Kuala Langat Utara	130	i- Tanah milik Salak Land (tanah persendirian) berhampiran Kompt. 6  ii- Pencerobohan Orang Asli Kg. Busut Baru berhampiran Kompt. 7  iii- Tepi Elite Highway susur keluar ke Putrajaya berhampiran Kompt. 8.
5.	HS. Kuala Langat Selatan	140	i- Pencerobohan HSK untuk pertanian tanaman kontan di Kompt. 55  ii- Bawah talian elektrik TNB berhampiran Kompt. 27  iii- Tanah Milik Persendirian Bukit Changgang berhampiran Kompt. 21
6.	HS. Hulu Langat	20	i- Kompt. 57
7.	HS. Hulu Langat	4	i- Kompt. 63

- b) Penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada anggota-anggota Jabatan Perhutanan adalah dengan menjaga kebajikan seperti memerikan rawatan pemeriksaan percuma, menyediakan makan dan minum, tuntutan perjalanan dan bermalam dan dipertimbangkan untuk menerima Anugerah Pencapaian Kecemerlangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : PERAMPASAN TANAH**

127. Terdapat banyak tanah terbiar di kawasan Pandamaran yang bersemak-samun. Tanah terbiar juga sentiasa mengakibatkan kebakaran.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia merampas tanah terbiar di Pandamaran?
- b) Berapa tanah yang pernah dirampas oleh Kerajaan Negeri atas alasan kebakaran yang mengakibatkan masalah jerebu?

**JAWAPAN:**

- a) Ya, jika pemilik tanah dengan sengaja membiarkan tanah terbiar tanpa usaha (Sek 125 KTN.)
- b) Belum pernah diambil tindakan perampasan atas alasan kebakaran yang mengakibatkan masalah jerebu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENYELIA PUSAT WANITA BERDAYA**

128. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah pelantikan Penyelia Pusat Wanita Berdaya di sesetengah kawasan masih lagi belum lengkap sepenuhnya?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri dijangka akan menyelesaikan pelantikan Penyelia Pusat Wanita Berdaya?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri mengambil maklum penubuhan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap DUN di Selangor. Sehingga kini, sejumlah 46 buah PWB daripada 56 DUN telah ditubuhkan. Urusan pelantikan Penyelia untuk ditempatkan di PWB yang telah ditubuhkan ini juga sedang dalam tindakan pihak Kerajaan Negeri dan dijangka selesai setelah mengambilkira beberapa penampaikan kepada syor yang dicadangkan dan akan diputuskan melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PENGURUSAN BANJIR & AKTIVITI MENDALAMKAN SUNGAI LANGAT**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah usaha-usaha yang telah diambil sepanjang tempoh 2013 sehingga kini untuk meningkatkan kecekapan pengurusan banjir terutama di DUN Dusun Tua.
  - Sila nyatakan di antara JPS dan Kumpulan Semesta pihak manakah yang bertanggungjawab untuk mendalamkan sungai dan membaiki tebing-tebing sungai.

**JAWAPAN:**

- Tindakan awal yang telah diambil oleh Jabatan:-
  - Penyelenggaraan Sungai Langat dan anak-anaknya dari Batu 14 hingga Kuala Perdik sebanyak 2 kali setahun.
  - Kerja-kerja pengeluaran pasir oleh pihak Semesta. 2 Kontraktor telah dilantik olehnya di kawasan Dusun Nandin dan Kg. Sg. Serai.
  - Pembinaan ‘culvert’/pembentong di kawasan Kg. Sg. Serai oleh pihak JKR.

Perancangan Jangka Panjang :-

- Telah menyenaraikan Projek Lembangan Sg. Langat dalam Permohonan Peruntukan RMKe-11 Federal.
- Telah menyenaraikan beberapa kerja di Dun Dusun Tua dalam Permohonan Peruntukan RMKe-11 Negeri.

Pada Tahun 2014, 2 kerja sebutharga telah dilaksanakan di dun Dusun Tua:-

- Kerja-kerja Pengorekan dan Pembaikan Tebing di Kawasan Rantau Panjang.
- Kerja-kerja Pengorekan dan Pembaikan Tebing di Kawasan Sg. Semungkis.

Di antara punca banjir yang sering yang dikesan yang mengakibatkan berlakunya kejadian banjir adalah seperti berikut:

- i) Hujan lebat selama 2 – 3 jam mengakibatkan sistem sediada tidak cukup untuk menampung pertambahan kuantiti air.
- ii) Sungai cetek, sempit dan hakisan tebing
- iii) Masalah ‘Backflow’ dari ‘Downstream’
- iv) Masalah sistem saliran/perparitan dalaman

Antara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah banjir adalah seperti berikut :

- i) Rancangan tebatan banjir/mencegah banjir seperti mendalamkan dan melebarkan sungai.
- ii) Pengukuhan tebing bagi mengelak dan mengawal hakisan tebing
- iii) Membina kolam takungan banjir.
- iv) Menaiktaraf sistem perparitan di kawasan padat penempatan dan kawasan yang sering banjir
- v) Mewajibkan syarat-syarat MASMA dalam mana-mana permohonan pembangunan
- vi) Mematuhi syarat-syarat kelulusan teknikal bagi semua permohonan lintasan (paip, kabel, jalanraya, jambatan dan lain-lain) yang melintasi sungai.
- vii) Larangan pencerobohan/binaan bangunan di atas rizab sungai serta dalam kawasan dataran banjir.
- viii) Pengorekan sungai secara berkala.

- b) Secara dasar, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor adalah jabatan yang bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai termasuklah mendalam dan membaiki tebing-tebing sungai. Ini adalah selaras dengan dengan fungsi JPS berdasarkan *Ministerial Function Act 1969: Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan 1990 - DID role in river management in on flood mitigation and river conservancy.*

Namun begitu, dalam kes yang melibatkan skim perlombongan pasir oleh Kumpulan Semesta di negeri ini, pihak JPS mengenakan syarat supaya pihak operator bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dari semasa ke semasa. Ini adalah untuk memastikan aktiviti perlombongan pasir yang dijalankan tidak akan memberi sebarang kesan negatif kepada keupayaan hidrolik serta kestabilan tebing sungai yang boleh menjaskankan kualiti alam sekitar.

Sebarang kecuaian atau kegagalan pihak operator untuk menunaikan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan permit mereka digantung atau ditamatkan oleh pihak berkuasa berdasarkan laporan teknikal oleh jabatan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PROJEK SELANGORKU SEJAHTERA**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah projek-projek yang telah diluluskan di 12 PBT dalam Projek Selangorku Sejahtera?
- b) Nyatakan nilai setiap projek.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Senarai 43 projek yang berjumlah RM 16,943,017.63 adalah seperti di **Jadual 1**:-

**Jadual 1**

<b>BIL.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)</b>	<b>BILANGAN PROJEK YANG DIPERAKU</b>	<b>JUMLAH NILAI PROJEK DIPERAKU</b>	<b>LAMPIRAN</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	2	1,418,950.00	Lampiran A1
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	2	1,518,200.00	Lampiran A2
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	3	1,696,579.38	Lampiran A3
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	4	1,602,972.00	Lampiran A4
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	3	1,435,300.00	Lampiran A5
6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	4	1,716,200.00	Lampiran A6
7.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	5	554,884.00	Lampiran A7
8.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	3	1,486,000.00	Lampiran A8
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	5	1,079,680.00	Lampiran A9
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	4	1,606,500.00	Lampiran A10
11	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	3	1,500,000.00	Lampiran A11
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	5	1,327,752.25	Lampiran A12
<b>JUMLAH</b>		<b>43</b>	<b>16,943,017.63</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN LANGAT 2**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Adakah kerajaan negeri telah meluluskan pelan pembangunan projek Langat 2 berdasarkan persetujuan dalam MOU dengan Persekutuan?
  - Bilakah tarikh kelulusan projek ini, apakah status perkembangannya?
  - Bilakah projek ini dijangkakan siap?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Selepas sahaja MOU ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengeluarkan Kebenaran Merancang bagi pelaksanaan Projek Langat 2 untuk komponen kerja Loji Rawatan Air, Tangki Imbangn Hulu Langat, Tangki Imbangan Bukit Enggang, Kolam Sg Besi, Outlet Portal dan Loji Rawatan Enap Cemar dan Tapak Pelupusan.

Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor masih menangguhkan lagi kelulusan-kelulusan lain seperti berikut:-

- Kebenaran Merancang oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk komponen Ampang Reservoir;
- Kebenaran Merancang oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk komponen Petaling Reservoir dan Bukit Jalil Reservoir;
- Permohonan pengambilan balik bagi 134 lot tanah untuk maksud Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan Langat 2;
- Permohonan perizaban atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menurut Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003 bagi 67 lot tanah;

- v. Permohonan permit penggunaan tanah rizab hutan bagi komponen Kolam Air Petaling, Kolam Air Ampang, Tunnel Outlet Portal, Jajaran paip Koridor Utara (terowong jajaran paip dari Kolam Air Ampang ke Kolam Air Hulu Langat) dan Jajaran Paip Air Koridor Barat.

Kelulusan-kelulusan yang ditangguhkan itu hanya akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor setelah semua isu berbangkit berkenaan dengan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor diselesaikan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana pendirian Kerajaan Negeri Selangor mengenai pelaksanaan Projek Langat 2 masih kekal seperti dahulu di mana Projek LRA 2 ini hanya boleh dilaksanakan bersekali dengan memuktamadkan segera penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor berdasarkan kepada Model Holistik.

- c) Kerajaan Negeri Selangor tidak dilibatkan di dalam pelantikan kontraktor mengenai Projek Langat 2 sebaliknya ia dibuat bersendiri oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor tidak dimaklumkan mengenai tarikh siap Projek Langat 2 sebagaimana yang tertera di dalam surat pelantikan kontraktor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PEMBASMIAN TIKUS**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jelaskan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membasmi pembiakan tikus yang semakin membimbangkan.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil beberapa langkah yang drastik bagi membasmi pembiakan tikus yang semakin membimbangkan. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti di bawah :-
- i. Mempertingkatkan pemeriksaan, penggreddan dan penguatkuasaan terhadap premis-premis makanan dimana premis yang didapati tidak mencapai piawaian tindakan penutupan premis akan dikenakan.
  - ii. Premis-premis makanan yang berlesen dikehendaki menjalankan tindakan Kawalan Serangga dan Tikus di premis mereka.
  - iii. Memperketatkan syarat-syarat Pengeluaran Lesen Baru serta Pembaharuan Lesen.
  - iv. Mempertingkatkan operasi pembersihan di kawasan-kawasan pasar basah dan kawasan lain yang berpotensi untuk pembiakan tikus.
  - v. Mengadakan promosi dan pendidikan kesihatan dengan pelbagai cara termasuk ceramah, edaran risalah serta pameran berkaitan Leptospirosis.
  - vi. Melaksanakan operasi kawalan tikus secara berjadual serta mengedarkan Perangkap Tikus dan Gam Pelekat Tikus secara percuma kepada pemilik premis perniagaan.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan Populasi Tikus dan penyakit Leptospirosis dengan melaksanakan kerja-kerja kawalan secara berterusan serta menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : KOMPLEKS LKIM KUALA SELANGOR**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Sila huraikan butiran terperinci kronologi pembinaan kompleks tersebut termasuk kos dan nama kontraktor yang dilantik ?
  - Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan kompleks tersebut masih tidak beroperasi walaupun sudah lebih 3 tahun disiapkan ?
  - Sila huraikan apakah perancangan asal dan matlamat pembinaan kompleks tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Kontraktor pembinaan Cendor Cukai Trading (M) Sdn. Bhd. telah dilantik untuk membina Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di atas Lot PT 85, Bagan Pasir Penambang, Mukim Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan di atas kawasan luasan tanah 5 ekar.

Skop pembinaan adalah melibatkan bangunan-bangunan blok Dewan Pemasaran, Pejabat LKIM, blok Medan Ikan Bakar, blok kedai/kantin, Stor Ikan, serta lain-lain kemudahan seperti TNB Substation, Pondok Pengawal, Depo Sampah, Skid Tank, Rumah Pam Hose Rail, Tangki Air Menara serta dengan rumah pam /tangki sedutan dan Loji Kumbahan.

Manakala kerja-kerja luaran adalah termasuk membina dinding penahan sheet pile di bahagian blok Pemasaran/blok Pejabat LKIM, kawasan tempat letak kereta dan lori, jalan masuk serta pemasangan paip bekalan air luaran dari paip SYABAS, paip sewer serta perparitan di dalam kawasan.

Kos keseluruhan projek ini adalah RM19,000,000.00

Tarikh milik tapak asal adalah pada 19 Julai 2007 dengan tempoh 80 minggu dan tamat pada 29 Januari 2009. Namun tempoh asal kontrak tidak dapat diselesaikan dan lanjutan masa pertama telah diberi sehingga 27 Jun 2010 disebabkan masalah setinggan.

Sehingga 30 April 2010, masalah setinggan masih belum selesai sepenuhnya dan Lanjutan Masa Kedua telah dianugerahkan sehingga 18 April 2011 setelah masalah setinggan dapat diselesaikan sepenuhnya pada awal bulan Mei 2010.

Sehingga Mei 2010 masalah setinggan masih belum dapat diselesaikan, oleh itu Lanjutan Masa Ketiga yang telah dipertimbangkan telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia daripada 19 April 2011 sehingga 28 Januari 2012.

Pada bulan November 2011, pihak MKDS telah memanggil pihak LKIM untuk bersetuju supaya jalan asal (yang telah diluluskan untuk LKIM) dipinda supaya mengikut jalan masuk yang diluluskan kepada Pemaju (Goldpage) setelah Kebenaran Merancang (KM) LKIM telah luput dan perlu dimohon semula seperti yang dicadangkan oleh Pemaju. Permohonan semula Kebenaran Merancang (KM) telah dihantar kepada MKDS dan pihak Kontraktor LKIM telah memulakan kerja-kerja membina Jalan Masuk yang dipersetujui tersebut tetapi telah dihalang oleh setinggan/penduduk (pihak tokong) supaya tidak meneruskan kerja di Jalan Masuk tersebut. Kontrak telah tamat pada 28 Januari 2012, namun demikian masalah Jalan Masuk masih tidak dapat diselesaikan dan EOT 4 tidak dapat diluluskan sehingga pihak LKIM menyelesaikan masalah Jalan Masuk yang mengakibatkan kontraktor tidak dapat menyiapkan baki-baki kerja yang tertangguh disebabkan tertangguhnya kelulusan Kebenaran Merancang (KM) seperti :

- i) STP – Kelulusan Indah Water tertangguh
- ii) OSD- Kelulusan kerja-kerja JPS tertangguh
- iii) Pemasangan paip Air dari paip luar SYABAS
- iv) Kabel Elektrik TNB dari sumber luar
- v) Jalan Masuk yang dipersetujui oleh LKIM/Goldpage/MKDS/Pejabat Tanah/Pejabat Daerah yang tertangguh

Sehingga masalah Jalan Masuk dapat diselesaikan dan dipersetujui dengan pihak Pemaju Goldpage, Pejabat Daerah dan LKIM bahawa Jalan Masuk seperti yang diluluskan oleh pihak MKDS kepada pihak Goldpage. Seterusnya Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia meluluskan Lanjutan Masa ke-4 daripada 29 Januari 2012 hingga 19 Jun 2013.

- b) Punca utama yang menjadi kelewatan kompleks tersebut siap adalah disebabkan masalah setinggan di kawasan tersebut dan seterusnya menjadi kelewatan menyiapkan jalan masuk yang telah dihalang oleh penduduk setinggan.
- c) Kompleks ini telah dirancang bagi faedah masyarakat nelayan dan industri perikanan di Kuala Selangor dan kawasan sekitarnya. Antara matlamat adalah seperti :-
  - i) Untuk menyediakan kemudahan pendaratan ikan yang moden kepada semua bot nelayan mengendalikan urusan pemasaran hasil tangkapan mereka.
  - ii) Pemusatan pendaratan bot-bot nelayan tempatan yang kini mendarat secara berselerak di jeti-jeti swasta.
  - iii) Mewujudkan suasana perniagaan yang lebih kompetitif di kalangan perniagaan yang bertumpu ke Kompleks dengan jaminan harga yang tinggi dan pulangan yang baik kepada nelayan.
  - iv) Mengukuhkan lagi institusi nelayan tempatan di mana mereka boleh terlibat secara aktif dalam peluang-peluang perniagaan baru
  - v) Menjana pertumbuhan industri perikanan seperti pemprosesan dan bekalan input sekaligus mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan kepada masyarakat setempat.

**PERTANYAAN –PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI YANG BARU**

134. Wujudnya kawasan perumahan yang langsung tiada dewan orang ramai walaupun keperluannya amat mendesak.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi kerajaan negeri dalam hal di atas?
- b) Berapakah bajet daripada kerajaan negeri bagi pembinaan dewan orang ramai yang baru?
- c) Adakah peruntukan pembinaan dewan orang ramai bagi Bandar Tasik Puteri yang mempunyai penduduk lebih 80,000 orang tetapi masih tiada sebuah dewan orang ramai pun sejak tahun 2000?

**JAWAPAN:**

- a) Keperluan bagi menyediakan kemudahan awam termasuklah dewan orang ramai adalah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri menyokong dan menggalakkan PBT menyediakan semua kemudahan yang perlu dalam semua pembangunan kawasan perumahan dan PBT kebiasaannya telah mensyaratkan kepada semua pemaju untuk menyediakan kemudahan awam termasuk dewan orang ramai dalam syarat pemajuan.
- b) Kerajaan Negeri berhubung dari masa ke semasa memperuntukkan bantuan kepada PBT bagi semua jenis kemudahan awam termasuk dewan orang ramai. Namun keutamaan bagi peruntukan dewan orang ramai adalah bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan. Bagi tahun 2014, sejumlah RM 500,000.00 diperuntukkan di bawah P01 bagi dewan orang ramai. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 2,490,500.00 bawah PK 21 Pelbagai di mana Kerajaan Negeri meluluskan sejumlah RM 16,943,017.63 bagi 43 buah projek di PBT.

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>DEWAN ORANG RAMAI</b>	<b>BALAI RAYA</b>	<b>AMAUN (RM)</b>
1	MPSp	2	-	RM 990,500.00
2	MDKS	3	-	RM 1,500,000.00
<b>JUMLAH</b>				<b>RM 2,490,500.00</b>

- c) Pihak MPS tidak mempunyai peruntukan untuk membina dewan di Bandar Tasik Puteri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PENGUATKUASAAN PUSAT JUDI, CYBER CAFÉ DAN RUMAH URUT HARAM**

135. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Pesalah kerap kali mengulangi kesalahan. Apakah tindakan penguatkuasaan dan hukuman kurang berkesan dan kekesalan pesalah?
- b) Bagaimanakah kerjasama dan peranan Pejabat Tanah, Polis, TNB & Syabas?
- c) "Kerjasama orang awam" perlukah diujudkan latihan khas dan unit siasatan kepada penguatkuasa?

**JAWAPAN:**

- a) Antara punca kesalahan berulang adalah disebabkan adanya pesanan atau permintaan yang juga tinggi dan aktiviti tersebut mudah menjana keuntungan besar. Selain itu, pengusaha mudah mendapatkan peralatan dan perisian di pasaran kerana harganya yang rendah. Selain itu, hukuman di bawah Undang-Undang Kecil PBT adalah terhad dan tidak menggerunkan pesalah.
- b) Kerjasama dan peranan semua agensi seperti Pejabat Tanah, PDRM, TNB dan Syabas dengan PBT adalah baik. Walau bagaimanapun koordinasi yang lebih teratur perlu dipertingkatkan.
- c) Cadangan "Kerjasama orang awam" adalah amat baik dan mereka boleh menyalurkan aduan terus kepada PBT melalui talian *on-line* atau e-aduan. Manakala unit khas siasatan kepada penguatkuasa juga amat diperlukan bagi menangani masalah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: SAMAN LAJU PEMANDU RASMI EXCO**

136. Kereta EXCO kerap dilihat meluncur laju di lebuh raya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah saman had laju yang diterima oleh pemandu EXCO sepanjang 2013?
- b) Pihak manakah yang membayar saman-saman ini?
- c) Berapa kalikah pemandu menjalani kursus pemanduan selamat dan berhemah sepanjang 2013?

**JAWAPAN:**

- a) Sepanjang 2013, sembilan (9) saman telah diterima oleh pemandu EXCO dengan jumlah kompaun keseluruhan sebanyak RM2,700.00
- b) Bayaran kompaun kesalahan lalu lintas tersebut dibayar oleh Perbadanan Negeri Selangor.
- c) Sepanjang 2013, terdapat dua (2) kursus yang telah dihadiri oleh pemandu EXCO iaitu Kursus Pemanduan Berhemah yang telah diadakan pada 18 September 2013 dan Kursus Penggunaan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Kenderaan Rasmi Jabatan yang telah diadakan pada 19 September 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KELUHAN NELAYAN DARAT DI SUNGAI SELANGOR**

137. Sumber ikan dan udang galah terjejas teruk disebabkan kemarau baru-baru ini di kawasan Kampung Asahan hingga ke Kampung Sepakat, Kuala Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu memperbanyak semula sumber ikan dan udang di kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B, langkah yang boleh diambil ialah dengan memperbanyakkan program pelepasan umum di sungai-sungai terlibat. Program ini adalah salah satu cara untuk meningkatkan stok ikan yang sedia ada. Bagi menampakkan hasil di satu-satu tempat perlu dibuat pelepasan berterusan sekurang-kurangnya 3 tahun barulah menampakkan hasil. Spesies yang hendak dilepaskan perlulah spesies asli dari sungai tersebut dan bukan spesies asing. Pelepasan spesies asing adalah dilarang kerana boleh mengganggu ekosistem atau habitat asal dan seterusnya menghapuskan spesies asal di sungai tersebut. Untuk rekod pada tahun 2013 sebanyak 210,000 ekor benih ikan dan udang dilepaskan. Antara sungai terlibat ialah Sungai Bernam dan Ban Canal,Tanjung Karang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KEMUNCULAN PENGUSAHA SAMPAH HARAM**

138. Kemelesetan ekonomi telah mengakibatkan kemunculan pengusaha sampah haram yang menuntut hasil di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimakah tindakan kerajaan Negeri Selangor menangani masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan menyediakan draf Enakmen Pemungutan, Kutipan dan Pelupusan Sisa Pepejal yang lebih menyeluruh serta merangkumi aspek-aspek perlesenan di mana pengusaha atau kontraktor pelupusan sisa pepejal tanpa lesen akan dikenakan tindakan. Walau bagaimanapun, pihak Polis sebagai pengeluar lesen kepada pengusaha barang lusuh atau besi buruk juga perlu memantau aktiviti ini supaya mereka tidak menyalah guna lesen yang diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Apakah produk atau jenama Program MiMBAR?
  - Nyatakan apakah manfaat yang diperolehi kepada peserta Program TAWAS?
  - Apakah pencapaian kerajaan tentang Program Bantuan Pekerja Ladang?

**JAWAPAN:**

- Program Mikrokredit Miskin Bandar Selangor yang juga dikenali sebagai MiMBAR Selangor merupakan sebuah program suntikan modal tambahan perniagaan dalam bentuk pinjaman perniagaan khusus untuk peniaga-peniaga kecil di Selangor. MiMBAR Selangor diwujudkan bagi membantu golongan peniaga kecil di bandar untuk mendapatkan peluang pinjaman perniagaan dengan lebih mudah dan tidak membebankan kerana pinjaman mikro yang ditawarkan tanpa faedah

Objektif MiMBAR Selangor adalah:

- berkongsi kekayaan kerajaan negeri dengan rakyat;
- membantu peserta keluar dari paras garis kemiskinan;
- mengubah sikap peserta untuk lebih berusaha dan berdikari.

Misi MiMBAR Selangor adalah:

- mempelbagaikan program dan bantuan pembangunan usahawan;
- sebagai platform dan pusat rujukan kepada miskin bandar;
- membantu peserta menjadi peminjam bertanggungjawab.

MiMBAR Selangor sentiasa berusaha untuk mencapai visinya iaitu:

- menjadi pusat latihan usahawan dan kerjaya yang disayangi & dihormati masyarakat;
- menjadi peneraju serta contoh kepada negeri lain.

MiMBAR Selangor memberikan jumlah pinjaman kecil-kecilan bermula dari RM1,000 hingga RM5,000. Sasaran peserta yang dibiaya oleh MiMBAR Selangor adalah peserta di bawah paras garis kemiskinan (PGK) yang mana keperluan perniagaan mereka adalah asas dan mereka hanya memerlukan sedikit modal tambahan. Selama tiga (3) tahun beroperasi, MIMBAR menyediakan tiga bentuk program:-

1. Mikrokredit

Mikrokredit merupakan bentuk pinjaman tunai di antara RM1,000 hingga RM5,000 dalam tempoh bayaran balik 18 bulan.

2. Bantuan Niaga

Program Bantuan Niaga adalah melalui pemberian kiosk niaga dan produk bentuk pinjaman. Antara kiosk niaga yang telah dikeluarkan oleh MiMBAR Selangor adalah:

- a. Kiosk Burger
- b. Kiosk Ice Blended
- c. Kiosk Ayam Rangup

Kesemua set ini diberikan bersama “*stainless steel*” kiosk yang lengkap, mudah dan mobil, bunting promosi, set alat masak/mesin pengisar/dapur, bahan mentah dan pengenalan bersama pembekal.

MiMBAR Selangor juga menyediakan produk-produk mampu milik dan mampu niaga untuk golongan peniaga yang ingin mengambil membuat perniagaan sampingan. Antara produk yang pernah dihasilkan adalah:

- a. Susu Kambing Colagen untuk dewasa
- b. Susu Kambing DHA untuk kanak-kanak
- c. Kopi Pra Campuran Nenas
- d. Kopi Pra Campuran Susu Kambing dengan Tongkat Ali
- e. Kopi Pra Campuran Extra Dengan Mahkota Dewa
- f. Produk Kecantikan Nuroselle
- g. Jeruk Madu Pak Ali (dengan kerjasama Jeruk Madu Pak Ali)
- h. Air gau (dalam bentuk 500ml botol dan cawan)
- i. Kanopi

Kesemua produk ini dijual dengan harga yang lebih murah berbanding di pasaran. Ianya bagi membantu peserta untuk menjana keuntungan melalui pembekalan produk tersebut.

3. Bantuan Kerja (pinjaman berbentuk peralatan perniagaan)

Bantuan Kerja yang telah disediakan oleh MiMBAR Selangor adalah berbentuk peralatan cucian permaidani yang dinamakan sebagai Pakej MiMBAR Kleaner (PMK). Pakej ini merangkumi 3 mesin cucian iaitu mesin pembersih, mesin pencuci, dan mesin pengering permaidani. Ianya disertakan bersama alat-alat ganti seperti berus, beg penapis, dan agen pencuci.

MiMBAR Selangor meliputi kawasan peniaga kecil yang menetap dan berniaga di bandar-bandar sahaja iaitu kawasan atau DUN yang berada di bawah lapan (8) daerah tersebut. Iaitu;

- a. Majlis Perbandaran Klang (MPK)
- b. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- c. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
- d. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
- e. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
- f. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
- g. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
- h. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)

MiMBAR juga telah mengambil langkah yang bijak dengan melaksanakan latihan dan kursus kemahiran perniagaan yang komprehensif kepada pesertanya. Pembangunan jati diri dan ilmu perniagaan merupakan latihan yang mendapat respon yang positif serta dapat mendidik mereka menjadi peniaga dan pengusaha yang lebih berwawasan dan bersistematik dalam mengendalikan perniagaannya agar dapat terus berkembang maju dan berjaya.

MiMBAR Selangor adalah salah satu program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang diletakkan di bawah pemantauan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor, YB Puan Hjh Rodziah Ismail.

- b) Manfaat yang diterima oleh setiap ahli yang berdaftar dengan TAWAS & lulus akan menerima RM 1,500 ketika ahli mencapai usia 18 tahun. Selaian itu juga, manfaat tambahan telah diberikan kepada ahli TAWAS mengikut tahun kelahiran iaitu :

<b>TAHUN</b>	<b>MANFAAT</b>	<b>JUMLAH</b>
2008	Jom Shopping Bonus Selangorku	RM100.00
2009	Bonus RM30	RM30.00
2010	Bonus RM30	RM30.00

- c) Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang Kerajaan telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan kebajikan pekerja ladang di Negeri Selangor terjamin dan terbaik.

Pencapaian Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dapat dilihat dan dinilai dengan pelaksanaan program – program motivasi yang secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf kehidupan, pendidikan, keyakinan dan ekonomi mereka. Pelbagai program-program khusus yang telah dilaksanakan bagi membantu para pekerja ladang

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak melaksanakan pelbagai program khusus untuk memberi manfaat dan ilmu kepada para pekerja ladang serta anak-anak mereka seperti program-program motivasi, sumbangan subsidi tambang bas sekolah, sumbangan yuran pengajian serta Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR. Penyertaan dan komitmen yang ditunjukkan oleh mereka dalam program-program motivasi yang dianjurkan boleh dikira sebagai satu perkara yang amat membanggakan. Kehadiran mereka pada program-program seperti ini sangat penting dalam memastikan ilmu yang disampaikan dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Kerajaan Negeri berharap agar lebih ramai pekerja ladang yang akan menyertai program motivasi seperti ini di masa-masa akan datang bagi meningkatkan keyakinan diri serta menambah ilmu semasa.

Dalam bidang pendidikan pula, terdapat empat (4) program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun bagi membantu anak-anak pekerja ladang dalam mencari ilmu untuk mengejar cita-cita mereka. Program tersebut adalah seperti program motivasi UPSR, sumbangan subsidi tambang bas sekolah, bantuan yuran pengajian dan Majlis Anugerah Cemerlang UPSR. Pada setiap tahun, Kerajaan Negeri telah banyak membantu anak-anak pekerja ladang dalam memastikan mereka tidak ketinggalan dalam bidang pelajaran. Harapan kerajaan Negeri, dengan pelaksanaan program-program sedemikian, dapat mewujudkan kesungguhan dalam diri mereka demi mencapai kejayaan dan membantu keluarga mereka di masa akan datang.

Selain itu, terdapat juga program berbentuk perayaan, kebudayaan dan keagamaan yang telah dilaksanakan dengan jayanya di bawah jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang seperti sambutan Pesta Ponggal dan Thaipusam serta sambutan perayaan Deepavali pada setiap tahun. Pencapaian pada program perayaan seperti ini sangat besar nilainya.

Pemberian hamper turut disumbang kepada pekerja ladang di seluruh Selangor bagi tujuan meringankan beban mereka. Hamper yang diberi adalah berbentuk barangan harian. Walaupun tidak banyak, tetapi sangat besar nilainya kepada mereka.

Secara keseluruhannya, dengan pelaksanaan program-program seperti yang disebut, serba sedikit dapat meringankan beban yang ditanggung oleh para pekerja ladang dalam menjaga hak dan kebajikan mereka. Kesimpulannya, program-program yang telah dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dapat meningkatkan taraf kehidupan pekerja ladang dari segi pendidikan awal, kewangan dan motivasi diri. Secara tidak langsung, perkara ini dapat membantu merapatkan jurang di antara pekerja ladang dengan masyarakat luar serta dapat meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak pekerja ladang khususnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: MIMBAR**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa program mikro kredit bandar MIMBAR digantung sepanjang tahun 2013 dan hanya dimulakan semula pada 2014?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan negeri tidak pernah menghentikan atau menggantung Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) Selangor sejak dari Mac 2011 yang lalu. Permohonan baru dan pembiayaan tetap diteruskan. Pada masa yang sama pinjaman Bantuan Niaga dan Bantuan Kerja adalah pembiayaan yang diutamakan untuk mendidik peserta berdikari bagi menjana pendapatan.

Di samping itu pada tahun 2013, MiMBAR Selangor lebih menumpukan kepada penilaian gerak kerja seperti berikut:

- penambahbaikan operasi kutipan bayaran balik
- penambahbaikan *Standard Operating Procedure (SOP)* permohonan baru dan pembiayaan
- menganalisis syarat-syarat permohonan baru

MiMBAR Selangor juga masih meneruskan aktiviti pembangunan pesertanya melalui latihan dan kursus-kursus yang berbentuk:

- kemahiran perniagaan dan kewangan
- perkongsian ilmu dan pengalaman peningkatan tahap perniagaan
- teori perniagaan dan pemasaran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PROGRAM PENGERAK AKTIVIS WANITA**

141. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah konsep dan matlamat program Penggerak Aktivis Wanita ini?
- b) Sejauh manakah keberkesanan program ini kepada kumpulan sasar?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Sebagai makluman, Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang konsep dan matlamat khusus kepada program Penggerak Aktivis Wanita di Selangor.

Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan dalam melaksanakan program yang memberi manfaat dan penglibatan semua lapisan golongan wanita melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Selangor melalui usaha-usaha sedia ada di bawah kendalian program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan penglibatan portfolio-portfolio lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: LALUAN BAGI PENCAWANG ELEKTRIK TNB DAN LEBUHRAYA SUKE**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan laporan lengkap berkenaan cadangan laluan bagi pencawang elektrik TNB dan lebuhraya SUKE yang melalui kawasan sekitar Zon 24 MPAJ ?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan mengemukakan cadangan laluan terkini lebuhraya SUKE dan laporan lengkap 1(a) tersebut kepada orang awam?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mengarahkan TNB membina pencawang elektrik bawah tanah? Jika tidak, mengapa

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Kerajaan Negeri masih belum menyediakan laporan lengkap berkenaan cadangan laluan bagi pencawang TNB dan lebuhraya SUKE.
- b) Bagi cadangan lebuhraya SUKE, program taklimat dan pameran awam serta dialog lebuhraya untuk penduduk di Zon 24 MPAJ telah diadakan pada awal tahun 2012. Berdasarkan makluman terkini dari pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia, cadangan SUKE ini masih lagi di peringkat pemakluman awal di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960. Walau bagaimanapun pewartaan Seksyen 8, akta pengambilan balik tanah, 1960 dijangka akan dikeluarkan pada akhir tahun 2014.
- c) Bagi isu cadangan membina pencawang elektrik bawah tanah, pihak MPAJ tidak mendapat makluman terkini daripada pihak TNB dan agensi yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: MENYEMARAKKAN KEGIATAN BELIA BERWAWASAN DAN MAJU**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk inisiatif dan insentif pihak kerajaan negeri Selangor bagi belia berwawasan dan maju di negeri Selangor melalui PeBT?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor menitikberatkan aspek pembangunan belia dalam usaha untuk melahirkan golongan belia berwawasan dan maju di Negeri Selangor melalui Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Dengan itu, pelbagai inisiatif telah diambil seperti mewujudkan pendidikan bagi memastikan golongan belia mendapat pendidikan yang sewajarnya dari peringkat permulaan sehingga ke peringkat tertinggi. Ini merupakan titik permulaan dalam usaha kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan belia di negeri Selangor. Di samping itu juga, kerajaan berusaha menyediakan latihan dan kursus terutamanya dalam bidang keusahawanan yang dapat melatih golongan belia untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Berikutnya, Kerajaan negeri Selangor juga telah memberi insentif kepada golongan belia sebagai penghargaan kepada mereka di atas usaha-usaha yang telah dilakukan untuk membantu Kerajaan Negeri sebagai contoh Anugerah Belia Tolak Rasuah, Anugerah PBT Terbaik, Tokoh Belia Negeri Selangor dan Tokoh Beliananis Negeri Selangor telah diberikan kepada belia yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang terutamanya dari aspek kepimpinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : SAMAN AKIBAT CATUAN AIR**

144. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah kerajaan bersedia jika rakyat menyaman negeri kerana gagal menyediakan bekalan air mencukupi sehingga menjaskan kehidupan mereka?
  - Apakah hujah kerajaan untuk menangkis saman seperti ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sedia maklum akan masalah kekurangan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik serta imej kerajaan. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, Klausa 7.4(b) memperuntukkan seperti berikut:-

“Sekiranya SYABAS menjangkakan atau meramalkan kekurangan dalam bekalan air mentah, SYABAS hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor secara bertulis tentang kekurangan itu, dan juga cadangan SYABAS mengenai bagaimana kekurangan itu dapat di atasi. Notis dan cadangan itu hendaklah dihantar kepada Kerajaan Negeri Selangor sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum tarikh yang dijangkakan atau diramalkan berlakunya kekurangan air mentah. Kerajaan Negeri Selangor tidak diwajibkan untuk melaksanakan cadangan SYABAS tersebut atau mana-mana bahagian darinya dan berhak atas budi bicara dan pertimbangan sendiri untuk menentukan cara-cara mengatasi kekurangan itu”.

Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah manafikan keperluan untuk menyediakan air yang mencukupi adalah penting dalam mengurangkan gangguan kepada pengguna. Namun demikian, dalam keadaan yang mana bekalan air adalah terhad, adalah merupakan perkara penting untuk memastikan bahawa operator yang dipertanggungjawabkan untuk agihan dan pembekalan air kepada pengguna merupakan operator yang benar-benar kompeten, cekap, berkemahiran dan berkemampuan dalam melaksanakan tanggung jawab tersebut.

Pada masa yang sama, keadaan, penyediaan sumber air mentah adalah turut dipengaruhi oleh keadaan cuaca. Dalam keadaan di mana catuan dilakukan pada awal tahun 2014, ia adalah berpunca dari faktor diluar kawalan Kerajaan Negeri.

Kedudukan paras simpanan air mentah di Empangan Sungai Selangor terus menurun hingga ke paras di bawah 40% di mana setakat 16 April 2014, simpanan air mentah di Empangan Sungai Selangor adalah sebanyak 87.12 Juta Meter Padu (37.88%). Paras air di empangan Sungai Selangor turun pada kadar 0.62% hingga 1% setiap hari. tanpa kawalan pelepasan, paras empangan air mentah di sungai Selangor dianggarkan boleh menurun kepada 30% dalam tempoh 7 hari sahaja.

Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan meneruskan catuan dalam sebagai langkah untuk memastikan takungan Empangan Sungai Selangor dapat ditingkatkan bagi menghadapi musim kering yang dijangkakan itu.

Penurunan paras empangan itu adalah disebabkan oleh keadaan cuaca panas yang luar biasa ditambah dengan pengurangan kadar hujan yang ketara. Keadaan cuaca tersebut menyebabkan empangan ini menerima hujan yang sedikit sejak dua bulan yang lalu berbanding dengan tahun-tahun yang lepas seperti yang dapat dilihat seperti jadual di bawah:

**JADUAL PERBANDINGAN HUJAN BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2014 UNTUK  
BULAN JANUARI, FEBRUARI, MAC, OKTOBER, NOVEMBER DAN  
DISEMBER**

TAHUN	JUMLAH HUJAN BULANAN					
	JANUARI	FEBRUARI	MAC	OKT	NOV	DEC
2007	193.30	46.65	234.45	286.87	372.73	268.65
2008	165.54	83.99	295.11	272.22	419.77	62.00
2009	91.0	99.56	325.13	64.00	84.82	50.40
2010	162	82	208	115.43	392.24	151.84
2011	190	50	183	251.66	274.80	185.54
2012	106	217	199	245.78	496.50	223.57
2013	96	149	107	385.71	210.07	139.19
2014	102	2	54			

Walaupun hujan banyak direkodkan pada bulan April tersebut, namun hujan tersebut tidak turun di dalam kawasan takungan Empangan Sungai Selangor. Sehingga 04 Jun 2014, walaupun proses pemberian awan dilaksanakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), hujan yang direkodkan turun di dalam takungan Empangan Sungai Selangor hanya sebanyak 27mm.

Lanjutan dari keputusan Kerajaan Negeri Selangor mengadakan catuan dahulu, takungan simpanan Empangan Sungai Selangor telah dapat ditingkatkan dari 37.88% pada 16 April 2014 kepada 43.39% pada 06 Jun 2014 di mana purata peningkatan dianggarkan sebanyak 0.1 – 1% setiap hari. Dengan peningkatan takungan simpanan di Empangan Sungai Selangor, Kerajaan Negeri bersedia menghadapi musim kering yang dijangka akan melanda dan gangguan bekalan air kepada pengguna dapat diminimakan.

Sekiranya tiada catuan dibuat ketika itu, maka penurunan paras Empangan Sungai Selangor tidak akan dapat dikawal dan akan terus menyusut hingga ke paras yang kritikal. Dalam paras kritikal, ditambah dengan kedatangan monsun Barat Daya yang dijangkakan pada bulan Jun 2014 dan jangkaan el nino yang akan melanda, adalah mustahil untuk memenuhi semula takungan Empangan Sungai Selangor. Keadaan ini jika berlaku akan lebih mendatangkan kesulitan kepada rakyat seluruhnya. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan meneruskan catuan dalam bulan April sebagai langkah untuk memastikan takungan Empangan Sungai Sleangor dapat ditingkatkan bagi menghadapi musim kering yang dijangkakan itu.

- b) Di dalam mana-mana kontrak atau perjanjian, terdapat peruntukan mengenai Keadaan Luar Kawalan (*Force Majeure*) di mana apabila berlaku salah satu keadaan yang dipersetujui sebagai *Force Majeure* tidak ada pihak dalam perjanjian atau kontrak itu dikatakan sebagai kemungkiran kewajipan.

Penurunan paras empangan Sungai Selangor yang berterusan menyebabkan Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan mengenakan catuan bekalan air kepada pengguna. Penurunan paras simpanan Empangan Sungai Selangor adalah disebabkan oleh keadaan cuaca panas yang luar biasa ditambah dengan pengurangan kadar hujan yang ketara. Keadaan cuaca tersebut menyebabkan empangan ini menerima hujan yang sedikit sejak dua bulan yang lalu berbanding dengan tahun-tahun yang lepas seperti yang dapat dilihat seperti jadual di bawah:

**JADUAL PERBANDINGAN HUJAN BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2014 UNTUK  
BULAN JANUARI, FEBRUARI, MAC, OKTOBER, NOVEMBER DAN  
DISEMBER**

TAHUN	JUMLAH HUJAN BULANAN					
	JANUARI	FEBRUARI	MAC	OKT	NOV	DEC
2007	193.30	46.65	234.45	286.87	372.73	268.65
2008	165.54	83.99	295.11	272.22	419.77	62.00
2009	91.0	99.56	325.13	64.00	84.82	50.40
2010	162	82	208	115.43	392.24	151.84
2011	190	50	183	251.66	274.80	185.54
2012	106	217	199	245.78	496.50	223.57
2013	96	149	107	385.71	210.07	139.19
2014	102	2	54			

Kerajaan Negeri Selangor yakin rakyat dan pengguna khususnya di Negeri Selangor memahami keadaan musim kering dan ketiadaan hujan adalah suatu keadaan di luar kawalan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: PERUNTUKAN TABUNG AMANAH PERKUBURAN NEGERI SELANGOR**

145. Sila menyatakan jumlah peruntukan Tabung Amanah Perkuburan Negeri Selangor sejak tahun 2008 hingga kini mengikut setiap Pejabat Daerah dan Tanah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan Projek dan Kerja-kerja yang telah dilaksanakan melalui tabung ini di Daerah Kuala Langat;
- b) Sila menyatakan kos perbelanjaan yang digunakan dan;
- c) Tarikh siap Projek / kerja.

**JAWAPAN:**

- a) Kerja-kerja baikpulih yang telah dilaksanakan di Kuala Langat bagi Tahun 2013 adalah seperti di Lampiran A. Bagi kerja-kerja baikpulih dari tahun 2008 hingga 2012 pula telah diuruskan oleh UPEN, Seksyen Agihan dan Pembangunan.
- b) Kos perbelanjaan keseluruhan kerja-kerja baikpulih kawasan perkuburan menggunakan Tabung Amanah Perkuburan Negeri Selangor bagi Tahun 2013 berjumlah RM199,594.60.
- c) Rujuk **Lampiran A**.

Lampiran A

**LAPORAN PRESTASI PROJEK KERJA - KERJA MENAIKTARAF DAN PEMBAIKAN DI KAWASAN PERKUBURAN  
DAERAH KUALA LANGAT SEHINGGA 31 MAC 2014  
(PROJEK - PROJEK TABUNG AMANAH KUBUR TAHUN 2013)**

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR	KONTRAKTOR	PRESTASI FIZIKAL				STATUS					CATATAN	
					T.MULA	T.SIAP	% DIRANCANG	% SEBENAR	BM	DP	LJ	IJ	TB	SS	
1	Kerja - Kerja Membina Saliran Air / Parit Kecil Mengelilingi Kawasan Kubur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Tanjung Sepat, Daerah Kuala Langat	7,700.00	7,700.00	GONANG CONTRUCTION & SERVICES	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
2	Kerja - Kerja Menaik Taraf Parit Depan Kawasan Tanah Perkuburan Islam Kampung Tumbuk, Daerah Kuala Langat	17,625.00	17,625.00	DOUBLE HH ENTERPRISE	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
3	Kerja - Kerja Membina Baru Pondok Menunggu Jenazah Dan Kerja - Kerja Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kundang, Daerah Kuala Langat	11,700.00	11,700.00	MA LITAR ENTERPRISE	13.11.2013	25.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
4	Kerja - Kerja Membekal, Menghampar, Merata dan Memadat Crusherun Serta Kerja Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Kampung Permatang Pasir, Daerah Kuala Langat	14,500.00	14,500.00	TGSB ENTERPRISE	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
5	Kerja - Kerja Menaik Taraf Jalan Crusherun Dan Menambak Tanah Kawasan Kubur Dan Kerja - Kerja Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kundang, Daerah Kuala Langat	14,656.00	14,656.00	AAF MAJU ENTERPRISE	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
6	Kerja - Kerja Membina Jalan Crusherun Dan Yang Bersangkutan Di Tanah Perkuburan Baru Kampung Batu Laut, Daerah Kuala Langat	13,863.20	13,863.20	SETIA BAKTI ENTERPRISE	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
7	Kerja - Kerja Menaik Taraf Jalan Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Tanjung Sepat, Daerah Kuala Langat	10,000.00	10,000.00	SANANA ENTERPRISE	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
8	Kerja - Kerja Menaik Taraf Jalan Crusherun Di Jalan Wakaf Kubur, Kampung Sungai Lang Tengah, Daerah Kuala Langat	10,630.40	10,630.40	AFISA ENTERPRISE	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%						/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran

9	Kerja - Kerja Menaik Taraf Jalan Masuk Perkuburan Islam Di Kampung Seri Cheeding, Daerah Kuala Langat	19,000.00	19,000.00	<b>ABU BAKAR BIN MOHAMED</b>	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
10	Kerja - Kerja Menaik Taraf Bahu Jalan Di Perkuburan Islam Kampung Sungai Lang Baru, Daerah Kuala Langat	14,960.00	14,960.00	<b>SYARIKAT MUDA JAYA</b>	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
11	Kerja - Kerja Melebarkan Jalan Ke Tanah Perkuburan Islam Kampung Seri Jugra, Daerah Kuala Langat	8,100.00	8,100.00	<b>NILAM SAUJANA ENTERPRISE</b>	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
12	Kerja - Kerja Membina Tembok Batu Berpagar Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Tumbuk, Daerah Kuala Langat	14,300.00	14,300.00	<b>MAWIDA ENTERPRISE</b>	13.11.2013	25.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
13	Kerja - Kerja Memasang Pagar Sekeliling Tanah Perkuburan Baru Kampung Tali Air, Daerah Kuala Langat	14,500.00	14,500.00	<b>KHIDMAT TANJUNG ENTERPRISE</b>	13.11.2013	25.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
14	Kerja - Kerja Membaiki Pagar Keliling Di Tanah Perkuburan Kampung Permatang Pasir, Daerah Kuala Langat	6,700.00	6,700.00	<b>FIZLA ENTERPRISE</b>	13.11.2013	25.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
15	Kerja - Kerja Membekal, Menghampar, Merata Dan Memadat Crusherun Dan Premix Dan Kerja - Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan Ke Tanah Perkuburan Islam Kampung Sawah, Daerah Kuala Langat	6,860.00	6,860.00	<b>HSD TRADING</b>	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
16	Kerja - Kerja Melebarkan Jalan Simen Kubur Zon B, Kampung Kelanang, Daerah Kuala Langat	14,500.00	14,500.00	<b>MENARA ILHAM JAYA ENTERPRISE</b>	13.11.2013	11.12.2013	100%	100%					/	<b>Status Terkini</b> - Selesai Kerja dan Bayaran
<b>JUMLAH</b>		<b>199,594.60</b>	<b>199,594.60</b>										<b>16</b>	

\* NOTA :

Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Projek-Projek Tabung Amanah Kubur hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 30hb setiap bulan

\*PETUNJUK :

BM - Belum Mula; DP - Dalam Proses; LJ - Lewat Jadual; IJ - Ikut Jadual dan SS - Siap Sebenar.

\*Petunjuk : I - Inden; SH - Sebutharga dan T - Tender

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: PEMBINAAN SURAU BARU DI TAMAN AMAN SARI**

146. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah pihak JAIS akan membina sebuah Surau yang sempurna untuk kegunaan Penduduk-penduduk di kawasan tersebut yang majoritinya beragama Islam?

**JAWAPAN:**

- a) Pembinaan Surau adalah inisiatif ahli kariah di dalam kawasan perumahan yang terlibat. Peruntukkan Kerajaan Negeri kepada JAIS adalah bagi tujuan pembinaan Masjid sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: INDUSTRI ASAS TANI**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sejauh mana dasar untuk memoden dan meningkatkan produktiviti aktiviti pertanian serta memajukan industri asas tani telah berjaya dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Antara usaha kerajaan negeri dalam permodenan pertanian di Negeri Selangor adalah:
- 1) Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi. Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 16.7 juta di bawah Paket Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013). Keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada:
- Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin
  - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
  - Pembajaan
  - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
  - Pertanian Lestari (Natural Farming)
- 2) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Dimana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk Program ini Kerajaan Negeri Memperuntukkan RM7,560,000 di bawah RMK10 (Tahun 2011-2015)
- 3) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa), dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) dimana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut di bawah RMK10 (Tahun 2011-2015). Program pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran menumpukan kepada penggunaan teknologi fertigasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang

terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

- 4) Menggalakkan dan membimbing petani kearah Pertanian Lestari dengan objektif:
  - Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani
  - Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna .
  - Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam
  - Mengurangkan kos bahan input kimia dan pada masa yang sama memberi pendapatan sampingan kepada petani terlibat melalui penghasilan produk Natural Farming yang boleh digunakan untuk tanaman sendiri atau dijual.
- 5) Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM), melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan serta mempunyai luang pasaran eksport.
- 6) Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia dimana aktiviti-aktiviti latihan, seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem

Manakala usaha memajukan industri asas tani adalah melalui Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani. Program ini dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan kearah Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Pensijilan Halal.

**Maklumat Tambahan:**

*Seramai sebanyak 873 orang usahawan telah berjaya dibimbing sejak program dilaksanakan. Tahun 2011 mencatatkan nilai jualan sebanyak RM143 juta dengan purata pendapatan bulanan ialah RM10,814*

*Peningkatan nilai jualan dicatatkan pada tahun 2012 iaitu RM244 juta dengan purata pendapatan bulanan per usahawan ialah RM9,029, manakala nilai jualan sebanyak RM165 juta dicatatkan pada tahun 2013 dengan purata pendapatan per usahawan per bulan ialah RM6,217.*

*Peningkatan jumlah usahawan dicatatkan sepanjang pelaksanaan program ini dimana bilangan usahawan dicatatkan meningkat daripada 518 orang pada tahun 2011 kepada 720 orang pada tahun 2014.*

*Bantuan dan insentif mesin dan peralatan di samping peningkatan nilai modal insan menerusi penganjuran seminar dan kursus-kursus yang dijalankan dilihat antara faktor yang mempengaruhi peningkatan ini.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah kerajaan dan GLC negeri menyediakan pusat asuhan di setiap organisasi?
  - Adakah kerajaan negeri memberi peruntukan dan berapakah nilainya?
  - Siapakah pihak yang melaksanakan operasi pusat asuhan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan semakan, sejumlah 32 buah pusat asuhan atau taska yang telah diwujudkan dan sedang beroperasi di Jabatan/Agenzi Kerajaan dan GLC seperti berikut:

Bil.	Nama Taska	Organisasi
1.	Taska Proton	Proton
2.	Taska Cahaya Mata Angkasa	Angkasa
3.	Taska Impian Cemerlang	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
4.	Taska Mawar Bestari	Kolej Matrikulasi Selangor
5.	Taska Era Indahku	Institusi Pendidikan Sekolah Menengah Vokasional
6.	Taska Educare Permata UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
7.	Taska Sayangku KMB	Koperasi Kolej Mara Banting
8.	Taska Plus Cerdik Didik Cemerlang	PLUS
9.	Taska Si Comel Cerdik	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
10.	Taska Permata Sirim Berhad	SIRIM
11.	Taska Majlis Peperiksaan Malaysia	Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)

<b>Bil.</b>	<b>Nama Taska</b>	<b>Organisasi</b>
12.	Taska Gemilang	Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor
13.	Taska KOWAJA	KOWAJA
14.	Tunas Ilmu Ibnu Sina	UiTM Kampus Selayang
15.	Taska Inspec	Institut Penilaian Negara
16.	Taska Cahaya Mata (TCM)	Universiti Antarabangsa UPM
17.	Taska Tiga D Hati	UNIKL-MIAT
18.	Genius Kiddos Childcare Centre	Hospital Sungai Buloh
19.	Taska Pejabat SUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
20.	Pusat Perkembangan Minda Kanak-Kanak MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
21.	Pusat Jagaan Kanak-Kanak MPK	Majlis Perbandaran Klang (MPK)
22.	Taska Permata Penyayang Klang	Majlis Perbandaran Klang (MPK)
23.	Taska Permata Bunga Tanjung MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
24.	Taska Permata MPSJ USJ 3C	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
25.	Taska Permata Kuarters MPSJ	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
26.	Pusat Perkembangan Kanak-Kanak 3C MPSJ	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
27.	Taska MPS	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
28.	Taska Vonad	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
29.	Taska Si Kancil	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)
30.	Taska Mutiara PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
31.	Taska Puspanita	Puspanita Negeri Selangor
32.	Taska Permata PKPS	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor

- b) Ya, Kerajaan Negeri ada memberi peruntukan kepada taska. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya memberikan peruntukan kepada Taska Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Peruntukan tersebut dibajetkan pada setiap tahun bermula tahun 2014 melalui permohonan peruntukan semasa penyediaan cadangan anggaran bajet dilaksanakan. Pada tahun 2014, sejumlah RM450,000.00 (Ringgit Malaysia : Empat Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja) peruntukan telah disediakan kepada Taska Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan bayaran emolumen pengasuh taska dan kos operasi taska.

Dalam hal berkaitan, peruntukan bagi lain-lain taska adalah dibawah tanggungjawab setiap organisasi masing-masing berdasarkan kepada keperluan operasi bagi setiap taska terlibat. Hal ini kerana pengurusan operasi taska tersebut diletakkan secara langsung dibawah pentadbiran setiap organisasi terlibat.

- c) Pada dasarnya, penubuhan pusat asuhan atau taska di organisasi merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak pengurusan masing-masing dengan mengambil kira aspek sumber kewangan dan kebajikan warga kerja. Pengoperasian pusat asuhan dan taska ini dilaksanakan oleh anggota yang dilantik secara sepenuh masa oleh organisasi masing-masing atau melalui operator swasta yang mengikut spesifikasi ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: TANAH PEGANGAN BEBAS (FREEHOLD) DI SEKSYEN 1 HINGGA  
16 DI PETALING JAYA**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah hasil siasatan terhadap tuduhan penduduk bahawa tanah-tanah di Seksyen 1 hingga 16 di Petaling Jaya sepatutnya diberi status pegangan bebas dan bukan pegangan pajakan?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan semakan yang dilakukan, tanah-tanah di Seksyen 1 hingga 16 yang mempunyai status pegangan bebas hanya terdapat di Seksyen 5 (seluas 148.2ekar) dan Seksyen 6 (seluas 12.71ekar). Tanah-tanah yang berstatus pegangan bebas ini merupakan tanah ladang yang dimajukan oleh pemaju. Manakala tanah-tanah yang selebihnya di kawasan Seksyen 1 hingga 16 Bandar Petaling Jaya merupakan tanah berstatus pegangan pajakan yang diberi milik kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk dimajukan dan seterusnya dijual kepada pembeli dengan status pegangan tanah yang sama iaitu pajakan 99 tahun

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN KAMPUNG**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah usaha-usaha yang telah/akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah pengurusan sampah di kawasan-kawasan kampung.
  - Sila nyatakan kaedah yang diambil untuk memastikan ianya tidak mengganggu kesihatan dan keselamatan penduduk.
  - Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan khas kepada Ketua Kampung ?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri maklum berkaitan masalah pengurusan sampah di kawasan-kawasan kampung. Umum sedia maklum bahawa kawasan kampung merupakan kawasan tanah hak milik yang menjadi tanggungjawab pemilik tanah untuk menjaga kebersihan kawasan termasuk dari segi pengurusan sampah. Dalam hal ini, pengurusan sampah adalah melalui pelupusan secara persendirian. Walaubagaimanapun, ada usaha-usaha dari pihak Jawatankuasa Kerja dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang mengambil inisiatif dengan meletakkan beberapa tong sampah besar di kawasan strategik di dalam kampung bagi tujuan pembuangan sampah secara berpusat dan ianya akan dikutip oleh syarikat perkhidmatan yang dilantik dan dibayar oleh pihak JKKK sendiri.

Selain itu, ada diantara kawasan kampung yang terletak di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pengurusan sampah akan diuruskan oleh pihak PBT tersebut.

- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan kepada setiap ketua kampung sebanyak RM10,000 yang akan dipantau dan diselaraskan melalui Pejabat Daerah berkaitan. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2011 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2012 berkaitan Garispanduan Penggunaan Peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor, peruntukan ini diberikan bagi pelaksanaan aktiviti atau program-program kemasyarakatan di kampung masing-masing termasuklah program kebersihan secara gotong-royong antara penduduk kampung masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : PERMASALAHAN “MASTER TITLE” PUTRA PERDANA**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah perkembangan terbaru permohonan Geran Strata untuk bangunan bertingkat di Putra Perdana?
  - Bilakah dijangkakan permasalahan “Master Title” di Putra Perdana ini dapat diselesaikan?

**JAWAPAN:**

- Projek Pembangunan di kawasan Taman Putra Perdana terletak di atas 7 Hakmilik Induk (*Master Title*), dan Tuan Tanah bagi tanah-tanah tersebut adalah *Continental Hights Development Sdn. Bhd.* (memiliki 3 lot tanah) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) (memiliki 4 lot tanah). Sehingga kini, Tuan Tanah/ Pemaju bagi projek pembangunan tersebut masih belum menyelesaikan proses penyerahan balik Hakmilik Induk kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pengeluaran Hakmilik Strata kepada pemilik bangunan bertingkat.
- Hakmilik Strata boleh dikeluarkan kepada pemilik bagi bangunan bertingkat setelah bayaran premium yang dikenakan ke atas projek pembangunan ini dijelaskan sepenuhnya oleh Tuan Tanah/ Pemaju, dan Pemaju mematuhi segala syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENGGUNAAN PERUNTUKAN RIZAB NEGERI (BELIA)**

152. Mengikut Belanjawan 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM50 juta daripada rizab negeri bagi tujuan pembangunan usahawan dan pemerkasaan belia.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Bagaimana jumlah peruntukan ini telah/akan digunakan? Sila nyatakan pecahan perbelanjaan.

**JAWAPAN:**

- a) Secara umumnya, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta daripada peruntukan Rizab Negeri bagi Program Pemerkasaan Belia. Sehubungan dengan itu, pelbagai program telah dirancang dengan mengambil kira rangka kerja atau model yang sesuai dengan keperluan belia pada masa kini berdasarkan kepada 6 teras utama iaitu Kepimpinan, Pendidikan, Ekonomi, Sukan, Kebudayaan dan Kemasyarakatan. Perancangan program beserta dengan anggaran kos adalah seperti jadual berikut :

### **Teras 1: Kepimpinan**

<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Objektif</b>	<b>Kos</b>
Kursus Pengurusan dan Kepimpinan PeBT	289 PeBT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendedahan kepada PeBT mengenai ciri-ciri kepimpinan yang baik, peranan sebagai pemimpin.</li> </ul>	RM 99,862
Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan-Eksekutif (Kerjasama IPSAS UPM)	40 orang <ul style="list-style-type: none"> <li>Pegawai MSN</li> <li>Pegawai Pejabat EXCO</li> <li>PeBT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapat ilmu pengetahuan dan pengalaman menjalankan gerakerja belia</li> </ul>	RM9,400 / orang RM376,000.00

### **Teras 2: Pendidikan**

<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Objektif</b>	<b>Kos (RM)</b>
Kursus Jangka Pendek (Kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS)	Belia-belia di luar bandar dan di bandar		
1) Program Motosikal	1,000 pax	Melahirkan belia yang berkemahiran membaik pulih motosikal	RM303,000.00
2) Program Dandan Rambut - Gunting Rambut - Mewarna Rambut	1,000 pax	Melahirkan belia yang berkemahiran bidang dandan rambut dan salun rambut	RM321,000.00 RM311,000.00 RM321,000.00 RM322,000.00

-Kerinting dan Rebonding  -Rawatan Rambut			
3) Program Elektrikal	1,000 pax	Melahirkan belia yang berkemahiran membaik pulih motosikal	RM244,300.00
4) Program Penyejukbekuan & Penyamanan Udara	1,000 pax	Melahirkan belia yang berkemahiran membaiki penyamanan udara	RM486,700.00
5) Program Jahitan  -Kemeja Koperat  -Langsir	1,000 pax	Melahirkan belia yang berkemahiran bidang jahitan	RM250,000.00  RM388,000.00
6) Program Kecantikan  -Bengkel Asas Solekan  -Bengkel Andaman Pengantin  -Bengkel Asas Rawatan Muka	1,000 pax	Melahirkan belia yang berkemahiran Kecantikan / Spa	RM181,000.00  RM181,000.00  RM250,000.00

**Teras 3: Ekonomi****1) Kerjasama PKNS**

<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Objektif</b>	<b>Kos</b>
1) Program QWORK	1,000 orang belia yang menganggur / berkerja	Menjana / Meningkat pendapatan belia sebanyak RM1,500 sebulan	RM150,000.00
2) Program Latihan Barista	50 ORANG BELIA		50 X 7,800 RM390,000.00

**Teras 3: Ekonomi****2) Kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS**

<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Objektif</b>	<b>Kos (RM)</b>
1) Inkubator Spa Kecantikan, Dandan Rambut dan Jahitan	Belia di 4 Zon di Selangor	Melahirkan usahawan belia dalam bidang Kecantikan, Dandan Rambut dan Jahitan	360,000
2) Keusahawanan Mobile Spa	56 DUN x 2 orang	Melahirkan usahawan belia Mobile Spa	817,600
3) Keusahawanan Gunting Rambut	56 DUN x 2 orang	Melahirkan Usahawan Belia Bidang Gunting Rambut	832,720

4) Keusahawanan Memperbaiki Motosikal	56 DUN x 1 orang	Melahirkan Usahawan Belia bidang Baik Pulih Motosikal	801,752
---	---------------------	---	---------

#### **Teras 4: Sukan**

<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Objektif</b>	<b>Kos</b>
Gelanggang Serbaguna Dataran Anak Muda	23 DUN		RM4,600,000.00

## **Teras 6: Kemasyarakatan**

<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Objektif</b>	<b>Kos</b>
1) Program Selangor Ehsan Ideastorm	289 PeBT Pemimpin-pemimpin Belia	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Memupuk budaya kemasyarakatan 289 PeBT bermula dengan 24 Pemimpin Belia menggunakan</li> <li>-Usahasama Sosial bagi menyelesaikan isu-isu setempat.</li> <li>-Latihan dan pengalaman berprogram di Bandung Creative City Forum.</li> <li>-Menubuhkan 24 Usahasama Sosial yang melibatkan 12 PBT, GLC dan agensi kerajaan.</li> <li>-Mampu menubuhkan NGO-NGO Belia dan berinterpretasi dengan program kemasyarakatan</li> </ul>	RM1,962,440.00

### **Implikasi Kos Keseluruhan (2014)**

<b>Teras</b>	<b>Kos (RM)</b>
1) Kepimpinan	475,862.00
2) Pendidikan	3, 559,000.00
3) Ekonomi	5,067,600.00
4) Sukan	4,600,000.00
5) Kebudayaan	-
6) Kemasyarakatan	1,962,440.00
Jumlah	<b>15,664,902.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PASAR BESAR KLANG**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah punca kelemahan pengurusan dalam menangani peniaga warga asing, keseragaman kutipan sewa tapak dan penyelenggaraan bangunan.
  - b) Penguatkuasaan kesalahan meletak kenderaan di jalan utama masuk dan keluar.
  - c) Penguatkuasaan syarat lesen dan penyewaan peniaga.

**JAWAPAN:**

- a) Punca kelemahan pengurusan dalam menangani peniaga warga asing adalah kurangnya penglibatan daripada agensi-agensi berkaitan seperti Imigresen dan pemilik sendiri menggaji warga asing yang juga menjadi peniaga pada masa yang sama.  
  
Untuk kutipan sewa tapak di Kompleks Pasar Besar , kutipan dibuat setiap hari oleh Pegawai yang bertugas.  
  
Penyelenggaraan bangunan –Kompleks Pasar Besar, Jabatan Kejuruteraan hendaklah mewujudkan satu pasukan khas bagi memantau kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan di Kompleks.
- b) Tindakan penguatkuasaan seperti kompoun diambil ke atas orang awam yang meletakkan kenderaan di jalan utama masuk dan keluar dan penguatkuasaan juga dibuat pada setiap hari bagi mengatasi masalah ini.
- c) i)Untuk penguatkuasaan syarat lesen tindakan notis,kompaun dan sitaan boleh diambil terhadap peniaga/pegerai yang gagal mematuhi syarat-syarat Majlis.  
  
ii)Untuk penyewaan peniaga-peniaga tindakan seperti notis, surat tunjuk sebab dan penarikan balik gerai diberi kepada peniaga/pegerai yang gagal mematuhi syarat oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: MENGHADAPI FENOMENA EL-NINO**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah langkah-langkah awal yang telah diambil bagi mengurangkan kesan El Nino?
  - Apakah persediaan yang dilakukan bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga Oktober?
  - Apakah langkah Kerajaan dalam merangka PBT memainkan peranan sokongan?

**JAWAPAN:**

- Beberapa langkah-langkah awal telah diambil bagi mengurangkan kesan El Nino yang dijangkakan pada bulan Jun hingga Oktober 2014 seperti berikut :
  - Operasi pemberian awan yang telah dilaksanakan oleh LUAS sejak 27 Mac 2014 hingga sekarang dengan kerjasama pihak JMM dan syarikat swasta bagi meningkatkan paras air Empangan Sungai Selangor kepada 55%.
  - Pengepaman air Sg. Selangor ke dalam kolam-kolam alternatif yang terdapat di hulu muka sauk di sepanjang sungai untuk tujuan simpanan dan akan dipam semula ke dalam sungai apabila paras sungai rendah akibat cuaca kering.

- b) Beberapa persediaan telah dilakukan bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga Oktober seperti berikut :
- i. Pihak LUAS dengan kerjasama JPS Negeri dan Kumpulan Semesta (KSSB) telah memasang beberapa unit pam yang akan digunakan untuk mengepam air dari kolam alternatif ke dalam sungai Selangor bagi menambah bekalan air mentah ke muka sauk.
  - ii. Pihak LUAS telah mengenalpasti beberapa lokasi untuk abstraksi sumber air bumi sebagai sumber air tambahan ketika musim kering. Kilang Megasteel di Kuala Langat umpamanya telah memberikan komitmen secara bertulis (CSR) untuk membantu membekalkan sumber air bumi kepada orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: CUKAI DAN LESEN PBT**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan jenis cukai dan jenis lesen yang dinaikkan mengikut PBT?
  - Berapakah kadar kenaikan cukai atau lesen mengikut PBT?
  - Apakah ada jenis cukai atau lesen baharu yang diperkenalkan di setiap kawasan PBT pada 2008 - 2014?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada kenaikan cukai taksiran oleh PBT sehingga kini. Manakala lesen yang terlibat dengan kenaikan adalah bagi semua aktiviti di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 1987 dan yang di kemaskini kepada tahun asas 2007.

Asas kepada semakan semula kadar adalah seperti berikut:

- Kadar yang berbeza di antara PBT.
- Tiada perbezaan kadar bagi industri dan komersial.
- Wujud perniagaan baru yang tidak di senaraikan dalam UUK 1987.

Asas Penetapan Kadar baru:

- Penyelarasian kadar supaya tidak wujud perbezaan ketara di antara PBT
  - Penyesuaian dengan perubahan ke atas perkembangan terhadap sesuatu aktiviti perniagaan
  - Berlandaskan tahap sosio-ekonomi di sesuatu kawasan PBT berkenaan.
- b) Kenaikan adalah berdasarkan kepada 2 elemen iaitu keluasan premis dan kategori iaitu membuat/memproses, memborong/menyimpan dan menjual/memberi perkhidmatan. Sebagai contoh, kenaikan sebenar lesen berbanding dahulu ditunjukkan seperti berikut:

**CONTOH KATEGORI LESEN**

PBT	Jenis Lesen	Kadar pada tahun asas 1987 (RM)	Kadar pada tahun asas 2007 (RM)	Peratus Perbezaan
MBPJ	Pusat Tuisyen	180.00	240.00	33%
MBPJ	Sekolah Persendirian	180.00	180.00	0%
MPSJ	Kedai Jam	180.00	250.00	39%

**CONTOH KENAIKAN MENGIKUT KELUASAN**

PBT	Keluasan	Kadar pada tahun asas 1987 (RM)	Kadar pada tahun asas 2007 (RM)		
			Membuat/ Memproses	Memborong/ Menyimpan	Menjual/ Memberi Perkhidmatan
MPK	Ubat Farmasi Dan Produk Lain Yang Berkaitan	1,000.00			360.00
	(a) Tidak melebihi 500 m.p		950.00	500.00	-
	(b) Melebihi 500 m.p		1,000.00	650.00	-
MPAJ	Ubat gigi, sabun pembersih, alat solek, bedak muka, krim rambut atau syampu	400.00	-	-	400.00
	(c) Tidak melebihi 500 m.p		280.00	200.00	-
	(d) Melebihi 500 m.p		380.00	400.00	-

- c) Peruntukan Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian di dalam Jadual Ketiga menyatakan apa-apa perniagaan yang tidak termasuk di dalam Jadual boleh dikenakan bayaran lesen dengan kadar maksimum tidak melebihi RM1,000.00. Contoh lesen perniagaan yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Tahun</b>
Institusi Perbankan, Hospital Kesihatan (Persendirian), Klinik Kesihatan (Persendirian), Pejabat Guaman, Pejabat Perkhidmatan Kontraktor, Pejabat Plaza Tol,	2013
Pejabat Insuran, Kiriman Wang, Pejabat Perunding/Konsultan, Pejabat Jualan Langsung, Pejabat TNB, Telekom, Syabas, Pos, Sekolah Memandu, Agensi Pelancongan, Pejabat Alam Flora/Pembersihan/Pembuangan Sampah Agensi Pekerjaan, Pejabat Pemasaran, Pajak Gadai, Katering, Premis Menjual Minuman Keras, Pinjaman Wang Berlesen,	2012
Kolam Renang milik persendirian, kelab dan syarikat persendirian	2012

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : INDUSTRI DI KAWASAN DENGKIL**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar
- Nyatakan lokasi dan jenis industri yang ada di daerah Sepang khasnya di DUN Dengkil?
  - Berapakah nilai pelaburan yang diperolehi untuk kawasan-kawasan tersebut dari 2008 - 2014?
  - Nyatakan jumlah pekerjaan yang dihasilkan dan bagaimanakah penyertaan tenaga kerja rakyat tempatan?

**JAWAPAN:**

- Lokasi kawasan-kawasan industri di Sepang adalah seperti berikut
  - Meranti Permai Ind. Park
  - Taman Mas Ind. Park
  - Taman Meranti Jaya Ind. Park
  - Kosmopleks, Bandar Baru Salak Tinggi
  - Sepang Industrial Area, Bt 2
  - Selangor Science Park II.
  - Tg Balai Ind. Park

Manakala antara jenis-jenis industri yang beroperasi di Sepang adalah industri:-

- Industri Pembuatan Produk Berasaskan Getah (contoh : Hartalega)
- Industri Pembuatan Produk Elektrik & Elektronik (Solar Panel) (contoh : Han Hwa Q-Cell)
- Industri Pembuatan Peralatan Kenderaan (contoh : Skibus Malaysia Sdn Bhd)
- Industri Kimia Atau Produk Berasaskan Kimia (contoh : Intercontinental Specialty Fats (ISF))
- Industri Pembuatan Bahan Logam (contoh : Fuku Metal Finishing Sdn Bhd)

- b) Nilai pelaburan yang diperoleh untuk kawasan-kawasan tersebut dari 2008 hingga Mac 2014 adalah sebanyak **RM 5,656,436,500 (RM 5.656 bilion)**

<b>SEPANG</b>	<b>Projek</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Tempatan (RM)</b>	<b>Pelaburan Asing (RM)</b>	<b>Modal Pelaburan (RM)</b>
Sepang	11	7,778	2,523,098,740	402,331,055	<b>2,925,429,795</b>
Dengkil	9	327	56,893,895	21,262,345	<b>78,156,240</b>
Salak Tinggi IE	1	18	0	6,324,465	<b>6,324,465</b>
Selangor Science Park II	1	808	0	2,625,000,000	<b>2,625,000,000</b>
Pulau Merantai	2	122	11,600,000	0	<b>11,600,000</b>
Sungai Pelek	1	31	8,613,783	1,312,217	<b>9,926,000</b>
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>9,084</b>	<b>2,600,206,418</b>	<b>3,056,230,082</b>	<b>5,656,436,500</b>

Sumber : MIDA

Kelantan					<b>0</b>
Perlis					<b>0</b>
Belum Ditentukan					<b>0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>184</b>	<b>18,677</b>	<b>3,988,636,058</b>	<b>13,114,378,371</b>	<b>17,103,014,429</b>

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN**

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar bahawa Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua pejabat tanah di Negeri Selangor supaya tidak menerima atau terus menolak permohonan baru bagi tanah-tanah baru dan apakah sebabnya?

**JAWAPAN:**

- a) Berkuatkuasa mulai 1 Jun 2011, semua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Selangor tidak perlu menerima sebarang permohonan baru bagi tanah-tanah baru (*Virgin Land*) bagi tujuan bangunan kediaman. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6 Tahun 2011 mengenai Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian di Negeri Selangor.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar bahawa sekiranya terdapat individu atau syarikat yang berminat untuk memohon tanah-tanah baru (*Virgin Land*) bagi tujuan perniagaan dan perindustrian sahaja, ianya boleh dilaksanakan melalui Dasar Baru Kaedah Jualan seperti yang tertakluk dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6 Tahun 2010 mengenai Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan Melalui Kaedah Jualan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK**

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kemajuan perancangan dan perlaksanaan projek rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor di seluruh Negeri Selangor sehingga kini.

**JAWAPAN:**

- a) Rumah Mampu Milik PKNS yang telah siap dibina dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Bil. Unit</b>	<b>Jenis Rumah</b>
1.	Gombak	Bukit Botak	1,422	R / Berkembar
2.	Hulu Langat	Bandar Baru Bangi	124	Pangsapuri
3.	Petaling	Seri Kejora, Subang Bestari	254	Pangsapuri
		<b>Jumlah</b>	<b>1,800</b>	

b) Sehingga kini perlaksanaan Rumah Mampu Milik PKNS adalah seperti berikut :-

Bil.	Daerah	Lokasi	Bil. Unit	Jenis Rumah
1.	Gombak	i. Seksyen 5, Kota Puteri ii. Kg. Sri Temenggung iii. Seksyen 9, Kota Puteri	198 418 1,140	Townhouse Pangsapuri Pangsapuri
2.	Petaling	i. Seksyen U12, Shah Alam	104	Pangsapuri
3.	Hulu Selangor	i. (Fasa 1), Antara Gapi ii. (Fasa 2), Antara Gapi iii. Rasa	129 80 310	1½ Tingkat Link 2 Tingkat Pangsapuri
4.	Klang	i. Jalan Hj. Mad Sidin	210	Pangsapuri
		<b>Jumlah</b>	<b>2,589</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT)**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah perkembangan terkini program-program PeBT?
  - Apakah sumbangan PeBT yang memberi impak kepada pembangunan belia dan masyarakat hari ini?
  - Nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan sepanjang kewujudan PeBT?

**JAWAPAN:**

- a) Penggerak Belia Tempatan (PeBT) ditubuhkan selaras dengan hasrat YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam usaha menggerakkan program-program pembangunan belia secara menyeluruh di seluruh Negeri Selangor.
- PeBT bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Program Penyampaian Perlantikan Watikah PeBT Negeri Selangor bagi sesi 2014/15 telah di adakan pada 8 Februari 2014 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor. Seramai 290 orang PeBT telah dilantik terdiri daripada pelbagai kaum.

Seterusnya bermula pada 12 Februari hingga 15 Mac, sebanyak 11 perjumpaan khas dan taklimat khusus kepada kesemua PeBT dilakukan dengan penerangan berkisar tentang isu2 berkaitan tatacara perlantikan, prosedur perlaksanaan program, prosedur kewangan dan tuntutan, prosedur tuntutan elaun bulanan dan sebagainya.

Sehingga kini, semua PeBT di 11 PBT seluruh Selangor telah berjaya membentuk Jawatankuasa Induk PeBT peringkat PBT dan juga peringkat Zon.

Hingga kini, hanya PeBT dari Majlis Bandaraya Shah Alam yang masih belum bermesyuarat atau bertindak melantik AJK Induk PeBT peringkat PBT.

- b) Selaras dengan tujuan penubuhan PeBT sebagai agen penggerak kepada program-program pembangunan belia, PeBT bertindak sebagai jentera pelaksana kerajaan negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi. Seterusnya, PeBT berperanan menggerakkan atau mempengaruhi golongan belia untuk melibatkan diri dalam setiap perancangan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada teras-teras utama belia dalam usaha untuk melahirkan Belia Ehsan Selangor.
- c) Peruntukan perbelanjaan untuk PeBT negeri Selangor adalah seperti berikut:-

$$\text{RM } 5,000.00 \times 24 \text{ zon} \times 12 \text{ PBT} = \text{RM } 1,440,000.00 \text{ setahun}$$

Peruntukan program telah disalurkan kepada PBT di mana PBT bertanggungjawab untuk memantau dan membantu dalam perlaksanaan program-program belia di peringkat PBT dan PeBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: KESESAKAN LALULINTAS**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

Nyatakan usaha pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di

- a) Persimpangan Lebuhraya Cheras-Kajang/Bandar Mahkota Cheras/Bandar Tun Hussein Onn
- b) Persimpangan Lebuhraya Cheras-Kajang/Bandar Sungai Long

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MPKj telah mengemukakan surat kepada pihak LLM dan Grand Saga Sdn. Bhd. berhubung dengan cadangan penambahbaikan persimpangan Bandar Mahkota Cheras dari 6 Persimpangan ke 4 persimpangan pada 21 / 1 / 2014. Selain daripada itu, pihak MPKj telah mengemukakan cadangan laluan alternatif baru iaitu dari jalan susur Cheras Lama (berhampiran jambatan baru di Batu 11, Cheras) ke Lebuh raya Grand Saga. Cadangan Jalan ini adalah untuk kenderaan berat dari kawasan Industri Budiman menggunakan laluan tersebut tanpa melalui persimpangan lampu isyarat di Bandar Mahkota Cheras. Surat ulangan kepada LLM telah dikeluarkan pada 19/5/2014 untuk mendapatkan status terkini berhubung isu tersebut.
- b) Laporan 'TIA' telah dibuat oleh perunding Hiway Metra Consult. Satu mesyuarat khas telah diadakan pada 23/5/2014 bersama-sama ADUN Hulu Langat, Ahli Majlis, wakil LLM, Grand Saga Sdn. Bhd. dan SILK serta pemaju KIHUAT Properties bagi perbincangan berhubung masalah tersebut. Pihak SILK dan KIHUAT diminta untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah berkaitan jalan alternatif yang telah dibina oleh pihak KIHUAT dan tempoh yang diberikan adalah sehingga Disember 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: SEK RENDAH AGAMA**

166. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berdasarkan apakah peruntukan penyelenggaraan dan baikpulih diberi?
  - b) Berapakah yang di peruntukan untuk Tabung Pembangunan?
  - c) Adakah peruntukan ini mencukupi serta dapat dibelanjakan setiap tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Jais diperuntukkan setiap tahun bagi keperluan selenggara. Bagi tempoh RMK10 (5 tahun), JAIS diperuntukkan sejumlah RM30 juta. Namun, setiap tahun Jais akan menggunakan peruntukan yang diluluskan melaksanakan baikpulih bagi bangunan yang melibatkan SRA mengikut keutamaan memandangkan banyak permohonan yang diterima daripada pihak sekolah. Kerosakan yang diutamakan ialah yang melibatkan keselamatan dan lain-lain seperti kerosakan bumbung, tandas, elektrik dan keretakan bangunan.
- b) JAIS tidak disediakan untuk Tabung Pembangunan. Peruntukan yang diluluskan hanya melibatkan pembinaan dan penyelenggaraan bangunan melalui bajet negeri.
- c) Peruntukan yang diberikan akan digunakan mengikut keutamaan kerana kerosakan yang dipohon atau yang diperolehi ada melibatkan kerosakan luar jangka seperti bumbung terbang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: KEMPEN KURANGKAN PENGGUNAAN AIR**

167. 70% rakyat Selangor guna air lebih dari yang sepatutnya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah yang telah diambil mengatasinya?
- b) Apakah bentuk kempen yang dijalankan?
- c) Apakah sasaran pengurangan penggunaan air yang ditetapkan?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Kenyataan bahawa 70% rakyat Selangor guna air lebih dari yang sepatutnya adalah kurang tepat. Penggunaan air yang lebih ini meliputi seluruh penduduk Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Berdasarkan maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), penggunaan per kapita nasional untuk penggunaan domestik bagi Semenanjung Malaysia bagi tahun 2012 adalah 212 liter/orang/hari. Manakala bagi Negeri Selangor, penggunaan domestik adalah sebanyak 235 liter/orang/hari.

Namun demikian, jika merujuk kepada data penggunaan per sambungan (per pintu rumah) dari tahun 2009 hingga 2012 yang dikeluarkan Malaysian Water Industry Guide (penerbitan Persatuan Air Malaysia dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, JBA Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara) menunjukkan penurunan. Pada tahun 2008, penggunaan per sambungan sebulan adalah 34.8meter padu berbanding sebelumnya ialah 35.0m.padu sebulan pada tahun 2007. Selepas 2008 trend terus menurun kepada 34.5meter padu (2009), 34.0m.padu (2010) dan 32.8m.padu (2011).

Dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan air ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah mencadangkan supaya surcay digunakan. Walaupun cadangan tersebut baik, namun pelaksanaannya akan diperhalus oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selain langkah mengenakan surcay, Kerajaan Negeri Selangor juga akan menggalakkan pengguna melaksanakan pemasangan alat-alat penjimatan air (*Water Saving Devices (WSD)*) yang dapat mengurangkan penggunaan air secara automatik. WSD adalah termasuk sistem penjimatan pancuran air (heads, handsets dan sistem kawalan), peralatan paip (heads, sinki, bibs and mixers) dan sistem tandas (sistem dwi-siram, tangki curahan dan bidet) serta mesin basuh dan mesin membasuh pinggan.

Kempen-kempen yang akan dibuat adalah usaha-usaha bagi memberi kesedaran kepada pengguna agar menggunakan air secara berhemah dan memastikan tiada unsur-unsur pembaziran dalam penggunaan harian. Kempen-kempen ini akan dijalankan melalui media massa.

Sekiranya penggunaan domestik di Negeri Selangor sebanyak 235 liter/orang/hari dapat dijimatkan sebanyak 20% daripada kadar penggunaan air semasa, ia boleh memberikan penjimatan yang dianggarkan sebanyak 850 JLH pada tahun 2020 daripada jumlah permintaan air sedia ada. Usaha-usaha lebih giat akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan penggunaan air per kapita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: STADIUM SHAH ALAM**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan secara terperinci kos penyelenggaraan Stadium Shah Alam bermula dari tahun 2008 hingga kini?
  - Senaraikan program dan jumlah hasil penyewaan Stadium Shah Alam bermula 2008 hingga kini?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Bandaraya Shah Alam mula mengambil alih pengurusan Stadium Shah Alam daripada Alam Arena Management Sdn Bhd pada 1 Januari 2003. Berdasarkan keputusan MTES bertarikh 10 Julai 2005, MBSA dikehendaki menanggung kos utiliti yang tertunggak seperti di **Jadual 1** :

**Jadual 1 – Kos Utiliti di Stadium Utama**

Bil	Butiran	Tunggakan Semasa Pengambilalihan (RM)	Status	Jumlah Tertunggak Sehingga April 2014
1	Elektrik	2,346,803.57	Selesai	0.00
2	Air	1,449,198.44	Selesai	0.00
3	IWK	2,602,956.23	Belum Selesai	1,614,530.40
	<b>Jumlah</b>	<b>6,398,958.24</b>		<b>1,614,530.40</b>

- i. Kos penyelenggaraan Stadium Shah Alam bermula dari tahun 2008 hingga April 2014 adalah berjumlah RM26,910,256.61. Pecahan kos adalah seperti di **Jadual 2**:-

**Jadual 2 – Kos Penyelenggaraan Stadium Utama**

Tahun	Pentadbiran	Penyelenggaraan		Utiliti			Jumlah
		Struktur & Infrastruktur	Kebersihan	Elektrik	Air	IWK	
<b>2008</b>	1,180,145.88	998,408.09	191,433.60	545,000.01	490,021.95	5,457.96	3,410,467.49
<b>2009</b>	926,477.84	569,205.25	248,029.07	540,903.44	294,926.88	0.00	2,579,542.48
<b>2010</b>	817,909.22	514,547.85	250,066.47	502,910.65	589,132.26	0.00	2,674,566.45
<b>2011</b>	876,519.65	592,982.22	214,878.34	1,312,762.65	640,990.06	271,860.88	3,909,993.80
<b>2012</b>	922,798.68	3,811,508.21	139,877.02	1,072,809.62	591,629.59	941,665.30	7,480,288.42
<b>2013</b>	847,410.77	947,593.39	74,522.07	1,376,237.40	510,837.22	263,212.66	4,019,813.51
<b>2014 (Jan-Apr)</b>	316,147.23	1,615,643.55	49,892.22	575,074.40	174,684.14	104,142.92	2,835,584.46
<b>Jumlah</b>	<b>5,887,409.27</b>	<b>9,049,888.56</b>	<b>1,168,698.79</b>	<b>5,925,698.17</b>	<b>3,292,222.10</b>	<b>1,586,339.72</b>	<b>26,910,256.61</b>

- ii. Pinjaman daripada Kerajaan Negeri bagi penyelenggaraan Stadium Shah Alam tahun 2011 adalah berjumlah **RM3,476,950.00**. Pecahan kos adalah seperti di **Jadual 3** :-

**Jadual 3 – Kos Penyelenggaraan Stadium Utama Melalui Pinjaman Kerajaan Negeri**

Bil.	Perkara	Peruntukan Diluluskan (RM)	Peruntukan Dibelanjakan (RM)
1	Kerja-kerja penggantian mentol.	1,151,000.00	895,398.00
2	Kerja-kerja penggantian bumbung.	477,000.00	478,730.00
3	Kerja – kerja mengganti kerusi penonton.	316,750.00	314,700.00
4	Kerja-kerja pembaikan tandas.	68,250.00	59,711.00
5	Kerja-kerja membaiki ruang pemain Utama (Level O).	576,800.00	380,031.05
6	Kerja-kerja membaiki padang.	862,050.00	718,580.00
7	Kerja-kerja menaiktaraf landskap di laluan utama Stadium Malawati dan Bulatan Stadium Utama	25,100.00	0.00
8	Kerja-kerja pengantian ballast lampu padang.	0.00	404,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>3,476,950.00*</b>	<b>3,251,150.05</b>

Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 13/2013 bertarikh 3hb April 2013 telah memutuskan bahawa Majlis Bandaraya Shah Alam harus menanggung kos operasi manakala kos modal ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

\* Sejumlah RM3,476,950.00 peruntukan dari Kerajaan Negeri adalah merupakan pinjaman dengan kadar faedah 4% setahun. MBSA telah menjelaskan sebanyak RM1,147,393.50 kepada pihak Perbendaharaan Negeri Selangor. Bayaran telah dibuat sebanyak dua kali dan tarikh cek adalah pada 4hb Januari 2013 dan 27hb Disember 2013.

- b) i. Senarai program yang diadakan di Stadium Utama bagi tahun 2008 hingga April 2014 adalah seperti di **Jadual 4** :-

**Jadual 4– Senarai Program di Stadium Utama**

BIL	ACARA	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014 (Jan – Apr)	JUMLAH
1	Perlawanan Bolasepak Tempatan	26	22	38	18	13	52	12	181
2	Perlawanan Bolasepak Antarabangsa	2	0	0	0	2	4	0	8
3	Pengambaran	0	1	8	2	11	13	2	37
4	Penyewaan Kiosk / Penjaja	28	22	38	18	15	56	12	189
5	Sukan Sekolah / Penggunaan Trek	4	4	2	2	1	6	1	20
6	Acara Konsert	0	0	0	0	1	0	0	1
7	Upacara Kebudayaan / Keagamaan / Perhimpunan	0	0	0	0	1	1	0	2
8	Hari Keluarga	0	0	1	0	0	0	0	1
9	Lain – Lain Sewaan (Kursus, Pameran)	2	4	1	6	5	8	1	27
	<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>62</b>	<b>53</b>	<b>88</b>	<b>46</b>	<b>49</b>	<b>140</b>	<b>28</b>	<b>466</b>

\* Mulai tahun 2013, acara konsert adalah tidak dibenarkan di Stadium Utama.

- ii. Jumlah hasil penyewaan Stadium Utama bermula dari tahun 2008 hingga April 2014 adalah berjumlah **RM5,563,736.83** dan perincian adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5– Hasil Sewaan di Stadium Utama**

Tahun	Butiran
	Hasil Sewaan
<b>2008</b>	573,273.48
<b>2009</b>	357,956.00
<b>2010</b>	489,796.75
<b>2011</b>	1,079,235.25
<b>2012</b>	1,246,034.65
<b>2013</b>	1,632,182.70
<b>2014 (Jan-Apr)</b>	185,258.00
<b>Jumlah</b>	<b>5,563,736.83</b>

\* Pada tahun 2014 – Stadium Shah Alam hanya beroperasi mulai 22 Mac 2014 kerana memberi laluan bagi kerja-kerja baikpulih Stadium yang dijalankan mulai bulan November 2013 hingga Mac 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUTDARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN SELANGORKU SEJAHTERA**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar
- Sila nyatakan apakah matlamat utama perancangan projek tersebut dan berapakah peruntukan yang disalurkan?
  - Sila senaraikan kategori pembangunan dan kemudahan infrastruktur yang menjadi fokus utama dalam projek tersebut ?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Matlamat/fokus utama projek pembangunan ‘Selangorku Sejahtera’ ini adalah untuk membantu PBT menyediakan projek pembangunan yang telah dirancang tetapi tidak berkemampuan untuk melaksanakannya. Oleh itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khusus di bawah peruntukan P01. Ini adalah kali pertama Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan bagi projek pembangunan seumpama ini. Peruntukan yang disalurkan berjumlah RM 16,943,017.63 bagi 43 projek yang telah diperakui. Antara kemudahan awam dan infrastruktur yang dimaksudkan adalah termasuk:-

- Jalan raya (selain daripada skop MARRIS);
- Laluan basikal;
- Tempat letak kereta;
- Kolam tadahan/perparitan;
- Lampu isyarat;
- Dewan;
- Perhentian bas;
- Papan tanda nama;
- Pasar awam; dan
- Taman permainan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : PELANCONGAN KESIHATAN**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:

- a) Nyatakan jenis produk dan pusat perubatan yang terlibat dalam pelancongan kesihatan di Selangor?.
- b) Berapakah anggaran keuntungan dari pelancongan bertemakan kesihatan ini dan jumlah ketibaan pelancong?

**JAWAPAN:**

- a) Pelancongan Kesihsatan ataupun pelancongan bagi tujuan perubatan, kini semakin popular dan semakin berkembang terutama di hospital-hospital swasta di seluruh negeri Selangor. Walaubagaimanapun segmen pelancongan ini telah lama dipelopori oleh dua buah negeri yang lain iaitu Negeri Melaka dan Negeri Pulau Pinang. Manakala kumpulan sasaran utama ialah para pesakit daripada negara jiran iaitu Indonesia yang merupakan penyumbang terbesar serta beberapa negara serantau lain seperti Negara Brunei, Vietnam, Thailand dan Singapura.

Manakala bagi pasaran antarabangsa Malaysia juga menerima pelancong bagi tujuan pelancongan kesihatan daripada beberapa negara seperti Pakistan, Taiwan, India, Iran, France dan Australia.

Bagi tujuan promosi juga Tourism Selangor telah bersama beberapa buah hospital swasta di negeri Selangor telah mengadakan promosi di Indonesia pada tahun 2012 dan 2013 seperti berikut :

Bil.	Acara Promosi	Penyertaan Hospital
1.	Roadhsow Indonesia dan Selangor Meets Indonesia 2012. (Pekan Baru, Riau dan Medan)	1) Hospital KPJ Shah Alam 2) Kumpulan Hospital Sime Darby
2.	Indonesia Travel Expo dan Selangor Meets Indonesia 2013 (Jakarta, Surabaya)	1) Hospital Columbia Asia 2) Pusat Perubatan Sunway 3) DEMC Specialist Hospital 4) Seri Kota Specialist Hospital

Beberapa faktor telah dikenalpasti yang menjadikan Selangor menjadi pilihan sebagai destinasi pelancongan perubatan, antaranya ialah :-

i. Pilihan Hospital

- Negeri Selangor mempunyai banyak pilihan hospital swasta yang bukan sahaja menawarkan pelbagai jenis rawatan dan perubatan malahan lain-lain perkhidmatan bertaraf 5 bintang bukan sahaja kepada pesakit malah untuk ahli keluarga yang menjadi pengiring pesakit tersebut. Antaranya pusat perubatan utama di Selangor ialah :
  - 1) Kumpulan Perubatan KPJ Selangor
  - 2) Kumpulan Perubatan Sime Darby
  - 3) Kumpulan Perubatan Columbia Asia
  - 4) Kumpulan Perubatan Pantai
  - 5) Kumpulan Pusat Rawatan Islam ( PUSRAWI )
  - 6) Pusat Perubatan Sunway
  - 7) DEMC Specialist Hospital
  - 8) Seri Kota Specialist Hospital
  - 9) Beacon Specialist Cancer Hospital
  - 10) Salam Medical Centre
  - 11) Assunta Hospital
  - 12) Tropicana Medical Centre
  - 13) Hospital Mata Tun Hussein Onn

- ii. Kekerapan Penerbangan
  - Bagi warga Indonesia khususnya kekerapan syarikat penerbangan yang menghubungkan Indonesia dan Malaysia juga menyebabkan mereka ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan kesihatan ataupun sekadar menjalani pemeriksaan kesihatan biasa . Syarikat penerbangan seperti MAS , Air Asia, Malindo dan Fire Flyz mempunyai jadual kekerapan yang tinggi ke Malaysia dari pelbagai destinasi daripada Indonesia memudahkan pergerakan warga dari negara tersebut .
- iii. Kos Perubatan
  - Kos perubatan di Malaysia dianggap sebagai antara yang termurah di Rantau Asia Tenggara ini namun mampu memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik serta bermutu tinggi.
- iv. Faktor lain
  - Penduduk yang ramai iaitu lebih kurang 200 juta orang di Indonesia menyebabkan kadar masa untuk mendapatkan rawatan mengambil masa yang panjang dan boleh menimbulkan komplikasi yang lebih buruk kepada pesakit namun jika ke Malaysia waktu menunggu adalah lebih pendek dan temu janji dapat dilakukan lebih awal .
- v. Berikut adalah jenis-jenis rawatan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh hospital-hospital di negeri Selangor, iaitu :-
  - 1. Penyakit Jantung
  - 2. Penyakit Kanser
  - 3. Pembedahan Kosmetik
  - 4. Pemeriksaan Am Kesihatan

- b) Malaysia boleh dikatakan sebagai destinasi popular bagi segmen pelancongan perubatan terutama daripada negara-negara serantau kerana banyak faktor seperti yang telah dinyatakan sebelum ini . Berikut adalah statistik kehadiran pelancong kesihatan ke Malaysia dari tahun 2007 hingga 2013.

<b>Tahun</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
Bilangan Pelancong Kesihatan	341,288	374,063	336,225	392,956	583,296	671,727	770,134

Jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh 770,134 pelancong kesihatan ini pada 2013 sahaja bagi tujuan perubatan dan pemeriksaan kesihatan ialah sebanyak RM 690,200,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: HYBRID OFF RIVER AUGMENTATION SYSTEM (HORAS 600)**

171. Bertanyakan kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Nyatakan perincian kerja projek perintis HORAS 600?
- b) Berapakah kos projek ini dan siapakah yang membiayainya?
- c) Berdepan dengan kemarau panjang, adakah HORAS mampu menampung permintaan air terawat di Selangor?

**JAWAPAN:**

a),b) dan c)

Sebagaimana yang telah dijanjikan, Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan program pemberian 20 meter padu air percuma kepada semua rakyat Negeri Selangor selaras untuk merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor akan meneliti dan mempertimbangkan inisiatif-inisiatif lain bagi membantu rakyat miskin.

Bagi meneruskan skim pemberian 20 meter padu air percuma, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memuktamadkan industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah satu entiti yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri. Melalui kaedah ini, kawalan penuh boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke atas operasi Syarikat SPV tersebut dan keuntungan serta kos operasi dapat dipantau secara telus dan berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: MASALAH KESESAKAN LALULINTAS**

172. Memandangkan rancangan JKR dalam menangani masalah kesesakan lalulintas di Jalan B48 (sekitar persimpangan Sepang) dijadualkan dalam jarak masa yang panjang.

Bertanya kepada Dato' Menteri Besar:

- Apakah tindakan kerajaan negeri supaya masalah ini dapat diselesaikan dalam jangka terdekat?

**JAWAPAN:**

- Sebagai langkah jangka masa terdekat, JKR Daerah Sepang telah menyelaras semula sela (phasing) masa lampu isyarat di beberapa persimpangan yang sering berlaku kesesakan contohnya di Persimpangan Kuarters KLIA.

Selain itu JKR Daerah Sepang juga memohon bantuan daripada pihak polis untuk mengawal keadaan lalulintas semasa waktu puncak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: SELANGOR *BLUE PRINT***

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Selangor *Blue Print* 2011-2013?
- b) Apakah kejayaan-kejayaan besar Selangor *Blue Print* 2011-2013 setakat ini?
- c) Adakah perancangan dari kerajaan negeri bagi kesinambungan Selangor *Blue Print* pada masa akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor belum lagi menerbitkan Selangor Blue Print 2011-2013. Walaubagaimanapun, pejabat Menteri Besar pernah menerbitkan 'Urus Tadbir Selangor: Dasar, Program, Fakta' atau edisi Bahasa Inggeris yang bertajuk *Governing Selangor: "Policy, Programme, Fact"* segala kandungan dalam buku tersebut berbentuk laporan terhadap teras-teras utama perubahan dalam pentadbiran negeri Selangor bermula tahun 2008 sehingga tahun 2011.
- b) Sebagai negeri termaju, Selangor terus mengorak langkah membuat pembaharuan didalam urus tadbir yang mementingkan ketelusan dan pertanggungjawaban.
  - Pada tahun lepas, kita telah untuk lima tahun berturut membentang belanjawan berimbang disamping meningkat meningkatkan rizab.
  - Selangor merekodkan pelaburan yang kedua tertinggi di Malaysia dengan jumlah pelaburan RM9.833 billion pada 2013 dan 228 projek telah diluluskan dengan 137, 766 peluang pekerjaan yang telah dicipta.
  - Kesan daripada polisi ketelusan dan pertanggungjawaban, pencapaian tender negeri antara 2011 hingga 2014 telah memberi nilai yang baik dimana kita dapat menjimat lebih daripada RM300juta daripada tender terbuka.
  - Selain daripada itu, pembangunan tidak dilupakan dan antara projek yang telah dilancarkan atau sedang dikaji adalah jambatan ketiga Klang (RM281 juta), HORAS (RM405 juta), Perumahan Selangorku (RM500 juta) dan product-sharing contract (PSC) untuk industri kuari.

- c) Pejabat Menteri Besar dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri akan berkejasama untuk menerbitkan buku 'Urus Tadbir Selangor: Dasar, Program, Fakta dikemaskini untuk 2012 –hingga 2015 untuk edaran dan rujukan rakyat di negeri ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : HUTANG SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN KERJAAN (GLC)**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah diberi pinjaman oleh Kerajaan Negeri Selangor dan nyatakan jumlah pinjaman tiap-tiap syarikat berkenaan.
  - Sila nyatakan jumlah hutang dan tunggakan hutang ditanggung oleh tiap-tiap syarikat berkenaan sehingga kini.
  - Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk memastikan hutang dan tunggakan tersebut dilunaskan ?

**JAWAPAN:**

- a) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah diberi pinjaman oleh Kerajaan Negeri Selangor dan jumlah pinjaman tiap-tiap syarikat sehingga 30 Mei 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Nama Peminjam	Jumlah Pinjaman		
		Pokok(RM)	Faedah(RM)	Jumlah(RM)
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	636,700,000.00	28,465,711.50	665,165,711.50
2	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	39,840,986.48	14,012,844.00	53,853,830.48
3	Yayasan Selangor	27,806,698.07	4,000,769.88	31,807,467.95
4	Kolej Universiti Islam Selangor	4,000,000.00	-	4,000,000.00
5	Kolej Antarabangsa Inpens	17,000,000.00	-	17,000,000.00
6	Amanah Saham Selangor	20,000,000.00	-	20,000,000.00

7	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	15,050,000.00	-	15,050,000.00
8	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	130,914,502.90	-	130,914,502.90
9	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	37,670,314.28	600,000.00	38,270,314.28
10	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	143,115,144.73	48,904,915.54	192,020,060.27
11	Konsortium ABASS Sdn Bhd	3,266,808.00	-	3,266,808.00
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>1,075,364,454.46</b>	<b>95,984,240.92</b>	<b>1,171,348,695.38</b>

- b) Jumlah hutang dan tunggakan hutang anak syarikat dan agensi dengan Kerajaan Negeri sehingga 30 Mei 2014 adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Nama Peminjam</b>	<b>Jumlah Hutang (RM)</b>	<b>Jumlah Tunggakan Hutang (RM)</b>
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	665,165,711.50	-
2	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	53,853,830.48	9,928,874.66
3	Yayasan Selangor	31,807,467.95	8,702,444.28
4	Kolej Universiti Islam Selangor	4,000,000.00	-
5	Kolej Antarabangsa Inpens	17,000,000.00	3,000,000.00
6	Amanah Saham Selangor	20,000,000.00	-
7	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	15,050,000.00	8,320,114.68
8	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	130,914,502.90	-
9	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	38,270,314.28	-
10	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	192,020,060.27	55,455,973.73
11	Konsortium ABASS Sdn Bhd	3,266,808.00	-
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>1,171,348,695.38</b>	<b>85,407,407.35</b>

- c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan hutang dan tunggakan tersebut dilunaskan adalah seperti berikut:
  - i. Pemantauan status pinjaman serta tunggakan pinjaman agensi dengan Kerajaan Negeri dibentangkan sebagai salah satu agenda tetap di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor. Mesyuarat tersebut diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun dan dihadiri oleh ketua-ketua jabatan/agensi.
  - ii. Perbendaharaan Negeri Selangor akan meneruskan untuk mengadakan mesyuarat tunggakan hutang dengan agensi yang mempunyai tunggakan. Pada tahun 2013, mesyuarat penyelarasan tunggakan hutang telah diadakan bersama Kolej Antarabangsa Inpens, Pendidikan Industri YS Sdn Bhd, Yayasan Selangor, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor serta Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI).
  - iii. Notis peringatan tunggakan akan terus dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2013, notis peringatan telah dikeluarkan kepada dua (2) agensi iaitu Pendidikan Industri YS Sdn Bhd dan Yayasan Selangor.
  - iv. Kertas permohonan penyelarasan /penyesuaian tunggakan akan disediakan untuk pertimbangan Pihak Berkusa Negeri tertakluk kepada kes-kes tertentu. Pada tahun 2013, jumlah baki pinjaman Kolej Antarabangsa Inpens telah diluluskan untuk dipermodalkan di atas nama MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PROGRAM PEMBANGUNAN ANAK MUDA**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah Kerajaan bersedia menyediakan tempat perniagaan untuk golongan usahawan anak muda, terutamanya di DUN Teratai?
  - b) Bilakah Kerajaan dapat menyediakan dataran anak muda di DUN Teratai?
  - c) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk program pembangunan anak muda?

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Kerajaan mengambil maklum berkenaan dengan bantuan perniagaan kepada anak muda dalam usaha untuk membantu mereka menceburi diri dalam bidang keusahawanan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menyediakan kemudahan penyediaan sewaan premis perniagaan kepada golongan usahawan seperti di Uptown Shah Alam dan Pasar Seri. Seterusnya, kerajaan juga turut menyediakan Kursus Keusahawanan kepada mereka bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan pinjaman daripada Skimsel dan Mimbar bagi memulakan perniagaan.
- c) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta dari jumlah Rizab Negeri bagi projek pembangunan usahawan dan pemerkasaan belia. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan telah merancang untuk mengadakan program dengan kerjasama daripada Ineps dan Jabatan-jabatan Kerajaan dan NGO seperti mewujudkan Yayasan BES, Program-program kemahiran dan teknikal, Program-program keusahawanan dan Program Pemerkasaan Belia. Program-program tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan anak muda untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan, kepimpinan dan kemahiran dalam usaha untuk melahirkan generasi yang berpendidikan dan berpengetahuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PEMERKASAAN SURAU**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Usaha-usaha kerajaan negeri bagi memperkasakan surau-surau di seluruh negeri Selangor.
  - b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberikan insentif tertentu kepada imam dan bilal di surau-surau sebagai usaha memakmurkan surau-surau di Selangor ?

**JAWAPAN:**

- a) Antara program yang dilaksanakan adalah melalui kursus intensif Pegawai dan Jawatankuasa Surau ILDAS khusus bagi peningkatan ilmu dan profesionalisma Pegawai dan Jawatankuasa Surau. Selain itu, Pegawai dan Jawatankuasa Surau turut dilibatkan dalam kursus SPIES anjuran Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan pengimaranan masjid dan surau. JAIS juga turut melaksanakan pertemuan khas antara JAIS dan nazir masjid serta pengurus surau di setiap daerah bagi mendekati dan memahami permasalahan di masjid dan surau secara tidak langsung meningkatkan jalinan ukhuwah dan kerjasama antara Kerajaan Negeri khususnya JAIS dan masyarakat.
- b) Jumlah bilangan surau di Selangor setakat ini sekitar 2000 buah surau. Hal ini menyukarkan JAIS dan Kerajaan Negeri untuk menyalurkan elaun kepada imam dan bilal surau memandangkan ia memerlukan peruntukan kewangan yang sangat besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: GOLONGAN PETANI SELANGOR**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Apakah bentuk program dan bantuan untuk membantu petani Selangor meningkatkan pendapatan mereka?
- Apakah ada teknologi yang dihasilkan kerajaan negeri atau anak syarikatnya untuk meningkatkan hasil produk golongan petani?

**JAWAPAN:**

- Antara program insentif yang ditawarkan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian adalah seperti berikut:

<b>BUTIRAN (KOD)</b>	<b>PROGRAM</b>
01000	Pembangunan Taman Agroteknologi (TKPM)
02000	Pembangunan Tanaman Makanan -Projek Padi, Sayur, Buah, Kelapa, Tanaman Ladang
03000	Pembangunan Tanaman Industri -Projek Nanas, Umbisi
04000	Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan -Projek orkid dan bunga-bungaan dan nurseri
05000	Pembangunan Industri Asas Tani
10000	Pembangunan Pertanian Bersepadu -Projek cendawan, integrasi lebah, herba

12000	Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan -Program latihan petani, seminar, kursus
13000	Pembangunan Tanah Bermasalah -Pembangunan pertanian di tanah gambut, asid sulfik, bekas lombong
14000	Pembangunan/Pengurusan Tanah Terbiar -Pembangunan projek pertanian di tanah individu yang telah terbiar melebihi 3 tahun.

**Maklumat Tambahan:**

Antara Program Utama Kerajaan Negeri adalah:

1-Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi.Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 16.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013) dan Program ini masih diteruskan sehingga kini

2-Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Dimana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk Program ini Kerajaan Negeri Memperuntukkan RM7,560,000 dibawah RMK10 (Tahun 2011-2015)

3-Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa) , dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) dimana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut dibawah RMK10 (Tahun 2011-2015).

- b) Agensi yang berperanan dalam menjalankan kajian dan menghasilkan teknologi peertanian di Malaysia adalah MARDI. Namun begitu Jabatan Pertanian berperanan untuk menyampaikan teknologi pertanian yang bersesuaian kepada golongan petani melalui program latihan dan petak promosi. Antara teknologi yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian meningkatkan hasil golongan petani adalah:
- 1) Pengamalan teknologi 'Rice Check' di kawasan penanaman padi , dimana tumpuan diberi kepada :
    - Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin
    - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
    - Pembajaan
    - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
    - Pertanian Lestari (Natural Farming)
  - 2) Menumpukan penggunaan Teknologi Fertigasi melalui Program pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran. Teknologi ini sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.
  - 3) Menggalakkan dan membimbing petani ke arah Pertanian Lestari dengan menggunakan Teknologi Natural Farming dengan objektif:
    - Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani
    - Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna Meningkatkan hasil dan pendapatan petani melalui pengurangan penggunaan bahan agro kimia
    - Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam

**Maklumat Tambahan:** Terdapat 50 petak promosi teknologi pertanian dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pada tahun 2014:

<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Petak Promosi Teknologi</b>
Sabak Bernam	19
Kuala Selangor	13
Hulu Selangor	1
Klang	2
Gombak/Petaling	2
Hulu Langat	6
Kuala Langat	8
Sepang	3
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: KADAR SEWA PETAK KHAS DI SETIAP PBT**

178. Sila menyatakan kadar sewa Petak Khas di setiap PBT;

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jumlah petak khas yang diluluskan dan ditolak di setiap PBT sejak tahun 2008 hingga kini;
- b) Jumlah kutipan hasil daripada sewa petak khas;
- c) Sila menyatakan sebab permohonan ditolak.

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Jumlah petak yang diluluskan dan ditolak di setiap PBT seperti di **Lampiran 1**.

**Lampiran 1**

**JUMLAH PETAK KHAS YANG DILULUSKAN DAN DITOLAK DI SETIAP PBT  
SEJAK TAHUN 2008 HINGGA KINI**

**1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)**

TAHUN	DILULUSKAN	TIDAK LULUS	JUMLAH	Kutipan Hasil (RM)
2012	130	1	131	317,600.00
2013	86	13	99	730,800.00
2014	32	1	33	343,380.00
<b>JUMLAH HASIL</b>				<b>1,391,780.00</b>

**2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**

Tahun	Jumlah petak disewa pada tahun sebelumnya (bawa kehadapan) (a)	Jumlah permohonan diterima (b)	Jumlah permohonan diluluskan (c)	Jumlah permohonan yang ditolak (d)=(b)-(c)	Jumlah petak yang disewa pada tahun semasa (e)=(a)+(c)	Jumlah hasil petak khas (RM)
2008	147	62	19	43	166	738,517.00
2009	166	14	5	9	171	766,290.00
2010	171	69	56	13	227	819,755.00
2011	227	151	102	49	329	1,142,161.00
2012	329	89	16	73	345	1,331,672.00
2013	345	81	37	44	382	1,481,312.00
2014 (setakat April)	382	82	64	18	446	563,783.00
<b>JUMLAH HASIL</b>						<b>6,843,490.00</b>

### 3. Majlis Perbandaran Klang (MPK)

Tahun	Petak Diluluskan	Kutipan Hasil (RM)	Catatan
2008	97	46,833.00	Suasa Efektif
2009	157	89,262.00	Suasa Efektif
2010	172	73,604.00	Suasa Efektif
2011	182	96,660.00	Suasa Efektif
2012	196	102,438.00	Suasa Efektif
2013	198	307,800.00	MPK
2014 (setakat bulan Mei)	209	145,260.00	MPK
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>861,857.00</b>	

### 4. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

Tahun	Jumlah Petak Khas Diluluskan	Jumlah Petak Khas Ditolak	Jumlah Kutipan Hasil Daripada Sewa Petak Khas (RM)
2008	-	-	466,145.00
2009	-	-	537,845.00
2010	-	-	692,140.00
2011	-	-	779,670.00
2012	120	3	1,062,580.00
2013	249	10	1,830,770.00
Apr 2014	102	-	903,962.00
<b>JUMLAH HASIL</b>			<b>6,273,112.00</b>

**5. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)**

TAHUN	JUMLAH PETAK LULUS	JUMLAH PETAK TOLAK	KUTIPAN HASIL SEWA PETAK KHAS (RM)
2008	247	42	95,687.60
2009	261	16	104,808.90
2010	281	12	115,857.72
2011	252	27	159,197.42
2012	390	40	152,411.75
2013	364	9	149,004.18
MAC 2014	406	7	41,648.20
<b>JUMLAH HASIL</b>			<b>818,615.77</b>

**6. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)**

TAHUN	JUMLAH PETAK KHAS DILULUSKAN	JUMLAH PETAK KHAS DITOLAK	JUMLAH KUTIPAN HASIL SEWAAN PETAK KHAS (RM)
2008	-		
2009	1		RM250.00 sebulan
2010	1		RM250.00 sebulan
2011	-		
2012	-		
2013	-		
Mei 2014	-	3	
<b>JUMLAH HASIL</b>			<b>500.00</b>

**7. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)**

	119	5	333,090.12
	122	8	333,433.62
	130	10	924,544.61
	127	7	125,345.06
<b>1,716,413.41</b>			

### **8. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Petak Khas Diluluskan</b>	<b>Jumlah Petak Khas Ditolak</b>	<b>JUMLAH KUTIPAN HASIL SEWAAN PETAK KHAS (RM)</b>
2008	-	-	-
2009	11	10	-
2010	28	-	6,510.00
2011	4	8	-
2012	21	4	1,080.00
2013	4	16	5,400.00
Mei 2014	11	-	1,800.00
<b>JUMLAH HASIL</b>			<b>8,280.00</b>

### **9. Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN KELULUSAN</b>	<b>HASIL PENDAPATAN (RM)</b>
2008 - 2010	21	5,500.00
2011	31	8,955.00
2012 - 2014	93	49,250.00
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>63,705.00</b>

### **10. Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERMOHONAN</b>	<b>109</b>	<b>KUTIPAN HASIL SEWA PETAK KHAS (RM)</b>
Sejak 2008 hingga 2014	DALAM PROSES	3	<b>RM122,500.00</b>
	LULUS	71	
	TOLAK	25	
	BATAL	10	
	JUMLAH PETAK	107 UNIT	

**11. Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)**

Tahun	Jumlah Petak Khas Diluluskan	Jumlah Petak Khas Ditolak	Jumlah Kutipan Hasil Daripada Sewa Petak Khas (RM)
2008	1	Tiada	360.00
2009	11	Tiada	3960.00
2010	10	Tiada	3,600.00
2011	7	Tiada	2,520.00
2012	8	Tiada	2,880.00
2013	8	Tiada	1400.00
Mei 2014	4	Tiada	1400.00
<b>Jumlah</b>			<b>16,120.00</b>

**12. Majlis Daerah Hulu Selangor**

Tahun	Jumlah Petak Khas Diluluskan	Jumlah Petak Khas Ditolak	Jumlah Kutipan Hasil Daripada Sewa Petak Khas (RM)
Sejak Nov 2011 Hingga Kini	5	10	16,000.00
<b>Jumlah</b>			<b>16,000.00</b>

\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: KATERING DI BAWAH SUK DAN UPEN**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah yang dibayar setahun kepada syarikat-syarikat katering?
  - Apakah kaedah penilaian yang digunakan bagi mengukur prestasi syarikat-syarikat ini?
  - Bagaimana pemilihan syarikat-syarikat ini dibuat?

**JAWAPAN:**

- Jumlah yang dibayar setahun kepada syarikat-syarikat katering bagi **Tahun 2013 adalah sebanyak RM1, 086,875.70.**
- Kaedah penilaian yang digunakan bagi mengukur prestasi syarikat-syarikat ini adalah berdasarkan kepada:
  - Penilaian harga yang telah ditetapkan berdasarkan **Pekeliling Perpendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2011 (Garis Panduan Perbelanjaan Makan dan Minum Bagi Mesyuarat di Jabatan / Agensi Negeri Selangor)**, iaitu dengan kadar RM 4.00 (pagi), RM8.00 (tengahari) dan RM4.00 (petang).
  - Membekal makanan dan minuman mengikut kualiti harga yang ditetapkan dan kaedah perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat katering tersebut.
- Pemilihan syarikat-syarikat ini dibuat adalah berdasarkan kaedah-kaedah:
  - Mengikut giliran senarai katering yang berdaftar.
  - Mengikut kesanggupan katering untuk membekal makan dan minum bagi satu-satu majlis atau program.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PERUMAHAN PPR**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Senaraikan perumahan PPR di bawah pengurusan kerajaan negeri mengikut PBT?
  - Nyatakan jumlah keseluruhan unit-unit perumahan dan pihak yang bertanggungjawab menyelenggarakannya?
  - Sejauh manakah keberkesanan pihak yang bertanggungjawab menyelenggara perumahan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai Projek Perumahan Rakyat (PPR) mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:

Bil.	PPR	PBT	Agensi Bertanggungjawab
1.	PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang 1	MBPJ	MBPJ
2.	PPR Kota Damansara	MBPJ	MBPJ
3.	PPR Kg. Baru Hicom	MBSA	LPHS
4.	PPR Taman Tasik Teratai, Serendah	MDHS	LPHS

- b) Jumlah keseluruhan unit PPR yang disediakan di Negeri Selangor adalah sebanyak 5,436 unit dan diuruskan oleh agensi-agensi berikut:

Bil.	PPR	Agensi Bertanggungjawab	Bil. Unit
1.	PPR Taman Putra Damai	MBPJ	3,004
2.	PPR Kota Damansara	MBPJ	1,152
3.	PPR Kg. Baru Hicom	LPHS	980
4.	PPR Taman Tasik Teratai, Serendah	LPHS	300
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>5,436</b>



- c) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini penyelenggaraan PPR oleh agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan adalah sederhana memandangkan masih terdapat aduan-aduan daripada penduduk berkaitan kemudahan-kemudahan gunasama yang selalu rosak contohnya seperti lif. Walau bagaimanapun tanggungjawab ini perlu dipikul bersama penduduk bagi memastikan kemudahan-kemudahan yang telah dibaikpulih tidak kembali rosak disebabkan perbuatan vandalisme mahu pun penggunaan yang tidak sistematik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: LEBUHRAYA KINRARA – DAMANSARA (KIDEX)**

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Senaraikan semua syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju KIDEX sebelum projek ini mendapat kelulusan daripada Kerajaan Selangor?
  - Senaraikan semua dokumen yang telah diserahkan oleh pemaju KIDEX kepada Kerajaan Selangor sehingga sekarang?

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor hanya terlibat setelah dimaklumkan keputusan dan kelulusan pelaksanaan projek ini oleh sekretariat Mesyuarat Kabinet pada 11 Mei 2011. Perbincangan lanjut antara 22 agensi yang melibatkan Kerajaan Persekutuan serta Negeri (agensi teknikal) di dalam Mesyuarat Teknikal 1 dan 2 yang telah diadakan pada 14 Oktober 2011 serta 8 Disember 2011 di Wisma LLM. Cadangan jajaran KIDEX yang telah dibincangkan serta dipersetujui di dalam Mesyuarat Teknikal 2.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 6/2012 yang bersidang pada 15 Februari 2012 telah menimbang dan bersetuju secara dasarnya dengan Projek Lebuhraya KIDEX dan jajaran-jajarannya mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan tegas telah menyatakan pendirian bahawa beberapa syarat perlu dipatuhi dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX iaitu:-

- Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
- Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatkan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat; dan
- Perkara disebut di atas diguna pakai bagi semua lebuhraya sedia ada atau yang akan dibina.**

Jajaran Lebuhraya KIDEX telah dilakarkan serta digazetkan di dalam Rancangan Tempatan (RT) MPSJ pada bulan Mei 2013 yang lalu. Selain itu, berdasarkan keputusan Mesyuarat *State Planning Committee* pada 5 Mei 2014, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memasukkan jajaran Lebuhraya KIDEX di dalam Draf Rancangan Tempatan MBPJ dan melaksanakan Program Publisiti. Hasrat Kerajaan Negeri Selangor adalah supaya semua pihak yang terlibat termasuk orang awam dapat dilibatkan dalam pelaksanaan Lebuhraya KIDEX melalui maklumbalas dan cadangan yang dikemukakan melalui *Town Hall Meeting*.

Sehingga kini, pihak konsesi KIDEX Sdn. Bhd. telah mengemukakan beberapa dokumen kepada pihak MBPJ seperti berikut :-

- i. Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan *Social Impact Assessment* (SIA);
- ii. Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA); dan
- iii. Pelan Jajaran Lebuhraya KIDEX.

Kerajaan Negeri masih belum memberikan sebarang kelulusan kepada pihak konsesi lebuhraya KIDEX bagi menjalankan kerja-kerja fizikal pembangunan sehingga perkara-perkara berikut diperolehi :-

- i. Kelulusan Kebenaran Merancang daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- ii. Pewartaan Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960.

Pihak Berkuasa Negeri pada 22 Mei 2014 telah mengarahkan pihak KIDEX untuk melaksanakan Taklimat Awam (*Town Hall Meeting*) di kawasan Petaling Jaya.

Perjanjian konsesi KIDEX telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) dan syarikat konsesi lebuhraya (KIDEX Sdn. Bhd.) pada 15 November 2013 dan dokumen perjanjian tersebut merupakan dokumen terkawal di bawah klasifikasi Sulit dan Terhad.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dan menyambut baik usaha-usaha yang dirancangkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur - Klang, rangkaian rel seperti *Mass Rapid Transit* (MRT) dari Sungai Buloh - Kajang sepanjang 51km yang mempunyai sebanyak 35 stesen selain dua (2) buah depot, dan projek sambungan *Light Rail Transit* (LRT) yang akan melibatkan laluan Kelana Jaya Line (KLJ) sepanjang 29km dan sebanyak 24 stesen, manakala laluan Ampang Line (AMG) sepanjang 27km serta mempunyai sebanyak 25 stesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: KEMUDAHAN AWAM**

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Apakah status permohonan ADN Tanjung Sepat terhadap pembinaan semula jeti yang runtuh pada tahun 2013 yang lalu?
  - Apakah langkah-langkah dan bilakah kerajaan akan melaksanakan pembaikan jalan-jalan kampung?
  - Apakah status Cadangan Pembinaan Jambatan Ketiga Kelang dan berapakah harga tawaran perlaksanaan yang diterima oleh kerajaan?

**JAWAPAN :**

**Jawapan daripada PDT Kuala Langat**

- Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor Bil. 1/2014 berhubung tajuk Penyelarasan untuk pembinaan semula jeti nelayan Tanjung Sepat, Daerah Kuala Langat yang telah runtuh pada 25 Jun 2013. Di para 4.3.1 Tuan Pengerusi memaklumkan permohonan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat MTES dan disyorkan jeti ini dibawah penyeliaan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di mana penggunaan perlu dipohon kepada MDKL.

Surat daripada Lembaga Urus Air Selangor bil. (5) LUAS.SEL.10010/3/WL 3/2/14 bertarikh 25 April 2014 memohon maklumat Isu Pembinaan semula jeti tersebut bagi proses penyediaan Kertas Ringkasan EXCO-MTES adalah dirujuk. Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat tiada halangan jika Pihak Berkuasa Negeri memberi kebenaran dalam proses pembinaan semua jeti tersebut.

Selain dari itu, dalam usaha untuk merealisaikan penstrukturana semula ini, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan supaya lesen abstraksi air mentah yang dikeluarkan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) hanya akan diberikan secara eksklusif kepada KDEB. Bagi membolehkan operator rawatan air meneruskan operasi, KDEB akan memasuki perjanjian dengan operator rawatan air seperti SPLASH, ABASS dan Puncak Niaga bagi membenarkan operator-operator ini mengambil air mentah untuk dirawat sehingga penstrukturana dimuktamadkan.

Langkah yang dibuat di atas adalah sejajar dengan peruntukan di bawah Peraturan Lesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655) yang memperuntukkan hanya syarikat yang diberikan lesen air mentah oleh Kerajaan Negeri boleh mendapatkan lesen dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

- b) Walaupun secara dasarnya, SYABAS, Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan ABASS telah bersetuju untuk menerima tawaran pengambilalihan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor menerusi Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), namun sebelum perjanjian pengambilalihan boleh dimuktamadkan, syarikat konsesi air tersebut perlu mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Justeru itu, dianggarkan pengambilalihan ketiga-tiga syarikat konsesi air ini boleh dimuktamadkan dalam tempoh enam hingga sembilan bulan lagi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PERINDUSTRIAN DI SABAK BERNAM**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Nyatakan kawasan industri yang terdapat di Sabak Bernam?
- Berapakah nilai pelaburan yang masuk ke daerah Sabak Bernam sejak tahun 2008 sehingga kini?
- Nyatakan jumlah pekerjaan yang diwujudkan dan berapa ramaikah pekerja tempatan yang bekerja?

**JAWAPAN :**

- Kawasan industri yang terdapat di Daerah Sabak Bernam adalah seperti berikut; -
  - Sekinchan Ind. Area
  - Sungai Besar
  - ZON IKS, Sabak Bernam.
- Nilai pelaburan yang masuk ke Daerah Sabak Bernam sejak tahun 2008 sehingga kini adalah sebanyak RM 17,287,702 (17.29 juta)

<b>SABAK BERNAM</b>	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal pelaburana (RM)
Sekinchan	1	103	4,793,407	845,895	<b>5,639,302</b>
Sabak Bernam	1	33	2,148,400	0	<b>2,148,400</b>
Sungai Besar	1	66	9,500,000	0	<b>9,500,000</b>
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>202</b>	<b>16,441,807</b>	<b>845,895</b>	<b>17,287,702</b>

Sumber : MIDA

- c) Jumlah pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 202 potensi peluang pekerjaan

Merujuk kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah rakyat tempatan yang bekerja dalam sektor perindustrian di Negeri Selangor pada tahun 2012 adalah sebanyak 546,500 orang. Pihak Jabatan Perangkaan Malaysia hanya menerbitkan maklumat secara keseluruhan sahaja dan tiada maklumat mengikut daerah yang dikeluarkan ketika ini.

(Sumber : Jadual 12, Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Industri Di Negeri Selangor 2010 – 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx>)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUTDARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR NEGERI SELANGOR**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato 'Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan secara terperinci apakah status terkini penstrukturran industri tersebut ?
- b) Sila nyatakan kenapa masih terdapat syarikat konsesi yang masih berdolak-dalih terhadap tawaran daripada Kerajaan Negeri ?
- c) Sila nyatakan anggaran tempoh masa yang diperlukan bagi menjayakan keseluruhan penstrukturran industri tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Sepanjang tahun 2008 hingga 2012, Kerajaan Persekutuan sentiasa menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menyelesaikan apa-apa isu pengambilalihan syarikat konsesi air melalui transaksi komersial *willing buyer willing seller* tanpa penglibatan Kerajaan Persekutuan, walaupun tanggung jawab mengenai perkhidmatan dan bekalan air telah diletakkan bersama kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di bawah Perlembagaan Malaysia melalui pindaan Perlembagaan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005 yang memindahkan perkhidmatan dan bekalan air dari Senarai Negeri kepada Senarai Bersama di bawah Senarai Perundangan, Perlembagaan Persekutuan.

Ditambah pula, Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif dalam sektor air sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 3(1) Akta WSIA yakni "Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan"

Dari peruntukan perundangan sedia ada, jelas penstrukturran semula ini boleh dimuktamadkan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Lanjutan dari itu, Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menandatangani Memorandum Persefahaman pada 26 Februari 2014 sebagai langkah pertama untuk bersesama dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor berdasarkan

kepada lunas-lunas perundangan sedia ada dan mengutamakan kepentingan rakyat serta tidak merugikan mana-mana pihak yang terlibat dalam industri ini. Apatah lagi, salah satu rasionalnya peruntukan Akta 655 dan yang merupakan kepentingan negara adalah keperluan untuk menstrukturkan semula sektor perkhidmatan air di setiap negeri menerusi pengusaha air yang holistik oleh kerajaan negeri.

Lanjutan dari MOU yang telah ditandatangani pada 26 Februari 2014 tersebut, rundingan bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor sedang giat diadakan dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturkan semula itu berdasarkan kepada persetujuan yang telah dicapai melalui Memorandum Persefahaman tersebut.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah membuat tawaran pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi. Lanjutan dari penawaran pengambilalihan tersebut, secara dasarnya ABASS, SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd bersetuju menerima tawaran tersebut dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air ke arah perkhidmatan yang holistik.

Namun demikian, sebelum syarikat-syarikat tersebut boleh memuktamadkan persetujuan ke atas tawaran oleh Kerajaan Negeri Selangor, beberapa tatacara yang melibatkan antaranya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara perlulah dipatuhi.

Justeru itu, pengumuman rasmi berkaitan pengambilalihan ketiga-tiga syarikat di atas hanya akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas semua tatacara yang diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada dipatuhi oleh semua pihak. Selain dari pematuhan kepada peraturan dan perundangan sedia ada, pengambilalihan syarikat konsesi ini juga melibatkan proses ketekunan wajar (*due diligence*) yang dijangka akan mengambil masa antara enam (6) hingga dua belas (12) bulan bermula selepas persetujuan pengambilalihan dimuktamadkan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui KDEB telah bersedia dengan pasukan untuk mengambil alih operasi kesemua Syarikat Konsesi Air sebaik sahaja semua pematuhan ke atas semua peraturan dan perundangan telah dipenuhi oleh semua pihak yang terlibat.

Dalam usaha untuk merealisai penstrukturkan semula ini, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan supaya lesen abstraksi air mentah yang dikeluarkan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) hanya akan diberikan secara eksklusif kepada KDEB. Bagi membolehkan operator rawatan air meneruskan operasi, KDEB akan memasuki perjanjian dengan operator rawatan air seperti SPLASH, ABASS dan Puncak Niaga bagi membenarkan operator-operator ini mengambil air mentah untuk dirawat sehingga penstrukturkan dimuktamadkan.

Langkah yang dibuat di atas adalah sejajar dengan peruntukan di bawah Peraturan Lesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655) yang memperuntukkan hanya syarikat yang diberikan lesen air mentah oleh Kerajaan Negeri boleh mendapatkan lesen dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

- b) Kerajaan Negeri Selangor setakat 31 Disember 2013 tidak berupaya untuk memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor berdasarkan konsesi *willing seller willing buyer*. Ketidakupayaan Kerajaan Negeri Selangor di dalam memuktamadkan penstrukturkan tersebut adalah berpunca dari kerakusan Syarikat Pemegang Konsesi Air menetapkan harga pengambilalihan yang melampau.

Dalam menentukan nilai yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi air sedia ada, Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan kepentingan pengguna dan pada masa yang sama tidak merugikan mana-mana pihak. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor berpegang kepada prinsip Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 30 Jun 2008 seperti berikut:-

“Kementerian ini amat peka kepada implikasi dan kesan pengambilalihan aset dan tanggungan pada harga yang tinggi dan tidak kos efektif. Ia akan menyebabkan kadar sewa pajak yang tinggi dan yang akhirnya akan turut dirasai oleh pengguna melalui kadar tarif air yang tinggi. Oleh yang demikian, kementerian ini akan memastikan keadaan tersebut tidak berlaku semasa proses pengambilalihan aset dan tanggungan air terutamanya yang melibatkan syarikat konsesi air.”

Dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatkan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Kaedah penetapan nilai bagi mengambil alih syarikat pemegang konsesi air adalah berdasarkan *fair market value* dengan pulangan 12% ke atas pelaburan yang telah dibuat. Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa adalah tidak wajar untuk membayar pampasan yang terlampaui tinggi dan *over price* kepada pemegang saham syarikat konsesi air memandangkan syarikat-syarikat ini telah beroperasi sehingga berjaya mengaut pulangan modal serta mencapai jangkaan keuntungan *shareholders IRR* dalam bentuk pembayaran dividen. Namun, sekiranya syarikat konsesi ini masih mempertikaikan nilai pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor, mereka boleh merujuk isu pampasan tersebut untuk diputuskan oleh Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa, di mana Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk mematuhi apa juar keputusan yang dibuat oleh Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa tersebut.

Kerajaan Negeri adalah tidak berupaya untuk memberikan nilai yang melebihi apa yang telah ditawarkan. Tambahan pula sebarang nilai yang melebihi nilai yang telah ditawarkan akan memberikan kesan yang banyak kepada Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor seperti kadar sewa pajakan dengan PAAB yang tinggi yang akhirnya akan memberi kesan kepada kos operasi yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mencapai Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

- c) Walaupun secara dasarnya, SYABAS, Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan ABASS telah bersetuju untuk menerima tawaran pengambilalihan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor menerusi Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), namun sebelum perjanjian pengambilalihan boleh dimuktamadkan, syarikat konsesi air tersebut perlu mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Justeru itu, dianggarkan pengambilalihan ketiga-tiga syarikat konsesi air ini boleh dimuktamadkan dalam tempoh enam hingga sembilan bulan lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PROGRAM PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Sila nyatakan perancangan dan kemajuan Program PWB ini sejak dilancarkan sehingga kini
  - Memandangkan penglibatan wanita sangat penting dalam aspek pembangunan masyarakat, adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan yang lebih besar ?

**JAWAPAN:**

- a) Pusat Wanita Berdaya dilancarkan pada 2009. Sehingga kini telah banyak perancangan dan kemajuan yang dihasilkan.

Perancangan utama PWB adalah untuk memberdayakan wanita dalam segenap aspek melalui 12 bidang / Fokus yang telah digariskan. Antara 12 bidang fokus adalah :-

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| - Kesihatan                              | - Sukan & Rekreasi       |
| - Keluarga                               | - Pendidikan & Latihan   |
| - Ekonomi                                | - Sosial, Budaya & Agama |
| - Kerjaya & Pekerjaan                    |                          |
| - Hak, Keselamatan & Undang-undang       |                          |
| - Politik & Pembuat Keputusan            |                          |
| - Pengarus Utamaan Gander & Bajet gander |                          |
| - Teknologi Sains & Alam Sekitar         |                          |

Malah atas dasar usaha yang berterusan, maka wanita Selangor melalui PWB telah banyak berubah dan lebih berdaya. Melalui penglibatan PWB wanita Selangor kini lebih maju dalam segala aspek kehidupan.

Melalui PWB juga ramai usahawanita yang telah dilahirkan. Hasil usaha dan bimbingan wanita ini mampu untuk melibatkan diri dalam sektor perindustrian dan mempunyai produk keluaran sendiri. Ini juga hasil bantuan dari agensi kewangan kerajaan negeri seperti MIMBAR dan SKIMSEL.

Antara lain, PWB juga telah memperkenalkan Celik Undang-undang. Dimana PWB dengan bantuan Persatuan Peguam telah melatih dan memberi ilmu kefahaman berkaitan undang-undang kepada beberapa orang wanita yang dikenali sebagai paraligel bagi membantu wanita lain yang buntu dalam menghadapi permasalahan berkaitan undang-undang.

Tersebut adalah antara kemajuan yang dicapai oleh PWB. Terdapat banyak lagi yang tidak disenaraikan sedang dalam proses semakin berkembang maju.

- b) Ya, Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam rangka untuk merancang penyediaan peruntukan yang lebih besar untuk wanita seiring dengan pencapaian dan kemajuan memberangsangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PROMOSI KAWASAN INDUSTRI SELANGOR**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Apakah strategi dan cara kerajaan negeri mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian sedia ada di Selangor?
- Nyatakan lokasi, keluasan dan jumlah lot industri yang masih kosong?

**JAWAPAN:**

- Strategi yang diguna pakai untuk mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian sedia ada di Selangor adalah seperti berikut; -
  - Mempromosikan kawasan-kawasan tersebut dalam laman web SSIC sebagai rujukan para pelabur.
  - Mempromosikan melalui brosur-brosur pelaburan yang diterbitkan oleh SSIC
  - Mengadakan lawatan oleh pelabur – pelabur yang berpotensi
  - Mempromosikan kawasan – kawasan industri sewaktu misi-misi pelaburan ke luar Negara.

b) Maklumat lokasi, keluasan dan jumlah lot industri yang masih kosong di Selangor adalah seperti berikut:-

Bil.	Kawasan Industri	Keluasan Pembangunan (Ekar)	Keluasan kawasan yang masih ada (Ekar)	Pemaju
1.	Selangor Science Park 2-Dengkil	417.36	354.88	PKNS
2.	Pulau Indah Ind. Park, Phase 3A	165.39	110.85	Central Spectrum (M) Sdn Bhd
3.	Selangor Halal Hub Pulau Indah, Phase 1 & 2	452.43	85.99	Central Spectrum (M) Sdn Bhd
4.	Bandar Mahkota Banting Industrial Park	350	130	Lion Group
5.	Tanjung Industrial Park	400	200	Tanjung Balai Group
6.	Port Klang Free Zone	1,000	287.24	PKFZ
7.	Berjaya Ind. Hulu Selangor	260	260	Berjaya Group
8.	UMW Ind Area, Serendah	1400	732	UMW Dev. Sdn Bhd
9.	Asahi Ind Area, Ijok	75	75	Asahi Development
	Jumlah	4,520.18	2,235.96	



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: BANTUAN KEPADA GOLONGAN WANITA**

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam memberi manfaat atau bantuan kepada golongan wanita, terutamanya di DUN Teratai dalam tahun 2014?
  - Bilakah Kerajaan Negeri akan memberi dana atau insentif kepada pegawai PWB untuk menjalankan program Wanita di setiap DUN Selangor?

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan dalam melaksanakan program yang memberi manfaat kepada semua golongan wanita dengan tidak mengambil kira faktor DUN.

Pelbagai program dan aktiviti pemberdayaan wanita telah dirangka untuk dilaksanakan setiap tahun oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor dan usahasama-usahasama sedia ada di bawah kendalian program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan penglibatan portfolio-portfolio lain serta jabatan dan agensi seluruh Selangor.

- Kerajaan Negeri mengambil maklum penubuhan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap DUN di Selangor yang mana sehingga kini, sebanyak 46 buah PWB daripada 56 DUN telah ditubuhkan.

Pemberian dana atau insentif kepada pegawai PWB untuk menjalankan program wanita di setiap DUN Selangor sedang dalam pertimbangan pihak Kerajaan Negeri dan akan diputuskan melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Namun demikian, Kerajaan Negeri tiada halangan dan sentiasa memberi sokongan kepada semua PWB yang aktif dalam melaksana dan seterusnya menjayakan program Kerajaan Negeri untuk manfaat golongan wanita dalam komuniti tersebut dengan penyaluran peruntukan yang bersesuaian dengan permohonan oleh PWB berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PERUMAHAN GOLONGAN MUDA**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan negeri membantu golongan muda memiliki rumah pertama?
- b) Apakah golongan muda belum berkahwin boleh memohon perumahan kerajaan atau anak syarikat negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri belum menyediakan skim khas bagi membantu golongan muda memiliki rumah pertama. Walau bagaimanapun, golongan muda berumur 18 tahun ke atas yang memenuhi syarat kelayakan permohonan rumah kos rendah boleh memohon rumah kos rendah yang disasarkan untuk golongan yang belum memiliki rumah.
- b) Kelayakan bagi permohonan rumah kos rendah adalah pemohon yang memenuhi kriteria berikut:
  - i) Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas;
  - ii) Bermastautin di Negeri Selangor;
  - iii) Berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan;
  - iv) Pemohon atau pasangan belum memiliki rumah; dan
  - v) Berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Manakala kelayakan bagi pemohon Rumah Mampu Milik Selangorku pula adalah pemohon yang memenuhi kriteria seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas;
- ii) Berpendapatan isi rumah di antara RM3,000.00 hingga RM8,000.00 sebulan;
- iii) Pembeli atau pasangan belum memiliki rumah di Negeri Selangor kecuali rumah kos rendah yang telah melebihi tempoh lima (5) tahun;
- iv) Pembelian rumah untuk didiami dan bukan untuk disewa; dan
- v) Berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Oleh demikian, golongan muda yang belum berkahwin yang memenuhi kriteria tersebut juga boleh memohon untuk memiliki rumah kos rendah atau rumah mampu milik di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PENGANGGURAN DI SELANGOR**

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah belia yang menganggur di Selangor dari tahun 2008 hingga kini?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah pengangguran dari terus meningkat?

**JAWAPAN:**

- a) Klasifikasi belia yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) adalah berasaskan kepada *Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)*. Menurut *ILO*, belia merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun (dalam tahun genap pada hari jadi terakhir) semasa minggu rujukan.

Sehubungan ini, bilangan belia menganggur bagi tahun 2008-2013, adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Bilangan belia yang menganggur (15-24), Negeri Selangor 2008-2013**

Tahun	Jumlah ('000)
2008	31.7
2009	36.2
2010	45.4
2011	30.8
2012	30.3
2013	30.9
Jumlah	205.3

*Sumber :<sup>1</sup> Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia.*

Nota:

Konsep dan definisi yang digunakan dalam Penyiasatan Tenaga Buruh adalah berdasarkan garis panduan *International Labour Office (ILO)* iaitu *Manual on concepts and methods of surveys of economically active population, employment, unemployment and underemployment*.

- b) Antara tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pengangguran adalah dengan mengadakan program-program yang menyediakan peluang pekerjaan seperti berikut :
- i) kerjasama dengan Selangor State Investment Centre (SSIC) bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan mengadakan program promosi (pengiklanan melalui local and international magazine seperti Foreign Direct Investment, in flight magazine, mengadakan lawatan ke luar negara bersama Malaysian Investment Development Authority - MIDA dan menyertai pameran perdagangan bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negara.
  - ii) Program Jom Kerja berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula tahun 2009 – 2014 dengan kehadiran seramai 8,433 pemohon, selain itu pemohon diberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temuduga diadakan. Maklumat terperinci pelaksanaan program seperti di Lampiran A;
  - iii) melalui tajaan pelajar di kolej INPENS terutamanya kepada pelajar-pelajar yang berpendapatan rendah dengan jumlah tajaan sebanyak RM6,550 dan telah menaja seramai 2,515 orang Pelajar bermula tahun 2008 hingga 2014;
  - iv) menganjurkan beberapa program kerjaya khusus untuk belia dan ibu tunggal bagi memberikan pendedahan mengenai peluang – peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat-maklumat bantuan kewangan seperti :
    - a. Kursus Asas Keusahawanan;
    - b. Kursus Pemasaran;
    - c. Kursus Pengurusan Kewangan; dan
    - d. Kursus Rancangan Perniagaan

Melalui program seminar tersebut, para peserta akan didedahkan kepada peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat - maklumat berkenaan dengan bantuan-bantuan kewangan untuk tujuan perniagaan dari agensi - agensi Kerajaan Negeri seperti Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), bank-bank komersial seperti Agro bank, BSN serta agensi Kerajaan Pusat seperti PUNB (Perbadanan Usahawan Nasional Berhad).

Selain itu, melalui Geran Selangorku, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bantuan perniagaan bagi membantu belia-belia yang berpotensi dalam bidang berkenaan terutamanya bekas-bekas pelajar INPENS.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan bantuan berbentuk mesin-mesin pemprosesan kepada usahawan-usahawan termasuk golongan belia yang telahpun memulakan perniagaan mereka tetapi kekurangan modal untuk membeli mesin-mesin pemprosesan tersebut.

Selain itu, pihak kerajaan dengan kerjasama Kumpulan Perangsang Selangor Berhad telah melaksanakan Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) bertujuan untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkat pengetahuan dengan menyediakan kursus-kursus kemahiran umum dan khusus.

Objektif utama Program RKSS ini adalah untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan untuk mempertingkat pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan samada dalam bentuk kemahiran umum (*softskill*) atau kemahiran-kemahiran khusus seperti kemahiran teknikal dan sebagainya. Program ini dilaksanakan dalam dua (2) fasa utama iaitu :

**Fasa I :** Penyediaan kursus dan latihan yang strategik untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, nilai diri dan keyakinan siswazah-siswazah dalam Negeri Selangor bagi membolehkan mereka lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan perusahaan perniagaan sendiri; dan

**Fasa II :** Penyediaan Latihan di Tempat Kerja (On-The-Job Training) dan usaha untuk membuat rekomendasi kepada majikan-majikan yang relevan bagi siswazah-siswazah yang telah menamatkan kursus.

Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) secara percuma kepada mahasiswa Selangor (lepasan Diploma dan Ijazah) sejak **September 2011 hingga Disember 2012 seramai 735 orang** telah terlibat di dalam program ini. Manakala pada tahun 2013, **Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS)** telah ditukar kepada **Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**, di mana majlis pelancaran telah diadakan sempena Karnival RKRS di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15-16 Disember 2012. Karnival RKRS telah dilaksanakan buat kali kedua pada 23-24 Februari 2013 di Dewan Bunga Kertas Seksyen U2 TTDI Jaya, Shah Alam bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menyertai kursus-kursus latihan yang disediakan. Program RKRS terbuka kepada belia, mahasiswa, surirumah dan pesara ditawarkan secara percuma dan telah berjaya melibatkan **seramai 1047 orang**. Maklumat terperinci mengenai senarai kursus seperti **di Lampiran B**.

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad melihat projek ini sebagai sokongan kepada inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu pencarian kerja di kalangan belia selain meningkatkan *skill employability* belia-belia.

**LAMPIRAN A**

**PENCAPAIAN PROGRAM JOM KERJA BERMULA TAHUN 2009 – MEI 2014**

Bil	Daerah	Tarikh Program	Syarikat Terlibat	Pemohon : Berdaftar (Orang)	Pemohon : Berjaya Ditemuduga (Orang)
1.	Sabak Bernam dan Kuala Selangor	7 – 8 Nov 2009	20 buah	1,078	480
2.	Kuala Langat	14 – 15 Dis 2009	16 buah	1,672	670
3.	Klang	9 – 10 Jan 2010	29 buah	2,060	886
4.	Petaling	3 – 4 April 2010	22 buah	400	187
5.	Hulu Selangor	18 April 2010	20 buah	141	81
6.	Sepang	9 Okt 2010	10 buah	211	137
7.	Hulu Langat	13 Nov 2010	8 buah	144	118
8.	Gombak	27 Nov 2010	9 buah	107	52
9.	Kuala Langat	18 Jun 2011	11 buah	70	31
10.	Klang	30 – 31 Mac 2013	23 buah	884	304
11.	Kuala Selangor	8 Februari 2014	17 buah	1,166	426
12.	Kuala Langat	6 April 2014	12	350	251
13.	Hulu Langat	11 Mei 2014	10	150	82
	<b>JUMLAH</b>			<b>8,433</b>	<b>3,705</b>

**LAMPIRAN B**

**PENCAPAIAN PROGRAM RANGSANGAN KERJAYA RAKYAT SELANGOR (RKRS)  
- RKSS/ RKRS 2011 – 2012**

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1.	Pembangunan Kemahiran Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir</li> <li>• Pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja</li> </ul>	2 Minggu (14 hari)	Malaysian Institute of Management (MIM)	42
2.	Pembangunan Usahawan Muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran sebagai usahawan yang berdedikasi, bersemangat waja, berfikiran jauh dan mempunyai daya saing tinggi</li> </ul>	4 Minggu (30 hari)	Corporate Education Development Centre (CEDC)	57
3.	Perbankan dan Kewangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan asas dalam perbankan dan kewangan Islam</li> </ul>	11 Minggu (33 jam)	Pusat Pengajian At-Tibyan dan MIM	38
4.	Pentadbir IT ( <i>IT Administrator</i> ), Sijil Keselamatan & Selenggara LAN dan Sijil Membaiki Komputer)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran dalam pengurusan perkakasan (<i>server, suis, penghala dll</i>), reka bentuk web dsb.</li> <li>• Kemahiran dalam pengurusan server, reka bentuk rangkaian &amp; keselamatan dan penyelesaian masalah.</li> <li>• Kemahiran membаiki dan</li> </ul>	5 Minggu (25 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	47

		penyelesaian masalah <i>(perkakasan &amp; perisian)</i>			
5.	Fiber Untuk Juruteknik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dalam pengendalian kabel fiber optik dan <i>rangkaian</i>.</li> </ul>	2 Minggu (10 hair)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	60
6.	Kreativiti Dan Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan tentang kreativiti dan inovasi.</li> </ul>	1 Minggu (5 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	13
7.	Pengurusan & Operasi Halal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan tentang pengurusan pengsijilan halal Malaysia.</li> </ul>	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	196
8.	Adobe Photoshop & Microsoft Office	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran reka bentuk menggunakan perisian Adobe Photoshop &amp; Microsoft Office</li> </ul>	3 Minggu (15 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	18
9.	Industri Maritim/ Perkapalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran dalam bidang marin/perkapalan laut dalam</li> </ul>	4 Minggu (30 hari)	Myous Maritime Sdn. Bhd.	45
10.	Pembuatan Pakaian Lelaki dan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran pembuatan pakaian lelaki dan wanita</li> </ul>	12 Minggu (3 bulan)	Akademik Jahitan Kamsiah	47

11.	Percetakan Segera (Flash Stamp Printing)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawan dalam bidang percetakan segera</li> </ul>	3 hari	ANQR Flash Stamp Agency Sdn. Bhd.	83
12.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran pengurusan pusat pendidikan awal kanak-kanak</li> </ul>	4 Minggu (1 bulan)	Pro-Intellect Consultancy Sdn. Bhd.	30
13.	Penjagaan rambut (Hairdressing)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawan dalam bidang berdandan/penjagaan rambut (hairdressing)</li> </ul>	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	15
14.	Perunding Pelancongan (Tourist Guide)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawan dalam bidang perundingan pelancongan</li> </ul>	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	14
15.	Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawan dalam bidang perniagaan lembu, kambing, ayam, itik, burung puyuh</li> </ul>	1 Minggu (6 hari)	Akademik MJ Fatonah Sdn. Bhd.	30
	<b>JUMLAH KESELURUHAN 2011-2012</b>				<b>735</b>

**PENCAPAIAN PROGRAM RANGSANGAN KERJAYA RAKYAT SELANGOR (RKRS)  
- RKRS 2013**

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1.	Pembangunan Kemahiran Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir</li> <li>• Pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja</li> </ul>	2 Minggu (14 hari)	Malaysian Institute of Management (MIM)	70
2.	Perbankan dan Kewangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan asas dalam perbankan dan kewangan Islam</li> </ul>	11 Minggu (33 jam)	Pusat Pengajian At-Tibyan dan MIM	54
3.	Pentadbir IT ( <i>IT Administrator</i> ), Sijil Selenggara LAN dan Sijil Membaiki Komputer)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran dalam pengurusan perkakasan (<i>server, suis, penghala dll</i>), reka bentuk web dsb.</li> <li>• Kemahiran dalam pengurusan server, <i>reka bentuk rangkaian &amp; keselamatan</i> dan penyelesaian masalah.</li> <li>• Kemahiran membaiki dan penyelesaian masalah (perkakasan &amp; perisian</li> </ul>	5 Minggu (25 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	57

4.	Juruteknik Fiber Optik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dalam pengendalian kabel fiber optik dan rangkaian.</li> </ul>	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	51
5.	Pengurusan & Operasi Halal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan tentang pengurusan pengsijilan halal Malaysia.</li> </ul>	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	49
6.	Adobe Photoshop, Animation & Microsoft Office	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran reka bentuk menggunakan perisian Adobe Photoshop &amp; Microsoft Office</li> </ul>	3 Minggu (15 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	32
7.	Industri Maritim/ Perkapalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan &amp; kemahiran dalam bidang marin/perkapalan laut dalam</li> </ul>	4 Minggu (30 hari)	Myous Maritime Sdn. Bhd.	45
8.	Jahitan Pakaian Lelaki dan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran jahitan pakaian lelaki dan wanita</li> </ul>	12 Minggu (3 bulan)	Akademik Jahitan Kamsiah	60
9.	Percetakan Segera (Flash Stamp Printing)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang percetakan segera</li> </ul>	3 hari	ANQR Flash Stamp Agency Sdn. Bhd.	134
10.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran pengurusan pusat pendidikan awal kanak-kanak</li> </ul>	4 Minggu (1 bulan)	Pro-Intellect Consultancy Sdn. Bhd.	85

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
11.	Keusahawanan Perkhidmatan Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perakaunan</li> </ul>	1 Minggu (5 hari)	A. Razak & Co	60
12.	Penternakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang penternakan lembu, kambing, ayam, itik, burung puyuh</li> </ul>	1 Minggu (6 hari)	Akademik MJ Fatonah Sdn. Bhd.	155
13.	Bakeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang bakeri ; kek, roti &amp; pastri</li> </ul>	1 Bulan (30 hari)	My Chef Enterprise Sdn Bhd	60
14.	Kerjaya Mutawwif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dalam kerjaya sebagai Konsultan, Mutawwif Umrah dan Haji</li> </ul>	5 Hari	AMTC Services Sdn Bhd	85
15.	Kemahiran Teknikal Komputer, Keusahawanan & Tenaga Pengajar Microsoft	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengetahuan dalam keusahawanan, kemahiran teknikal IT &amp; pembangunan kendiri</li> </ul>	1 Bulan (30 Hari)	Skali Community Engangement Sdn Bhd	50
	<b>JUMLAH KESELURUHAN 2013</b>				<b>1047</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: PROJEK PERUMAHAN / PERDAGANGAN TERBENGKALAI**

203. Sila menyatakan nama Projek Perumahan / Perdagangan Terbengkalai di Daerah Kuala Langat mengikut susunan DUN Sijangkang, Telok Datok, Morib dan Tanjung Sepat sejak tahun 2008 hingga kini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah perkembangan terkini setiap Projek Perumahan / Perdagangan Terbengkalai.
- Sila menyatakan nama Syarikat Pemaju dan tarikh / tahun mula membina.
- Siapakah Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab untuk memantau Projek Perumahan / Perdagangan Terbengkalai?

**JAWAPAN:**

- Jawapan soalan (a) dan (b) akan dijawab sekali

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek perumahan / perdagangan di Daerah Kuala Langat yang terbengkalai sejak tahun 2008 sehingga kini sebanyak 14 projek yang melibatkan 480 unit. Antara nama syarikat pemaju dan tarikh / tahun mula dibina serta status terkini projek terbengkalai di Daerah Kuala Langat seperti berikut :

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL. UNIT / JENIS	TARIKH MULA / SEPATUT SIAP	% SIAP BINA	STATUS TERKINI
1	Projek Perumahan Taman Desa Sri Jentayu 1 di atas Plot 15, LM 276 Lot 4324, Mukim Telok Panglima Garang	Tetuan Rhid Development Sdn.Bhd. (digulung)	24 Unit (Rumah Berkembar 1 Tingkat)	2003 / 2005	80%	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li><li>• <b>Pelikuidasi</b> : Rim bun Corporate Advisory Sdn Bhd</li><li>• Pelikuidasi dalam pengumpulan maklumat projek bagi merancang untuk</li></ul>

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL. UNIT / JENIS	TARIKH MULA / SEPATUT SIAP	% SIAP BINA	STATUS TERKINI
						pemulihan semula
2	Projek Perumahan Taman Sijangkang Perdana di atas GM 2073, Lot 679, Telok Panglima Garang	Pemaju : Tetuan Atlaw Housing Sdn.Bhd. (Digulung)	70 unit (Rumah Teres 1 Tingkat)	2003 / 2005	15%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> <li>• <b>Pelikuidasi :</b> Mustapharaj Sdn. Bhd.</li> <li>• Pelikuidasi dalam pengumpulan maklumat bagi merancang untuk pemulihan semula</li> </ul>
3	Projek Pembangunan di atas Lot 22, Seksyen 3, Pekan Telok Panglima Garang	Tetuan C.K. Lee Development Sdn. Bhd.	9 Unit (Kedai 3 Tingkat)	2004 / 2006	10%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> <li>• Terdapat cadangan meminda pelan pembangunan daripada kedai pejabat kepada perumahan.</li> </ul>
4	Projek Perumahan Taman Desa Sri Saujana 1 di atas lot 2159 GM 2751, Mukim Teluk Panglima Garang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)	44 Unit (Rumah Berkembar 1 Tingkat dan 2 Unit Rumah Sesebuah)	2005 / 2007	25%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> <li>• <b>Pelikuidasi :</b> Rimbun Corporate Advisory Sdn Bhd</li> <li>• Pelikuidasi dalam pengumpulan maklumat bagi merancang untuk pemulihan semula</li> </ul>
5	Projek Perumahan, Jalan Manggis, Batu 9, di atas Hakmilik Asal GM 1989, Lot 1647, Mukim Telok Panglima Garang	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	29 Unit (Plot Banglo)	2005 / 2007	10%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemajuan kerja 10% siap iaitu hanya kerja meratakan tapak</li> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL. UNIT / JENIS	TARIKH MULA / SEPATUT SIAP	% SIAP BINA	STATUS TERKINI
6	Projek Perumahan Taman Desa Lestari, Bukit Kemandol, Mukim Teluk Panglima Garang	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.	28 unit (Rumah Sesebuah Satu Tingkat)	2003 / 2005	80%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>
7	Projek Perumahan di atas LM 188, Lot 4208, Mukim Teluk Panglima Garang	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	28 unit (Rumah Berkembar Setingkat)	2006 / 2008	80%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>
8	Projek Perumahan Taman Desa Sri Permai 2, Di Atas Hakmilik PM 1797, Lot No. 3055, Mukim Teluk Panglima Garang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)	24 Unit (Rumah Banglo Satu Tingkat)	2004 / 2006	40%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 8 unit rumah telah dibina.</li> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> <li>• <b>Pelikuidasi</b> : Rim bun Corporate Advisory Sdn Bhd</li> <li>• Pelikuidasi dalam pengumpulan maklumat bagi merancang untuk pemulihan semula</li> </ul>
9	Projek Perumahan di atas HS(M) 11973, PT No. 14269, Mukim Tanjung Dua Belas	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.	30 Unit (Rumah Berkembar Setingkat)	2005 / 2007	60%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>
10	Projek Taman Langat Utama 3 di atas Hakmilik Individu, HS(M) 16314 PT 17272, Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.	30 Unit (Banglo Satu Tingkat)	2006 / 2008	20%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 unit rumah sahaja telah dibina.</li> <li>• 1 unit pencawang elektrik telah siap dibina.</li> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL. UNIT / JENIS	TARIKH MULA / SEPATUT SIAP	% SIAP BINA	STATUS TERKINI
11	Projek Perumahan Taman Desa Perwira di atas Hakmilik Induk No. PM 2392, Lot 7736, Mukim Tanjung Dua Belas	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	42 Unit (Rumah Berkembar 2 Tingkat)	2005 /2007	80%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada permohonan Kebenaran Merancang</li> <li>• <b>Pelikuidasi</b> : Jabatan Insolvensi Malaysia (Selangor)</li> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>
12	Projek Perumahan Taman Visi Nusa di atas Lot 2092, Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.	25 Unit (Rumah Sesebuah Satu Tingkat)	2003 / 2005	90%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 unit rumah telah diduduki dan 5 unit siap tetapi tidak diduduki.</li> <li>• 14 unit -90% siap</li> <li>• 3 unit -40 % siap.</li> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>
13	Projek Perumahan Di Atas Lot 175 dan 12163, Mukim Tanjung Dua Belas	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.	27 Unit (2 rumah berkembar 2 rumah banglo.	2006 / 2008	80%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan</li> </ul>
14	Projek Perumahan, Lot 2204, Tempat Batu 14, Tanjung Dua Belas, Mukim Tanjung Dua Belas	Tetuan Aghniyak Builders Sdn. Bhd.	70 Unit (Rumah Teres Satu Tingkat)	2005 / 2007	5%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya kerja tanah sahaja disiapkan.</li> <li>• Tiada kelulusan pelan pembangunan dan kerja tanah.</li> <li>• <b>Pemaju Penyelamat</b> : Raya Baiduri Sdn. Bhd. dilantik pada tahun 2012 namun tiada pemulihian dibuat.</li> </ul>

- c) Bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dari itu, KP KT adalah dipertanggungjawabkan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas projek-projek perumahan yang berlesen di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Akta 118). Selain itu juga, KP KT turut memantau ke atas projek yang dimajukan sebagai Pangaspuri Perkhidmatan (komersil) di mana sebelum pindaan 12 April 2007 Akta 118, pemajuan tersebut tidak perlu mendapatkan lesen pemajuan. Oleh demikian, mananya pemajuan perumahan berlesen di bawah KP KT dikategorikan sebagai projek lewat atau sakit atau terbengkalai maka tindakan penyelesaian akan diambil oleh KP KT dibawah Jabatan Perumahan Negara.

Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengambil inisiatif dalam membantu ke arah penyelesaian projek terbengkalai di Negeri Selangor yang mana tidak terhad kepada projek perumahan berlesen sahaja dibawah KP KT, namun merangkumi projek perumahan tanpa lesen, projek pembesaran kampung, projek komersial dan pembangunan perindustrian. Sehubungan dengan tersebut, LPHS telah mengambil tindakan pemantauan ke atas projek terbengkalai di Negeri Selangor dan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) sebelum sebarang cadangan pemulihan dibawa ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: HARGA RUMAH TINGGI**

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Selain faktor harga harta tanah yang tinggi, apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan harga rumah semakin tinggi?
- Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk mengurangkan kadar kenaikan harga rumah?

**JAWAPAN:**

a) Selain daripada faktor harga harta tanah yang tinggi, beberapa faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan harga jualan rumah yang biasanya diberikan penekanan oleh pemaju adalah seperti berikut:

i) **Kenaikan Harga Barang Pembinaan**

Pemaju menegaskan mereka dibebani dengan kenaikan harga batu bata, simen dan pasir yang secara tidak langsung akan meningkatkan kos-kos lain seperti kos pengangkutan, dan kos infrastruktur. Semakan rambang terhadap pasaran harga barang pembinaan untuk tahun ini sahaja mendapati, harga batu bata telah meningkat sebanyak 9 peratus kepada 25 sen berbanding 23 sen pada tahun 2010 dan harga besi kerangka pula meningkat 36 peratus kepada RM3,100 satu tan berbanding RM2,285 satu tan pada tahun 2010.

ii) **Pengenaan Kadar premium tanah**

Pemaju menegaskan kadar premium tanah yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) agak tinggi iaitu berdasarkan kepada pasaran harga semasa.

iii) **Pengenaan Caj-Caj / Bayaran Caruman**

Berdasarkan semakan lebih daripada 30 jenis bayaran / caj yang akan dikenakan oleh pihak berkuasa kepada pemaju bagi sesuatu pembangunan. Caj-caj ini termasuklah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal dan juga termasuklah Agensi-Agenzi Teknikal Swasta.

#### **iv) Kos Infrastruktur**

Hasil tinjauan yang pernah dijalankan, kebanyakan pemaju merasakan kos infrastruktur merupakan faktor yang paling utama terhadap peningkatan kos pembangunan projek. Ini kerana pemaju perlu menyempurnakan segala kemudahan infrastruktur dan utiliti seperti penyediaan jalan keluar masuk, penyediaan kemudahan dan bekalan air yang sempurna (SYABAS – seperti laluan paip dan tangki air), penyediaan kemudahan dan bekalan elektrik (TNB – seperti laluan kabel elektrik, penyediaan pencawang masuk elektrik) dan penyediaan kemudahan dan sistem pembentungan (IWK – penyediaan Sistem Kumbahan STP).

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa sedar tentang kenaikan harga rumah yang berlaku saban tahun. Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah termasuk memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang mula diperkenalkan pada awal tahun ini yang mana rumah-rumah mampu milik dikaji semula harga jualannya yang mana sekurang-kurangnya kos subsidi yang perlu diberikan terhadap Rumah Selangorku ini akan dapat mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh pemaju. Bagi menggalakkan penyediaan Rumah Selangorku ini Kerajaan Negeri pada peringkat permulaan telah dan akan memberikan insentif seperti pengurangan kadar premium tanah dan pengurangan caj pemajuan.

Oleh yang demikian, peranan utama Kerajaan Negeri adalah untuk pengawalan harga jualan rumah yang dikategorikan mampu milik sahaja yang mana pemilikan dikawal dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Manakala rumah-rumah yang dikategorikan harga bebas, pemaju berhak untuk menentukan harga jualan berdasarkan kepada harga pasaran semasa selagi harganya munasabah dan pendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui kelulusan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : TEATER SHAH ALAM**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk membina dan membaiki teater Shah Alam ?
- Siapakah yang diberi tanggungjawab untuk menjaga dan menguruskan bangunan teater tersebut ?
- Siapakah yang akan bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti-aktiviti dan pengisian teater tersebut serta nyatakan apakah bentuk pengisianya ?

**JAWAPAN:**

- Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk membina dan membaiki Teater Shah Alam adalah seperti berikut :-

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PERUNTUKAN</b>
1.	Kos pembinaan	RM 44,538,000.00
2.	Kos membaikpulih	RM 967,330.95
3.	Kos membina pagar	RM 145,246.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM45,650,576.95</b>

- Cadangan pembinaan Teater Shah Alam merupakan projek di bawah kendalian Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Kerajaan Negeri Selangor dengan kos pembinaan sebanyak RM44,538,000.00. Bangunan Teater Shah Alam ini telah disiapkan pada 6hb. Ogos 2008. Tempoh membaiki kecacatan (Defects liability period) adalah selama 24 bulan bermula dari 6hb Ogos 2008 hingga 7hb Ogos 2010. Sijil Kelayakan Menduduki (CF) bagi bangunan ini telah dikeluarkan pada 21hb. Oktober 2008. Pihak Majlis hanya diberi tugas untuk memantau dan menyelia perlaksanaan kerja-kerja pembinaan dan seterusnya menyerahkan semula pemilikan bangunan tersebut kepada Kerajaan Negeri.

Dengan arahan dari Kerajaan Negeri, satu kajian audit terhadap pembinaan dan pengurusan Bangunan Teater Shah Alam telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara pada 19hb Oktober 2009. Manakala pada 15 hingga 16hb. November 2010 pula, Kerajaan Negeri telah melantik Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) untuk membuat satu pemeriksaan "Building Condition Status Inspection Report

On The Royal Theater“ ke atas Bangunan Teater tersebut. Bagi melaksanakan tugas itu pihak PAM telah melantik Tetuan Architect Centre Sdn Bhd untuk memeriksa dan seterusnya menyediakan laporan “Building Condition Status Inspection Report On The Royal Theater“. Antara penemuan yang diperolehi dari kedua-dua laporan audit tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Bangunan Teater Shah Alam ini perlu sentiasa dan kerap digunakan bagi memastikan semua peralatan dan kelengkapan berada dalam tahap optima pada keupayaan peralatan sebenar. Kadar kerosakan pada peralatan dan kelengkapan akan berlaku dengan lebih cepat sekiranya bangunan tersebut tidak digunakan dalam satu tempoh yang lama.
- ii. Sebuah badan pengurusan yang berpengalaman dan berpengetahuan perlu dilantik untuk mengurus, menyelia dan menyelaras operasi bangunan agar sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Selaras dengan penemuan-penemuan audit tersebut pihak Majlis telah menyediakan satu kertas Exco – MTES Bil 15/241 bagi Cadangan Pentadbiran, Pengurusan, Penyelenggaraan dan operasi Bangunan Teater Shah Alam oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 3hb Jun 2011. Kertas tersebut telah dipersetujui dengan pindaan oleh pihak Exco dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 27/2011 pada 10hb. Ogos 2011.

Di dalam cabutan keputusan mesyuarat tersebut pihak Kerajaan Negeri telah menimbang dan meluluskan peruntukan sebanyak RM 1.3 juta kepada MBSA sebagai ‘**care-taker**’ Bangunan Teater Shah Alam untuk tempoh 6 bulan mulai 1hb. Julai 2011- 31hb. Disember 2011.

### **Proses Penyerahan Dan Ujilari Bangunan Teater Shah Alam**

Pada 21hb.Okttober 2011 pihak Majlis telah menerima sepucuk surat dari Pejabat Exco Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Kebudayaan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi & Inovasi yang memberi kebenaran kepada Tetuan SACC Convenc Sdn. Bhd. untuk menggunakan Bangunan Teater Shah Alam bagi tujuan ujilari bermula dari 21hb.Okttober 2011 sehingga 31hb. Disember 2011.

Bagi tujuan ujilari tersebut, SACC Convenc Sdn. Bhd. kemudiannya telah mempelawa pihak Astro Berhad untuk menggunakan Bangunan Teater Shah Alam sebagai lokasi bagi Program Maharaja Lawak Mega Astro yang disiarkan secara langsung pada setiap hari Jumaat dari jam 10.00 – 12.30 malam mulai 24hb. Oktober - 31hb. Disember 2011.

Bil keseluruhan bagi penggunaan Bangunan Teater Shah Alam tersebut berjumlah RM591,900.00. Pihak SACC Sdn Bhd pada 11hb Mei 2012 telah menjelaskan sebahagian bayaran berjumlah RM101,400.00 manakala caj sewaan berjumlah RM 490,500.00 masih belum dijelaskan oleh pihak SACC Convec Sdn. Bhd. MBSA telah bersetuju dengan diskaun sebanyak 50% dengan sejumlah **RM 235,849.00** dan telah pun dijelaskan secara beransur-ansur oleh pihak SACC Sdn Bhd. Perincian bayaran seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Tarikh Cek</b>	<b>Jumlah Bayaran (RM)</b>
1.	15 Februari 2013	58,962.25
2.	30 Mac 2013	58,962.25
3.	15 Mei 2013	58,962.25
4.	30 Jun 2013	58,962.25
<b>Jumlah</b>		<b>235,849.00</b>

- c) Berdasarkan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang bersidang pada 13 Mei 2011 telah bersetuju untuk melantik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebagai ‘Care Taker’ bangunan Teater Shah Alam untuk tempoh 6 bulan sahaja. Majlis Bandaraya Shah Alam telah mencadangkan tempoh ini bermula dari 1hb Julai 2011 sehingga 31hb Disember 2011. Beberapa aktiviti telah dijalankan di Teater Shah Alam. Antaranya ialah pada 14 Mac 2014 telah diadakan showcase kombo MBSA bersempena Malaysia Women Marathon (MWM) dan pada 19 April 2014 pula telah diadakan Malam Puisi Riong Shah Alam yang membawa tema Istikrar Cinta di mana program telah diberisi oleh tokoh seni, budayawan, kumpulan teater, kumpulan tari dan par pemuisi tanah air. Dalam pada itu, MBSA juga sedang melaksanakan kerjasama bersama JAIS untuk menjalankan aktiviti kerohanian di Teater Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: KEMUDAHAN TASKA DAN TADIKA DI TEMPAT BEKERJA**

206. Bertanya kepada Y.A..B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah kerajaan akan menetapkan agar kemudahan taska dan tadika di tempat bekerja perlu disediakan dalam permohonan kebenaran merancang (KM) untuk projek pembangunan kawasan komersial dan blok pejabat BUKAN KERAJAAN?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa kini tiada garis panduan khusus bagi tadika/ taska di tempat bekerja bagi premis bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun PBT ada mempertimbangkan permohonan-permohonan tadika dan taska yang hendak dijalankan di pembangunan komersial dan blok pejabat di tingkat bawah & 1 sahaja dengan mengenakan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Manakala bagi pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan, PBT akan mensyaratkan penyediaan taska/tadika 1 unit bagi setiap 200 unit kediaman berdasarkan Garis Panduan Manual Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi 2 (November 2010).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: PRODUK PERTANIAN SELANGOR**

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Apakah produk-produk pertanian utama di Selangor untuk pasaran dalam dan luar negara?
- Apakah ada sebarang jenama produk-produk pertanian Selangor yang dibangunkan untuk tujuan pemasaran dan promosi?

**JAWAPAN:**

- Produk-produk pertanian utama Selangor untuk pasaran dalam dan luar negara (2013)

<b>Bil</b>	<b>Produk</b>	<b>Nilai Pengeluaran (RM)</b>
1.	Padi	RM 272,974,327.00
2.	Sayur-sayuran	RM 30,709,269.00
3.	Buah-buahan	RM 15,284,100.00
4.	Tanaman kontan jagung/keledek/ubi kayu	RM 10,366,098.00
5.	Florikultur/bunga	RM 5,127,740.00
6.	Tanaman industri – kelapa/koko/kopi/cendawan	RM 3,443,462.00
7.	Herba dan rempah ratus	RM 3,105,941.00

Nota:

Sayur-sayuran utama: sawi, bayam, kangkung, kacang panjang, bendi, cili, terung

Buah-buahan utama: nenas, tembakai, rock melon, pitaya, belimbing, mangga

Herba dan rempah ratus utama: sirih, limau purut, serai

- b) Setakat ini tiada jenama khusus yang dibangunkan bagi produk-produk pertanian Selangor. Jabatan Pertanian menggalakkan usahawan membangunkan jenama mereka sendiri bagi produk-produk yang dihasilkan. Namun demikian, kerajaan Selangor melalui Jabatan Pertanian menyediakan dana dan bantuan bagi pembangunan kemudahan promosi dan pembungkusan produk kepada usahawan tani yang mendapat pensijilan MyGap dan SOM serta usahawan industri asas tani (IAT) .

Melalui Progam Perundingan & Pelaburan serta Program Industri Asas Tani Jabatan Pertanian, usahawan tani dan IAT akan dibantu bagi meningkatkan kualiti pemprosesan, pembungkusan, penjenamaan dan bantuan untuk promosi dan analisis makmal bagi kandungan nutrisi produk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: BANTUAN PINJAMAN SKIM PERUMAHAN RAKYAT**

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan skim ini kepada peminjam sasaran?
- b) Nyatakan statistik jumlah pinjaman yang telah diluluskan berbanding jumlah permohonan yang diterima?
- c) Bagaimana skim ini diwar-warkan kepada pengetahuan pembeli yang layak?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap kegagalan pembeli rumah kos rendah bagi mendapatkan pinjaman bank. Usaha untuk membantu golongan ini diperluaskan dengan cadangan Skim Pembiayaan Khas Rakyat (SPKR) di dalam peringkat akhir penyelarasan dengan pihak bank.
- b) dan c)

Setakat ini tiada sebarang pinjaman dapat diluluskan dan pemberitahuan kepada pembeli layak tidak dapat dilaksanakan memandangkan Skim Pembiayaan Khas Rakyat (SPKR) di dalam peringkat akhir penyelarasan dengan pihak bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PERUNTUKAN MARRIS**

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Berapakah peruntukan MARRIS 2014 telah yang dibelanjakan oleh kerajaan negeri dari Januari 2014 sehingga sekarang?
- b) Apakah peratus ini daripada jumlah peruntukan MARRIS untuk tahun 2014?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbendaharaan Negeri Selangor telah memberikan kuasa berbelanja kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan Selangor (JPS) sebagai agensi pelaksana bagi melaksanakan perolehan kerja terhadap projek-projek penyelenggaraan yang telah diperakukur sehingga 31 Mei 2014 oleh Jawatankuasa Pentadbir MARRIS seperti perincian berikut :-

Agensi	Bil Projek	Nilai Projek (RM)
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)  a) Berdasarkan RM 3juta setiap DUN b) Berdasarkan Peruntukan Panjang Jalan <b>Jumlah Pihak Berkuasa Tempatan</b>	455  322	163,984,402.90  <u>193,413,690.20</u>  <u><b>357,398,093.10</b></u>
Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)  (Berdasarkan RM 500,000 setiap PDT)	94	4,348,737.58
Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor	240	98,774,150.00
Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Negeri Selangor	34	3,619,700.00
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>1,145</b>	<b>464,140,680.68</b>

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor juga terikat dengan kontrak jangka panjang penyelenggaraan Jalan Negeri selama tujuh (7) tahun dengan syarikat KPS-HCM Sdn. Bhd. yang melibatkan nilai kontrak tahunan berjumlah **RM 35,000,000.00** di mana kontrak tersebut akan tamat pada 14 September 2015. Oleh yang demikian, nilai keseluruhan projek penyelenggaraan yang dirancang pada tahun 2014 adalah sebanyak **RM 499,140,680.68**.

Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri Selangor, sebanyak **RM 19,183,728.77** peruntukan MARRIS tahun 2014 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi pelaksana sepanjang tempoh Januari 2014 hingga 31 Mei 2014 seperti berikut :-

Agenzi Pelaksana	Bil Projek	Perbelanjaan (RM)
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	39	14,455,338.50
Pejabat Daerah / Tanah Gombak	4	263,040.00
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat	15	454,576.20
KPS-HCM Sdn Bhd (pembayaran melalui JKR Negeri Selangor)	-	4,010,774.07
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>	<b>58</b>	<b>19,183,728.77</b>

Baki 1,087 projek yang telah diperakukuan termasuk kontrak jangka panjang dengan syarikat KPS-HCM bernilai **RM 479,956,951.91** masih dalam pelaksanaan di mana penyaluran peruntukan MARRIS akan dibuat berdasarkan perakuan dan surat tuntutan dari Jabatan / Agensi.

- b) Perbelanjaan sebanyak **RM 19,183,728.77** yang direkodkan setakat 31 Mei 2014 ini mewakili **9.25%** daripada **RM 207,514,165.00** peruntukan MARRIS yang telah diterima dari Kerajaan Persekutuan atau **3.51%** dari **RM 546,642,110.96** yang dijangka di terima sebagai pembayaran peruntukan MARRIS pada tahun 2014. Peratusan perbelanjaan dijangka meningkat selari dengan penerimaan Surat Setuju Terima (SST) dan surat tuntutan bayaran dari agensi pelaksana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK: PEMBENIHAN AWAN**

210. Bertanyakan kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- Bagaimakah proses pemberian awan menggunakan teknologi dari Thailand dan berapakah kos yang telah dikeluarkan?
  - Adakah kaedah ini berjaya mencapai matlamatnya?

**JAWAPAN:**

- Pihak LUAS telah mengambil inisiatif menjemput pakar operasi pemberian awan daripada Jabatan Penerbangan untuk Penghasilan Hujan dan Pertanian Di Raja, Thailand (Royal Rainmaking and Agricultural Aviation Department) pada 2 hingga 6 Mei 2014. Kehadiran pakar daripada Thailand ini adalah bagi mendapatkan pandangan teknikal dan cadangan kaedah penambahbaikan yang boleh dibuat bagi meningkatkan keberkesanan operasi pemberian awan yang telah dijalankan di kawasan tadahan empangan di Negeri Selangor. Pakar daripada Thailand tersebut juga telah turut serta dalam operasi pemberian awan bersama LUAS dan Jabatan Metorologi Malaysia semasa tempoh lawatan. Kos yang dikeluarkan bagi mendapatkan pandangan teknikal dan kepakaran daripada Thailand adalah hanya melibatkan tiket penerbangan pergi-balik dari Thailand ke Kuala Lumpur, kos penginapan hotel dan juga elauan perjalanan serta perundingan. Jumlah kos yang terlibat ialah RM11,514.80.

Berdasarkan perbincangan, teknik perubahan cuaca (*weather modification*) yang digunakan bagi operasi pemberian awan di Thailand dikenali sebagai “*Teknik Sandwich*” dimana pelbagai bahan digunakan dalam operasi pemberian awan seperti ais kering, sodium klorida, kalsium klorida dan lain-lain lagi pada altitud ketinggian yang berbeza. Dalam hubungan ini, beberapa kapal terbang akan diperlukan untuk menjalankan operasi pemberian awan tersebut secara serentak bagi meningkatkan keberkesanan operasi pemberian awan.

- b) Kaedah yang digunakan oleh Negara Thailand adalah berbeza dan lebih maju berbanding di Malaysia yang hanya menggunakan 'hygroscopic flare'. 'Flare' akan dibakar dan menghasilkan partikel halus untuk bertindakbalas apabila wujudnya awan kumulus menara yang seterusnya menghasilkan hujan. Dengan kelengkapan dan peralatan sedia ada di dalam negara, operasi yang dijalankan bersama wakil jabatan tersebut berjaya meningkatkan kadar hujan secara keseluruhannya di kawasan tадahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: PERUMAHAN DAN HAK MILIK TANAH FELDA DI HULU SELANGOR**

211. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek pecah tanah untuk rumah 2012 oleh Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor di FELDA Sg Tengi Selatan?
- b) Apakah status permohonan geran peneroka peringkat 6 di FELDA Soeharto dan Felda Sungai Tengi Selatan?
- c) Kenapa tanah yang diambil oleh MB Incorp (MBI) seluas 1800 ekar tidak diagih-agihkan kepada peneroka seperti yang dijanjikan?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis pecah tanah yang dilakukan pada 2012 telah diadakan di atas tanah milik Felda, maka tiada perkembangan yang berlaku selepas itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meminta Unit Pembangunan Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membuat kajian terperinci cadangan membina rumah mampu milik bagi generasi kedua Felda. Bagi maksud tersebut, tanah seluas 40 ekar di Felda Sg. Tengi Selatan telah dikeluarkan daripada pewartaan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang dahulunya adalah sebahagian dalam Hutan Simpan Bukit Belata yang telah dibatalkan.
- b) Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 25/2012 pada 4 Julai 2012 melalui kertas MMK No. 40/25/2012 telah membuat pertimbangan seperti berikut:
  - i) Menolak Permohonan Di Bawah Akta Tanah (kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 Felda Sg. Tengi Selatan.
  - ii) Meluluskan secara pewartaan di bawah Seksyen 4, 5, 6 dan 8 Akta Tanah Penempatan Berkelompok 1960 kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk perladangan dan penempatan peneroka seramai 139 orang di Felda Sg. Tengi Selatan, Mukim Sungai Tinggi Daerah Hulu Selangor seluas lebih kurang 679.97 hektar (1,679 ekar).
  - iii) Meluluskan permohonan secara pemberimilikan kepada Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) Felda Sg. Tengi Selatan, Mukim Sungai

- Tinggi Daerah Hulu Selangor seluas lebih kurang 1,128 hektar (2,780 ekar).
- iv) Disyorkan untuk tapak kilang sawit dan perumahan kakitangan kilang seluas lebih kurang 60 hektar (148.26 ekar) kepada Felda dengan bayaran dan syarat-syarat yang dikenakan.

Proses pengeluaran hak milik kepada 139 peneroka di Felda Sg. Tengi ditangguhkan kerana urusan pewartaan di bawah Akta Tanah (GSA 1960) masih belum selesai. Permohonan Ukur (No PU 14/2014) telah dihantar dan penyediaan pelan warta masih di dalam tindakan pihak Jabatan Ukur Dan Pemetaan (JUPEM) pada 9.4.2014.

Manakala di Felda Soeharto pula tiada permohonan hak milik yang tertangguh di Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor.

- c) Dimaklumkan bahawa tanah Felda Sg. Tengi Selatan seluas lebih kurang 4,695 ekar yang mana didapati seluas lebih kurang 2,780 ekar adalah berstatus tanah kerajaan Negeri Selangor.

Mesyuarat MMKN ke 25/2012 pada 4/7/2012 memutuskan tanah seluas 2,780 ekar tersebut diberimilik kepada MBI dan diusahakan bersama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) bagi menaiktaraf sektor penanaman kelapa sawit dengan lebih teratur.

MBI mahupun Kerajaan Negeri tidak pernah berhasrat untuk mengagih-agihkan tanah tersebut kerana peneroka terlebih dahulu telah menerima tanah seluas lebih kurang 1,679 ekar yang diuruskan oleh pihak FELDA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM**

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah orang yang telah dikenakan tindakan untuk pembuangan sampah secara haram di setiap PBT (2012-2014)?
  - b) Berapa peratus kompaun ini telah dibayar
  - c) Berapa kes yang telah menang dan kalah di mahkamah?

**JAWAPAN:**

Jawapan a), b) dan c) adalah bersekali seperti di **Lampiran 1.**

**Lampiran 1**

**BILANGAN ORANG DIKENAKAN TINDAKAN AKIBAT MEMBUANG SAMPAH  
SECARA HARAM BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014**

PBT	BIL. KOMPAUN/ORANG DIKENAKAN TINDAKAN	KOMPAUN DIBAYAR	BIL. KES MAHKAMAH MENANG/KALAH
MBSA	2012: 28 2013: 37 2014: 9 Jumlah: 74	29.63% 16 kompaun dari 54 kompaun telah dibayar	Tiada Kes
MBPJ	2012: 176 2013: 83 2014: 24 Jumlah: 283	61% 56% 37%	Tiada Kes
MPK	2012: 541 2013: 349 2014: 94 Jumlah: 984	100%	Tiada Kes
MPSj	2012: 15 2013: 34 2014: 5 Jumlah: 54	- 22% 20%	2 Menang
MPS	2012: 42 2013: 20 2014: 2 Jumlah: 64	69% 12% 50%	Tiada Kes
MPKj	2012: 248 2013: 354 2014: 99 Jumlah: 701	56% 67% 75%	2 Menang
MPAJ	2012: 323 2013: 397 2014: 172 Jumlah: 892	44% 47.6% 34.3%	Tiada Kes

MPSp	2012: 28 2013: 42 2014: 61 Jumlah: 131	100%	Tiada Kes
MDKS	2012: 38 2013: 40 2014: 44 Jumlah: 122	34.21% 65.00% 65.91%	Tiada Kes
MDKL	2012: Hingga 2014: Jumlah: 49	75%	Tiada Kes
MDSB	2012: 7 2013: 9 2014: 3 Jumlah: 19	85.70% 88.89% 66.67%	1 Menang
MDHS	2012 hingga 2014 Jumlah: 15	30%	Tiada Kes

\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : JAMBATAN RUNTUH DI PERSIMPANGAN CYBERJAYA – PUTRA PERDANA**

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini kerja baik pulih jambatan tersebut?
- b) Berapa peratuskah status kerja pembaikan yang telah siap?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini kerja baik pulih jambatan adalah seperti berikut :-
  - i) Laporan forensik oleh Perunding bebas hanya siap pada 16 Mei 2014 yang lalu dan telah diedar kepada PKNS dan PLUS.
  - ii) Perbincangan lanjut akan diadakan dengan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS untuk membincangkan dan mengkoordinasi kaedah kerja pembaikan.
- b) PKNS telah bersedia untuk memanggil tender untuk kerja-kerja pembaikan bila-bila masa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK:      BANJIR LUMPUR DI KAMPUNG BATU TIGA, JALAN BANGI LAMA  
SEMENYIH**

214. Bertanyakan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah banjir lumpur di kawasan tersebut?
- b) Apakah tindakan ke atas pemaju perumahan yang tidak menitikberatkan sistem perparitan di tapak projek?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi langkah jangka masa pendek, Notis Berhenti Kerja telah dikeluarkan kepada pemaju UEM Land Berhad bagi mengambil langkah pencegahan banjir dan pihak pemaju telah pun mengorek dan mendalamkan longkah tanah di hadapan tapak pembangunan. Bagi langkah jangka masa panjang pula, pihak pemaju perlu mematuhi spesifikasi dan syarat kelulusan yang akan diisyaratkan oleh pihak JPS kelak di mana kesemua longkang perlu dibina / dinaiktaraf dan diselenggara sehingga ke saluran keluar utama.
- b) Notis Berhenti Kerja telah dikeluarkan kepada pemaju pada 30/4/2014 bagi melaksanakan kerja-kerja mengatasi masalah banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK: JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT PBT**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan bilangan mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat mengikut PBT bagi tahun 2013.
  - Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengkaji semula fungsi dan peranan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat memandangkan ianya kurang berkesan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan PBT.

**JAWAPAN:**

- Berikut bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat mengikut PBT bagi tahun 2013:

<b>PBT</b>	<b>Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa</b>
MBSA	5
MBPJ	9
MPK	3
MPAJ	4
MPSJ	12
MPS	5
MPKJ	3
MPSp	5
MDKL	3
MDHS	3
MDKS	3
MDSB	3
<b>JUMLAH</b>	<b>58</b>

Nota: Mengikut Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT: SPBT Bil.5/2010 menyatakan keperluan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat sebanyak 3 kali setahun

- b) Kerajaan Negeri telah mengarahkan Penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat di semua Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2009. Manual Tatacara Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Pihak Berkuasa Tempatan Selangor melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT: SPBT Bil.5/2010 telah dikeluarkan dan diedarkan untuk kegunaan semua PBT. Ia bertujuan untuk mewujudkan "check and balance" dalam pengurusan kewangan dan pengurusan korporat PBT serta menjelaskan fungsi dan peranan yang perlu dilaksanakan oleh Jawatankuasa berkenaan. Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak berhasrat mengkaji semula fungsi dan peranan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat.

Peranan audit dari agensi di luar PBT (Jabatan Audit Negara dan Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor) juga turut memantau aktiviti dan operasi PBT bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan keberkesanan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DESA**

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar kerajaan bagi pembangunan dan penyediaan infrastruktur di kawasan luar bandar?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk setiap kampung mengikut DUN?

**JAWAPAN :**

- a) Dasar kerajaan bagi pembangunan dan penyediaan infrastruktur di kawasan luar Bandar iaitu Pembangunan Desa merupakan projek yang diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri. Secara dasarnya, peruntukan sebanyak RM800,000.00 akan disalurkan kepada setiap daerah untuk tujuan projek infrastruktur di daerah tersebut. Pejabat-pejabat daerah telah mengemukakan cadangan-cadangan projek bagi infrastruktur di daerah masing-masing kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetam Pembangunan Desa. Permohonan-permohonan tersebut akan dinilai semula di peringkat Unit Perancangan Ekonomi Negeri bagi meneliti tahap kritikal sesuatu projek tersebut untuk diluluskan bagi mengelakkan sebarang pembaziran. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat mana-mana projek infrastruktur yang sangat kritikal dan memerlukan tindakan segera, akan diberi keutamaan
- b) Bagi pembangunan infrastruktur luar bandar, bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 4,176,600.03 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Satu Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu Enam Ratus dan Sen Tiga Sahaja) dengan 204 buah projek melibatkan 190 buah kampung dan 50 kawasan Dewan Negeri Selangor. Perincian adalah seperti di Lampiran A.

Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 4,356,468.30 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Tiga Ratus Lima Puluh Enam Ribu Empat Ratus Enam Puluh Lapan dan Sen Tiga Puluh Sahaja) bagi peruntukan cadangan Projek Infrastruktur Luar Bandar Negeri Selangor Tahun 2014. Peruntukan ini melibatkan 162 buah kampung dan bagi 47 kawasan Dewan Negeri Selangor. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada semua sembilan (9) Pejabat Daerah di Negeri Selangor pada April 2014. Pecahan peruntukan mengikut setiap DUN adalah seperti di Lampiran B.

**SENARAI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN BAGI**  
**TAHUN 2013 PERUNTUKAN RM500,000.00 BAGI**  
**SETIAP DAERAH DI NEGERI SELANGOR**

BIL.	DAERAH	JUMLAH PROJEK	PERBELANJAAN (RM)
1	PETALING	15	483,158.90
2	KLANG	24	499,316.00
3	GOMBAK	24	518,307.46
4	HULU LANGAT	25	501,145.70
5	SEPANG	11	432,160.00
6	KUALA LANGAT	20	399,153.34
7	KUALA SELANGOR	17	358,978.00
8	HULU SELANGOR	25	488,338.53
9	SABAK BERNAM	43	496,042.10
JUMLAH		204	4,176,600.03

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH PETALING BAGI TAHUN 2013**  
**SEHINGGA 30 DISEMBER 2013**  
**(RM500,000.00 SETIAP DAERAH)**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
	<b>LONGKANG / PERPARITAN</b>					<b>92,550.00</b>
1	Kerja-kerja membina v-shape drain serta membekal dan memasang penghadang jalan di Jalan Sekolah, Kampung Bukit Cherakah Jaya.	Kapar	Meru	Bukit Raja	Kampung Bukit Cherakah Jaya	30,950.00
2	Kerja-kerja bagi membaikpulih serta menyelenggara longkang yang tersumbat di Jalan Gajah 4, Kampung Kubu Gajah.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Kubu Gajah	30,800.00
3	Kerja-kerja bagi membesarkan pembentung bulat sediaada di simpang Lorong 2 dan Lorong 3, Kampung Merbau Sempak.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Merbau Sempak	30,800.00
	<b>DEWAN / BALAIRAYA</b>					<b>340,818.90</b>
4	Kerja-kerja membaikpulih bumbung bangunan dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Balai JKKK Kampung Batu 12, Puchong.	Serdang	Seri Serdang	Petaling	Kampung Batu 12	73,360.00
5	Kerja-kerja membaikpulih kerosakan bangunan dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Balai JKKK, Kampung Paya Jaras Dalam, Sungai Buloh.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Paya Jaras Dalam	28,416.00
6	Kerja-kerja membaikpulih kerosakan bangunan dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Balai JKKK, Kampung Paya Jaras Hulu, Sungai Buloh.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Paya Jaras Hulu	31,150.00
7	Kerja-kerja membaikpulih kerosakan bangunan dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Balai JKKK, Kampung Paya Jaras Tengah, Sungai Buloh.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Paya Jaras Tengah	26,400.00
8	Kerja-kerja membaikpulih kerosakan bangunan dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Balai JKKK, Kampung Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Paya Jaras Hilir	28,160.00
9	Kerja-kerja membaikpulih kerosakan bangunan dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Balai JKKK Kampung Bukit Cherakah Jaya.	Kapar	Meru	Bukit Raja	Kampung Bukit Cherakah Jaya	24,780.00
10	Kerja-kerja membaikpulih kerosakan bangunan dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Balai JKKK, Kampung Melayu Subang, Sungai Buloh.	Subang	Kota Damansara	Sungai Buloh	Kampung Melayu Subang	26,355.00
11	Kerja-kerja bagi menyelenggara Dewan JKKK Kampung Merbau Sempak.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Merbau Sempak	30,800.00
12	Kerja-kerja Mengantikan Bumbung Dan Mengecat Luar Bangunan Serta Kerja-kerja Lain yang berkaitan di Balairaya JKKK Kampung Budiman	Kapar	Meru	Bukit Raja	Kampung Budiman	30,870.00
13	Kerja-kerja Membaikpulih Kerosakan Bangunan Dan Kerja-kerja Lain Yang Bersangkutan Di Balai JKKK Kampung Kenangan, Batu 13, Puchong Di Dalam Daerah Petaling	Puchong	Kinrara	Petaling	Kampung Kenangan, Batu 13, Puchong	40,527.90
	<b>KEMUDAHAN SUKAN</b>					<b>23,175.00</b>
14	Kerja-kerja membaikpulih serta menaiktaraf gelanggang badminton dan takraw di Kampung Paya Jaras Hulu, Sungai Buloh.	Subang	Paya Jaras	Sungai Buloh	Kampung Paya Jaras Hulu	23,175.00
	<b>SURAU / SEKOLAH / MASJID</b>					<b>26,615.00</b>
15	Kerja-kerja membina tempat wuduk, membaikpulih ruang solat dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Surau Kampung Baru Hicom, Shah Alam.	Kota Raja	Sri Muda	Damansara	Kampung Baru Hicom	26,615.00
	<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>					<b>483,158.90</b>

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG BAGI  
TAHUN 2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013  
(RM500,000.00 SETIAP DAERAH)**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>JALAN</b>						<b>227,718.00</b>
1	Membaiki kerosakan Jalan Benteng dan Lorong Perepat 6, Kg. Perepat Klang.	Kapar	Sementa	Rantau Panjang	Kg Perepat	17,000.00
2	Membaiki kerosakan Lorong Lapis 5	Kapar	Sementa	Rantau Panjang	Kg Sementa	12,000.00
3	Membaiki Kerosakan Jalan Perepat Indah	Kapar	Sementa	Rantau Panjang	Kg Perepat	14,000.00
4	Membaiki Kerosakan Lorong Haji Omar Kamat	Klang	Sg Pinang	Rantau Panjang	Kg Batu 3	15,000.00
5	Membaiki kerosakan Pengkalan Rantau Marin.	Klang	Sg Pinang	Rantau Panjang	Kg R.Panjang	13,000.00
6	Menyelenggara Jalan dan Membina Longkang konkrit di Jalan Susur Belakang Kg. Sg. Sireh Tambahan 2	Klang	Selat Klang	Telok Gadong	Kg Sg Sireh Tambahan 2	28,686.00
7	Menurap Jalan Susur Kg Keretapi	Klang	Selat Klang	Telok Gadong	Kampung Keretapi	18,500.00
8	Menurap semula jalan premix dan mengorek longkang tanah serta kerja berkaitan di Jalan Zainal Abidin.	Klang	Pelabuhan Klang	Pulau Indah	Kg. Perigi Nenas	49,440.00
9	Menurap jalan premix dan membaiki kerosakan jalan II dan III Jalan Siantan	Kapar	Sementa	Kapar	Kg. Sg. Serdang	47,592.00
10	Membaiki jalan crusher run di Lorong Tengah Jalan Pusara	Kapar	Sementa	Kapar	Kg. Batu 12	12,500.00
<b>BANGUNAN</b>						<b>14,000.00</b>
11	Membina dan memasang kabin 'Light Duty' berbungung serta kerja-kerja berkaitan.	Kapar	Sementa	Rantau Panjang	Kg Sementa	14,000.00
<b>PAGAR</b>						<b>18,000.00</b>
12	Menyelenggara Dewan Serbaguna Kg Rantau Panjang.	Kapar	Sg Pinang	Rantau Panjang	Kg Sg Pinang	18,000.00

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG BAGI  
TAHUN 2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013  
(RM500,000.00 SETIAP DAERAH)**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>PARIT / LONGKANG</b>						<b>51,500.00</b>
13	Mengorek dan mencuci parit dari Lorong Bunga Melor ke Lorong Bunga Raya Kampung Keretapi.	Klang	Selat Klang	Telok Gadong	Kampung Keretapi	10,000.00
14	Menaiktaraf longkang konkrit di jalan Muhibbah Kg. Padang Jawa	Shah Alam	Batu Tiga	Bukit Raja	Kg. Padang Jawa	19,900.00
15	Kerja-kerja pembersihan longkang di Lorong Sri Gambut Kg. Bukit Naga, Klang	Kota Raja	Sri Muda	Jalan Kebun	Kg. Bukit Naga	13,600.00
16	Menyelenggara dan membersihkan kawasan longkang tersumbat dan kerja berkaitan di Jalan Masjid di Kg. Kapar	Kapar	Sementa	Kapar	Kg. Kapar	8,000.00
<b>DEWAN / BALAI</b>						<b>127,800.50</b>
17	Menyelenggara Balai JKKG Kg Raja Uda	Klang	Pandamaran	Telok Gadong	Kg Raja Uda	33,748.00
18	Menyelenggara Balai JKKG Kg. Sg. Kembong, Pulau Indah	Klang	Pelabuhan Klang	Pulau Indah	Kg. Sg. Kembong	30,752.50
19	Menyelenggara Balai JKKG Kg Kuantan	Shah Alam	Batu Tiga	Bukit Raja	Kg. Kuantan	14,600.00
20	Menyelenggara Balai JKKG Kg. Padang Jawa	Shah Alam	Batu Tiga	Bukit Raja	Kg. Padang Jawa	18,300.00
21	Kerja-kerja membaikpulih balai JKKG Kg. Jalan Kebun	Shah Alam	Sri Muda	Jalan Kebun	Kg. Jalan Kebun	10,400.00
22	Menyelenggara Balai JKKG Kg. Tok Muda	Kapar	Sementa	Kapar	Kg. Tok Muda	20,000.00
<b>DATARAN</b>						<b>20,297.50</b>
23	Menurap dataran kejat dan kerja-kerja berkaitan di padang Futsal, Kg. Johan Setia	Shah Alam	Sri Muda	Jalan Kebun	Kg. Johan Setia	20,297.50
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>499,316.00</b>
<b>PROJEK TAMBAHAN</b>						
24	Kerja-kerja Membaikpulih Dan Kerja Tambahan Bagi Pembesaran Surau Serta Menurap Dengan Tar Dataran Surau Nurul Haq Telok Kapas, Kg. Rantau Panjang	Klang	Sg Pinang	Rantau Panjang	Kg R.Panjang	40,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>40,000.00</b>

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH GOMBAK BAGI  
TAHUN 2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013  
(RM500,000.00 SETIAP DAERAH)**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>JALAN</b>						<b>119,024.22</b>
1	Menurap Jalan Masjid Al-Shariff di Kg.simpang Tiga Gombak	Gombak	Gombak Setia	Setapak	Kg.Simpang Tiga	9,990.00
2	Menurap Jalan Di Kg.Sg.Salak Di Kg.Gombak Utara	Gombak	Gombak Setia	Setapak	Gombak Utara	19,980.00
3	Menurap Jalan Tengah 1 di Kg.Tengah Gombak	Gombak	Gombak Setia	Setapak	Kg.Tengah	19,980.00
4	Kerja-kerja menurap jalan Timur di Kg.selayang Pandang	Selayang	Taman Templer	Batu	Selayang Pandang	19,996.20
5	Menaiktaraf jalan di Kg.Masjid Sg.Buloh	Subang	Paya Jaras	Batu	Kg.Masjid	29,993.02
6	Menurap jalandi Tanah Perkuburan Lorong Beringin, Kg.Chempedak Kuang	Selayang	Kuang	Rawang 2	Kg..Chempedak	19,085.00
<b>LONGKANG / PARIT / PEMBENTUNG</b>						<b>197,338.19</b>
7	Membina dan menaiktaraf longkang konkerit di lorong-lorong Kg.Changkat Gombak	Gombak	Gombak Setia	Setapak	Kg.Changkat	19,995.12
8	Menukar pembetong konkerit di Kg.Kerdas	Gombak	Gombak Setia	Setapak	Kg.Kerdas	9,999.85
9	Kerja-kerja menaiktaraf longkang di Kg.nakhoda	Gombak	Batu caves	Batu	Kg. Nakhoda	19,994.79
10	Kerja-kerja membaiki longkang-longkang di lorong-lorong Kg.Baru Batu Caves	Gombak	Batu caves	Batu	Kg.Baru Batu Caves	19,996.74
11	Memabiki longkang di Sg.Udang Kg.Mahkota	Gombak	Batu Caves	Batu	Kg.Mahkota	19,996.41
12	Membaikpulih longkang di Peringkat 3 Kg.Sg.Serai Kuang	Selayang	Kuang	Rawang 2	Kg.Sg.Serai	19,643.47
13	Kerja-kerja membina dan membaiki longkang di Kg.Permata Kundang	Selayang	Kuang	Rawang 2	Kg.Permata	29,997.00
14	Membina pembetong konkerit di jalan Setia 3	Selayang	Kuang	Rawang 2	Kg..Setia	19,978.40
15	Membaiki longkan pecah dan rosak di lorong Kg.Tanjung Sg.Coh Rawang	Selayang	Rawang	Rawang 1	Kg.Tanjung	19,622.00
16	Membaik longkang rosak di Kg.Kenanga Rawang	Selayang	Rawang	Rawang 1	Kg. Kenanga	18,114.41
<b>DEWAN / BALAI RAYA</b>						<b>124,202.06</b>
17	Menaiktaraf Dewan Serbaguna JKJK Kg.Kemensah	Gombak	Hulu Klang	Hulu Klang	Kemensah	44,968.56
18	Mengganti bumbung dewan JKJK Kg.Sg.Tua Bharu	Gombak	Batu caves	Batu	Sg.Tua Bharu	19,990.80
19	Menaiktaraf Balai JKJK Kg.Sg Serai Kuang	Selayang	Kuang	Rawang 2	Kg.Sg.Serai	19,688.00

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH GOMBAK BAGI  
TAHUN 2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013  
(RM500,000.00 SETIAP DAERAH)**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
20	Membaikpulih dewan JKKG Kg.Melayu Seri Kundang	Selayang	Kuang	Rawang 2	Kg.Melayu Seri Kundang	19,554.70
21	Membaikpulihdewan JKKG Batu Arang	Selayang	Kuang	Rawang 1	Batu Arang	20,000.00
<b>SURAU / SEKOLAH / MASJID</b>						<b>44,967.99</b>
22	Membina Tandas Baru Di Surau Kg.Setia Kuang	Selayang	Kuang	Rawang 2	Kg.setia Kuang	19,995.15
23	Kerja-Kerja menurap Tar Di Kawasan Surau Al-Muttaqin, Taman Desa Mas, Country Homes Rawang	Selayang	Rawang	Rawang 1	Rawang	24,972.84
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>518,307.46</b>
<b>PROJEK TAMBAHAN</b>						
24	Permohonan Peruntukan Bagi Menurap Jalan Di Tanah Perkuburan Islam Di Kg. Selayang Baru, Mukim Batu, Daerah Gombak	Selayang	Taman Templer	Batu	Kg. Selayang Baru	32,775.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>32,775.00</b>

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT BAGI TAHUN 2013  
SEHINGGA 30 DISEMBER 2013**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>JALAN/DATARAN/LALUAN BERBUMBUNG</b>						<b>213,706.00</b>
1	Menurap Semula Jalan di Kg Kuala Pangsoon	Hulu Langat	Dusun Tua	Hulu Langat	Kg Kuala Pangsoon	20,000.00
2	Menurap Semula Jalan di Sg Balak Baru, Kg. Sungai Balak	Hulu Langat	Balakong	Kajang	Kg Sg Balak	19,974.00
3	Menurap Semula Jalan Permai A, Kg. Tasek Permai	Ampang	Lembah Jaya	Ampang	Kg Tasek Permai	19,980.00
4	Menurap Semula Lorong Hj Abas, Kg Sg Rinching Hilir	Hulu Langat	Semenyih	Beranang	Kg Rinching Hilir	19,940.00
5	Menurap Semula Lorong Hj Ismail dan Lorong Pesah di Kg Sg Purun	Hulu Langat	Semenyih	Semenyih	Kg Sg Purun	33,000.00
6	Menurap Semula Jalan di Lorong Pinang 3 dan Lorong Pinang 4, Kg Melayu Ampang	Ampang	Bukit A/bangsa	Ampang	Kg Melayu Ampang	19,990.00
7	Menurap Semula Jalan Pak Mail Kg Bkt Dukong	Hulu Langat	Kajang	Kajang	Kg Bukit Dukong	20,000.00
8	Menurap Semula Jalan Sg Jerang Kg Jawa, Hulu Langat	Hulu Langat	Dusun Tua	Hulu Langat	Kg Jawa	26,050.00
9	Membaikpulih Jalan Sungai Chongkak	Hulu Langat	Dusun Tua	Hulu Langat	Sg. Chongkak	14,772.00
10	Menurap Semula Jalan Saidina Umar 2, Ampang	Ampang	Lembah Jaya	Ampang	Jalan Saidina Umar 2	20,000.00
<b>LONGKANG/PARIT/PEMBENTUNG</b>		<b>0.00</b>	<b>0.00</b>			<b>181,820.60</b>
11	Menyelenggara Longkang di Taman Kajang Utama	Serdang	Bangi	Kajang	Taman Kajang Utama	30,000.00
12	Menyelenggara Longkang di Jalan Saidina Umar, Kg Bkt Sg Putih	Ampang	Lembah Jaya	Ampang	Kg Bkt Sg Putih	19,990.00
13	Menyelenggara Longkang di Jalan Indah 2, Kg. Ampang Indah	Ampang	Lembah Jaya	Ampang1	Kg Ampang Indah	25,480.00
14	Menyelenggara Longkang dan Pembetung di Jalan Saujana Kg Sg Ramal Dalam	Serdang	Bangi	Kajang	Kg Sg Ramal Dalam	19,350.60
15	Membaikpulih Longkang dan Pembetung di Sg Gahal Kg Bt 14	Hulu Langat	Dusun Tua	Hulu Langat	Kg Bt 14	20,000.00
16	Membaikpulih pembetung di Jalan Pusara, Kg Kuala Perdek	Hulu Langat	Dusun Tua	Hulu Langat	Kg Kuala Perdek	22,000.00
17	Menyelenggara Longkang dan tembok penahan tebing di Jalan Bunga Raya 2/C Kg Sg Raya	Hulu Langat	Kajang	Cheras	Kg Sg Raya	20,000.00
18	Membaikpulih Longkang berhampiran Lot 305 dan lot 2097 Kg Bt 13	Serdang	Balakong	Kajang	Kg Bt 13	25,000.00
<b>DEWAN/BALAI RAYA</b>						<b>56,613.10</b>
19	Menurap kawasan keliling Balairaya Kg Sesapan Kelubi	Hulu Langat	Semenyih	Beranang	Kg Sesapan Kelubi	22,000.00
20	Membaikpulih Balairaya Pekan Bangi, Kg Bangi	Serdang	Bangi	Kajang	Kg Bangi	10,000.00
21	Membaikpulih pendawaian elektrik Balairaya Kg Sg Ramal Luar	Serdang	Bangi	Kajang	Kg Sg Ramal Luar	14,913.10
22	Membaikpulih Atap Balairaya Kg Bt 13	Serdang	Balakong	Kajang	Kg Bt 13	9,700.00
<b>JAMBATAN/TITI</b>						<b>34,750.00</b>
23	Menyelenggara Jambatan Kayu di Kg Sg Kantan	Hulu Langat	Kajang	Kajang	Kg Sg Kantan	19,750.00
24	Menyelenggara Jambatan Di Jalan Tok Susu Kg. Sg. Sekamat	Hulu Langat	Dusun Tua	Hulu Langat	Kg. Sg. Sekamat	15,000.00
<b>PELBAGAI</b>						<b>14,256.00</b>
25	Membina Tapak Pembuangan Sampah Di Kg. Sg. Balak	Hulu Langat	Balakong	Kajang	Kg Sg Balak	14,256.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>501,145.70</b>

LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH SEPANG BAGI

BIL.	NAMA PROJEK	DUN	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>JALAN</b>				
1	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan PLB dan Kerja-kerja Berkaitan Di Kg. Pulau Meranti Tambahan, Daerah Sepang	Dengkil	Kg. Pulau Meranti Tambahan	64,800.00
2	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan PLB dan Kerja-kerja Berkaitan Di Jalan Pasar, Jalan Bukit, Jalan Sempadan dan Jalan Kerayong, Kg. Bukit Bangkong, Daerah Sepang	Tg. Sepat	Kg. Bukit Bangkong	121,860.00
<b>DEWAN/BALAI RAYA</b>				
3	Kerja-kerja Membaiki Balairaya Kg. Salak, Daerah Sepang	Sg. Pelek	Kg. Salak	18,800.00
4	Kerja-kerja Membaiki Dewan Kg. Labu Lanjut, Daerah Sepang	Sg. Pelek	Kg. Labu Lanjut	32,230.00
5	Cadangan Menyelenggara Dan Membaikpulih Balai Penghulu Mukim Sepang	Sg. Pelek	Kg. Sepang	30,268.00
<b>KEMUDAHAN SUKAN</b>				
6	Kerja-Membapkulih Gelanggang Futsal Kg. Bukit Bangkong, Daerah Sepang	Tg. Sepat	Kg. Bukit Bangkong	30,368.00
7	Kerja-kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal Kg. Labu Lanjut, Daerah Sepang	Sg. Pelek	Kg. Labu Lanjut	29,880.00
8	Kerja-kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal Bandar Baru Salak Tinggi, Daerah Sepang	Sg. Pelek	Bandar Baru Salak Tinggi	23,180.00
9	Kerja-kerja Pendawaian Baru Gelanggang Futsal Kg. Labu Lanjut, Daerah Sepang	Sg. Pelek	Kg. Labu Lanjut	22,980.00
10	Kerja-kerja Pendawaian Baru Di Gelanggang Futsal Bandar Baru Salak Tinggi, Daerah Sepang	Sg. Pelek	Bandar Baru Salak Tinggi	24,300.00
11	Kerja-kerja Pendawaian Baru Di Gelanggang Futsal Kg. Bukit Bangkong, Daerah Sepang	Tg. Sepat	Kg. Bukit Bangkong	33,494.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				
				<b>432,160.00</b>

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA LANGAT BAGI TAHUN  
2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>JALAN</b>						<b>234,618.34</b>
1	Membaikpulih Jalan Bahagia, Kg. Olak Lempit Daerah Kuala Langat	Dengkil	Telok Datok	Tg. 12 (2)	Kg. Olak Lempit	21,500.00
2	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Tembusu Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	K. Langat	Telok Datok	Tg. 12 (1)	Kg. Jenjarom	42,600.00
3	Menaiktaraf Jalan SRA Kg. Sg. Buaya Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Bandar Jugra	Kg. Sungai Buaya	24,600.00
4	Menurap Jalan Lorong Haji Kasman, Kg. Sijangkang Daerah Kuala Langat	K. Langat	Sijangkang	Telok Panglima Garang	Kg. Sijangkang	20,000.00
5	Membina Baru Jalan Di Jalan Sekoalh Dari Tali Air, Kampung Morib dan Tali Air Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Morib, Kelanang	Kg. Morib dan Tali Air	16,806.28
6	Menaiktaraf Jalan Yahmon Kampung Kundang Daerah Kuala Langat	Sepang	Tg. Sepat	Batu	Kg. Kundang	21,634.06
7	Membaikpulih Jalan dan Kelongkong Di Lot 400, Jalan Tanjung Rasau Luar, Kg. Kelanang, Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Morib, Kelanang	Kg. Kelanang	18,970.00
8	Menambak Batu Crusher Run Di Jalan Pulau Nyatoh, Kg. Permatang Pasir, Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Bandar Jugra	Kg. Permatang Pasir	46,378.00
9	Menurap Premix Hujung Jalan Merpati, Kg. Seri Cheeding Daerah Kuala Langat	K. Langat	Telok Datok	Tg. 12 (1)	Kg. Seri Cheeding	22,130.00
<b>PARIT / LONGKANG</b>						<b>24,250.00</b>
10	Menyelenggara Parit Di Jalan Rajawali, Kg. Batu 9 Kebun Baru Daerah Kuala Langat	K. Langat	Sijangkang	Telok Panglima Garang	Kg. Batu 9, Kebun Baru	7,250.00
11	Menyelenggara Parit Di Jalan Serindit, Kg. Batu 9 Kebun Baru Daerah Kuala Langat	K. Langat	Sijangkang	Telok Panglima Garang	Kg. Batu 9, Kebun Baru	8,250.00
12	Menyelenggara Parit Di Surau Haji Ghani, Kg. Sawah Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Bandar Jugra	Kg. Sawah	8,750.00
<b>DEWAN / BALAI RAYA / BALAI JKKK</b>						<b>122,435.00</b>
13	Menaiktaraf Balai JKKK Kg. Sg. Kelambu, Daerah Kuala Langat	Sepang	Tg. Sepat	Tg. 12 (1)	Kg. Sg. Kelambu	17,565.00
14	Menaiktaraf Balai JKKK Kg. Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat	Dengkil	Telok Datok	Tg. 12 (2)	Kg. RTB Bukit Changgang	17,050.00
15	Membaikpulih Pagar dan Mengganti Culvert Di Balai Raya Kg. Batu 10 Kebun Baru Daerah Kuala Langat	K. Langat	Sijangkang	Telok Panglima Garang	Kg. Kg. Batu 10, Kebun Baru	21,000.00
16	Membaikpulih Tandas Di Balai Raya Taman Jugra Jaya, Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Bandar Jugra	Kg. Seri Jugra	8,220.00
17	Membaikpulih Tandas dan Dewan Sri Putra, Kg. Sawah Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Bandar Jugra	Kg. Sawah	20,000.00
18	Mengganti Pintu Utama Dan Pagar Keliling Dewan Jubli Emas, Kg. Endah Daerah Kuala Langat	Sepang	Tg. Sepat	Morib, Kelanang	Kg. Endah	19,910.00
19	Membaikpulih Balai JKKK dan Bilik Gerakan Kg. Sg. Lang Tengah Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Morib, Kelanang	Kg. Sg. Lang Tengah	18,690.00
<b>KEMUDAHAN AWAM</b>						<b>17,850.00</b>
20	Nmenurap Premix Dataran Balai Raya Kg. Melayu Pulau Carey, Daerah Kuala Langat	K. Langat	Morib	Bandar Jugra	Kg. Melayu, Pulau Carey	17,850.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>399,153.34</b>

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA SELANGOR  
BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
	<b>JALAN</b>					<b>358,978.00</b>
1	Membaikpulih Jalan Sawah Parit 3, Ban 1, Kampung Parit 3	Sg. Burong	Tg. Karang 1	Tg. Karang	Kg. Parit 3	19,140.00
2	Membaikpulih Jalan Ban Lintang 3, Kg. Parit 2	Sg. Burong	Tg. Karang 1	Tg. Karang	Kg. Parit 2	24,212.00
3	Membaikpulih Jalan Betik, Kg. Sg. Kajang Baru	Sg. Burong	Tg. Karang 1	Tg. Karang	Kg. Sg. Kajang	22,120.00
4	Membaikpulih Jalan-Jalan PLB Di Kg. Lubok Jaya	Permatang	Pasangan	Tg. Karang	Kg. Lubok Jaya	60,276.00
5	Membaikpulih Jalan Kuala Parit Kg. Bukit Kuching, Jeram	Jeram	Jeram	Kuala Selangor	Kg. Bukit Kuching	41,845.00
6	Menurap Premix Di Tempat Menunggu Dihadapan Sek. Keb. Jeram	Jeram	Jeram	Kuala Selangor	Kg., Simpang 3, Jeram	35,060.00
7	Membaikpulih Jalan Balairaya Kg. Pasir Tuntong	Bukit Malawati	Api-Api / Ijok	Kuala Selangor	Kg. Pasir Tuntong	35,000.00
8	Membaikpulih Jalan Aris Dan Jalan Puyimin, Kg. Sepakat	Bukit Malawati	Pasangan	Kuala Selangor	Kg. Sepakat	28,000.00
9	Membaikpulih Jalan Ladang Batu 46 Kg. Kuantan	Bukit Malawati	Pasangan	Kuala Selangor	Kg. Kuantan	21,175.00
10	Membaikpulih Lorong Surau Ar Rahim, Kg Bukit Badong	Ijok	Api-Api / Ijok	Kuala Selangor	Kg. Bukit Badong	14,430.00
11	Membaikpulih Lorong Samsi, Kg Bukit Badong	Ijok	Api-Api / Ijok	Kuala Selangor	Kg. Bukit Badong	14,430.00
12	Membaikpulih Lorong Toha, Kg Bukit Badong	Ijok	Api-Api / Ijok	Kuala Selangor	Kg. Bukit Badong	14,430.00
13	Membaikpulih Lorong Perhubungan Desa, Kg Ijok	Ijok	Api-Api / Ijok	Kuala Selangor	Kg. Ijok	14,430.00
14	Membaikpulih Lorong Kebun, Kg Harmoni	Ijok	Api-Api / Ijok	Kuala Selangor	Kg. Harmoni	14,430.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>358,978.00</b>

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR BAGI  
TAHUN 2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>JALAN</b>						<b>130,866.40</b>
1	Menurap Semula Jalan dan Membaikpulih Longkang Di Kg. Gesir Tengah	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Utara	Kg. Gesir Tengah	35,480.45
2	Menurap Semula jalan Di Kg. Bahom dan Kg. Sekolah, Sg. Selisek	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Selatan	Kg. Sekolah dan Kg. Bahom	19,989.55
3	Melabar Jalan Di Kg. Kelapa, Kuala Kubu Bharu	Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	Ampang Pecah	Kg. Kelapa	28,989.40
4	Menurap Semula Jalan Di Kg. Hulu Rening dan Kg. Kuantan, Batang Kali	Hulu Selangor	Batang Kali	Batang Kali	Kg. Hulu Rening dan Kg. Kuantan	26,910.00
5	Menurap Semula Jalan Di Kg. Sg. Buaya, Serendah	Hulu Selangor	Batang Kali	Serendah	Kg. Sg. Buaya	19,497.00
<b>LONGKANG / PERPARITAN</b>						<b>38,995.70</b>
6	Membaikpulih Longkang di Kg. Soeharto, Hulu Bernam	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Utara	Kg. Soeharto	19,495.70
7	Membaikpulih Longkang di Kg. Rasa	Hulu Selangor	Batang Kali	Rasa	Kg. Rasa	19,500.00
<b>DEWAN / BALAIRAYA</b>						<b>318,476.43</b>
8	Membaikpulih Balairaya Kg. Serigala, Hulu Bernam	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Selatan	Kg. Serigala	19,890.00
9	Membaikpulih Dewan Orang Ramai Sg. Selisek	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Selatan	Kg. Sg. Selisek	19,991.55
10	Membaikpulih Balairaya Kg. Seri Geriang, Hulu Bernam	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Utara	Kg. Seri Geriang	19,998.60
11	Membaikpulih Balairaya Kg. Keliang, Kalumpang	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Kalumpang	Kg. Keliang	19,998.15
12	Membaikpulih Balairaya Kg. Benggali, Kalumpang	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Kalumpang	Kg. Benggali	19,990.40
13	Membaikpulih Balairaya Kg. Pasir Puteh, Kalumpang	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Kalumpang	Kg. Pasir Puteh	9,850.40
14	Membaikpulih Balairaya Kg. Alah Batu, Hulu Bernam	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Utara	Kg. Alah Batu	11,991.50
15	Membaikpulih Balairaya Kg. SKC, Hulu Bernam	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Utara	Kg. SKC	15,000.00
16	Membaikpulih Pendawaian Elektrik Di Balairaya Kg. Serigala dan Kg. Lalang	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Utara	Kg. Serigala dan Kg. Lalang	19,881.00
17	Membaikpulih Balairaya Kg. Lalang, Hulu Bernam	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Hulu Bernam Utara	Kg. Lalang	9,997.25
18	Membaikpulih Balairaya Di Kg. Pasir, Kerling	Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	Kerling	Kg. Pasir	27,310.31
19	Membaikpulih Balairaya Kg. Jawa, Kerling	Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	Kerling	Kg. Jawa	20,000.00
20	Membaikpulih Kompleks JKKK Kg. Melayu Rasa	Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	Rasa	Kg. Melayu Rasa	20,000.00
21	Membaikpulih Balairaya Kg. Batu 30, Hulu Yam	Hulu Selangor	Batang Kali	Hulu Yam	Kg. Batu 30	19,904.43
22	Membaikpulih Balairaya Di Kg. Pasir, Hulu Yam	Hulu Selangor	Batang Kali	Hulu Yam	Kg. Pasir	19,921.20
23	Membaikpulih Balairaya Kg. Hulu Rening, Batang Kali	Hulu Selangor	Batang Kali	Hulu Yam	Kg. Hulu Rening	19,910.50
24	Membaikpulih Balairaya Kg. Kuantan	Hulu Selangor	Batang Kali	Batang Kali	Kg. Kuantan	9,920.54
25	Membaikpulih Balairaya Kg. Sg. Choh, Serendah	Hulu Selangor	Batang Kali	Serendah	Kg. Sg. Choh	14,920.60
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>0.00</b>				<b>488,338.53</b>

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI PEJABAT DAERAH/TANAH SABAK BERNAM BAGI TAHUN  
2013 SEHINGGA 30 DISEMBER 2013**

BIL.	NAMA PROJEK	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	PERBELANJAAN (RM)
<b>DEWAN / BALAIRAYA</b>						<b>496,042.10</b>
1	Kerja-kerja Baikpulih Balai JKJK Kg. Talair 8, Sg. Leman	Sungai Besar	Sekinchan	Pasir Panjang	Kampung Talair 8	6,340.00
2	Kerja-Kerja Baikpulih Balai JKJK Kg. Parit 7 Baroh Sekinchan	Sungai Besar	Sekinchan	Pasir Panjang	Kampung Parit 7 Baroh	9,050.00
3	Kerja-Kerja Baikpulih Balai JKJK Kg. Parit 9 Baroh Pasir Panjang	Sungai Besar	Sekinchan	Pasir Panjang	Kampung Parit 9 Baroh	5,245.00
4	Kerja-Kerja Baikpulih Balai JKJK Kg. Parit 9 Gambut Sg. Leman	Sungai Besar	Sekinchan	Pasir Panjang	Kampung Parit 9 Gambut	6,100.00
5	Kerja-Kerja Baikpulih Balai JKJK Kg. Parit 7 Talaiair 7 Sg. Leman	Sungai Besar	Sekinchan	Pasir Panjang	Kampung Parit 7	9,950.00
6	Kerja-Kerja Baikpulih Balai JKJK Kg. Parit 8 Sungai Leman	Sungai Besar	Sekinchan	Pasir Panjang	Kampung Parit 8	5,900.00
7	Kerja-kerja Baikpulih dan Penyelenggaraan Balairaya PT 4/5 Barat, Sg. Besar Sabak Bernam	Sabak Bernam	Sabak	Panchang Bedena	Kampung Parit 4/5 Barat	9,934.50
8	Kerja-kerja Baikpulih dan Penyelenggaraan Balairaya dan Balai JKJK Parit 1 Barat, Sg. Besar	Sabak Bernam	Sabak	Panchang Bedena	Kampung Parit 1 Barat	9,840.00
9	Kerja-kerja Baikpulih Balairaya Parit 8 1/2 Barat, Sg. Besar, Sabak Bernam	Sabak Bernam	Sabak	Panchang Bedena	Kampung Parit 8 1/2 Barat	6,113.00
10	Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Baikpulih Balai JKJK, Kg. Parit 11 Barat, Sabak Bernam	Sabak Bernam	Sabak	Sungai Panjang	Kampung Parit 11 Barat	10,000.00
- Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) mempunyai dua belas anak syarikat yang terdiri daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB), SSIC Berhad, Pendidikan YS Sdn Bhd (Unisel), Majlis Sukan Negeri Selangor (Holdings) (MSNS(H)), Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC), Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB), Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQ), Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB). Setiap anak-anak syarikat negeri ini memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia di Negeri Selangor. Sebagai contoh, syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) melalui Program Rancangan Kerjaya Rakyat Selangor ("RKRS"), belia-belia diberi peluang kursus-kursus latihan percuma yang disediakan oleh KDEB. Program ini bertujuan untuk meningkatkan peluang mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri sebagai usahawan.

Melalui program RKRS, belia diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran diri menerusi pelbagai kursus latihan, seperti Teknologi Maklumat, Aplikasi Perisian Komputer, Perbankan dan Kewangan Islam, Pengurusan dan Operasi Halal, Perakaunan, Pencukaian dan Pengauditan dan banyak lagi. Selain itu, program ini juga menawarkan kurusus-kurusus keusahawanan seperti Menjahit, Penjagaan Kanak-kanak, Kursus Mutawif, Penternakan, Percetakan Segera dan Bakeri. Program berterusan ini bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri meningkatkan peluang pekerjaan selain kemahiran kelayakan di kalangan belia. Peluang pekerjaan ini juga diberikan oleh syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), di mana PNSB meletakan keutamaan kepada anak Negeri Selangor dalam membuat pemilihan calon pekerja-pekerja di syarikat tersebut dan seterusnya melihat kelayakan-kelayakan yang setara dengan jawatan yang ditawarkan. Selain daripada itu, syarikat Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) anak

syarikat Negeri Selangor yang merupakan peneraju sektor pelancongan di Negeri Selangor menawarkan peluang kepada belia-belia dari universiti dan kolej di seluruh Negeri Selangor untuk menjalani latihan industri di syarikat berkenaan antara tempoh empat sehingga enam bulan dan seterusnya menawarkan peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar tersebut berdasarkan kelayakan dan prestasi pelajar-pelajar tersebut semasa menjalani latihan industri. Peluang pekerjaan ini juga diberi oleh syarikat SSIC Berhad yang merupakan agensi yang mempromosikan Negeri Selangor sebagai destinasi terbaik untuk para pelabur, di mana sekiranya pelabur-pelabur luar melabur ke Negeri Selangor secara tidak langsung peluang pekerjaan di sektor-sektor tersebut akan meningkat. Kemasukan jumlah pelaburan ke Negeri Selangor telah memberikan kesan yang positif dimana ianya telah mewujudkan peluang –peluang pekerjaan kepada belia – belia terutama belia di Negeri Selangor. Bagi tahun 2013 sahaja sebanyak 23,519 potensi peluang pekerjaan di sektor perkilangan berjaya diwujudkan di Negeri Selangor.

Tambahan pula anak syarikat Kerajaan Negeri yang dibawah MBI iaitu Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQ) ditubuhkan berorentasi Mikrokredit untuk memberi bantuan kewangan kepada peserta-pesertanya dalam bentuk penyediaan modal asas dan bimbingan bagi memulakan perniagaan, ini secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan kepada belia Negeri Selangor. Sehingga kini seramai 2,962 orang peserta terdiri daripada program Muda Skimsel dan seramai 2,331 orang peserta daripada program Mimbar dimana program-program ini adalah dibawah Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQ).

- b) Berikut adalah jumlah belia yang berumur dari 18 tahun sehingga 40 tahun anak kelahiran Negeri Selangor yang bekerja di syarikat milik Kerajaan Negeri mengikut anak syarikat yang dibawah MBI seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Anak Syarikat</b>	<b>Jumlah Belia (orang)</b>
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI)	21
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) & Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	15
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	28
4.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	54
5.	Pendidikan YS Sdn Bhd (UNISEL)	218
6.	SSIC Berhad	25
7.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	15
8.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	8
9.	Majlis Sukan Negeri Selangor (Holdings) (MSNS(H))	6
10.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	17
11.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQ)	96
12.	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	8
13.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	16
<b>JUMLAH</b>		<b>527</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUTDARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Sila nyatakan jumlah bilangan SRA diseluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?
  - Sila kemukakan butiran mengenai jumlah peruntukan tahunan SRA yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 ?
  - Sila nyatakan apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada SRA sejak 2008 ?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan SRA seluruh Negeri Selangor mengikut Daerah

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH SEKOLAH</b>
1.	Sabak Bernam	<b>31</b>
2.	Kuala Selangor	<b>33</b>
3.	Klang	<b>29</b>
4.	Petaling	<b>23</b>
5.	Kuala Langat	<b>24</b>
6.	Sepang	<b>18</b>
7.	Hulu Langat	<b>32</b>
8.	Gombak	<b>12</b>
9.	Hulu Selangor	<b>20</b>
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>222</b>



b) Peruntukan tahunan SRA bagi setiap tahun :

Perkara	2008(RM)	2009(RM)	2010(RM)	2011(RM)	20012(RM)	2013(RM)
PERUNTUKAN NEGERI	48,010,480.00	54,100,490.00	61,550,970.00	50,600,000.00	47,000,220.00	51,250,270.00

c) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: YAYASAN SELANGOR**

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini projek pembangunan asrama Yayasan Selangor di Kampung Pandan?
- b) Siapakah pemaju yang dilantik dan bagaimanakah cara pelantikan dibuat?
- c) Apakah status terkini projek pembangunan Bangunan Yayasan Selangor di Jalan Bukit Bintang Kuala Lumpur?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, Projek Pembangunan Asrama Yayasan Selangor di Kampung Pandan (Projek Pembangunan Semula Lot 20010 dan Lot 54,4 Seksyen 90, Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur) adalah dalam proses untuk memuktamadkan Perjanjian Pembangunan (Development Agreement) dan dijangka dapat dimuktamadkan pada pertengahan bulan Julai 2014.
- b) Projek ini telah ditawarkan kepada pemaju Tetuan Gabungan Granite (Terengganu) Sdn Bhd., dan pemaju ini telah dilantik melalui proses tender terbuka.
- c) Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor pada 3hb Jun 2014 telah memutuskan bahawa Projek Pembangunan Semula Bangunan Yayasan Selangor di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur ini dijalankan dan diuruskan sendiri oleh pihak pengurusan Yayasan Selangor. Pada masa ini, pihak pengurusan Yayasan Selangor telah memulakan langkah menyediakan Kajian Kemungkinan (Feasibility Studies), anggaran kos projek (Project Cost Estimates) dan melantik juru Perunding

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK**

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan jumlah permohonan pendaftaran rumah mampu milik di negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2013.
  - Daripada jumlah tersebut berapakah yang telah dapat ditawarkan rumah mampu milik ?
  - Nyatakan projek-projek perumahan mampu milik yang dilaksanakan dalam tempoh 2014 hingga 2018, pemaju-pemaju yang terlibat, lokasi projek tersebut dan jumlah untuk rumah yang akan dibina.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, jumlah permohonan Rumah Mampu Milik yang berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor adalah seramai 3,817 orang pemohon. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jumlah
1.	Klang	99
2.	Petaling	2,120
3.	Gombak	126
4.	Hulu Langat	1,019
5.	Sepang	194
6.	Kuala Langat	14
7.	Kuala Selangor	10
8.	Hulu Selangor	212
9.	Sabak Bernam	21
10.	Terbuka	2
Jumlah		<b>3,817</b>

- b) Jumlah pemohon yang telah ditawarkan rumah mampu milik adalah seramai 1,637 pemohon bagi projek di daerah berikut:

Bil	Daerah	Jumlah
1.	Gombak	1,422
2.	Hulu Langat	163
3.	Sepang	52
<b>Jumlah</b>		<b>1,637</b>

- c) Dijawab oleh Unit Perancangan & Dasar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: MASALAH KESESAKAN LALULINTAS**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di DUN Teratai?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan satu pelan yang lengkap untuk menambahbaikkan keadaan lalu lintas DUN Teratai dalam masa 5 tahun?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk melantik pakar untuk menyelesaikan masalah lalu lintas di DUN Teratai?

**JAWAPAN:**

- a) Hasil daripada semakan mendapati kesesakan lalu lintas di DUN Teratai berpunca daripada pemandu memberhentikan kenderaan di tepi jalan untuk ke pasar dan kedai makan yang berdekatan. Oleh itu, salah satu cara bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas adalah memindahkan tapak pasar dan kedai makan ke tapak yang bersesuaian.
- b) Kerajaan Negeri telah menujuhkan Jawatankuasa Khas pengangkutan awam bagi tujuan mengatasi masalah lalulintas dan meningkatkan kemudahan pengangkutan awam.
- c) MPAJ tidak mempunyai perancangan untuk melantik pakar bagi menyelesaikan masalah lalulintas di DUN Teratai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: INDUSTRI NANAS**

225. Bertanya kepada YAB Dato Menteri Besar:

- Apakah usaha pihak kerajaan negeri dalam mempromosi tanaman nanas ini
- Siapa pihak terlibat dalam menguruskan mengendali pengusaha tanaman nanas ini
- Apakah latihan atau bantuan yang diberikan kepada pengusaha tanaman nanas

**JAWAPAN:**

- Nanas merupakan salah satu buah-buahan yang di beri keutamaan untuk dimajukan di bawah Dasar Pertanian Negara ke tiga. Di Negeri Selangor kebanyakkan jenis tanaman nanas yang ditanam adalah untuk dimakan segar. Jabatan yang bertanggungjawab untuk membangunkan industri tanaman nanas di Malaysia adalah Lembaga Perusahaan Nanas Malaysia, dibawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani

Namun begitu kerajaan negeri turut menyokong industri tanaman nanas ini melalui program-program yang dilaksanakan oleh jabatan pertanian seperti berikut:

- Program Pembangunan Tanaman Industri yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor, dimana petani yang memohon insentif untuk tanaman Nanas akan diberikan bantuan insentif dengan kadar seperti berikut:

<i>Projek</i>	<i>Kadar Insentif</i>	
<i>01-Projek Tanaman Nenas</i>	<i>Kawasan baru</i>	<i>RM 10,000.00/ha</i>
	<i>Kawasan sedia ada</i>	<i>RM 5,500.00/ha</i>

\*Syiling bantuan insentif tanaman nanas tahun 2014 adalah RM200,000.00, telah diagihkan kepada peserta yang memohon sebanyak RM165,540.00.

2. Mewujudkan golongan usahawan ladang nanas melalui projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) . Tanaman nanas ini diusahakan oleh usahawan TKPM di daerah Kuala Langat dan Sepang.

***Maklumat Tambahan:***

3. Jenis-Jenis nanas yang terdapat di Negeri Selangor.
  - i) Josapine
  - ii) N36
  - iii) Moris
  - iv) Sarawak
  - v) MD2

b) Pihak terlibat dalam menguruskan dan mengendali pengusaha Tanaman nanas di Negeri Selangor adalah:

- 1- Lembaga Perindustrian Malaysia (LPNM/MPIB)
- 2- Jabatan Pertanian Negeri Selangor

**Maklumat Tambahan:**

*Bantuan yang diberikan oleh LPNM:*

*Intensif ini adalah berbentuk pemberian input pertanian seperti benih/sulur nanas, racun rumpai, baja dan hormon yang bernilai RM2,400.00 per ekar bagi Rancangan Tanam Baru (RTB) dan RM700.00 per ekar bagi Rancangan Tanam Semula (RTS).*

<b>Input</b>	<b>Kuantiti/ekar</b>	<b>Nilai</b>	
		<b>Rancangan Tanam Baru (RTB)</b>	<b>Rancangan Tanam Semula (RTS)</b>
1. Benih nanas	17,000 sulur	1,700.00	-
2. Racun rumpai	2 gelen	700.00	700.00
3. Baja:- i. Baja Campuran ii. Baja Sebatian	15 bag (50kg) 12 bag (50kg)		
4. Hormon	2 botol		
<b>Jumlah</b>		<b>2,400.00</b>	<b>700.00</b>

c) Antara Latihan dan bantuan yang diberikan oleh jabatan pertanian kepada pengusaha tanaman nanas adalah:

1. Program latihan, kursus serta Petak Pemerhatian tanaman nanas dikawasan tanah gambut dan tanah mineral untuk memperkenalkan pakej teknologi tanaman nanas kepada petani.
2. Kursus membimbing peserta projek nanas untuk mendapatkan pensijilan MyGap (“Sijil Akreditasi Ladang Malaysia”).
3. Manakala bantuan insentif yang telah diagihkan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM165,540.00 yang melibatkan bilangan petani seramai 22 orang dan keluasan 25.72 hektar.

***Maklumat Tambahan:***

*Bantuan Insentif Program Pembangunan Tanaman Industri (Tanaman Nanas)  
2014 Jabatan Pertanian Selangor*

<i>Daerah</i>	<i>Bi projek</i>	<i>Keluasan Ha</i>	<i>Bil peserta</i>	<i>Bajet (RM)</i>
<i>Kuala Selangor</i>	3	7.72	8	52,900.00
<i>Klang</i>	2	16.4	12	94,950.00
<i>Kuala Langat</i>	1	0.8	1	8,370.00
<i>Gombak</i>	1	0.8	1	9,320.00
<b><i>Jumlah</i></b>	<b>7</b>	<b>25.72</b>	<b>22</b>	<b>165,540.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: HOTSPOT KEMALANGAN DI SELANGOR**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan kawasan-kawasan *hotspot* kemalangan di Selangor?
- Apakah langkah kerajaan negeri untuk mengurangkan risiko kemalangan di kawasan-kawasan terbabit?

**JAWAPAN:**

- Terdapat sebanyak **37 lokasi hotspot** kemalangan di Selangor.

BIL	DAERAH	LOKASI
1.	KLANG SELATAN	1.1 Jln Pelabuhan Barat 1.2 Jln Prsn. Tg Ampuan Rahimah 1.3 Km 3 – Km 4, Prsn Raja Muda Musa
2.	SG BULOH	2.1 Bt. 19 Jln Kepong hingga ke depan Penjara Sg Buloh (Jln K/Selangor) 2.2 Jln Besar Kundang
3.	SHAH ALAM	3.1 Km 1 - Km 11, Pers. Jubli Perak 3.2 Km 1 - Km 9, Kota Kemuning
4.	SUBANG JAYA	4.1 Jln Persiaran Kewajipan (Giant USJ1) 4.2 Jln Persiaran Tujuan 4.3 Bt 14 Puchong
5.	KAJANG	5.1 Km 21 - Km 40, Jln K/Lumpur – Seremban 5.2 Bt 10 - Bt 18 ,Jln Hulu Langat 5.3 Bt 1 Jln Bangi Lama
6.	AMPANG JAYA	6.1 Jln Lingkaran Tengah (MRR2) 6.2 Susur Taman Kencana
7.	GOMBAK	7.1 Km 14 - Km 32, Jln K/Lumpur – Rawang 7.2 Km 9 - Km 16, Jln MRR2, Gombak 7.3 Km 1 - Km 15, Jln Rawang - Bestari Jaya
8.	SERDANG	8.1 Bt. 8 – Bt. 13, Jln Puchong 8.2 Jln Serdang Raya

<b>9.</b>	<b>KUALA LANGAT</b>	9.1 Km 11 - Km 30, Jln Klang – Banting 9.2 Km 5 - Km 15, Jln Banting – Dengkil – KLIA
<b>10.</b>	<b>SEPANG</b>	10.1 Pekan Salak - Sepang – Sg Pelek – Ldg. Tumbok 10.2 Jln Nilai/Salak Tinggi/Bkt Changgang 10.3 Jln Pekeliling KLIA, KLIA
<b>11.</b>	<b>HULU SELANGOR</b>	11.1 Km 32 - Km 51, Jln K/Lumpur – Ipoh 11.2 Km 52 - Km 79, Jln K/Lumpur – Ipoh
<b>12.</b>	<b>KUALA SELANGOR</b>	12.1 Km 8 - Km 12 Jln K/Selangor - K/Lumpur 12.2 Km 28 - Km 31, Jln Klang – Teluk Intan
<b>13.</b>	<b>SABAK BERNAM</b>	13.1 Km 53 – 69, (Sg Nibong) Jln Klang - Teluk Intan 13.2 Km 32 - 46, (Sg Lias) Jln Klang - Teluk Intan
<b>14.</b>	<b>PETALING JAYA</b>	14.1 Jln Lapangan Terbang Subang 14.2 Jln Kota Damansara
<b>15.</b>	<b>KLANG UTARA</b>	15.1 L/Raya Selat Klang Utara 15.2 Sepanjang Jln Kapar 15.3 Sepanjang Jln Meru 15.4 Pers. Hamzah Alang

- b) Langkah-langkah yang diambil PDRM bagi mengurangkan kemalangan di kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:
1. Mengadakan operasi penguatkuasaan secara berkala dan berterusan .
  2. Membuat rondaan cegah kemalangan.
  3. Mengadakan aktiviti *Stop & Talk*, kempen keselamatan jalanraya seperti ceramah dan pameran anjuran bersama MKJR, JPJ, MIROS juga syarikat-syarikat swasta.
  4. Membekalkan statistik kemalangan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam keselamatan jalanraya sebagai kajian / penambahbaikan di kawasan kemalangan.
  5. Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak JKR dalam mengurangkan kadar kemalangan adalah seperti berikut:
    - i. Memasang papan tanda amaran di kawasan *hotspot*.
    - ii. Menurap semula / membaiki jalan yang rosak.
    - iii. Memasang pemantul cahaya di jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: NAMA-NAMA PROJEK PEMBANGUNAN**

227. Sila menyatakan nama-nama Projek Pembangunan yang dijalankan di sebidang tanah bukit dibelakang Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Damai Perdana, Cheras, Selangor,

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan nombor lot-lot / hakmilik tanah yang terlibat;
- b) Adakah Pemaju Perumahan diberikan kelulusan untuk menggunakan bahan letupan memecahkan batu-bata di tanah bukit;
- c) Agensi Kerajaan Negeri manakah yang memantau kerja-kerja peletupan batu-bata untuk memastikan struktur rumah teres berdekatan dengan tapak pembinaan berkeadaan selamat?

**JAWAPAN:**

- a) Lot-lot yang terlibat dengan projek pembangunan yang dijalankan di sebidang tanah bukit di belakang Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Damai Perdana ialah lot 1525, 1529, 1530 dan 1531.
- b) Pemaju permohonan diberikan kelulusan untuk menggunakan bahan letupan memecah batu-bata di tanah bukit berdasarkan kepada Laporan Cadangan Kerja Letupan yang dibentangkan oleh Jurutera Perunding Kerja Letupan, Q-MICS Services Sdn. Bhd. dengan syor kelulusan.
- c) Agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dengan pemantauan kerja-kerja letupan batu-bata untuk memastikan struktur rumah teres berdekatan dengan tapak pembinaan berkeadaan selamat ialah Jabatan Mineral dan Geosains Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : REAKSI RAKYAT AKIBAT CATUAN AIR**

228. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimakah reaksi rakyat terhadap masalah catuan air baru-baru ini?
- b) Adakah rakyat memahami dan bersetuju dengan langkah catuan air yang dikenakan?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Sebagaimana yang telah dijanjikan, Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan program pemberian 20 meter padu air percuma kepada semua rakyat Negeri Selangor selaras untuk merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor akan meneliti dan mempertimbangkan inisiatif-inisiatif lain bagi membantu rakyat miskin.

Bagi meneruskan skim pemberian 20 meter padu air percuma, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memuktamadkan industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah satu entiti yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri. Melalui kaedah ini, kawalan penuh boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke atas operasi Syarikat SPV tersebut dan keuntungan serta kos operasi dapat dipantau secara telus dan berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: MASALAH AIR DI SELANGOR**

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon terangkan secara terperinci perancangan kerajaan negeri dalam menangani isu air di Selangor?
- b) Apakah persiapan kerajaan negeri bagi menghadapi Fenomena El-Nino yang dijangka dalam masa terdekat?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan negeri telah membuat beberapa perancangan dalam menangani isu air di Selangor iaitu menggunakan kolam-kolam alternatif dan kolam mitigasi banjir di Sungai Selangor serta telaga air bumi sebagai sumber tambahan air mentah.
- b) Kerajaan negeri telah membuat beberapa persediaan awal untuk menghadapi fenomena ini bagi mastikan bekalan air mencukupi seperti berikut :
  - i. Mengenalpasti dan melengkapkan kemudahan pam untuk 9 buah kolam alternatif di sepanjang Sg. Selangor yang terletak di hulu muka sauk. Pemantauan dan pensampelan kualiti air kolam juga dijalankan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS). Sejumlah 20 buah pam berkapasiti 48 JLH telah dan sedang ditempatkan di semua kolam alternatif tersebut untuk membekalkan sebanyak 960 JLH. Buat masa ini, beberapa kolam alternatif tersebut sedang di isi dengan air Sg. Selangor yang dipam masuk ketika air sungai tinggi.
  - ii. Bagi meningkatkan takungan empangan, operasi pemberian awan untuk kawasan tadahan di Negeri Selangor telah dijalankan bersama Jabatan Meteorologi dan sehingga 11 Jun 2014 adalah sebanyak 39 kali dan akan diteruskan sehingga hujung tahun ini.
  - iii. Menggunakan sumber air bumi dari telaga-telaga air bumi milik pihak swasta (3 telaga air bumi di Serendah yang disediakan oleh pihak Tan Chong Motor).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PENSTRUKTURAN SEMULA INDSUTRI AIR**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Apakah perkembangan terbaru usaha menstrukturkan semula industri air?
  - Adakah syarikat SPLASH masih enggan menerima harga tawaran selepas campur tangan kerajaan persekutuan, adakah persetujuan yang dicapai antara kerajaan Selangor, kerajaan Persekutuan dengan ABASS, Puncak Niaga dan Syabas terjejas?

**JAWAPAN:**

- Setakat 31 Mei 2014, secara dasarnya Konsortium ABASS Sdn Bhd, SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd telah bersetuju menerima tawaran Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air ke arah perkhidmatan yang holistik.

Namun demikian, sebelum syarikat-syarikat tersebut boleh memuktamadkan persetujuan ke atas tawaran oleh Kerajaan Negeri Selangor, beberapa tatacara yang melibatkan antaranya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara perlulah dipatuhi.

Justeru itu, pengumuman rasmi berkaitan pengambilalihan ketiga-tiga syarikat di atas hanya akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas semua tatacara yang diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada dipatuhi oleh semua pihak.

- Setakat 31 Mei 2014, SPLASH masih belum membuat keputusan untuk bersetuju menerima tawaran pengambilalihan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun tanpa penglibatan oleh SPLASH, penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor akan diteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : JALAN PINTASAN GENTING SANYEN - BANTING**

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah status terkini pembinaan jalan tersebut?
  - Berapa peratuskah status terkini kerja pembinaan jalan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Jalan pintasan Genting Sanyen – Banting telah dimasukkan ke dalam Projek Membina Jalan Daripada Kampung Ulu Chuchoh ke KLIA (menghubungkan Jalan FT05 dengan Jalan FT32) . Setakat ini projek tersebut masih di peringkat rekabentuk dan dijangka akan ditender pada akhir tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: SALURAN LONGKANG KECIL DI KAMPUNG SUNGAI PURUN JALAN  
BANGI SEMENYIH**

232. Bertanyakan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi limpahan air dan masalah banjir kilat di kampung tersebut?
  - Adakah pemilik-pemilik kilang di sekitar memberi sumbangan kepada menaiktaraf sistem perparitan di kampung tersebut?

**JAWAPAN:**

- Kontraktor telah dilantik bagi mengambil langkah-langkah jangka masa pendek iaitu mengorek longkah tanah, memasang longkang 'u' di kawasan kilang termasuk menaiktaraf longkang di tepi jalan.
- Pemilik-pemilik kilang yang telah mengemukakan permohonan kepada pihak Majlis telah disyaratkan menyumbang bagi menaiktaraf infrastruktur Kawasan Industri Sungai Purun sebanyak RM 2/ft<sup>2</sup>. Sumbangan tersebut hanya untuk kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur kawasan perindustrian sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN YEO BEE YIN**  
**(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: KUALA LUMPUR OUTER RING ROAD (KLORR)**

233. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah meneliti perjanjian konsesi KLORR? Apakah terma-terma konsesi tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah menimbang kesan pembinaan KLORR terhadap alam sekitar? Apakah penemuannya?

**JAWAPAN:**

- a) Perjanjian konsesi tersebut hanya dimetrai di antara Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) dan syarikat konsesi (EKVE Sdn. Bhd.) tanpa melibatkan Kerajaan Negeri. Oleh demikian, Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses bagi mengetahui syarat-syarat yang ditetapkan. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan tegas telah menyatakan pendirian bahawa beberapa syarat perlu dipatuhi oleh Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan Lebuhraya KLORR iaitu :-
  - i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
  - ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
  - iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatkan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat.

- b) Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) telah dibuat dan dinilai oleh panel-panel pengulas yang dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat. Laporan ini merangkumi kesan terhadap flora, fauna, hakisan, kualiti air, udara, bunyi, getaran, hidrologi, geologi, ekonomi, sosial dan lain-lain semasa pembinaan dan operasi kelak. Hasil penemuan daripada kajian ini, segala langkah mitigasi yang perlu dilaksanakan telah dinilai oleh Agensi Kerajaan Negeri dan panel-panel pengulas (Jawatankuasa Penilai) yang terlibat.

Antara Agensi Kerajaan Negeri / panel-panel pengulas yang terlibat adalah seperti berikut:-

Agensi Kerajaan Negeri :-

- i. Jabatan Alam Sekitar Selangor
- ii. Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)
- iii. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
- iv. Jabatan Perhutanan Selangor
- v. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)
- vi. Jabatan Mineral & Geosains (JMG)
- vii. Jabatan Kerja Raya (JKR), Cawangan Cerun
- viii. Jabatan Kerja Raya (JKR), Cawangan Alam Sekitar
- ix. Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB)
- x. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
- xi. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

Panel-Panel Pengulas :-

- i. Malaysian Nature Society (MNS)
- ii. Forest Research Institute Malaysia (FRIM)
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- iv. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- v. G&P Professionals Sdn. Bhd.
- vi. Eco Factor Consulting Sdn. Bhd.

Hasilnya, kelulusan bersyarat telah diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat pada 25 April 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: UNDANG-UNDANG HUDUD**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah undang-undang hudud sesuai dilaksanakan di Selangor?
  - Apakah peruntukan enakmen sedia ada meliputi sebahagian daripada perundangan hudud?
  - Adakah kerajaan akan mengikut jejak langkah Kelantan dalam melaksanakan hukum Hudud di negeri ini?

**JAWAPAN :**

- Hukum hudud adalah hukum yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran dan adalah menjadi kewajipan kepada setiap pemerintah yang mempunyai kekuasaan dan keupayaan untuk melaksanakannya.  
Namun demikian, dalam konteks Negeri Selangor yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, maka perlaksanaan hukum hudud memerlukan kefahaman dan penerimaan oleh semua lapisan masyarakat.  
Walau pun hukuman ini belum dilaksanakan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mempunyai komitmen yang tinggi untuk melaksanakan maqasid syariah yang lain. Pelaksanaan hukum hudud boleh ditangguhkan jika timbul kecelaranan di dalam masyarakat.
- Peruntukan Enakmen sedia ada tidak termasuk dalam hal perundangan hudud.
- Pelaksanaan hudud tidak bergantung pada Kelantan tetapi berdasarkan kepada penerimaan masyarakat kepada undang-undang hudud.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : KAWASAN INDUSTRI TERLIBAT CATUAN AIR**

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan kawasan-kawasan industri dan jumlah kilang yang terlibat dengan catuan air?
  - Mengikut perkiraan kerajaan negeri, berapakah tahap kerugian pihak industri akibat catuan air?

**JAWAPAN:**

- Pelan Catuan Bekalan Air Peringkat Ke Empat yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada 28 Mac 2014 melibatkan sembilan (9) wilayah iaitu daerah Gombak, Hulu Selangor, Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Kuala Selangor dan lebih dari 2,378 pengusaha industri yang terlibat.
- Dalam tempoh perlaksanaan pelan catuan bekalan air, sebanyak 28 syarikat yang menghadapi kesan yang serius telah memanjangkan aduan kepada pihak SSIC. Antara kawasan-kawasan industri dan jumlah kilang yang terlibat dengan catuan air berdasarkan laporan yang diterima oleh SSIC adalah seperti berikut:-

Bil.	Kawasan	Bil. Syarikat	Kapasiti Air Yang Diperlukan <b>(Liter/Day)<math>1\text{m}^3 = 1,000</math> LITER)</b>
1.	Shah Alam	12	27,680,000
2.	Rawang	1	200,000
3.	Bukit Beruntung	1	4,300,000
4.	Bistari Jaya	1	2,680,000
5.	Telok Panglima Garang	2	3,680,000
6.	Balakong	1	170,000
7.	Pulau Indah	8	5,690,000
8.	Meru	1	16,320,000
9.	Pelabuhan Klang	1	1,200,000
	<b>Jumlah</b>	<b>28</b>	<b>62,088,000 liter/day</b>

Kebanyakan syarikat yang terjejas adalah syarikat yang terlibat dalam aktiviti – aktiviti seperti berikut; -

- i. Industri Pembuatan Barang Produk Makanan,
- ii. Industri Pembuatan Barang Bahan Kimia,
- iii. Industri Pembuatan Barang Produk Oleochemical,
- iv. Industri Pembuatan Barang Elektrik dan Elektronik
- v. Industri Pembuatan Barang Berasaskan Getah.
- vi. Industri Pembuatan Barang Berasaskan Logam

Isu-isu yang dihadapi oleh pihak syarikat adalah seperti:-

- i. Isu tekanan air yang rendah menyebabkan tangki simpanan tidak dapat menakung kapasiti air yang diperlukan.
- ii. Keputusan bekalan air menyebabkan pihak syarikat menutup operasi pengeluaran sementara waktu pada masa tidak menerima bekalan air seperti yang dijadualkan.
- iii. Kos pembelian air yang tidak seragam yang ditawarkan oleh pihak penyedia lori tangki.
- iv. Peningkatan kos pengeluaran disebabkan pertambahan kos pembelian air dari pusat *Filling Station*.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh FMM sebanyak 25 syarikat telah mengemukakan maklum balas daripada 1,243 ahli-ahli FMM di Selangor yang terlibat.

Hasil dari kajian tersebut perkiraan tahap kerugian yang dihadapi adalah seperti berikut; -

<b>Kerugian</b>	<b>RM</b>
Kerugian dalam proses pengeluaran	24,273,000
Kerugian ke atas permintaan produk keluaran	12,655,000
Pekerja yang terlibat	5,489

Sumber : FMM Selangor

Oleh kerana kajian yang dilakukan oleh FMM hanya melibatkan syarikat-syarikat yang berdaftar sebagai ahli FMM sahaja, Kerajaan Negeri melalui SSIC juga dalam proses menjalankan kajian tahap kerugian yang dihadapi oleh pihak syarikat kepada lebih kurang 2,378 syarikat yang berdaftar dengan SSIC. Ia bertujuan untuk mendapatkan gambaran perkiraan tahap kerugian secara jelas daripada pihak industri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: KUTIPAN TOL**

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap permohonan lebuh raya bertol baru di Negeri Selangor, memandangkan manifesto Pakatan Rakyat pada pilihanraya umum ke-13 mengandungi hasrat untuk "hapus tol"

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM PERCUMA**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kawasan liputan pengangkutan awam percuma yang telah disediakan oleh kerajaan negeri?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan skim pengangkutan percuma ini di kawasan luar bandar?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pengangkutan Awam Percuma telah berjaya direalisasikan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu di Shah Alam oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Petaling Jaya oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Kawasan liputan pengangkutan awam percuma yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - i) Shah Alam :  
Bermula di Hentian Pusat Bandar Shah Alam, Seksyen 14 dan melalui Seksyen 2, 7, 11, 14, 15, 16, 17 dan 18.
  - ii) Petaling Jaya :  
Melalui PJS dan laluan PJU yang merangkumi kawasan Kota Damansara
- b) Kerajaan Negeri akan memastikan kawasan luar bandar diberi perhatian dan pertimbangan dalam penyediaan perkhidmatan bas awam. Bagi penyediaan pengangkutan awam percuma, Kerajaan Negeri dan PBT yang terlibat perlu memberi penelitian yang rapi kerana melibatkan kos dan pelaburan tinggi yang perlu ditanggung oleh PBT di daerah. Namun begitu, melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Kerajaan Negeri telah melibatkan kawasan-kawasan luar bandar seperti daerah Kuala Langat, Sabak Bernam dan Hulu Selangor bagi projek penambahbaikan perkhidmatan bas henti-henti (*Commuter Bus Improvement Project-CBIP*). Projek ini sedang dilaksanakan secara berperingkat dan daerah Kuala Langat dipilih sebagai projek perintis yang kini dalam peringkat akhir sebelum dilancarkan dan dijangka dilaksanakan pada tahun hadapan. Manakala projek CBIP bagi daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor masih dalam peringkat kajian pelan dan rangkaian operasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (TOL)**

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan dengan jelas prosedur permohonan tanah TOL di Selangor?
  - Apakah tindakan kerajaan negeri sekiranya pemilik TOL asal tidak memenuhi syarat?

**JAWAPAN:**

- Permohonan tanah bagi Lesen Pendudukan Sementara (TOL) adalah melalui Pejabat Tanah Daerah (di mana lokasi tanah yang dipohon). Prosedur permohonan tanah TOL adalah merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 7/2011 yang boleh di lihat melalui laman web PTGS. Perkara-perkara yang perlu dikemukakan bagi tujuan permohonan seperti berikut:
  - Borang permohonan TOL yang telah lengkap diisi (percuma)
  - Salinan butir-butir peribadi pemohon
  - Lokasi tanah yang dipohon
  - Bayaran pendaftaran permohonan dan pelan lokasi
- Sekiranya pemilik TOL asal tidak memenuhi syarat atau berlakunya pelanggaran ke atas mana-mana peruntukan yang tertakluk di bawah Seksyen 67 Kanun Tanah Negara, lesen TOL tersebut boleh dibatalkan dengan serta merta tanpa bayaran pampasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: GUNATANAH KAMPUNG BARU**

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Senaraikan kampung-kampung baru yang sebahagian tanahnya atau keseluruhan tanahnya telah dizonkan sebagai kawasan zon industri menurut rancangan tempatan PBT.
- Adakah Kerajaan Negeri bercadang projek penempatan semula kampung baru sekiranya perancangan gunatanah kampung tersebut bukan untuk kediaman lagi.

**JAWAPAN:**

- Kampung-kampung baru yang telah dizonkan sebagai tanah perindustrian di Negeri Selangor ini adalah di Kampung Baru Sg. Buloh. Kampung baru ini merangkumi 2 sekyen iaitu sebahagiannya di Seksyen U4 dan sebahagian lagi di Seksyen U19 dengan meliputi kawasan seluas 2,452.66 ekar. Pecahan mengikut seksyen adalah seperti di bawah :-

BIL.	SEKSYEN	KELUASAN (EKAR)
1	Kampung Baru Sg. Buloh Seksyen U4	463.09
2	Kampung Baru Sg. Buloh Seksyen U19	1,989.57
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,452.66</b>

- Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri setakat ini tiada cadangan bagi melaksanakan projek penempatan semula sekiranya terdapat perancangan gunatanah kampung tersebut bukan untuk kediaman lagi. Namun Kerajaan Negeri sentiasa bersedia dan peka terhadap sebarang permasalahan yang melibatkan penempatan kampung baru cina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: PROJEK DATUM JELATEK**

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Apakah status terkini projek Datum Jelatek?
- Siapakah rakan kongsi yang dilantik oleh pihak PKNS?
- Nyatakan faedah-faedah yang diperolehi oleh PKNS di dalam projek ini?

**JAWAPAN :**

- PKNS telah melantik syarikat anak, Datumcorp International Sdn. Bhd. sebagai pemaju yang akan melaksanakan pembangunan Datum Jelatek.
- Pihak Pengurusan Datumcorp kini sedang menjalankan proses penilaian ke atas kontraktor-kontraktor utama yang menyertai pelawaan tender. Keputusan dan perlantikan kontraktor akan dibuat secepat mungkin.
- Faedah yang diperolehi oleh PKNS dalam projek ini adalah :
  - Meningkatkan imej PKNS dalam segmen pembangunan harta tanah bernilai tinggi setanding syarikat pemaju swasta seperti Mah Sing, SP Setia dan lain-lain lagi.
  - 50% dari jumlah unit yang dibina akan dibuka untuk jualan kepada pembeli bertaraf Bumiputera.
  - Keuntungan yang dijangka diperolehi dari projek ini adalah berjumlah RM98 juta.
  - Keuntungan yang dijana akan disalur bagi membiayai projek-projek perumahan mampu milik PKNS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: SUMBANGAN WANITA SELANGOR**

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sumbangan wanita dalam pembangunan di Selangor?
- b) Apakah langkah kerajaan negeri dalam memartabatkan wanita sebagai golongan pembuat keputusan?

**JAWAPAN:**

- a) Wanita dan pembangunan memang tidak dapat dipisahkan. Setiap kejayaan dalam membangunkan sesebuah kerajaan antara penyumbang utamanya adalah golongan wanita.

Wanita di Selangor sama ada secara langsung atau tidak langsung merupakan penyumbang kepada pembangunan Selangor. Antara sumbangan yang telah diberikan oleh wanita ialah dari segi sosioekonomi. Di mana wanita telah bekerja keras memerdekaan diri mereka ke arah ekonomi yang lebih baik dan terjamin. Dengan kejayaan wanita ini sekaligus membawa kepada peningkatan taraf hidup komuniti masyarakat di Selangor.

Wanita juga menyumbang kepada pembangunan kualiti hidup masyarakat Selangor. Melalui usaha gigih, mereka berusaha untuk membawa keluar daripada belenggu kemiskinan.

- b) Langkah kerajaan negeri dalam memartabatkan wanita sebagai pembuat keputusan adalah dengan memberi peluang dalam urusan pentadbiran negeri.

Antaranya seramai empat (4) orang ADUN wanita telah diberi kepercayaan untuk menjadi EXCO. Malah Selangor merupakan negeri pertama yang telah melantik wanita menjadi Speaker. Malah Dewan Negeri juga telah dipimpin oleh seorang wanita sebagai Setiausaha Bahagian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: POLIS KOMUNITI**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan peningkatan kadar jenayah semakin membimbangkan, adakah Kerajaan berniat untuk membantu memperluaskan pergerakan 'Polis Komuniti' yang ditubuhkan oleh penduduk-penduduk setempat memandangkan mereka tidak menerima sebarang peruntukan daripada mana-mana pihak.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiranan atau Polis Komuniti / *Community Policing* telah bermula pada bulan April 2013. Pasukan ini diwujudkan di semua Kampung Tradisi, Kampung Baru/Bagan/Tersusun dan Komuniti India di Negeri Selangor yang dipantau oleh Pejabat Daerah/Tanah mengikut kawasan masing-masing. Setiap JKKK diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi pelaksanaan program ini. Di samping itu juga, PBT juga bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi memperluaskan pergerakan kawalan keselamatan contohnya:-
- i. Memberi bantuan keanggotaan di dalam membuat rondaan keselamatan dan pencegahan jenayah.
  - ii. Rondaan dilakukan dikawasan hotspot kadar jenayah yang tinggi oleh pihak PDRM.
  - iii. Dua (2) orang wakil daripada Bahagian Penguatkuasaan yang akan dijadualkan untuk menyertai rondaan tersebut.
  - iv. Pihak MBSA juga mengadakan aktiviti kawalan keselamatan yang melibatkan kawasan pangsapuri yang telah disenaraikan sebagai kawasan hotspot kadar jenayah yang tinggi yang dikenali Program Skim Rondaan Keselamatan Dan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor (SEROJA) yang mana ianya diselaraskan oleh Lembaga Perumahan & Harta Negeri Selangor (LPHS). Program ini akan diperluaskan lagi di lima (5) buah kawasan pangsapuri di MBSA.

v. MBPJ juga telah memulakan program & rondaan keselamatan bermula 30 Julai 2013 dan pelancarannya pada 25 September 2013. Program rondaan bersama PDRM Ibu Pejabat Daerah Petaling Jaya adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan pentadbiran Majlis dengan kekerapan rondaan 3 kali seminggu. Disamping itu juga, pihak Majlis melalui Program PJ Safe “Safety For All”. Manakala Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang mana peruntukan sebanyak RM 5,000.00 setahun kepada Rukun Tetangga (RT), dan Persatuan Penduduk (RA). Pihak Majlis juga telah memperluaskan peruntukan kepada pihak *Joint Management Body* (JMB) bermula tahun 2014 melaksanakan pasukan Rondaan Keselamatan di kawasan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KELIP-KELIP DI KUALA SELANGOR**

243. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan kelip-kelip kekal sebagai produk eko-pelancongan yang popular di Selangor?
- b) Apakah ada peruntukan khas untuk mempromosi dan memelihara habitat kelip-kelip di Kuala Selangor agar terus kekal?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Daerah Kuala Selangor adalah sebuah agensi yang menyelenggara kebersihan dan kemudahan di Pusat Pelancongan Kelip-kelip Kampung Kuantan dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad ( TNB ) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

*Rancangan Jangka Panjang:*

1. Pusat Pelancongan Kelip-kelip Kampung Kuantan diwartakan dalam Cadangan Zon Santuari Kelip-kelip Rancangan Tempatan MDKS 2015 dengan Zon Pembangunan Terhad selebar 400 meter dari kedua-dua belah tebing sungai. ( 5km radius )
2. Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengarahkan MDKS untuk pengambilan balik tanah dengan tujuan tiada pembangunan di sekitar kawasan ini supaya tidak mengganggu habitat spesis berkenaan.

*Zon Pembangunan Terhad:*

1. Sebarang permohonan pembangunan di kawasan Zon Penampang adalah tertakluk kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.
2. Koridor Sungai adalah kawasan di luar rizab sungai dan dalam lingkungan 50 meter berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Berhadapan Sungai.

- b) Kerajaan Negeri mengambil maklum di atas kepentingan kelangsungan habitat Kelip-kelip di Kuala Selangor dan sentiasa berusaha untuk memastikan habitat ini terus kekal dan makmur di habitatnya. Oleh yang demikian, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Kuala Selangor bagi menjaga produk eko-pelancongan ini seperti berikut:-
- i. **Rancangan Jangka Panjang**  
Melaksanakan pengambilan balik tanah dan pewartaan Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kg. Kuantan dalam Cadangan Zon Santuari Kelip-Kelip Rancangan Tempatan MDKS 2015 dengan Zon Pembangunan Terhad selebar 400 meter dari kedua-dua belah tebing sungai (5km radius) bagi mengelakkan pencerobohan tanah yang boleh menyebabkan kerosakan kepada ekosistem kawasan tersebut.
  - ii. **Kerjasama Korporat (Corporate Social Responsibility)**
    - a) Kerajaan Negeri telah menandatangani Memoandum Persefahaman (MOU) dengan AEON CO. (M) Sdn.Bhd pada 29 April 2011 bagi satu kerjasama menjayakan Program Pemuliharaan-Pemuliharaan Habitat Kelip-Kelip yang dijalankan di tebing Sungai Selangor, Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor.
    - b) Satu Tabung Amanah telah diwujudkan atas persetujuan kedua-dua pihak yang dinamakan Tabung Amanah Pemuliharaan Kelip-Kelip Selangor.
    - c) AEON CO. (M) Sdn. Bhd. telah memberikan tajaan kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan jumlah sebanyak RM390,000.00 bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pemuliharaan di atas tanah seluas tiga (3) hektar dimana RM130,150.00 diperuntukkan untuk setiap satu (1) hektar tanah bagi setiap tahun.
    - d) Kerajaan Negeri Selangor juga telah memberikan sumbangan di dalam tabung ini sebanyak RM100,000.00 untuk dimanfaatkan bagi tujuan menaiktaraf produk pelancongan.
    - e) Usaha kerjasama baik antara Kerajaan Negeri Selangor dan AEON CO. (M) Sdn. Bhd. ini telah pun tamat apabila AEON menyalurkan tajaan terakhir pada 27 Januari 2014 yang lalu.
    - f) Melalui kerjasama Tabung Amanah ini, sebanyak RM476,556.00 telah diperuntukan bagi Program Pemuliharaan Kelip-Kelip kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sejak tahun 2011.

- g) Terdapat baki sebanyak RM 13,894.00 masih belum dibelanjakan dan Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan ia akan dibelanjakan seperti yang telah dipersetujui bagi tujuan Program Pemuliharaan Kelip-Kelip ini.

Bagi memastikan Pusat Pelancongan Kelip-kelip Kampung Kuantan terus menjadi pilihan pelancong, kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan bagi tujuan pembersihan Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan sebanyak RM 120,000 (RM 10,000 sebulan). Pembersihan tersebut meliputi perkara berikut:-

- i. Pemotongan rumput
- ii. Pembersihan tandas, longkang, bilik tayangan dan kaunter
- iii. Penyelenggaraan landskap

Antara strategi untuk mengekalkan kehadiran pelancong ke kawasan ini pula adalah seperti berikut:-

i. Program Promosi

Program promosi yang dijalankan secara berterusan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor merupakan salah satu strategi untuk mengekalkan kehadiran pelancong ke Negeri Selangor. Program promosi ini dijalankan di dalam dan luar negara dengan tujuan memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan Negeri Selangor termasuk produk eko-pelancongan iaitu Taman Alam dan Kelip-kelip Kampung Kuantan.

Program promosi luar negara yang dijalankan pada tahun 2013 adalah seperti berikut:-

- Asean Tourism Forum, Laos
- Arabian Travel Mart Dubai
- North China Tourism Fair (NCTF) 2013, Beijing
- Indonesia Travel Expo
- India (South Asia Travel & Tourism Exhibition – SATTE 2013)
- Malaysia Truly Asia Travel Fair, Singapore

Bagi tahun 2014, Tourism Selangor akan menjalankan program promosi ke luar negara seperti yang berikut:-

- Asean Tourism Forum, Sarawak
- Sales Mission to India
- Arabian Travel Mart Dubai
- Selangor Meets Indonesia
- ITB Asia Singapura
- Sales Mission to China

ii. Pakej-Pakej Pelancongan

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor juga telah melancarkan pakej-pakej yang menarik khusus untuk Tahun Melawat Malaysia 2014. Pakej-pakej dibuat bagi menarik lebih ramai pelancong datang melawat Negeri Selangor. Pakej-pakej tersebut meliputi pakej pelancongan kesihatan, membeli-belah, pelancongan agro, pelancongan eko, taman tema dan sebagainya. Terdapat juga pakej khusus untuk pakej pelancongan Taman Alam dan Kelip-kelip Kampung Kuantan.

iii. Familiarization Trip ‘FAM Trip’

Tourism Selangor juga akan membawa lawatan-lawatan untuk para media mahupun lain-lain ‘fam tour’ serta agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan secara terus kepada ‘key players’ dan agensi-agensi pelancongan. Secara tidak langsung sektor pelancongan dapat dipertingkatkan lagi.

Taman Alam dan Kelip-kelip Kampung Kuantan sering menjadi destinasi pilihan untuk program Fam Trip ini. Peserta-peserta Fam Trip akan diperkenalkan dengan produk operator dan diberi taklimat tentang aktiviti serta perkhidmatan yang ditawarkan.

Fam Trip yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

- FAM Tour (Moto GP)
- Fam Tour Ryan International School Mumbai, India
- Fam Trip (Pesta Floria)

iv. Website

Pada zaman yang serba moden dan canggih ini, ramai pengguna mendapatkan maklumat melalui internet. Oleh yang demikian, Tourism Selangor mengambil pendekatan untuk mempromosikan produk-produk pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor termasuklah Taman Alam dan Kelip-kelip Kampung Kuantan melalui website. Tambahan pula, website merupakan medium yang amat berkesan untuk mendapatkan maklumat pelancongan. Secara tidak langsung, promosi melalui website ini dapat meningkatkan dan mengekalkan kedatangan pelancong ke Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PERUMAHAN EXCO**

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah tindakan segera kerajaan negeri untuk memanfaatkan kemudahan perumahan EXCO ini selaras dengan teguran audit?
  - Nyatakan secara terperinci aktiviti kerja penyelenggaraan yang dijalankan di setiap unit banglo?

**JAWAPAN:**

- b) Selari dengan dasar kerajaan "Dari kebajikan kepada berdikari" (Welfare to workfare), Kerajaan Negeri telah membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai iWorkfare. iWorkfare akan mengumpul maklumat daripada seluruh rakyat di Selangor yang memerlukan bantuan. Fokus akan diberikan kepada kepada golongan miskin/asnaf, ibu tunggal, orang asli, penduduk luar bandar, peniaga kecil, pekerja kurang mahir, graduan menganggur dan pekerja ladang. Mereka akan diberi bantuan dalam bentuk modal asas, latihan, bimbingan, kemahiran, strategi pemasaran dan lain-lain bantuan oleh Kerajaan Negeri supaya mereka boleh menceburi bidang keusahawanan dengan lebih berkeyakinan dan berdaya saing bagi menjana ekonomi sendiri. Disamping itu, mereka juga boleh mempertingkat pendapatan sedia ada supaya taraf hidup mereka boleh berubah dari semasa ke semasa dan dapat menjalani kehidupan sama seperti warga Selangor yang lain.

Salah satu komponen penting dalam pembangunan iWorkfare ialah pembangunan pangkalan data bersepadu yang mengintegrasikan data-data daripada pelbagai agensi di Selangor. Melalui pangkalan data tersebut, Kerajaan Negeri boleh memantau pergerakan bantuan kebajikan kepada rakyat di Selangor supaya tiada pertindanan bantuan berlaku dan bantuan hanya diberikan kepada mereka yang amat memerlukan. Disamping itu, Kerajaan Negeri juga dapat merancang dan melaksana pemberian bantuan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan.

Namun demikian, Seksyen Sektoral Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan dua (2) buah universiti iaitu Unisel dan UTAR bagi membangunkan satu kajian fizikal berkaitan Pendapatan dan Kos Sara Hidup di negeri Selangor secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dibuat terhadap pelaksanaan kajian ini atas nasihat YAB Menteri Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: CATUAN AIR**

256. Kerajaan negeri telah melaksanakan program catuan air secara bergilir di seluruh Selangor akibat kekurangan bekalan air terawat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah rakyat di Selangor yang terjejas dari catuan bekalan air mengikut DUN?
- b) Nyatakan tempoh catuan air yang dilaksanakan mengikut zon?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: SUKAN**

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah aktiviti atau acara sukan yang disokong oleh Kerajaan Negeri selain daripada sukan yang berdaftar dengan Majlis Sukan Negeri?
- b) Berapakah yang dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti tersebut dalam 5 tahun yang lepas?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor tidak menjalankan aktiviti sukan yang tidak berdaftar melainkan sukan yang berdaftar dibawah gabungan Majlis Sukan Negeri Selangor dan hanya untuk sukan yang berprestij tinggi.
- b) Majlis Sukan Negeri Selangor tidak terlibat dengan aktiviti perbelanjaan sukan lain selain dari yang berdaftar dan bergabung kerana pihak kami hanya menumpukan sukan yang berprestij tinggi sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM**

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Berapakah jumlah penyewa di Kompleks PKNS Shah Alam dan pecahan penyewa mengikut komposisi kaum?
- Apakah berlaku kadar kenaikan sewa dari tahun 2008 hingga kini?
- Berapa ramaikah penyewa-penyewa yang telah ditamatkan kontrak penyewaan dari tahun 2008 hingga kini?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan kepada rekod setakat 31.5.2014, penyewa di Kompleks PKNS Shah Alam dan penyewa mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut :-

<b>Tingkat</b>	<b>Jumlah Premis/Keluasan (kaki persegi)</b>		<b>Jumlah Premis/Peratus Nota : berdasarkan jumlah yang diduduki</b>		<b>Peratus Kawasan “Lettable” (kaki persegi) Nota : berdasarkan jumlah yang diduduki</b>	
	<b>Diduduki</b>	<b>Kosong</b>	<b>Bumi</b>	<b>Bukan Bumi</b>	<b>Bumi</b>	<b>Bukan Bumi</b>
Satu (1)	121,706.40 k.p (192 lot)	1,729.00 k.p (2 lot)	152 lot (79.17%)	40 lot (20.83%)	88,161.40 k.p (72.43%)	33,544.00 k.p (27.57%)

Berdasarkan kepada rekod setakat 30.04.2014, penyewa di Kompleks PKNS Shah Alam dan penyewa mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut :-

Tingkat	Jumlah Premis/Keluasan (kaki persegi)		Jumlah Premis/Peratus <i>Nota :</i> <i>berdasarkan jumlah yang diduduki</i>		Peratus Kawasan “Lettable” (kaki persegi) <i>Nota :</i> <i>berdasarkan jumlah yang diduduki</i>	
	Diduduki	Kosong	Bumi	Bukan Bumi	Bumi	Bukan Bumi
Bawah (G)	121,706.40 k.p (192 lot)	1,729.00 k.p (2 lot)	152 lot (79.17%)	40 lot (20.83%)	88,161.40 k.p (72.43%)	33,544.00 k.p (27.57%)
Satu (1)	87,718.60 k.p (161 lot)	777.00 k. p (2 lot)	144 lot (89.45%)	17 lot (10.55%)	73,084.60 k.p (83.32%)	14,634.00 k.p (16.68%)
Jumlah	<b>209,425.00 k.p (353 lot)</b>	<b>2,506.00 k.p (4 lot)</b>	<b>296 lot (83.86%)</b>	<b>57 lot (16.14%)</b>	<b>161,247.00 k.p (77.00%)</b>	<b>48,178.00 k.p (23.00%)</b>

***Nota :Rekod yang dinyatakan di atas adalah untuk Tingkat Bawah (GF) dan Tingkat Satu (1) sahaja, iaitu untuk ruang niaga sahaja.***

***Tingkat 2 dan 3 adalah untuk kegunaan pejabat dan yang berkaitan sahaja.***

- b) Tiada rekod kenaikan kadar sewa dicatatkan sejak dari tahun 2008 sehingga kini **kecuali** kenaikan yang dilaksanakan kepada penyewa-penyewa dalam kategori “Bank” sahaja, di mana tarikh untuk kadar sewa baru adalah mengikut tempoh setiap terma.

- c) Mengikut rekod, penyewa-penyewa telah ditamatkan kontrak penyewaan dari tahun 2008 hingga kini adalah sebanyak 7 syarikat yang mana penjelasan adalah seperti berikut :-

<b>Bil .</b>	<b>No. Lot</b>	<b>Penyewa</b>	<b>Kategori Penyewa (Bumi Atau Bukan Bumi)</b>	<b>Penjelasan</b>	<b>Catatan</b>
1.	L	Zikay Factory SdnBhd	Bumi	Akaun penyewa mempunyai tunggakan yang banyak dan berada dalam "Legal Case"	
2.	L	Angel Cupid SdnBhd	Bumi	Penyewa meminta untuk menamatkan perjanjian.	
3.	KE02	Glamz Resources	Bumi	Penyewa meminta untuk menamatkan perjanjian.	
4.	G22	Dr. Rodziah Abd. Aziz	Bumi	Penyewa meminta untuk menamatkan perjanjian.	

Mengikut rekod, penyewa-penyewa telah ditamatkan kontrak penyewaan dari tahun 2008 hingga kini adalah sebanyak 7 syarikat yang mana penjelasan adalah seperti berikut :-

Bil .	No. Lot	Penyewa	Kategori Penyewa (Bumi Atau Bukan Bumi)	Penjelasan	Catatan
5.	G31	Ramamoganara jah A/L M. Pamachamyi	Bukan Bumi	Akaun penyewa mempunyai tunggakan yang banyak dan berada dalam "Legal Case"	G31
6.	G60 E	Cyrim Technology	Bumi	Penyewa menutup premis tanpa mendapat kelulusan dari pihak PKNS	G60E
7.	G92 B	Fatihah Frozen SdnBhd	Bumi	Penyewa meminta untuk menamatkan perjanjian.	G92B

**Nota :**

***Rekod yang dinyatakan di atas adalah untuk Tingkat Bawah (GF) dan Tingkat Satu (1) sahaja, iaitu untuk ruang niaga sahaja.***

***Tingkat 2 dan 3 adalah untuk kegunaan pejabat dan yang berkaitan sahaja.***

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENGENDALIAN KRISIS AIR**

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -
- Siapakah yang bertanggungjawab untuk menyelaras pengendalian krisis air?
  - Kenapakah catuan air dibuat di bulan April walaupun hujan lebat sedangkan air di sungai tidak dapat disalurkan ke empangan?

**JAWAPAN :**

- Merujuk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air , 2006 (Akta 655) bagi maksud kecemasan yakni dalam hal keadaan apabila bekalan air tidak mencukupi disebabkan kemarau yang teruk atau pergolakan industri, atau pembekalan air membahayakan atau menimbulkan ancaman kepada keselamatan awam atau kesihatan awam atau suatu kejadian berlaku yang menimbulkan keadaan yang mendesak, maka YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air diberikan kuasa untuk mengenakan catuan air. Dalam hal ini, pihak yang menyelaraskan pengendalian krisis air adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
- Paras simpanan air mentah di Empangan Sungai Selangor terus menurun hingga ke paras di bawah 40% di mana setakat 16 April 2014, simpanan air mentah di Empangan Sungai Selangor adalah sebanyak 87.12 Juta Meter Padu (37.88%). Paras air di empangan Sungai Selangor turun pada kadar 0.62% hingga 1% setiap hari, tanpa kawalan pelepasan, paras empangan air mentah di sungai Selangor dianggarkan boleh menurun kepada 30% dalam tempoh 7 hari sahaja. Sekiranya tiada catuan dibuat ketika itu, maka penurunan paras Empangan Sungai Selangor tidak akan dapat dikawal dan akan terus menyusut hingga ke paras yang kritikal. Dalam paras kritikal, ditambah dengan kedatangan monsun Barat Daya yang dijangkakan pada bulan Jun 2014 dan jangkaan el nino yang akan melanda, adalah mustahil untuk memenuhi semula takungan Empangan Sungai Selangor. Keadaan ini jika berlaku akan lebih mendatangkan kesulitan kepada rakyat seluruhnya. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan meneruskan catuan dalam bulan April sebagai langkah untuk memastikan takungan Empangan Sungai Selangor dapat ditingkatkan bagi menghadapi musim kering yang dijangkakan itu.

Penurunan paras empangan itu adalah disebabkan oleh keadaan cuaca panas yang luar biasa ditambah dengan pengurangan kadar hujan yang ketara. Keadaan cuaca tersebut menyebabkan empangan ini menerima hujan yang sedikit sejak dua bulan yang lalu berbanding dengan tahun-tahun yang lepas seperti yang dapat dilihat seperti jadual di bawah:

**JADUAL PERBANDINGAN HUJAN BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2014 UNTUK BULAN JANUARI, FEBRUARI, MAC, OKTOBER, NOVEMBER DAN DISEMBER**

TAHUN	JUMLAH HUJAN BULANAN					
	JANUARI	FEBRUARI	MAC	OKT	NOV	DEC
2007	193.30	46.65	234.45	286.87	372.73	268.65
2008	165.54	83.99	295.11	272.22	419.77	62.00
2009	91.0	99.56	325.13	64.00	84.82	50.40
2010	162	82	208	115.43	392.24	151.84
2011	190	50	183	251.66	274.80	185.54
2012	106	217	199	245.78	496.50	223.57
2013	96	149	107	385.71	210.07	139.19
2014	102	2	54			

Walaupun hujan banyak direkodkan pada bulan April tersebut, namun hujan tersebut tidak turun di dalam kawasan takungan Empangan Sungai Selangor. Sehingga 04 Jun 2014, walaupun proses pemberian awan dilaksanakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), hujan yang direkodkan turun di dalam takungan Empangan Sungai Selangor hanya sebanyak 27mm.

Lanjutan dari keputusan Kerajaan Negeri Selangor mengadakan catuan dahulu, takungan simpanan Empangan Sungai Selangor telah dapat ditingkatkan dari 37.88% pada 16 April 2014 kepada 43.39% pada 06 Jun 2014 di mana purata peningkatan dianggarkan sebanyak 0.1 – 1% setiap hari. Dengan peningkatan takungan simpanan di Empangan Sungai Selangor, Kerajaan Negeri bersedia menghadapi musim kering yang dijangka akan melanda dan gangguan bekalan air kepada pengguna dapat diminimakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: KEMUDAHAN GOLONGAN PENJAJA**

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan negeri kepada golongan penjaja?
  - Apakah bentuk bantuan berterusan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri?
  - Berapakah peruntukan dana untuk menaik taraf perniagaan mereka?

**JAWAPAN:**

a) b) dan c)

Kerajaan Negeri amat serius dalam membantu golongan penjaja menjalankan perniagaannya. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui PBT telah menyediakan tempat berniaga serta jadual seperti pasar malam, pasar pagi, pasar tani, kompleks pasar dan kiosk penjaja. PBT juga hanya mengenakan kadar fi yang murah kepada penjaja manakala kadar fi bagi golongan penjaja OKU pula hanya separuh harga. Antara bentuk bantuan berterusan selain menyediakan tapak-tapak perniagaan adalah, Kerajaan Negeri sentiasa komited bagi meningkatkan ekonomi golongan penjaja dengan melaksanakan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) antaranya Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) yang dilaksanakan sejak bulan Julai 2010 dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (Mimbar) sejak bulan Mac 2011 serta pelbagai bentuk bantuan lain. Bagi melaksanakan bantuan berterusan, Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan pinjaman dengan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk program SkimSel dan RM20 juta bagi program Mimbar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK: KENAIKAN SEWA KOMPLEKS PERNIAGAAN PKNS**

261. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan kadar sewa semasa di Kompleks PKNS Shah Alam berbanding kadar sebelum kenaikan?
  - Senaraikan penyewa-penyewa premis perniagaan yang terlibat dengan kenaikan kos sewaan ini?
  - Apakah asas pertimbangan kadar sewa dan adakah ia berpatutan?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut disertakan kadar sewa semasa dan cadangan kadar kenaikan sewa :-

Tingkat	Jenis Perniagaan	Kadar Sewa Semasa / Kaki Persegi	Kadar Kenaikan Sewa / Kaki Persegi (MASIH DI PERINGKAT PERLAKSANAAN)	Penjelasan
Tingkat bawah (Ground Floor)	Ruang Kedai	RM 2.50	Kenaikan di antara RM3.25 (30%) – RM3.75 (50%)	Mengambil kira faktor-faktor seperti:- i) Luas kedai ii) Kedudukan kedai iii) Jenis perniagaan
	Bank	RM 5.00	Mengikut pasaran semasa dan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.	-

	Jenis Perniagaan	Kadar Sewa Semasa / Kaki Persegi	Kadar Kenaikan Sewa / Kaki Persegi (MASIH DI PERINGKAT PERLAKSANAAN)	Penjelasan
	“Chain Store”, eg..McDonalds,	RM 2.50	Mengikut pasaran semasa dan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.	-
Tingkat Satu	Ruang Kedai	RM 2.00	Kenaikan di antara RM2.60 (30%) – RM3.00 (50%)	Mengambil kira faktor-faktor seperti:- i) Luas kedai ii) Kedudukan kedai iii) Jenis perniagaan
	Bank	Tiada	-	
	“Chain Store”, eg..McDonalds,	Tiada	-	

***Nota : Rekod yang dinyatakan di atas adalah untuk Tingkat 1 dan 2 sahaja, iaitu untuk ruang niaga sahaja.***

***Tingkat 2 dan 3 adalah untuk kegunaan pejabat dan yang berkaitan sahaja.***

- b) Semua penyewa premis perniagaan akan terlibat dengan kenaikan kos sewaan ini.

c) Kadar sewa yang bakal dilaksanakan ini adalah berpatutan dan asas pertimbangan kadar sewa ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor, iaitu :-

**i) Peningkatan kos dengan keadaan ekonomi semasa.**

Dengan keadaan ekonomi semasa, pemilik bangunan memerlukan dana untuk menampung kos operasi yang meningkat dan perbelanjaan modal, contoh kenaikan tarif elektrik dan sebagainya.

**ii) Kos Penyelenggaraan yang tinggi**

Sebagai pengendali Kompleks, adalah untuk memastikan semua kemudahan adalah teratur bagi mewujudkan suasana pusat membeli-belah. Dengan keadaan bangunan yang sudah agak berusia, semestinya terdapat banyak peralatan atau kemudahan-kemudahan yang perlu diperbaiki atau ditukar yang baru. Pembaikan dan naiktaraf akan dilakukan secara berfasa.

**iii) Keadaan Pasaran yang telah berubah**

Pada masa ini, kadar sewa di Kompleks PKNS Shah Alam adalah sangat rendah berbanding dengan kadar pasaran, sekalipun dibandingkan dengan Kompleks yang berdekatan. PKNS masih realistik dengan kenaikan kadar sewa, yang mana kadar sewa setelah dinaikkan juga adalah masih pada kadar subsidi.

**iv) Memacu aktiviti-aktiviti promosi dan pengiklanan**

Dana diperlukan untuk memacu aktiviti-aktiviti promosi dan pengiklanan. Pihak Pengurusan juga akan mempergiatkan usaha-usaha untuk merangka lebih banyak Program Pembangunan Usahawan Bumiputera. Setakat ini pihak PREC telah menganjurkan pelbagai aktiviti promosi dengan pihak UiTM, Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera dll.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: KEBAJIKAN ORANG ASLI**

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kemudahan dan bantuan kebajikan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada orang Asli?
- b) Berapakah peruntukan dana yang telah dibelanjakan untuk kebajikan golongan ini dari tahun 2008 - 2014?

**JAWAPAN:**

- a) JAKOA tidak mempunyai maklumat berkaitan pertanyaan tersebut kerana ia melibatkan perancangan dan peruntukan oleh Kerajaan Negeri
- b) JAKOA tidak mempunyai maklumat berkaitan pertanyaan tersebut kerana ia melibatkan peruntukan kewangan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**

263. Bertanya kepada Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) supaya ia boleh mencapai prestasi yang lebih cemerlang seperti penarafan empat bintang dalam Sistem *Star Rating* (SSR)-PBT bagi tahun ini.

**JAWAPAN:**

- a) Jawapan seperti di lampiran.



## **BAHAGIAN INSPEKTORAT KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

---

**Laporan Lawatan Penggredan Sistem Penarafan Bintang  
Pihak Berkuasa Tempatan  
Majlis Daerah Hulu Selangor  
Pada 7 Mac 2013**

### **TUJUAN**

Laporan ini bertujuan memaklumkan hasil penilaian Pasukan Inspektorat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas prestasi Majlis Daerah Hulu Selangor dalam Lawatan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Semenanjung Malaysia Tahun 2013.

### **LATAR BELAKANG**

2. SPB-PBT yang dahulunya dikenali sebagai Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 yang telah diadakan pada 2 Oktober 2007 untuk menilai tahap penyampaian Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Melalui penilaian tersebut, PBT akan diletakkan pada suatu tahap kedudukan bintang yang sesuai berdasarkan markah yang diperoleh. Penilaian ini juga bertujuan untuk mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui persaingan sihat dalam kalangan PBT. Selain itu, penilaian ini membantu PBT supaya sentiasa berusaha untuk memantapkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, pelanggan dan *stakeholders*.

3. Berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bil. 1 Tahun 2008, penggredan SPB-PBT pada asasnya akan diadakan setiap dua (2) tahun sekali. Penggredan pertama dan kedua telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan 2010/2011 ke atas kesemua PBT di Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 2013, penggredan SPB-PBT ketiga dilaksanakan bermula pada 18 Februari 2013 sehingga September 2013 yang melibatkan kesemua 99 PBT Semenanjung dan dua (2) *modified* PBT iaitu, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan atas permintaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

4. Indikator SPB-PBT bagi tahun 2013 telah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi KP KT melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SSR-PBT Bil. 1 Tahun 2012 pada 3 Disember 2012. Bagi membantu PBT dalam program penggredan ini, KP KT telah membuat penambahbaikan dengan mengemukakan kepada PBT senarai dokumen dan rekod yang akan disemak semasa penggredan dilaksanakan.

## KRITERIA DAN WAJARAN

5. Penilaian SPB-PBT 2013 ini masih berdasarkan empat (4) kriteria dengan wajaran yang sama seperti berikut:
- (a) Pengurusan (30%);
  - (b) Perkhidmatan Teras (35%);
  - (c) Pengurusan Pelanggan (15%); dan
  - (d) Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk (20%).

Walau bagaimanapun, hanya indikator-indikator yang terkandung dalam kriteria tersebut di atas telah diubah suai dan dikaji semula supaya ianya selaras dengan kehendak semasa serta perkembangan terkini.

6. Dari segi penarafan bintang, pemarkahannya masih kekal seperti berikut:

Markah	Bintang
90-100	★ ★ ★ ★ ★
75-89.9	★ ★ ★ ★
60-74.9	★ ★ ★
46-59.9	★ ★
45.9 dan ke bawah	★

## METODOLOGI PENILAIAN

7. Kaedah yang diguna pakai oleh Pasukan Inspektorat, KPKT bagi melaksanakan penggredan SPB-PBT juga adalah sama seperti dalam penggredan yang lepas iaitu:

- (a) Semakan secara *online* melalui laman web/portal PBT;
- (b) Temubual dengan penjawat awam di PBT berkenaan;
- (c) Semakan fail, rekod dan dokumen-dokumen berkaitan;
- (d) Pemerhatian dan pemeriksaan di pejabat PBT termasuk kaunter-kaunter dan persekitaran PBT; dan
- (e) Lawatan tapak dan premis-premis di bawah kuasa PBT dan juga tempat perniagaan, kemudahan awam, pasar basah dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh PBT.

## **PASUKAN INSPEKTORAT**

8. Pasukan Inspektorat KPKT yang terlibat dalam lawatan ini terdiri daripada pegawai-pegawai seperti senarai di **Lampiran 1**.

## **KEPUTUSAN PENGGREDAN**

9. Hasil semakan dan penilaian SPB-PBT yang dijalankan, mendapati bahawa bagi penggredan tahun 2013 ini, Majlis Daerah Hulu Selangor memperoleh penarafan 3 Bintang dengan markah sebanyak 72.84%. Jadual prestasi mengikut kriteria dan subkriteria adalah seperti di **Lampiran 2**.

## **PENEMUAN, ANALISIS PRESTASI DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MENGIKUT KRITERIA**

10. Bagi **Kriteria Pengurusan**, Majlis Daerah Hulu Selangor memperoleh markah sebanyak 24.05% daripada wajaran 30%. Hasil penemuan daripada penggredan yang dijalankan dan cadangan

penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor untuk Kriteria Pengurusan ini adalah seperti berikut:

## Kriteria 1: Pengurusan

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
1.1 Pengurusan Organisasi				
1.1.1 Perancangan Strategik				
	(i)	Terdapat Pelan Strategik		
		(a) Bila mesyuarat/perbincangan diadakan?	Tiada	Perlu mengadakan mesyuarat/ perbincangan berkala seperti penyedian dan kajian semula separuh penggal ( <i>midterm review</i> ) serta menyediakan minit mesyuarat
		(b) Adakah dokumentasi disediakan?	Telah melantik konsultan untuk menyediakan Pelan Strategik MDHS	Perlu mendokumenkan PS MDHS
		(c) Kaedah-Kaedah merangka Pelan Strategik	PS MDHS masih dalam penyediaan	Perlu mengaplikasikan kaedah seperti SWOT, BSC atau/dan BOS
	(ii)	Sistem Pelaksanaan Pelan Strategik		
		(a) Mempunyai <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> <i>output</i> dan <i>outcome</i> bagi semua dasar, program dan aktiviti utama PBT	Terdapat KPI untuk output semua program, dasar dan aktiviti PBT	Menyediakan KPI untuk outcome bagi semua program, dasar dan aktiviti PBT
		(b) Mempunyai visi dan misi	Telah memperkenalkan misi dan visi	
	(iii)	Pengukuran Impak Pelan Strategik		
		(a) Forum/Jawatankuasa Penilaian Impak Pelan Strategik	PS MDHS masih dalam penyediaan	Mewujudkan Forum/ Jawatankuasa Penilaian Impak
		(b) Pelaksanaan Penilaian Impak	PS MDHS masih dalam penyediaan	Perlu melaksanakan penilaian Impak
	(iv)	Inisiatif untuk menjenamakan PBT		
		(a) Langkah-langkah yang diambil setakat ini	Terdapat bukti melaksanakan usaha-usaha penjenamama PBT seperti :- i) Promosi "Tourism Attraction & Recreation District"; ii) Telah mengubah warna bendera MDHS; dan iii) Menggunakan slogan baru, dan logo baru diperkenalkan	
		(b) Tahap pelaksanaan inisiatif bagi menunjukkan komitmen	Melaksanakan program-program seperti: i) Program Mini Bird Race pada 21 April 2012; dan ii) Program Nature Bike Ride 2012; dan Peruntukan untuk Program Kebudayaan dan pelancongan sebanyak RM118,550.00	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
1.1.2	Komitmen membudayakan kualiti, inovasi dan kreativiti			
	(i) Program-program kualiti yang dilaksanakan			
		(a) ISO 9001:2008 bagi perkhidmatan teras	Telah mengISOkan 1 Manual Kualiti dan 66 Manual Prosedur daripada 10 buah Jabatan di MDHS	
		(b) Penandaarasan	Dirujuk oleh:i) MBSA pada 20 Julai 2011 berhubung Kaedah Lelongan Awam; ii) MBKL pada 16 Februari berhubung <i>Elektronik Fund Transfer</i> ; iii) MP Selayang pada 11 Oktober 2012 berhubung <i>Elektronik Fund Transfer</i> dan iv) MD Tanjung Malim pada 27 November 2012 berhubung Perlesenan	
		(c) Lebih 90% kemaskini.	Lebih 90% daripada sampel yang dipilih telah kemaskini	
		(d) Manual Prosedur Kerja (MPK)	Telah dikemaskini dan diluluskan pada 2 Februari 2012	
		(e) Kumpulan KIK	Ada 4 kumpulan KIK.	
		(f) Inovasi dan kreativiti yang telah dihasilkan	Terdapat 2 inovasi iaitu: i) <i>Elektronik Fund Transfer</i> – telah dilaksanakan di MDHS dan menerima Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) Tahun 2013; dan ii) Slip gaji online menggunakan QR Code	
		(g) Pelaksanaan Program 5S	Telah laksanakan tetapi belum mendapat sijil.	
	(ii) Pengiktirafan yang diterima			
		(a) Pengiktirafan prestasi kerja dalam tahun penilaian (contoh: kewangan, ICT, landskap, pelan bangunan dan lain-lain)	i) Pengiktirafan 5 bintang untuk laman web ; ii) Pengiktirafan 5 Bintang untuk Portal bagi Malaysia Goverment Portal dan Website Assessment 2012; iii) Naib Johan Kategori Pengurusan Aduan awam Negeri Selangor; iv) Johan Anugerah Zon Bersih antara PBT, v) Anugerah Penghargaan Inisiatif Kejiranan hijau & kajian Semula MurniNet PBT; vi) Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau Laluan Basikal bagi Bandar KKB	
		(b) Pengiktirafan selain prestasi kerja dalam tahun penilaian (contoh: sukan, perbarisan, koir dan lain-lain)	i) Anugerah Pelaburan Tertinggi Daerah dalam Negeri Selangor	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
1.1.3	Pemantapan Integriti			
	(i)	Mempunyai Pelan Integriti PBT	Ada Pelan Integriti PBT yang lengkap	
	(ii)	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU)/ Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan		
		(a) Mengadakan mesyuarat berkala (3 kali setahun)	Bermesyuarat sebanyak 3 kali pada 14 March 2012, 13 Jun 2012 dan 19 September 2012.	
		(b) Laporan JKTU dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN)	Telah dikemukakan kepada PBN sebanyak 3 kali	
	(iii)	Aktiviti-aktiviti meningkatkan tahap integriti di PBT:		
		(a) Berapakah program di bawah pelan integriti dilaksanakan	Telah laksana 5 program: -Tazkirah (seminggu 2 kali) -Menghadiri Konvensyen IN 2012 pada 6 November 2012 -Borang-borang Perlesanan diletakkan potongan Hadith -Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan; dan -Anugerah inovasi	
		(b) Semakan ke atas proses dan prosedur	5 proses/prosedur telah disemak dan digunakan	
1.1.4	Pengukuhan Semangat Berpasukan dan Peningkatan Motivasi			
	(i)	Program dan aktiviti meningkatkan semangat berpasukan dan motivasi		
		(a)	Bilangan program dilaksanakan untuk mewujudkan semangat berpasukan dan motivasi (contoh: Hari Keluarga, Hari Sukan, Hari Perayaan, Majlis Makan Malam, aktiviti riadah, program bina semangat dan lain-lain)	Telah melaksana 75program: - Program Ibadah Qurban oleh Pegawai dan kakitangan pada 29 Oktober 2012; - Team Building pada 9-11 November 2012; - Sukan Jabatan - Malam APC pada 6 Julai 2012; -Program Kerja Berpasukan 3-5 May 2012
	(ii)	Peranan PBT untuk menggalakkan kerjasama Ahli-Ahli Majlis dalam pasukan		Mempunyai 3 inisiatif:i) Perhimpunan Bulanan (Ahli Majlis dijemput); ii) Gotong Royong dan kebersihan MDHS; dan iii) ProgramRiang Ria Raya dan Majlis Bulan Puasa.
1.1.5	ICT Dalam Pengurusan Organisasi			
	(i)	ICT Strategic Plan (ISP)	Pelan Strategi ICT: Kajian Semula 2012-2015.	
	(ii)	Status pelaksanaan ISP	Semua program dan aktiviti dapat dilaksanakan mengikut perancangan.	
	(iii)	Pengurusan Laman Web		
		(a) Ciri-ciri asas mandatori Laman Web	Mempunyai 23 ciri-ciri asas mandatori laman web.	
		(b) Pengemaskinian Laman Web	Mempunyai laman web, rekod pengurusan yang terkini iaitu 7 Mac 2013	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
1.2	Pengurusan Kewangan dan Aset			
1.2.1	Pengurusan Kutipan Hasil Cukai/Bukan Cukai			
	(i)	Pelaksanaan kutipan cukai secara <i>online</i>	Telah melaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2002	
	(ii)	Pengurusan kewangan berkomputer	Telah dibangunkan pada 1997 dan dilaksanakan secara sepenuhnya	
	(iii)	Prestasi kutipan hasil (cukai dan bukan cukai) berdasarkan anggaran	Prestasi kutipan:121%	
	(iv)	Prestasi kutipan tunggakan hasil cukai	51%	
	(v)	Usaha-usaha mengawal keselamatan kutipan (contoh: penurunan kuasa secara bertulis, cara deposit ke bank, pegangan wang tunai, buku resit/sistem dan lain-lain)	1) Telah melantik Cash-In Transit (Security); 2) Telah memasang CCTV di cashier; 3) Penurunan Kuasa; dan 4) Membuka elektronik banking di kawasan majlis	
	(vi)	Peningkatan pendapatan daripada sumber lain seperti lesen, bayaran dan kompaun (pendapatan hasil bukan cukai) berbanding dengan tahun sebelumnya	21.2%	
	(vii)	Usaha-usaha bagi meningkatkan hasil (contoh: tindakan undang-undang pemberian insentif, kempen, pelaburan dan lain-lain)	Mempunyai 3 usaha	
	(viii)	Kedudukan nilai aset	Nilai aset kurang 2 tahun emolumen.	
	(ix)	Kredit dan pinjaman oleh PBT	Mampu membayar kredit dan pinjaman mengikut syarat perjanjian (pembelian 13 buah kenderaan).	
1.2.2	Pengurusan Bajet dan Akaun			
	(i)	Penyediaan Bajet Tahunan	Ada buku bajet dan rekod perbincangan/mesyuarat sebagai bukti dalam menyediakan bajet.	
	(ii)	Prestasi Perbelanjaan Mengurus berdasarkan Bajet yang diluluskan	98%	
	(iii)	Prestasi Perbelanjaan Pembangunan berdasarkan Bajet yang diluluskan	98%	
	(iv)	Bajet tahunan yang diluluskan	Bajet surplus	
	(v)	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun	Mengadakan JPKA setiap bulan	
	(vi)	Membentangkan: • Penyata Kewangan Tahunan dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan Dewan Undangan Negeri (DUN); • Mengemukakan Penyata Kewangan ke Jabatan Audit Negara sebelum 30 April; • Mengemukakan Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun kepada Setiausaha Kerajaan Negeri; dan • Laporan Bulanan Prestasi kepada Pegawai Kewangan Negeri	Telah kemukakan laporan kepada agensi berkaitan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan	
	(vii)	Daftar bil/Bayaran bil/Tuntutan mengikut tempoh 14 hari (AP 103)	3.50%	
	(viii)	Penyenggaraan Akaun Belum Terima (ABT)		
		(a) Menyelenggara Daftar bagi mengawal ABT -	Ada menyelenggarakan	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
			Tunggakan Hasil, Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman dan Tunggakan Hutang-Hutang Lain		
		(b)	Tunggakan bayaran balik (kepada orang awam/kontraktor, cagaran dan lain-lain)	Ada menyelenggarakan	
		(c)	Tunggakan hutang-hutang lain (pinjaman komputer, kenderaan dan lain-lain)	Ada menyelenggarakan	
		(ix)	Perbelanjaan peruntukan daripada Kementerian dan agensi-agensi lain	94%	
		(x)	e-Payment (EFT/e-SPKB atau kaedah bayaran secara elektronik kepada kontraktor atau pembekal)	Telah melaksanakan EFT secara sepenuhnya	
		(xi)	Melaksanakan inisiatif-inisiatif memantapkan amalan belanja secara berhemat dilaksanakan (contoh: surat arahan dalaman, pekeliling, garis panduan dan lain-lain)	Mempunyai 3 inisiatif iaitu:i) Pekeliling Jabatan perpendaharaan Bil 1 Tahun 2012; ii) Pekeliling Jabatan Perpendaharaan Bil 2 Tahun 2012; dan iii) dalam Mesyuarat OSC ( Semua projek diharuskan menggunakan lampu LED)	
		(xii)	Pengurusan pinjaman	Daftar pengurusan pinjaman ada disediakan dan kemaskini.	
		(xiii)	Pengurusan buku vot	Buku vot elektronik dicetak dan ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab setiap hari.	
		(xiv)	Sijil bersih audit	Ada sijil bersih audit bertarikh 3 Ogos 2012	
1.2.3	Pengurusan Aset dan Pengurusan Stor				
	(i)	Kawalan ke atas harta modal dan inventori			
		(a)	Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), Unit Pengurusan Aset dan pelantikan pegawai aset	Telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) , Unit Pengurusan Aset dan pelantikan pegawai aset.	
		(b)	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) dan laporan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA)	Telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2012 iaitu pada 15 Februari 2012, 26 Jun 2012, 25 September 2012 dan 26 Disember 2012.	
		(c)	Kawalan ke atas harta modal dan inventori	Mempunyai daftar harta modal dan inventori ( 94 Kew PA 2 dan 63 Kew PA 3), melantik pegawai pemeriksa aset dan melakukan pemeriksaan pada 20 Jun 2012, 27 Ogos 2012 dan 20 December 2012	
	(ii)	Pemeriksaan mengejut dijalankan secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan			<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pegawai Pemeriksa Aset daripada KPKT pada 24 Julai 2012;</li> <li>2) Pemeriksaan ke atas peralatan Pemeriksaan</li> </ol>

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
				Makanan pada 11 September 2012 3) Pemeriksaan terhadap Perabot pada 31 Oktober 2012.	
	(iii)		Kaedah pelupusan dan hapus kira harta modal dan inventori		
		(a)	Lembaga pemeriksa pelupusan	Telah menujuhkan Lembaga pemeriksa pelupusan pada tahun 2007. Lantikkan baru berkuatkuasa mulai 22 Februari 2012 hingga 21 Februari 2014	
		(b)	Kaedah pelupusan dilakukan dalam tempoh 3 bulan	Pelupusan dilakukan dalam tempoh setahun berdasarkan tempoh sah laku anggaran harga JKR.	
		(c)	Pengurusan kes kehilangan	Pelantikan J/K Penyiasat mengambil masa melebihi 2 bulan.	
	(iv)		Kawalan pengurusan kenderaan		
		(a)	Daftar kenderaan	Terdapat buku daftar kenderaan yang dikemaskini, kad Kew.Pa 2 dan Kew.Pa 14 serta setiap kenderaan mempunyai fail individu	
		(b)	Pemantauan ke atas buku log nama dan tandatangan pegawai yang beri kuasa, butir-butir perjalanan yang kemas kini dan tandatangan pegawai yang menggunakan kenderaan, kad inden minyak dan kad touch n' go/resit tol	Mempunyai pemantauan terhadap buku log, kad indent minyak dan touch -n-go	
		(v)	Pengurusan stor	Perlantikkan bersekali dengan pegawai pemeriksa asset dan pemverifikasi stor. Telah mengadakan 4 lawatan tahun 2012	
	(vi)		Pengurusan dan perolehan kontrak		
		(a)	Pengurusan pembelian terus	Mempunyai rekod pembelian terus, rekod bayaran, no. LO dan Baucher.	
		(b)	Pematuhan kepada prosedur sebut harga dan tender	Mempunyai buku daftar, sebutharga dan tender MDHS secara manual dan berkomputer. Perlantikan ahli J/K sebutharga dan tender oleh YDP pada 29 Februari 2012.	
		(c)	Surat perjanjian kontrak dan kaedah penyimpanannya	Daftar senarai kontrak dan daftar sebutharga dan tender menggunakan buku manual yang sama. Kontrak disemak oleh PUU PBT dan ditandatangani oleh YDP	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
1.3	Pengurusan Sumber Manusia			
1.3.1	Pelan Strategik Sumber Manusia			
	(i)	Ada perancangan Sumber Manusia		Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia 2012-2016.
	(ii)	Mesyuarat Jawatankuasa Personel dan Perkhidmatan Majlis mengenai pengurusan sumber manusia		Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat bermesyuarat setiap bulan dan dipengerusikan oleh YDP
	(iii)	Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM)		Telah bermesyuarat pada 14 Mac 2012
	(iv)	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)		29 orang daripada 358 orang pegawai dan kakitangan telah menerima APC (8%)
	(v)	Pengendalian Buku Perkhidmatan		Daripada semakan sampel, semua buku perkhidmatan dikemaskini.
	(vi)	Sistem perakam waktu dan analisis		Tiada laporan dan analisis.
	(vii)	Sistem pengurusan maklumat sumber manusia (HRMIS)		Maklumat perkhidmatan 99.92% dan maklumat peribadi 100%
	(viii)	<i>Job Rotation/Cross Fertilisation</i>		<i>Job rotation</i> dilaksanakan
	(ix)	Urusan pengesahan, taraf berpencen dan persaraan		Daripada semakan sampel, bukan semua buku perkhidmatan dikemaskini.
	(x)	Pemantauan cuti sakit		Semua sampel yang dipilih telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan
	(xi)	Pengurusan cuti rehat		Semua sampel yang dipilih telah mematuhi proses permohonan cuti rehat
	(xii)	Pengisian jawatan kumpulan sokongan OSC selepas tawaran opsyen oleh KPKT		Semua jawatan telah diisi.
1.3.2	Program Latihan			
	(i)	Mempunyai Pelan Operasi Latihan (POL)		Bercadang melantik konsultan tahun 2013 untuk membuat TNA.
	(ii)	Jawatankuasa Latihan		Latihan dibincangkan dalam Mesyuarat J/K Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat setiap bulan
	(iii)	Peruntukan bajet latihan minimum bersamaan 1% daripada emolumen		2.16%
	(iv)	Pengendalian kursus secara dalaman ( <i>in-house</i> )		10.00%
	(v)	Jumlah pegawai mematuhi 7 hari berkursus dalam setahun		98%
	(vi)	Proses penilaian ke atas pegawai yang mengikuti kursus		Dibentangkan dalam Mesyuarat J/K Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
1.3.3	Urusan Tatatertib			
	(i)	Lembaga Tatatertib	Mempunyai Lembaga tatatertib yang terdiri daripada YDP, seorang Ahli Majlis dan SU	
	(ii)	Peraturan-Peraturan Tatatertib	Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) MDHS 1995.	
	(iii)	Program kawalan/pencegahan kes-kes salah laku	1) Menyertai Konveksyen Integriti Nasional 2012 di IIM pada 6 November 2012; 2) Ceramah oleh Timbalan Pengarah IIM dalam Perhimpunan Pagi pada 1 Oktober 2012; 3) Kursus Pengisian Rohani, Ilmu, serta kaedah-kaedah pekerja (Kelakuan dan Tatatertib); 4) Akurjanji yang ditandatangani oleh staf baru; 5) Program pemantapan Modal Insan ( SPIES) Negeri Selangor	
	(iv)	Bilangan kes tata tertib yang telah diambil tindakan	2.80%	
	(v)	Pengisyiharan harta	95.49%	
	(vi)	Pelaksanaan ujian air kencing	Sekali pada 7/10/2012 sahaja.	
1.3.4	Khidmat Kaunseling			
	(i)	Mekanisme khidmat kaunseling (contoh: pelantikan kaunselor, jadual khidmat kaunseling dan sebagainya)	1) AKRAB; 2) Kaedah – hantar ke kaunselor SUK;	
	(ii)	Usaha-usaha meningkatkan kepatuhan kepada peraturan-peraturan pejabat dan perkhidmatan (contoh: sesi perhimpunan pagi di jabatan/bahagian PBT/sistem <i>merit demerit</i> /sistem <i>reward &amp; punishment</i> dan lain-lain)	1) Penukaran warna Punch Kad; 2) Perhimpunan Pagi setiap bulan; 3) Pencalonan Pegawai berdedikasi; 4) Memo pematuhan waktu berkerja; 5) Memo amaran daripada Ketua Jabatan	
	(iii)	Sesi kaunseling	Secara tidak formal bagi kes-kes tata tertib sahaja.	
	(iv)	Rekod sesi kaunseling dan pemulihan	Tiada rekod.	
1.3.5	Kebajikan Kakitangan			
	(i)	Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)	Nursery Si Kancil disediakan dikawasan	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
		(ii)	Kemudahan kesihatan (contoh: insurans, klinik panel dan lain-lain)	kuarters MDHS	
		(iii)	Kelab Sukan dan Kebajikan	Telah menyediakan Insuran (Cuepecas Care) yang meliputi rawatan Dialisis, rawatan di IJN dan lain-lain	
		(iv)	Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Berdaftar mulai 1986 dan menjalankan aktiviti seperti Hari Keluaraga, Program Qurban, Konvoi Jelajah PBT Selangor dan Lawatan Pameran Kraftangan	
		(v)	Mengukur tahap kepuasan pegawai dan kakitangan dalam PBT setiap tahun (SSI)	Telah menubuhkan MBJ yang dipengerusikan oleh YDP dab dianggotai oleh 6 kakitangan serta bermesyuarat pada 29 Februari 2012, 22 Jun 2012, 25 september 2012 dan 28 December 2012	
1.3.6	Rangkaian dan Hubungan Kerja ( <i>Networking &amp; Linkages</i> )				
		(i)	<i>Networking/linkages</i> dengan badan antarabangsa/bandar luar negara	1) Program Anak Angkat Kapal Belia Asia Tenggara; 2) Asita Riau Travel Fair dan Selangor Meets Indonesia di Pekan Baru dan Medan indonesia	
		(ii)	Perkongsian pengetahuan di peringkat antarabangsa/kebangsaan (contoh: membentangkan kertas kerja di seminar dan lain-lain)	Tiada.	
		(iii)	Ahli kepada pertubuhan PBT antarabangsa/kebangsaan	(1) MALA; (2) Kesatuan Sekerja (Peringkat Kebangsaan).	
1.3.7	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja				
		(i)	Latihan kebakaran ( <i>fire drill</i> )	Tidak dilaksanakan dalam tahun 2012.	
		(ii)	Peralatan mengawal dan mencegah kebakaran	Mempunyai senarai peralatan mengawal dan mencegah kebakaran berserta lokasi	
		(iii)	Pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk warga kerja PBT	Tidak dilaksanakan dalam tahun 2012.	
		(iv)	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Telah mewujudkan JKKP yang diwakili oleh 3 wakil majikan dan 3 wakil pekerja serta bermesyuarat pada 24 December 2012	

11. Bagi Subkriteria Pengurusan Organisasi, MDHS telah melaksanakan kehendak indikator dengan memuaskan. Antara amalan baik yang telah dilaksanakan adalah penggunaan QR Kod yang diimbas menggunakan telefon bimbit pintar dibawah pelaksanaan ICT Strategic Plan (ISP). Walau bagaimanapun, MDHS disarankan untuk mewujudkan Pelan Strategik yang mengandungi KPI *output* dan *outcome* serta mengemukakan permohonan kepada *Malaysian Productivity Corporation* (MPC) bagi mendapatkan pensijilan berkaitan amalan 5S.

12. Dalam konteks Pengurusan Kewangan dan Aset, ianya telah dilaksanakan dengan baik dan menjadi rujukan oleh PBT-PBT lain di Selangor dan Semenanjung Malaysia. Pengurusan kewangan yang lengkap dan terperinci diperkuuhkan lagi dengan penyertaan Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) tahun 2013. Pengurusan lelongan awam dan *electronic fund transfer* (EFT) yang dibangunkan sendiri menjadi rujukan oleh PBT-PBT lain. Namun begitu, masih terdapat ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh MDHS. Antaranya ialah meningkatkan prestasi bayaran dalam tempoh tujuh hari dan pelupusan dilakukan dalam tempoh tiga bulan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

13. Dalam Subkriteria Pengurusan Sumber Manusia pula, pihak MDHS telah melaksanakan banyak program yang telah memenuhi keperluan indikator. Walau bagaimanapun, MDHS disarankan untuk menjalankan sesi kaunseling yang berjadual dan direkod serta mengadakan latihan kebakaran (*fire drill*) sekurang-kurangnya sekali setahun. Di samping itu, MDHS juga disaran untuk mengadakan laporan dan analisis bagi sistem

perakam waktu, mengurangkan kes tata tertib dan memastikan semua kakitangan mengisyiharkan harta.

14. Bagi **Kriteria Perkhidmatan Teras**, Majlis Daerah Hulu Selangor telah memperoleh markah 25.80% daripada wajaran 35%. Hasil penemuan daripada penggredan yang dijalankan dan cadangan-cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor untuk Kriteria Perkhidmatan Teras ini adalah seperti berikut:

### **Kriteria 2 : Perkhidmatan Teras**

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
2.1	Pelaksanaan Dasar Pelesenan dan Kawalan Perniagaan			
	(i)	Mempunyai sistem pelesenan dan kawalan perniagaan	Mempunyai GP perlesenan induk dan rekod pemantauan yang dikemaskini	
	(ii)	Pengurusan pelesenan berkomputer	Mempunyai e-lesen yang digunakan secara dalaman bagi pemprosesan lesen sahaja	
	(iii)	Lesen <i>online</i>	Belum dilaksanakan	Melaksanakan pelesenan secara online untuk perniagaan yang tidak berisiko tinggi bagi memudahkan "ease of doing business"
	(iv)	Kaedah pemantauan premis perniagaan berisiko tinggi	Mempunyai senarai pemegang lesen, jadual pemantauan dan rekod lawatan pemantauan yang lengkap	
	(v)	Pelaksanaan Pekeliling KSU KPKT Bil. 6/2011		
		(a) Pengeluaran lesen tidak berisiko secara serta-merta	Telah melaksanakan pengeluaran lesen tidak berisiko secara serta-merta	
		(b) Tempoh sah laku lesen 1 hingga 3 tahun	UUK belum dipinda tetapi telah terima arahan daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya	Pihak Majlis disaran mengadakan mengambil tindakan-tindakan berikut:- a) meminda UUK; b) meminda borang permohonan lesen perniagaan; c) mengadakan promosi dan makluman kepada pemegang lesen dan pemohon baru.
		(c) Pengeluaran lesen komposit	Belum dilaksanakan	Perlu melaksanakan pengeluaran lesen komposit

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
	(d)	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan	Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan telah bersidang 24 kali	
	(vi)	Lesen perniagaan berisiko tinggi dikeluarkan dalam tempoh 30 hari	Secara puratanya, kelulusan mengambil masa 2 bulan atau lebih.	Meningkatkan peratus pengeluaran lesen perniagaan berisiko tinggi dalam tempoh 30 hari kepada sekurang-kurangnya 70%
	(vii)	Pelaksanaan Garis Panduan Papan Iklan Luar [Pekeliling KSU KPKT Bil. 2/2009]	Mematuhi sebahagian daripada GP	
	(viii)	Pemeriksaan yang terancang bagi premis makanan untuk pengeluaran lesen baharu dan membaharui lesen	Bagi tujuan pembaharuan lesen premis makanan, tiada pemeriksaan dibuat.	Memastikan semua permohonan baru dan pembaharuan lesen dibuat pemeriksaan
	(ix)	Penguatkuasaan perniagaan tidak berlesen	Mempunyai rekod tindakan susulan/pelaporan kepada agensi penguatkuasa yang lain terhadap perniagaan yang tidak berlesen	
	(x)	Penguatkuasaan ke atas semua jenis papan iklan luar (berlesen dan tidak berlesen)	Ada rekod tindakan penguatkuasaan	
	(xi)	Pengurusan dan pemantauan permit penjaja pasar malam/tani/pagi	Rekod belum teratur.	Perlu mempunyai maklumat yang lengkap tentang kaedah pengeluaran permit dan syarat-syarat permit serta mempunyai senarai bilangan penjaja mengikut lokasi dan tempoh masa perniagaan.
2.2	Perancangan			
	(i)	Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa OSC	Mengadakan mesyuarat 2 kali sebulan dan 24 kali setahun.	
	(ii)	Pelaksanaan Pekeliling KSU KPKT Bil. 2/2011	Telah ISOkan prosedur OSC pada 1 Jan 2010.	
	(iii)	Tempoh pengedaran permohonan kepada jabatan teknikal luaran/dalaman untuk mendapatkan ulasan/perakuan	Sebahagian permohonan dapat diedarkan dalam tempoh 2 hari bekerja	
	(iv)	Melaksanakan OSC <i>online</i> (pelancaran, penerimaan, semakan dan pemakluman keputusan permohonan secara <i>online</i> )	Telah dilancarkan pada 4 Jun 2012	Bagi tujuan menggalakkan PSP untuk mengemukakan pelan secara online, pihak majlis boleh menyediakan satu unit komputer di kaunter yang boleh digunakan oleh PSP untuk mengemukakan permohonan.
	(v)	Mengemas kini portal OSC setiap kali ada maklumat baharu diterima	Portal OSC dikemaskini setiap kali ada maklumat baru diterima.	
	(vi)	Keputusan permohonan cadangan pemajuan mematuhi tempoh yang ditetapkan dalam garis panduan OSC	Prestasi pencapaian piagam:95.61%	
	(vii)	Senarai semak dokumen untuk semua jenis permohonan OSC	Senarai semak dokumen untuk semua jenis permohonan OSC dipaparkan di laman web rasmi PBT	
	(viii)	Pematuhan kepada tempoh piagam baharu (37 hari) dalam kelulusan pelan bangunan	Prestasi pencapaian piagam :93.85%	
	(ix)	Pelaksanaan Pekeliling KSU KPKT Bil. 3/2011 [ <i>Template</i> ]	Menggunapakai	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
		Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Luaran (Edisi Ke-2)]	Pekeliling KSU KPKT Bil. 3/2011 secara sepenuhnya	
	(x)	Edaran keputusan mesyuarat jawatankuasa OSC dalam 3 hari dan diedarkan dalam masa 7 hari dari tarikh mesyuarat diadakan	Pemakluman keputusan kepada pemohon dapat dilaksanakan dengan baik tetapi minit mesyuarat hanya diedarkan semasa mesyuarat yang berikutnya	Minit mesyuarat boleh diedarkan melalui email kepada Jabatan Memproses supaya boleh diambil tindakan dengan segera.
	(xi)	Tempoh masa untuk mengeluarkan kelulusan muktamad oleh PBT	Sebahagian dapat dikeluarkan dalam tempoh 14 hari tetapi 2 permohonan tidak dapat ditentukan tempoh masa kerana tiada cop terima pada pelan pindaan pemohon.	Memastikan cover letter PSP bagi maksud pematuhan syarat perlu dicop terima atau jika tiada cover letter boleh dicatatkan tarikh penerimaan di kertas minit fail.
	(xii)	Penguatkuasaan perlanggaran syarat-syarat perancangan - notis peringatan dan denda	Ada senarai tindakan yang telah diambil tetapi tiada tindakan susulan bagi menyelesaikannya	
	(xiii)	Menerima pakai garis panduan piawaian dan perancangan JPBD yang diedarkan dari tempoh Januari 2012 sehingga Disember 2012	Menggunakan garis panduan piawaian dan perancangan JPBD.	
	(xiv)	Projek-Projek Pembangunan merujuk Rancangan Tempatan yang disediakan	(i) Kawalan Bagi Guna Tanah Bagi Kawasan Komersial dan Industri. (ii) Rancangan Kawasan Khas – Alat Bantuan Kawalan Perancangan -RKK Bandar Pelabuhan Klang - RKK Kampung Jawa	
	(xv)	Proses mewartakan tanah lapang awam	Ada senarai tanah lapang awam yang lengkap dan terperinci (471 kawasan dan keluasan 400 ekar).	
	(xvi)	Mempunyai Jawatankuasa Bandar Selamat	Ada jawatankuasa Bandar Selamat. Mengadakan mesyuarat pada 20 Disember 2012 (digabungkan dengan Mesyuarat Jawatankuasa LA21)	
	(xvii)	Tindakan-tindakan PBT bagi menyokong NKRA: Mengurangkan Jenayah Jalanan (contoh: (a) kempen, (b) lighting di kawasan hot spot, (c) pemasangan CCTV, (d) kerjasama dengan PDRM dan lain-lain)	Melaksanakan 5 program iaitu (i) Program Pemutihan Kawasan Black Spot, (ii) pemasangan CCTV, (iii) pemasangan railing, (iv) pemasangan cermin keselamatan dan (v) pelaksanaan fizikal dan kewangan Program bandar Selamat 2012.	
	(xviii)	Pelaksanaan aplikasi <i>Geographical Information System</i> (GIS) dalam kawalan perancangan	Ada GIS dan telah digunakan dalam kawalan perancangan.	
	(xix)	Pencapaian MURNInets	85%(mampang)	
2.3	Kawalan Bangunan			
	(i)	Kepatuhan Undang-Undang/Garis Panduan		
		(a)	Pelan Bangunan mematuhi kehendak OKU dan dipastikan pematuhanya semasa pembinaan	Pelan bangunan mematuhi keperluan OKU dan ada rekod lawatan tapak semasa

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
		(b) Pelaksanaan SPAH di PBT	pembinaan MDHS telah menerima/pakai GP dan menggalakkan pelaksanaan SPAH	Perlu menetapkan SPAH sebagai syarat kelulusan pelan dan menerima/pakai garis panduan SPAH secara sepenuhnya
		(c) Pelaksanaan <i>Energy Efficiency</i> (EE) dan <i>Renewal Energy</i> (RE) di PBT	MDHS telah menerima/pakai GP dan menggalakkan pelaksanaan MS 1525	Perlu menetapkan EE dan RE sebagai syarat kelulusan pelan dan menerima/pakai MS 1525 secara sepenuhnya
	(ii)	Pemantauan terhadap pengubahsuai rumah/struktur haram	Ada senarai rumah/struktur yang diubahsuai secara haram dan telah diambil tindakan oleh Bahagian Penguatkuasaan MP Klang.	
	(iii)	Pematuhan CCC - ada lawatan tapak	100% lawatan tapak berbanding jumlah permohonan yang diterima (berdasarkan semakan ke atas 5 sampel fail).	
	(iv)	Menyediakan pelan piawai bagi kemudahan awam/persendirian berskala kecil (contoh: gerai, tandas, <i>road kerb</i> , perhentian bas, papan tanda, pengubahsuai rumah dan sebagainya)	Mempunyai 7 jenis <i>in-house design</i> iaitu (i) pengubahsuai rumah, (ii) balai raya, (iii) perhentian bas, (iv) gerai (v) Gelanggang futsal (vi) papan tanda, dan (vii) terminal bas	
	(v)	Bangunan melebihi 5 tingkat yang berusia 10 tahun dari tarikh CFO/CCC dikeluarkan notis untuk diperiksa tahap keselamatan	Mempunyai direktori lengkap bagi bangunan yang melebihi 5 tingkat dengan maklumat mengenai tarikh CFO/CCC dikeluarkan	
	(vi)	Ada insentif/inisiatif penambahbaikan bangunan-bangunan lama/warisan (contoh: (a) mengecat, (b) khidmat nasihat, (c) peralatan kemudahan, (d) gotong-royong, (e) sumbangan kewangan dan lain-lain)	Mempunyai 4 insiatif iaitu: i) insentif dalam bentuk mendapatkan tajaan; ii) kebenaran iklan bagi kerja-kerja pemuliharaan; iii) khidmat nasihat; dan iv) gotong-royong	
	(vii)	Pemantauan permit/syarat dinding adang/jaring bangunan yang sedang dibina	Ada rekod syarat hoarding dan netting dalam pelan bangunan yang diluluskan, rekod lawatan pemantauan bagi netting	
	(viii)	Mekanisme pemantauan oleh PBT sebelum CCC dikeluarkan	Ada mekanisme dan prosedur yang dikemaskini sebelum CCC dikeluarkan	
	(ix)	Bentuk kawalan perancangan terhadap projek (contoh: lawatan tapak sebelum bina, lawatan tapak semasa bina dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas perlanggaran syarat/pemantauan berjadual)	Bentuk kawalan: i) mempunyai Borang Perakuan sebelum memulakan kerja; ii) mendapatkan Laporan Kemajuan Projek; iii) Notis pelencongan;	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
			dan iv) Ada laporan penyiasatan bagi pemeriksaan tapak	
2.4	Pengurusan Penilaian dan Harta			
	(i)	Adakah penilaian dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas CFO/CCC dikeluarkan bagi bangunan/premis	Mempunyai pangkalan data bagi semua penilaian untuk bangunan baru.	
	(ii)	Ada mekanisme pengesanan untuk mendapatkan maklumat premis yang siap dan mempunyai mekanisme pengeluaran Notis Cukai Taksiran 2 minggu selepas ditetapkan penilaian	Mempunyai mekanisme pengesanan untuk mendapatkan maklumat premis siap dan mempunyai mekanisme pengeluaran Notis Cukai Taksiran.	
	(iii)	Jawatankuasa Bantahan Penilaian bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan	Mempunyai Jawatankuasa Bantahan penilaian yang bermesyuarat 2 kali setahun iaitu pada 31 Januari 2012 dan 4 Julai 2012.	
	(iv)	Penilaian semula (nilai tahunan) dibuat selepas 5 tahun	Tiada	Perlu mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri bagi penilaian semula selepas 5 tahun
	(v)	e-Penilaian (digital dan <i>integrated</i> )	Telah melaksanakan e-Penilaian secara sepenuhnya	
	(vi)	Pengurusan Harta		
	(a)	Daftar harta (bangunan milik Majlis)	Mempunyai senarai, jenis, lokasi dan nilai semasa harta tetapi tidak kemaskini.	
	(b)	Jadual penyelenggaraan harta (bangunan milik Majlis)	Mempunyai perancangan, jadual, rekod penyelenggaraan dan rekod aduan yang dikemaskinikan	
	(vii)	e-sewaan untuk bangunan dan kemudahan-kemudahan lain Majlis	Belum melaksanakan e-sewaan sepenuhnya	
	(viii)	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	Telah mengemukakan tuntutan SMK kepada KPKT pada 28 Februari 2013	Dicadangkan untuk mengemukakan tuntutan SMK kepada KPKT sebelum 28 Februari
	(ix)	Fungsi Pesuruhjaya Bangunan (COB)		
	(a)	Mempunyai maklumat bangunan strata, jenis, senarai lengkap pemaju berstrata (nama pemaju, JMB, MC)	Mempunyai maklumat yang lengkap tentang bangunan strata mengikut jenis serta senarai lengkap pemaju.	
	(b)	Daftar pembeli (unit syer, keluasan lantai petak, nama dan alamat setiap pembeli, nama dan alamat peguam dan bilangan petak yang belum dijual yang dikemukakan oleh pemaju/JMB)	MDHS empunya senarai yang lengkap yang telah dikemaskini seperti daftar pembeli & unit syer, keluasan lantai petak, nama dan alamat setiap pembeli dan bilangan petak yang belum dijual yang dikemukakan oleh pemaju	
	(c)	Peringatan kepada pemaju/JMB/MC/agen pengurusan untuk mengemukakan akaun beraudit	MDHS mempunyai rekod peringatan kepada pemaju/JMB/MC/agen	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN	
			pengurusan yang lengkap untuk mengemukakan akaun beraudit.		
		(d)	Ada mengeluarkan peringatan kepada pemaju untuk mengadakan mesyuarat pertama dalam tempoh 1 tahun dari tarikh <i>Vacant Possession</i> dikeluarkan	Berdasarkan sample fail, sebanyak 92.1% peringatan dikeluarkan kepada pemaju untuk mengadakan mesyuarat pertama dalam tempoh 1 tahun dari tarikh VP dikeluarkan	
2.5	Pengurusan Lalu Lintas dan Tempat Letak Kereta				
	(i)	Jalan Raya			
		(a)	Pemantauan kerosakan jalan raya di bawah penyeliaan oleh Majlis dan respon terhadap aduan dalam masa yang ditetapkan	Mempunyai jadual dan rekod pemantauan yang kemaskini tetapi respon aduan dalam tempoh 3 hari.	
		(b)	Mekanisme respon dan rekod pembaikan kepada masalah kritikal seperti pokok tumbang, tanah runtuh, tanah mendap dan sebagainya yang menyebabkan gangguan lalu lintas	Tidak mempunyai mekanisme atau usaha	Perlu mempunyai mekanisme respon dan rekod pembaikan kepada masalah kritikal.
		(c)	Senarai jalan raya di bawah pentadbiran Majlis termasuk jalan-jalan perumahan dan perancangan menurap semula jalan raya	Mempunyai senarai jalan raya yang lengkap mengikut lokasi dan senarai perancangan kerja-kerja penyenggaraan menurap jalan.	
		(d)	Senarai lampu jalan dan lokasi yang kemas kini, panel kontraktor/pasukan pemantauan Majlis, rekod pemantauan dan aduan	Mempunyai rekod mengenai senarai lampu jalan berserta lokasi, panel kontraktor	
	(ii)	Lalu Lintas			
		(a)	Kelancaran lalu lintas (contoh: (i) penggunaan teknologi (CCTV), (ii) lampu trafik digital, (iii) <i>Integrated Traffic Information System</i> (ITIS) dan mekanisme lain)	Mempunyai 3 ciri iaitu: (i) membeberi laluan membelok ke kiri sekiranya tiada kenderaan, (ii) laluan basikal, dan (iii) menggunakan khidmat penguatkuasa majlis bagi membantu Polis.	
		(b)	Kaedah/garis panduan pelaksanaan bonggol jalan/ <i>speed breakers</i>	Tidak mempunyai garis panduan berhubung pelaksanaan bonggol jalan/ <i>speed breakers</i>	Mewujudkan garis panduan berhubung pelaksanaan bonggol jalan/ <i>speed breakers</i>
		(c)	<i>Road Signages</i> (contoh: (i) mempunyai kaedah/garis panduan, (ii) senarai lokasi tanda-tanda jalan ( <i>road signages</i> ), (iii) mekanisme pemantauan dan (iv) rekod penyenggaraan yang kemas kini)	Tidak mempunyai garis panduan berhubung <i>Road Signages</i>	Mewujudkan garis panduan berhubung <i>Road Signages</i>
		(d)	Rekod lokasi kemalangan jalan raya	Tidak mempunyai rekod	Mewujudkan rekod lokasi kemalangan jalan raya
	(iii)	Pengurusan Tempat Letak Kereta			
		(a)	Penyediaan tempat letak kereta dan hasil yang dijangka	Ada menyediakan tempat letak kereta	
		(b)	Tindakan terhadap kesalahan parkir (contoh: kompaun, <i>clamp</i> atau penundaan)	Tidak ada peraturan	Mewujudkan peraturan peraturan dan kaedah-kaedah yang jelas untuk mengambil tindakan terhadap pesalah parkir
	(iv)	Rekod kompaun bagi kesalahan lalu lintas dan tempat letak kereta		Ada rekod tetapi tidak dikemas kini	Mewujudkan rekod yang dikemas kini mengenai kompaun yang dikeluarkan, hasil yang dikutip, tindakan penundaan, <i>clamping</i>

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
	(v)	Inisiatif membantu pencapaian NKRA: Meningkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam (contoh: mempunyai senarai pengusaha bas, rekod perjalanan pengangkutan awam, menyediakan pondok bas dan lain-lain)	MDHS hanya mengambil 1 inisiatif iaitu menyediakan pondok bas	dan sebagainya Perlu malaksanakan sekurang-kurangnya 3 inisiatif
2.6	Perancangan dan Pengurusan Lanskap			
	(i)	Pelan Induk Lanskap	Cadangan Pelan Induk Lanskap yang berdasarkan kepada Rancangan Khas Kawasan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar pada 19/12/2012 tetapi minit mesyuarat tidak dapat ditunjukkan.	
	(ii)	Bilangan pokok teduhan yang ditanam dalam setahun (minimum 500 pokok)	2012 - 5415 pokok ditanam	
	(iii)	Mempunyai daftar dan jadual penyenggaraan pokok-pokok di bawah seliaan Majlis	Daftar lengkap dan kemaskini	
	(iv)	Mempunyai daftar dan jadual penyenggaraan taman-taman awam/padang awam/taman permainan kanak-kanak	Daftar lengkap dan kemaskini	
	(v)	Penyenggaraan padang awam/padang permainan kanak-kanak di taman perumahan/tanah lapang	Daftar lengkap dan kemaskini	
	(vi)	Mempunyai tapak semaian	Mempunyai Taman Semaian di Jalan Ampang Pecah dan di Sekolah ampang Pecah. Lawatan tapak mendapati tiada inventori yang lengkap, tiada rekod keluar masuk yang teratur.	
	(vii)	Ada inventori pokok	Mempunyai inventori pokok berdasarkan Rancangan Khas Kawasan Kuala Kubu Bharu sahaja.	
	(viii)	Insentif kepada penduduk bagi landskap persendirian atau perniagaan (contoh: sumbangan daripada Majlis seperti baja, anak pokok, benih, peralatan, penyenggaraan pokok termasuk pengurangan cukai pintu dan sebagainya)	Sumbangan pokok bunga untuk Apartmen Seri Trumpet, sumbangan khidmat nasihat untuk Sekolah Agama Bukit Sentosa dan Program Indah Persekutuan 12 Apartmen.	
	(ix)	Pertandingan landskap sebagai galakan mencantikkan kawasan	Telah menganjurkan Program Indah Persekutuan pada 16 September 2012	
	(x)	Kawasan-kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada penduduk/syarikat tempatan untuk senggara	Telah menyerahkan tanggungjawab menyenggara Air Terjun Sg Liam kepada Persatuan Pencinta Air Terjun.	
	(xi)	Kempen menanam pokok	Mengadakan 3 kempen/program menanam pokok iaitu: (i) Biodiversiti di Taman Bukit Bujang; (ii) Program Penanaman Pokok di apartment Sri Cempaka dan (iii) Zon Hijau 2012.	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
	(xii)	Taman Awam di bandar	Ada taman awam Bandar dan rekod penyelenggaraan yang teratur (Taman Millenium dan Taman Jalan Bukit Kerajaan)	
	(xiii)	Mematuhi Garis Panduan Pemangkasan Pokok	Mengunapakai garis panduan Jabatan Landskap Negara	
2.7	Perancangan dan Pelaksanaan Projek			
	(i)	Penyediaan <i>brief project</i> (kehendak-kehendak tapak, reka bentuk dan peruntukan)	Setiap projek mempunyai brif projek yang lengkap termasuk projek PBT.	
	(ii)	Jadual kemajuan pelaksanaan projek	Ada disediakan jadual dan rekod pemantauan yang lengkap	
	(iii)	Memperuntukkan 25% daripada peruntukan pembangunan PBT sendiri bagi projek pembangunan termasuk penyenggaraan	Peruntukan pembangunan Majlis pada tahun 2012 ialah 65.73%	
	(iv)	Keutamaan-keutamaan projek yang boleh mengatasi masalah rakyat/kualiti hidup rakyat (baharu dan selenggara)		
	(a)	Parit dan longkang	Ada perancangan dan peruntukan sebanyak RM 2 juta bagi melaksanakan projek parit dan longkang serta rekod dan peruntukan penyenggaraan.	
	(b)	Pasar dan bazar	Ada perancangan untuk 2 projek dan peruntukan sebanyak RM69,000 bagi melaksanakan projek pasar dan bazar harian, mengubahsuai, menyenggara dan rekod pemantauan.	
	(c)	Dewan orang ramai/dewan serba guna/kemudahan sukan	Ada perancangan dan peruntukan bagi melaksanakan dewan orang ramai / dewan serbaguna / kemudahan sukan, ada peruntukan dan rekod pengubahsuaiannya serta penyenggaraan.	
	(d)	Tempat menunggu bas dan teksi/stesen pengangkutan	Ada perancangan dan peruntukan bagi melaksanakan tempat menunggu bas dan teksi / stesen pengangkutan, peruntukan dan rekod pengubahsuaiannya serta penyenggaraan.	
	(e)	Gerai/warung, medan selera dan kiosk	Ada perancangan dan peruntukan bagi melaksanakan gerai / warung, medan selera dan kiosk, peruntukan dan rekod pengubahsuaiannya serta penyenggaraan.	
	(f)	Tandas awam di bawah seliaan Majlis/PBT	Ada perancangan dan peruntukan bagi melaksanakan tandas awam, peruntukan dan rekod pengubahsuaiannya	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
	(v)	Pemantauan projek-projek bagi mengenal pasti projek-projek bermasalah	serta penyenggaraan. Mempunyai rekod projek lewat dan rekod pemantauan yang kemaskini.	
	(vi)	Jika pemantauan projek-projek bermasalah dibuat, apakah mekanisme pemantauan yang diguna pakai (contoh: lawatan tapak, mesyuarat tapak dan notis kepada kontraktor)	Terdapat mesyuarat tapak, tindakan denda lewat kepada kontraktor dan Notis ketidakpatuhan (Amaran) kepada kontraktor	
	(vii)	Sistem pelaporan projek (memaklumkan dalam mesyuarat, hantar laporan berkala dan sebagainya)	Mempunyai Jawatankuasa infrastruktur yang dipengerusikan oleh YDP dan dihadiri oleh Ahli Majlis sebulan sekali, melaporkan status projek di Mesyuarat Pengurusan Majlis, Mesyuarat jawatankuasa Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan	
	(viii)	Bilangan projek yang tidak dapat disiapkan daripada jumlah bilangan projek yang dirancang	Semua projek dapat disiapkan mengikut perancangan	
	(ix)	Penggunaan sistem e-mohon dalam pengurusan projek-projek PBT yang menggunakan peruntukan BP1 Jabatan Kerajaan Tempatan	BP1 tidak disalurkan kepada PBT.	
2.8	Undang-Undang dan Penguatkuasaan			
	(i)	Bilangan UUK yang diguna pakai	Menggunakan 25 UUK	
	(ii)	Sistem pembatalan/pengurangan kompaun di bawah UUK	MDHS mempunyai criteria pembatalan dan pengurangan kompaun kepada SU dan Jabatan Undang-Undang	
	(iii)	Bilangan kes yang telah dirujuk kepada PUUN/PUU PBT	Semakan fail mendapati semua kes telah di rujuk kepada PUU PBT	
	(iv)	Pematuhan kepada standard perjanjian (kontrak)	Mempunyai kaedah pematuhan kepada standard perjanjian kontrak termasuk Perjanjian bagi kerja-kerja Pengurusan Sisa Pepejal dan pembersihan Awam dan kontrak sewaan antara penyewa gerai dengan MDHS	
	(v)	Latihan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa		
		(a) Latihan kawad/mempertahankan diri	Mempunyai perancangan dan rekod yang dikemaskini mengenai latihan kawad setiap hari Jumaat	
		(b) SOP bagi penguatkuasa	Menggunakan SOP iaitu Prosedur Penguatkuasaan PBT Negeri Selangor yang disediakan oleh PBN untuk semua PBT di Selangor.	
		(c) Mengadakan/menghadiri latihan memahami Akta,	Mewajibkan latihan	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
		UUK, peraturan mengenai penguatkuasaan yang berkaitan dan tatacara pendakwaan	untuk semua penguatkuasa yang baru / 3 kali setahun untuk setiap pegawai penguatkuasa yang sedang berkhidmat.	
	(vi)	ISO untuk penguatkuasaan undang-undang	Ada mempunyai ISO bagi penguatkuasaan yang masih dikuatkuasakan	
	(vii)	Peralatan penguatkuasaan	Rekod inventori peralatan lengkap dan kemaskini dan mempunyai pegawai yang bertanggungjawab kepada peralatan	
	(viii)	<i>Decentralized Enforcement</i> (Pejabat kecil/unit/zon penguatkuasaan)	Tidak ada <i>Decentralized Enforcement</i> atau unit zon penguatkuasaan	Mewujudkan <i>Decentralized Enforcement</i> atau unit zon penguatkuasaan
	(ix)	Pengurusan penyimpanan barang-barang rampasan dan sita	Mempunyai sistem, rekod dan tempat yang teratur bagi pengurusan simpanan barang-barang rampasan dan sita.	
	(x)	Pelupusan barang-barang rampasan	Mempunyai Jawatankuasa dan kaedah bagi pelupusan barang-barang rampasan serta rekod pelupusan yang terkini.	
	(xi)	Aktiviti/kaedah usaha pendidikan kepada orang awam berkaitan penguatkuasaan UUK	Terdapa aktiviti/kaedah usaha pendidikan kepada orang awam berkaitan penguatkuasaan UUK iaitu: i) Dialog bersama Persatuan Penduduk Bukit Beruntung pada 26 jan 2012; ii) Gotong-royong di Apartment Cempaka Bunga Raya pada 8 Oct 2012; iii) Majlis pelancaran program Zon Bersih dan Zon Hijau pada 12 Mei 2012; iv) Program Taklimat Bazar ramadhan (Mampan) pada 23-24 Jun 2012; dan v) Hari Bertemu Pelanggan ( 4 kali setahun)	
2.9	Aktiviti Kawalan Persekutaran			
	(i)	Tindakan pencegahan denggi		
		(a)	Laporan kes denggi	Mempunyai rekod dan data laporan kes denggi yang kemaskini untuk setiap bulan.
		(b)	Pemantauan kawasan berisiko denggi ( <i>locality, environment, size</i> )	Mempunyai rekod <i>aedes survey/laporan</i> dan data mengenai kawasan yang diselia.
		(c)	Tindakan pencegahan seperti <i>fogging</i> dan sebagainya	Mempunyai perancangan,

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
				pemantauan dan tindakan pencegahan berkala dan dipatuhi	
	(ii)	Kawalan di premis makanan			
		(a) Penggredan premis makanan		51% premis makanan telah digredkan	
		(b) Penguatkuasaan ke atas premis/perniagaan makanan tidak berlesen		Mempunyai senarai premis/perniagaan makanan tidak berlesen dan laporan pemeriksaan	
		(c) Respon terhadap aduan premis makanan (kotor, kebersihan tandas, longkang berbau dan lain-lain)		Semua sampel aduan yang diambil mendapat tindakan diambil melebihi 5 hari	
		(d) Usaha-usaha untuk meningkatkan kebersihan premis makanan, pekerja, kawasan sekeliling, tandas dan lain-lain		Telah melaksanakan 4 program iaitu: a) Sebanyak 1035 Risalah tentang Penggredan dan Penilaian Premis Makanan telah diedarkan mulai Januari 2013 b) Program Gris Trap c) Pertandingan Premis Bersih Kuala Kubu Bharu bagi tempoh Januari – Oktober 2012 d) 50 unit papan tanda Pemakluman Premis Makanan telah dipasang mulai 3 November 2012 melibatkan kos sebanyak RM 44,650.00	
	(iii)	Kawalan anjing tidak berlesen/haiwan ternakan terbiar/burung gagak/merpati/lebah/tebuhan dan lain-lain		Mempunyai rekod tindakan, mekanisme kawalan dan peralatan untuk menangani keskes di atas	
	(iv)	Kawalan terhadap pembiakan lipas, lalat dan tikus termasuk kawalan vektor seperti di tempat-tempat penyembelihan/pasar/premis makanan (Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975)		Telah membeli warfarine dengan peruntukan JKT, memasukkan kriteria keperluan <i>pest control</i> dalam borang senarai semak pemeriksaan premis makanan, tetapi tindakan kawalan bagi lipas dan lalat masih belum dilaksanakan	
	(v)	Inventori tandas awam (di pasar/dewan/terminal bas/pusat pelancongan/food court/pejabat PBT) di kawasan PBT		Mempunyai rekod lengkap inventori tandas awam di kawasan PBT	
	(vi)	Penggredan tandas awam (di pasar/dewan/terminal bas/pusat pelancongan/food court/pejabat PBT) di kawasan PBT		Hanya 3 premis makanan telah digredkan untuk tujuan familiarisasi kriteria kepada pegawai penggredan	
	(vii)	Prestasi penggredan tandas awam (di pasar/ dewan/ terminal bas/pusat pelancongan/food court/pejabat PBT) di kawasan PBT		Belum dilaksanakan	
2.10	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (soalan kepada negeri yang belum menerima Akta 672)				
	(i)	Pengurusan kutipan sisa pepejal : mempunyai (a) daftar kontraktor, (b) kawasan dan jadual kutipan yang terperinci bagi setiap kontraktor dan (c) mekanisme penyampaian maklumat kutipan dan lain-lain		Mempunyai daftar kontraktor, kawasan dan jadual kutipan dan mekanisme penyampaian maklumat	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
	(ii)	Pengurusan sisa pepejal di tapak pelupusan : mempunyai (a) senarai kontraktor yang mengangkut sampah ke tapak pelupusan, (b) jadual kerja harian/rekod keluar masuk, (c) laporan pemantauan yang kemas kini dan lain-lain	kutipan	
	(iii)	Pemantauan PBT ke atas pengurusan sisa pepejal	Mempunyai mekanisma pemantauan khusus dan mempunyai rekod berkaitan pengurusan sisa pepejal.	
	(iv)	Program Kitar Semula dan pengasingan sisa pepejal : (a) senarai pengusaha barang kitar semula ( <i>third party recyclers</i> ), (b) pusat pengumpulan kitar semula, (c) penempatan tong yang telah ditetapkan, (d) promosi pengasingan sisa pepejal dan (e) laporan pemantauan	Telah melaksanakan 5 program iaitu: i) Program Zon Bersih; ii) School Eco Karnival; iii) Bazar Ramadan Mampar; iv) Sumbangan 12 Tong Kitar Semula; dan v) Sumbangan RM600 untuk " Lets Move to Change the World".	
	(v)	Pemantauan pembersihan awam di :		
		(a) Tandas : (i) garis panduan kebersihan tandas awam yang terperinci, (ii) rekod pemantauan (jadual, tarikh dan tindakan) yang lengkap, (c) laporan pemantauan yang kemas kini dan (d) tindakan susulan daripada aduan awam	Belum ada garis panduan khusus tetapi pemantauan dilaksanakan oleh Pengawas.	
		(b) Pasar awam dan taman awam : (i) garis panduan kebersihan pasar awam dan taman awam, (ii) rekod pemantauan (jadual, tarikh dan tindakan) yang lengkap, (iii) laporan pemantauan yang kemas kini dan (iv) tindakan susulan daripada aduan awam	Belum ada garis panduan dan pemantauan khusus.	
		(c) Kawasan riadah dan rekreasi : (i) garis panduan kebersihan kawasan riadah dan rekreasi, (ii) rekod pemantauan (jadual, tarikh dan tindakan) yang lengkap, (iii) laporan pemantauan yang kemas kini dan (iv) tindakan susulan daripada aduan awam	Mempunyai 4 ciri yang dinyatakan	

15. Bagi kriteria Perkhidmatan Teras, didapati subkriteria Perancangan, Perancangan dan Pelaksanaan Projek dan Undang-Undang dan Penguatkuasaan telah dilaksanakan dengan baik. Antaranya adalah mempunyai kaedah pelaksanaan dan pemantauan projek yang teratur, melaksanakan inisiatif One Stop Centre (OSC) secara efektif dan juga pengeluaran notis makluman supaya pemilik premis mengemukakan daftar pekerja yang lengkap dan terkini bagi tujuan pembaharuan lesen selaras dengan UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MDHS) 2007.

16. Namun begitu, terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan seperti pelaksanaan lesen *online* dan pengeluaran lesen komposit, mewujudkan garis panduan pelaksanaan bonggol jalan, papan tanda jalan dan rekod lokasi kemalangan jalan raya. MDHS juga disaran mengadakan peraturan dan kaedah yang jelas untuk mengambil tindakan terhadap pesalah parkir. Di samping itu, MDHS juga perlulah mewujudkan garis panduan dan pemantauan khusus bagi tandas dan pasar awam.

18. Bagi **Kriteria Pengurusan Pelanggan**, MDHS telah memperoleh sebanyak 11.00% markah daripada wajaran 15%. Hasil penemuan daripada penggredan yang dijalankan dan cadangan-cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor adalah seperti berikut:

### **Kriteria 3 : Pengurusan Pelanggan**

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
3.1	Perkhidmatan-Perkhidmatan Barisan Hadapan ( <i>Frontline</i> )			
3.1.1	Kaunter Khidmat Pelanggan			
	(i)	Mempunyai tempat menunggu yang teratur dan kemas	Tempat menunggu yang teratur dan kemas	
	(ii)	Mempunyai sistem giliran	Ada disediakan	
	(iii)	Menyediakan kemudahan pembayaran melalui kad kredit atau kad debit	Ada disediakan	
	(iv)	Menyediakan kemudahan sokongan seperti mesin fotostat, televisyen dan bahan bacaan	Ada disediakan	
	(v)	Mempunyai bilik konsultansi/ruang khas	Ada disediakan	
	(vi)	Menyediakan sudut informasi dan maklumat korporat PBT kepada pelanggan	Tempat menunggu yang teratur dan kemas	
3.1.2	Kemudahan untuk pelanggan			
	(i)	Menyediakan kemudahan tempat letak kereta	Ada disediakan	
	(ii)	Menyediakan kaunter pandu bayar	Ada disediakan	
	(iii)	Mempunyai papan tunjuk arah	Ada disediakan	
	(iv)	Kemudahan kantin/vending machine	Ada disediakan	
	(v)	Menyediakan kemudahan OKU seperti berikut:		
	(a)	Ramp dan/atau lif khas	Ada disediakan	
	(b)	Parkir khas	Ada disediakan	
	(c)	Tandas khas	Ada disediakan	
	(d)	Kaunter khas untuk golongan OKU	Tiada kaunter khas untuk OKU	
	(vi)	Mempunyai "Helpdesk"	Ada disediakan	
	(vii)	Kemudahan Bilik Solat (Surau)	Ada disediakan	
3.1.3	Perkhidmatan-perkhidmatan yang memudahkan urusan pelanggan			

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
		(i)	Menyediakan kemudahan bayaran bergerak (seperti: kaunter bergerak, petugas kutipan dan lain-lain)	Ada menyediakan.
		(ii)	Mempunyai pejabat cawangan	Ada menyediakan: i) Pejabat Cawangan Batang Kali; dan ii) Pejabat Cawangan Beruntung.
		(iii)	Menyediakan perkhidmatan di luar waktu pejabat	Ada menyediakan.
		(iv)	Mempunyai kaunter bersepadau	Tiada
		(v)	Kaedah pembayaran di pejabat pos/bank/PBT lain/ Pejabat Daerah/kiosk	Mempunyai 5 kaedah pembayaran iaitu di pejabat pos, bank, PBT lain , Pejabat Daerah dan kiosk
3.1.4	Melayani Pelanggan			
		(i)	Kenyataan misi perkhidmatan pelanggan	Tidak dihebahkan kepada umum
		(ii)	Menyediakan Piagam Pelanggan bagi semua Perkhidmatan Teras	Ada disediakan
		(iii)	Piagam Pelanggan dipamerkan di tempat yang sesuai	Dipamerkan di tempat yang sesuai
		(iv)	Penilaian prestasi perkhidmatan	
			(a) Pemantauan pencapaian Piagam Pelanggan dan dibentangkan kepada jawatankuasa berkaitan	Tiada
			(b) Mekanisme pelaporan	Tidak membentangkan laporan penilaian prestasi
			(c) Tahap pencapaian Piagam Pelanggan	Prestasi pencapaian : 96.26%
		(v)	Kajian semula dan penambahbaikan Piagam Pelanggan	Telah melaksanakan Mesyuarat Bengkel Pemantapan Organisasi dan Kajian Semula serta Penambahbaikan Piagam Pelanggan MDHS pada 16 Mac 2012
		(vi)	Melaksanakan pemantauan secara menyamar bagi memantau kelemahan perkhidmatan kepada pelanggan	Belum melaksanakan pemantauan secara menyamar
		(vii)	"No Wrong Door Policy" dilaksanakan	Ada bukti pertanyaan/permohonan dikemukakan ke jabatan lain yang berkenaan.
		(viii)	Perkhidmatan penyediaan borang permohonan dan fotostat	Tidak mengenakan caj untuk kedua-dua perkhidmatan.
		(ix)	Ada pegawai khidmat pelanggan	Mempunyai 2 orang pegawai khidmat pelanggan yang terlatih.
		(x)	Ada menyediakan maklumat perkhidmatan yang lengkap seperti brosur, poster dan lain-lain	Ada menyediakan maklumat perkhidmatan yang lengkap.
		(xi)	Mempunyai peti cadangan pelanggan	Ada disediakan
		(xii)	Soal selidik tahap kepuasan pelanggan	
		(a)	Pelaksanaan dan keputusan soal selidik	Prestasi Kepuasan: 86%
		(xiii)	Pengurusan pelanggan melalui telefon (10 saat)	Melaksanakan sepenuhnya mengikut arahan yang ditetapkan.
		(xiv)	Budaya mesra pelanggan	Mempunyai kaedah layanan terhadap pelanggan yang jelas.

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
		(xv)	Program turun padang untuk melayani masalah penduduk		
			(a) Program turun padang dan tindakan susulan	Tiada	Mengadakan sekurang-kurangnya 3 kali program turun padang setahun dan tindakan susulan dilaksanakan
3.2 Pengurusan Aduan					
	(i)	Sejauh mana Majlis respon kepada aduan (tempoh respon)			
		(a) Berapa lama tempoh yang diambil oleh PBT untuk memberi akuan penerimaan aduan	Tidak memenuhi kehendak kriteria secara sepenuhnya	Memberi akuan penerimaan aduan pada hari yang sama aduan diterima	
		(b) Tempoh masa yang diambil untuk memulakan siasatan daripada penerimaan aduan	Tiada rekod		
		(c) Makluman kepada pengadu mengenai status aduan	Memaklumkan status tindakan penyelesaian kepada pengadu.		
	(ii)	Tindakan PBT untuk mengatasi dan mengesahkan kesahihan aduan berkaitan bau, bunyi dan lain-lain***	Tiada mekanisma	Mewujudkan mekanisma untuk mengatasi dan mengesahkan kesahihan aduan berkaitan bau, bunyi dan lain-lain	
	(iii)	Saluran-saluran aduan			
		(a) Saluran-saluran penerimaan aduan (surat/e-mel/ laman web/portal/telefon/faks/hotline/SMS/urusan bersemuka)	MempunyaI lebih 6 kaedah iaitu: i) Surat; ii) e-mel; iii) laman web; iv) telefon; v) SMS; dan vi) urusan bersemuka		
		(b) Pengurusan rekod aduan	Tidak mempunyai data yang lengkap dan sukar untuk dibuat carian		
	(iv)	Pegawai pengurusan aduan	Mempunyai pegawai penyelaras aduan tetapi tidak melantik pegawai dari Bahagian/Jabatan sebagai pegawai aduan		
	(v)	Melaksanakan penilaian tahap kepuasan penyelesaian aduan	Tidak memenuhi kehendak kriteria	Melaksanakan penilaian tahap kepuasan penyelesaian aduan dan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Aduan/ Mesyuarat utama PBT	
	(vi)	Jawatankuasa pengurusan aduan			
		(a) Ada menubuhkan jawatankuasa	6 saluran aduan iaitu melalui surat, email, laman web, telefon, sms dan secara bersemuka		
		(b) Kekerapan bermesyuarat	Tidak memenuhi kehendak kriteria secara sepenuhnya	Mengadakan mesyuarat secara tetap sekurang-kurangnya seminggu sekali	
	(vii)	Bilangan aduan diselesaikan dalam tempoh 3 hari	14.89%; Tidak memenuhi kehendak kriteria	Kriteria telah menetapkan sekurang-kurangnya 25% aduan diselesaikan dalam tempoh 3 hari	
	(viii)	Laporan bulanan disediakan untuk aduan	Laporan bulanan disediakan.		
	(ix)	Komitmen pengurusan atasan menyelesaikan aduan	Mesyuarat aduan dipengerusikan oleh		

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
			Timbalan YDP	
	(x)	Mekanisme pemantauan aduan melalui media massa	Pemantauan dibuat setiap hari oleh pegawai yang dilantik	
	(xi)	Maklum balas terhadap aduan melalui media massa	Memberi maklumbalas bagi aduan yang diterima melalui media cetak/elektronik.	
	(xii)	Aduan berulang	Tidak memenuhi kehendak kriteria	Menyediakan mekanisma bagi mengelakkan aduan berulang

19. Dalam konteks Pengurusan Pelanggan, prestasi MDHS secara keseluruhannya adalah baik terutamanya aspek perkhidmatan barisan hadapan (*frontline*). Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang memerlukan penambahbaikan iaitu:

- i) Menghebahkan misi perkhidmatan pelanggan bagi membolehkan pelanggan memahami tugas dan aktiviti MDHS;
- ii) Memantau pencapaian piagam pelanggan dan membentangkannya di mesyuarat utama MDHS untuk tujuan penambahbaikan jabatan-jabatan berkaitan;
- iii) Melaksanakan pemantauan secara menyamar dan memaklumkan kepada pegawai-pegawai PBT bagi tujuan penambahbaikan kualiti perkhidmatan; dan
- iv) Mengadakan sekurang-kurangnya tiga kali program turun padang setahun dan merekodkan tindakan susulan yang telah dilaksanakan.

20. Bagi pengurusan aduan pula, MDHS perlulah memberi akuan penerimaan aduan dalam tempoh 24 jam dan melaksanakan siasatan berkaitan aduan dalam tempoh 48 jam dari penerimaan aduan serta

merekodkan tarikh siasatan dilakukan. Selain itu, penilaian tahap kepuasan penyelesaian aduan perlulah dilaksanakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan atau mesyuarat-mesyuarat utama MDHS bagi mendapatkan maklum balas untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

**21. Bagi Kriteria Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk,** Majlis Daerah Hulu Selangor memperoleh 11.99% markah daripada wajaran 20%. Penemuan dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh MDHS adalah seperti berikut:

#### **Kriteria 4 : Penyertaan Komuniti Dan Pandangan Penduduk**

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT		PENEMUAN	CADANGAN
4.1	Penglibatan komuniti		
	(i) Penubuhan Jawatankuasa Penduduk/Jawatankuasa lain bagi seluruh kawasan PBT	Mempunyai jawatankuasa penduduk/lain-lain jawatankuasa yang setaraf serta rekod yang lengkap.	
	(ii) Pegawai perhubungan/Pegawai Kawasan dilantik daripada pegawai PBT	Mempunyai pegawai kawasan, jadual lawatan tetapi tiada laporan bulanan disediakan	
	(iii) Penglibatan Ahli Majlis/Lembaga Penasihat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Penduduk	Tiada bukti penglibatan Ahli majlis secara aktif dalam aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Penduduk	
	(iv) Prestasi perbelanjaan bagi peruntukan kepada Jawatankuasa Penduduk	Tiada bukti peruntukkan kepada JKP	
	(v) Perjumpaan PBT bersama-sama dengan Jawatankuasa Penduduk/Jawatankuasa lain yang setaraf dengannya	Tidak memenuhi kehendak kriteria secara sepenuhnya	Mesyuarat/perjumpaan diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun berserta dengan bukri mesyuarat/perjumpaan
	(vi) Mesyuarat Jawatankuasa Penduduk/Jawatankuasa lain yang setaraf dengannya	Tidak memenuhi kehendak kriteria	Tiada bukti bahawa sekurang-kurangnya 25% daripada JKP mengadakan mesyuarat 4 kali setahun
	(vii) Insentif/bantuan kepada Jawatankuasa Penduduk/Jawatankuasa lain yang setaraf dengannya untuk menggalakkan hubungan baik antara penduduk	Telah menyerahkan 120 anak pokok kepada 12 buah apartment dan telah memberi dan memasang khemah bagi menggalakkan hubungan baik antara penduduk	
	(viii) Program Local Agenda 21 (LA 21)		

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
	(a)	Mempunyai struktur LA 21	Ada struktur LA21 yang lengkap.	
	(b)	Mempunyai pelan tindakan dan pelaksanaan Program LA 21	Tiada Pelan tindakan tetapi program/ aktiviti dijalankan secara <i>ad-hoc</i>	
	(c)	Pemantauan Program LA 21	Mengadakan mesyuarat pemantauan Program LA21.	
	(d)	Penilaian <i>outcome/mid-term review</i> Program LA 21	Telah melaksanakan penilaian <i>outcome</i> aktiviti yang telah dilaksanakan berdasarkan pelan tindakan LA 21.	
	(e)	Promosi Program LA 21	Telah melaksanakan promosi Program LA21 di peringkat PBT	
	(f)	Sumber kewangan/sumbangan swasta dalam menjalankan aktiviti LA 21	Telah menerima sumbangan kewangan bernilai RM10,050 daripada individu, NGO dan agensi swasta	
	(ix)	Program mesra rakyat oleh PBT/turun padang oleh pengurusan tertinggi PBT bagi menangani isu tempatan	Telah melaksanakan 3 program iaitu: 1. Program sambutan Tahun Baru Cina pada 31 jan 2012; 2. Program Gotong-royong di Apartment Kemuning pada 28 Jan 2012 3. Program Sambutan Deepavali pada 11 Nov 2012	
	(x)	Penyediaan kemudahan ICT kepada penduduk (contoh: (a) pusat komputer setempat, (b) kelas bimbingan komputer, (c) kemudahan wifi percuma, (d) pembekalan sumbangan komputer kepada sekolah dan lain-lain)	Tidak memenuhi kehendak kriteria secara sepenuhnya	Melaksanakan 4 atau lebih inisiatif
	(xi)	Dialog dengan komuniti perniagaan ( <i>business community</i> )	Tidak memenuhi kehendak kriteria secara sepenuhnya	Melaksanakan dialog dengan komuniti perniagaan sekurang-kurangnya 3 kali setahun
	(xii)	Dialog dengan pelabur/pengusaha industri	Melaksanakan 2 dialog dengan komuniti perniagaan iaitu: 1. Perjumpaan Khas bagi membincangkan isu tong dan pembuangan sampah di kawasan rumah kedai Perniagaan Jln Orkid ( RK 44 dan RK 72) Bukit Sentosa ; dan 2. Program taklimat bazar Ramadhan Mampan dan cabutan Petak pada 23-24 Jun 2012;	
	(xiii)	Program bersama Agensi-Agenzi Kerajaan lain	3 program telah dilaksanakan: 3. Ekspedisi Penandaan Checkpoint Buku Kutu pada 21 Mac 2012 bersama JPAM, Jabatan Perhutanan; 4. Program Festival Jalanan, Jonathon	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
			dan Merendoi MS Hulu Selangor pada 17 November 2012 bersama Hospital KKB; dan 5. Program Kembali ke Sekolah pada 23 dec 2012 bersama PPD	
	(xiv)	Buletin/ <i>Newsletter</i> (sekurang-kurangnya 2 kali setahun)	Hanya diterbitkan sekali setahun	
	(xv)	Laporan tahunan PBT	Tidak memenuhi kehendak kriteria secara sepenuhnya	Laporan tahunan disiapkan dan didokumenkan sebelum Mei tahun semasa
	(xvi)	Hubungan NGO		
	(a)	Program komuniti bersama-sama dengan NGO	3 program telah dilaksanakan: i) Program Tahliil Perdana MDHS di Masjid Bandar Utama Batang Kali; ii) Program King of Mountain KKB-Fraser Hill bersama Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia; dan iii) Program Wings of KKB bersama Kelab Pelancongan dan Alam sekitar	
	(xvii)	Hubungan Media		
	(a)	Mempunyai hubungan baik dengan pihak media	Mengundang pihak media menghadiri aktiviti PBT	
	(b)	Liputan terhadap program PBT	Pihak media mengadakan 5 liputan terhadap program-program PBT.	
	(xviii)	Inisiatif PBT untuk meningkatkan kualiti hidup warga miskin (program motivasi, keusahawanan, kelas bimbingan dan lain-lain)	Mempunyai inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup golongan hidup warga miskin seperti i) Program ziarah Mahabbah MDHS 2012; dan ii) Salam UKHWAH PBT Selangor	
	(xix)	Inisiatif PBT untuk meningkatkan kualiti hidup golongan belia/pelajar (program motivasi, keusahawanan, kelas bimbingan dan lain-lain)	Mempunyai inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup golongan belia/pelajar seperti: i) Karnival Bola Sepak bawah 8, 10 dan 12 tahun; dan ii) Klinik Motivasi Pelajar SPM	
	(xx)	Inisiatif PBT bagi membantu meningkatkan kualiti hidup golongan OKU (motivasi, keusahawanan, kelas bimbingan dan lain-lain)	Mempunyai inisiatif bagi membantu meningkatkan kualiti hidup golongan OKU seperti Program ziarah Mahabbah MDHS 2012	
	(xxi)	Capaian nombor telefon pegawai-pegawai PBT yang boleh diakses oleh penduduk termasuk YDP	Menyediakan data telefon pegawai melalui	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
			3 kaedah iaitu laman web, diari dan kalender	
	(xxii)	Pusat kejiranan dan rekod aktiviti-aktiviti	Belum wujudkan pusat kejiranan	
	(xxiii)	<i>Neighbourhood watch/SRS/RT/Persatuan Penduduk dan lain-lain yang bertujuan mengawal keselamatan penduduk</i>	Mempunyai senarai dan maklumat asas RT	
	(xxiv)	Pengurusan Bencana Alam		
		(a) SOP untuk pengurusan bencana alam	Tiada SOP pengurusan bencana alam	
		(b) Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam di peringkat PBT	Tiada jawatankuasa	
		(c) Tenaga kerja	Ada senarai tenaga kerja	
		(d) Peralatan	Ada senarai peralatan	
4.2	Pandangan Penduduk		5.74%	

22. Beberapa aspek yang perlu diberi perhatian oleh MDHS di bawah Subkriteria Penyertaan Komuniti adalah berkaitan dengan Jawatankuasa Penduduk dan dialog dengan komuniti perniagaan. MDHS perlulah memainkan peranan bagi memastikan Jawatankuasa Penduduk kekal aktif dan membantu dalam pelaksanaan program kemasyarakatan di Hulu Selangor. Selain itu, MDHS juga disaran untuk mengadakan dialog dengan pihak komuniti perniagaan sekurang-kurangnya tiga kali setahun bagi mengetahui dan menyelesaikan masalah komuniti perniagaan di kawasan pentadbirannya.

23. Bagi **Subkriteria Pandangan Penduduk**, MDHS telah memperoleh 5.74% markah daripada wajaran 10%. Ringkasan hasil kajian pandangan penduduk berhubung perkhidmatan MDHS adalah seperti di **Lampiran 3**.

## **PENUTUP**

24. MDHS adalah disyorkan untuk mengambil maklum laporan hasil penilaian SPB-PBT oleh Pasukan Inspektorat, KPKT dan disaran untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan itu.

**Bahagian Inspektorat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Tarikh : 24 April 2013**

**SENARAI PASUKAN INSPEKTORAT  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BAGI LAWATAN SPB-PBT KE  
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR  
PADA 7 MAC 2013**

1. Encik Mohamed Noor bin Othman (Ketua Pasukan)  
Timbalan Setiausaha Bahagian  
Unit Perbandaran, Perumahan dan Kebombaan  
Bahagian Inspektorat
2. Cik Wan Azlida binti Wan Muda  
Ketua Penolong Setiausaha  
Unit Perumahan, Perbandaran dan Kebombaan  
Bahagian Inspektorat
3. Puan Wan Aishah binti Junidin  
Ketua Penolong Setiausaha  
Unit Perumahan, Perbandaran dan Kebombaan  
Bahagian Inspektorat
4. Encik Prakash Sukur  
Penolong Setiausaha  
Unit Perumahan, Perbandaran dan Kebombaan  
Bahagian Inspektorat

**JADUAL PRESTASI MD HULU SELANGOR MENGIKUT KRITERIA DAN SUBKRITERA  
BAGI SPB-PBT TAHUN 2013**

Bil.	Kriteria/Subkriteria	Wajaran	Pencapaian
<b>1.</b>	<b>Pengurusan</b>	<b>30.00</b>	<b>24.05</b>
	Pengurusan Organisasi	9.50	6.80
	Pengurusan Kewangan dan Aset	10.25	9.10
	Pengurusan Sumber Manusia	10.25	8.15
<b>2.</b>	<b>Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras</b>	<b>35.00</b>	<b>25.80</b>
	Pelaksanaan Dasar Pelesenan dan Kawalan Perniagaan	4.50	2.70
	Perancangan	5.00	4.05
	Kawalan Bangunan	3.25	2.55
	Pengurusan Penilaian dan Harta	3.50	2.60
	Pengurusan Lalu Lintas dan Tempat Letak Kereta	3.25	1.35
	Penyenggaraan Landskap	3.25	2.50
	Perancangan dan Pelaksanaan Projek	3.75	3.50
	Undang-Undang dan Penguatkuasaan	3.50	3.35
	Aktiviti Kawalan Persekitaran	3.25	1.85
	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	1.75	1.35
<b>3.</b>	<b>Pengurusan Pelanggan</b>	<b>15.00</b>	<b>11.00</b>
	Perkhidmatan Barisan Hadapan	10.00	8.35
	Pengurusan Aduan	5.00	2.65
<b>4.</b>	<b>Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk</b>	<b>20.00</b>	<b>11.99</b>
	Penglibatan Komuniti	10.00	6.25
	Pandangan Penduduk	10.00	5.74
	<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>72.84</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : KENAIKAN TARIF AIR**

264. Kadar tarif air tidak dinaikkan sejak sekian lama

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Bila dan berapakah kadar kenaikan tarif air yang sepatutnya dilaksanakan berdasarkan perjanjian dengan syarikat konsesi bekalan air?
- Apakah kesan akibat kerajaan tidak menaikkan kadar tarif air tersebut walaupun termeterai dalam perjanjian?

**JAWAPAN:**

- Perjanjian Konsesi Penswastaan pembekalan air terawat di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia, Kerajaan Selangor dan SYABAS pada 15 Disember 2004. Antara terma perjanjian yang dipersetujui adalah berhubung pelarasaran kadar tarif air terawat oleh SYABAS yang perlu di semak dan mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Perjanjian Konsesi telah menjadualkan pelarasaran tarif sepanjang tempoh Perjanjian Konsesi SYABAS berkuat kuasa seperti berikut:-

Pelarasaran Tarif	Tarikh Pelarasaran Tarif	Average Schedule Tariff (RM/m <sup>3</sup> )
Pelarasaran Pertama	01 Januari 2006	1.39
Pelarasaran Kedua	01 Januari 2009	1.90
Pelarasaran Ketiga	01 Januari 2012	2.38
Pelarasaran Keempat	01 Januari 2015	2.86
Pelarasaran Kelima	01 Januari 2018	3.15
Pelarasaran Keenam	01 Januari 2021	3.31
Pelarasaran Ketujuh	01 Januari 2024	3.48
Pelarasaran Kelapan	01 Januari 2027	3.65
Pelarasaran Kesembilan	01 Januari 2030	3.83

Dalam usaha untuk melindungi rakyat sebagai pengguna utama industri perkhidmatan air, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan untuk tidak bersetuju dengan sebarang pelarasan tarif yang dipohon oleh SYABAS. Pelarasan Tarif purata air terawat pertama telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Oktober 2006 dan berkuat kuasa mulai 1 November 2006 di mana kadar tarif purata RM1.39 per cubic meter yang diguna pakai sehingga hari ini adalah berdasarkan kepada kadar yang diluluskan pada tahun 2006. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor bersetuju dengan pelarasan tarif yang dipohon oleh SYABAS pada tahun 2012, kadar tarif yang akan dibayar oleh pengguna pada ketika ini adalah sebanyak RM2.38 per cubic meter.

Namun Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor di mana kepentingan rakyat adalah merupakan keutamaan di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk di dalam perkhidmatan air, telah tidak bersetuju untuk menguatkusakan sebarang pelarasan tarif. Malahan bagi permohonan pelarasan bagi tahun 2015 juga telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk ditangguhkan sehingga penstrukturran semula industri perkhidmatan air dimuktamadkan.

Lanjutan dari tiada sebarang kenaikan tarif seperti yang dijadualkan pada tahun 2009, SYABAS telah memulakan tindakan mahkamah bagi menuntut pampasan kerana ketiadaan kenaikan kadar tarif baru. Kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah dan belum ada sebarang keputusan ke atas tuntutan SYABAS tersebut.

- b) Perjanjian Konsesi SYABAS memperuntukkan sekiranya Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan memutuskan tarif yang lebih rendah dari yang dipohon oleh SYABAS atau dalam keadaan di mana Kerajaan Persekutuan dan/atau Kerajaan Negeri menangguhkan pewartaan tarif yang baru, Kerajaan Negeri hendaklah membayar pampasan kepada SYABAS sebagai kehilangan sumber hasil SYBAS.

Berdasarkan kepada keputusan tiada sebarang persetujuan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke atas kenaikan tarif seperti yang dijadualkan pada tahun 2009, SYABAS telah memulakan tindakan mahkamah bagi menuntut pampasan. Kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah dan belum ada sebarang keputusan ke atas tuntutan SYABAS tersebut.

SYABAS adalah sebuah syarikat swasta, di mana keuntungan masih merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan. Manakala bagi Kerajaan Negeri Selangor, keuntungan bukanlah matlamat utama di dalam industri perkhidmatan air sebaliknya penetapan kadar tarif yang munasabah di samping menyediakan perkhidmatan pembekalan air yang efisien adalah menjadi matlamat utama. Dalam mencapai hasrat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, kepentingan rakyat adalah merupakan keutamaan di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk di dalam perkhidmatan air.

Oleh sebab terdapat jurang perbezaan di dalam matlamat SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor di dalam memberikan perkhidmatan bekalan air, jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Salah satu matlamat di dalam penstrukturkan semula ini adalah untuk memastikan tarif air ditetapkan pada kadar yang munasabah dan berasaskan prestasi dan pencapaian KPI syarikat pengendali perkhidmatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: LAMBAKAN SAMPAH-SAMPAH DAN PENCEMARAN BAU DI SEMENYIH**

265. Bertanyakan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi lambakan sampah dan pencemaran bau busuk di sekitar Semenyih?
  - Di manakah lokasi pusat pembuangan sampah yang baru setelah Pusat Pelupusan Sampah (RDF) di Semenyih telah ditutup?

**JAWAPAN:**

- Pihak Majlis akan mencari kaedah dan tapak pelupusan terbaik pada masa akan datang.
- Tapak pelupusan Tanjung 12, Kuala Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PENGURUSAN PASAR MALAM**

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keberkesanan PBT untuk menguruskan pasar malam dengan jumlah kakitangan yang terhad.

**JAWAPAN:**

- a) Walaupun PBT mempunyai kakitangan yang terhad, PBT setakat ini dilihat berupaya dan dapat menguruskan pasar malam dengan lebih berkesan. Antara langkah yang diambil oleh PBT dalam pengurusan pasar malam adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>LANGKAH PENGURUSAN PASAR MALAM</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	<p>Lima (5) orang kakitangan yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan sebanyak 30 lokasi pasar malam yang mana 16 lokasi antaranya adalah pasar malam yang diambil alih seperti yang diarahkan oleh kerajaan negeri.</p> <p>Lima (5) orang anggota penguatkuasa yang akan mengawal dan menjaga pasar malam dari aspek kawalan trafik, tindakan penjaja tanpa lesen, kebersihan dan lain-lain lagi.</p> <p>Kakitangan daripada Jabatan Pelesenan dan Jabatan Kewangan telah ditugaskan untuk membuat kutipan bayaran sewa tapak secara mingguan/bulanan di setiap pasar malam.</p>
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	<p>Bagi MBPJ mempunyai terdapat 29 lokasi yang melibatkan 6085 peniaga. Kesukaran juga adalah disebabkan kakitangan yang sama akan membuat kerja-kerja pentadbiran bagi proses kerja-kerja berjumlah 3410 gerai dan permit sementara. Antara kerja-kerja pemantauan adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Proses Temuduga</li><li>- Memproses Permohonan</li><li>- Undi</li></ul>

		- Sewaan
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	<p>a) Di MPK pengurusan pasar malam dan pasar pagi melibatkan tiga jabatan utama iaitu Jabatan Pelesenan dan Penjaja, Jabatan Penguatkuasa dan Jabatan Perkhidmatan Persekutaran.</p> <p>b) Tindakan pemantauan dan kawalan penguatkuasaan di seluruh pasar malam dilakukan secara bersepadu melibatkan tiga jabatan di atas mulai 01/01/2014.</p> <p>c) Sehingga bulan April 2014 sebanyak 593 operasi telah dijalankan di seluruh kawasan pasar malam.</p> <p>d) Sebanyak 234 kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan berniaga tanpa permit.</p> <p>e) Manakala 47 sitaan dilakukan iaitu 21 sitaan melibatkan warga asing dan 26 sitaan warga tempatan yang menjual cakera padat(cd) dan aksesori.</p>
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	<p>Bagi pengambilalihan ini pihak MPAJ telah melantik pengurus pasar malam bagi setiap lokasi dengan bantuan 3 orang kakitangan sokongan untuk memastikan pengurusan dan penyelengaraan berjalan lancar. Selain daripada itu anggota penguatkuasa MPAJ juga membantu dari segi tindakan penguatkuasaan dan kelancaran lalulintas di setiap lokasi.</p> <p>Perbincangan bersama pihak RELA telah dibuat bagi mendapatkan kerjasama dan bantuan dalam melancarkan operasi pengurusan pasar malam.</p> <p>Bagi pengurusan pembersihan, pihak Majlis telah melantik kontraktor pembersihan awam kawasan bagi menjalankan kerja-kerja penyapuan dan pelupusan sampah sebaik sahaja tamat aktiviti perniagaan oleh para peniaga.</p>

5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	<p>Pengurusan pasar malam diuruskan oleh Majlis secara berjadual oleh pegawai yang bertanggungjawab menguruskannya. Unit Penjaja, Jabatan Pelesenan mempunyai pegawai dan kakitangan seramai 5 orang bagi memastikan pengurusan pasar malam dijaga dan dikawalselia dengan baik. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan di tapak pasar malam djalankan oleh Majlis melibatkan Jabatan Pelesenan dan juga Unit Penguatkuasaan Jabatan Pelesenan. Tindakan yang dibuat adalah berkesan kerana dapat memantau aktiviti yang tidak dibenarkan seperti warga asing, melanggar syarat lesen, memastikan peniaga menjalankan sendiri perniagaan dan mengawal keadaan di pasar malam.</p>
6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	<p>a) Pengurusan Pasar Malam diuruskan dengan koordinasi beberapa Jabatan di dalam PBT iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Pelesenan : Menyelaras kutipan bayaran semua petak dan hal pelesenan.</li> <li>2. Jabatan Kesihatan: Menyelaras pemeriksaan dan pemantauan kebersihan dan keselamatan makanan.</li> <li>3. Jabatan Perkhidmatan Bandar : Menyelaras pembersihan sampah dan kebersihan</li> </ol> <p>Jabatan Penguatkuasa: Memantau dan mengambil tindakan Penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga</p>
	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	<p>Jumlah keseluruhan pasar malam di kawasan pentadbiran MPKj adalah sebanyak 59. Ia melibatkan sejumlah 43 kawasan. Manakala terdapat 16 lokasi pasar pagi yang beroperasi setiap hari.</p> <p>Pihak Majlis telah mengambil alih pengurusan pasar malam dan pagi secara berperingkat. Pada masa ini, 12 pasar malam dan 4 pasar pagi telah diambil alih sepenuhnya. Manakala selebihnya dikendalikan oleh penyelaras.</p> <p>Walau bagaimanapun, segala urusan permohonan perniagaan dan kemasukan peniaga perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan pihak Majlis. Pada masa yang sama, urusan kebersihan dan pelupusan sampah dikendalikan oleh kontraktor pembersihan yang dilantik dan dibayar oleh</p>

		<p>pihak Majlis.</p> <p>Bahagian ini dianggotai seramai 9 orang sahaja yang terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir – 1, Pembantu Tadbir – 4, dan Pengawas Pasar – 4 orang.</p>
	<b>MPSP</b>	<p>Pada masa ini, pengurusan operasi pasar sari/malam berjalan dengan baik dan lancar. Bilangan pasar sari/malam di seluruh daerah Sepang adalah sebanyak 15 buah pasar dan pemantauan secara berterusan mengikut hari operasi pasar.</p>
	<b>MDKL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MDKL menguruskan 17 pasar malam iaitu 14 pasar malam dan 3 pasar pagi.</li> <li>• MDKL mengambil alih pengurusan pasar malam/pagi berkuatkuasa 1 Mac 2014.</li> <li>• Setiap Bahagian dan Jabatan dalam MDKL yang terlibat dengan pengurusan pasar malam/pagi memberikan kerjasama yang baik.</li> <li>• Jabatan / Bahagian yang terlibat adalah seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bahagian Pelesenan : Pengurusan Lesen &amp; Nombor Petak</li> <li>○ Bahagian Kawalselia : Pengurusan Sampah</li> <li>○ Bahagian Penguatkuasa : Mengawal Lalulintas dan Keselamatan</li> <li>○ Bahagian Pengurusan Hasil : Membuat kutipan hasil sewa petak</li> <li>○ Jab. Penyelenggaraan &amp; Pembangunan Infrastruktur : Membuat petak dan nombor petak di setiap pasar malam serta menyelenggara kemudahan awam di pasar-pasar.</li> </ul> </li> <li>• Susunatur penjaja di setiap pasar malam/pagi turut menjadi lebih teratur kerana pengurusan yang baik yang dibuat di Bahagian Pelesenan yang menguruskan dan memantau pelesenan penjaja-penjaja pasar tersebut.</li> </ul>

	<b>MDKS</b>	<p>Berikut adalah keberkesanan PBT untuk mengurus pasar malam dengan jumlah kakitangan terhad.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pasar malam di bagi mengikut kawasan dan waktu.</li> <li>ii) Di Bahagian Penguatkuasaan, tugas syif yang telah dimulakan membantu bagi pemantauan di sebelah petang/malam. Manakala bagi waktu siang pemantauan dilakukan mengikut zon kawasan.</li> <li>iii) Pihak Majlis akan turun sebulan sekali untuk melaksanakan kutipan.</li> <li>iv) Semua permohonan dan syarat kelulusan adalah berdasarkan kekosongan tapak dan perlu dilakukan di Pejabat Majlis</li> <li>v) Notis atau pemantauan laporan di lakukan di peringkat Jabatan supaya tindakan yang dilakukan berkesan.</li> </ul>
	<b>MDSB</b>	<i>MDSB masih berkeupayaan untuk mengurus tadbir pasar-pasar malam dan pasar pagi dengan jumlah kakitangan yang sediada.</i>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: KESESAKAN SEKOLAH RENDAH AGAMA**

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Apakah tindakan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kemudahan Sekolah Rendah Agama (SRA) yang tidak mencukupi di negeri Selangor?
- Nyatakan jumlah, lokasi, kapasiti dan peruntukan bagi pembinaan SRA baru?
- Berapakah jumlah peruntukan kerajaan negeri kepada SRA ini bagi tahun 2012, 2013 dan 2014?

**JAWAPAN :**

- Keperluan kemudahan SRA sememangnya tinggi bagi sesebuah negeri yang ramai penduduk dan maju. Namun, JAIS bersama Kerajaan Negeri cuba memastikan keperluan kemudahan tersebut dipenuhi dengan rancangan pembangunan yang telah disusun setiap 5 tahun melalui Rancangan Malaysia (RMK). JAIS sentiasa mengenal pasti keperluan kemudahan SRA dari masa ke semasa dan melaksanakan mengikut keutamaan dan juga peruntukan yang telah diluluskan
- Berikut ialah jumlah projek pembinaan termasuk projek baru dan projek sambungan daripada RMK9

PERKARA	PETALING	GOMBAK	KLANG	KUALA LANGAT	HULU LANGAT	SEPANG	KUALA SELANGOR	HULU SELANGOR	SABAK BERNAM
JUMLAH PROJEK	12	3	5	6	9	6	3	2	1
PERUNTUKAN	102,344,000.00	12,402,00.00	8,006,000.00	14,605,000.00	29,156,000.00	23,097,000.00	16,728,000.00	1,287,000.00	12,001,000.00

- Kapasiti bergantung bagi sesebuah sekolah kerana ada projek hanya melibatkan bangunan tambahan

c)

<b>PERKARA</b>	<b>2012(RM)</b>	<b>2013(RM)</b>	<b>2014(RM)</b>
PERUNTUKAN NEGERI	47,000,220.00	51,250,270.00	39,660,330.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PROGRAM PEMUTIHAN KILANG HARAM**

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah tindakan kerajaan negeri ke atas kilang-kilang haram yang masih beroperasi walaupun telah dikenakan kompaun dan arahan penutupan?
  - Nyatakan kawasan-kawasan yang masih ada operasi kilang-kilang haram?

**JAWAPAN:**

- Bagi mengatasi masalah kilang-kilang haram yang masih beroperasi walaupun telah dikenakan kompaun dan arahan penutupan, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua Pejabat Tanah Daerah (PTD) telah melaksanakan Program Turun Padang bagi memberi penerangan kepada pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang yang berkenaan.

Selain itu, amaran dan notis juga akan dikeluarkan kepada kilang-kilang yang tidak dapat diputihkan agar mereka dapat memindahkan operasi ke zon perindustrian yang telah disediakan. Kilang-kilang tersebut juga diberi tempoh berpindah sehingga tamat Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran, iaitu pada 31 Disember 2014.

- Sehingga kini, masih lagi terdapat kilang-kilang haram yang beroperasi di seluruh daerah di Selangor, antaranya ialah di Sungai Buloh, Sabak Bernam, Batang Kali, Rawang, Kampung Aman dan lain-lain lagi. Bagi mengatasi masalah pengwujudan kilang-kilang haram tersebut, Kerajaan Negeri telah melantik *Urban and Regional Planning, Kulliyah of Architecture and Environmental Design (KAED), International Islamic University Malaysia (UIAM)* untuk melaksanakan kajian ke atas kilang-kilang haram di Selangor dan seterusnya mengesyorkan cadangan penyelesaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUTDARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PEMILIHAN SEMULA PENGERUSI JKKK KAMPUNG TRADISI**

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- Sila nyatakan bagaimakah proses pemilihan semula JKKK Kampung Tradisi yang akan tamat tempoh perkhidmatannya ?
  - Sila kemukakan butiran terperinci kriteria yang ditetapkan ?
  - Sila nyatakan apakah pendedahan dan kursus yang bakal diberikan kepada mereka yang dilantik agar dapat membantu merealisasikan aspirasi Kerajaan Negeri ?

**JAWAPAN:**

- a) Proses pemilihan semula JKKK Kampung Tradisi yang akan tamat tempoh perkhidmatannya iaitu bermula dengan pencalonan dan temuduga melalui Pejabat Daerah yang dianggotai oleh Panel Temuduga iaitu Y.B EXCO, ADUN/ Penyelaras DUN dan Pegawai Daerah.

Senarai pendek bagi Ketua Kampung akan dipanjangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Pemilihan Ketua Kampung Tradisi, Ketua Komuniti Kaum India serta Pengerusi JKKK Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun yang dianggotai oleh Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita), Y.B. Tuan Hj. Sallehen bin Mukhyi (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa), Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Pembangunan Kampung Baru dan Pemutihan Kilang Haram), Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar), Y.B Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin).

Sekiranya dipersetujui, calon akan dikemukakan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk tujuan mendapat kelulusan Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor sebelum diangkat di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Setelah kelulusan diperolehi calon-calon akan diberi 6 bulan tempoh percubaan kemudian calon-calon perlu menjalani Tapisan Keselamatan dan Penilaian Prestasi. Surat Kuasa sebagai Ketua Kampung akan diberikan (Selama 2 Tahun bagi setiap penggal).

- b) Butiran terperinci kriteria yang ditetapkan iaitu JKKK Kampung Tradisi hendaklah taat setia, amanah, bersih dan jujur, bertanggungjawab, adil dan saksama, perkhidmatan ramah dan mesra, integriti, profesionalisme, kejujuran intelektual, kepimpinan, bekerjasama, perpaduan, budaya masyawarah, proaktif, peningkatan ilmu dan kemahiran, contoh ikutan, badan pendamai, berfikiran terbuka, berperanan sebagai muhtasib dalam membangunkan masyarakat.
- c) Pendedahan dan kursus yang bakal diberikan kepada JKKK Kampung Tradisi iaitu Kursus Minit Mesyuarat Ketua Kampung, Seminar Pemantapan JKKK, Bengkel Kenali Kampungku, Program Sasaran Kerja Tahunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: LOJI AIR**

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah loji-loji air sedia ada boleh dinaiktaraf agar dapat ditingkatkan kapasiti pengeluaran air bersih?
- b) Berapakah kos yang terlibat sekiranya loji-loji air ini dinaiktaraf?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini terdapat 34 loji rawatan air yang dikendalikan oleh Puncak Niaga (M) Sdn Bhd, SPLASH dan ABASS. Pihak SYABAS pernah menyatakan bahawa keupayaan loji dan keupayaan pengagihan adalah terhad untuk mengagihkan sebanyak 4371JLH . Namun demikian, pada tahun 2012, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat Kajian "Augmentation Study" yang bertujuan untuk mencabar fakta yang diberikan oleh SYABAS.

Dalam hal ini, kajian tersebut menunjukkan bahawa kapasiti loji rawatan dan pengagihan boleh ditingkatkan kepada 5252 JLH. Oleh itu, beberapa usaha melalui program mitigasi telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan pengeluaran dan pengagihan 34 loji rawatan air tersebut.

- b) Di dalam mengkaji dan meneliti cadangan untuk menaik taraf loji loji air sedia ada, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan pengguna dan amat menitik beratkan perbelanjaan berhemah bagi setiap projek yang akan dilaksanakan. Oleh yang demikian, sekiranya projek-projek menaik taraf loji ini dilaksanakan, pelaksanannya akan dibuat secara tender terbuka dengan memilih penender yang mengemukakan cadangan kos yang rendah dan berupaya dilaksanakan dari segi teknikal dan kejuruteraan. Justeru itu, kos bagi pelaksanaan menaik taraf loji-loji rawatan air hanya akan dipastikan selepas tender dikeluarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA**

271. Kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM3.5 juta untuk pembangunan belia bagi tahun 2014.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Nyatakan dengan terperinci perancangan kerajaan negeri dari peruntukan ini?
- Bagaimakah pecahan dan siapakah yang bertanggungjawab melaksanakannya?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

- Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak RM3.5 juta untuk pembangunan belia bagi membiayai program-program pembangunan belia dengan kerjasama oleh PBT dan PeBT. Peruntukan adalah sebagaimana butiran berikut:

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Elaun PeBT : i) 12 PBT x RM500 (Pengerusi Induk) x 12 Bulan	RM 72,000.00
	ii) 278 x RM400 (Pengerusi PeBT) x 12 Bulan	RM 1,334,400.00
2.	Program PeBT: 12 PBT x RM 20,000 x 6 Teras BES	RM 1,440,000.00
3.	Program-program Belia setahun	RM 653,600.00
<b>Jumlah Peruntukan</b>		<b>RM3,500,000.00</b>

- Bagi tahun 2014, perancangan program adalah berdasarkan kepada 6 teras utama Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan iaitu Kepimpinan, Pendidikan, Ekonomi, Kemasyarakatan, Sukan dan Kebudayaan. Di antara program-program yang telah dirancangkan peringkat negeri adalah seperti Program Sambutan Hari Sukan Antarabangsa, Sambutan Hari Belia, Bengkel Pengucapan Awam, Bengkel Kepimpinan PeBT dan Program Perkahwinan Perdana Belia.

- iii) Bagi menjayakan program-program yang telah dirancangkan, Kerajaan negeri telah melantik Penggerak Belia Tempatan (PeBT) selaku penggerak kepada belia-belia di Negeri Selangor untuk melibatkan diri dalam setiap perancangan yang telah diselaraskan oleh Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan serta Bahagian Pembangunan Belia Majlis Sukan Negeri Selangor di samping pemantauan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PERUNTUKAN SJK(C) & BAYARAN CUKAI PINTU NOMINAL**

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Negeri bersedia memberi peruntukan untuk membina SJK(C) di tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju?
  - Adakah Kerajaan telah memutuskan supaya mengenakan bayaran cukai pintu nominal sahaja (Ringgit Malaysia 1 sahaja) terhadap tempat sembahyang rumah ibadat Islam dan rumah ibadat bukan Islam?

**JAWAPAN:**

- Melalui Program Bantuan Sekolah yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan sumbangan untuk membina SJK(C) di tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju. Oleh itu, permohonan bantuan tersebut hendaklah dikemukakan dengan mematuhi prosedur dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan jabatan yang terlibat seperti Pejabat Tanah dan Galian Daerah Hulu Langat, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya serta agensi lain yang berkaitan.
- Berdasarkan Sek 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976, rumah ibadat (islam/bukan islam) layak mendapat pengecualian dari dikenakan cukai taksiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: BANJIR KILAT KAWASAN BANDAR**

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan kawasan PBT di Selangor yang kerap berlaku banjir kilat?
  - Apakah punca masalah banjir kilat ini?
  - Apakah tindakan PBT dan kerajaan negeri bagi menangani masalah ini?

**JAWAPAN:**

- Kawasan PBT yang kerap berlaku banjir kilat seperti di **Lampiran 1**.
- Punca masalah banjir kilat adalah:-
  - Pembangunan pesat dan urbanisasi di kawasan persekitaran yang menyebabkan peningkatan air larian permukaan kawasan tersebut;
  - Sistem saliran tidak mencukupi untuk menampung kapasiti air larian;
  - Kekurangan kolam takungan kerana sukar dibina di kawasan yang sudah padat penduduk dan tiada tanah kosong;
  - Masalah pembuangan sampah ke dalam longkang yang menyebabkan longkang-longkang sediada tersumbat.
  - Kekurangan tanah hijau sebagai kawasan tadahan air hujan disebabkan pembangunan persekitan semasa.
  - Peningkatan paras air sungai dan air laut disebabkan oleh perubahan cuaca; dan
  - Struktur halangan dalam saliran contohnya jambatan, pembentung, paip air dan kabel.

- c) Tindakan PBT dan Kerajaan Negeri untuk mengatasi kejadian banjir kilat:-
- i. Menyediakan pelan tebatan banjir dengan menggabungkan agensi-agensi kerajaan seperti JPS dan JKR bagi menyelesaikan isu-isu banjir yang terlibat;
  - ii. Menaiktaraf longkang sediada bagi meningkatkan kapasiti penambahan air larian permukaan;
  - iii. Membina kolam takungan baru serta melakukan pengambilalihan tanah jika diperlukan;
  - iv. Meningkatkan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembuangan sampah serta meningkatkan aktiviti penyelenggaraan bagi longkang yang dipenuhi sampah;
  - v. Menjalankan kempen kesedaran penduduk tentang pembuangan sampah ke longkang; dan
  - vi. Mengenakan syarat pembinaan kolam bagi pembangunan baru.

**Lampiran 1****KAWASAN PBT YANG KERAP BERLAKU BANJIR KILAT****1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)**

<b>BIL.</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>SEKSYEN</b>
1.	Kampung Karuppiah, Jalan Sungai Rasah, Kampung Air Kuning	Seksyen 16
2.	Taman Bukit Kemuning, Jalan Bukit Kemuning, Kampung Bukit Naga	Seksyen 32
3.	Kampung Jalan Kebun, Kampung Lombong	Seksyen 30
4.	Taman Mesra,Batu Tiga	Seksyen U1
5.	Kampung Jalan Kebun	Seksyen 22
6.	Taman TTDI Jaya	Seksyen U2
7.	Kampung Melayu Subang	Seksyen U6
8.	Kampung Kubu Gajah, Kampung Merbau Sempak	Seksyen U19

**2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>
1	Banjir di Lebuhraya NPE - berhampiran simpang masuk ke Jalan Maju Jaya 1
2	Banjir di Jalan alternatif, Taman Sri Manja- Taman Medan (Taman Buana Perdana)
3	Air bertakung sehingga menyebabkan banjir di Jalan PJU 1/3B (kawasan komersil berhampiran IWK)
4	Banjir di Jalan PJS 1/21 berhampiran Apartment Kos Rendah Pangaspuri Perdana
5	Banjir di Pusat Membeli-belah Citta Mall Jalan PJU 1A/48

### **3. Majlis Perbandaran Klang (MPK)**

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>
1	Meru - Jalan Abd Manan, Jalan Teratai dan sekitarnya
2	Sungai Udang, Jalan Yadi, Taman Sentosa, Bandar Puteri dan kawasan sekitarnya

### **4. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)**

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>
1	Grandville, USJ 1, Subang Jaya
2	One Avenue, USJ 1, Subang Jaya
3.	Jalan USJ 14/1N, Subang Jaya
4.	Kg. Kenangan, Puchong
5.	Jalan Tempinis, Kg. Tengah, Puchong
6.	Kg. Kuala Sg. Baru, Puchong
7.	Batu 12, Puchong

### **5. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)**

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>
1	Taman Pandan Indah
2	Taman Nirwana / Taman Putra Sulaiman
3.	Kampung Ampang Campuran
4.	Kampung Pandan

## **6. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)**

<b>BIL</b>	<b>TEMPAT PENEMPATAN BANJIR</b>	<b>KEROSAKAN</b>
1	Jalan Laksamana 2 (Berhampiran Jambatan)	Sungai Batu
2	Jalan Utama Ksk Berhampiran Dataran Bougavilla	Sungai Batu
3	Jalan Rawang - Tasik Puteri (Berhampiran Aeon Rawang)	Sungai Gong Cetek
4	Pekan Lama Rawang	Longkang/Monsoon Drain
5	Jalan Gombak Ria 3, Taman Gombak Ria	Sungai Disebabkan Oleh Bottle Neck
6	Kampung Melayu Batu 16 (Jalan Sepakat)	Sungai Cetek
7	Jalan Oc 9, Batu Arang	Sungai

## **7. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)**

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kawasan Sg. Chua, Kajang
2.	Seksyen 4 Tambahan Bandar Baru Bangi
3.	Taman Harmoni, Balakong

## **8. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)**

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>
1	Puchong
2.	Dengkel
3.	Sungai Pelek

**9. Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)**

BIL.	LOKASI
1	Kampung Sentosa

**10. Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)**

BIL.	LOKASI
1	Pekan Banting dan beberapa kawasan perumahan

**11. Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)**

BIL.	LOKASI
1	Taman Aman, Sekinchan

**12. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)**

Bil	Lokasi kawasan yg kerap dilanda banjir	Punca-punca
1	Kg. Bilal & Kg Kilang Papan, Hulu Bernam	Masalah kekurangan sistem saliran yg secukup utk merentas rezab landasan KTMB & untuk keluar Sungai Bernam
2	Tmn Rajawali, Kalumpang	Masalah kekurangan kawasan kolam tadahan dan parit utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat.
3	Tmn Tempua Bestari Jaya, Kalumpang	Kawasan berhampiran rezab sungai – risiko sekiranya air sungai melimpah
4	Kg. Jawa, Kerling	Kawasan berhampiran rezab sungai – risiko sekiranya air sungai melimpah
5	Jln Pahang-Bkt. Fraser (B55) depan Kem Tentera K.Kubu Bharu	Masalah kekurangan kawasan kolam tadahan dan parit utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat.
6	Taman Damai Utama, Kuala Kubu Bharu	Kawasan berada pada paras yang rendah dan berhampiran rezab sungai – risiko sekiranya air sungai melimpah
7	Taman Ampang Pecah / Taman Ampang Indah, K.Kubu Bharu.	Kawasan berhampiran rezab sungai – risiko sekiranya air sungai melimpah Masalah kekurangan kawasan kolam tadahan dan parit utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat.
8	Kg. Chuang, Rasa	Masalah kekurangan kawasan kolam tadahan dan parit

Bil	Lokasi kawasan yg kerap dilanda banjir	Punca-punca
		utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat.
9	Sekitar Kg. Sentosa, Batang Kali	Kawasan berhampiran rezab sungai – risiko sekiranya air sungai melimpah
10	Jln Btg Kali–Hulu Yam (B113), depan Econsave, Bdr Utama Btg. Kali	Masalah kekurangan kawasan kolam tадahan dan parit utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat.
11	Desa Kelisa, Hulu Yam Bharu	Masalah kekurangan kawasan kolam tадahan dan parit utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat.
12	Sekitar Kg Batu 30, Hulu Yam.	Masalah kekurangan kawasan kolam tадahan dan parit utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat.
13	Kg. Damai & sekitar Desa Kiambang, Serendah	Masalah kekurangan kawasan kolam tадahan dan parit utama utk menampung air lebihan sewaktu hujan lebat. Kawasan berhampiran rezab sungai – risiko sekiranya air sungai melimpah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PARAS GARIS KEMISKINAN SELANGOR**

274. Kerajaan negeri menetapkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) RM1,500 di Selangor tahun 2008

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa di Selangor dan asas pertimbangannya?
- b) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk menyemak kembali PGK sediakan ada?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, walaupun Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan di peringkat nasional pada masa ini adalah sebanyak RM720.00, Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan di Selangor adalah sebanyak RM1,500.00. PGK ini telah digunakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 dan diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.54/1/2009 bertarikh 7 Januari 2009.
- b) Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan Negeri amat prihatin untuk meringankan beban rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan menyemak semula PGK sedia ada yang digunakan bagi memastikan aspek sosial dan ekonomi rakyat bagi golongan yang memerlukan dapat dibantu. Sejajar dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin meruncing. Semakan semula ini juga adalah selari dengan perkembangan ekonomi semasa serta peningkatan taraf hidup di Malaysia. Selain itu, semakan semula PGK adalah perlu untuk mengambil kira kebolehan atau kemampuan negeri dalam menangani jumlah rakyat yang dapat dibantu mengikut kategori taraf hidup rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
( TELOK DATOK)**

**TAJUK: PERBELANJAAN PERKHIDMATAN MEMOGRAM**

275. Sila menyatakan jumlah perbelanjaan untuk setiap Pusat Khidmat Rakyat DUN menawarkan perkhidmatan memogram sejak tahun 2008 hingga sekarang;

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah wanita mendapatkan manfaat daripada program MES ini;
- b) Apakah nama dan Pusat Perubatan atau Hospital yang terlibat dalam Program MES ini;
- c) Bilakah Program ini akan dijalankan semula demi kepentingan dan kebajikan wanita di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga April 2014, seramai 18,545 orang telah menerima manfaat daripada program Skim Kesihatan Wanita : Mammogram Selangor ini dan tiada sebarang perbelanjaan diperuntukkan kepada setiap Pusat Khidmat Rakyat DUN. Ini kerana pembentukan pelaksanaan program Mammogram ini adalah diperuntukkan dan disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pembayaran perkhidmatan pemeriksaan kanser payu dara yang telah disempurnakan.
- b) Bagi tahun ini, pelaksanaan program pemeriksaan mammogram di bawah Skim Kesihatan Wanita yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri adalah melibatkan usahasama dengan National Cancer Society Malaysia (NCSM) dan pihak MAKNA.
- c) Program Mammogram ini masih diteruskan dan dilaksanakan demi kepentingan dan kebajikan golongan wanita di Selangor dengan penyertaan dan kerjasama oleh semua Pusat Khidmat di setiap DUN di Selangor. Penjadualan yang dirancang dan dipersetujui bersama adalah seperti berikut :

**JADUAL PROGRAM MAMMOGRAM 2014 | MAKNA**

No.	TARIKH	PKM	No.	TARIKH	PKM	No.	TARIKH	PKM
1	Ogos	Meru	1	5 Sep - 7 Sept	Kuala Kubu Bahru	1	1 Nov - 3 Nov	Balakong
2		Sg Pinang	2		Hulu Bernam	2		Bangi
3		Sementa	3		Batang Kali	3		Dusun Tua
4		Pelabuhan Klang	4		Sijangkang	4		Kajang
5		Sri Muda	5		Morib	5		Semenyih
6		Kota Alam Shah	6		Telok Datuk	6		Bukit Antarabangsa
7		Selat Klang	7		Tanjung Sepat	7		Chempaka
8		Seri Andalas	8	18 Sept - 20 Sept	Sabak	8	1 Nov - 3 Nov	Lembah Jaya
9		Pandamaran	9		Sekinchan	9		Teratai
10		Bukit Melawati	10		Sg Air Tawar			
11		Ijok	11		Sg Panjang			
12		Jeram	12		Sg Pelek			
13		Permatang	13		Dengkil			
14		Sg Burong						

JADUAL PROGRAM MAMMOGRAM 2014 | NCSM

LAMPIRAN 1

No.	TARIKH	JUN	No.	TARIKH	JULAI	No.	TARIKH	OGOS
1	2	KUANG	1	1	KOTA DAMANSARA	1	4	SERI SERDANG
2	3	RAWANG	2	3	KOTA ANGGERIK	2	5	KINRARA
3	5	TAMAN TEMPLER	3	4	BATU TIGA	3	7	SUBANG JAYA
4	6	BATU CAVES	4	7	KUANG	4	8	SERI SETIA
5	9	GOMBAK SETIA	5	8	RAWANG	5	11	TAMAN MEDAN
6	10	HULU KELANG	6	10	TAMAN TEMPLER	6	12	BUKIT GASING
7	12	SERI KEMBANGAN	7	11	BATU CAVES	7	14	KAMPUNG TUNKU
8	13	SERI SERDANG	8	14	GOMBAK SETIA	8	15	DAMANSARA UTAMA
9	16	KINRARA	9	15	CUTI UMUM	9	18	BUKIT LANJAN
10	17	SUBANG JAYA	10	17	KUANG	10	19	PAYA JARAS
11	19	SERI SETIA	11	18	RAWANG	11	21	
12	20	TAMAN MEDAN	12	21	TAMAN TEMPLER	12	22	
13	23	BUKIT GASING	13	22	BATU CAVES	13	25	
14	24	KAMPUNG TUNKU	14	23	GOMBAK SETIA	14	26	
15	26	DAMANSARA UTAMA	15	24	HULU KELANG	15	28	
16	27	BUKIT LANJAN	16	25	SERI KEMBANGAN	16	29	
17	30	PAYA JARAS	RAMADHAN			SYAWAL		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: KADAR SEWA RUMAH PPR**

276. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan kadar sewa sebenar perumahan PPR mengikut PBT?
  - Apakah asas pertimbangan sebelum keputusan kenaikan kadar sewa perumahan PPR dibuat?

**JAWAPAN:**

- a) Kadar sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Bil.	PPR	PBT	Kadar Sewa
1.	PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang 1	MBPJ	RM250
2.	PPR Kota Damansara	MBPJ	RM250
3.	PPR Kg. Baru Hicom	MBSA	RM250
4.	PPR Taman Tasik Teratai, Serendah	MDHS	RM124

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan kadar sewa PPR dibuat setelah mengambil kira beberapa faktor, antaranya adalah seperti berikut:

- Kerajaan Negeri telah mengkaji pasaran sewaan semasa rumah dan mendapati jumlah yang dikenakan adalah lingkungan RM500 hingga RM700 sebulan. Sewaan RM124 adalah merupakan kadar yang paling minima dikenakan ke atas penyewa yang layak dengan jumlah pendapatan seisi rumah sebanyak RM1500 dan ke bawah. Walau bagaimanapun bagi penyewa yang mempunyai pendapatan RM1500 hingga RM3000 sebulan dan mempunyai tanggungan lebih daripada 4 orang anak yang berumur 18 tahun ke bawah juga boleh dipertimbangkan untuk kadar sewaan RM124. Selain dari itu, kadar minimum ini juga dipertimbangkan ke atas OKU, ibu tunggal, penerima bantuan zakat dan kebijakan serta mana-mana penyewa yang mengemukakan dokumen sokongan bantuan Kerajaan.

- ii) Kenaikan kos penyelenggaraan PPR dilihat menjadi satu cabaran kepada Kerajaan Negeri dalam memastikan bangunan PPR berada dalam keadaan baik dan harmoni. Kos membaik pulih yang dilaksanakan di luar penjadualan penyelenggaraan kerap dilakukan memandangkan terdapat peningkatan terhadap vandalisme dan kerosakan bangunan. Peningkatan kadar sewa kepada RM250 adalah diharap dapat menampung kos sedia ada selain dari mendidik masyarakat dan penduduk PPR untuk lebih bertanggungjawab dan menghargai kemudahan bersama. Kerajaan Negeri percaya kemudahan yang ada ini akan dijaga dan diberi penjagaan sebaiknya bagi melahirkan sebuah komuniti yang berdaya saing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK: PERINDUSTRIAN DI GOMBAK**

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan kawasan perindustrian dan jumlah kilang di daerah Gombak?
  - Berapakah nilai pelaburan ke daerah Gombak sejak tahun 2008 hingga 2014?
  - Berapakah jumlah pekerjaan yang dihasilkan dan bagaimakah penyertaan tenaga kerja rakyat tempatan?

**JAWAPAN:**

- Kawasan-kawasan perindustrian yang terdapat di daerah Gombak adalah seperti berikut;-
  - Rawang Perdana Ind. Park
  - KRI Ind. Area
  - Greatyear Ind. Area
  - Greenpark Ind. Centre, Bt 20
  - PKNS Ind. Park, Bt 16 & 20, Rawang
  - Sri Hijau Ind Park
  - Rawang Jaya Ind. Area
  - Rawang Hi-Tech Ind. Area
  - Chok San Ind. Area
  - Belma Johan Ind. Area
  - Great Wall Plastic Ind. Area
  - Superbox Ind. Area
  - Taman Rawang Indah Ind. Area
  - Rawang Integrated Ind. Park
  - Taman Velox, Rawang
  - Teknologi Tinggi Ind. Area
  - Kundang Ind. Estate
  - Selayang Utama Ind. Area
  - Taman Bidara Ind. Area
  - Light Ind. Area Prima Selayang
  - Taman Selayang Baru Ind. Area
  - Selayang Indah Ind. Area
  - Bolton Ind. Area
  - Sri Gombak Ind. Area
  - Dolomite Ind. Area

26. Sri Batu Caves Ind. Area
27. Batu Caves Ind. Area
28. Bukit Rahman Putra Ind. Park
29. Magilds (Karambunai) Ind. Area
30. Sg. Buloh Jaya Ind. Area
31. Kg. Jaya Ind. Area
32. Desa Aman Ind. Area
33. Taman Ehsan Ind. Area
34. Sri Ehsan Ind. Area
35. Usaha Ehsan Ind. Area
36. Bukit Desa Ind. Area
37. Tago Ind. Area
38. KIP (Kepong) Ind. Park

Berdasarkan jumlah lesen perniagaan yang dikeluarkan, sebanyak 1,850 pengusaha industri yang beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.

- b) Nilai pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan di Daerah Gombak dari tahun 2008 hingga Mac 2014 adalah sebanyak RM 2.64 bilion daripada 136 projek perkilangan yang diluluskan.

<b>GOMBAK</b>	<b>Projek</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Tempatan (RM)</b>	<b>Pelaburan Asing (RM)</b>	<b>Jumlah Modal Pelaburan (RM)</b>
Batu Caves	32	1,438	254,498,593	77,984,238	<b>332,482,831</b>
Batu Caves IE	3	80	7,642,176	22,508,463	<b>30,150,639</b>
Gombak	2	108	10,607,446	0	<b>10,607,446</b>
Selayang	1	42	10,200,000	0	<b>10,200,000</b>
Ampang Hulu Klang FTZ	1	2,464	10,939,250	575,750	<b>11,515,000</b>
Ampang Hulu Klang IE	0	0	0	0	<b>0</b>
Batu Arang	2	34	3,306,923	798,974	<b>4,105,897</b>
Rawang IE	24	2,239	555,471,345	141,301,275	<b>696,772,620</b>
Rawang Batu 16	6	535	21,829,210	15,369,524	<b>37,198,734</b>
Rawang	65	4,734	1,184,409,421	326,610,877	<b>1,511,020,298</b>
<b>Jumlah</b>	<b>136</b>	<b>11,674</b>	<b>2,058,904,364</b>	<b>585,149,101</b>	<b>2,644,053,465</b>

Sumber : MIDA

- c) Jumlah potensi pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 11,674 peluang pekerjaan.

Merujuk kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah rakyat tempatan yang bekerja dalam sektor perindustrian di Negeri Selangor pada tahun 2012 adalah sebanyak 546,500 orang. Pihak Jabatan Perangkaan Malaysia hanya menerbitkan maklumat secara keseluruhan sahaja dan tiada maklumat mengikut daerah yang dikeluarkan ketika ini.

(Sumber : Jadual 12, Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Industri Di Negeri Selangor 2010 – 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia  
<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx>)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PRESTASI LOJI-LOJI RAWATAN AIR DI SELANGOR**

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Nyatakan bilangan dan kapasiti semua loji rawatan air di Selangor mengikut pemegang konsesi.
- Berapa kali loji-loji rawatan air ini mengalami gangguan (*breakdown*) dan apakah sebab-sebabnya?

**JAWAPAN:**

- a) Sejumlah 33 loji pembersihan air (LPA) di Selangor yang diuruskan oleh 4 konsesi rawatan air.

Puncak Niaga Sdn Bhd	– 28 LPA
SPLASH	– 3 LPA
Kumpulan Air Selangor Berhad	– 1 LPA
Konsortium ABASS Sdn Bhd	– 1 LPA

- b) Bagi tahun 2012, sejumlah 20 kes kecemasan pencemaran sumber air yang melibatkan henti tugas di 6 LPA iaitu :

- LPA Sungai Selisek
- LPA Sungai Semenyih
- LPA Batu 11 Cheras
- LPA Ampang Intake
- LPA Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2)
- LPA Pangsoon

Manakala sejumlah 16 kes bagi tahun 2013 yang melibatkan henti tugas di 9 LPA iaitu :

- i. LPA Sungai Semenyih
- ii. LPA Ampang Intake
- iii. LPA Sungai Rumput
- iv. LPA Batu 11 Cheras
- v. LPA Sungai Gombak
- vi. LPA Rantau Panjang
- vii. LPA Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1)
- viii. LPA Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2)
- ix. LPA Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3)

Manakala sejumlah 15 kes dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Mei 2014 yang melibatkan henti tugas di tiga (3) LPA iaitu :

- i. LPA Batu 11 Cheras
- ii. LPA Bukit Tampoi
- iii. LPA Wangsa Maju

Antara sebab henti tugas LPA adalah ammonia, diesel, minyak, peningkatan parameter pH dan kekeruhan yang tinggi. Jumlah kes kecemasan yang tinggi pada tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah disebabkan kes pencemaran yang berulang iaitu pencemaran kekeruhan dan LPA yang terlibat adalah LPA Ampang Intake, LPA Pangsoon, LPA Sungai Rumput dan LPA Wangsa Maju. Senarai kes kecemasan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti di Lampiran 3.

Setiap kali berlakunya kes kecemasan, Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air yang diurussetia oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan dianggotai pelbagai agensi teknikal, dengan kadar segera akan menyiasat di tempat kejadian dan mengenal pasti punca pencemaran. Setiap agensi teknikal akan mengambil tindakan dan langkah penyelesaian yang sewajarnya berdasarkan bidang kuasa masing-masing bagi menyelesaikan pencemaran yang berlaku.

**LAMPIRAN 3**

**SENARAI LOJI PEMBERSIHAN AIR (LPA)**

BIL	LOJI PEMBERSIHAN AIR (LPA)	KAPASITI (MLD)	OPERATOR
1	Ampang Intake	18.0	Puncak Niaga
2	Batang Kali	20.3	Puncak Niaga
3	Bernam River HW	40.6	Puncak Niaga
4	Bukit Nanas	145.0	Puncak Niaga
5	Bukit Tampoi	31.5	Puncak Niaga
6	Cheras Mile 11	27.0	Puncak Niaga
7	Gates(Wangsa Maju)	45	Puncak Niaga
8	Gombak	22.5	Puncak Niaga
9	Kalumpang	6.7	Puncak Niaga
10	Kepong	2.3	Puncak Niaga
11	Kuala Kubu Bharu	6.7	Puncak Niaga
12	Loji Sg Labu KLIA (ORS)	105.0	KASB
13	North Hummock	22.5	Puncak Niaga
14	Rantau Panjang	31.5	Puncak Niaga
15	Salak Tinggi		Puncak Niaga
16	Sg Batu	113.7	Puncak Niaga
17	Sg Buaya	0.9	Puncak Niaga
18	Sg Dusun	1.3	Puncak Niaga
19	Sg Langat	386.0	Puncak Niaga
20	Sg Lolo (Baru)	0.4	Puncak Niaga
21	Sg Lolo (Lama)	1.04	Puncak Niaga
22	Sg Pangsoon	1.8	Puncak Niaga
23	Sg Rangkap	9.0	Puncak Niaga
24	Sg Rumput	4.5	Puncak Niaga
25	Sg Selangor Fasa 1	950.0	SPLASH

26	Sg Selangor Fasa 2	950.0	Puncak Niaga
27	Sg Selangor Fasa 3	800.0	SPLASH
28	Sg. Selangor Rasa	250.0	SPLASH
29	Sg Selisek	1.3	Puncak Niaga
30	Sg Semenyih	546.0	ABASS
31	Sg Serai	0.9	Puncak Niaga
32	Sg Sireh	27.0	Puncak Niaga
33	Sg Tengi	1.3	Puncak Niaga

**LAMPIRAN 4****KES KECEMASAN SEPANJANG TAHUN 2012**

BIL	TARIKH	NAMA SUNGAI	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	KESAN
1.	24/2/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 6 jam 30 minit
2.	25/2/12	Sg. Semenyih	Ammonia	Tapak Pelupusan Sampah Pajam	HENTI TUGAS di LPA Sg. Semenyih selama 2 jam 20 minit
3.	25/2/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 5 jam
4.	29/2/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 2 jam 45 minit
5.	29/2/12	Sg. Semenyih	Ammonia	Tapak Pelupusan Sampah Pajam	HENTI TUGAS di LPA Sg. Semenyih selama 2 jam 10 minit
6.	7/3/12	Sg. Langat	Diesel	Industri Kuari	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 9 jam 30 minit
7.	7/3/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 72 jam
8.	26/4/12	Sg. Selangor	Air Berbau	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA SSP2 selama 16 jam 15 minit
9.	20/5/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 4 jam 30 minit

10.	1/6/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 2 jam 45 minit
11.	5/7/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 5 jam 30 minit
12.	8/7/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 9 jam 30 minit
13.	17/7/12	Sg. Bernam	Ammonia	Ladang Ternakan Ayam	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 4 jam 30 minit
14.	1/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 2 jam 40 minit
15.	2/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 2 jam 45 minit
16.	3/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 2 jam 30 minit
17.	4/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 35 minit
18.	5/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 45 minit
19.	5/11/12	Sg. Langat	Tersumbat dengan bahan-bahan yang hanyut akibat air deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Pangsoon selama 8 jam
20.	6/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 3 jam 30 minit

**LAMPIRAN 5****KES KECEMASAN SEPANJANG TAHUN 2013**

BIL	TARIKH	NAMA SUNGAI	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	KESAN
1.	14/1/13	Sg. Semenyih	Bau	Disyaki kilang memproses minyak	HENTI TUGAS di LPA Sg. Semenyih selama 2 jam 15 minit
2.	14/1/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 6 jam 45 minit
3.	24/1/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 2 jam 20 minit
4.	8/2/13	Sg. Rumput	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Sg. Rumput selama 2 jam 30 minit
5.	25/2/13	Sg. Gombak	Minyak Diesel	Kemalangan lori minyak diesel Lebuh raya KL-Karak	HENTI TUGAS di Muka Sauk Sg. Gombak selama 3 jam 10 minit
6.	25/2/13	Sg. Rumput	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Sg. Rumput selama 6 jam 45 minit
7.	28/4/13	Sg. Langat	Minyak Diesel	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 4 jam 35 minit
8.	2/5/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 2 jam 12 minit

9.	6/5/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 2 jam 12 minit
10.	7/5/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 2 jam 36 minit
11.	15/5/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 3 jam 30 minit
12.	17/5/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 3 jam 42 minit
13.	26/5/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 2 jam
14.	7/6/13	Sg. Ampang	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di Ampang Intake selama 3 jam 45 minit
15.	30/8/13	Sg. Selangor	Minyak	Industri Penyelenggaraan Lori	HENTI TUGAS di LPA Rantau Panjang, SSP1, SSP2 dan SSP3 selama 16 jam 25 minit
16.	20/11/13	Sg. Langat	Minyak	Premis Menjual Peralatan dan Mesin Pembinaan	HENTI TUGAS di LPA Batu 11, Cheras selama 8 jam

**LAMPIRAN 6**

**KES KECEMASAN SEPANJANG TAHUN 2014 (SEHINGGA MEI 2014)**

BIL	TARIKH	NAMA SUNGAI	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	KESAN
1.	21/1/14	Sg. Langat	pH	Kilang memproses batu bata	HENTI TUGAS di LPA Batu 11, Cheras
2.	28/1/14	Sg. Langat	Ammonia	Paras sungai rendah menyebabkan faktor pencairan rendah	HENTI TUGAS di LPA Batu 11, Cheras
3.	29/1/14	Sg. Langat	Ammonia	Paras sungai rendah menyebabkan faktor pencairan rendah	HENTI TUGAS di LPA Bukit Tampoi
4.	3/3/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Kerja tanah tanpa kebenaran	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 7 jam 15 minit
5.	15/3/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 5 jam 45 minit
6.	9/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 11 jam 45 minit
7.	14/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 12 jam 45 minit
8.	15/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 14 jam
9.	22/4/14	Sg. Langat	Diesel	Tidak diketahui	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 9 jam 55 minit
10.	22/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 6 jam 15 minit

11.	24/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 10 jam
12.	26/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 2 jam 30 minit
13.	27/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 10 jam 15 minit
14.	29/4/14	Sg. Gombak	Kekeruhan	Hujan lebat	HENTI TUGAS di LPA Wangsa Maju selama 14 jam 15 minit
15.	28/5/14	Sg. Langat	Diesel	Tidak diketahui	HENTI TUGAS di LPA Batu 11, Cheras selama 8 jam 30 minit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: PENDIDIKAN PRA SEKOLAH**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah jabatan, agensi atau GLC kerajaan negeri menyediakan pendidikan pra sekolah di seluruh Selangor?
- b) Berapakah peruntukan dana untuk pendidikan pra sekolah dan bagaimana ia diagihkan?
- c) Apakah pendekatan dan silibus pembelajaran pra sekolah yang dibantu?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan, agensi atau GLC Kerajaan Negeri tidak menyediakan program pendidikan pra sekolah secara langsung.
- b) Peruntukan dana yang disediakan untuk pendidikan pra sekolah pada tahun 2014 adalah berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM 3 juta) dan diagihkan melalui program Bantuan Skim TUNAS yang dibayar kepada TADIKA yang berdaftar di bawah MPTS.
- c) Pendekatan dan silibus pembelajaran pra sekolah adalah tertakluk kepada silibus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan di bawah kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) dan pendekatan modul oleh TADIKA dan pra sekolah melalui jabatan dan organisasi masing-masing.

Kerajaan Negeri melalui MPTS juga sedang merangka satu modul pendidikan awal kanak-kanak dengan menerapkan nilai dan elemen SPIES di dalam modul tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : PAYA INDAH WETLAND DENGKIL**

280. Bertanya kepada Y.A..B Dato Menteri Besar:
- Adakah tempat ini tersenarai dalam senarai tempat yang di promosikan oleh Tourism Selangor Sdn Bhd?
  - Apakah usaha kerajaan negeri memperbaiki kemudahan awam serta jalan raya yang kurang memuaskan untuk menuju ke tempat ini?

**JAWAPAN:**

- Memandangkan Paya Indah Wetland adalah dibawah Jabatan Perhilitan terdapat beberapa aktiviti promosi telah dijalankan oleh jabatan ini seperti :-
  - Karnival Paya Indah Wetland anjuran Jabatan Perhilitan (Dijalankan sebanyak dua kali setahun)
  - World Wildlife Day anjuran Jabatan Perhilitan (Dijalankan sebanyak dua kali setahun)
  - Pertandingan Berbasikal Lasak anjuran Jabatan Perhilitan bersama Majlis Daerah Kuala Langat.

Walau bagaimanapun, Tourism Selangor sentiasa membantu mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan yang terdapat di negeri Selangor termasuk Paya Indah Wetland Dengkil. Pelbagai usaha telah dibuat bagi mempromosikan Paya Indah Wetland Dengkil. Antara usaha tersebut adalah;

- Promosi dalam dan luar negara

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menyertai program promosi dalam dan luar negara untuk tujuan memperkenalkan produk-produk pelancongan dan menarik lebih ramai pelancong datang ke negeri Selangor. Melalui siri-siri promosi tersebut pegawai-pegawai bertugas akan bercerita dan memperkenalkan produk-produk pelancongan termasuk Paya Indah Wetland.

Antara program promosi luar negara yang disertai pada tahun 2014 adalah seperti berikut;

Bil	Program Promosi	Tarikh
1	Asian Tourism Forum Kuching	16 hingga 23 Januari 2014
2	Sales Mission To India	17 hingga 20 Mac 2014
3	Arabian Travel Mart, Dubai	5 hingga 9 Mei 2014

## 2. TS Day Out

Dalam usaha mempromosikan sesuatu produk pelancongan, Tourism Selangor juga menjadikan sesuatu kawasan atau produk sebagai lokasi penganjuran acara sebagai contoh pada 30 Oktober 2013, Tourism Selangor telah menganjurkan acara “TS Day Out” dimana peserta adalah terdiri daripada wartawan dan juga “bloggers”. Usaha ini telah mendapat maklum balas positif daripada wartawan dan “bloggers” melalui media sosial Tourism Selangor.

## 3. Selangor Breakaway

Tourism Selangor telah menerbitkan buku Selangor Breakaway sebagai panduan kepada pembaca mengenali destinasi-destinasi pelancongan negeri Selangor. Buku panduan ini telah disusun mengikut daerah-daerah di negeri Selangor.

Maklumat berkaitan Paya Indah Wetland juga telah dimasukkan di dalam buku Selangor Breakaway agar maklumat aktiviti dan fasiliti yang disediakan memudahkan para pengunjung.

## 4. Promosi melalui website Tourism Selangor

Maklumat berkaitan Paya Indah Wetland juga telah dipaparkan di dalam website Tourism Selangor dengan tujuan mempromosikan tempat tersebut kepada pengguna-pengguna Internet. Medium promosi ini dilihat lebih berkesan kerana maklumat dapat disampaikan kepada pelancong-pelancong dengan lebih cepat dan tepat.

- b) Untuk makluman, Paya Indah Wetland adalah dibawah kelolaan Jabatan Perhilitan Malaysia. Oleh itu, pihak Majlis Daerah Kuala Langat sedang menunggu kelulusan peruntukan untuk menaiktaraf kemudahan awam persekitaran dan juga memperbaiki jalanraya yang rosak. Majlis Daerah Kuala Langat turut membantu dari sudut penyediaan papantanda dan promosi melalui acara acara, buku pelancongan dan media sosial.

Walau bagaimanapun, bagi kemudahan awam dan jalanraya, kerajaan negeri juga sentiasa memantau dan akan membuat tindakan mengikut keperluan dan berjanji setiap projek yang memberikan keuntungan dan kelebihan kepada negeri tetap akan menjadi keutamaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN YEO BEE YIN**  
**(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PERANAN MENTERI BESAR DI ANAK-ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR**

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- Sila senaraikan semua jawatan yang dipegang oleh Menteri Besar di anak-anak syarikat Kerajaan Selangor.
- Sila senaraikan gaji, elaun dan *share option* (jika ada) yang diterima di setiap jawatan tersebut.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Seperti yang termaktub di dalam *Enakmen Perbadanan Syarikat* serta *Memorandum & Article Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri*, Dato' Menteri Besar Selangor akan menjadi Pengurus di dalam Perbadanan dan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

Justeru, selaku Dato' Menteri Besar Selangor, saya menjadi Pengurus di dalam syarikat-syarikat berikut:-

BIL	ANAK SYARIKAT / BADAN BERKANUN	JUMLAH ELAUN SETAHUN (RM)
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	8,000.00
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	341,000.00
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	170,000.00
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	128,000.00
5.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	51,000.00
6.	Selangor State Investment Centre (SSIC)	11,000.00

7.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	11,000.00
8.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB)	10,000.00
9.	Yayasan Selangor	5,000.00
10.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	1,200.00
11.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	1,000.00
12.	Yayasan Warisan Anak Selangor	1,000.00
JUMLAH BAYARAN		740,200.00

Saya menyalurkan seluruh elauan yang saya perolehi di dalam syarikat tersebut di atas kepada Menteri Besar Incorporated (MBI) bagi menyediakan dana untuk digunakan bagi program-program bantuan dan derma serta kemasyarakatan. Bagi jawatan Pengurus, saya tidak menerima sebarang saham anak-anak syarikat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: KESELAMATAN KAWASAN PBT**

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah orang yang telah direkrutkan menjadi "Polis Komuniti" sehingga kini mengikut PBT?
- b) Adakah penguatkuasa PBT terlibat dalam mengawal keselamatan kawasan kejiranan di PBT dan berapakah jumlah yang terlibat?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

PBT tidak merekrut seseorang menjadi Polis Komuniti, tetapi anggota yang terlibat sebagai pasukan kawalan keselamatan kejiranan terdiri daripada ahli jawatankuasa penduduk, rukun tetangga dan sebagainya. Sebagai contoh, di dalam program SEROJA, hanya AJK dan penduduk di pangaspuri tersebut sahaja yang terlibat untuk membuat kawalan keselamatan. Walau bagaimanapun, Bahagian Penguatkuasa PBT serta kerjasama pihak Polis juga terlibat dalam rondaan keselamatan dan pencegahan jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PROJEK PKPS DI HUTAN SG TENGAR UTARA DAN SG AIR TAWAR**

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah luas keseluruhan projek ini?
  - Adakah bantuan khas diberi oleh PKPS kepada pekebun-pekebun sekitar projek ini yang pendapatan merosot akibat haiwan perosak dari hutan yang diterokai
  - Berapa jumlah kos yang telah dilaburkan oleh PKPS di projek tersebut?

**JAWAPAN :**

- Keluasan projek kelapa sawit PKPS di kawasan Sungai Tengar Utara dan Sungai Air Tawar adalah seluas 76.89 hektar.
- Bantuan yang diberi oleh PKPS adalah seperti berikut:
  - PKPS telah sedaya upaya untuk membantu menangani masalah haiwan perosak yang mengganggu pekebun-pekebun. PKPS telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan Jabatan Perhilitan Sabak Bernam dan wakil penduduk tempatan untuk mengalihkan mana-mana perangkap sedia ada di kawasan lain bagi membolehkan perangkap tersebut dipasang di kawasan Sungai Tengar dan Sungai Air Tawar. Pada masa yang sama, PKPS telah menyediakan satu (1) perangkap di kawasan tersebut untuk membantu mengurangkan masalah haiwan perosak yang mengganggu pekebun-pekebun. Monyet–monyet yang telah terperangkap akan dipindah oleh Jabatan Perhilitan ke lokasi lain yang lebih sesuai.
  - Peluang pekerjaan kepada penduduk kawasan Sg. Tengar Utara dan Sungai Air Tawar di projek kelapa sawit tersebut.
- PKPS telah menyediakan peruntukan bagi pembukaan kawasan Sungai Tengar Utara dan Sungai Air Tawar yang merangkumi kerja-kerja pembersihan kawasan sehingga kerja-kerja penanaman anak pokok kelapa sawit berjumlah RM 744,870. Peruntukan tersebut adalah menggunakan sumber dalaman PKPS sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

## **TAJUK: PEWARTAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

284. Bertanya kepada Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah tapak kuil, tokong dan gereja yang telah diwartakan mengikut daerah sejak 2008.
  - b) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam mengikut pecahan kepada kuil, tokong dan gereja pada tahun 2013 dan tahun 2014.

JAWAPAN:

- a) Jumlah tapak kuil, tokong dan gereja yang telah diwartakan / diluluskan sejak 2008 adalah seperti berikut :

SEPANG	TOKONG	0	0	0	1	2	0	0	3
	KUIL	0	0	0	1	0	0	0	1
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
KUALA LANGAT	TOKONG	0	0	2	0	0	0	0	2
	KUIL	0	1	0	0	1	0	0	2
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
KUALA SELANGOR	TOKONG	0	0	0	1	5	1	0	7
	KUIL	0	0	0	1	1	1	1	4
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
HULU SELANGOR	TOKONG	0	0	0	1	0	0	0	1
	KUIL	0	0	4	0	1	0	0	5
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
SABAK BERNAM	TOKONG	0	0	0	0	2	6	5	13
	KUIL	0	0	0	0	0	1	0	1
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>0</b>	<b>2</b>	<b>13</b>	<b>13</b>	<b>24</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>70</b>

Jumlah tapak Rumah ibadat Selain Islam yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam sejak 2008 adalah seperti berikut :

PEJABAT TANAH & DAERAH	JENIS RIBI	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
PTG SELANGOR	TOKONG	1	1	0	2	1	2	0	7
	KUIL	0	0	0	0	0	0	0	0
	GEREJA	0	0	0	0	0	1	0	1
PETALING	TOKONG	1	1	3	1	2	2	0	10
	KUIL	6	4	3	1	0	4	0	18
	GEREJA	3	1	0	1	0	1	0	6
KLANG	TOKONG	8	1	1	1	0	3	1	15
	KUIL	6	2	2	2	0	1	0	13
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
GOMBAK	TOKONG	0	0	1	0	0	2	0	3
	KUIL	3	2	0	0	0	3	0	8
	GEREJA	0	2	0	0	0	1	0	3
HULU LANGAT	TOKONG	3	0	0	1	1	1	0	6
	KUIL	2	1	2	2	1	3	1	12
	GEREJA	4	0	0	0	0	0	0	4

SEPANG	TOKONG	0	0	1	2	0	1	0	4
	KUIL	0	1	0	0	0	0	0	1
	GEREJA	1	0	0	0	0	0	0	1
KUALA LANGAT	TOKONG	0	2	1	0	0	0	0	3
	KUIL	2	0	1	0	0	1	0	4
	GEREJA	2	0	0	0	0	0	0	2
KUALA SELANGOR	TOKONG	0	0	0	4	2	3	0	9
	KUIL	0	0	2	2	1	4	0	9
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
HULU SELANGOR	TOKONG	0	0	0	1	0	2	0	3
	KUIL	0	5	3	0	0	0	0	8
	GEREJA	0	0	1	1	0	0	0	2
SABAK BERNAM	TOKONG	1	1	1	3	1	4	0	11
	KUIL	0	0	0	1	0	1	0	2
	GEREJA	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>43</b>	<b>24</b>	<b>22</b>	<b>25</b>	<b>9</b>	<b>40</b>	<b>2</b>	<b>165</b>

- b) Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal selain Islam mengikut pecahan kepada kuil, tokong dan gereja pada tahun 2013 adalah sebanyak RM 3,147,000.00 dan tahun 2014 adalah sebanyak RM 3,000,000.00 dengan pecahan peruntukan iaitu sebanyak RM 1,500,000.00 untuk tokong, RM 1,050,000.00 untuk kuil & Gudwara dan selebihnya iaitu RM 450,000.00 adalah untuk gereja.

JENIS RIBI	PERUNTUKAN 2013 (RM)	PERUNTUKAN 2014 (RM)
TOKONG	1,445,000.00	1,500,000.00
KUIL & GUDWARA	1,332,500.00	1,050,000.00
GEREJA	369,500.00	450,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>3,147,000.00</b>	<b>3,000,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: MEDAN IKAN BAKAR PANTAI JERAM**

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah yang mengawal kewujudan gerai-gerai ikan bakar di sekitar Pantai Jeram?
- b) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mengenakan cukai kepada peniaga-peniaga ini?
- c) Adakah kerajaan negeri menyediakan kemudahan kepada peniaga untuk menjalankan perniagaan?

**JAWAPAN:**

- a) Gerai-gerai ikan bakar di sekitar Pantai Jeram pada asalnya dibangunkan oleh pengusaha di atas tanah kerajaan yang mendapat kelulusan Sijil Pendudukan Sementara (TOL). Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap MDKS berperanan mengenalpasti lokasi tapak-tapak gerai di seluruh kawasan pentadbiran Majlis untuk dibangunkan dengan sempurna, teratur dan mematuhi peraturan.

Majlis melalui Jabatan Perancangan Pembangunan merancang dan mengenalpasti lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak penjaja dan gerai. Bagi tujuan pemantauan, Jabatan Kawalan Bangunan, Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Perlesenan memastikan tiada pertambahan penjaja tidak berlesen di Pantai Remis.

- b) Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah mengenakan cukai taksiran ke atas 49 unit gerai makan di daerah Kuala Selangor mulai daripada tahun 2010 seperti berikut :-

BILANGAN GERAI	NILAI TAHUNAN (RM)	CUKAI TAKSIRAN (RM)
49 UNIT	162,840.00	13,027.20

Daripada jumlah tersebut, terdapat 3 unit gerai yang telah dikenakan cukai bagi kawasan Jeram iaitu :-

- i) Aroma Ikan Bakar
  - ii) Narmi Seafood
  - iii) Abdullah bin Awang Kechik
- c) Terdapat sebuah pusat Medan Ikan Bakar yang telah disediakan oleh pihak Majlis iaitu Medan Ikan Bakar Pantai Jeram

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: ANUGERAH TOKOH BELIA**

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan anugerah tokoh belia yang pernah diberikan oleh kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga kini dan penerimanya?
  - Apakah kerajaan negeri bercadang memperbanyakkan anugerah tokoh belia di masa akan datang?

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri telah menyediakan anugerah kepada tokoh belia sebagai penghargaan kepada mereka dan telah disampaikan melalui program Sambutan Hari Belia yang telah diadakan pada 24 Ogos 2013 (Sabtu) bertempat di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. Senarai Anugerah dan tokoh belia yang diberikan adalah sebagaimana berikut :-
  - Anugerah Khas - Mohd Zainuddin bin Ghazali
  - Anugerah PeBT PBT – Majlis Perbandaran Klang (MPK)
  - Tokoh Integriti - Dato' Nik Aziz bin Nik Mat
- Kerajaan Negeri bercadang untuk memperbanyakkan anugerah tokoh belia di masa akan datang dalam usaha untuk memberikan penghargaan terhadap penglibatan dan sumbangan golongan belia di dalam menjayakan program-program yang telah dijalankan di samping sebagai penyunting semangat kepada golongan belia yang lain untuk terus bergerak maju selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan golongan belia sebagai pemacu kepada pembangunan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PUSAT KAFE SIBER**

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan masa hadapan dan usaha yang sedang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengurangkan aktiviti pusat siber haram yang semakin berluasa.

**JAWAPAN:**

- a) Usaha Kerajaan Negeri adalah seperti:-
- i. Menambah bilangan anggota penguatkuasa di PBT;
  - ii. Mempergiatkan rondaan dan operasi bersepadu;
  - iii. Merangka deraf Enakmen Pusat Cyber Cafe Negeri Selangor yang mengandungi langkah-langkah menangani aktiviti pusat siber haram di kawasan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KEMISKINAN BANDAR DI SELANGOR**

288. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah pendapatan isi rumah yang dikategorikan sebagai kemiskinan bandar?
  - Apakah langkah kerajaan negeri untuk membantu golongan miskin bandar menghadapi kos sara hidup yang tinggi?

**JAWAPAN:**

- Sehingga 31 Mei 2014, jumlah pendapatan isi rumah yang dikategorikan sebagai kemiskinan bandar di Selangor adalah sebanyak RM1,500.00 dan terpakai kepada semua rakyat negeri Selangor tanpa mengikut kawasan geografi.
- Seperti mana yang kita maklum, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu golongan miskin bandar. Antara langkah Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin bandar adalah dengan melaksanakan Program Mikrokredit. Program ini dilancarkan pada 3 Mac 2011 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) Selangor merupakan pinjaman mikrokredit Qardul Hasan iaitu tanpa faedah & caj pengurusan. MiMBAR Selangor adalah salah satu program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan.

Selain itu terdapat beberapa program yang dijalankan di bawah Standco Kemiskinan seperti :

- Program Bantuan Blueprint Kemiskinan**  
Program ini dilaksanakan dengan memberi bantuan kepada golongan miskin untuk meningkatkan pendapatan melalui pemberian barang-barang seperti mesin dan peralatan. Mesin dan peralatan ini diberikan supaya penerima yang terdiri daripada golongan miskin, dapat memulakan perniagaan kecil-kecilan untuk meningkatkan pendapatan penerima.

ii. **Program Kemahiran Teknikal Kerajaan Negeri Selangor bersama Kolej Antarabangsa INPENS**

Program ini dilaksanakan dengan memberikan penajaan kos pembayaran yuran kepada pelajar-pelajar miskin yang diterima masuk ke Kolej Antarabangsa INPENS. Had pendapatan isi rumah yang layak memohon bantuan ini ialah sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah. Jumlah tajaan yang diterima oleh seorang pelajar adalah sebanyak RM6,550 untuk satu tahap bersamaan dengan enam bulan tempoh pengajian.

iii. **Pemberian Bantuan Perayaan kepada Golongan Miskin** Bantuan ini diberikan dalam bentuk baucer yang berjumlah RM100.00 kepada semua golongan miskin bagi meringankan beban mereka untuk membuat persediaan menyambut perayaan masing - masing. Bantuan ini diberikan kepada semua ADUN.

Untuk makluman, terdapat beberapa lagi standco lain yang turut melaksanakan program bagi membantu golongan miskin bagi menghadapi kos sara hidup yang tinggi antaranya seperti Program Si KEMBAR, TUNAS, Tuisyen Rakyat dan banyak lagi program yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK**

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan rumah mampu milik yang telah dibina oleh PKNS, LPHS, PNSB dan pihak swasta mengikut daerah serta parlimen sejak tahun 2008 hingga 2014?
- b) Nyatakan sasaran dan berapa pendapatan rakyat yang layak untuk membeli rumah mampu milik?

**JAWAPAN:**

- a) Rumah Mampu Milik yang telah dibina oleh PKNS sejak tahun 2008 hingga 2014.

Bil.	Daerah	Lokasi	Bil. Unit	Jenis Rumah
1.	Gombak	Bukit Botak	1,422	R / Berkembar
2.	Hulu Langat	Bandar Baru Bangi	124	Pangsapuri
3.	Petaling	Seri Kejora, Subang Bestari	254	Pangsapuri
		<b>Jumlah</b>	<b>1,800</b>	

- b) Merujuk kepada Dasar Rumah SelangorKu, penetapan jenis rumah adalah mengikut pendapatan pembeli yang layak seperti berikut:-

Jenis Bangunan Kediaman	Luas Binaan (kp)	Harga Jualan (maksimum)	Keutamaan / Pendapatan (RM)
Rumah Selangorku Jenis A	700	42,000	3,000
Rumah Selangorku Jenis B	750	100,000	
Rumah Selangorku Jenis C	**800	150,000	6,000
	**900	180,000	
	*18 x 60	200,000	
Rumah Selangorku Jenis D	1,000	220,000	8,000
	*20 x 60	250,000	

**Nota :**

**\* Jenis Landed – Rumah Teres 1 Tingkat / 2 Tingkat bagi ZON 2 & ZON 3**

**\*\* Boleh disediakan dengan Jenis Rumah Town House 2 Tingkat khususnya di ZON 2 & ZON 3**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan kemudahan yang disediakan untuk golongan OKU di bangunan kerajaan dan GLC negeri?
  - Apakah dasar kerajaan tentang penyediaan kemudahan untuk OKU di premis milik kerajaan dan swasta?
  - Nyatakan pihak yang bertanggungjawab memantau kemudahan OKU yang disediakan?

**JAWAPAN:**

- a) Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan golongan OKU dapat menikmati dan mengakses kemudahan yang disediakan sama ada di bangunan-bangunan kerajaan dan GLC negeri. Bagi bangunan kerajaan sedia ada, Kerajaan Negeri telah menetapkan supaya setiap bangunan dinaiktaraf untuk mudah diakses oleh golongan OKU seperti tandas, TLK, ramp dan sebagainya serta menyediakan kaunter khas bagi memudahkan golongan OKU berurusan di kaunter.

Bagi bangunan swasta pula, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengeluarkan notis arahan kepada pemilik bangunan, iaitu di pasar raya dan kawasan komersial untuk menyediakan kemudahan asas seperti tandas, TLK, ramp dan laluan pejan kaki bertanda bagi kemudahan golongan ini.

Manakala bagi pembangunan baru, setiap pemaju perumahan telah disyaratkan untuk menyediakan kemudahan OKU di setiap projek pembangunan perumahan melalui syarat pemberian kelulusan di peringkat pelan kebenaran merancang (Jabatan Perancang) dan pelan bangunan (Jabatan Bangunan) di setiap PBT. Ianya perlu dipatuhi oleh setiap kontraktor sebagaimana yang telah digariskan dalam pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui Seksyen 34A. Dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan ini, Negeri Selangor akan terus memastikan keperluan golongan OKU tidak dipinggirkan dalam semua aspek dan akan memastikan mereka mendapat hak yang sama seperti masyarakat normal.

Selain daripada itu, beberapa kemudahan asas seperti tempat meletak kenderaan OKU telah disediakan bagi kemudahan golongan ini mengakses serta berdekatan dengan pintu masuk, penyediaan *ramp* yang menepati piawaian antarabangsa, tandas khas kepada OKU dan pelekat kenderaan OKU bagi memudahkan golongan ini meletak kenderaan di dalam ruang tempat letak kenderaan yang dikhaskan untuk OKU dengan pengecualian bayaran.

- b) Dasar kerajaan tentang penyediaan kemudahan untuk OKU adalah mengikut piawaai Malaysia MS1183, MS 1184, MS 1331 dan juga beberapa garis panduan yang telah ditetapkan dan dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perancang dan Desa dan juga Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976.
- c) Pemantauan ke atas kemudahan OKU telah dipantau sepenuhnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan tahap kemudahan OKU mencapai piawaian yang telah ditetapkan samada di bangunan kerajaan dan bangunan GLC atau swasta.

Selain daripada itu, pihak PBT juga akan memastikan setiap pembinaan baru yang akan dibangunkan perlu mematuhi syarat yang telah digariskan di dalam pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui Seksyen 34A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : PELANCONGAN PENDIDIKAN**

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:

- Adakah lambakan kolej-kolej swasta di negeri Selangor membantu menambahkan jumlah pelancongan di negeri ini?
- Berapakah anggaran ketibaan pelancong dari pelancongan pendidikan?

**JAWAPAN:**

- Selangor boleh dikatakan sebagai hub pendidikan bagi Malaysia, kerana kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi Awam, utama di Malaysia berada dalam negeri Selangor seperti berikut :

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM</b>	<b>LOKASI / DAERAH</b>
Universiti Islam Antarabangsa ( UIA )	Gombak
Universiti Teknologi Mara ( UITM )	Shah Alam
Universiti Kebangsaan Malaysia ( UKM )	Bangi
Universiti Putra Malaysia ( UPM )	Serdang
Universiti Malaya ( UM )	Petaling Jaya
Kolej Universiti Islam ( KUIS )	Bangi
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz	Shah Alam
Politeknik Sultan Idris	Sabak Bernam
Darul Quran	Hulu Selangor

Selain daripada terdapat banyak Institusi Pengajian Tinggi Swasta serta kolej-kolej swasta yang menawarkan pelbagai kursus dan fakulti pengajian untuk para pelajar daripada seluruh negara melanjutkan pelajaran mereka . Berikut adalah IPTS yang popular terletak di negeri Selangor.

<b>INSTITUSI PENGAJIAN SWASTA</b>	<b>LOKASI / DAERAH</b>
Universiti Selangor ( UNISEL )	Bestari Jaya / Shah Alam
Management And Science Universiti ( MSU)	Shah Alam
Multimedia Universiti ( MMU )	Cyberjaya
Lim Kok Wing Universiti	Cyberjaya
Taylors Kolej And Universiti	Subang Jaya
Sunway Kolej And Universiti	Subang Jaya
Monash Universiti	Subang Jaya
Metropolitan Kolej And Universiti	Subang Jaya
Segi Kolej	Kota Damansara
MAHSA Kolej	Kajang
Rangkaian UNIKL	Gombak / Kajang
GMI French Institut	Bangi
Univeristi TNB ( UNITEN )	Bangi
Universiti Tunku Abdul Rahman ( UTTAR )	Petaling Jaya
Kolej PTPL	Shah Alam

Selain daripada terdapat banyak Institusi Pengajian Tinggi Swasta serta kolej-kolej swasta yang menawarkan perlbagai kursus dan fakulti pengajian untuk para pelajar daripada seluruh negara melanjutkan pelajaran mereka .

Tourism Selangor juga semakin giat mengadakan kerjasama bersama dengan universiti di Selangor terutamanya bersama UNISEL mengadakan promosi di dalam dan luar negara antaranya ialah :

- i. Taranasa Travel Fair, Filipina 2011
- ii. Roadshow Selangor Shines, Indonesia (Riau, Pekan Baru, Medan) 2012
- iii. Roadshow Selangor Shines, Pantai Timur (Pahang, Terengganu, Kelantan ) 2012
- iv. Roadshow Selangor Shines, Kuching dan Miri 2013

- b) Pelancongan pendidikan juga dapat menarik lebih ramai pelajar asing, secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kedatangan pelancong dan mempertingkatkan ekonomi negeri Selangor. Selain itu, pelajar ini turut menjadi duta kecil industri pendidikan di Selangor dengan berkongsi cerita pengalaman manis mereka sewaktu menuntut ilmu di Selangor. Secara tidak langsung, duta kecil ini membantu mempromosi dan menwar-warkan tarikan produk pelancongan yang terdapat di negeri Selangor dengan kedatangan lebih ramai rakan taulan dan keluarga ke Selangor khasnya dan ke Malaysia amnya.

Walau bagaimanapun selain pelajar tempatan, terdapat juga ramai pelajar antarabangsa dari luar negara yang melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia. Berikut adalah pecahan pelajar dari luar negara yang tertinggi melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia.

Bil	Rantau	Negara
1.	Asean	i. Indonesia ii. Thailand iii. Brunei iv. Filipina v. Vietnam
2.	Asia	i. Bangladesh ii. China  iii. India iv. Pakistan
3.	Timur Tengah / Arab	i. Iran ii. Iraq iii. Yemen iv. Arab Saudi v. Jordan
4.	Negara Afrika	i. Bostwana ii. Libya iii. Maldives iv. Nigeria v. Somalia vi. Sudan

Berikut adalah jumlah pelajar antarabangsa yang sedang menuntut di IPTS di seluruh Negeri Selangor bagi tahun 2013.

IPTS	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah
Universiti	11,324	5,270	16,594
Kampus Cawangan	1,500	1,077	2,577
Kolej Universiti	947	1,288	2,235
Kolej	3,407	2,189	5,596
Jumlah	17,178	9,824	27,002

(\*Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: BANDAR SELAMAT**

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah pertambahan jumlah lampu dan CCTV yang dipasang untuk tujuan keselamatan? Nyatakan kos yang dibelanjakan.
  - Apakah inisiatif baharu melalui PBT dalam mewujudkan perbandaran selamat?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah memasang sebanyak 414 unit CCTV di seluruh Negeri Selangor dimana pencahayaan tambahan juga telah dipasang oleh setiap PBT di kawasan CCTV tersebut.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah awal ke arah Perbandaran Selamat seperti berikut:-

- Menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di setiap PBT bagi memberi bantuan awal ketika berlakunya kecemasan antaranya banjir kilat, kebakaran dan kemalangan. Selain itu, pasukan ini juga telah diberikan latihan khas secara '*Smart Partnership*' dengan pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) bagi pengajuran latihan dan kursus secara berterusan (*on-going*);
- Memberi peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiran atau Polis Komuniti di semua kampung Tradisi, Kampung Baru/Bagan/Tersusun dan Komuniti India;
- Melaksanakan Skim Rondaan Keselamatan Dan Kejiran Pangsapuri Negeri Selangor (SEROJA) melalui penyelarasan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS) kepada komuniti di pangsapuri-pangsapuri terpilih sebagai perintis. Selain itu, PBT telah menyediakan bantuan peralatan rondaan seperti rotan, wisel dan lampu suluh; dan
- Melaksanakan NKRA: Bandar Selamat di setiap PBT dengan kerjasama pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) seperti yang telah digariskan oleh Majlis Negara untuk Kerajaan Tempatan pada Oktober 2004.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: MAKTAB KELAS TAHFIZ SAINS DI BANGUNAN YAYASAN SELANGOR  
BAGAN TERAP,SABAK BERNAM**

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Bilakah pelajar-pelajar yang ada akan mula belajar di bangunan tersebut?
  - Berapakah kos membaik pulih bangunan-bangunan tersebut?
  - Berapakah pelajar dan tenaga pengajar yang telah terpilih untuk program tersebut?

**JAWAPAN :**

- Bangunan MITS Bagan Terap dijangka boleh digunakan oleh pelajar pada tahun 2015.
- Kos yang telah dianggarkan oleh pihak JKR Selangor ialah sebanyak RM4 juta . Sekarang proses penyediaan dokumen tender sedang dilaksanakan bagi memastikan kerja dapat dimulakan pada tahun ini juga.
- Pada Tahun 2014 jumlah pelajar MITS Bagan Terap seramai 260 orang,jumlah tenaga pengajar pula seramai 46 orang

**PERTANYAAN –PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDI BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: LINGKARAN HIJAU DI BANDAR BARU SELAYANG.**

294. Projek Lingkaran Hijau di Bandar Baru Selayang telah lama tertangguh.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Projek Lingkaran Hijau di Bandar Baru Selayang?
- b) Apakah permasalahan yang wujud?
- c) Bilakah projek ini akan siap?

**JAWAPAN:**

- a) Projek ini telah ditamatkan kontrak pada 25 November 2013 mengikut Fasal 52.1 Syarat-syarat kontrak - atas dasar kepentingan Negara.
- b) Masalah projek ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri berhadapan dengan masalah pengambilan balik tanah di sebahagian lokasi projek ini iaitu di CH0.600 hingga CH1.800 dimana tuan tanah telah membawa kes ini ke mahkamah dan pihak Kerajaan Negeri menjangkakan jalan penyelesaian akan berpanjangan dengan isu-isu rayuan daripada pihak-pihak terlibat.
- c) Projek ini perlu ditender semula sekiranya hendak diteruskan. Tarikh jangka tender semula dan siap projek ini bergantung kepada keputusan mahkamah.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **BUTIRAN-BUTIRAN KONTRAK**

- i. Tajuk Kontrak : Cadangan Membina dan Menyiapkan Laluan Hijau Bandar Baru Selayang ke Jalan Sungai Tua/Bukit Boyan (B23), Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- ii. No Kontrak : JKR / SEL / 351 / 2012
- iii. Syarat-syarat Kontrak : JKR 203A (REV.1/2010)
- iv. Harga Kontrak Asal : RM 44,599,035.00
- v. Pegawai Penguasa : Pengarah JKR Selangor
- vi. Nama Kontraktor : Jurumart Sdn Bhd
- vii. Tarikh Milik Tapak : 15 Mac 2012
- viii. Tarikh Siap Asal : 25 September 2013
- ix. Tarikh Siap Dilanjutkan : 2 Disember 2013  
(klausa 43(g) – 68 hari)
- x. Tarikh Penamatan Kontrak : 25 November 2013  
(klausa 52.1 – atas dasar  
kepentingan Negara)
- xi. Status Kes Mahkamah :
- 1) PUU telah mengemukakan notis usul kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan. Menunggu tarikh bicara.
  - 2) Perintah penggantungan perintah mahkamah rayuan bertarikh 26 Februari 2014 telah diterima pada 28 Ogos 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: NELAYAN SUNGAI**

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah nelayan sungai yang berdaftar di Selangor dari 2008 hingga kini mengikut tahun?
  - Senaraikan bantuan yang diberikan kerajaan negeri kepada nelayan sungai dari 2008 hingga kini mengikut DUN?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Y.B, Jabatan Perikanan Selangor baru menjalankan pendaftaran nelayan sungai awal tahun 2012 dan hasil dari situ berikut ialah senarai nelayan darat di Selangor. Nelayan terbahagi kepada 2 iaitu nelayan sambilan dan nelayan tulen. Syarat bagi nelayan tulen seperti berikut:  
Nelayan perlulah mengusahakan aktiviti menangkap ikan:
  - Melebihi 25 hari dalam sebulan; dan
  - Pendapatan bulanan daripada kegiatan menangkap ikan menyumbang kepada 25 peratus dan lebih dari pendapatan yang terkumpul dalam bulan tersebut; dan
  - Tidak mempunyai pekerjaan tetap yang lain.

Dan jika tidak memenuhi syarat di atas akan dikira sebagai Nelayan Sungai Sambilan.

- Y.B, bantuan yang diberikan kepada nelayan darat lebih kepada bantuan untuk pelepasan umum yang mana cara untuk menambahkan stok ikan/udang yang sedia ada. Di samping itu, peruntukan yang diterima digunakan bagi menjalankan program inventori sungai yang bertujuan mengenal pasti spesies yang ada dalam sungai terlibat. Untuk makluman Y.B program pelepasan dijalankan bermula tahun 2010 dan berikut ringkasan program yang dijalankan seperti di lampiran A.

**LAMPIRAN A****PELEPASAN UMUM 2010**

BIL	TARIKH	LOKASI	DAERAH	SPESIS	JUMLAH	NILAI	SUMBER
					(EKOR)	( RM )	BENIH
1	25.3.10	Kunci Air Buang	Kuala Selangor	Udang Galah	44000	2640.00	PPUG. Kg. Aceh
2	27.5.10	Kunci Air Buang	Kuala Selangor	Udang Galah	36000	2160.00	PPUG. Kg. Aceh
3	1.6.10	Paya Indah Wetlands	Sepang	Lampam	30000	6000.00	PPA Perlok
		Perhilitan Dengkil					
4	9.7.10	Sg. Hulu Langat	Hulu Langat	Lampam Sungai	50000	10000.00	PPA Perlok
5	25.8.10	Sg. Tengi	Kuala Selangor	Udang Galah	54000	3240.00	PPUG. Kg. Aceh
6	30.9.10	Sg. Buah Dengkil	Sepang	Baung	5000	3500.00	Swasta
				Patin	5000	3000.00	Swasta
7	15.10.10	Sg. Langat	Kuala Langat	Udang Galah	50000	3000.00	PPUG. Kg. Aceh
8	14.12.10	Sg. Hulu Langat	Hulu Langat	Udang Galah	50000	3000.00	PPUG. Kg. Aceh
9	14.12.10	Kunci Air Buang	Kuala Selangor	Udang Galah	50000	3000.00	PPUG. Kg. Aceh
10	21.12.10	Ban Canal Tjg Karang	Kuala Selangor	Baung	11000	2200.00	PPA Perlok
					11000	7700.00	Swasta
<b>JUMLAH</b>					<b>396000</b>	<b>49440.00</b>	

**PELEPASAN UMUM 2011**

BIL	TARIKH	SPESIES	SAIZ	JUMLAH	NILAI (RM)	LOKASI	DAERAH
1	21.2.11	U/galah	PL 18	62000	3720.00	Sg. Langat	Kuala Langat
2	23.3.11	Baung	3-4 inci	20000	4000.00	Ban Canal	Kuala Selangor
3	19.4.11	Baung	3-4 inci	40000	8000.00	Kg. Kelip-Kelip	Kuala Selangor
4	12.5.11	Baung	3-4 inci	5000	3000.00	Ban Canal	Kuala Selangor
5	24.6.11	Lampam	3-4 inci	30000	6000.00	Ampangan Sg.	Hulu Selangor
6	14.9.11	U/Galah	PL 18	30000	1800.00	Sg. Bernam	Sabak Bernam
		U/Galah	PL 18	30000	1800.00	Sg. Langat	Kuala Langat
7	21.9.11	Ikan Kelah	3 inci	1500	7500.00	Sg. Chiling	Hulu Selangor
8	5.10.11	Patin	3 Inci	1500	975.00	Sg. Semenyih	Hulu Langat
		Baung	3 inci	3500	2450.00	Sg Semenyih	Hulu Langat
9	23.10.11	Baung	3 inci	7000	4900.00	Ban Canal	Kuala Selangor
10	15.12.11	Lampam Sungai	1 inci	33000	350.00	Tasik Taman	Gmbak/ Petaling
		Lampam Jawa	1 inci	7000	3300.00	Agrotek, Batu Arang	
11	21.12.11	Lampam Sungai	1 inci	6600	660.00	Tasik Taman	Gmbak/ Petaling
						Agrotek, Batu	
		Lampam Jawa	1 inci	35900	1795.00	Arang	
<b>JUMLAH</b>				<b>313000</b>	<b>50250.00</b>		

**PELEPASAN UMUM 2012**

BIL	TARIKH	SPESIS	SAIZ	JUMLAH	NILAI (RM)	LOKASI	DAERAH
1.	6.1.12	Lampam Sungai Baung	3 Inchi 3 inchi	10000 5000	6000 3500	Ban Canal	K.Selangor
		Lampam Sungai Baung	3 Inchi 3 Inchi	10000 5000	6000 3500	Kg.Kuantan	K.Selangor
2.	1.2.12	Baung Sebarau	3 Inchi 1 Inchi	5000 7000	- -	Sg.Serai Bt 14, H.Langat	H.Langat
3.	9.2.12	Baung Patin Lampam Sungai	3 Inchi 3 Inchi 3 Inchi	11000 8500 10000	7700 5100 6000	Sg.Buah, Dengkil.	Sepang
4.	19.4.12	Udang Galah	PL 18	124500	7470	Kg.Kuantan & Kg.Sepakat	K.Selangor
<b>JUMLAH</b>				<b>196000</b>	<b>45270</b>		

**PELEPASAN UMUM 2013**

BIL	Tarikh	Nama Sg/Tasik/ Empangan	Lokasi (Tempat/ Daerah)	Spesis Ikan Yg Dilepaskan	Saiz Purata Benih (Inchi)	Bil.Benih (Ekor)	Sumber Benih Diperolehi	VVIP Terlibat	Anggaran Bi.Nelayan Terlibat (Orang)	Anggaran Kos Yang Diperlukan (Rm)
1	27/3/14	Ban Canal / Sg.Darah	K.Selangor	Baung / Lampam Sg.	3	10000	Swasta / Bkt Tinggi	YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS (ADUN)	12	5000
2	27/2/14	Kg.Kuantan		Udang galah	-	150000	PPUG	YB DATO' HJ IRMOHIZAM BIN IBRAHIM (PARLIMEN K.SELANGOR)	10	-
3	29/5/14	Sg.Tengi	H.Selangor	Baung/ Lampam	3	10000	swata	YB DATUK ROSNI BIN SOHAR (ADUN)	25	5000
4	28/1/14	Sg.kerling		Lampam sungai	3	30000	Bkt tinggi / Perlok	-YB LEE KEE HIONG (ADUN) -YDP MDHS	150	4500
5	24/4/14	Sg.Chilling		Kelah	3	10000	Perlok	YB LEE KEE HIONG (ADUN)	50	-
6	25/9/14	Sg.Panjang	Sabak Bernam	Baung / Udang galah	3	10000	swasta	YB TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI (ADUN)	20	5000
7	28/8/14	Sg.Beranang	H.Langat	Lampam Sg.	3	10000	Swasta / bkt tinggi	YB ELIZABETH WONG (EXCO PELANCONGAN SELANGOR)	-	4500
						210000				24000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: LAMPU LED**

296. Bertanya kepada Dato' Menteri Besar:
- Apakah peraturan-peraturan yang digubalkan oleh kerajaan negeri terhadap pengusaha dalam memastikan lampu LED yang dipasang bermutu tinggi (gred IP.66)?
  - Adakah sebarang insentif diberi kepada pengusaha yang bersedia memasang lampu LED dalam projek mereka?

**JAWAPAN:**

- Lampu Light Emitted-Diodes (LED) yang dipasang hendaklah mempunyai pematuhan *standard* yang telah diiktiraf oleh pihak Jabatan Kerja Raya melalui *Electrical Material Approved List (EMAL)* dan semakan senarai lampu LED yang diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya boleh diperolehi melalui laman web [jmal.jkr.gov.my](http://jmal.jkr.gov.my).
- Kerajaan Negeri tidak mewajibkan PBT untuk memberi sebarang insentif kepada pengusaha atau pemaju yang bersedia memasang lampu LED dalam projek mereka dan ini bergantung kepada keperluan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: KESESAKAN DALAM BANDAR**

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan kawasan PBT di Selangor yang mengalami masalah kesesakan jalan raya dalam bandar yang teruk?
  - b) Apakah faktor yang menyebabkan masalah kesesakan ini?
  - c) Apakah tindakan PBT dan kerajaan negeri bagi menangani masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kebanyakan kawasan Pusat Bandar di kawasan PBT terkenal dengan masalah kesesakan seperti Pusat Bandar Petaling Jaya, Pusat Bandar Klang, Pusat Bandar Ampang Jaya, Pusat Bandar Subang Jaya dan Pusat Bandar Kajang.
- b) Antara faktor yang menyebabkan masalah kesesakan dalam bandar adalah:-
  - i. Pertambahan bilangan kenderaan persendirian yang ketara setiap tahun;
  - ii. Sistem pengangkutan awam yang tidak efisyen dan menyeluruh;
  - iii. Sistem aliran trafik atau lalulintas yang diwarisi kurang terancang;
  - iv. Terdapat projek pembangunan infrastruktur yang mengganggu aliran lalulintas; dan
  - v. Pertumbuhan perbandaran dan kawasan-kawasan kediaman baru di bandar utama seperti Subang Jaya, Puchong dan Petaling Jaya.

c) Tindakan Kerajaan Negeri dan PBT adalah:-

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Peringkat Negeri Selangor bagi membincangkan aspek-aspek berkaitan cadangan pembangunan pengangkutan awam yang telah dikemukakan serta jajaran jalan dan lebuhraya;
- ii. Penyelarasian di peringkat Majlis Pengangkutan Awam Selangor (MPAS) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor;
- iii. Kerajaan Negeri komited dan menyokong usaha Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan pengangkutan awam dalam menaiktaraf kemudahan awam contohnya BRT, LRT, MRT dan High Speed Rail; dan
- iv. PBT telah melaksanakan perkhidmatan bas percuma contohnya di MBSA & MBPJ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PENTAS KEBUDAYAAN DI ATAS BUKIT MALAWATI**

298. Di setiap hujung minggu dan cuti umum, Bukit Malawati menjadi tumpuan pengunjung atau pelancong.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tidak ada cadangan dari pihak Kerajaan Negeri/PBT untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan di pentas tersebut, bagi menambah produk pelancongan sebagai daya tarikan?

**JAWAPAN:**

- a) Aktiviti kebudayaan di Laman Budaya, Bukit Malawati telah dicadangkan untuk dilaksanakan sekali dalam sebulan bagi tahun 2014 dengan pelbagai persembahan dan pertandingan kebudayaan yang bersesuaian seperti yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan MDKS bil.2/2014 yang bersidang pada 21hb Mei 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: TANAH PERKUBURAN ISLAM**

299. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan berapa jumlah tanah perkuburan yang berdaftar dengan PBT serta JAIS di seluruh negeri Selangor?
- Nyatakan tanah perkuburan Islam ini sebenarnya di bawah penyelenggaraan dan pemantauan siapa?
- Apa tindakan kerajaan dalam menangani isu tanah perkuburan yang tidak mendapat kelulusan dari JAIS?

**JAWAPAN :**

- Berikut adalah senarai jumlah tapak perkuburan Islam di negeri Selangor:

Jumlah Keseluruhan										
Aset/ Daerah	Petaling	Kuala Selangor	Sabak Bernam	Hulu Langat	Hulu Selangor	Gombak	Klang	Kuala Langat	Sepang	Jumlah
Kubur	33	59	49	64	51	52	53	68	36	465

- Berdasarkan Majlis Mesyuarat Dewan di Raja Selangor Yang ke -133 pada 12 November 2012 telah memutuskan agar pihak MAIS dan JAIS melaksanakan pengurusan tanah perkuburan di seluruh Negeri Selangor.
- Pihak JAIS akan merujuk perkara ini setiap *case by case*. Dimana tindakan awalan adalah merujuk pandangan daripada Jabatan Mufti sama ada terdapat keperluan untuk mewartakan atau memindahkan tapak perkuburan terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: SIASATAN TERHADAP *BIBLE SOCIETY***

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah perkembangan terkini siasatan pihak JAIS terhadap Bible Society yang mencetak Bible dalam bahasa Melayu?
  - b) Apakah pihak JAIS akan memulangkan Bible yang dirampas?
  - c) Apakah ada perundingan penyelesaian kes sebelum di bawa ke mahkamah?

**JAWAPAN:**

- a) Kertas siasatan telah dilengkapkan dan diserahkan kepada pihak Peguam Negara.
- b) Belum diputuskan.
- c) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PENIAGA DAN TAPAK PENJAJA KECIL**

301. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Gerai MPK pekan Meru (Jalan Kenangan dan depan 7Eleven) yang uzur dan kotor. Mengapa tiada kajian untuk naiktaraf atau pindah?
- b) Mengapakah tidak dirancangkan pembinaan baru dan lebih besar di tanah kerajaan kosong di Pekan Meru? Akibatnya diceroboh.
- c) Apakah inisiatif MPK membantu penjaja kecil tak lulus lesen sebab status tapak tanah pertanian dalam Bandar?

**JAWAPAN:**

- a) Kedua-dua lokasi gerai ini adalah termasuk di dalam perancangan untuk pembangunan semula dan cadangan naik taraf serta pemindahan ke Pusat Penjaja yang moden serta teratur dan pengindahan kawasan selaras dengan Plan Rancangan Tempatan Klang (Pengubahan 1) 2020. Majlis perlu menyediakan bajet dan peruntukan mencukupi untuk pelaksanaan cadangan tersebut yang dianggarkan sebanyak RM 1 Juta.

Majlis juga bekerjasama dengan pemilik-pemilik dan pemaju tanah-tanah persendirian untuk memperuntukan sebahagian tanah pembangunan untuk pembinaan Pusat-pusat penjaja baru.

- b)
  - i- Dimaklumkan tiada terdapat tanah kerajaan yang kosong dan besar di Pekan Meru.
  - ii- Tiada halangan atau permohonan daripada individu atau penduduk / persatuan penjaja berkenaan cadangan tapak penjaja bagi tujuan penggunaan tanah kerajaan.
  - iii- Permohonan tanah kerajaan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah Klang.

c)

- i- Penjaja-Penjaja yang menjalankan perniagaan di atas tanah pertanian boleh diberikan lesen perniagaan dimana pemberian lesen adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Seperti:
  - Tiada halangan lalulintas
  - Tiada aduan awam
  - Mendapat kebenaran pemilik tanah
- ii- Selain itu Majlis juga ada menyediakan tapak-tapak penjaja di bawah Program Tapak 3P (Program Penyusunan Penjaja) bagi menempatkan penjaja yang berselerak.
- iii- Penjaja-penjaja juga diberi peluang memohon permit pasar malam/pagi atau gerai majlis.